

SEJARAH
INDO-CHINA
MODERN

1914 2777 790 228
12807 603-0180-9

SEJARAH INDO-CHINA MODERN

PERKEMBANGAN SOSIOPOLITIK
HINGGA ABAD KE-20

Philippe Devillers

Maitre de recherche au C.N.R.S.

Terjemahan
Ruhanas Harun

098018

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1988

1988 JUL 8 1

KK 959 - 3773 4101
ISBN 983-62-0386-9

Buku ini adalah terjemahan yang sah daripada buku *L'Asie du sud-Est, Tome II* karangan Philippe DEVILLERS, terbitan Editions SIREY, 1971
© Editions SIREY 1971.

Cetakan Pertama 1988
©Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1988

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh Pantas Set Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

619260

M
959.05
DEV

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
\$25.00

19 JUL 1993
Pusat Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Prakata Editor	xi
Peta Indo-China	xiii

BAHAGIAN I

<i>KEMBOJA</i>	1
----------------	---

1 - DUA RIBU TAHUN DALAM SEJARAH	3
- Orang Mon dan Orang Khmer	5
- Empayar Angkor	8
- Menghadapi Ancaman Siam dan Vietnam	13
- Campur Tangan Perancis	19
2 - <u>DI BAWAH NAUNGAN PERANCIS</u> (1863-1945)	25
- Pembaharuan dan Pembangunan	31
- Pemerintahan Sisowath (1904-1927) dan Monivong (1927- 1941)	35
- Norodom Sihanouk: Awal Pemerintahan	<u>46</u>
3 - PERMULAAN NASIONALISME KHMER	53
- Kedatangan Semula Perancis dan "Modus-Vivendi" 7 Januari 1946	57
- Penubuhan Parti Demokrat dan Pilihanraya September 1946	61
- Perlembagaan 6 Mei 1947 dan Pemerintahan	

	Dewan Perhimpunan	67
	- "Mandat Diraja"	72
	- Perjuangan ke Arah Kemerdekaan	76
4 -	SANGKUM, PERKECUALIAN DAN NASIONALISME KHMER	83
	- Sangkum, Perhimpunan dan Barisan Kebangsaan	83
	- Berkecuali	86
	- Kemunculan Semula Ancaman-ancaman Lama	89
	- "Perkecualian" Laos dan Kemboja	96
	- "Sosialisme Khmer"	102
	- "Perpaduan Indo-China"	104
	- Pengiktirafan Sempadan dan Berkecuali	106
	- Putera Sihanouk, Sangkum dan Percubaan Thailand	110
	- Lon Nol Menggulingkan Sihanouk. Perang Saudara dan Campur Tangan Asing	114

BAHAGIAN II

LAOS 125

5 -	PERSPEKTIF SEJARAH	127
	- Asal Usul	129
	- Lan Xang (Negeri Sejuta Gajah)	130
	- Perluasan Kuasa Siam	132
	- Campur Tangan Perancis	136
6 -	DI BAWAH NAUNGAN PERANCIS (1895-1945)	141
	- Perkembangan Ekonomi dan Sosial	144
	- Evolusi Politik	150
7 -	KEMERDEKAAN DAN PENYATUAN	157
	- Raja Lao Isara dan Perancis	159

- Kerajaan Laos dan "Pathet Lao"	163
- Intergrasi dan Kerajaan Campuran	168
8 / CAMPUR TANGAN AMERIKA DAN PERANG SAUDARA	177
- Golongan Kanan Mengambil Alih Kuasa	179
- Rampasan Kuasa oleh Kong Le	183
- Persetujuan Zurich dan Persidangan Geneva	185
- Souvanna Phouma Menyokong Golongan Kanan. Kegagalan Persetujuan Zurich	189
- Perang Saudara dan Akibatnya	194

BAHAGIAN III

VIETNAM 203

9 - KEJATUHAN DAN KEHANCURAN EMPAYAR ANNAM	205
- Penaklukan Perancis	207
- Kehancuran Kerajaan Vietnam	209
- Penentangan Corak Baru	213
10 - KEGAGALAN GOLONGAN CENDEKIAWAN (1902-1916)	217
- Phan Chau Trinh	220
- Peristiwa-peristiwa Tahun 1907-1908	224
- "Dasar Association"	227
- Duy Tan dan Pemberontakan Tahun 1916	231
11 - DEMOKRASI, PEMODENAN DAN REJIM KOLONIAL	235
- Kemajuan Ekonomi dan Kemunculan Kelas Baru	235
- Kegagalan Tahun 1922-1923	239
- Gabenor Jeneral Sosialis	241
- "Thanh Nien"	245
- Kemerdekaan, Demokrasi dan Pemodenan	247

12 -	YEN BAY, KOMUNIS DAN BAO DAI	251
	- Penubuhan Parti Komunis Vietnam	252
	- Yen Bay. "Soviet di Annam"	255
	- Kepulangan Bao Dai dan Kegagalan Ngo Dinh Diem	260
13 -	NASIONALISME DAN PERJUANGAN KELAS (1933-1941)	265
	- "Barisan Demokratik Indo-China"	268
	- Kumpulan-kumpulan Politik yang Baru	272
	- Kembali kepada Dasar Penindasan	275
	- Kedatangan Jepun ke Vietnam	278
14 -	EMPAYAR ANNAM DAN REPUBLIK DEMOKRATIK VIETNAM	283
	- Dasar Baru Perancis	285
	- Jepun dan Nasionalisme Vietnam	287
	- Tindakan China-Amerika	289
	- Peristiwa 9 Mac dan Kerajaan Tran Trong Kim	293
	- Viet Minh Mengambil Alih Kuasa	295
15 -	PERPECAHAN	299
	- Viet Minh dan V.N.Q.D.D. Tekanan dari China	301
	- Kerajaan Campuran dan Pembebasan. Perjanjian 6 Mac 1946	304
	- "Masalah" Cochin China	309
	- <i>Fontainebleau</i> dan <i>Modus Vivendi</i> Perancis - Vietnam	314
	- Pengukuhan Kedudukan Viet Minh	316
	- Perluasan Perang oleh Perancis	318
	- Persengketaan Perancis-Vietnam	321
16 -	PERANG DENGAN PERANCIS	325
	- Kegagalan Usaha Damai	327
	- Penentangan oleh Putera Vinh Thuy	333
	- Dunia Komunis Menghadapi Pemberontakan Bao Dai	339

- Dien Bien Phu	345
- Persidangan dan Perjanjian Geneva	349
17 - PEMISAHAN OLEH DIEM	355
- Kerajaan Diem dan Berakhirnya Pengaruh Perancis	356
- <i>Coup d'Etat</i> 20 Oktober 1955 dan Pemisahan	359
- Perjanjian Julai 1956	364
- Penentuan Dasar Hanoi	368
- Penindasan dan Pemberontakan di Selatan	372
- "Barisan Pembebasan Kebangsaan" yang Pertama	374
- Sosialisme di Utara dan Kongres Ketiga Lao Dong	378
- Kegagalan <i>Coup d'Etat</i> "Barisan Pembebasan Kebangsaan"	382
18 - CAMPUR TANGAN TENTERA AMERIKA SYARIKAT	385
- Kegagalan "Perang Khas" dan Kejatuhan Diem	386
- Peristiwa Teluk Tonkin	391
- Pencerobohan Amerika	394
- Ucapan di Phnom Penh dan Serangan pada Musim Perayaan Tet	399
- Persidangan Paris	401
- Nasib Yang Trajik	405
BIBLIOGRAFI RINGKAS	411
INDEKS	417



PRAKATA EDITOR

Buku ini diterjemahkan daripada bahasa Perancis bertajuk *L'Asie Du Sud-est II, L'Histoire Du XX^e Siecle* (Sejarah Asia Tenggara Abad ke-20) yang mengandungi Sejarah Thailand (Pierre FISTIE) Sejarah Kemboja, Sejarah Laos dan Sejarah Vietnam (Philippe DEVILLERS). Dengan persetujuan penulis, Philippe DEVILLERS, dan penerbit asal, SIREY, penterjemah hanya menterjemah Sejarah Kemboja, Sejarah Laos dan Sejarah Vietnam. Saya berpendapat tajuk yang sesuai bagi petikan bab yang diterjemahkan adalah SEJARAH INDO-CHINA MODEN, Perkembangan Sosiopolitik hingga abad ke-20.

Buku ini diterbitkan semata-mata untuk membantu penuntut sejarah yang kekurangan bahan terutama mereka yang mengkaji sejarah Indo-China.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada penuntut dan pengkaji sejarah.



Peta Indo-China

BAHAGIAN I

KEMBOJA

1. ALGEBRA

1.1.1.1

1

DUA RIBU TAHUN DALAM SEJARAH

NEGARA Kemboja terletak di selatan Indo-China iaitu di antara Negeri Thai, Laos dan Vietnam Selatan. Luas kawasannya ialah 182 000 km persegi dengan kawasan pantai yang panjang (lebih daripada 400 km), tetapi disebabkan keadaan muka buminya, Kemboja tidak terdedah ke arah laut. Daripada segi geografi pula, Kemboja mempunyai dua bahagian yang berlainan: a) kawasan rendah¹ iaitu delta Mekong, kawasan lembah di sekeliling tasik-tasik dan kawasan di sepanjang pantai yang sempit, b) di sekeliling kawasan ini ialah kawasan pergunungan di barat daya, di utara dan di timur laut. Kawasan pergunungan ini yang sebahagian besarnya diliputi oleh hutan rimba seolah-olah mengelilingi kawasan rendah yang terdapat penduduk Kemboja.

Sungai Mekong yang mengalir dari China dan Laos merintang Kemboja dari utara ke selatan dengan datarannya terbentang luas dari Kratie hingga ke laut. Tanahnya sangat subur dan kawasan ini adalah salah satu kawasan yang paling kaya dan paling ramai penduduknya di Kemboja. Sungai Mekong dihubungkan dengan tasik besar melalui Tonle Sap, dan tasik ini merupakan tempat takungan air yang besar pada masa air pasang (Mei - November).

Pada masa air surut (Mac - Mei) tasik-tasik di Kemboja luasnya 160 km dan 36 km. Ini meliputi kawasan seluas lebih kurang 3 000 km persegi; tetapi pada musim banjir melanda Sungai Mekong, tasik-tasik ini dipenuhi air melalui Tonle Sap - sehingga 10 meter

¹ Terdapat beberapa buah bukit yang berasingan yang disebut Phnom.

tingginya dan membanjiri semua kawasan hutan yang berdekatan. Pada waktu inilah tasik-tasik ini menjadi tiga kali ganda luas permukaannya. Dari bulan November hingga bulan Mac airnya menjadi surut. Keadaan pasang surut air di kawasan ini menjadikan tanah di sekelilingnya subur dan sesuai bagi pembiakan ikan; aktiviti perikanan ini amat penting pada bulan November.

Air Sungai Mekong bukan sahaja memenuhi tasik-tasik dan anak-anak sungainya tetap juga kawasan yang luas di kedua-dua belah tebing sungai itu. Pada asalnya kawasan ini berpaya tetapi telah dikeringkan dan dipulihkan menjadi kawasan penanaman padi. Beras dan ikan merupakan makanan asas penduduk Kemboja.

Ke arah barat Tasik Besar terdapat satu kawasan dataran dan banjaran gunung iaitu Banjaran Cardamon yang purata tingginya 1 000 meter dengan kemuncaknya Gunung Sangkos yang tingginya 1 744 meter. Di antara Banjaran Cardamon dan Teluk Siam dan memanjang kawasan pantai dari Chantaboun hingga ke Kampot terletak kawasan pergunungan yang masih belum dikenali: Banjaran Gunung Gajah yang terbentang luas yang memisahkan kawasan pantai dari pedalaman (kemuncaknya ialah Popok Vil, tidak jauh dari Bokor).

Ke arah utara Tasik Besar pula terdapat Banjaran Gunung Dangrek yang memisahkan Kemboja dari Negeri Thai. Gunung ini tidak begitu tinggi tetapi sangat sukar ditembusi di bahagian selatannya. Kawasan ini bermula dengan kawasan bukit-bukit yang tinggi, Gunung Besi (Phnom Dek), yang kaya dengan bahan-bahan galian dan Gunung Kulen. Kawasan pergunungan ini memanjang sehingga hampir ke Mekong.

Ke arah utara sungai ini terdapat kawasan dataran tinggi granit sama seperti yang terdapat di Laos dan Vietnam. Tingginya ialah di antara 300 hingga 1 000 meter dan diliputi hutan sederhana, walaupun kadangkala tebal. Kebanyakan sungai dan tasiknya terletak ke arah barat menuju Mekong. Tiga buah sungai besar (Srepok, Sesan dan Sekong) bercantum dengan Sungai Mekong di Stung Treng. Sebuah lagi sungai, Chlong mengalir ke Mekong di Kratie. Di samping itu terdapat beberapa buah sungai kecil yang mengalir dari gunung ke arah tasik besar.

Kemboja mempunyai iklim tropika yang dicirikan oleh dua musim, musim kemarau, dari bulan November hingga bulan Mac,

dan musim tengkujuh dari bulan April hingga bulan Oktober. Kawasan yang banyak menerima hujan ialah di pergunungan terutama Gunung Gajah.

Keadaan bumi, iklim dan air ini adalah unsur-unsur penting yang menentukan cara hidup di Kemboja. Monsun, pasang surut air, sungai-sungai dan tasik-tasik mempengaruhi penanaman padi dan perikanan dan cara hidup orang Kemboja serta peraturan bekerja mereka. Di Kemboja manusia diintegrasikan sepenuhnya ke dalam putaran alam semula jadi.

Orang Mon dan Orang Khmer

Pada asalnya Kemboja telah didiami oleh kumpulan bangsa Negrito sepertimana yang terdapat di Malaysia, Indonesia Barat, Sri Lanka dan India Selatan. Kumpulan ini kemudiannya ditenggelamkan oleh pendatang bangsa "Indonesia" pada zaman neolitik yang kemungkinannya berhijrah dari utara. Kumpulan ini tersebar luas di kawasan-kawasan dari Teluk Bengal (Martaban) hingga ke Laut China.² Penduduk berbangsa Indonesia ini juga kemudiannya telah dihalau dari kawasan rendah dan terpaksa berhijrah ke arah selatan (Tanah Melayu) dan ke arah barat (Yoma Burma). Mereka telah dihalau keluar oleh pendatang baru daripada kumpulan etnolinguistik yang berbeza iaitu orang Mon. Bangsa Mon ini telah meluaskan pendudukan mereka dari Delta Irrawadi hingga ke Mekong. Di Kemboja hari ini penduduk bangsa Negrito (Samres, Pears, Kouys dan lain-lain) hanya dapat ditemui di Dangrek, di Banjaran Gunung Cardamon dan Banjaran Gunung Gajah, sementara penduduk berbangsa Indonesia (Stieng dan lain-lain) terdapat di kawasan tanah tinggi di bahagian timur (wilayah-wilayah Mondolkiri, Ratanakiri dan lain-lain).

Bangsa Mon yang mendiami kawasan rendah Lembah Mekong yang menganut kepercayaan terhadap ular (dari ini timbulnya gelaran mereka sebagai orang Naga) nampaknya telah menerima pengaruh India sejak awal lagi, mungkin sejak kurun pertama masihi melalui pedagang-pedagang laut dari Teluk Bengal. Mengikut legen-

²Di beberapa kawasan Kemboja terdapat peninggalan-peninggalan zaman neolitik, tetapi tidak dapat dipastikan kumpulan-kumpulan etniknya. Walau bagaimanapun diketahui yang kumpulan penduduk ini menganut animisme. Bangsa Mon hidup di kawasan ini sejak abad ke-15 sebelum Masihi.

da Mon, dalam tahun 50 Masihi, seorang India Brahmin daripada keturunan Kaundiya dari India Utara telah datang ke Kemboja dan berkahwin dengan puteri raja Naga (mungkin ratunya). Kaundiya dan pengikut Brahminnya (yang mungkin telah melarikan diri daripada "pemberontakan orang-orang beragama Buddha" di India) memperkenalkan masyarakat Mon, yang sudah pun mempunyai organisasinya sendiri (animisme dan saka adalah unsur-unsur penting) satu bahasa yang maju dan lengkap serta tulisan Sanskrit bersama-sama dengan perundangan India.³ Melalui tulisan inilah mereka memperkenalkan bangsa Mon dalam sejarah.

Orang Brahmin dan pedagang India ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam politik dan ekonomi negara Mon di lembah Mekong. Kuasa mereka ini diperkukuhkan lagi melalui perkahwinan campur. Raja-raja Mon menerima konsepsi Hindu tentang kerajaan (iaitu Tuhan-Raja) dan menggelarkan diri mereka sebagai "raja-raja gunung". Istana mereka disamakan dengan Gunung Kosmik, Gunung Meru, yang melaluinyalah langit berhubung dengan bumi. Mereka juga percaya yang mereka mempunyai hubungan yang berterusan dengan kuasa kedewaan dan mengakui diri mereka sebagai raja-raja seluruh alam dunia. Pusat kerajaan ini terletak tidak jauh dari Mekong di kawasan Bukit Ba Phnom, di Vyadhapura (kira-kira 200 km dari laut). Pelabuhan utamanya ialah Oc Eo di Teluk Siam, iaitu di kawasan yang sekarang ini menjadi Cochin China.

Raja-raja Mon mengukuhkan kuasa mereka dengan menghapuskan semua penentang mereka. Pembinaan parit dan tali air yang lengkap serta telaga-telaga telah dapat menukarkan kawasan berpa-
 ya di Delta Mekong kepada kawasan bercucuk tanam. Negara Mon ini dikenali sebagai Fu Nan dan mempunyai hubungan dengan Empayar Han China dalam tahun 250 Masihi. Negara ini meliputi seluruh kawasan Lembah Mekong dan Menam. Kerajaan ini juga mempunyai hubungan dengan negara India dan dalam tahun 285 Masihi. Kerajaan ini mengadakan pakatan dengan jirannya di sebelah timur iaitu kerajaan Champa. Sumber-sumber sejarah China

³Kemungkinan mereka juga yang mengajar wanita Mon memakai kain bagi menutupi badan mereka.

menyebut yang orang-orang Fu Nan hodoh dan hitam serta berambut keriting.

Kedua-dua negara Fu Nan dan Champa adalah *indianised*. Walaupun kelas pemerintah telah menerima agama dan kebudayaan dari India (termasuklah agama Buddha), rakyat jelatanya masih lagi teguh dengan kepercayaan animisme, kultus semangat dan keturunan. Terdapat usaha-usaha yang berterusan daripada kelas yang merupakan elit intelektual dan sosial dalam mencari penyesuaian di antara konsep-konsep agama yang berbeza itu.

Pada abad kelima Masihi, Fu Nan telah menghadapi pemberontakan orang Kemboja atau Khmer, satu bangsa yang daripada segi etnolinguistiknya serumpun dengan orang Mon, tetapi tiba di Indo-China lebih lewat. Orang Khmer ini menduduki tebing kanan Sungai Mekong di Dataran Korat. Seperti juga orang Mon, orang Khmer telah menerima pengaruh India. Ada kemungkinan raja pertama orang Khmer ialah seorang keturunan Brahmin India, iaitu Kaundinya⁴ yang mengambil gelaran Jayavarman I. Beliau menganggap dirinya sebagai "pelindung Vedas" dan mengukuhkan semula agama Brahmin-Siva di Kemboja sambil menekan agama Buddha. Keadaan yang bergolak di antara orang-orang beragama Hindu dan Buddha di India mempengaruhi Kemboja selama beberapa abad.

Kesatuan negara Fu Nan tidak dapat bertahan akibat daripada kemunculan Khmer. Kerajaan itu telah berpecah kepada beberapa negeri kecil yang masih mengiktiraf kuasa pusat. Pada awal abad keenam berlaku penggabungan dan pembentukan dua buah negara yang berjaya menjajah semua negara lain. Tchen La yang dikuasai oleh Khmer (di utara) dan Sambor (Sambhupura) di tebing Sungai Mekong menjadi ibu negeri, sebuah lagi negeri ialah Tchen La yang dikuasai oleh Mon (di selatan) yang berpusat di Vyadhapura, kemudiannya di Angkor Borey. Perpecahan ini telah berjaya ditamatkan oleh putera-putera Khmer dan salah seorang daripada mereka, Bhavavarman telah menyatukan empayarnya pada akhir abad keempat termasuklah kawasan yang dahulunya, Fu Nan. Beliau dapat menakluki kawasan sehingga Chantaboun di sebelah barat sampai ke Khon di utara dan dianggap sebagai pengasas

⁴Juga daripada suku Kaundiya. Masih menjadi tanda tanya sama ada ini ada hubungannya dengan perubahan politik di India pada masa itu.

empayar Khmer. Pengganti-penggantinya telah berjaya meluaskan lagi empayar ini hingga ke Kemmarat (Laos) di utara dan Angkor Borey (630) di selatan dan seterusnya menghapuskan semua penentangan daripada orang-orang Mon dan menawan seluruh kawasan Delta Mekong. Tetapi sistem lama masih diteruskan: seperti juga Fu Nan organisasi politik dan sosial Tchen La menyerupai kerajaan-kerajaan di India.

Abad kelapan merupakan satu zaman berlakunya banyak pertelingkahan politik dan rusuhan awam. Negara Tchen La berpecah kepada lima negeri yang saling bermusuhan di antara satu sama lain dan sempadan mereka pun sukar ditentukan. Tetapi bahaya yang paling besar bagi Tchen La ialah serangan-serangan daripada orang Melayu. Kapal-kapal perang Srivijaya (di bawah pemerintahan Dinasti Sailendra yang menggelarkan diri mereka ("raja-raja gunung") dan lanun-lanun telah menyerang dan menggunakan Pulau Condore sebagai pangkalan bagi operasi mereka dan akhirnya berjaya menyerang Champa dalam tahun 774 dan 787 dan seterusnya sampai di Mekong dan Sambhupura lalu mereka membakar bandar itu dan menawan rajanya.

Empayar Angkor

Salah seorang daripada putera raja yang tertawan, Jayavarman, telah kembali ke Kemboja dalam tahun 800 setelah mendapat pendidikan di Jawa. Beliau telah berjaya mengumpulkan dan menyatukan negeri Khmer dan membebaskannya daripada ancaman orang Melayu. Jayavarman mengisytiharkan dirinya sebagai raja dalam tahun 802 dan membuka ibu negeri di kawasan yang jauh dari laut dan Mekong iaitu ke utara Tasik Besar. Jayavarman memperkenalkan semula kultus "Tuhan-Raja". Penggantinya yang ketiga membuka kawasan Phnom Bakheng untuk dijadikan ibu negeri yang akhirnya dikenali sebagai Angkor.

Pada awal abad ke-10 jajahan takluk kerajaan Khmer ini berkembang sehingga ke Yunan di bahagian utara sementara di bahagian baratnya pula sampai ke Teluk Siam. Salah seorang daripada rajanya, Suryavarman I (1002-1049) telah membuat pakatan dengan China dan Champa yang dipercayai bertarung selama enam puluh tahun bagi menentang Sumatera.

Masalah agama nampaknya menjadi masalah penting dalam empayar Angkor, walaupun demikian tidak diketahui apakah tujuan sebenar berlakunya pertentangan yang berterusan di antara agama Buddha dan Hindu. Zaman kerajaan Angkor ini memperlihatkan perkembangan pesat agama Buddha (reaksi terhadap Jawa?). Patung-patung lama Buddha telah didirikan semula, di samping itu usaha-usaha terus dijalankan ke arah mencapai penyelesaian di antara kultus Brahmin (Siva) yang dianuti oleh raja-raja dan golongan atasan dengan agama Buddha Mahayana yang menjadi pegangan rakyat jelata. Usaha ke arah ini dijalankan dengan giatnya terutama dalam abad ke-10 dan ke-11. Suryavarman I terus mempertahankan agama secara terbuka dan memberi jaminan yang agama Buddha boleh dipraktikkan secara bebas, walaupun kedudukannya masih terancam. Kematian Suryavarman menandakan berakhirnya satu zaman pemerintahan yang harmonis, gemilang dan penuh tolak ansur. Pengganti-penggantinya terpaksa menghadapi semula beberapa banyak konspirasi yang merupakan satu ciri berkekal dalam sejarah Khmer.

Dalam ke-11 dan ke-12 Kemboja menghadapi masalah perang saudara yang berlarutan. Walaupun dinasti yang memerintah tetap sama iaitu dinasti Varman, apabila terdapat seorang raja baru menaiki takhta maka berlaku persengketaan yang menumpahkan darah di antara kumpulan-kumpulan yang bertentangan. Keadaan ini menyebabkan penderitaan rakyat jelata serta memberikan peluang kepada negara-negara jiran melancarkan serangan. Tidak lama selepas kematian Suryavarman I, orang Khmer bertembung buat kali pertamanya dengan tentera Vietnam di Nghe An ketika mereka datang membantu orang-orang Cham (1880). Pertembungan ini menandakan permulaan sengketa yang berpanjangan, walaupun telah menjadi lebih buruk hanya beberapa lama kemudiannya. Pada permulaannya musuh utama orang Khmer ialah orang Cham yang mereka terpaksa menentang dalam "perang seratus tahun" (1130-1227) dan orang Mon dari Haripunjaya (Lampung). Jayavarman VII (1181-1201) berjaya mengalahkan orang Cham. Di bawah pemerintahannya, empayar Khmer berjaya meluaskan kawasannya ke peringkat yang paling gemilang: selain daripada negara "Khmer pusat" yang diperintah secara langsung, beliau juga berjaya menjadikan Champa sebagai negara takluknya, demikian juga negeri Mon, Thai

dan Laos serta meluaskan pengaruhnya sehingga ke Segenting Kra dan Lembah Salween (Burma).

Negara Khmer masih terus menghadapi masalah pertentangan agama. Suryavarman II (1113-1150) kuat dengan pegangan mistik Vishnu telah memerintahkan pembinaan Angkor Wat, satu peninggalan agung senibina Brahmin di Asia Tenggara. Tetapi Jayavarman VII, walaupun tetap mengekalkan Brahmin-Brahmin di istananya telah menganut agama Buddha, seperti ayahnya.⁵ Beliau telah memerintahkan pembinaan hospital, rumah persinggahan dan memperbaiki sistem pengairan. Ini menyebabkan beliau digelar bapa "Sosiisme Buddha". Tetapi kejayaannya yang paling penting ialah pembinaan Angkor yang ketiga yang didirikan di atas runtuhannya ibu kota Khmer yang dimusnahkan oleh orang Cham.⁶ Kali ini Angkor dibina berdasarkan kepada konsepsi agama Buddha. Tidak terdapat "Tuhan-Raja", sebaliknya Buddha dianggap sebagai seorang raja. Karya yang paling agung terdapat di ibu negara yang baru ini ialah Bayon.

Salah seorang daripada pengganti Jayavarman VII iaitu Jayavarman VIII (1243-1295), yang tidak dapat ditentukan sejauh mana hubungan kekeluargaan dengan raja-raja sebelumnya telah menolak agama Buddha. Beliau dipengaruhi kuat oleh Brahmin dan mengembalikan semula pegangan terhadap agama Siva ortodoks serta menghapuskan patung-patung Buddha yang telah dibina oleh Jayavarman VII dan anak-anaknya. Adalah dipercayai yang sebahagian besar rakyat jelata juga sebahagian daripada elit Khmer yang telah begitu lama menganut agama Buddha telah dipaksa menanggung beban kerja paksa, malah perhambaan bagi membina dan menjaga tempat-tempat penyembahan Brahmin. Pemerintahan Hindu ini yang terdiri daripada golongan minoriti, sami dan askar (kemungkinan keturunan India) boleh dikatakan telah mengakibatkan satu "reaksi nasional" yang dimanifestasikan dalam bentuk agama Buddha. Ini masih merupakan satu hipotesis tetapi boleh membuka jalan ke arah pemahaman tentang banyak lagi peristiwa.

Pada akhir pemerintahannya, Jayavarman VIII terpaksa meng-

⁵Isteri pertama dan kedua Jayavarman VII adalah penganut agama Buddha yang kuat dan sangat cerdas.

⁶Angkor yang kedua, pusat pemerintahan Brahmin telah ditawan dan dimusnahkan oleh orang Cham dalam tahun 1177.

hadapi ancaman baru dari luar. Ancaman serangan daripada Kublai Khan, maharaja Mongol telah memaksa Jayavarman menghantar ufti kepada China (1285). Ancaman juga datang daripada orang Thai dan bagi orang Khmer ancaman Thai sangat ditakuti.

Disebabkan oleh tekanan dari negeri China, orang Thai yang begitu lama menetap di Yunan terpaksa beransur-ansur memasuki kawasan lembah Indo-China Tengah dan Burma. Sebuah kerajaan Thai didirikan dalam tahun 1238 di utara Lembah Menam, di Sukhothai. Peluang baginya meluaskan kawasan ke arah barat daya dan selatan terbuka apabila kerajaan Burma ditumpaskan buat sementara oleh askar-askar Mongol. Kerajaan Thai ini telah meniru organisasi ketenteraan Mongol dan mengambil tulisan yang ditiru daripada huruf-huruf Khmer untuk diperkenalkan dalam bahasa mereka. Kerajaan ini pada mulanya terletak di bawah naungan raja Khmer di Angkor, tetapi kemudiannya cuba membebaskan dirinya sambil meluaskan kawasan ke arah tenggara. Bagi menghadapi ancaman ini Raja-raja Khmer mengerahkan rakyat jelata supaya berperang. Dalam peperangan ini Raja Thai, Rama Khamheng, seorang penganut agama Buddha berjaya memaksa Jayavarman VIII mengiktiraf kemerdekaan Sukhothai.

Negara Khmer terus mengalami pertikaian agama. Golongan aristokrat Hindu cuba menyekat perkembangan agama Buddha. Pengenalan agama Buddha Sinhala (Kenderaan Kecil) pada abad ke-13 meruncingkan lagi krisis dalam negeri Khmer. Dalam tahun 1336 seorang raja penganut agama Hindu yang cuba menyekat perkembangan agama Buddha telah dibunuh dan pembunuhnya Chay, berjaya menaiki takhta.

Berikutan daripada ini negara Khmer mengalami perubahan yang besar. Kultus Tuhan-Raja telah dihapuskan dan raja juga menggugurkan gelaran Varman yang dipakai sebelum ini. Walaupun masih terdapat Brahmin-Brahmin di istana, ini adalah semata-mata untuk menghormati tradisi dan bukannya memberi sokongan kepada agama Hindu. Dinasti baru ini telah memutuskan hubungannya dengan agama Hindu dan menolak aristokrasi yang *indianised*. Agama Buddha Sinhala dikekalkan dan dijadikan doktrin rasmi. Bahasa Sanskrit digantikan dengan bahasa Pali sebagai bahasa suci. Pembinaan bangunan-bangunan besar yang diinspirasikan oleh idea Brahmin dihentikan dan digantikan dengan bangunan daripada

bahan-bahan ringan. Dengan terhapusnya elit keindiaan yang selama ini begitu berpengaruh dalam pentadbiran negara, maka muncul pula satu elit baru menggantikan tempatnya. Orang Thai mengambil kesempatan daripada keadaan di Kemboja ini untuk meluaskan dan mengukuhkan kuasa mereka di Lembah Menam. Sebuah kerajaan baru Thai ditubuhkan dalam tahun 1350 dengan Ayuthia sebagai ibu kota. Dalam tahun 1351 rajanya, Ramadhipati telah melancarkan satu serangan ke atas Kemboja dan berjaya menawan Angkor, merampas harta kekayaan serta memaksa ramai orang Kemboja pergi ke Siam untuk dijadikan hamba. Wilayah-wilayah Khmer di utara Tasik Besar diletakkan di bawah kuasa salah seorang daripada keluarga Siam. Sementara itu Laos juga mengambil kesempatan membebaskan diri daripada pengaruh Khmer (kerajaan Lan Xang ditubuhkan dalam tahun 1353). Tetapi orang Khmer telah berjaya mengambil semula Angkor dalam tahun 1357 dan menghalau orang Siam hingga ke Korat serta menetapkan sempadan mereka dengan Cham. Ancaman Siam muncul semula dalam tahun 1383 berikutan dengan perubahan pemerintahan di Ayuthia. Serangan Siam ini memulakan perang yang berlarutan selama hampir setengah abad yang hanya berakhir dengan tertawannya Angkor dan dimusnahkan dalam tahun 1431.

Wilayah-wilayah Utara Kemboja juga turut dimusnahkan dan penduduknya semakin berkurangan,⁷ sistem pengairannya mengalami kerosakan (ini mengakibatkan kekurangan air, tanah tidak subur dan berlaku kemarau) dan ini menyebabkan orang Khmer membuat keputusan untuk meninggalkan Angkor sebagai ibu negara yang terlalu terdedah kepada ancaman.

Perubahan politik dan agama yang berlaku dalam negara Khmer meninggalkan kesan yang pentingnya dengan serangan-serangan Siam. Raja-raja Mon dan Khmer (raja-raja gunung, dinasti-dinasti Tchen La, raja-raja Angkor) sejak dua belas abad lamanya telah begitu mengambil berat tentang penggunaan tenaga air yang telah memberikan kemakmuran pertanian kepada negara Kemboja dan dikagumi oleh pelawat-pelawat luar negeri. Dengan kejatuhan kerajaan Angkor, perubahan alam spiritual serta kehancuran kuasa

⁷Penduduk empayar Angkor ini dipercayai tertumpu di kawasan ke utara tasik-tasik.

pusat maka sistem penggunaan tenaga air turut musnah. Sebagaimana yang disebutkan oleh B. Groslier, "dengan terhapusnya penggunaan tenaga air ini, maka pengeluaran yang biasanya dibuat dua atau tiga kali setahun merosot kepada satu sahaja. Kemerosotan pengeluaran ini umumnya bererti kemerosotan daripada segi demografik, keadaan ini bertambah buruk dengan kehilangan nyawa dalam peperangan serta pengusiran penduduk yang dilakukan oleh pihak Siam". Keadaan ini menandakan kehancuran tamadun Angkor. Dalam tahun 1434 kalangan Istana Kemboja telah mengambil keputusan menubuhkan pusat pemerintahan yang baru di kawasan yang sekarang ini dipanggil Phnom Penh.

Menghadapi Ancaman Siam dan Vietnam

Pada hakikatnya kuasa Khmer telah hancur. Jika lapan abad sebelum ini orang Khmer telah menghancurkan kuasa Mon, maka sekarang ini mereka pula dikalahkan oleh orang Thai. Dalam masa empat abad berikutnya Kemboja mendapati sukar untuk mempertahankan kemerdekaannya. Kekacauan dalam negeri, penentangan dan perbalahan merebut takhta di antara keluarga diraja telah mengakibatkan campur tangan asing yang kadangkala berlaku atas permintaan putera-putera raja, orang-orang yang menuntut hak, jeneral-jeneral mahupun daripada orang Khmer yang sengaja cuba menimbulkan kekacauan. Kemboja menjadi sebuah negara naungan Siam (Ayuthia) dan raja-rajanya terpaksa mendapatkan pengesahan perlantikan mereka daripada raja Siam yang telah diiktiraf oleh Kemboja melalui pemberian ufti tahunan. Malah adat kebesaran dan tradisi keluarga diraja Ayuthia juga diterima oleh pemerintah Kemboja.

Putera-putera Khmer telah meminta bantuan Siam bagi menghapuskan lawan mereka dalam sengketa perebutan takhta dan dalam pemberontakan biasa. Thommio Reachea (1474-1504) misalnya dapat menjadi raja dan kekal di atas takhta dengan sokongan Siam. Sebagai balasannya Kemboja telah membenarkan Siam menadbir wilayah Korat dan wilayah Chantaboun. Naungan Siam ke atas Kemboja ini sangat berat dan memalukan orang Kemboja. Ayuthia menjadikan putera-putera Khmer sebagai orang tebusan mereka dan akan dibenarkan pulang ke Kemboja setelah Siam berpuas hati dengan kesetiaan mereka.

Naungan Ayuthia ini telah ditentang oleh beberapa orang raja Khmer dan adakalanya tindakan mereka ini berjaya. Ibu negeri Khmer ditukarkan ke Lovek. Orang Siam berjaya menawan Lovek pada tahun 1594 walaupun pihak Khmer dibantu oleh orang Sepanyol dan orang Portugis yang datang dari Manila dan Melaka. Kejatuhan Lovek ini telah melemahkan semangat perjuangan orang Khmer dan penentangan terhadap Siam selepas ini dilakukan tanpa semangat. Kemboja bertambah lemah dengan berlakunya beberapa perang saudara dengan campur tangan orang Portugis.

Pada permulaan abad ke-17 kuasa Vietnam mula dianggap sebagai cabaran kepada dominasi Siam di Kemboja. Raja Chey Chetta II (1618-1625) cuba memperkenalkan semula adat istiadat Khmer serta enggan tunduk kepada Ayuthia. Bagi membuktikan keazamannya untuk mendapatkan perubahan dan kemerdekaan, beliau telah mendirikan istananya di Oudong.⁸ Sebagai membalas tindakan ini raja Siam telah menyerang Kemboja tahun 1623. Chey Chetta yang berkahwin dengan puteri raja Annam (Maharaja Cochinchina) telah meminta bantuan Annam. Orang Siam dapat ditewaskan, tetapi berikutan daripada ini kerajaan Hue telah meminta supaya orang Vietnam dibenarkan menetap di wilayah Prey Kor yang berhampiran dengan Vietnam. Penetapan ini akan dibiayai melalui pungutan cukai dari pusat wilayah iaitu bandar yang sekarang ini dikenali sebagai Saigon. Permintaan ini telah dipersetujui oleh Raja Khmer. Penetapan orang Vietnam ini dijalankan di kawasan Sungai Donnai iaitu di wilayah-wilayah yang sekarang ini dipanggil Giadinh, Baria dan Bien Hoa.

Perlantikan Chey Chetta telah menimbulkan rusuhan dalam negeri Kemboja. Penentang-penentangannya yang lari ke Annam berjaya mendapat sokongan Vietnam dalam tahun 1658 dan salah seorang daripada mereka telah dilantik menjadi raja Kemboja dalam tahun 1660. Melalui satu perjanjian, Kemboja dikehendaki menghantar ufti tahunan ke Hue, juga dikehendaki membenarkan orang Vietnam yang tinggal di Kemboja memiliki tanah dan mendapatkan hak yang sama seperti yang didapati oleh orang Khmer.

Kedadaan di Kemboja terus bergolak: raja-raja, pemberontak-pemberontak berbalah sama sendiri bagi mendapatkan kuasa. Viet-

⁸Oudong kekal menjadi ibu negeri Kemboja sehingga tahun 1866.

nam mengambil peluang daripada keadaan kesibukan Siam dengan masalah Constantin Paulkon: dalam tahun 1688 orang Vietnam dan penyokong mereka di Kemboja telah berjaya menawan Oudong dan tahun berikutnya memaksa Chey Chetta IV mengiktiraf pertuanan Vietnam di Kemboja. Tahun 1701 Vietnam mengambil wilayah-wilayah Giadinh, Bein Hoa dan Baria.

Kuasa Kemboja terus lemah dalam abad ke-18. Bagi menghadapi tekanan dari Siam, Raja Ang Em (1710-1722) terus bergantung kepada bantuan daripada Hue yang sedang meluaskan pengaruhnya di kawasan Teluk Siam. Raja Ang Em telah menyerahkan pertahanan kawasan pantai Hatien, Rachgia dan Phu Quoc kepada China, tetapi tahun 1715 China yang seolah-olah menjadi tuan kepada Vietnam telah menyokong Vietnam. Beberapa tahun kemudian, tahun 1731, berikutan daripada pembunuhan orang Vietnam, raja Hue menghantar sepasukan tentera ke tempat berhampiran dengan Oudong dan memaksa Kemboja menyerahkan dua wilayah baru (Mytho dan Vinh Long). Bagi Kemboja bahaya ancaman Vietnam kini menjadi lebih nyata daripada ancaman luar, tetapi dalam masa yang sama diancam oleh pemberontakan dalam negeri. Mereka memerintah dalam keadaan konspirasi, komplot, pemberontakan di istana hinggalah kepada perang saudara. Dalam keadaan inilah Vietnam mengambil kesempatan memaksa Kemboja menyerahkan wilayah-wilayah Sadec dan Chaudoc (1757) serta Travinh. Kawasan Delta Mekong secara beransur-ansur jatuh ke tangan orang Vietnam.

Melihat kepada perluasan pengaruh Vietnam di Kemboja, maka raja Siam, Tak Sin cuba meletakkan orang kesayangannya, Ang Non, sebagai raja di Oudong (1769). Raja Kemboja pada masa itu, Outey II telah meminta pertolongan daripada kerajaan Hue. Askar Vietnam berjaya menghalau keluar orang Siam. Sebagai membalas pertolongan ini Vietnam meminta supaya Kemboja dijadikan negeri naungannya. Kemboja tidak perlu menghantar ufti simbolik kepada Hue, tetapi raja Outey mesti memaklumkan kepada wakil raja Hue segala tindakan politik yang akan dibuatnya.

Orang kesayangan raja Siam, Putera Ang Non dapat melarikan diri ke Kampot. Di sini beliau telah melancarkan perang gerila. Kemboja berada dalam keadaan yang sangat menyedihkan. Peperangan dan pemberontakan telah melemahkan sebarang kuasa dan

disiplin. Di setengah wilayah rakyat enggan membayar cukai kerana tidak dapat dipastikan siapa sebenarnya yang berkuasa. Para petani meninggalkan sawah mereka dan lari ke hutan bagi mengelakkan kekejaman askar Siam dan Vietnam serta enggan memberi sumbangan yang dipaksakan ke atas mereka. Di wilayah Pursat dan Battambang kampung kelihatan sepi dan yang tinggal hanya orang tua dan kanak-kanak. Ketika berundur askar Siam menawan semua orang lelaki dan wanita yang masih kuat yang sempat diambil, sementara yang lainnya lari ke kawasan pergunungan ataupun ke dalam hutan. Wabak penyakit telah mengurangkan lagi jumlah penduduk. Melihat kepada huru-hara dan kemelaratan inilah maka Raja Preah Outey II turun dari takhta kerana tidak sampai hati melihat penderitaan rakyatnya. Beliau digantikan oleh musuhnya iaitu Ang Non (1773).

Dengan tertabalnya Ang Non sebagai raja (1773-1779) maka negara Kemboja kembali di bawah naungan Siam. Raja Ang Non sangat membenci orang Vietnam sehingga beliau pernah berfikir untuk menghapuskan semua orang Vietnam yang terdapat di Kemboja. Sementara itu di Vietnam sendiri berlaku pemberontakan Tayson dalam tahun 1774. Ang Non ingin mengambil peluang ini bagi mendapatkan semula wilayah Cochin China tetapi kesempatan ini tidak berhasil kerana terdapat satu komplot menentanginya di Kemboja. Ang Non ditawan dan dibunuh dalam tahun 1779.

Golongan mandarin yang merancang komplot ini telah meletakkan seorang putera yang berumur enam tahun sebagai raja (Ang Eng); tetapi perlantikan ini tiada kekal kerana terdapat pertengkaran di kalangan mereka. Salah seorang daripada mereka, Ben, berjaya membunuh pemimpin komplot yang lain dan melarikan diri ke Bangkok, ibu negeri Siam yang baru, membawa bersamanya raja yang kecil tadi. Ang Eng dimahkotakan oleh Raja Siam, Chakri (1794) dan setelah menjanjikan kesetiiaannya kepada raja Siam beliau telah dibawa pulang ke Kemboja dengan diiringi oleh sepasukan tentera Siam yang diketuai oleh Ben sendiri. Kemboja terpaksa menyerahkan wilayah-wilayah Angkor, Battambang, Mongkol Borei dan Sisophon kepada Siam. Tetapi Ang Eng meninggal dunia dalam tahun 1796 semasa berumur 23 tahun. Putera sulungnya baru berumur empat tahun sementara hampir seluruh keluarga yang lain terhapus. Untuk menggantinya Raja Chakri melantik seorang man-

darin Khmer, Poc, bagi menjalankan pentadbiran negara sehingga Putera Ang Eng mencapai umur lima belas tahun (1806). Poc meninggal dunia dalam tahun 1806 dan semasa pentadbirannya beliau merupakan alat kepada kerajaan Siam. Putera Ang Eng dimahkotakan di Bangkok sebagai raja Khmer dengan gelaran Ang Chan II. Beliau telah berkahwin dengan salah seorang anak perempuan Ben.

Bagaimanapun raja yang baharu dilantik ini berseteru dengan saudara-saudaranya yang dilantik oleh raja Siam sebagai ketua keluarga diraja.⁹ Perlantikan ini dibuat tanpa berunding dengannya terlebih dahulu. Ang Chan meminta bantuan Vietnam yang telah pun berjaya disatukan. Ang Chan bersedia menerima naungan Maharaja Gia-Long. Kewujudan dua kuasa yang menaung Kemboja tidak dapat diterima oleh Siam. Siam terus menduduki Kemboja. Ang Chan terpaksa berundur ke Saigon sementara saudara-saudaranya membentuk sebuah kerajaan di Kemboja. Kerajaan sementara ini mempunyai separuh daripada ahli-ahlinya terdiri daripada orang Siam dan sebahagian lagi orang Khmer. Bulan Mei tahun 1813 Ang Chan II yang dibantu oleh askar-askar Vietnam dan Khmer berjaya menawan semula Oudong. Siam bersetuju supaya Ang Chan II ditabalkan semula menjadi raja jika beliau menyerahkan wilayah yang luas di bahagian utara kepada Siam. Kemboja tidak lagi bersempadan dengan wilayah Bassac yang dipunyai oleh Laos.

Orang Vietnam tidak membantu Ang Chan semata-mata baginya menyerahkan wilayah baru kepada Siam. Vietnam menempatkan seorang "Residen" di istana Kemboja dan gabenor Saigon mempunyai kuasa daripada segi ketenteraan dan politik ke atas Kemboja. Mereka juga mengenakan undang-undang yang ketat di Kemboja. Apabila Ang Chan meninggal dunia tahun 1834, Vietnam meletakkan puterinya yang ketiga, Ang Mey sebagai pengganti.

⁹Organisasi istana Khmer bermula dalam abad ke-9. Raja menjadi ketua kepada keseluruhan keluarga diraja, tetapi terdapat tiga keluarga yang mempunyai taraf "diraja" dan mereka ini diberikan beberapa wilayah untuk ditadbirkan, putera yang turun dari takhta (Upayuva reach), putera sulung (*Obbareach*) dan yang ketiga ialah Bonda-ratu ataupun puteri sulung. Putera puteri yang mempunyai hubungan kekeluargaan sehingga peringkat kelima juga adalah sebahagian daripada keluarga diraja dan berhak mewarisi takhta ataupun menjadi ketua keluarga diraja. Apabila seorang raja yang memerintah meninggal dunia, penggantinya ialah seorang yang berpangkat *Obbareach* yang dilantik oleh raja tersebut.

Beliau juga dikawal rapi oleh Residen Vietnam. Truong Minh Giang yang bertanggungjawab menjalankan usaha-usaha "vietnamisasi" secara sistematik di Kemboja berusaha bagi menggantikan adat resam Kemboja. Pada tiap-tiap wilayah terdapat seorang pegawai Vietnam bagi tiap-tiap seorang gabenor Kemboja. Tentera Khmer hanya berfungsi sebagai pasukan simpanan tempatan sahaja. Orang-orang Vietnam juga memperkenalkan bahasa mereka dalam pentadbiran di Kemboja. Dalam tahun 1841 Vietnam membuat keputusan mencantumkan Kemboja dengan negara itu.¹⁰ Permaisuri Kemboja serta saudara perempuannya telah dihantar ke Saigon bersama-sama dengan menteri-menteri Kemboja yang lain.

Dasar ini telah menimbulkan akibat yang sememangnya diduga. Dalam tahun 1845 orang Kemboja yang tidak lagi sanggup menerima dasar-dasar wakil kerajaan Hue telah bangkit memberontak dan membunuh orang Vietnam yang tinggal di Kemboja. Percubaan membunuh askar Vietnam semakin bertambah dan pembesarpembesar yang berhubung rapat dengan Putera Ang Duong (putera kepada Ang Chan yang telah lari ke Bangkok) meminta supaya Siam campur tangan untuk mendapatkan semula kuasa kepada Ang Duong.

Bangkok tidak mahu melepaskan peluang bagi mendapatkan semula pengaruh di Kemboja yang sudah hilang. Raja Siam Rama III telah meminta Jeneral Bodin supaya meletakkan Ang Duong di takhta Oudong serta menghalau keluar orang Vietnam dari Kemboja. Campur tangan Siam kali ini diterima oleh orang Kemboja dengan senang hati. Tentera Siam berjaya membebaskan wilayah-wilayah di bahagian barat serta menduduki ibu negeri Kemboja Oudong dengan bantuan pemberontak Khmer. Atas permintaan Ang Duong dan Bodin, beberapa rundingan damai diadakan pada bulan Disember 1845. Persetujuan segera dicapai. Ang Duong akan dimahkotakan menjadi raja dengan persetujuan bersama kerajaan Bangkok dan kerajaan Hue. Puteri-puteri dan menteri-menteri Khmer yang sedang ditahan di Vietnam akan dibebaskan melalui pertukaran dengan orang tawanan perang Vietnam. Kerajaan Siam mengekalkan kuasanya ke atas wilayah-wilayah Kemboja yang

¹⁰Dalam tahun 1840, Vietnam memaksa Kemboja menyerahkan semua haknya ke atas Soctrang.

didudukinya sejak lima puluh tahun; Vietnam pula dibenarkan meneruskan percantuman Cochin China dengan negara itu. Semua nama-nama wilayah dan bandar di Cochin China dalam bahasa Khmer akan ditukarkan kepada nama-nama dalam bahasa Vietnam.

Campur Tangan Perancis

Ang Duong (1845-1860) bimbang Kemboja akan dipecah-perintahkan di antara dua kuasa iaitu Siam dan Vietnam dengan Sungai Mekong sebagai sempadan bersama selepas kematiannya. Atas nasihat Mgr. Miche, paderi Katolik di Kemboja, Ang Duong merancang untuk meminta supaya Perancis campur tangan. Dalam bulan November 1853, beliau menghantar perutusan kepada Napoleon III melalui konsul Perancis di Singapura. Dalam tahun 1855, Napoleon III telah mengarahkan seorang diplomat, M. de Montigny untuk pergi ke Siam dan China dan mengadakan satu perjanjian pakatan bersama dan perdagangan dengan Ang Duong. Tetapi kerana tidak cekap M. de Montigny gagal mendapat apa yang dicitakannya.

Pada masa itu keadaan ekonomi dan sosial Kemboja masih kucar-kacir. Seorang pemerhati menulis: "Sawah ladang terbiar ataupun dipenuhi dengan belukar, kampung-kampung telah dibakar dan bandar-bandar tidak lebih ataupun penuh dengan hutan. Bandar-bandarnya tidak lebih daripada sekumpulan bangsal-bangsal, istana raja sendiri tidak terjaga dan jalan-jalan juga terbiar dan selalunya disekat oleh pemberontak atau askar-askar, semuanya musnah disebabkan banjir dan kemarau. Kebanyakan jambatan hancur musnah. Di mana-mana terdapat rasa ketakutan kerana kemelamatan hidup memaksa petani-petani menjadi penjenayah. Perdagangan tidak ada langsung".

Walau bagaimanapun dengan kekayaan yang ada, Ang Duong berusaha memulihkan semula negaranya. Beliau membangunkan semula bandar Oudong, membina jalan, memulihkan ketenteraan awam dan dengan ini menarik pedagang China dan India. Beliau membentuk semula pentadbiran dan sistem kewangan, menggalakkan sami menubuhkan sekolah, mengadakan peraturan bagi perikanan dan berusaha menghapuskan perhambaan dan kerja paksa. Tetapi dasar ini telah ditentang oleh orang-orang yang berkepentingan dan menimbulkan beberapa ancaman menentang Ang Duong di antara tahun-tahun 1857-1859. Beliau berhati-hati supaya keadaan

ini tidak memberi peluang kepada Siam dan Vietnam untuk campur tangan dalam hal-hwal Kemboja.

Dengan kematian Ang Duong (Oktober 1860),¹¹ anaknya Ang Voddey dilantik menjadi raja. Beliau menggelarkan dirinya Norodom sebagaimana yang telah diberikan oleh Raja Mongkut dalam tahun 1856 apabila beliau dilantik menjadi *Obbareach*.

Kedatangan Perancis ke Cochin China telah menimbulkan satu keadaan baru. Tidak berapa lama selepas naik takhta dan disahkan oleh Bangkok, Norodom telah menerima perutusan Laksamana Charnier dari Perancis (yang baru saja menawan Saigon) menyatakan tujuannya untuk bertapak kuat di Cochin China dan hasratnya untuk mengadakan hubungan yang baik dengan Kerajaan Kemboja. Raja Kemboja telah menyambut baik hasrat ini dengan menghantar utusan seramai lapan puluh orang ke Saigon bagi memberitahu Laksamana mengenai keinginannya untuk berbaik-baik dengan raja Perancis. Tetapi dalam bulan Ogos 1861, saudara kepada Norodom, Si Votha, memberontak menentang abangnya. Beliau sangat disukai ramai dan dalam masa yang singkat berjaya mendapat sokongan sebahagian besar rakyat. Norodom merasa cemas dan lari ke Battambang dan dari sana terus ke Bangkok (Januari 1862) bagi mencari bantuan untuk mengambil semula takhtanya.

Melihat kepada keadaan ini, Mgr. Miche segera campur tangan di pihak Norodom. Beliau menyeru orang Katolik supaya membantu raja. Beliau juga mendapat bantuan daripada orang Islam dengan menjanjikan kepada mereka pemulangan harta benda yang dirampas dalam kekacauan tahun 1859. Votha telah terpaksa berundur ke sebelah utara di wilayah Kratie di tebing kanan Sungai Mekong, satu kawasan yang tidak ramai penduduknya. Mgr. Miche meminta Konsul Perancis di Bangkok supaya meminta Siam menghantar pulang Norodom dengan segera. Norodom berangkat segera ke Kampot dan seterusnya tiba di Oudong dalam bulan Mac 1862.

Sementara itu, Perancis telah memulakan tahap pertama penaklukan mereka ke atas Cochin China. Vietnam melalui perjanjian 5

¹¹Ong Duong dikatakan meninggal dunia dalam tahun 1859. Tetapi dokumen-dokumen Thai menunjukkan yang tarikh ini tidak betul. Lihat *Chronique abrégée du Cambodge*, dan komentar oleh M. Osborne dan D. Wyatt, *France-Asie*, no. 193, (1968).

Jun 1862 telah terpaksa menyerahkan wilayah Saigon, Bien Hoa, Mytho, Vinh Long serta Ulan Condore, kepada Perancis. Perjanjian ini telah memberikan hak naungan ke atas Kemboja kepada Perancis yang selama ini diberi kepada raja Annam. Sejak bulan April 1863 atas perintah gabenor Perancis di Cochin China, kapal perang Perancis di bawah Komandan Doudart de Lagree telah masuk ke Kemboja. Beliau mendapat arahan untuk masuk ke seluruh Kemboja, memperlihatkan kekuatan mereka di Kemboja dan untuk tidak menerima sebarang perwakilan asing bagi menjalankan sebarang rundingan dengan raja.

Perkembangan pengaruh Perancis di Kemboja telah membimbangkan Siam (disokong oleh Inggeris) dan memandangkan yang Norodom dapat kembali ke Oudong dengan bantuannya, maka Siam mengambil peluang ini untuk mengukuhkan kuasanya di Kemboja. Raja Mongkut telah menghantar seorang pembesar mandarin yang mempunyai pengaruh yang kuat ke atas diri Norodom. Norodom juga diingatkan jika sekiranya beliau tidak mematuhi kehendak Siam maka beliau akan digantikan oleh salah seorang daripada saudaranya. Mongkut memberitahu Norodom yang alat kebesaran yang diminta olehnya tidak akan dihantar ke Oudong kecuali istiadat pemahkotaan dikepalai oleh wakil raja Siam. Ini akan membolehkan Siam mengekalkan kedudukannya di Kemboja.

Doudart de Lagree mengambil keputusan membuat sesuatu. Atas nasihatnya, Laksamana de La Grandiere, gabenor Cochin China menemui Norodom di Oudong dalam bulan Julai 1863. Melalui Mgr. Miche, beliau menerangkan kepada Norodom yang Kemboja dapat mengelakkan diri daripada ancaman Siam buat selama-lamanya dengan menerima perlindungan Perancis. Norodom nampaknya telah berpuas hati dengan janji-janji ini terus menandatangani satu perjanjian pada 11 Ogos 1863, yang kemudiannya dihantar ke Paris untuk pengesahan.

Perjanjian ini telah mensyaratkan yang Perancis akan memberi perlindungan kepada raja Kemboja dan menempatkan seorang residen bagi membantu beliau melaksanakan butir-butir perjanjian. Bagi pihaknya pula raja Kemboja tidak akan membuat sebarang hubungan dengan kuasa asing tanpa persetujuan Perancis. Adalah juga dipersetujui yang rakyat Perancis boleh bergerak dengan bebas di seluruh Kemboja, boleh memiliki harta dan menetap di negara

tersebut. Barang-barang dagangan Perancis dibenarkan masuk secara bebas (hak ini diberi kepada Kemboja di Cochin China). Daripada segi pengadilan pula, Kemboja tetap berkuasa ke atas rakyatnya tetapi orang Eropah, rakyat Perancis (orang Cochin China, dan lain-lain) dan setengah-setengah orang asing (Cina) akan diadili oleh mahkamah campuran.

Pengesahan oleh Paris merupakan satu masalah yang rumit. Kerajaan terpaksa menimbangkan kemungkinan bantahan-bantahan Siam dan terutama sekali kesulitan dalam hubungan dengan Inggeris yang menyokong tuntutan-tuntutan Siam. Melihat kepada sikap Perancis ini Norodom meminta maaf kepada Mongkut di atas perjanjiannya dengan Perancis. Beliau meminta supaya dimahkotakan dengan segera oleh wakil dari Bangkok dan pada 1 Disember 1863 satu perjanjian dengan raja Siam ditandatangani. Dalam bulan Januari 1864 Mongkut menjawab permintaan ini dengan mengatakan yang Siam akan menghantar alat-alat kebesaran dengan syarat Norodom datang sendiri ke Bangkok dan memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada raja Siam.¹² Norodom menerima syarat-syarat ini dan membuat persediaan untuk pergi ke Bangkok. Doudart de Lagree meminta supaya Norodom jangan pergi ke Bangkok, tetapi gagal. Melihat kepada hal ini, Doudart de Lagree menduduki Oudong. Raja Norodom mengubah fikirannya kerana takut kalau beliau tidak akan dapat pulang ke negerinya.

Sementara itu surat perjanjian yang telah disahkan oleh Napoleon III tiba. Butir-butir tetap tentang pengesahan perjanjian itu dibuat pada 12 hingga 17 April 1864. Mahkota bagi raja telah tiba dari Bangkok hasil daripada campur tangan kerajaan Perancis. Norodom secara rasminya ditabalkan di Phnom Penh pada 3 Jun 1864 di hadapan wakil-wakil Perancis dan Siam. Dalam tahun 1866, bagi menandakan berakhirnya satu zaman lama, beliau mengubah ibu negerinya dari Oudong ke Phnom Penh, sebuah pusat perdagangan yang ketika itu mempunyai penduduk seramai 10 000 orang, kebanyakannya terdiri daripada orang Cina. Phnom Penh yang

¹²Pada masa yang sama, 23 Januari 1864, Konsul Siam di Paris menyerahkan kepada kerajaan Perancis satu teks (*Chronique abne'ge'e du Chambodge*) yang membuktikan penguasaan Siam ke atas Kemboja. (teks sepenuhnya dalam *France-Asie* no. 163 1968 ms 197-203).

terletak di kuala sungai dan di tepi Sungai Mekong senang dimasuki dari Saigon.

Walau bagaimanapun ganti rugi hendaklah diberikan kepada Siam dan adalah perlu mendapatkan persetujuan Siam menggugurkan tuntutan ke atas Kemboja. Melalui perjanjian Perancis - Siam 15 Julai 1867, Siam telah mengiktiraf naungan Perancis di Kemboja dan menggugurkan semua hak-haknya di negara itu. Tetapi Perancis berjanji tidak akan mencantumkan Kemboja dengan Cochin China dan tidak akan menjadikan Kemboja sebahagian daripada Cochin China. Perancis juga mengakui hak Siam ke atas wilayah-wilayah Battambang dan Angkor.

2

DI BAWAH NAUNGAN PERANCIS (1863-1945)

PENERIMAAN oleh Norodom terhadap perlindungan Perancis bukan berarti beliau bersikap anti-Siam. Malah beliau sangat gemar bertutur dalam bahasa Siam dan merasa sangat terhutang budi kepada Bangkok yang telah memberikan pertolongan kepadanya pada masa-masa yang tertentu. Beliau adalah seorang patriot Khmer, dan walaupun beliau telah menerima bantuan Perancis bagi membebaskan negaranya daripada ancaman Siam dan Vietnam, Raja Norodom tidak sekali-kali berniat untuk meletakkan negaranya di bawah naungan Perancis.

Tetapi beliau terlebih dahulu mesti mengukuhkan kedudukannya. Kuasa saudaranya, Si Votha telah dapat dikurangkan, tetapi seorang lagi saudaranya iaitu Sisowath telah memilih untuk tinggal di Saigon kerana beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Perancis. Selama dua tahun masa pemerintahannya, Norodom juga terpaksa menghadapi pemberontakan yang diketuai oleh seorang sami dari Tay Ninh Poukombo dari tahun 1865 hingga bulan Disember 1867. Poukombo yang mengaku dirinya putera kepada Ang Chan II melancarkan pemberontakan di kawasan Kratie dan Sambor. Dalam musim bunga tahun 1867 beliau tiba di Oudong dan melancarkan serangan terutama terhadap orang Kristian. Norodom terpaksa meminta bantuan askar Perancis. Poukombo lari ke utara dan terus diburu oleh penduduk Kemboja. Beliau dapat ditangkap dan dihukum bunuh.

Raja Norodom telah banyak melawat negara-negara jiran da-

lam tahun 1872 dan beliau ingin memodenisasikan negaranya seperti mana yang dibuat oleh Chulalongkorn di Siam. Melalui ordinar 15 Januari 1877, beliau telah menghapuskan tiga kuasa kerabat diraja,¹ dan dengan itu juga terhapusnya sebahagian besar pembesar mandarin yang telah banyak menguntukkan keistimewaan kepada keluarga mereka tanpa sebarang tanggungjawab yang setimpal. Beliau juga meneruskan usaha yang dibuat oleh Ang Duong bagi pembaharuan dalam pentadbiran. Ini dilakukan dengan mengurangkan pembahagian wilayah, memperbaharui sistem kewangan, menghapuskan berbagai jenis cukai, memperkenalkan pencukaaian secara langsung dan pencen kepada pegawai serta menghapuskan hak mereka mengambil habuan secara langsung daripada hasil kutipan cukai. Beliau juga menunjukkan keazaman untuk menghapuskan perhambaan dan sebagai langkah pertama memperkenalkan satu cara penyelesaian hutang yang selama ini menjadi punca utama perhambaan (kebanyakan hamba terdiri daripada mereka yang tidak dapat menyelesaikan hutang). Untuk memudahkan lagi pelaksanaan dasar ini telah ditetapkan tempoh yang tertentu bagi membebaskan hamba.

Kalangan istana dan pegawai tinggi yang sekarang telah bebas daripada pengawasan Siam ataupun Vietnam telah menentang dasar "pemodenan" ini kerana dasar ini mengancam kedudukan dan punca kewangan mereka. Pentadbiran Kemboja tidak dapat menjalankan pembaharuan ini kerana adanya sikap tidak mahu bekerjasama daripada pegawai dan golongan istana ini. Keadaan ekonomi negara terus merosot dan kewangan juga turut terjejas. Norodom terpaksa menghentikan usahanya buat sementara.

"Colon" bangsa Eropah mula berminat terhadap Kemboja yang senang didatangi melalui Sungai Mekong dengan bandar Saigon sebagai pelabuhannya. Mereka mahukan supaya keadaan stabil dapat diwujudkan dan langkah yang berkesan yang terjamin, juga konsesi-konsesi pertanian dan perhutanan. Laporan yang kurang tepat mengenai apa yang berlaku di Kemboja menyebabkan kerajaan Perancis (yang pada masa itu dipimpin oleh Jules Ferry) percaya yang Raja Norodom sendiri yang menjadi punca penentangan terhadap segala pembaharuan.

¹ Cf. *supra*, ms 563, nota (1)

Gabenor Cochin China, Ch. Thomson menerima arahan supaya sistem naungan di Kemboja dijalankan sepenuhnya seperti yang dilaksanakan di Annam.² Melalui paksaan dan ancaman untuk mengusir raja, Thomson berjaya mendapatkan tandatangan raja bagi satu konvensyen yang melucutkan semua kuasa yang ada pada raja (17 Jun 1884).³

Kemboja menjadi sebuah negeri naungan Perancis dengan sistem pemerintahan beraja yang masih mutlak. Penguasaan Perancis ke atas Kemboja ini bererti negara itu kembali kepada sistem yang pernah dialami olehnya semasa pendudukan Vietnam dan Siam. Kuasa yang pada nama sahaja yang masih dipegang oleh raja hanyalah kerana beliau telah berjanji akan menerima segala pembaharuan yang difikirkan sesuai bagi Kemboja oleh pihak Perancis. Residen Perancis yang ditempatkan melalui perjanjian 1863 mempunyai beberapa orang residen di bawah perintahnya yang dilantik sendiri oleh kerajaan Perancis dan ditempatkan di tiap-tiap pusat wilayah. Segala pentadbiran tempatan dijalankan oleh Kemboja di bawah pengawasan mereka. Tetapi hal-hal ketenteraman awam dan perkhidmatan bercorak teknikal (kerja raya dan lain-lain) dan kewangan (cukai, kastam dan lain-lain) semuanya diletak di bawah pentadbiran pegawai Perancis. Segala perbelanjaan bagi pentadbiran Kemboja dan hal-hal yang berkaitan dengan naungan dibiayai oleh Kemboja (art.6). Perhambaan dihapuskan, pemilikan harta persendirian dan pindah milik tanah dibenarkan. Ibu negeri iaitu Phnom Penh akan ditadbirkan oleh satu majlis tempatan campuran yang mempunyai sebahagian besar ahli-ahlinya yang terdiri daripada orang Perancis. Raja tidak lagi berkuasa untuk membuat undang-undang ataupun keputusan tanpa persetujuan rasmi daripada residen Perancis. Pada hakikatnya kuasa memerintah di Kemboja sudah jatuh ke tangan Perancis.

Norodom terkejut melihat apa yang sedang berlaku di Kemboja dan beliau yakin yang Perancis sedang bersiap sedia untuk menghapuskan negaranya dan mencantumkannya dengan Cochin China, walaupun ini akan bertentangan dengan perjanjian Perancis-Siam

²Perjanjian Perancis-Vietnam 6 Jun 1884.

³Lihat perbincangan secara terperinci mengenai hal ini dalam E. Maspero dan G. Porec, *Moeurs et. Coutumes des Khmers*, Paris, Payot 1938, ms 55.

1867. Beliau berfikir yang satu cara untuk mengelakkan keadaan ini ialah melalui pemberontakan sebagaimana yang pernah dilakukan bagi mematahkan cita-cita Vietnam dalam tahun 1845.

Sebaik sahaja selepas konvensyen 17 Jun disahkan oleh Parli-men Perancis, beberapa kawasan di Kemboja telah diserang (November 1884). Rusuhan merebak di kebanyakan wilayah. Pada 6 Mei 1885 ibu negeri Kemboja telah diserang oleh sekumpulan lima ribu orang pemberontak, tetapi Perancis mempunyai cukup kelengkapan maka pemberontakan ini dengan senang dapat dipatahkan oleh Perancis. Pemberontakan di Kemboja ini walau bagaimanapun telah berjaya meletakkan Perancis dalam keadaan yang sulit kerana pada masa yang sama Perancis menghadapi pemberontakan golongan cendekiawan di Annam.

Pada tahun 1885 dan 1886 tentera Perancis mengenakan penga-wasan yang ketat ke atas Kemboja bagi mengelakkan daripada berlakunya pemberontakan. Tetapi cara-cara yang mereka jalankan ini sebaliknya banyak menimbulkan pemberontakan gerombolan yang biasanya bersembunyi melancarkan serangan mengejut ke atas orang Perancis yang juga tidak biasa dengan perjalanan yang jauh dalam hutan, wabak penyakit dan iklim yang panas. Keadaan ekonomi semakin merosot kerana ramai petani hilang mata pencari-an mereka disebabkan peperangan dan meninggalkan sawah ladang mereka untuk mencari perlindungan di Siam. Raja Norodom juga mengasingkan diri tinggal di istana dan enggan memberi kerjasama kepada pihak Perancis.

Dalam bulan Januari 1887, setelah pemberontakan itu berlaku selama 26 bulan, kerajaan Perancis sedar akan kesalahan mereka dan mengambil langkah-langkah baru bagi mengatasi masalah ini. Perancis telah memberitahu raja yang kerajaan Perancis akan melaksa-nakan sebahagian sahaja konvensyen tahun 1884 dan dengan cara yang lebih sesuai jika sekiranya beliau dapat menghapuskan pembe-rontakan ini dengan cara yang difikirkan sesuai olehnya. Perancis berjanji yang mereka tidak akan menakluk Kemboja. Kuasa raja akan dipulihkan dan Ketua Residen akan hanya ditempatkan seba-gai penasihat sahaja dan menteri-menteri Kemboja akan kembali kepada jawatan masing-masing.

Obbarrach (raja muda) Sisowath, iaitu saudara kepada Raja Norodom telah pun mengadakan hubungan dengan pihak pembe-

rontak. Tetapi raja bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Perancis dan memanggil ketua-ketua pemberontak berhimpun di Kompong Tuol. Raja Norodom berjaya mendapatkan pengakuan taat setia mereka dan keadaan dapat dipulihkan apabila pemberontak bersetuju untuk kembali ke kampung masing-masing.

Pada permulaannya pentadbiran Perancis mengambil sikap berhati-hati. Kuasa raja secara rasminya dikembalikan walaupun kuasa ini hanyalah pada nama sahaja: walau bagaimanapun semua perubahan yang dikemukakan oleh Ketua Residen mestilah dipersetujui oleh raja dan semua ordinan mesti ditandatangani sendiri oleh raja bersama dengan cap mohornya. Selain daripada Phnom Penh, Perancis hanya menempatkan empat orang residen di kawasan tertentu (Kampot, Kratie, Pursat dan Kompong Thom). Mereka menerima arahan supaya jangan campur tangan dalam hal-hal anak negeri dan mesti menghormati adat resam dan agama penduduknya.

Penyelesaian di antara Perancis dan Siam 3 Oktober 1893 tidak banyak menguntungkan Kemboja. Siam menyerahkan kepada Perancis semua kawasan di tebing kiri Sungai Mekong sementara Perancis mengambil semula wilayah Stung Treng yang telah diserahkan kepada Siam oleh Kemboja pada awal abad kesembilan belas. Tetapi wilayah ini telah dicantumkan kepada Laos.

Hubungan di antara Norodom dan pegawai Perancis masih tidak memuaskan. Norodom merupakan seorang raja mutlak kerana dalam pemerintahannya tidak terdapat sebarang dewan perwakilan atau badan-badan yang dilantik yang boleh menghadkan kuasanya atau mengawasi serta mengkritik sebarang keputusan atau tindakannya. Cara pemerintahan yang seperti ini bukanlah sesuatu yang senang diterima oleh Republik Ketiga Perancis yang radikal itu. Istana dan raja sendiri memperuntukkan sebahagian besar daripada kewangan negara bagi perbelanjaan yang dianggap membazir. Mengikut konvensyen tahun 1884 Perancis bertanggungjawab atas perjalanan kewangan negara Kemboja, tetapi terpulanglah atas budi bicara raja mengendalikan perbelanjaan bagi pentadbiran, dan untuk raja sendiri serta istana. Elaun khas tahunan untuk ketua negara (raja) mencapai jumlah 1 500 000 francs (emas) dalam tahun 1897.⁴ Ini adalah satu jumlah yang besar pada masa itu. Elaun ini bukan

⁴Paul Doumer, *Souvenirs*, Paris, 1905, ms 228.

satu-satunya punca kewangan istana. Pendapatan lain datang daripada berbagai sumber (perikanan, tempat-tempat perjudian dan lain-lain) termasuklah pentadbiran dan kehakiman.

Raja menggunakan banyak perbelanjaan bagi hal-hal peribadi dan bersukaria. Beliau mempunyai "banyak harem, isteri dan gundik, pasukan penari yang terpilih, orang suruhan daripada segala peringkat dan begitu ramai" dan beliau juga seorang penghisap candu.⁵ Beliau membelanjakan begitu banyak wang bagi membeli barang-barang yang dianggap luar biasa sebagai satu cara meniru adat dan gaya orang Eropah. Pembaziran wang dan kemewahan yang sewenang-wenangnya ini menimbulkan rasa tidak senang hati terutama di kalangan keluarga diraja yang sebahagian besarnya telah diketepikan. Beliau mempunyai lebih daripada lima puluh orang anak, tetapi sebahagian daripada mereka ini tinggal dalam kemiskinan dan di istana sendiri terdapat pertikaian sama sendiri di antara putera raja serta pembesar yang ingin mengekalkan sokongan dan mendapatkan layanan istimewa daripada raja yang pada masa itu membolot semua harta kekayaan.

Kehidupan di istana Kemboja berterusan dalam keadaan ini. Seorang Ketua Residen percaya yang keadaan ini dapat diubah dalam. Sejak tahun 1889 (peraturan 3 Oktober 1889 yang dikeluarkan oleh kerajaan Gabenor Jeneral Indo-China) pengerusi majlis menteri-menteri Kemboja diserahkan kepada Ketua Residen yang mewakili Perancis.⁶ Dengan kebijanya Residen berjaya mempengaruhi menteri-menteri Kemboja, termasuklah Perdana Menterinya, "seorang yang bijak dan arif".⁷ Beliau campur tangan dalam pertikaian di istana sehingga menyebabkan orang Kemboja berpecah belah. Pada awal tahun 1897, melalui persetujuan menteri-menteri, Residen berjaya mengambil semua kuasa dan hak kehakiman daripada Raja Norodom atas sebab-sebab yang raja itu tidak mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugasnya. Dengan ini residenlah yang menjadi "raja" yang sebenar. Tetapi Norodom tetap menaruh dendam padanya.

⁵*Ibid.*, ms 228.

⁶Claude Gour, *Institutions constitutionnelles et politiques du Cambodge*, Paris, 1967, ms 31.

⁷Paul Doumer, *op. cit.*, ms 234.

Ekonomi negara terus merosot. Keadaan kewangan membimbangkan dan hasil pendapatan bagi perbendaharaan berkurangan (kebanyakannya disebabkan rasuah dan penipuan). Tidak terdapat pemodenan dan kemajuan. Perkhidmatan perubatan yang dimulakan sejak 1885 apabila berlakunya kekacauan, masih lagi pada tahap permulaannya. Sebuah hospital dibina pada awal pentadbiran Perancis dan diperbaiki dalam tahun 1891. Dalam bidang pelajaran pula, tumpuan hanya diberikan terhadap sesuatu yang boleh menguntungkan pentadbiran Perancis sahaja: sebuah kolej penterjemahan ditubuhkan dalam tahun 1885 (di bawah Pavie). Sebuah "College du Protectorat" ditubuhkan dalam bulan April 1893 bagi memberikan pelajaran asas kepada pentadbiran tempatan. Walau bagaimanapun sebuah sekolah Perancis telah ditubuhkan sejak tahun 1873 di Phnom Penh bagi pelajar-pelajar terutama anak-anak golongan elit Khmer.

Dalam bidang pentadbiran pula satu perkhidmatan bercorak teknik dalam bahagian pertanian dimulakan dalam tahun 1895 dan perkhidmatan awam tempatan dalam bulan Februari 1896, tetapi masih pada peringkat awal dan sangat terhad. Satu kajian bagi memperbaiki jalan-jalan dan perjalanan di Sungai Mekong telah dibuat. Kajian-kajian ini memperakui yang perladangan boleh dijalankan di Kemboja dan juga wujudnya bahan galian yang kaya, tetapi ianya tidak menarik ramai orang Eropah untuk datang ke Kemboja. Gabenor Jeneral Paul Doumer pernah menyatakan⁶ yang sejak hampir empat puluh tahun bermulanya naungan/pentadbiran Perancis, kemajuan ekonomi Kemboja adalah sangat berkurangan malah boleh dikatakan tidak ada langsung.

Pembaharuan dan Pembangunan

Sejak lawatannya yang pertama pada awal tahun 1897, Paul Doumer telah dapat merasakan keadaan yang tegang yang terdapat di Phnom Penh serta peri pentingnya masalah ini. Beliau telah mengeluarkan satu dasar: "Kita (katanya) tidak dapat mewujudkan satu organisasi yang membolehkan kita dapat menjalankan dasar ekonomi yang berkesan tanpa membuat satu perjanjian baru dengan

⁶Paul Doumer, *op. cit.*, ms 234.

raja". Jawatan Residen ditukar namanya kerana ini telah menyebabkan ketegangan dalam hubungan dengan raja. Sementara itu raja menerima satu perlembagaan baru yang dibuat melalui ordinar diraja 11 Julai 1897 sebagai pampasan pengembalian hak-hak istimewa raja dan bidang kehakiman.

Perlembagaan ini diilham oleh prinsip "raja boneka" yang semakin popular di Eropah. Tanpa disedari prinsip ini telah mengakhiri pemerintahan beraja mutlak dan membina asas bagi sebuah pemerintahan demokrasi berperlembagaan dengan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Raja mengekalkan kuasa membuat undang-undang walaupun ini pada nama sahaja. Beliau juga menjadi ketua dalam pentadbiran negara dan ketua dua mazhab yang penting iaitu *Dhammayut* dan *Mohanikai*. Beliau mengekalkan haknya memberi pengampunan kepada rakyat Kemboja.

Negara itu kini diperintah melalui majlis menteri yang dianggotai oleh lima orang menteri bangsa Kemboja yang dilantik oleh raja dengan persetujuan Ketua Residen. Menteri-menteri menyediakan laporan bersama tentang sebarang keputusan yang dibuat akan diperbincangkan pula dalam satu sidang pleno yang dipengerusikan oleh wakil Perancis. Majlis menteri-menteri ini tidak lagi bersidang di hadapan raja. Semua ordinar, keputusan, perlantikan, perombakan dan lain-lain mestilah ditandatangani oleh raja, tetapi ia tidak dapat dilaksanakan tanpa tandatangan pengesahan Ketua Residen. Dengan ini daripada segi undang-undang dan hakikatnya, Ketua Residen yang sebenarnya memerintah Kemboja. Kuasa beliau hanya dibatasi oleh arahan-arahan yang diterimanya daripada dan pengawasan ke atasnya oleh Gabenor Jeneral Indo-China. Menteri-menteri Kemboja yang bekerjasama dengan Ketua Residen sebelum ini dikekalkan di jawatan masing-masing walaupun ini bertentangan dengan kehendak raja.

Dengan pentadbiran pusatnya dikuasai oleh Ketua Residen, pentadbiran Kemboja di peringkat wilayah berada di tangan residen Perancis. Untuk tujuan pentadbiran, Kemboja dibahagikan kepada beberapa kawasan (disebut Residensi), salah satu daripadanya ialah bandar Phnom Penh yang mempunyai seorang Residen-Datuk Bandar (Residen-maire).

Perubahan daripada segi pentadbiran, kehakiman dan kewangan yang sangat diperlukan itu telah diperkenalkan dan kadang-

kadang mendapat tentangan daripada raja dan kalangan istana. Perhambaan kerana hutang piutang secara rasminya telah dihapuskan melalui ordinan II Julai 1897. Ordinan ini berkuatkuasa di seluruh negara, tetapi terpulanglah kepada raja bagi menentukan masa untuk membebaskan hamba-hambanya. Pembaharuan daripada segi pentadbiran dan kehakiman dijalankan. Tujuan utama ialah untuk menghapuskan ketidakadilan dan kecuaiian dalam profesion itu juga bagi menyekat pegawai dan hakim daripada melakukan perkara demikian. Terdapat penentang yang serius kerana ia melibatkan ramai pegawai daripada berbagai peringkat yang selama ini telah mengaut keuntungan daripada orang yang mereka tadbir atau adili (terutamanya daripada orang Cina). Melalui persetujuan tahun 1897 kuasa kehakiman mahkamah Kemboja terhad kepada orang Kemboja sahaja, sementara orang asing (Perancis, Lao, Cina dan lain-lain) diadili oleh mahkamah Perancis yang bertanggungjawab kepada pentadbiran Perancis secara langsung. Dalam tahun 1899 kerajaan mengharamkan perjudian. Kalangan istana menentang langkah ini kerana mereka mempunyai banyak kepentingan.⁹ Akhirnya membentuk majlis tempatan (kampung) dengan ahli-ahlinya yang telah dipilih.

Daripada segi ekonomi, Paul Doumer telah merancang pembinaan infrastruktur sebagai langkah ke arah pembangunan. Satu perkhidmatan kerja raya dibentuk dalam tahun 1898. Aktivitinya tertumpu kepada memajukan pelayaran di Sungai Mekong (kerja-kerja mendalami muara), membaiki pelabuhan Phnom Penh, membina bangunan awam dan jalan keretapi di bandar Phnom Penh dan di beberapa pusat wilayah yang lain dan jalan keretapi di bandar Phnom Penh dan di beberapa pusat wilayah yang lain dan mengadakan perancangan bagi konsesi tanah. Satu ordinan diraja 12 Ogos 1903 membolehkan pembentukan "Majlis Residensi" iaitu satu badan yang dipilih melalui pengundian secara tidak langsung dan terhad. Majlis ini dibentuk di tiap-tiap kawasan pilihanraya dan pemilihannya dijalankan sekali dalam setahun. Ia akan dirujuk untuk hal-hal setempat.

Semua dorongan ini menunjukkan hasilnya dengan cepat. Dalam masa empat tahun sahaja Phnom Penh yang masih merupakan

⁹Paul Doumer, *op. cit.*, ms 234.

sebuah perkampungan besar dalam tahun 1897 bertukar menjadi sebuah bandar yang mempunyai pelabuhan, bangunan awam yang moden, kawasan perniagaan dan jalan raya. Penggunaan lampu elektrik diperkenalkan buat pertama kalinya dalam tahun 1902.

Eksplotasi bahan-bahan asli diawasi dan dijalankan mengikut peraturan. Sebelumnya aktiviti perikanan di Tasik Besar disewakan oleh raja kepada mereka yang kaya, terutama orang Cina yang kemudiannya menyewakannya kepada orang lain. Kemunculan orang tengah dan kontrak ini menimbulkan spekulasi dan pemerasan. Sejak tahun 1884 pentadbiran Perancis mengenakan kawalan ke atas aktiviti pemajakan. Satu sistem bayaran pendahuluan bagi kegunaan bersama diperkenalkan, dan dalam tahun 1890 diadakan perkhidmatan perhutanan. Sebelumnya, sesiapa sahaja boleh menjalankan eksploitasi perhutanan dengan syarat membayar pendahuluan. Tidak ada sebarang peraturan ataupun sekatan yang dikenakan. Penduduknya boleh membakar, memusnah hutan tanpa sebarang tindakan atau perhatian. Pentadbiran Perancis telah memperkenalkan peraturan dan pengawalan dikenakan di tiap pintu masuk. Pemilihan tanah persendirian boleh dilakukan apabila peraturan sebelumnya yang melarang pindah milik tanah dihapuskan. Terdapat banyak konsesi untuk pertanian, perhutanan dan perlombongan, tetapi tidak disusuli oleh pelaburan.

Raja Norodom yang sudah tua tetapi masih mempunyai martabat dan kehidupan yang terjamin dengan adanya ordinan 1897 dan pembaharuan seterusnya, mula memikirkan masalah penggantinya. Sejak awal pemerintahannya lagi, saudaranya Sisowath, *Obbareach*, telah difikirkan sebagai orang yang akan mewarisi takhta. Norodom tidak menyukainya dan telah mengetepikannya dan juga pernah menghina saudaranya ini.¹⁰ Hakikat sebenarnya ialah Norodom bimbang akan pengaruh Sisowath dan beliau lebih suka jika sekiranya Perancis membuat perubahan dalam hal-hal mengenai penggantian serta menerima bakal raja yang beliau sendiri akan tentukan (misalnya Putera Yukanthor). Tetapi Perancis-Paul Doumer terutamanya tetap berpegang kepada peraturan tradisi Kemboja, walaupun terdapat percubaan untuk menghalangnya. Malah orang Peran-

¹⁰Paul Doumer, *op. cit.*, ms 230.

cis tidak sedikit pun cuba menyembunyikan rasa simpati mereka terhadap Sisowath.

Hubungan dengan Siam juga dapat diperbaiki, terutama setelah lawatan Paul Doumer ke Bangkok, hubungan Perancis Siam menjadi lebih baik. Pada 13 Februari 1904, satu perjanjian di antara dua buah negara tersebut telah mengubah sempadan negara Kemboja. Siam akan menyerahkan semula kepada Kemboja kawasan yang agak luas di bahagian utara wilayah-wilayah Kompong Thom dan Stung Treng (Melu Prey) serta wilayah-wilayah Kratt dan Koh Kong, jika Siam dapat mengambil semula wilayah Chantaboun yang diduduki oleh Perancis sejak tahun 1893. Tetapi Kemboja mengharapkan yang rundingan ini akan memberikan kepadanya lebih daripada yang dikemukakan. Kemboja terus dengan permintaan supaya dikembalikan semula wilayah Battambang dan Angkor.

Pada 24 April 1904, Raja Norodom meninggal dunia. Atas inisiatif Ketua Residen, majlis raja telah bermesyuarat pada hari yang sama dan mengisytiharkan *Obbareach*, Sisowath sebagai raja baru Kemboja.

Pemerintahan Sisowath (1904-1927) dan Monivong (1927-1941)

Sebagai seorang raja yang menyokong pembaharuan, Sisowath memulakan pemerintahannya dengan mengambil beberapa langkah menghapuskan setengah daripada aspek yang dianggap kolot dalam kehidupan di Kemboja. Sejak 21 Mei 1904 beliau mengambil langkah memperbaiki sistem kehakiman dengan menghapuskan hukum kerja berat "sama ada sebagai satu hukuman ataupun sebagai satu cara memberi pengajaran", seterusnya pada tahun 1905 beliau menghapuskan praktik merantai orang tahanan. Melalui ordinar yang dikeluarkan pada 5 Mei 1905 beliau menghapuskan sistem pemberian kawasan kepada seseorang putera raja untuk dijadikan hak miliknya. Dalam tahun 1906 pula Sisowath melawat Perancis, lawatan ini menarik minat akhbar-akhbar Paris terutamanya. Pasukan penari yang turut mengiringi beliau juga memberikan kesan besar kepada lawatan ini.

Hubungan mesra dengan Perancis ini membolehkan Sisowath mengemukakan dengan lebih berkesan permintaannya bagi mendapatkan semula wilayah Battambang dan Angkor yang telah terlepas daripada tangan Kemboja dalam tahun 1794 dan telah diiktiraf oleh

Perancis sebagai hak Siam dalam tahun 1867. Perjanjian Perancis-Siam tahun 1904 juga tidak membicarakan pengembalian wilayah ini kepada Kemboja. Siam mahu mendapatkan semula kuasa kehakiman sepenuhnya dan sedia berunding dengan Perancis. Pihak Perancis diwakili oleh seorang perunding yang bijak, Kol. F. Bernard. Melalui perjanjian yang ditandatangani pada 23 Mac 1907 Siam bersetuju mengembalikan kepada Kemboja wilayah-wilayah Battambang dan Angkor yang mempunyai kawasan seluas 27 000 km persegi dan seramai 400 000 orang penduduk. Kawasan-kawasan ini dicantumkan semula dengan Kemboja melalui peraturan 22 Disember 1907. Sebagai gantinya Siam mendapat wilayah Don Say dan Kratt dan Perancis menghapuskan keistimewaannya daripada segi kehakiman. Wilayah pantai Kos Kong yang diserahkan oleh Bangkok dalam tahun 1904 disatukan dengan Kemboja melalui peraturan 27 Jun 1907. Sisowath merayakan percantuman semula Angkor ini secara besar-besaran dalam tahun 1909.

Walau bagaimanapun kepentingan Kemboja tidak dijaga sepenuhnya oleh pentadbiran Perancis yang juga bertanggungjawab terhadap Laos dan Cochin China. Wilayah Stung Treng (diluaskan daripada kawasan Tonle Sap dan Melu Prey) diserahkan semula oleh Siam melalui perjanjian bulan Februari 1904 telah dipisahkan dari Laos dan diberikan kepada Kemboja melalui peraturan 6 Disember 1904. Tetapi wilayah Darlac telah diletak di bawah pentadbiran Perancis di Annam.

Di bahagian Cochin China pula, penetapan sempadan pentadbiran dibuat tanpa mengambil kira kepentingan Kemboja seperti mana yang berlaku dalam sektor Kampot-Hatien dan Locninh (peraturan 31 Julai 1914).

Raja Sisowath menunjukkan minat yang besar terhadap pelajaran. Baginda melihat ke arah perkembangan dan pemodenan pelajaran sebagai kunci kepada transformasi negaranya. Sehingga kini pelajaran yang diperkenalkan di Kemboja hanyalah pelajaran asas, sekurang-kurangnya yang ada sangkut-paut dengan bahasa dan pengetahuan politik. Di kuil, kanak-kanak diajar oleh sami prinsip moral, menulis dan membaca mempelajari kitab-kitab suci agama Buddha. "Sekolah kuil" inilah yang menjadi asas sistem persekolahan yang baru di negara itu. Satu ordinar diraja tahun 1911 menyatakan yang bahasa Kemboja akan diajar di semua kuil dan

semua kanak-kanak lelaki yang berumur lapan tahun ke atas akan dihendaki belajar secara tetap. Organisasi sekolah kuil ini adalah di bawah kelolaan sami-sami, tetapi kerajaan akan "membaharui" sekolah ini dan memperkenalkan satu "program" yang sama seperti di sekolah rendah (sekolah kerajaan). Dalam tahun 1911 sekolah kerajaan di Phnom Penh (sehingga tahun 1905 dikenali sebagai "College du Protectorat") ditukarkan menjadi Kolej Sisowath. Walau bagaimanapun pelajaran menengah diperkenalkan lebih lewat.

Dengan penyerahan semula Angkor kepada Kemboja maka dapatlah dijalankan kajian terhadap peninggalan yang tersembunyi di dalam hutan. Satu jabatan khas ditugaskan untuk menjalankan penyelidikan ini (kurator yang pertama ialah M. Commaille). Kajian inskripsi oleh pengkaji di *Ecole Francaise d'Extreme Orient* (ditubuhkan dalam tahun 1898) membolehkan penulisan semula dan permulaan ke arah memahami sejarah Khmer, menulis sejarahnya yang membayangkan kebanggaan orang Kemboja dan memberikan kepada mereka satu kesedaran kebangsaan yang baru.

Daripada segi politik dan pentadbiran tidak terdapat banyak kemajuan yang dicapai di bawah pemerintahan Sisowath. Organisasi yang diperkenalkan oleh Paul Doumer dalam tahun 1897 masih dikekalkan. Dalam bulan Oktober 1912 Gabenor Jeneral Albert Sarraut yang telah mendapat mandat untuk melaksanakan dasar "pertubuhan" di Indo-China telah mengumumkan persetujuannya untuk penubuhan institusi-institusi yang mewakili penduduk tempatan. Satu ordinan diraja bertarikh 18 Mac 1913 menubuhkan satu Majlis Perhimpunan Peribumi (*Assemble Consultative Indigene*) yang dianggotai sebahagiannya oleh ahli-ahli yang dilantik (1/8) dan sebahagian besarnya oleh ahli-ahli yang dipilih. Badan pemilihan adalah terhad: penasihat residensi, pegawai-pegawai dan pemegang ijazah tertentu sahaja. Majlis ini bertemu hanya sepuluh hari dalam setahun, pada asasnya membincang dan meneliti belanjawan. Dalam bulan September 1915 diadakan satu peraturan bagi menentukan kuasa ketua di kawasan pilihanraya (orang Kemboja) (*chaufay-skhet*).

Walaupun beberapa praktik yang keterlaluan dengan adanya pengawasan ketat daripada pihak kerajaan ke atas pentadbiran Kemboja, masih terdapat banyak kepincangan dalam perjalanan

pentadbiran. Dalam bulan Februari 1916 keadaan ini mendapat tentangan daripada orang Kemboja. Mereka menentang perbuatan seorang *chaufayskhet* yang juga menantu Perdana Menteri Thioun, yang menyelewengkan kredit untuk membayar gaji pekerja. Tunjuk perasaan ini disertai oleh kira-kira 100 000 orang, daripada jumlah ini seramai 30 000 telah datang ke bandar Phnom Penh, di sana mereka telah diminta bersurai oleh raja yang sudah tua itu (beliau berumur 77 tahun). Pusat-pusat kawalan di Kratie juga telah diserang. Tindak balas daripada pihak berkuasa telah ditentang hebat oleh kaum Steing dan akhirnya operasi ini terpaksa dihentikan kerana tidak cukup kelengkapan untuk meneruskannya. Ramai daripada tentera Kemboja telah terpaksa ke Eropah bagi menentang Jerman dalam Perang Dunia I.

Sistem kehakiman di Kemboja diletakkan di bawah kawalan yang lebih rapi oleh pentadbiran Perancis selepas Perang Dunia I. Ordinan diraja 14 September 1922 menempatkan seorang penasihat undang-undang Perancis di Kemboja dan menubuhkan satu mahkamah jenayah di Phnom Penh bagi seluruh Kemboja. Organisasi kehakiman Khmer banyak mencontohi sistem kehakiman Perancis. Sejak tahun 1911, Kemboja mempunyai perundangan baru (kanun keseksaan dan kanun perintah jenayah). Satu kanun sivil juga sedang disiapkan.

Daripada segi ekonomi pula kemajuan besar dicapai dalam pembangunan infrastruktur. Projek pembinaan jalan-jalan dilaksanakan dalam tahun 1912. Kemboja mempunyai hanya 406 km jalan batu dalam tahun 1910 tetapi dalam tahun 1920 terdapat jalan raya sepanjang 1 518 km.

Keutamaan diberikan kepada pembinaan jalan berkereta yang menghubungkan Phnom Penh dengan Saigon, Battambang dan Kampot. Jalan raya Cochin China dibuka dalam tahun 1920. Selain daripada kerja-kerja pembinaan jalan, pentadbiran juga terus meningkatkan kerja-kerja perbandaran (jalan keretapi, bangunan pengagihan air dan elektrik).

Seperti juga pada masa kini pertanian merupakan asas ekonomi Kemboja. Pusat-pusat penyelidikan ditubuhkan di Takeo (Jun 1914), Val d'Emeraude berhampiran dengan Bokor (untuk pembiakan ternakan) dalam bulan Julai 1918, di Battambang (untuk penanaman padi) dalam tahun 1919 dan lain-lain. Penanaman padi

sangat maju terutama di wilayah Battambang kerana terdapat konsesi besar yang diberikan kepada orang Eropah. Dalam tahun 1927, kawasan tanaman padi di Kemboja meliputi seluas 900 000 hektar, jika dibandingkan dengan 300 000 dalam tahun 1904. Kesuburan tanah di bahagian timur Kemboja sesuai untuk tanaman getah seperti yang terdapat di Cochin China. Kemboja juga kaya dengan ternakan (terutama lembu) dan mampu mengeksport binatang-binatang ini untuk daging dan kulit. Orang Eropah mula menunjukkan minat terhadap Kemboja dalam tahun 1926 dan permintaan untuk konsesi-konsesi bertambah. Dalam sektor perikanan pula, ordinan 1908 menghapuskan pajakan dan membentuk satu sistem pengerjaan perikanan yang dibahagikan kepada dua kategori, satu-nya bebas dan yang satu lagi berdasarkan kepada konsesi.

Walaupun terdapat kemajuan daripada segi kebendaan, keadaan politik masih tidak memuaskan. Sistem naungan ini bukannya satu cara untuk memberikan "bantuan teknik yang wajib". Naungan yang diperkenalkan sejak tahun 1884 dan seterusnya ke atas kerajaan diraja Kemboja telah disusuli dengan *modus vivendi* antara pegawai Kemboja dan pegawai Perancis bagi meneruskan *status quo* yang menguntungkan mereka. Semakin ramai pegawai Perancis yang "menutup mata" terhadap kesalahan atau kecuaiian "mandarin" atau pegawai Kemboja yang dilantik oleh mereka. Adakalanya cara ini dijalankan bagi "memastikan" kesetiaan pegawai Kemboja. Rasuah menjadi-jadi dan ini sangat merugikan rakyat, yang selalunya menyalahkan orang Perancis kerana tidak menjaga kepentingan mereka, walaupun telah ada undang-undang yang dibuat bagi menjaga kepentingan mereka.

Kebanyakan daripada generasi pertama orang Perancis yang terlibat dalam pentadbiran naungan telah tiada lagi (sama ada terbunuh atau tercedera dalam perang 1914-18) ataupun bersara. Ramai daripada mereka ini yang boleh bertutur bahasa Kemboja dan mempunyai hubungan yang rapat dengan rakyat Kemboja. Tetapi selepas perang, terdapat ramai pegawai bangsa Eropah mempunyai sikap yang berbeza dan disebabkan pertukaran yang kerap berlaku di kalangan pegawai ini, mereka lebih menumpukan perhatian mereka terhadap kerjaya atau persaraan daripada kawasan yang ditadbirkan ataupun kepada semangat *mission civilatrice*. Kemboja terletak jauh dari pusat pentadbiran Indo-China di Hanoi dan

bandar besar seperti Saigon, ini tidak menarik minat pegawai yang bercita-cita tinggi ataupun mereka yang mempunyai dedikasi. Pentadbiran Perancis di Kemboja tidak lagi mempunyai sebahagian besar sifat-sifat kebolehan yang terdapat sebelum ini. Negara Kemboja yang terkenal sebagai sebuah negeri yang "penuh keriang dan tenang" menjadi tumpuan mereka yang gemarkan cara hidup yang "tenang dan tanpa banyak masalah", yang boleh melupakan mereka daripada ketegangan dan tindakan-tindakan.¹¹

Pemikiran semangat "melepas batuk di tangga" inilah merupakan salah satu sebab pentadbiran naungan telah memanggil orang Vietnam untuk mengisi kekosongan dalam jawatan-jawatan tertentu di Kemboja apabila mereka tidak dapat mencari orang Kemboja yang dinamik atau berpelajaran bagi mengisi jawatan dalam perkhidmatan di Kemboja (di residensi, kerja raya, kewangan dan lain-lain). Dengan ini beribu-ribu orang Vietnam yang sanggup "menerima" tawaran datang ke Kemboja bagi memegang jawatan sebagai setiausaha atau pembantu pentadbiran dan menjalankan kerja-kerja yang kekurangan orang Kemboja (perka, plan, perikanan, perusahaan kecil dan lain-lain). Pada masa yang sama terdapat penghijrahan orang Cina yang membolot perniagaan dan kerja-kerja pengangkutan serta kredit. Jaringan ekonomi Cina ini mempunyai hubungan langsung dengan rakan-rakan mereka di Singapura, Betawi, Bangkok, Hong Kong dan Canton. Ekonomi Kemboja dibolot sepenuhnya oleh orang asing seperti Perancis, Cina dan Vietnam.

Tahun-tahun terakhir pemerintahannya Raja Sisowath mengalami sakit tenat iaitu dalam tahun 1923. Sisowath seorang raja yang selalu tersenyum dan baik hati dan lebih suka dianggap sebagai "bapa" kepada rakyatnya dan bukan sebagai "tuan". Beliau sangat disayangi oleh rakyat dan keadaannya yang sakit tenat itu membimbangkan rakyat. Kekeliruan telah timbul di istana dan dalam pentadbiran termasuklah komplot, dan praktik-praktik yang keterlaluan. Keadaan raja yang tenat ini menyebabkan pihak Perancis menumpu perhatian kepada masalah pengganti. Pentadbiran naungan telah memilih putera kepada Norodom, iaitu Putera Norodom Sutharot

¹¹Tidak hairanlah kalau "tidak ada langsung kajian yang dibuat tentang kehidupan di Kemboja daripada segi ekonomi, politik dan sosial di bawah penjajahan sepertimana yang dinyatakan oleh Remy Preudhomme (*L'conomie du Cambodge*, Paris, 1968, ms 12).

"seorang penulis yang bermutu, cendekiawan dan penyair yang baik" serta dihormati oleh "nasionalis" (penyokong keturunan pihak putera sulung) dan golongan "muda". Walau bagaimanapun Putera ini tidak mempunyai reputasi yang baik di Paris. Menteri-menteri yang bertanggungjawab di Paris telah menyatakan yang bakal pengganti raja mestilah diberi kepada putera sulung Norodom (Putera Norodom Phnuvong), jika sekiranya ini tidak dapat diterima maka ia hendaklah diberikan kepada putera Raja Sisowath iaitu Monivong. Monivong telah memulakan "kerjaya"nya dalam tentera Perancis dan lulus dari Maktab Saint-Maixent dengan berpangkat leftenan muda dalam tahun 1908. Beliau yang berada di selatan Perancis mengetuai satu batalion telah dipilih untuk menggantikan raja yang sedang gering itu.¹²

Sisowath meninggal dunia dalam tahun 1927. Sepertimana yang telah ditentukan, Putera Monivong menggantikan beliau.

Dalam masa pemerintahan Monivong yang singkat inilah Kemboja melalui zaman krisis ekonomi dunia tahun 1929-1936. Negara itu mengalami masa yang sukar yang merupakan satu ujian yang pahit.

Pada tahun-tahun seterusnya Kemboja meneruskan dasar memperbaiki infrastruktur yang telah pun dimulakan dalam pemerintahan sebelumnya. Satu jambatan besar yang merentangi Bassac dekat Phnom Penh telah disiapkan dalam tahun 1929 dan diberi nama raja yang memerintah. Jalan keretapi Phnom Penh-Battambang dibina di antara tahun 1929 dan 1932. Jalan raya juga diperluaskan, pembinaan sistem parit dan tali air bagi pertanian dan kesihatan diteruskan. Pembersihan kawasan tanah merah di wilayah di bahagian timur, terutama di wilayah Kratie dan Kompong Thom dijalankan. Bandar-bandar diperbesarkan dan diserikan bangunan awam dan persendirian yang baru. (Pada masa pemerintahan Monivong inilah telah dibina istana diraja sekarang, iaitu Istana Khemarin). Beberapa buah pusat penyelidikan agronomi dibuka, terutama di Tuol Samrong (1928) dan di Siemreap (1929).

Sejak tahun 1911 sekolah-sekolah kuil menjadi asas kepada

¹²Norodom Sihanouk, "Comment S.M. Monivong devint roi" *Le Sangkum* no. 8.

pelajaran di Kemboja. Peranan agama Buddha dalam kehidupan rakyat Kemboja menjadi lebih penting. Pentadbiran Perancis terpaksa mengakui peri pentingnya faktor agama ini. Mereka memikirkan yang pemergian sami ke Bangkok untuk mempelajari bahasa mungkin akan memberi peluang kepada Siam mempengaruhi kedua mazhab agama yang dianuti oleh rakyat dan elit Kemboja. Sebuah sekolah bahasa pali telah ditubuhkan di Phnom Penh dalam tahun dua puluhan bagi membolehkan sami menuntut ilmu dalam negeri mereka sendiri. Bagi tujuan ini juga teks-teks utama agama Buddha diterjemahkan dan disunting. Dalam tahun 1930, di bawah pentadbiran Pasquier, sebuah Institut Pengajian Agama Buddha ditubuhkan di Phnom Penh. Institut ini mempunyai kurikulum pelajaran agama Buddha daripada semua aspek. Untuk mengeluarkan siri kumpulan sami-guru, beberapa buah sekolah dibuka di luar ibu kota dan di Phnom Penh sendiri, muncul sebuah sekolah latihan. Melalui "pembaharuan" ini agama Buddha dianggap dapat memberi kesan langsung dan baru ke atas pelajaran rendah di Kemboja.

Institut pengajian bahasa Pali di Phnom Penh mempunyai 181 orang penuntut dalam tahun 1937 (38 daripada mereka menamatkan pengajian pada akhir tahun yang sama). Dalam tahun 1937 terdapat sejumlah 952 buah sekolah di Kemboja (dengan 49 515 penuntut Kemboja) dan daripada jumlah ini sebanyak 813 adalah sekolah-kuil yang mempunyai 34 583 penuntut. Sekolah-sekolah "kerajaan" hanya berjumlah 117 dan mempunyai 11 548 penuntut¹³ Sekolah Tinggi Sisowath mempunyai 695 orang penuntut (580 orang di peringkat rendah). Walau bagaimanapun hingga akhir pemerintahan Monivong, Kemboja masih belum mempunyai pengajian di peringkat menengah yang sebenarnya. Orang Kemboja terpaksa pergi ke Saigon bagi mendapatkan ijazah peringkat sarjana muda. Daripada 631 penuntut di Universiti Indo-China di Hanoi dalam tahun 1937 terdapat hanya tiga orang sahaja bangsa Kemboja. Pelajaran yang bercorak profesional terdapat di dua pusat pengajian di Phnom Penh iaitu sekolah yang dikenali sebagai Sekolah Latihan Industri (mengenai elektrik, besi kelengkapan bangunan dan teknik lainnya) yang mempunyai 122 orang penuntut dalam tahun 1937 (50

¹³ *Rapport au Grand Conseil des Economiques et Financiers, Gouvernement General de l'Indochine*. Hanoi, 1937. ms 104-124.

orang bangsa Kemboja dan 62 bangsa Vietnam) sementara yang satu lagi ialah Kolej Kesenian Kemboja (pusat pengajian seni Kemboja) yang kesemua penuntutnya terdiri daripada orang Kemboja. Di pusat pengajian ini M. Groslier memberi sumbangannya dengan mengumpul tukang-tukang yang mahir dengan teknik seni lama serta memahirkkan satu golongan pertukangan moden yang bermutu.

Krisis ekonomi dunia yang menurunkan harga barang asli, pembaharuan sistem kewangan, sekatan perbelanjaan telah meninggalkan kesan yang buruk terhadap ekonomi Kemboja. Tetapi hal ini juga telah menolong menyedarkan orang Khmer dan pihak kerajaan akan keadaan sebenar. Bagi mengatasi persaingan daripada orang Vietnam di negara mereka orang Kemboja mula menunjukkan satu dinamisme baru dan keazaman untuk belajar dan mencari ilmu pengetahuan. Pentadbiran Perancis terpaksa menjalankan langkah berjimat cermat dengan mengadakan kawalan kewangan dan menghapuskan beberapa penyelewengan. Pemilihan pegawai baru juga dijalankan dengan lebih teliti. Pegawai yang diterima masuk semasa dan selepas krisis ekonomi dunia ini dipilih dengan teliti berdasarkan kebolehan mereka. Dengan adanya sebuah sekolah kehakiman dan pentadbiran di Phnom Penh dapatlah dikeluarkan satu golongan baru pentadbir dan majistret bangsa Kemboja. Mulai tahun 1936 (permulaan kerajaan Sosialis di Perancis) pentadbiran Perancis di Kemboja telah mula memberi tugas-tugas yang lebih penting kepada golongan baru ini.

Daripada segi ekonomi pula kadar pertumbuhan dan kemajuan penting bermula sejak tahun 1934. Terdapat sejumlah 27 300 hektar ladang getah dalam tahun 1937. Getah merupakan hasil eksport utama Kemboja. (12 000 tan untuk eksport tahun 1937). Dalam tahun ini juga Kemboja mengeksport sebanyak 400 000 tan padi, 300 000 tan jagung, 3 200 tan lada hitam (dari ladang-ladang orang Eropah dan Cina terutamanya di kawasan Kampot), ikan kering yang dihantar ke Singapura dan Hong Kong, serta binatang ternakan dan kayu-kayan yang dieksport ke Saigon. Hampir kesemua eksport dan import negara Kemboja dikendalikan melalui pelabuhan Saigon.

Perkembangan industri masih lagi berkurangan hanya terdapat lebih daripada sepuluh buah perusahaan padi, penapisan yang kebanyakannya dipunyai oleh orang Cina, perusahaan tembikar,

bahan galian yang berharga dan perikanan serta beberapa kilang tenunan kain. Perusahaan hasil bumi hampir tidak diteroka langsung, hanya terdapat kerja-kerja kajiselidik yang baru dimulakan secara sistematik.

Pada masa itu tidak ternampak sebarang ketegangan politik yang serius. Dewan perwakilan yang telah disemak semula statusnya dalam bulan Ogos tahun 1928 masih dengan tugas-tugasnya yang terhad. Ketua Residen terus menguasai kerajaan Kemboja seperti mana yang terdapat sebelumnya. Tetapi kecekapan jentera pentadbiran telah diperbaiki. Perkembangan pelajaran telah dapat melahirkan satu kelas baru yang dianggap maju, walaupun kadangkala tidak mendapat pendidikan yang sebenarnya yang menuntut jawatan pentadbiran yang tinggi dan menganggap diri mereka pejuang "nasionalisme" yang bakal muncul itu. Kebanyakan daripada mereka ini datangnya daripada kelas berada dan seringkali memandang rendah terhadap golongan "massa yang bodoh dan tidak mempunyai pelajaran". Terdapat perebutan kuasa yang begitu terbuka di antara orang Perancis (dianggarkan 2 000 orang pada tahun 1939) yang memerintah dan golongan peribumi yang "maju" dan kira-kira 20 000 orang pegawai bangsa Kemboja. Keseluruhan perdagangan dan perniagaan kecil di negara itu dibolot oleh orang Cina. Melalui perkahwinan campur Cina-Khmer yang banyak berlaku di negara itu telah melahirkan satu generasi baru Sino-Khmer yang berkebolehan dan rajin. Terdapat ramai juga orang Vietnam yang bekerja dalam pentadbiran dan gedung-gedung perniagaan.

Raja Monivong telah membuat lawatan ke Perancis dalam tahun 1938. Beliau juga telah membincangkan masalah pengganti dengan menteri Tanah Jajahan Perancis, Georges Mandel. Adalah dipercayai yang mereka bersetuju melantik putera sulung raja iaitu Putera Monireth sebagai pengganti. Monireth memainkan peranan penting dalam politik di Phnom Penh dan dalam tahun 1930 beliau dilantik sebagai wakil peribadi raja bagi hal-hal kesihatan, kebajikan dan sukan. Apabila perang bermula dalam tahun 1939 di Eropah, Monireth dan adik lelakinya Monipong memasuki *Légion étrangère*. Beliau tinggal di Perancis sehingga berlakunya perjanjian pada tahun 1940, kemudiannya beliau kembali ke Kemboja.

Mulai bulan Oktober 1940 satu krisis yang serius berlaku di antara Perancis dan Siam. Pada 12 Jun 1940 kedua-dua negara telah

menandatangani satu perjanjian baru mengenai penetapan sempadan Laos.¹⁴ Siam yang sejak 1930 bertukar menjadi Thailand, telah mengambil kesempatan perang di Eropah (kejatuhan Republik Ketiga Perancis) untuk menimbulkan ketegangan di Indo-China dengan harapan mendapat semula wilayah Battambang dan Siemreap secara tekanan tentera. Serangan oleh Thailand dilakukan di kawasan sempadan dengan wilayah Kemboja dalam bulan Januari tahun 1941. Kemaraan Siam dapat disekat oleh Perancis dan Kemboja (terutama oleh batalion pertama pasukan meriam Kemboja yang dianggotai salah seorang daripadanya ialah Lon Nol yang kemudiannya menjadi jeneral). Kekalahan Siam di Koh Cheng (17 Jun 1941) membolehkan pihak Jepun menjadi orang tengah bagi mendamaikan kedua belah pihak sementara pihak Inggeris dan Amerika berdiam diri. Melalui persetujuan awal 11 Mac di Tokyo, wilayah-wilayah Battambang, Sisophon, Siemreap, Kompong Thom dan Stung Treng diberikan kepada Thailand. Walau bagaimanapun kawasan yang berdekatan dengan Angkor masih dikedalkan menjadi hak Kemboja.

Peristiwa ini sangat menyedihkan rakyat Kemboja. Tetapi pada masa yang sama peristiwa ini telah menyedarkan orang Kemboja bahawa Perancis tidak lagi mampu mempertahankan Kemboja secara berkesan daripada ancaman Siam kerana terdapat kuasa yang lebih kuat darinya, iaitu Jerman-Jepun. Masa depan Kemboja dapat ditentukan di luar daripada Indo-China.

Keadaan Raja Monivong semakin tenat. Laksamana Decoux yang mengetuai pentadbiran Perancis di Indo-China mula memikirkan soal pengganti raja. Beliau tidak suka kepada Putera Monireth yang terkenal sebagai seorang yang tidak suka mengikut telunjuk, juga putera ini terkenal dengan fikiran yang demokratik. Dengan ini Monireth diketepikan dan Decoux sebaliknya telah menyokong Putera Norodom Sihanouk yang mempunyai pertalian dengan kedua-dua belah keluarga Putera Sulung dan Putera Bongsu. Melalui ibunya (Puteri Monivong) Sihanouk ialah cicit kepada Sisowath, dan melalui bapanya (Putera kepada Norodom Sutharot) Sihanouk menjadi cicit kepada Norodom.

Monivong meninggal dunia pada 23 April 1941. Majlis Raja

¹⁴Lihat *infra*, Laos, ms 669.

telah mengisytiharkan Norodom Sihanouk yang baru berumur 18 tahun sebagai raja pada 25 April, walaupun terdapat bangkangan daripada Putera Monireth dan kecaman daripada Majlis Raja itu sendiri. Sihanouk baru saja selesai pengajian menengah di Saigon. Raja baru ini ditabalkan dengan penuh kebesaran pada 28 Oktober 1941 di hadapan Laksamana Decoux yang memahkotakannya.

Norodom Sihanouk: Awal Pemerintahan

Norodom Sihanouk menaiki takhta pada masa perluasan kuasa Jepun mengancam pentadbiran yang berkuasa di Kemboja sejak tiga suku abad lamanya.

Sejak bulan Oktober 1940, Indo-China berada secara langsung dalam ancaman Jepun. Jepun telah pun mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa Perancis bagi menggunakan kemudahan tentera dan ekonomi di Tonkin (Vietnam Utara) bagi melancarkan perang terhadap China. Pada 29 Julai 1941 Tokyo telah menandatangani satu perjanjian pertahanan bersama di Indo-China dengan kerajaan Perancis di bawah Vichy (Perjanjian Darlan-Kato) yang membenarkan tentera Jepun berpangkalan di kawasan Indo-China terutama di Kemboja dan menggunakan kemudahan pengangkutan (jalan raya dan keretapi). Lapangan terbang di Kemboja dan Cochin China juga telah digunakan oleh tentera udara Jepun dalam musim gugur tahun 1941. Tiga bulan kemudiannya, pada 8 Disember 1941 Perang Pasifik meletus. Tentera Jepun telah mara ke arah Thai dan Burma melalui Kemboja. Kemboja mendapati dirinya terlibat secara langsung dalam konflik dunia.

Penempatan tentera Jepun telah menimbulkan masalah politik yang rumit. Bagi memastikan keselamatan perhubungan mereka dan mengelak kemungkinan sabotaj daripada orang Cina (yang berpihak kepada Kuomintang), Jepun telah menubuhkan pasukan polis (*Kempeitai*) di Phnom Penh dan di beberapa buah bandar lain. *Kempeitai* ini menjalankan operasi yang sama dengan Gestapo dan S.D. Jerman. Ia juga mempunyai cawangan politik. Melalui bahagian politik inilah penyokong dasar "Asia Raya" yang dikemukakan oleh Jepun menjalankan operasi mereka bersama dengan barisan bersama orang Asia.

"Aktivis-aktivis" Jepun faham yang agama Buddha yang sedang melalui perkembangan penting di Kemboja dapat mewujudkan

satu tenaga politik dan ideologi yang penting. Kebebasan sami, kedudukan mereka dalam masyarakat kampung dan pendidikan yang diterima menjadikan golongan ini sangat berguna untuk menerangkan kepada rakyat Khmer tentang tujuan Jepun itu, serta perlunya diberi sokongan terhadap usaha Jepun membebaskan Asia daripada cengkaman orang kulit putih. Bagi mencapai tujuan inilah maka pihak Jepun telah menghubungi Institut Pengajian Agama Buddha dan Sekolah Tinggi Bahasa Pali. Pada awal tahun 1941, kedua-dua institusi ini adalah tempat sami menerima pendidikan di peringkat tinggi.

Institut dan sekolah ini telah menerima guru-guru dari Negeri Thai sejak beberapa tahun kebelakangan. Kemungkinan melalui pengaruh mereka inilah lahirnya semangat penentangan terhadap penjajahan Perancis dan tamadun barat secara amnya. Pembaharuan dalam agama Buddha meliputi juga politik. Mazhab *Dhammayut* yang diperkenalkan di Kemboja pada abad XIX yang dianuti oleh keluarga diraja, pembesar-pembesar dan "mandarin", dan lain-lain telah "diperbaharui", tetapi hanya tetap dianggap aristokratik, terpisah daripada rakyat jelata yang menganggapnya sebagai sesuatu yang asing. Mazhab *Mohanikai* yang diikuti oleh hampir keseluruhan kuil di Kemboja juga dianuti oleh seluruh rakyat, tetapi hanya tidak "diperbaharui". Dalam mazhab terdapat dua golongan, konservatif dan "reformis". Institut Pengajian Agama Buddha yang menjadi pusat pembaharuan dan perubahan telah berusaha sejak beberapa tahun untuk menempatkan orang-orangnya di kuil-kuil. Achar (Sami Besar) Hem Chieu terkenal sebagai seorang yang bijak, rajin dan berkebolehan telah berusaha bagi memperkenalkan idea-idea baru ke dalam kedua-dua mazhab ini. Beliau mendapat sokongan seorang majistret yang ditempatkan di institut itu, Son Ngoc Thanh yang kembali dari Perancis.

Melalui "*Association des Amis du Buddhisme*" ("Persatuan Rakan-rakan Agama Buddha"), Hem Chieu dan Son Ngoc Thanh menggiatkan aktiviti mereka di kalangan mazhab *Dhammayut* dan *Mohanikai* yang belum menerima perubahan. Mereka mengadakan hubungan dengan pihak Jepun; tetapi kegiatan mereka dianggap merbahaya oleh pihak berkuasa dan Hem Chieu ditangkap pada 15 Julai 1942. Beliau dihadapkan ke Majlis Menteri-Menteri dan dilucutkan gelarannya oleh menteri agama dan dipenjarakan. Pada 20

Julai Son Ngoc Thanh dan seorang wartawan, Poc Cheoun mengetahui satu tunjuk perasaan oleh dua ribu orang sami dan beribu-ribu rakyat Kemboja di Phnom Penh bagi meminta pembebasan Hem Chieu. Pertempuran sengit berlaku. Sekiranya penunjuk perasaan itu mengharapkan campur tangan Jepun, maka ternyata harapan ini meleset. Jepun enggan campur tangan, penindasan terhadap tunjuk perasaan ini berat sekali: ia dimulakan dengan penangkapan. Gabenor-jeneral merasa sangat bimbang akan akibat tunjuk perasaan ini, terutama apabila propaganda Jepun menyebarkan berita tunjuk perasaan "anti-Perancis" ini. Son Ngoc Thanh meminta perlindungan di pejabat *Kempeitai*, dan ia berjaya dibawa ke luar negeri, ke Jepun. Hem Chieu dan Poc Cheoun ditangkap dan dijatuhkan hukuman bunuh pada 12 Disember 1942 oleh mahkamah tentera di Saigon. Walau bagaimanapun mereka telah diberi pengampunan kemudiannya pada 15 Jun 1943 dan dihantar ke Pulau Condore. Hem Chieu meninggal dunia dalam penjara ini. Pengawasan polis yang ketat dan rapi telah memberhentikan sebarang arus perkembangan "nasionalisme" Khmer selama tiga tahun.

Pihak pentadbiran gabenor-jeneral telah mempelajari sesuatu daripada perkembangan ini, Laksamana Decoux percaya yang rakyat Indo-China akan dapat merapatkan hubungan mereka dengan Perancis jika sekiranya Perancis memahami aspirasi patriotik mereka. Walaupun demikian Decoux masih lagi dengan konsepsi patriotisme yang sempit jika ianya berkaitan dengan negeri-negeri yang dijajah. Di Kemboja (sebagaimana juga di Laos dan Annam), Pentadbiran Perancis sedia memberi tempat kepada bendera diraja, hak negara Kemboja serta penghormatan kepada sejarah nasional Kemboja (yang ditapis). Ini merupakan satu dasar yang dianggap peka tetapi sebenarnya tanpa perubahan yang diperlukan. Tetapi ia memberikan kesan psikologi dan sentimental yang besar. Bagi nasionalisme yang baru lahir, pengibaran bendera di samping bendera negara penjajah adalah sesuatu yang membanggakan. Tetapi selain daripada kesan-kesan yang sentimental ini pentadbiran Perancis masih berhati-hati untuk memberikan kuasa yang sebenarnya kepada orang Kemboja. (Untuk tujuan memuaskan hati orang Kemboja juga ordinan diraja mulai 1940 dipanggil *kram*). Sejak musim gugur tahun 1940 badan-badan perwakilan telah dibubarkan atas arahan kerajaan Vichy, "Dewan perwakilan rakyat Kemboja" yang ditu-

buhkan pada 10 Jun 1940 (bagi menggantikan Majlis Perhimpunan Peribumi) wujud pada namanya sahaja kerana peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku tidak memberi peluang kepadanya menjalankan tugas, terutama mengenai hal-hal memilih para wakil. *Kram* yang bertarikh 3 Ogos 1943 telah mewajibkan penguasaan bahasa Kemboja yang ditulis dalam huruf rumi. Juga melalui *kram* 17 Julai 1944 telah menggantikan penggunaan kalendar Buddha dengan kalendar barat. Semua perubahan ini ditentang oleh orang Buddha.

Perang dunia telah menampakkan dua evolusi penting. Darpada segi praktiknya Perancis mendapati mustahil bagi mereka menguatkan kedudukan mereka sejak 1941 (Indo-China terpisah oleh sekatan yang dikenakan oleh Inggeris-Amerika) dan terpaksa menyerahkan pentadbiran di peringkat sederhana dan tinggi kepada orang Kemboja. Pegawai Khmer yang lulus dari sekolah khas ataupun mereka yang telah menduduki peperiksaan tertentu berkebolehan untuk memenuhi tanggungjawab mereka. Sejak tahun 1942 aktiviti yang dijalankan di bawah naungan pergerakan "belia dan sukan" serta beribu-ribu belia Khmer mengadakan perhimpunan di ibu kota dan di wilayah lain telah mengubah keadaan di Kemboja. "Jadikan kita ini kebanggaan nenek moyang kita di Angkor": demikianlah *leit-motiv* karya patriotik yang ditujukan kepada belia Khmer. Dalam keadaan kedunguan politik, demografik dan ekonomi yang berjalan sejak beberapa dekad lamanya muncul kesedaran tentang keturunan mereka yang memberangsangkan.

Darpada segi ekonomi terdapat keadaan yang berbeza. Pentadbiran Perancis telah menjalankan usaha pemulihan infrastruktur (pembinaan jalan, hospital dan klinik, sekolah, pemandaran yang merupakan satu kejayaan dan lain-lain). Tetapi perang telah menyebabkan Perancis mengambil langkah berjimat cermat dan ini menimbulkan kesan sosial yang tidak diinginkan. Sehingga masa itu bolehlah dikatakan yang Perancis tidak mempunyai satu dasar ekonomi di Kemboja. Mereka telah memberi kebebasan sepenuhnya berdasarkan ekonomi pemasaran yang bebas. Kemboja digunakan bagi menampung keperluan Saigon dalam mendapatkan bekalan seperti daging dan kayu-kayan, juga eksport getah, lada hitam, jagung dan beras. Sejak tahun 1941, Indo-China yang tersekat oleh peperangan terpaksa mencari ganti untuk bahan-bahan yang diimport. Pihak berkuasa "menggalakkan" perusahaan menenun kain sehingga ka-

dangkala memaksa perusahaan ini dijalankan. Kemboja dikehendaki mengeluarkan lebih banyak kapas, kapuk, rami dan sutera serta meluaskan penanaman kacang tanah (kekurangan minyak makan). Negara itu juga dikehendaki mengeluarkan beras, jagung, kayu, binatang ternakan, kulit dan lain-lain termasuklah getah bagi membayar barang-barang keluaran Jepun yang menggantikan Perancis bagi mendapatkan barang-barang ini pihak berkuasa telah meminta dan adakalanya memaksa dan membenarkan syarikat-syarikat awam dan persendirian menjalankan operasi dan bekerja untuk keuntungan Jepun. Di beberapa wilayah pihak berkuasa telah memaksa penduduk memberi bayaran pendahuluan yang banyak. Barang-barang makanan semakin sukar didapati terutama menjelang tahun 1944 apabila kapal terbang Amerika telah memotong hampir kesemua perhubungan di antara Indo-China dan Jepun. Kesan-kesan daripada "bayaran penempatan" yang dibuat kepada tentera Jepun semakin teruk dan dengan kenaikan harga barang-barang yang tidak terkawal menyebabkan *Banque de l'Indochine* tidak dapat mengawal inflasi menjelang tahun 1944.

Kemboja terletak jauh daripada sasaran-sasaran perang. Wilayahnya terselamat daripada pengeboman walaupun terdapat banyak kapal terbang yang melalui ruang udaranya. Walau bagaimanapun perang dunia ini meninggalkan kesan yang semakin buruk. Selepas pendaratan tentera Amerika di Filipina (Oktober 1944) dan pengambilan Manila (Jun 1945), tentera Jepun bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan kedatangan Amerika ke Indo-China dengan kerjasama pihak China. Mereka juga bimbang akan kegiatan penentangan daripada pihak Perancis terutama setelah Jeneral de Gaulle berkuasa di Paris (Ogos 1945).

Pada 9 Mac 1945, duta Jepun di Saigon telah menyampaikan satu kata dua kepada Laksamana Decoux: tentera Perancis di Indo-China dikehendaki bergabung dengan pasukan tentera Jepun dan akan diletak di bawah perintah Jepun. Jika sekiranya permintaan ini tidak diterima, pihak Jepun akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kata dua ini ditolak oleh Laksamana Decoux dan berikutan daripada ini Jepun melancarkan serangan. Pertahanan tentera Perancis di seluruh Indo-China telah menjadi lemah, askar-askar Perancis ditangkap atau terpaksa lari ke hutan mencari perlindungan. Pentadbiran Perancis di Indo-China diambil alih oleh pihak

Jepun dan kebanyakan pegawainya ditangkap. Pada 10 Mac, Konsul Jepun di Phnom Penh, Kubota mengadap Raja Norodom Sihanouk dan memberitahu beliau keadaan sebenar dan meminta raja itu mengisytiharkan berakhirnya penjajahan Perancis serta mengisytiharkan Kemboja sebagai sebuah negara merdeka. Satu perisytiharan diraja 12 Mac 1945 menyebut yang "semua perjanjian dan konvensyen yang berkaitan dengan penubuhan dan organisasi naungan Perancis ke atas Kemboja dihapuskan" dan dengan itu "mulai saat ini Kemboja/Kampuchea menjadi sebuah negara yang merdeka".

... $\frac{1}{2} \log \frac{1 + \sqrt{1 - 4x}}{1 - \sqrt{1 - 4x}}$...

3

PERMULAAN NASIONALISME KHMER

DALAM masa yang begitu singkat semua simbol naungan Perancis di Kemboja telah dapat dihapuskan dan negara itu memerlukan satu struktur yang baru yang boleh mentadbirkan negara. Apabila pihak Jepun tidak berjaya memujuk Tan Pa, pengurus Bank China-Perancis, bagi mengetuai Kerajaan Kemboja yang "merdeka", maka mereka berfikir adalah lebih baik mengekalkan struktur politik yang ada dengan mengubah sedikit sebanyak bagi menyesuaikan dengan kepentingan mereka. Raja Kemboja masa itu masih muda dan senang dipengaruhi dan kerajaannya juga senang dipengaruhi. Jadi Jepun mengekalkan kerajaan yang dipimpin oleh Ung Hy, di samping itu mengukuhkan kuasa sebenar di tangan raja. Dalam peristilahan *kram* no. 1/NS bertarikh 12 Mac 1945, Raja Sihanouk mengisytiharkan yang beliau telah mengambil alih tugas-tugas Ketua Residen Perancis dan ini bererti yang beliau memperkerusi sidang Majlis Menteri-menteri. Organisasi kerajaan yang baru telah ditetapkan melalui *kram* 17 Mac 1945 yang penggubalan undang-undang adalah hak raja dan Majlis Menteri-menteri.

Terdapat sebab-sebab tertentu kenapa pemusatan kuasa ini berlaku. Sebenarnya raja dan menteri mendapati diri mereka di bawah kawalan yang berkesan pihak Jepun, terutama Kubota, "penasihat tertinggi" dan konsul jeneral Jepun di Phnom Penh yang mempunyai hak menghadiri sidang menteri. Kawalan pihak Jepun ini juga datang daripada seorang pegawai Jepun (Lt. Tadakuma) yang dilantik menjadi ketua Pengawal Diraja (yang menerima arahan langsung daripada Lt. Jen. Manaki, ketua pasukan tentera Jepun

di Kemboja), juga daripada polis Jepun, *Kempeitai* (di bawah Kapten Hara). Walau bagaimanapun, untuk memberikan ciri 'demokratik' kepada rejim ini, maka *kram* bertarikh 30 Mac telah mengumumkan pembentukan satu Majlis Perhimpunan yang mempunyai 33 orang ahli.¹

Setelah mendapati diri mereka dalam keadaan bertahan di kawasan Pasifik barat, pihak Jepun telah berusaha menggalakkan perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara bagi mewujudkan keadaan politik yang '*irreversible*'. Di Kemboja, keadaan ini ialah bagi mendapatkan sokongan Kerajaan Khmer dan elit Khmer di pihak Jepun dan dengan ini membolehkan mereka menentang kedatangan semula kuasa penjajah.

Bagi mengumpulkan sokongan elit tradisional, Menteri Pelajaran Kemboja, Meas Nal telah memperkenalkan semula penggunaan kalendar Buddha pada 13 Mac dan memansuhkan *kram* 1943 yang memastikan penggunaan bahasa Kemboja yang ditulis dalam huruf rumi. Semua surat mesyuarat rasmi mestilah dibuat dalam bahasa Khmer, tetapi penggunaan bahasa Perancis masih diterima buat sementara. Pertubuhan belia yang telah ditubuhkan di bawah Laksamana Decoux, diberi nama "Yuvan" telah diletak di bawah penyeliaan Jepun. Telah dinyatakan juga yang tujuan Pertubuhan ini ialah "bekerjasama dengan tentera Jepun bagi mengembalikan semula kerajaan Khmer".

Sejauh 21 Mac, Poc Chheun (saudara kepada bapa mentua Putera Monireth dan yang telah ditahan dalam tahun 1943 berikutan dengan tunjuk perasaan sami) telah dibebaskan dari tahanan Pulau Condore berikutan dengan campur tangan raja mengenai hal ini kepada pihak berkuasa Jepun. Beliau menolak tawaran raja supaya beliau menyertai Kabinet, tetapi atas permintaan Jepun, telah bersetuju menerbitkan semula akhbarnya, *Nagaravata* (dengan mendapatkan kemudahan tertentu). Bagi menguatkan lagi kawalan ke atas aktiviti Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, satu *kram* bertarikh 16 April telah menamakan seorang Timbalan Menteri Kewangan (Penn Nouth) dan seorang Penyelia Kewangan (Pho Phroung). Aktiviti polis Khmer (yang di bawah arahan Chau Em)

¹ Ahli-ahli majlis ini dilantik pada 30 Jun 1945, ketika keadaan politik sudah pun berubah.

juga diselaraskan dengan polis tentera Jepun.

Raja juga tidak berdiam diri dan dalam pengisytiharannya, terutama dalam ucapan Tahun Baru (18 April 1945), juga dalam ucapan balas kepada Penasihat Tertinggi Jepun, telah menunjukkan bahawa beliau tahu "menyesuaikan diri dengan keadaan".²

Sikap berhati-hati dan menanti yang ditunjukkan oleh pegawai dan menteri Khmer, juga ketiadaan reaksi ramai terhadap kemerdekaan yang diisytiharkan itu menyenangkan pihak Jepun dalam usahanya membawa Kemboja ke pihak mereka dan mewujudkan satu keadaan yang pasti tidak dapat diubah sebelum mereka kalah. Atas nasihat Jepun, Raja Sihanouk telah meminta supaya Son Ngoc Thanh yang berada di Tokyo sejak awal 1943, dihantar pulang ke Kemboja. Permintaan ini diterima selepas menemui pihak berkuasa Jepun di Saigon pada 21-30 Mei, Son Ngoc Thanh pulang ke Phnom Penh. Pada 1 Jun beliau dilantik menjadi Menteri Luar, dengan itu juga bertanggungjawab mengenai hubungan antara Kemboja dan Jepun. Son Ngoc Thanh tidak pernah menyembunyikan sentimen pro-Nippon, (sehinggakan memeranjatkan orang Jepun sendiri) dengan dibantu oleh Poc Chheun dan beberapa menteri lain seperti Sum Hieng. Son Ngoc Thanh mengadakan dasar bekerjasama yang rapat dengan pihak Jepun dan tidak membenarkan sebarang penentangan atau sikap berhati-hati di kalangan rakan-rakannya sendiri. Pada masa yang sama, raja menubuhkan jawatan "penasihat kerajaan" melalui *Kram* 7 Jun dan jawatan ini diberikan kepada bapa saudaranya, Putera Monireth, dan mempunyai undi 'deliberation' dalam majlis menteri-menteri. Walau bagaimanapun cita-cita sebenar beliau masih lagi menjadi tanda tanya.

Kemasukan Son Ngoc Thanh dalam kerajaan dan meningkatnya aktiviti Poc Chheun memperlihatkan nasionalisme antipenjajah yang bersemarak. Tetapi nasionalisme ini juga menunjukkan sikap

²Dalam Ucapan Diraja 18 April 1945, beliau menyebut: "Tahun Baru Rokar muncul di Kemboja yang merdeka. Inilah tahun kebebasan dan rahmat, tahun Empire Matahari Terbit, pembebas rakyat Asia, juga menghadiahkan kepada negara Khmer sesuatu yang berbeza, kemerdekaan."

Hari upacara Chaul Channam, sama-samalah kita mengingati Jepun yang membebaskan Kemboja dengan rasa penuh kesyukuran. Saya bersama-sama rakyat mengucapkan selamat kepada Jepun yang membebaskan rakyat Asia sehingga mereka mencapai kemenangan sepatutnya. (Sumber: *Cambodge*, 19 April 1945).

yang lebih tegas terhadap Jepun sendiri melalui tuntutan bercorak ekonomi, kewangan dan dasar yang makin lama semakin berat.

Raja Sihanouk telah meminta kerajaan Jepun supaya mengakui secara rasmi kemerdekaan Kemboja (ini bererti yang "penasihat tertinggi" akan digantikan oleh seorang duta). Tetapi beliau tidak mendapat sebarang jawapan dari Jepun.

Dasar Jepun di Vietnam juga membimbangkan pemimpin Kemboja. Tokyo menunjukkan sokongan yang kuat kepada nasionalisme Vietnam. Dalam satu perisytiharan pada 18 Jun 1945, Maharaja Bao Dai dari Annam menegaskan cita-citanya menyatukan Annam di bawah kerajaannya di Hue yang akan memasukkan bukan sahaja Trung Ky (Annam) dan Bac Ky (Tonkin), tetapi juga empayarnya yang lain. Pada 25 Jun 1945, Sihanouk mengatakan rasa terkejutnya terhadap perisytiharan ini yang pada anggapannya ditujukan kepada Cochin China (Nam Ky). Beliau menyatakan "walaupun Kemboja telah menolong Jepun meneruskan peperangan selepas sahaja mencapai kemerdekaannya, Kemboja tidak dapat berdiam diri di atas pertukaran status sebuah wilayah dan Kemboja akan terus mengekalkan haknya". Beliau kemudian menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyelesaikan masalah sempadan dengan cara yang paling adil bagi kedua-dua negara. Pada 26 Jun 1945 pemerintah pasukan tentera Jepun menasihatkan supaya sikap "berhati-hati perlu ditunjukkan dalam masalah ini" supaya hubungan persahabatan di antara kedua-dua negara jiran, iaitu Vietnam dan Kemboja dapat dikekalkan.

Masalah ini telah menjadi rumit. Pada akhir bulan Julai 1945, Sihanouk sekali lagi meminta³ supaya pihak Jepun tidak menyerahkan Cochin China kepada Vietnam. Tetapi pihak Jepun lebih mengutamakan kepentingan di Vietnam, dan mereka telah berjaya menghapuskan kerajaan Gabenor Jeneral dan pengalihan kuasa kepada kerajaan Hue daripada Tonkin, untuk mendapatkan kepentingan yang sama di selatan. Bagi mengekalkan kepercayaan orang Vietnam dan mewujudkan satu keadaan yang sesuai bagi operasi mereka di Saigon, maka pada 8 Ogos 1945 (2 hari selepas bom digugurkan di Hiroshima), Jepun telah memberikan kuasa di Saigon kepada wakil

³Ini ditambah pada dengan pemergian Son Ngoc Thanh ke Saigon untuk berbincang dengan pihak berkuasa Jepun (Kolonel Hayashi).

Khas (Kham Sai) Maharaja Vietnam.

Ini telah menimbulkan akibat yang serta-merta di Phnom Penh. Pada malam 9-10 Ogos, nasionalis muda (yang dikatakan ahli "Yuvan") telah menangkap beberapa orang menteri yang dianggap terlalu lembut dan menahan mereka. Satu "Jawatankuasa Pembebasan Kebangsaan" ditubuhkan. Son Ngoc Thanh dan pihak Jepun begitu berhati-hati. Mereka tidak sedikit pun menunjukkan yang merekalah sebenarnya yang menyebabkan berlakunya tunjuk perasaan itu. Tetapi mereka dapat mengawal keadaan dengan segera. Son Ngoc Thanh dan Monireth membebaskan menteri yang ditahan dan menangkap ahli-ahli Yuvan yang terlibat. Pada 14 Ogos, Son Ngoc Thanh dilantik menjadi Perdana Menteri, tetapi masih mengekalkan portfolio Menteri Luar. Penn Nouth memegang jawatan Menteri Kewangan, Tioulong di Kementerian Ekonomi Negara, Poc Chheun di Kementerian Bekalan, Khim Tit di Kementerian Pertahanan dan Kesihatan, Sum Hieng di Kementerian Dalam Negeri.

Kumpulan pelampau pimpinan Son Ngoc Thanh sebenarnya telah mengambil alih kuasa. Mereka mahu Kemboja merdeka apabila Jepun kalah nanti. Mereka disokong oleh polis rahsia Khmer dan *Kempeitai* Jepun, juga oleh pertubuhan sukarelawan Khmer berjumlah 2 000 orang, serta disokong oleh pegawai Jepun dan orang Vietnam. Raja tidak berani campur tangan kerana takut akan digulingkan ataupun dihapuskan.

Sebaik sahaja kekalahan Jepun diumumkan (21 Ogos 1945), Son Ngoc Thanh dan menteri-menterinya sebagai propagandanya mula mengumpulkan rakyat, terutama kaum belia bagi memperjuangkan kemerdekaan yang kononnya diancam oleh imperialisme yang bersiap sedia untuk membalas dendam.

Kedatangan Semula Perancis dan "Modus-Vivendi" 7 Januari 1946

Perancis terpaksa menghadapi suatu keadaan yang baru di Kemboja. Pada 8 September 1945, akhbar-akhbar di ibu negara itu telah melaporkan yang Komandar Gallois dari angkatan tentera Perancis telah tiba di Phnom Penh dalam satu misi khas. Secara rasminya beliau datang mengiringi pihak British yang ditugaskan menerima kekalahan Jepun di Kemboja serta membebaskan orang tahanan. Tetapi beliau juga telah diarahkan supaya menghubungi semula Kerajaan Khmer. Beliau dengan segera mengadakan hu-

bungan dengan mereka dan mengemukakan cadangannya. Tetapi Son Ngoc Thanh mahu berbincang hanya dengan syarat Perancis mengiktiraf kemerdekaan Kemboja.⁴

Pada 11 September, warta kerajaan *Cambodge* mengeluarkan laporan tentang kekalahan Jepun pada hari itu juga: "Jepun telah membebaskan negara kita. Misinya sudah selesai". Pada keesokan harinya, iaitu 12 September, Kabinet Son Ngoc Thanh menjelaskan kepada pihak Berikat yang mereka tidak pernah menjadi sekutu dalam pentadbiran Jepun di Kemboja. Mereka cuba mendapatkan pengiktirafan secara *de facto* oleh Inggeris terhadap kerajaannya serta mengharapkan supaya Inggeris berbuat sesuatu supaya Perancis juga mengiktiraf kemerdekaan Kemboja.

Tetapi pada 23 September Perancis telah menguasai semula Saigon. Sihanouk, walaupun masih menegaskan kedudukannya kepada Gallois, secara senyap-senyap menghantar satu rombongan ke Saigon di bawah Khim Tit bagi memberitahu Perancis tentang keinginannya untuk mengadakan hubungan dengan Perancis.

Sebaliknya Son Ngoc Thanh mengadakan satu pengantar suara bagi menunjukkan kepada Perancis tentang sokongan ramai terhadap rejimnya. Tarikh yang dipilih ialah 3 Oktober. Sebenarnya pengutus suara ini tidak dijalankan seperti biasa, ia hanya merupakan pengundian peringkat Perdana Menteri sahaja. Keputusan yang dikeluarkan menyatakan yang rakyat menyokong secara menyeluruh kemerdekaan Son Ngoc Thanh.⁵

Kehadiran Son Ngoc Thanh sebagai ketua kerajaan menyebab-

⁴Kerajaan Kemboja mengekalkan satu kenyataan selepas lawatan Gallois: "Kerajaan Kemboja ingin menegaskan yang tidak ada hubungan di antara Perancis dan Kemboja, walau bagaimanapun tatasusila sosial di antara satu individu dengan yang lain mestilah dihormati".

⁵Rakyat Kemboja memberikan persetujuan yang hampir sebulat suara kepada 4 isu yang dikemukakan:

- (1) Adakah rakyat inginkan kemerdekaan yang sepenuhnya bagi Kemboja?
- (2) Adakah mereka menentang kemasukan semula Pranes ke Kemboja?
- (3) Adakah rakyat berpuas hati dengan pembentukan jawatan Perdana Menteri?
- (4) Adakah rakyat memberi kepercayaan kepada kabinet yang ada sekarang yang dipimpin oleh San Ngoc Thanh yang bertujuan mempertahankan kemerdekaan dan kebebasan negara selama-lamanya. Bagi isu kelima yang dikemukakan, rakyat Kemboja telah sebulat suara menentang, iaitu "Adakah rakyat ingin melihat sebuah kuasa asing menguasai Kemboja?" Daripada jumlah 674 048 penduduk yang layak mengundi, terdapat seramai 541 470 yang telah mengundi dalam pungutan suara ini (*Cambodge*, 8 Oktober 1945).

kan mustahil diadakan sebarang rundingan dengan Perancis, sedangkan rundingan ini amatlah perlu dan tidak dapat dielakkan kerana Jeneral Leclerc sudah pun tiba di Saigon pada 5 Oktober bersama-sama dengan sekumpulan tentera Perancis. Tentera Perancis yang tersekat di Saigon oleh pihak Vietnam memerlukan bantuan dan mereka bercadang untuk mendapatkannya melalui Kemboja. Pada 14 Oktober, San Ngoc Thanh terus menyatakan keenggannya berbincang jika kemerdekaan negaranya tidak diiktiraf.

Pada 16 Oktober, Jeneral Leclerc tiba di Phnom Penh dan menangkap Son Ngoc Thanh atas tuduhan "kegiatan anti-Berikat" dan dimasukkan ke penjara di Saigon oleh mahkamah tentera yang telah menjatuhkan hukuman 20 tahun penjara kerja berat dengan 20 tahun pengharaman tinggal di negaranya. Seluruh ahli Kabinet Khmer telah meletakkan jawatan pada 16 Oktober itu juga.

Putera Monireth, bekas pegawai tentera Perancis yang juga menjadi anggota kerajaan sebelum ini pula muncul. Pada 17 Oktober, beliau membentuk sebuah kerajaan baru yang dianggotai bersama oleh saudaranya Monipong, Khim Tit, Tioulong, Var Kamel dan Sum Hieng. Kerajaan ini telah dipersetujui oleh Perancis melalui wakil barunya di sana, Kolonel Huard. Kerajaan ini bersetuju mengadakan rundingan dengan Perancis. Sejak 22 Oktober lagi, Raja Sihanouk telah merestui persahabatan dengan Burma.

Setelah beberapa hari tiba di Saigon, Laksamana Thierry d'Argenlieu, Pesuruhjaya Tinggi Perancis di Indo-China menerima kunjungan Putera Monireth dan memberitahunya mengenai rancangan Perancis di Indo-China yang akan dijalankan mengikut Pengisytiharan 24 Mac 1945 oleh kerajaan Paris. Walau bagaimanapun Monireth diberitahu yang perbincangan hanya dapat dimulakan apabila Kerajaan di Phnom Penh yang ditubuhkan pada masa Jepun dimansuhkan. Ini bererti yang Kemboja mestilah kembali kepada rejim naungan Perancis. Hanya selepas itu barulah Perancis akan menunjukkan dasar "tolak ansurnya".

Pada 9 November, Sihanouk menerima cadangan Thierry d'Argenlieu sepertimana yang dikemukakan dalam satu surat panjang lebar bertarikh 13 November.⁶ Sebuah jawatankuasa penelitian Pe-

⁶Disebabkan adanya tekanan-tekanan daripada pihak Perancis, maka pada 4 Disember Raja Sihanouk dengan secara sulit telah memansuhkan perjanjian kemerdekaan

rancis-Kemboja dibentuk bagi membincangkan satu "*modus vivendi*" bagi memperbaiki hubungan Perancis dan Kemboja sementara menunggu satu perjanjian yang lengkap.

Sihanouk telah menilai dengan teliti keadaan sebenar kemerdekaan bulan Mac 1945 telah dibuat oleh tentera Jepun dan kerajaan Tokyo sendiri tidak mengiktirafnya. Sekarang Jepun telah dikalahkan. Jadinya "kemerdekaan" yang diisytiharkan itu tidak mempunyai asas langsung. Tentunya Kemboja dapat mengatakan yang naungan Perancis ke atasnya tidak lagi mempunyai asas atas sebab-sebab yang Perancis sendiri tidak dapat berkuasa selepas 9 Mac 1945 dan tidak dapat memenuhi janji, tetapi Perancis tidak dapat menerima hakikat ini dan juga tidak ada negara-negara lain atau organisme antarabangsa yang dapat menyokong Kemboja dalam perkara ini. Raja Kemboja berpendapat adalah lebih bijak dan lebih realistik jika rundingan diadakan dengan Perancis dan dengan cara ini dapat membatalkan perjanjian naungan (1863) dengan cara yang sah dan rasmi, serta pengiktirafan undang-undang oleh Perancis terhadap autonomi Kemboja. Mungkin ini akan mengambil masa yang panjang, tetapi ianya perlu jika kemusnahan ingin dielakkan. Sekiranya autonomi ini dapat dicapai melalui asas yang sah yang tidak dapat dipersoalkan lagi, maka ia akan dapat diperluaskan dan diubah kepada kemerdekaan mengikut keadaan dan peristiwa.

Perancis telah menguasai semula berbagai perkhidmatan dalam negeri (penerangan, keretapi, kerja raya, kastam, cukai, perbendaharaan dan lain-lain). Sementara itu jawatankuasa mengkaji Perancis-Kemboja, yang telah memulakan tugasnya sejak 23 November berjalan dengan lancar. Ia telah menghasilkan satu *modus vivendi* apabila ditandatangani pada 7 Januari 1946 oleh Putera Monireth dan Jeneral Alessandri (yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Perancis).⁷

Modus Vivendi ini adalah berdasarkan kepada autonomi dalam negeri Kemboja seperti yang telah dipersetujui oleh Perancis tetapi autonomi ini diberi dalam rangka Persekutuan Indo-China. Kembo-

kaan pada tarikh 12 Mac 1945 dan menerima semula perjanjian-perjanjian pada tahun 1863 dan 1884.

⁷Teks perjanjian ini telah diumumkan pada 26 Januari dan diterbitkan dalam Roger Levy, "*L'Indochine et ses traites*, Paris 1947, ms 41.

ja akan mempunyai kerajaannya sendiri, manakala menteri-menterinya pula akan bertanggungjawab di peringkat negeri dan berkuasa dalam perkhidmatan yang hanya bersangkut-paut dengan Kemboja (pentadbiran am, polis, pelajaran, kesihatan, kerja raya, kehutanan, pengairan dan lain-lain). Seorang Pesuruhjaya Perancis dilantik bagi mengadakan "hal-hal berhubung dengan persekutuan" serta menjaga kepentingan Perancis, juga menjadi penasihat politik kepada raja dan kerajaannya. Beliau menjadi ketua terutamanya kepada 10 orang penasihat Perancis yang seterusnya akan membantu tujuh orang menteri Kemboja menjalankan tugas mereka. Nasihat mereka mesti diminta dalam banyak perkara, juga mereka boleh memberi cadangan-cadangan. Kakitangan teknik dan pentadbir Perancis juga ditempatkan bagi membolehkan ketua-ketua pejabat Kemboja meminta bantuan dan kerjasama bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap.⁸ Seorang penasihat Perancis juga ditempatkan di Kementerian Pertahanan Kemboja, dan beliau ditugaskan mengetuai misi tentera Perancis yang ditugaskan menyusun semula tentera Kemboja. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang bercorak persekutuan (perbendaharaan kastam, telekom, keretapi, polis dan imigresen dan lain-lain) dikekalkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi Perancis. Di peringkat wilayah pula, jawatan residen (14 semuanya) yang wujud pada masa naungan telah digantikan dengan kaunselor dan penolongnya. Mereka ditempatkan di pejabat gabenor wilayah (*chauvaykhet*) dan peranan mereka hanyalah sebagai penasihat sahaja. Walau bagaimanapun, beberapa keputusan mengenai kewangan mestilah mendapat persetujuan mereka.

Dengan ini naungan Perancis berakhir dan bermula zaman baru ke arah pemerintahan sendiri. Tetapi apakah orientasi sebenar kerajaan Kemboja ini?

Penubuhan Parti Demokrat dan Pilihanraya September 1946

Perjanjian yang ditandatangani itu mendapat sambutan yang

⁸Pemerhati-pemerhati menganggarkan pada masa itu (Januari 1946) terdapat lebih kurang 150 orang bangsa Kemboja yang berpendidikan menengah dan mempunyai kebolehan untuk memegang jawatan-jawatan penting. Walau bagaimanapun jumlah ini adalah terlalu sedikit dibandingkan dengan jumlah penduduk Kemboja pada masa itu (4 juta orang) dan jangka masa pemerintahan Perancis selama 82 tahun itu.

dingin di Kemboja. Pegawai kerajaan sendiri menunjukkan sikap menentang terhadapnya kerana mereka takut ini akan meneruskan kawalan Perancis ke atas mereka. Sementara penduduk Kemboja pula menyerahkan harapan mereka kepada raja bagi memperbaiki keadaan mereka yang semakin susah semenjak tahun 1943.

Di bahagian selatan negara itu, satu "Gerakan Pembebasan Kemboja" (*Khmer Issarak*) telah bergerak dengan cergas di bawah pimpinan Poc Chheun yang telah melarikan diri ke Indo-China sejak bulan Oktober. Bersama dengan saudaranya Son Ngoc Thanh, beliau mempunyai hubungan rapat dengan Vietnam. Pergerakan ini melatih penyokongnya supaya melengkapkan diri dan menyusup masuk ke Kemboja, terutama di kawasan Kampot yang berada dalam keadaan tidak tenteram. Pergerakan ini mengecam kerajaan di Phnom Penh dengan mengatakan pihak Perancis telah menipu raja dan menteri-menterinya serta menguasai semula pentadbiran negara. Ini bertentangan dengan apa yang dijanjikan oleh Monireth.

Selain daripada penentangan yang ditunjukkan oleh sami dan pegawai kerajaan (mengikut anggaran Perancis 60% daripada mereka menentang penguasaan semula Perancis), keadaan ekonomi dan kewangan yang meruncing menyebabkan kerajaan Monireth tidak popular. Corak pemerintahannya yang kuku besi juga tidak mendapat sokongan ramai.

Kemenangan pihak Berikat dan kembalinya Perancis ke Kemboja menimbulkan persoalan untuk "mendemokrasikan" institusi-institusi Kemboja. Sejak bulan November 1945, wakil-wakil Perancis telah menyarankan supaya satu sistem yang berasaskan kepada perlembagaan moden diwujudkan. Ini telah mendapat sokongan raja dan jawatankuasa bersama Perancis-Kemboja telah pun memulakan kerja-kerja menggubal sebuah perlembagaan.

Tetapi penentangan terhadap rancangan ini muncul terutama daripada golongan pegawai tinggi kerajaan yang takut akan kehilangan sumber kewangan mereka. Kerajaan juga, terutama Putera Monireth sendiri tidak memberi sokongan yang sepenuhnya kepada rancangan ini. Beliau masih lebih suka dengan pemerintahan lama yang bercorak kuku besi dan mengatakan yang rakyat Kemboja masih belum mempunyai pelajaran yang lengkap untuk menerima pemerintahan melalui pemilihan umum. Memandangkan keadaan ini, jawatankuasa bersama Kemboja-Perancis yang dilantik telah

mencadangkan sebuah rejim yang pemilihannya hanyalah terhad serta memberi kuasa tinggi kepada kerajaan (eksekutif). Ia akan dikemukakan sebagai satu perlembagaan yang dicadangkan oleh raja kepada rakyatnya.

Mulai bulan Februari 1946, beberapa orang bangsa Kemboja (lebih kurang 20 orang) yang tinggal di Perancis sejak tahun 1940-41 dan bergiat dalam politik pulang ke Phnom Penh. Di antaranya termasuklah Chhean Vam dan Putera Sisowath Youthevong. Mereka merupakan cerdik pandai yang tahu mengambil kesempatan daripada prestij mereka sebagai orang yang terdidik di Perancis yang mempunyai sokongan politik di Paris. Dalam masa beberapa minggu sahaja mereka berjaya mendapat sokongan daripada bekas penuntut, Sekolah Tinggi Sisowath (iaitu elit intelektual Khmer), juga daripada kebanyakan pegawai kerajaan terutama di peringkat pertengahan (*srok*), dan kaum belia yang mencari-cari pimpinan semenjak gerakan Yuvan dihapuskan yang menjadi pengikut Son Ngoc Thanh dan beberapa kumpulan lain. Berbeza daripada pemimpin pro-Jepun ini, mereka dianggap sebagai "progresif" dan "sahabat kepada golongan kiri Perancis" serta sudah biasa dengan demokrasi Barat.

Masalah Battambang meninggalkan kesan penting ke atas politik Khmer. Sejak 1 Januari 1946 (melalui Perjanjian Anglo-Thai) Britain telah berjaya meminta Siam melepaskan wilayah Tanah Melayu dan Burma yang telah diambilnya dalam tahun 1943. Tetapi sebaliknya Perancis masih belum dapat membuat sebarang tekanan ke atas Bangkok dan terpaksa menunggu; ini menyebabkan mereka dipandang lemah oleh Kemboja. Pada 30 Januari 1946, Laksamana d'Argenlieu telah memberitahu Kemboja yang masalah Battambang sedang diselesaikan dan tidak lama lagi ia akan dapat dikembalikan kepada Kemboja, tetapi rasa tidak puas hati meningkat di Phnom Penh apabila persidangan di Singapura dan lawatan rombongan Siam ke Saigon tidak membuahkan sebarang hasil.

Juga kerajaan Kemboja merasa kesal akan perjanjian di antara Perancis dan Vietnam pada 6 Mac⁹ kerana Vietnam nampaknya melalui perjuangan bersenjata telah berjaya mendapat lebih daripada apa yang didapati oleh Kemboja yang kini telah memihak kepada

⁹Rujuk bab mengenai Vietnam.

Perancis. Kesedaran akan hakikat ini membuatkan ramai pemimpin Khmer kerana tidak puas hati. Mereka bersetuju yang Kemboja tidak dapat menerima satu kedudukan yang lebih rendah daripada Vietnam dalam Persekutuan Indo-China, lebih-lebih lagi terdapat kemungkinan besar yang Indo-China akan dicantum semula bagi Vietnam jika pungutan suara ramai diadakan. Apabila sahaja diketahui di Phnom Penh yang persidangan Dalat antara Perancis dan Vietnam akan diadakan pada 17 April (perbincangan awal sebelum perjanjian Perancis dan Vietnam), Sihanouk dan Monireth telah pergi ke Paris untuk menjelaskan pendirian Kemboja kepada Kerajaan Perancis. Mereka perlu mengambil kira pendapat elit Khmer baru dan pemimpinnya yang mahu supaya Kemboja menunjukkan sikap yang lebih tegas terhadap Perancis ("yang tidak berupaya mengambil semula Battambang"), juga supaya kerajaan berusaha mendapat sokongan rakyat, sekurang-kurangnya melalui satu badan yang dipilih.

Memandangkan keadaan tidak puas hati di kalangan belia dan pegawai Khmer yang boleh digunakan oleh penyokong Son Ngoc Thanh maka dalam bulan Mac Perancis telah menunjukkan sikap yang lebih bertolak ansur dan menyokong usaha-usaha Norindeth, Norodom Mantana, Youthevong dan lain-lain yang mencadangkan penubuhan parti-parti politik di Kemboja. Parti-parti politik ini adalah intisari demokrasi moden yang melaluinya boleh disalurkan tenaga baru yang terdapat di Kemboja. Sebuah parti yang liberal telah pun wujud di bawah pimpinan Norindeth, bapa saudara raja. Beliau ialah penyokong pemerintahan raja berperlembagaan dan menyatakan sokongannya terhadap penubuhan secara beransur-ansur ke atas struktur 'kuku besi' negara itu serta pembentukan sebuah pemerintahan berparlimen berdasarkan pengundian secara terhad, juga pembaharuan daripada segi pentadbiran, kewangan dan ekonomi yang boleh dicapai melalui bantuan dan tunjuk ajar dari Perancis. Norindeth merupakan seorang *francophile*, disukai oleh sami dan pegawai yang lama serta mempunyai kewibawaan. Beliau mendapat galakan daripada Pesuruhjaya Perancis yang tidak sukakan cara lama dan kuku besi dan ketidakstabilan Monireth, dan dengan ini sedia melihat penentangan yang dipimpin oleh satu "parti yang liberal".

Memandangkan keadaan ini, Raja Sihanouk dengan persetujuan

an wakil Perancis telah menolak nasihat mereka yang mahukan pembentukan sebuah perlembagaan secara paksaan. Dalam satu pengisytiharan 13 April sempena dengan pemergiannya ke Perancis, beliau mengumumkan yang pemerintahan beraja mutlak sudah berakhir di Kemboja. Satu rangka perlembagaan akan dibawa kepada perhimpunan kebangsaan sementara yang dianggotai oleh wakil-wakil dari seluruh negara Khmer.

Walau bagaimanapun peranan badan ini hanyalah sebagai badan penasihat sahaja: ia hanya boleh memberi pandangannya tentang rangka perlembagaan yang disediakan oleh jawatankuasa bersama Perancis-Kemboja. Setelah badan ini memberi pandangannya, maka ia akan dimansuhkan dan perlembagaan yang digubal dan institusinya akan dikuatkuasakan bagi membolehkan debat politik diadakan dan satu ordinan 15 April membenarkan kebebasan awam: kebebasan untuk tuan (tanpa ini semua intelektual, pegawai kerajaan, putera raja tidak boleh menubuhkan parti politik), seterusnya kebebasan akhbar dan berkumpul (hanya untuk masa pilihanraya sahaja).

Langkah-langkah ini telah melegakan suasana. Jawatankuasa *Khmer Issarak* yang masih mencari jalan keluar semenjak perjanjian Perancis-Vietnam dan pengusiran keluar Viet Minh dari Indo-China kini telah berpecah: pada akhir bulan April, Poc Chheun menyerah diri; beliau kemudiannya dihukum dan dibuang negeri.

Beberapa parti yang telah muncul seperti Parti Liberal pimpinan Putera Norindeth, sebuah Parti Progresif di bawah putera Norodom Montana dan seterusnya pada awal bulan Mei penubuhan Parti Demokrat yang dipimpin oleh Putera Youthevong dan Chhean Vam sebagai setiausaha agung. Parti ini dengan serta-merta mendapat sokongan daripada belia dan sebahagian besar pegawai kerajaan. Dinamisme parti ini, cara ia mengendalikan persoalan penting telah membimbangkan pihak istana, kebanyakan golongan pentadbir yang tua dan juga pihak pentadbiran Perancis kerana bagi golongan ini sebarang petanda tentang nasionalisme sangat membimbangkan mereka. Pada mulanya Parti Liberal dijangka dapat memenangi pilihanraya 1 September, tetapi mereka sedar yang sangkaan ini salah.

Jawatankuasa bersama Perancis-Kemboja menetapkan undang-undang pilihanraya. Undang-undang ini telah digubal pada 31

Mei (semasa ketiadaan raja) oleh Majlis Pemangku Raja. Ia menetapkan yang perhimpunan Kebangsaan sementara akan dipilih melalui pilihanraya umum, tetapi ia juga mengenakan beberapa syarat tertentu ke atas bakal calon dan kelayakan mereka, bagi mengelakkan supaya tidak terlalu ramai calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan.

Parti-parti ini sebenarnya tidak terlalu mementingkan aliran ideologi atau kelas. Mereka lebih mewakili kelompok (dan penyokong mereka) yang menekankan masalah "memberi peluang kepada belia", hubungan dengan Perancis (kebebasan yang perlu diberi kepada Kemboja, pentadbiran Kemboja, Battambang) serta mengenai orientasi kebangsaan atau demokrasi yang patut diberikan dalam usaha-usaha modenisasi. Perbezaan ini juga menunjukkan yang terdapat persaingan dalam keluarga diraja, di antara keluarga Norodom dan Sisowath.

Walaupun terdapat sekatan yang dikenakan oleh undang-undang pilihanraya, Parti Demokrat telah menang dengan suara terbanyak dalam pilihanraya 11 September 1946 dengan sokongan kuat daripada golongan pentadbir. Pilihanraya ini ialah yang pertama sekali diadakan di Kemboja, lebih kurang 60% daripada yang layak mengundi keluar mengundi dan sebanyak 50 kerusi daripada 67 di Dewan Perhimpunan telah dimenangi oleh Parti Demokrat, Sementara Parti Liberal mendapat 14 dan Bebas 3. Semua perhimpunan ini mengadakan sidang pertamanya pada 25 September dengan dihadiri oleh raja. Perhimpunan ini dijangka akan mempunyai peranan lebih daripada sekadar badan penasihat, terutama apabila Parti Demokrat sendiri mempunyai program ke arah politik yang lebih demokratik.

Sejak awal-awal lagi, Dewan Perhimpunan telah menolak sekatan yang dikenakan ke atasnya dan mengisytiharkannya sebagai "berkuasa membentuk perlembagaan". Ia juga telah meminta supaya kerajaan yang dibentuk berdasarkan sokongan rakyat. Pada akhir Disember 1946, kabinet yang dipimpin oleh Monireth telah terpaksa menyerahkan kuasa kepada kerajaan di bawah pimpinan baru Putera Youthevong. Youthevong menjadi Presiden Majlis dan Menteri Dalam Negeri, Penn Nouth sebagai Menteri Negara, Son Sann Menteri Kewangan dan Chhean Vam di Kementerian Pelajaran.

Sementara itu masalah Battambang juga dapat diselesaikan. Ini

sebahagian besarnya bergantung kepada pengukuhan pemerintahan beraja yang mempunyai keyakinan terhadap Perancis. Kerajaan Perancis memahami akan peri pentingnya masalah itu terhadap masa depan Kesatuan Perancis. Satu perwakilan Perancis yang dipimpin oleh M. Georges Picot telah dihantar ke Washington, yang sebelumnya menerima kunjungan satu perwakilan Siam di bawah pimpinan Putera Wan Wathayakon dan perwakilan ini membincangkan masalah Battambang dengan bijaknya. Mereka berjaya mematahkan hujah-hujah Siam serta menunjukkan yang Siam bekerjasama dengan Jepun di antara tahun 1940-1945, juga perlunya dibatalkan Konvensyen Tokyo 1941 yang dipaksa ditandatangani oleh sebuah kerajaan yang bukannya mewakili Perancis sebenarnya. Mereka telah berjaya. Satu perjanjian Perancis-Siam ditandatangani di Washington pada 17 November 1946 bagi membatalkan perjanjian Tokyo ini. Tiga minggu selepas ini, tentera Perancis menduduki semula Battambang.

Perlembagaan 6 Mei dan Pemerintahan Dewan Perhimpunan

Pemimpin Parti Demokrat menguasai Dewan Perhimpunan dan juga memainkan peranan penting dalam merangka teks perlembagaan. Kebanyakan daripada wakil-wakil rakyat yang tidak mempunyai banyak pengalaman lebih suka membiarkan para pemimpin parti menjalankan jentera sistem politik moden bercorak parlimen yang telah dipelajari di Perancis. Pembangkang-pembangkang liberal adalah terlalu kecil jumlahnya untuk diberi pertimbangan pendapat.

Walaupun terdapat penentangan daripada kebanyakan orang Perancis di Kemboja (yang bimbang akan pengampunan bulan April 1947 bagi pemberontak Issarak, tetapi terdapat juga kerjasama rapat antara golongan ini dengan ahli parti demokrat yang berpengaruh). Kerajaan Youthevong berjaya menggubal perlembagaan dalam beberapa minggu sahaja dan ditemui oleh Dewan Perhimpunan dan juga raja (perlembagaan ini ditiru daripada perlembagaan Perancis 1946). Perlembagaan ini diluluskan pada 6 Mei 1947.

Pemerintahan beraja mutlak telah digantikan oleh pemerintahan beraja berperlembagaan. Raja masih menjadi ketua negara dan perlembagaan menetapkan yang "semua kuasa datang daripada raja", tetapi menyatakan yang "kuasa ini dilaksana berdasarkan cara yang ditetapkan oleh perlembagaan": kuasa eksekutif terletak

di tangan menteri "atas nama raja", kuasa legislatif terletak di tangan Dewan Perhimpunan Kebangsaan juga "atas nama raja", Kuasa undang-undang dipegang oleh mahkamah yang membuat hukuman atas nama raja. Walaupun demikian, perlembagaan ini dibuat oleh Parti Demokratik, iaitu segolongan kecil elit politik yang mempunyai citi-cita tinggi yang mengambil peluang keadaan bagi menggubal undang-undang yang akan mengukuhkan kedudukan mereka.

Parti Demokrat percaya yang mereka boleh lama menguasai Dewan Perhimpunan (pilihanraya diadakan setiap 4 tahun) dengan ini menjadikan Dewan Parlimen sebagai sumber kuasa yang penting. Walaupun raja mencalonkan Perdana Menteri, ia mestilah diterima oleh Dewan Perhimpunan Kabinet dan juga bertanggungjawab kepada Dewan ini. Secara rasminya kuasa eksekutif diberikan kepada Majlis Menteri-Menteri (yang merupakan kerajaan diraja), tetapi sebenarnya tertumpu kepada Presiden Majlis Menteri-Menteri ini. Semua akta diraja mestilah disahkan oleh Presiden (ataupun-oleh menteri yang diberi kuasa olehnya). Parti Demokrat menjangka yang presiden Majlis Menteri akan dipilih daripada golongan mereka untuk masa yang lama. Dengan ini mereka memberikan kuasa kepada Presiden itu yang membolehkan ia mempengaruhi kabinet dan dalam beberapa keadaan, Dewan Perhimpunan. Dewan yang kedua ialah Dewan Negara, yang separuh daripada ahli-ahlinya dilantik dan separuh lagi dipilih. Ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang terkenal dan hanya mempunyai peranan sebagai penasihat bagi perkara perundangan. Walaupun begitu Dewan ini dapat mengemukakan undang-undang. Ia merupakan sebuah pusat berbincang dan bertukar fikiran.

Penguasaan Parti Demokrat di Dewan Perhimpunan begitu kuat sehingga Kemboja seolah-olah dikuasai oleh satu parti sahaja yang berselindungan corak pemerintahan berparlimen. Bagi sebuah negara yang "sedang membangun" ini bukanlah merupakan satu keburukan jika sekiranya ia dapat memberi kestabilan penyatuan dan ketegasan daripada segi kepimpinan, pengerahan tenaga, penyeselarasan daya usaha, keterlibatan rakyat, kecekapan terhadap usaha ekonomi dan sosial dan lain-lain. Tetapi parti itu tidak pernah dapat menyempurnakan tugas yang berat ini.

Selepas sahaja perlembagaan siap digubal, Parti Demokrat

kehilangan pemimpinnya: Putera Youthevong meninggal dunia pada 18 Juli 1947 akibat daripada penyakit yang dihidapi sejak beberapa lama. Beliau seorang tokoh yang amat diperlukan dan pemergiannya menimbulkan satu kekosongan yang besar. Selepas kematiannya, Parti Demokrat mendapati semakin sukar untuk mengekalkan penyatuannya. Kumpulan kiri dalam parti yang dipengaruhi oleh bekas anggota Issarak dan bekas penyokong Son Ngoc Thanh mengambil sikap yang lebih nasionalis dan anti-penjajah lebih-lebih lagi apabila berlakunya perang di Vietnam dan mereka takut kalau Sihanouk akan menyokong Bao Dai. Sementara itu, kumpulan sederhana dan kanan dalam parti lebih memainkan kepentingan yang kurang bercorak politik, tetapi mementingkan hal yang lebih menguntungkan mereka.

Sejak pilihanraya bulan November 1947 raja menjangka yang beliau akan dapat menentang Parti Demokrat secara berkesan dengan mengambil kesempatan daripada kekecohan akibat kematian Youthevong. Dua orang rakan Youthevong masing-masing memimpin sebuah parti dan mengambil bahagian dalam pilihanraya. Nhiek Tioulong memimpin Parti Pembaharuan Khmer yang mengakui dirinya "tradisionalis dan rasionalis". Khim Tit bersama Parti Persatuan Kebangsaan Kemboja. Walau bagaimanapun kedua-duanya telah kalah dan tidak mendapat sebarang kerusi. Golongan Liberal mendapat 21 kerusi dan Demokrat 54 kerusi daripada jumlah 75 kerusi dan dengan ini menguasai Dewan Perhimpunan, baru ini untuk selama empat tahun lagi. Pemimpin mereka, Chhean Vam menjadi Presiden Majlis pada 11 Februari 1948.

Dalam masa lima tahun, iaitu di antara tahun 1947 hingga 1952, politik Kemboja dipenuhi oleh konflik yang kadangkala terbuka di antara Parti Demokrat yang mempunyai suara terbanyak di Dewan Perhimpunan, dengan raja yang merupakan orang pertama di negara itu di sebalik undang-undang perlembagaan yang menganggap beliau sebagai raja berperlembagaan.

Parti Demokrat dengan senang sahaja menggunakan sentimen kebangsaan. Peperangan di antara Perancis dan Vietnam memaksa Perancis "melanggarkan tekanannya" dan mengiktiraf kemerdekaan Vietnam pada 5 Januari 1948. Parti Demokrat menuntut supaya Kemboja juga diberi hak yang sama. Tetapi persaingan di antara

orang perseorangan dan kumpulan dalam parti ini serta akibat buruk yang timbul menyebabkan sebarang perancangan daripada segi politik dan tindakan yang serius tidak dapat diambil. Pemimpin parti gagal mengawal perpecahan dalam parti. Sikap wakil rakyat yang selalu mengapi-apikan keadaan juga telah melumpuhkan pentadbiran. Keadaan ini mengancam pemerintahan. Dewan Perhimpunan yang mempunyai kuasa besar, membentuk dan menurunkan kerajaan (Chhean Vam, Penn Nouth dan lain-lain) sehingga ketidakstabilan kerajaan ini menjadi ciri utama demokrasi Kemboja sebagaimana yang berlaku dalam Republik ke-4 Perancis yang dicontho oleh Kemboja.

Mulai tahun 1948 Parti Demokrat juga secara sistematik telah menyekat perundangan yang dicadangkan oleh raja. Beliau dengan senyap-senyap mengumpul tenaga dan pengalaman dan membuat keputusan untuk memperjuangkan kedudukannya (walaupun beliau telah menjadi sasaran tekanan golongan konservatif). Dalam tahun 1948 beliau memberi kata dua dan mengambil peluang perpecahan musuhnya telah cuba menanam sokongan bukan daripada parti lawan, Parti Demokrat, tetapi penentang dalam parti itu sendiri. Dengan ini mulai tahun 1949 hingga 1951 parti itu mulai hilang kuasanya.

Dalam bulan Februari 1949 Yem Sembaur, seorang demokrat yang berpaling tadah dan menyokong raja telah membentuk kerajaan baru negara itu. Yem Sembaur hanya mendapat kepercayaan sementara dan terhad sahaja daripada Perhimpunan Kebangsaan yang merasa curiga dengan sikap kuku besi beliau. Dengan ini penentangan terhadap beliau dalam Dewan itu menjadi satu perkara yang terbuka pada musim panas tahun 1949. Dewan berhasrat untuk menubuhkan kabinetnya dan menubuhkan semula satu kerajaan yang lebih konservatif. Tetapi Yem Sambaur telah memperolehi persetujuan raja untuk membubarkan Dewan itu (18 September 1949) oleh kerana terdapat keadaan yang tidak tenteram disebabkan oleh penyokong-penyokong Issarak. Pilihanraya tidak diadakan dan Yem Sembaur telah "diberi kuasa" memerintah tanpa parlimen.

Sokongan yang diberikan kepada raja oleh Dap Chhuon, yang mengetuai gerakan gerila Issarak di bahagian barat daya negeri itu telah mengukuhkan kedudukan raja. Beliau yang mendapat tentang-

an daripada golongan demokrat yang melampau¹⁰ dalam usahanya untuk merundingkan satu perjanjian baru dengan Perancis, menganggap masanya telah tiba untuk membuka rundingan. Bagi mengelakkan negara daripada terjerumus perang yang tidak akan menguntungkan dan juga mengelak daripada termasuk dalam persekutuan dengan orang Vietnam dari Viet Minh, Sihanouk mahu menjadikan rundingan sebagai "tapak permulaan" ke arah "kemerdekaan penuh". Dalam bulan September 1949, beliau telah menuntut daripada Pesuruhjaya Tinggi Perancis, Pignon beberapa jaminan seperti berikut:

1. Perjanjian itu mestilah menjamin sepenuhnya kedaulatan negeri Kemboja.
2. Kemerdekaan Kemboja yang diiktiraf oleh Perancis mestilah "diakui di peringkat antarabangsa" dan diiktiraf oleh kuasa-kuasa besar dunia yang akan membolehkan Kemboja diwakili di luar negeri dan melibatkan diri dalam Bangsa-bangsa Bersatu.
3. Kawasan-kawasan yang di bawah kawalan tentera Perancis atau campuran hendaklah digantikan secara berperingkat-peringkat dan segera oleh pasukan pengaman di bawah kawalan dan pimpinan Khmer sepenuhnya.
4. Kerajaan Perancis akan memberi persetujuannya supaya Issarak yang menyokong kerajaan akan diampunkan. Perancis bercajandang untuk memberikan kebebasan dan pengampunan sepenuhnya kepada tahanan-tahanan ataupun orang buangan politik Khmer.

Setelah mendapat jaminan tersebut daripada M. Pigman (surat bertarikh 25 Oktober 1949), Sihanouk meminta supaya keadaan¹¹ diperbaiki dan seterusnya dengan segera memulakan rundingan.

Satu perjanjian ditandatangani pada 8 November 1949. Artikel

¹⁰Kerajaan Kemboja merasa begitu kesal dengan tindakan Perancis yang telah memulangkan Cochinchina kepada Vietnam dalam bulan April 1949 tanpa memberikan perhatian kepada kedudukan orang Khmer Krom (orang Kemboja yang tinggal di Cochinchina), serta dengan sempadan Kemboja dengan Vietnam yang ditentukan sebelum ini oleh pentadbiran Perancis. (Lihat ms 577).

¹¹Pada 21 Oktober 1949, Sihanouk dengan rasminya meminta pihak berkuasa Perancis agar melembutkan sikap mereka terhadap Son Ngoc Thanh (yang ditahan di Perancis). Beliau menyatakan Son Ngoc Thanh bersedia untuk tidak campur tangan dalam sebarang kegiatan politik.

I menyebut: "Republik Perancis mengiktiraf Kemboja sebagai sebuah negara yang merdeka": Artikel 8 menambah "Kemboja berkuasa merunding dan menandatangani sebarang perjanjian antara-bangsa yang menyentuh kepentingannya sendiri". Sementara artikel 19 pula menyebut: "Perjanjian 11 Ogos 1863, Konvensyen 18 Jun 1884 dan konvensyen selepasnya adalah dibatalkan".

Dengan ini satu tahap penting dalam pembebasan negara itu bermula dan kemerdekaannya telah pun wujud berdasarkan kepada undang-undang yang tetap. Tetapi tujuannya bukan setakat mencapai satu perjanjian, ia hanya merupakan satu cara bagi mendapatkan kemerdekaan *de jure* sepenuhnya. Ahli-ahli politik Parti Demokrat menuduhnya sebagai "pembelot". Parti Demokrat mengkritik perjanjian ini (yang masih menggunakan beberapa sekatan terhadap "kemerdekaan" ini) dan menuduh raja dan Yem Sembaur termasuk dalam perangkap Perancis.

"Mandat Diraja"

Penentangan terhadap Yem Sembaur semakin meningkat selepas pembunuhan Ieu Koeus pada 14 Januari 1950. Beliau adalah pemimpin utama Parti Demokrat selepas Chhean Vam 'menarik diri' yang sebelum ini menjadi Presiden Dewan Perhimpunan. Memandangkan Yem Sembaur semakin tidak disukai, juga kerana beliau menghadapi beberapa masalah dalam hubungannya dengan Perancis kerana kegiatan tentera oleh Dap Chhuon, maka raja telah meminta supaya kabinet dibubarkan pada 3 Mei 1950. Sebulan selepas beliau bersama-sama Penn Nouth, Sonn Voensai dan lain-lain memimpin kerajaan campuran kebangsaan itu, maka raja telah menyerahkan pimpinan kabinet kepada Putera Monipong (saudara Monireth). Jawatan kabinet dibahagikan antara parti-parti politik yang berbeza. Son Sann telah diberi kementerian yang baru ditubuhkan iaitu Kementerian Luar Negeri.

Selama lapan bulan, kerajaan ini berjaya mencapai kemajuan yang bukan sedikit bagi mewujudkan semula peraturan dalam pentadbiran yang diambil alih daripada pegawai Perancis. Mereka juga berjaya mengekalkan keamanan dalam negeri. Tetapi perselisihan pendapat berlaku tentang masalah kembali kepada pemerintah biasa dan ini menyebabkan kerajaan Monipong meletak jawatan pada 26 Februari 1951. Sebuah kerajaan "sementara" yang dipimpin oleh

Oum Cheang Sun, seorang pegawai lama yang cekap, telah ditubuhkan dan kerajaan ini bersedia untuk kembali kepada bentuk pemerintahan berparlimen dan mengadakan pilihanraya umum pada bulan September 1951, berdasarkan peraturan-peraturan yang terdapat pada tahun 1947. Ini menimbulkan semula kegiatan politik.

Parti Demokrat berjaya memenangi pilihanraya ini yang diadakan pada 5 September 1951 dengan mendapat 54 daripada 78 kerusi walaupun parti ini telah banyak kehilangan pengaruh di kalangan rakyat umum (terutama selepas pembunuhan Ieu Kaeus) dan skandal rasuah yang melibatkan ahli-ahli parti yang penting. Parti Liberal hanya mendapat 18 kerusi dan beberapa tokoh lain telah juga tewas, termasuklah Yem Sembaur dan Lon Nol. Terdapat sejumlah 50% yang tidak mengundi.

Pada 12 Oktober 1951, sebuah kabinet pimpinan Huy Kanthoul mengandungi keseluruhannya ahli Parti Demokrat telah dibentuk dan diterima oleh Dewan Perhimpunan. Sekali lagi kerajaan baru ini bersama-sama dengan menteri-menteri yang "melampau" cuba memerintah bertentangan dengan kehendak raja.

Tetapi kerajaan baru yang dikatakan kembali kepada pemerintahan berparlimen ini sangat mengecewakan Dewan Perhimpunan kerana tidak banyak mempunyai kuasa dalam politik Khmer. Sebenarnya jawatankuasa pusat Parti Demokrat yang berkuasa penuh dan mempengaruhi semua keputusan yang dibuat oleh menteri-menteri serta kegiatan kebanyakan daripada pegawai kerajaan Parti Demokrat memerintah berdasarkan kepastian, mengurangkan ketenteraman dalam pentadbiran dan dengan ini menimbulkan banyak perasaan tidak puas hati. Mereka juga kadangkala bertelagah sesama sendiri.

Kepulangan Son Ngoc Thanh ke Phnom Penh pada 29 Oktober 1951. (raja telah berusaha mendapatkan semula Son Ngoc Thanh daripada pihak Perancis bagi meredakan penentangan) telah menimbulkan lebih banyak perpecahan di kalangan Parti Demokrat. Walaupun beliau telah berjanji untuk tidak menceburkan diri dalam politik, Son Ngoc Thanh merupakan tokoh nasionalisme yang bersemangat¹² dan telah membuat beberapa ucapan di beberapa

¹²Sejak kemenangan komunis (akhir 1949), Amerika Syarikat menunjukkan minat yang lebih mendalam terhadap kawasan Indo-China. Sejak awal tahun 1950,

kawasan di Kemboja serta menubuhkan sebuah akhbar (*Khmer Krok*). Beliau percaya hanya pengunduran keluar tentera Perancis yang akan dapat menjamin kemerdekaan Kemboja dan keamanan.

Bagi menghadapi masalah ini, kerajaan Huy Kanthoul bersikap berbolak-balik. Tetapi kegiatan Son Ngoc Thanh membimbangkan dan mungkin menimbulkan ancaman kepada tentera Perancis. Dalam bulan Februari 1952, keluaran *Khmer Krok* telah digantungkan. Son Ngoc Thanh telah melarikan diri (9 Mac) dan secara haram cuba mengumpulkan golongan Issarak yang masih menentang raja. Perpecahan dan rasa simpati beberapa orang dalam kerajaan terhadap Son menyebabkan kerajaan Huy Kanthoul tidak berani mengambil sebarang tindakan terhadap penentangan ini. Sengketa antara Parti Demokrat dan istana yang dirasakan akan membawa kepada konflik terbuka dengan Kemboja telah bertambah buruk. Secara umumnya timbul penentangan di kalangan parti-parti pembangkang, terhadap Parti Demokrat.

Pada 15 Jun 1952, selepas penangkapan Yem Sembaur dan Lon Nol yang diarahkan oleh Huy Kanthoul, raja telah membubarkan kabinet demokrat dan mengambil alih kuasa eksekutif yang daripada segi teorinya raja mempunyai kuasa. Beliau memegang jawatan Presiden Majlis Menteri-menteri, menubuhkan sebuah kementerian yang bebas daripada parti-parti politik dan dianggotai kebanyakannya oleh ahli keluarga diraja (Putera Song Deth, Sirik Matak, Putera Yukanthor dan lain-lain), dan beberapa orang ahli politik (Sim Var). Dalam satu perutusan kepada rakyat yang diterbitkan pada hari "Kudeta secara sah" ini, raja telah meminta supaya beliau diberi mandat selama 3 tahun untuk menjayakan rancangan mengembalikan keamanan, pembaharuan sosial, memperbaiki keadaan kewangan, ekonomi dan perdagangan, juga bagi mencapai "penyatuan dan kemerdekaan yang penuh dan berpuas hati" bagi negara itu. Beliau juga berjanji apabila mandatnya tamat nanti, beliau akan menyerah-

terdapat beberapa rombongan Amerika yang melawat Kemboja. Selain daripada itu pihak C.I.A (Central Intelligence Agency) yang mempunyai pangkalan di negeri Thai telah membuat hubungan dengan parti Demokrat melalui golongan Issarak di bahagian Barat Daya Kemboja. Tujuan Amerika ialah untuk mempengaruhi parti Demokrat ke arah nasionalisme yang anti-Perancis dan anti-komunis. Masa yang sama juga mereka membuat hubungan dengan kumpulan *Dai Viet* dan Cao Dai.

kan kepada rakyat bagi membuat penentuan.

Penentangan pada Parti Demokrat terhadap dasar baru ini telah menyebabkan raja mengambil langkah yang lebih radikal. Dewan Perhimpunan menolak belanjawan dan kuasa luar biasa yang dimin-ta oleh raja. Raja yakin yang Dewan ini dikuasai oleh penyokong Son Ngoc Thanh dan seterusnya pada 13 Januari 1953, membubarkan Dewan ini. Seterusnya pada hari yang sama beliau mengisytiharkan yang "negara berada dalam bahaya". Beberapa penangkapan telah dilakukan ke atas orang-orang yang dianggap merbahaya dan raja juga telah meminda kabinet sebelum berlepas ke Perancis pada 9 Februari. Beliau telah melantik Penn Nouth sebagai Presiden Majlis Menteri-menteri yang baru diberikan kuasa.

Dengan ini konflik yang timbul pada mulanya antara sebuah parti yang penting dan raja berakhir dengan kemenangan pihak raja. "Aktiviti politik yang lahir daripada pemerintahan demokrasi yang masih samar telah lenyap. Malah, parti-parti politik yang tujuan dan kewujudannya masih lagi asing bagi rakyat petani telah menjadi "persatuan bagi orang-orang yang mempunyai keistimewaan", un-tuk memastikan kedudukan dan cita-cita mereka, Parti Demokrat telah membentuk perlembagaan, tetapi dalam mengejar cita-cita mereka lupa yang bagi rakyat jelata, raja mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai tunjang negara, sebagai pelindung yang agung dan kepada rajalah mereka berpaling dalam masa-masa kesusahan dan penderitaan dan bukannya kepada parti-parti politik. Dengan jalan menentang raja, ada kemungkinan yang Parti Demokrat meng-gali kuburnya sendiri.

Parti ini juga telah memburuk-burukkan "kerjasama" antara raja dan pihak Perancis dengan tujuan menjatuhkan maruah raja Khmer, juga memperlihatkan yang ia sepertimana dinasti Nguyen di Vietnam merupakan institusi yang lapuk, sebagai alat kerajaan penjajah yang tidak mampu mendapatkan kemerdekaan yang sebenar bagi Kemboja. Dengan cara ini Parti Demokrat memburukkan raja sendiri dan menimbulkan permusuhan yang berpanjangan anta-ra raja dengan mereka yang berani mencurigai kecintaannya terha-dap negaranya. Dalam keadaan ini raja tidak ada pilihan lain melainkan menampakkan dirinya sebagai pendokong nasionalisme Khmer dan memperjuangkan kemerdekaan negaranya yang di-ancam oleh perang saudara di mana pihak Amerika-Thailand dan

Vietnam akan bertentangan melalui orang-orang yang menyokong pihak asing ini.

Perjuangan ke Arah Kemerdekaan

Sihanouk merasa bosan, malah marah dengan putar belit Perancis yang hanya menyebabkan bertambah merosotnya keadaan. Pembentukan/Penubuhan Wilayah Battambang dan Siemreap ke dalam Penubuhan Wilayah Battambang dan Siemreap di bawah kekuasaan Khmer dalam tahun 1949 dan 1951 merupakan satu kemajuan baginya. Beliau ingin mengadakan persidangan yang lebih tegas dengan kerajaan Paris. Pada 5 haribulan Mac 1953, beliau telah menulis surat yang panjang kepada Vincent Auriol, Presiden Republik Perancis, menuntut kemerdekaan Kemboja secepat mungkin. Jika tidak, tambah beliau, keadaan ketenteraan akan menjadi lebih buruk dan akan melemahkan kedudukan Perancis sendiri di Kemboja. Beliau juga meminta agar Perancis menyerahkan kuasa sebenar kepada Kemboja dalam hal-hal penting terutama yang bersangkutan dengan ketenteraan. Vincent Auriol telah menjawab surat ini, tetapi rundingan-rundingan yang diadakan dengan kerajaan Perancis tidak memberikan apa-apa hasil yang positif. Sihanouk kemudiannya pergi ke Fontainebleau dan menghubungi menteri-menteri Perancis bagi mengadakan rundingan. Belum pun beliau berjaya mendapat sokongan orang-orang ini, Sihanouk mengambil keputusan bertindak di peringkat antarabangsa dan cuba mendapatkan sokongan Amerika untuk Kemboja dengan cara berunding dengan Perancis. Pada 11 April 1953, beliau meninggalkan Paris menuju Kanada.

Dalam satu memorandum kepada Setiausaha Negara Amerika, J. Foster Dulles bertarikh 13 April 1953, Sihanouk telah menekankan betapa pentingnya kemerdekaan Kemboja bagi menentang komunisme di Indo-China dan menghapuskan keadaan ketakutan yang ditimbulkan oleh Viet Minh dan Issarak. Pertemuannya dengan Foster Dulles sangat mengecewakan. Foster Dulles percaya hanya Perancis sahajalah yang boleh menghapuskan Viet Minh. Oleh kerana kecewa dengan Foster Dulles inilah maka Sihanouk menukar dasarnya: jika Perancis enggan memberikan kemerdekaan kepada Kemboja, negara itu akan berpihak kepada Viet Minh, demikian kata Sihanouk kepada akhbar New York Times pada 18 April 1953. Kesan daripada ini adalah semerta: pada 23 April 1953, kerajaan

Perancis menjemput Penn Nouth dan menteri-menteri lain ke Paris untuk memulakan rundingan. Satu perjanjian telah ditandatangani pada 9 Mei 1953. Tetapi perjanjian ini tidak memuaskan pihak Kemboja tentang masalah ketenteraan dan juga keadilan. Terdapat beberapa aspek ekonomi dan kewangan yang terkandung dalam perjanjian ini akan terjejas apabila Perancis menurunkan nilai wang "piastre" pada 11 Mei 1953.

Sihanouk sangat marah dengan keputusan Perancis dan terus mengundurkan diri ke wilayah autonomi di barat laut tempat beliau mengumumkan perisytiharan kemerdekaan pada 12 Jun dan seterusnya pergi ke Bangkok. Di Bangkok, pada 16 Jun 1953, beliau mengutus surat kepada tiap-tiap perwakilan asing menerangkan kedudukannya. Tetapi Siam tidak mahu membahayakan hubungannya dengan Perancis dan Amerika Syarikat dengan memberikan perlindungan politik kepada Sihanouk. Pada 21 Jun Sihanouk kembali ke Kemboja dan seterusnya pada 28 Jun mengisytiharkan "perintah pengerahan" bagi menunjukkan yang rakyat Khmer mampu mempertahankan diri mereka. Pada 13 Julai 1953, kerajaan Perancis yang pada masa itu diketuai oleh J. Laniel menyatakan kesediaan mereka untuk membincangkan "kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara Indo-China".

Setelah meneliti perisytiharan ini, kerajaan Phnom Penh membuat tuntutan mereka pada 27 Julai 1957. Rundingan Perancis-Khmer ini berjalan dalam keadaan genting¹³ sementara pengerahan tenaga masih diteruskan. Pada masa yang sama juga pendapat umum Amerika mula memberikan perhatian kepada Kemboja. Perjanjian pertama ditandatangani pada 29 Ogos menyentuh penyerahan kuasa polis dan keadilan daripada Perancis kepada Kemboja. Pada 17 Ogos 1953 termeteri satu perjanjian yang memberikan kuasa ketenteraan kepada Kemboja ke atas seluruh wilayahnya. Pada 8 November, Sihanouk pulang ke Phnom Penh dan disambut sebagai seorang pejuang.

Dalam beberapa bulan berikutnya Kemboja berjaya secara beransur-ansur mengembalikan semula kedaulatannya. Pada 25 Februari 1954, Perancis mengiktiraf prinsip kemerdekaan ekonomi, kewangan dan kastam negara Kemboja. Pada 10 Mac 1954, Kembo-

¹³Son Ngoc Thanh enggan bekerjasama.

ja mendapat sepenuhnya kedaulatan hal-hal diplomatik. Apabila perundingan Geneva dimulakan pada 8 Mei 1954 bagi mewujudkan keamanan di Indo-China, Kemboja telah sedia mengambil bahagian sebagai sebuah negara bebas dan merdeka, tidak seperti Vietnam di bawah Bao Dai.

Walaupun terdapat percubaan bagi melemahkan golongan Viet Minh dan Issarak yang dijalankan pada musim kemarau, tentera Viet Minh berjaya memasuki kawasan timur laut dalam bulan April. Negara blok sosialis mahu mengambil peluang daripada keadaan ini bagi menghantar perwakilan "kerajaan" boneka Khmer Issarak. Ini telah mendapatkan tentangan yang hebat. Setelah menemui jalan buntu beberapa minggu, Republik Rakyat China mengambil daya usaha untuk menyelesaikan kebuntuan ini dengan menerima usul pada 16 Jun 1954 supaya diasingkan masalah Kemboja daripada masalah Vietnam dan menyatakan kesediaannya untuk membincangkan masalah kehadiran tentera asing di Kemboja hanya dengan kerajaan Sihanouk.

Dengan ini tidak timbul lagi persoalan satu kawasan untuk pemberontak. Satu perjanjian gencatan senjata antara tentera diraja Khmer dan Republik Demokratik Vietnam telah ditandatangani pada 21 Julai 1954. Dengan tercapainya perjanjian ini maka gencatan senjata diadakan di Kemboja pada 6 Ogos 1954, dan semua tentera Vietnam diundurkan dari wilayah Kemboja. Sebuah Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa telah dipersetujui di persidangan Geneva bagi memulakan tugasnya di Kemboja.

Kemerdekaan Kemboja ditimbulkan ke peringkat antarabangsa pada keseluruhannya melalui perjanjian ketenteraan dan Perisytiharan akhir Perjanjian Geneva. Kemboja berjaya mengambil peluang daripada kebimbangan Inggeris-India bagi memastikan keselamatan Malaysia, Burma serta daripada keinginan China dan Soviet Union untuk menyelesaikan menandatangani perjanjian dengan Perancis dengan seberapa segera bagi mengelakkan campurtangan Amerika di Indo-China. Berbeza daripada Vietnam yang setelah tamat perang ini mendapati dirinya terbahagi, lemah, sementara Laos masih lagi mengalami perpecahan dalam negeri, Kemboja sebaliknya, bukan sahaja tidak mengalami apa-apa kerugian daripada segi material tetapi juga mendapati negara itu bebas dengan tentera asing berundur tanpa syarat. Satu-satunya tanggungjawab

Kemboja ialah memastikan yang semua rakyat mendapat tempat dalam sebuah negara baru, terutama bersuara dalam pilihanraya umum yang sepatutnya diadakan dalam tahun 1955. Ini semua adalah hasil daripada dasar Sihanouk serta pembantu-pembantu-nya, terutama Penn Nouth, Sam Sary dan Tep Phan.

Kemerdekaan ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan terhapusnya kesatuan ekonomi dan mata wang Indo-China (Persidangan Paris, 26 Ogos hingga 29 Ogos) beberapa bulan berikutnya. Sebelum Persidangan Paris 29 Ogos ditandatangani, Kemboja berada di bawah kesatuan ekonomi dengan Vietnam dan Laos dan terpaksa menggunakan mata wang "piastre" yang dikeluarkan oleh *Banque* (1897) dan selepasnya oleh institut negeri di bawah Kesatuan Indo-China (1950). Pada 1 Januari 1955 keistimewaan ini telah dihapuskan dan Kemboja mempunyai Bank Negara sendiri dan mata wang sendiri iaitu riel. Dengan terhapusnya pejabat tukaran mata wang Indo-China, juga pejabat perbendaharaan Indo-China dan berakhirnya kesatuan kastam, Kemboja menikmati sepenuh kebebasan daripada segi kewangan, perdagangan luar, dasar ekonomi dan lain-lain. Yang masih tinggal hanyalah keahlian daripada segi prinsip dalam Kesatuan Perancis (*Union Francaise*) yang masih memerlukan kerjasama daripada segi dasar luar, ketenteraan dan mata wang.

Raja Norodom Sihanouk telah berjaya memberi kemerdekaan kepada rakyat Khmer melalui kesungguhan tindak-tanduk dan dasarnya. Dengan ini beliau berjaya mengembalikan martabat raja yang pada suatu ketika hampir lenyap. Pada saat-saat genting inilah beliau muncul sebagai seorang pemimpin sebenar negara, sebagai pelindung rakyat dan juga sedar akan kedudukannya di peringkat antarabangsa. Sejak itu beliau tidak lagi mahu berpuas hati dengan hanya menjadi seorang raja berperlembagaan. Beliau telah menghidupkan semula tradisi raja yang berkuasa dalam negeri (seperti raja-raja Angkor dan semua raja Buddha yang bijak) dan pada masa inilah juga beliau menghadapi satu krisis baru dalam negeri.

Perjanjian Geneva pada hakikatnya menjanjikan pengampunan bagi pemberontak dan menempatkan semula mereka ini ke pangkuan masyarakat serta mewujudkan kebebasan demokratik dan mengadakan pilihanraya umum. Negara dianggap tidak lagi terancam, jadi dengan ini perlulah dihidupkan semula perlembagaan, Parti Demokrat dan lain-lainnya menyedari yang gerakan anti-

penjajah, demokrat dan lain-lainnya mendapat sokongan daripada badan-badan antarabangsa (terutama Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa), Sihanouk merasakan lambat laun akan terdapat tekanan ke atasnya.

Sebagai langkah pertama beliau mengadakan satu pungutan suara sepertimana yang terdapat dalam "mandat diraja" tahun 1952 dan seterusnya beliau berusaha untuk menghalang kemunculan semula sebuah rejim berperlembagaan tetapi cuba mewujudkan satu keadaan yang bersatu (pada masa yang sama mengasingkan parti demokrat). Pada 25 Januari 1955, baginda menerima perletakan jawatan secara beramai-ramai anggota kabinet pimpinan Penn Nouth dan menerima penubuhan kabinet baru (pimpinan Leng Ngeth) yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada semua parti politik, kecuali Parti Demokrat yang menolak untuk mengambil bahagian di dalamnya.

Pungutan suara yang diadakan pada 7 Februari 1955 telah memberikan kemenangan yang besar kepada raja. Rakyat telah memberi pengakuan yang besar iaitu sebanyak 99.8% (925812 suara) sama ada mereka berpuas hati dengan tugas yang telah dilakukan oleh raja. Perwakilan dari seluruh tanahair telah datang ke Istana untuk memberitahu raja supaya menggantungkan pilihanraya yang diminta oleh parti-parti politik; dan mengekalkan kuasa yang berada di tangan raja secara langsung. Sihanouk masih lagi berbelah bagi, tetapi pada 19 Februari beliau mencadangkan satu pembaharuan perlembagaan bagi membolehkan kabinet bertanggungjawab terus kepada raja dan bukan lagi kepada Parlimen. Cadangan ini yang sedikit sahaja memperlihatkan corak demokrasi telah diterima dengan dingin, bukan sahaja oleh kalangan politik Kemboja (golongan demokrat bersama Son Ngoc Thanh merupakan golongan terbesar) tetapi juga di kalangan diplomat asing. Kali ini Sihanouk bersedia membuat apa sahaja untuk menghalang kejatuhannya kuasa ke tangan golongan demokrat. Tetapi beliau juga merasakan yang tugasnya sebagai seorang raja tamat setelah berjaya memberi kemerdekaan kepada Kemboja. Sepertimana yang dinyatakan kemudiannya tugas baginda yang akan datang ialah mencari penyelesaian kepada masalah sosial dan meninggikan memupukkan sebuah rejim demokratik yang sebenarnya bagi mengelakkan kuasa daripada dikuasai oleh segelintir orang sahaja yang mengaku memperjuang-

kan kepentingan rakyat sedangkan pada hakikat sebenarnya mereka mempergunakan rakyat.¹⁴

Pada 2 Mac 1955 saja Norodom Sihanouk turun dari takhta dan digantikan oleh ayahandanya Norodom Suramarit. Mengekalkan gelaran Putera, beliau kemudiannya menubuhkan sebuah parti bersama Sam Sary, Yem Sambaur dan beberapa orang lainnya menubuhkan Komuniti Sosialis Rakyat (dalam bahasa Kempoja disebut *Sangkum Reastr Niyum*) yang lebih dikenali dengan nama Sangkum.

¹⁴Rujuk kepada P. PRESCHÉZ, *Essai sur la démocratie au Cambodge*, Paris, 1961, ms 58.

The first part of the report is devoted to a general
 description of the country and its resources. It
 is followed by a detailed account of the
 various industries and occupations of the
 people. The report concludes with a
 summary of the principal facts and
 a list of the names of the
 persons who were engaged in the
 work.

4

SANGKUM, PERKECUALIAN DAN NASIONALISME KHMER

TUJUAN pembentukan Sangkum ini seperti yang dinyatakan oleh Putera Norodom Sihanouk ialah "supaya rakyat memahami erti demokrasi". Praktik demokrasi berparlimen tahun-tahun 1947-1952 tidak memberi peluang kepada rakyat jelata untuk mengambil bahagian. Putera Sihanouk ingin mengadakan hubungan secara langsung, secara institusi dan hubungan yang sebenar dan bererti antara rakyat dan pemimpin dengan menghapuskan dinding yang dibina oleh parti-parti politik.

Sangkum, Perhimpunan dan Barisan Kebangsaan

Sepertimana yang disebutkan dalam statusnya sejak bulan April 1955, Sangkum didefinisikan sebagai sebuah "perhimpunan kebangsaan yang menentang ketidakadilan, rasuah, penekanan, pembelotan yang dilakukan terhadap rakyat dan negara". Bagi membolehkan penentangan ini dijalankan oleh golongan peringkat bawahan (iaitu golongan rakyat jelata yang menjadi penyokongnya) maka Sihanouk telah memperkenalkan beberapa institusi baru dan undang-undang baru. Ini termasuklah kemungkinan pengundi-pengundi menarik balik sokongan terhadap wakil mereka, memperkenalkan Majlis Perhimpunan rakyat di peringkat daerah, perlantikan *mekhum* (ketua kampung) melalui pilihanraya. Kongres kebangsaan juga diperkenalkan dan kongres bersidang dua kali setahun supaya rakyat dapat menilai apa yang dilakukan oleh kerajaan juga dapat berbin-

cang dengan Sihanouk hal-hal negara serta dengan menteri-menteri dan pegawai kerajaan dan lain-lain. Sangkum memperkenalkan satu bentuk demokrasi secara langsung.

Putera Sihanouk sendiri mahu mengetuai barisan ini. Kelas pentadbir juga menyokong Sangkum dan meluaskan pengaruhnya di kalangan rakyat. Sokongan yang diberikan oleh golongan ini kepada Sangkum memberikan beberapa kesulitan kepada pihak pembangkang untuk bergerak.

Walau bagaimanapun Putera Sihanouk tidak berpuas hati dengan menyekat sokongan kepada Parti Demokrat melalui golongan pentadbir. Beliau mahu menyekat kebebasan Parlimen dan golongan pentadbir. Dengan cara ini beliau meletakkan semua penentangannya ataupun lawannya dalam keadaan politik yang sulit. Sebagai menyahut seruan Sihanouk juga beberapa parti politik telah dibubarkan: seperti Parti Demokrat Kebangsaan (dengan Oum Chheang sebagai setiausaha agung), Parti Revolusi Khmer (di bawah Lon Nol), Parti Rakyat dan lain-lain. Beberapa ahli politik daripada Parti Demokrat juga menyokong Sihanouk (Penn Nouth, Son Sann, Sim Var) dan Parti Liberal (putera Norindeth). Walau bagaimanapun, Parti Demokrat dan Parti Liberal¹ enggan bergabung dengan Sihanouk.

Pilihanraya umum mencetuskan debat. Memang tidak salah sangkaan Sihanouk yang pengaruhnya, kepercayaan terhadapnya, hubungan mesra beliau yang berjaya dijalinkan dengan orang ramai serta sokongan para pegawai, sami-sami dan pemilik tanah memberikan kemenangan besar kepadanya dan juga kepada Sangkum. Kempen pilihanraya yang diadakan tidak membahaskan program politik yang tepat. Penyokong Sihanouk menonjolkan peranan mereka dalam mengembalikan kemerdekaan Kemboja dan pada masa yang sama menuduh Parti Demokrat dan *Prachacheon* (Parti Rakyat) dipengaruhi oleh Komunis.² Kedua-dua parti ini menyalahkan

¹Parti Liberal yang semakin lemah telah dibubarkan dalam bulan Julai 1956 dan kebanyakan daripada ahlinya memasuki Sangkum.

²Selepas perjanjian Geneva, kumpulan "Khmer Issarak" dan "Khmer Vietminh" telah menubuhkan sebuah parti yang sah iaitu *Prachacheon* (Parti Rakyat) yang beraliran komunis.

Sihanouk kerana cuba menarik Kemboja ke dalam sistem ekonomi dan ketenteraan Amerika Syarikat.

Pilihanraya umum 11 September 1955 berjalan dalam keadaan yang hampir sama dengan keadaan pilihanraya sebelumnya. Sistem pilihanraya yang diperkenalkan dalam tahun 1947 dan sehingga masa itu banyak menolong Parti Demokrat telah memberikan kemenangan yang besar kepada Sangkum iaitu sebanyak 91 kerusi. Pihak lawannya hanya mendapat 17% suara. Hasil pilihanraya tersebut adalah seperti berikut:

Sangkum Reastr Niyum	630 625, iaitu 83% undi
Parti Demokrat.....	93 919, iaitu 12% undi
Prachacheon (Komunis)	29 509, iaitu 4% undi
Parti Liberal.....	5 488, iaitu 1% undi
Lain-lain	2 423, iaitu 1% undi

JUMLAH UNDI..... 761 958, iaitu 75% daripada
pengundi yang layak
mengundi.

Dengan ini Sangkum berjaya menguasai seluruh politik Khmer.

Kongres Kebangsaan pertama anjuran Sangkum telah diadakan pada 25-26 September 1955 dalam keadaan yang menarik sekali. Kongres ini meminta Sihanouk menjadi ketua majlis penasihat dan meluluskan pindaan perlembagaan yang telah dicadangkan oleh Putera itu sendiri. Pindaan ini menghapuskan hubungan dengan Kesatuan Perancis (Union Francaise) dan dengan ini mengesahkan kemerdekaan penuh bagi Kemboja. Kongres ini juga meminta supaya kuasa diraja dikekalkan di samping mengukuhkan kuasa kedua-dua Dewan berbanding dengan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan. Sihanouk yang percaya bahawa Sangkum akan terus menguasai kedua-dua Dewan telah memberikannya kuasa yang banyak. Semua pindaan perlembagaan tahun 1947 ini telah dibuat pada 14 Januari 1956. Tetapi masih terdapat keraguan sama ada rejim berparlimen yang sedemikian secocok dengan sistem demokrasi separuh langsung yang berasaskan kepada kongres yang dipelopori oleh Sangkum dan Kongres Kebangsaan. Apa yang nyata ialah mulai saat itu Sangkum memainkan peranan yang utama dalam arena politik Kemboja. Walau bagaimanapun masih menjadi

tanda tanya sama ada perhimpunan ini yang bercorak Barisan Kebangsaan akan lebih berjaya daripada Parti Demokrat dalam mengekalkan perpaduannya serta mengatasi perbalahan, penyelewengan dan sikap optimis.

Berkecuali

Sihanouk telah mengalu-alukan Perjanjian 8 September 1954 di Manila yang telah melahirkan South East Asia Treaty Organisation (SEATO) di bawah pimpinan Amerika Syarikat. Ini menampakkan keinginan negara Amerika Syarikat untuk "melindungi kebebasan negara-negara Indo-China dalam menentang komunisme". Mengikut Sam Sary, "orang kanan" pada masa itu, Sihanouk juga begitu berminat untuk berbaik-baik dengan Amerika Syarikat. Pada 28 Februari 1955, sewaktu menyambut ketibaan Setiausaha Negara Amerika, John Foster Dulles yang mengingatkan Sihanouk akan bahaya dasar berkecuali. Sihanouk telah memberitahu persetujuannya terhadap dasar menentang komunisme di Asia Tenggara.

Dalam lawatannya ke India dalam bulan Mac 1955, Perdana Menteri India, Jawaharlal Nehru walau bagaimanapun telah memberitahu Sihanouk supaya berhati-hati apabila Sihanouk menyatakan yang bahaya "ancaman Vietminh" dan kekurangan sumber kewangan yang membuatnya meminta bantuan Amerika. Nehru menekankan bahaya-bahaya yang akan timbul daripada dasar ini dan cuba memujuk Sihanouk supaya tidak meneruskan dasar ini. Mungkin berasaskan kepada saranan Nehru inilah maka di Persidangan Afro-Asia di Bandung dalam bulan April 1955, Chao En-Lai dan Pham Van Dang telah memberi jaminan kepada Sihanouk akan sikap ingin berbaik-baik negara China dan Vietnam terhadap Kemboja. Mereka juga telah menegaskan yang kedua-dua negara tidak akan campur tangan dalam hal-hwal negara Kemboja, serta berjanji akan menghormati kelima-lima prinsip hidup bersama secara aman seperti yang diisytiharkan dalam bulan Jun 1954 di New Delhi oleh India dan China. Chou En-Lai walau bagaimanapun menegaskan yang kehadiran Amerika di Kemboja akan menyulitkan keadaan.

Sihanouk mendapati tidak ada ancaman sepertimana yang disangkakan. Keinginannya untuk mengurangkan tekanan ke atas Kemboja yang boleh memecahbelahkan negara itu serta kemungkin-

an yang ia akan terus bergantung kepada Barat menyebabkan Sihanouk menyokong dasar "hidup bersama secara aman" dan dalam Perjanjian Bandung, artikel 6 "menolak sebarang ikatan pertahanan bersama yang akan memenuhi kehendak kepentingan tertentu mana-mana kuasa besar".

Walaupun terdapat beberapa tekanan dari Amerika Syarikat, Sihanouk menunjukkan sikap berhati-hati terhadap SEATO. Tetapi dalam perhitungannya jika terdapat ancaman dari China atau Vietnam, beliau hanya boleh bergantung kepada bantuan dari Barat. Oleh yang demikian, beliau membuat keputusan menerima bantuan ketenteraan dari Amerika: pihak Perancis akan terus melatih tentera Khmer, tetapi segala kelengkapan tentera akan hanya diberikan oleh Amerika (perjanjian tentera Khmer-Amerika 16 Mei 1955, kemudian diikuti pula oleh perjanjian ekonomi yang ditandatangani pada 8 September 1955).

Sejak musim panas 1955 lagi Sihanouk sedar yang perpaduan rakyat Khmer bergantung sebahagian besarnya ke atas orientasi dasar luar negeri. Jika parti Sangkum lebih condong ke kanan (ke arah Barat), ia akan ditentang oleh golongan kiri (dan juga oleh orang-orang komunis dalam parti *Prachacheon* serta setengah-setengah golongan Demokrat yang mempunyai pertalian dengan (Hanoi dan Peking). Jika dasar luarnya condong ke kiri (ke arah Moscow dan Peking), ia akan ditentang oleh golongan kanan (orang-orang tertentu dalam Parti Demokrat atau golongan "konservatif" daripada Parti Sangkum yang disokong oleh Amerika dan Thailand, juga oleh Saigon dan Paris). Masalah perpaduan nasional berkait rapat dengan dasar hidup bersama secara aman yang lebih luas pengertiannya: untuk mengekalkan perpaduan dan untuk terus wujud dalam keadaan yang dikelilingi oleh jiran-jiran yang bersikap bermusuhan, Kemboja mestilah mengekalkan dasar berkecualinya.

Semasa menjalankan kempen pilihanraya bulan September 1955, Sihanouk sedar yang rakyat tidak mahu melihat negara itu dijadikan "pangkalan" tentera, rakan sekutu ataupun dijadikan sebagai alat oleh sesebuah kuasa asing kerana keadaan yang sedemikian lambat laun akan menjadikan Kemboja sebagai "medan petempuran" yang melibatkan penyusupan, pemusnahan, perang saudara dan campur tangan asing. Ini pernah terjadi semasa pemerintahan Perancis. Ini juga mengelakkan komunis daripada mengambil ke-

sempatan.³ Hanya dasar berkecuali yang ketat dan pemulihan hubungan persahabatan dengan semua negara boleh menjamin kemerdekaan negara dan mengekalkan perpaduan nasional.

Secara beransur-ansur, Sihanouk memulakan usahanya untuk memperkenalkan dasar berkecuali di peringkat antarabangsa seperti yang diisytiharkan di Bandung pada 14 Disember 1955. Kemboja telah diterima masuk ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan sokongan Perancis, Amerika Syarikat, India dan Kesatuan Soviet. Melalui badan ini Kemboja menyatakan hasratnya untuk menjalankan dasar berkecuali dan melaksanakan satu dasar yang bebas daripada pengaruh kedua-dua blok.

Dasar Kemboja yang menuju ke arah perkecualian ini sangat membimbangkan Washington yang ingin supaya Kemboja menyertai SEATO. Kedutaan Amerika di Phnom Penh telah menekan Kemboja supaya lebih condong ke arah dasar ini dengan mengancam untuk mengurangkan bantuan ekonomi dan ketenteraan. Kerajaan Khmer sedar yang bantu Amerika ini bukanlah tanpa syarat, malah mengertikan dalam satu pakatan yang mana dasar anti-komunisme adalah utama. Untuk mengelakkan tekanan ini, Sihanouk berpendapat Kemboja perlu untuk memperseimbangkan penerimaan bantuan ekonomi dari negara-negara barat dengan negara blok sosialis. Atas nasihat Nehru, Sihanouk telah pergi ke Peking (Februari 1956). Beliau telah disambut dengan meriahnya dan China berjanji akan memberikan bantuan ekonomi yang besar. Sihanouk sangat kagum dengan sikap berjimat cermat, berdisiplin dan dinamis yang terdapat di China. Negara China menyatakan kesediaannya untuk membantu Kemboja mengukuhkan dasar berkecuali serta menentang tekanan kuasa asing.

Pada 21 April 1956 satu kongres Parti Sangkum diadakan dan persetujuan sebulat suara dicapai supaya Kemboja tidak menyertai SEATO atau mana-mana blok, dan seterusnya negara itu akan terus menjalankan dasar hidup bersama secara aman. Sebagai langkah

³Sihanouk telah dikecam oleh golongan kiri kerana menerima bantuan tentera Amerika yang dikatakan akan membuka jalan kepada pengaruh asing dan menimbulkan masalah kepada Kemboja. Vietnam Utara membantah perjanjian tentera antara Kemboja dan Amerika bulan Jun 1955 dan menganggap ini bertentangan dengan perjanjian Geneva.

seterusnya, Kemboja akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Rusia dan negara-negara sosialis lain serta negara-negara barat. Kongres ini juga bersetuju untuk menerima bantuan teknik daripada Republik Rakyat China, Rusia dan Poland walaupun ini berkeungkinan yang Amerika Syarikat akan menarik balik bantuannya kepada Kemboja. Penerimaan bantuan ini tertakluk kepada satu syarat: bantuan-bantuan asing ini mestilah tidak melibatkan balasan daripada segi politik atau ketenteraan, tidak mempengaruhi garis kasar negara Kemboja.

Pada musim panas 1956, Sihanouk telah melawat Warsaw, Prague dan Moskow bagi menjalinkan hubungan diplomatik dengan Rusia, Poland dan Czechoslovakia, Rusia berjanji untuk memberikan bantuan ekonomi (melalui kenyataan bersama Bulgaria-Sihanouk, 7 Julai 1956). Dalam bulan November 1956, Chou En-Lai, Perdana Menteri China, telah datang ke Phnom Penh untuk membalas lawatan yang dibuat oleh Sihanouk dalam bulan Februari. Beberapa hari selepas berlakunya peristiwa Suez, penghapusan pemberontakan di Hungary, serta berlakunya kekacauan di wilayah Nghe An di Vietnam, negara China telah memberi jaminan bagi meredakan ketakutan terhadap tindak-tanduk negara-negara komunis. Perdana Menteri China itu mengancam "sikap mengagungkan diri oleh negara besar" dan memberi jaminan kepada Sihanouk yang orang-orang keturunan Cina di Kemboja tidak akan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang akan menjejaskan keselamatan dan kestabilan rejim di Kemboja. Sihanouk sendiri telah membantah keras kegiatan yang keterlaluan misi ekonomi China dan kedutaan Soviet dan dengan ini berjaya mengurangkan aktiviti kedua-dua misi ini di Kemboja. Akhirnya dalam tahun 1957, atas saranan Putera Sihanouk, Dewan Perhimpunan Kemboja telah mengundi mengenai dasar berkecuali Kemboja (Undang-Undang 11 September 1957 yang diumumkan pada 4 November 1957). Dengan ini juga Kemboja menolak sebarang kemungkinan meminta perlindungan SEATO.

Kemunculan Semula Ancaman-ancaman Lama

Keinginan yang ditunjukkan oleh Kemboja untuk menjalankan dasar berkecuali dan pada masa yang sama menjalinkan hubungan dengan negara-negara sosialis serta bantuan ekonomi yang diberikan oleh China dan Rusia sejak tahun 1957 tidak disenangi oleh

Bangkok dan Saigon. Bangkok dan Saigon menganggap dasar berkecuali yang diamalkan oleh Kemboja itu sebagai "kuda kayu komunis" di rantau ini. Terdapat tekanan-tekanan ke atas Kemboja supaya dasar yang dianggap merbahaya ini dihentikan, terutama sekali selepas lawatan Chou En-Lai ke Phnom Penh.

Sikap permusuhan yang ditunjukkan semula (setelah kelegaan tahun 1954-55) oleh jiran-jirannya iaitu Siam dan Vietnam meletakkan Kemboja dalam keadaan yang sama di sepanjang abad XVII, XVIII dan XIX, iaitu sebelum penjajahan Perancis. Vietnam Selatan dan Thailand, masing-masing masih tebal dengan perasaan membanggakan diri sendiri, tidak begitu senang hati dengan kejayaan diplomasi Khmer. Mereka juga iri hati melihat Kemboja melibatkan diri dalam penguasaan ekonomi Saigon melalui pembinaan (dengan bantuan Perancis), sebuah pelabuhan di Bandar Sihanouk dan sebuah lapangan terbang antarabangsa di Pocheytong. Kerajaan pimpinan Diem di Saigon juga merasa bimbang terhadap aktiviti musuh-musuh politiknya yang mencari perlindungan di Kemboja (walaupun Sihanouk sendiri tidak merestui sebarang kegiatan menentang Vietnam Selatan), dan malah menuduh Kemboja memberi perlindungan kepada kumpulan-kumpulan gerila yang terdiri daripada berbagai mazhab agama di bahagian barat Cochin China. Rejim-rejim yang pro-Amerika di Bangkok dan Saigon dengan segera membuat tuntutan ke atas beberapa wilayah Kemboja: wilayah Koh Kong di Teluk Siam dan kawasan terdapatnya kuil Preah Vihear yang dituntut oleh Thailand, sementara Vietnam pula menuntut kepulauan Phu Quoc yang berdekatan.

Perkecualian dan penerimaan "lima prinsip hidup bersama secara aman" memberi kesempatan kepada Sihanouk, sekurang-kurangnya buat sementara waktu, mengelak bahaya penyusupan komunis. Parti *Prachacheon* tidak lagi dapat menandingi Sangkum, malah tidak lagi membimbangkan Sangkum: kebijaksanaan diplomasi Sihanouk yang mendapat sambutan baik di Peking telah menghancurkan sebarang peluang bagi komunis menjalankan propaganda mereka. China dan Soviet Union tidak mempunyai kepentingan untuk menyokong golongan Marxis di Kemboja (yang hanya akan menyebabkan Sihanouk berpaling kepada Amerika Syarikat), selagi dasar berkecuali Kemboja dapat mengekalkan kemerdekaannya yang sebenar dan menentang percubaan Amerika untuk mengenga-

ruhi Kemboja. Dalam pilihanraya bulan Mac 1958, Sihanouk dan Parti Sangkum mendapat kejayaan besar dan dapat menguasai kesemua kerusi dalam Dewan Perhimpunan. Dengan ini semua pembangkang dapat dihapuskan dan perpaduan dalam negeri Kemboja nampaknya tercapai sepenuhnya.

Dalam hubungannya dengan pihak Barat pula, Sihanouk cuba mengimbangkan bantuan yang diterima dari Amerika dengan bantuan dari Perancis. Hubungan di antara Perancis dan Kemboja semakin bertambah baik sejak negara itu mencapai kemerdekaan. Perancis mengekalkan misi tentera (untuk latihan tentera), kebudayaan (yang menyediakan guru-guru dan bahasa Perancis juga masih merupakan bahasa utama golongan elit Khmer) dan ekonomi. Perancis juga membantu Kemboja membina pelabuhan di Bandar Sihanouk, lapangan terbang Pochentong dan sebuah hospital baru. Dalam bulan Mac 1958, Menteri Luar Perancis, Christian Pineau melawat Phnom Penh. Pada 10 Jun 1958, Jeneral de Gaulle yang baru saja memegang teraju pemerintahan telah menghantar perutusan persahabatan kepada Sihanouk. Mulai saat itu Perancis dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dan bebas.

Sihanouk nampaknya berjaya dalam dasar berkecualinya untuk mencapai satu keseimbangan yang sukar tetapi memuaskan (beliau nampaknya dapat memahami perseimbangan kuasa-kuasa). Tetapi pada saat inilah pihak perisik Amerika dan penyokong-penyokongnya mula menjalankan penentangan mereka di seluruh Indo-China. Kemenangan pihak kiri dalam pilihanraya Laos dalam bulan Mei 1958 (berikutan daripada pembentukan kerajaan campuran di Vietianne dalam bulan November 1975)⁴ telah menimbulkan ketakutan di kalangan golongan konservatif di Bangkok, Saigon dan Washington. Reaksi segera terhadap keadaan di Laos ini timbul: di Laos sendiri sebuah kerajaan aliran kanan yang dipimpin oleh Sananikone telah dibentuk dalam bulan Ogos 1958. Di Bangkok pula berlakunya satu rampasan kuasa (20 Oktober 1958) yang membolehkan Marshall Sarit Thanarat mengukuhkan pemerintahan tentera, sementara di Vietnam pula gerakan membanteras penentang-pententang kerajaan dikuatkan lagi (di Vietnam bekas anggota Viet Minh dan ahli-ahli

⁴Lihat bab mengenai Laos, ms 691-694

mazhab-mazhab agama telah bersatu dalam "Barisan Pembebasan Kebangsaan" yang ulung). Seterusnya Kemboja pula diserang: pada 26 Jun 1958, 3 000 askar Vietnam Selatan memasuki sejauh 15 km. ke dalam wilayah timur laut Kemboja, di kawasan Bokeo (Wilayah Stung Treng).

Sihanouk telah merayu kepada Amerika yang dianggap sebagai "rakan bersama Kemboja dan Vietnam" supaya pencerobohan ini dihentikan. Washington enggan mengutuk pencerobohan oleh Vietnam Selatan ini, tetapi menggesa Kemboja dan Vietnam ke meja perundingan. Walau bagaimanapun Amerika menambah yang bantuan tentera Amerika telah digunakan bagi menentang komunis dan dengan ini Kemboja tidak berhak menggunakannya untuk menentang sekutu Amerika.

Sihanouk sedar yang beliau telah ditipu. Ancaman bersenjata komunis, sejak tahun 1954 tidaklah begitu serius dan dasar berkecualinya telah diselewengkan. Bahaya sebenar yang dihadapi oleh Kemboja ialah Thailand dan Vietnam. Oleh kerana alat kelengkapan tentera dari Amerika tidak dapat digunakan dalam masa yang genting seperti ini, maka Kemboja merasakan yang ia tidak lagi dapat terus bergantung kepada bantuan kelengkapan tentera daripada pihak Amerika. Adalah nyata jika dibandingkan dengan negara yang lebih kaya dan ramai penduduk seperti Thailand dan Vietnam, sebuah negara seperti Kemboja "tidak begitu penting" dalam perhitungan Washington dan dalam saat-saat genting, Kemboja akan dikorbankan bagi menjaga kepentingan jiran-jirannya yang lebih "kuat". Memandangkan keadaan ini Kemboja memerlukan sesuatu yang lebih terjamin dan berguna: kali ini tidak lagi dari Perancis (yang sedang berperang dengan Algeria) ataupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi dari Republik Rakyat China. Pada 17 Julai 1958, kerajaan Kemboja mengiktiraf secara *de jure* Republik Rakyat China. Kesan daripada tindakan ini adalah cepat sekali: Saigon memerintahkan pengunduran tenteranya dari Wilayah Stung Treng dan pada awal bulan Ogos, penasihat politik Dien, saudaranya Ngo Dinh Nhu telah datang ke Phnom Penh cuba menyelesaikan persengketaan antara Kemboja dan Vietnam. Washington telah mengenakan pengaruhnya ke atas Saigon.

Keputusan yang diambil oleh Sihanouk adalah didasarkan kepada analisis yang mendalam dan menyeluruh dan ini tentunya

membawa akibat yang sepatutnya. Selepas melawat New Delhi dan mendapat sokongan India, Sihanouk membuat lawatan ke Peking (14-27 Ogos 1958). Kedua-dua China dan Kemboja bersetuju menubuhkan hubungan diplomatik di peringkat kedutaan serta mengukuhkan hubungan persahabatan, meninggikan pertukaran perdagangan dan kebudayaan.

Setelah berjaya mendapatkan jaminan-jaminan ini, Sihanouk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mengambil peluang ini untuk menjelaskan dasarnya kepada Amerika Syarikat. Beliau menemui Presiden Eisenhower (30 September 1958), dan kemudiannya J. Foster Dulles untuk menegaskan bahawa disebabkan kegagalan Amerika untuk melindungi Kemboja melawan tindak-tanduk Thai dan Vietnam serta kebimbangannya terhadap tekanan dari China dan Vietnam Utara jika berlaku krisis, maka Kemboja cuba mencari perseimbangan di antara barat dan timur dan cuba mengelak daripada memasuki salah satu daripada blok ini. Tetapi beliau terpaksa mencari jalan untuk menggerakkan Saigon dan Bangkok, dan untuk tujuan ini beliau memerlukan negara China. Tetapi nampaknya tidak ada seorang pun daripada pemimpin Amerika yang ditemuinya menerima hujah-hujah Putera Sihanouk dan beliau terus pulang ke Phnom Penh pada 26 Oktober.

Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya dengan segera menunjukkan reaksi mereka. Sejak bulan November 1958 apabila rundingan-rundingan mengenai penentuan sempadan (penduduk Thailand di kawasan Preah Vihear) gagal, Thailand dan Kemboja memutuskan hubungan diplomatik. Keadaan ini juga menyebabkan wakil P.B.B. dihantar untuk mencari penyelesaian. Tetapi mulai saat itu Kemboja terpaksa menghadapi gerakan-subversif yang aktif dan berterusan yang diarahkan dari Bangkok dan Saigon bertujuan untuk menundukkan ataupun menghapuskan terus Sihanouk.

Disebabkan kegagalan mereka untuk menghadapi Parti Sangkum secara terbuka, Thailand, Vietnam Selatan dan Amerika cuba menjatuhkan parti ini dari dalam. Berbeza daripada apa yang dijangkakan, rejim Sangkum ini tidak membawa kepada satu keadaan yang stabil dalam kerajaan. Terdapat persaingan yang berterusan dan kepentingan diri di antara kumpulan-kumpulan dalam Dewan Perhimpunan yang sepenuhnya dikuasai oleh Sangkum. Ahli-ahli dewan hanya menunjukkan sikap yang membina apabila

Sihanouk sendiri yang memegang pucuk pimpinan kerajaan. Apabila sahaja beliau terpaksa menyerahkan pimpinan kerajaan kepada orang lain dalam parti disebabkan beliau terpaksa keluar negeri atau atas sebab-sebab peribadi (seperti dalam tahun 1956 diserahkan kepada Khim Tit, San Yun, dalam tahun 1956-57 dan Sim Var dalam tahun 1957-58), maka bermulalah perpecahan dalam parlimen dan persaingan kepentingan dan perbalahan muncul menyebabkan begitu sukar untuk menjalankan pemerintahan dan kabinet juga terpaksa dibubarkan.

Oleh kerana kesemua ahli dalam dewan terdiri daripada Parti Sangkum, maka tidaklah terdapat debat yang bercorak ideologi dalam Parlimen. Walau begitu, ketegangan tidaklah dapat dihapuskan. Dasar "pembersihan" dan usaha-usaha menghapuskan rasuah (masalah utama Kemboja) yang dijalankan dalam tahun 1956 oleh kerajaan Sihanouk-Monireth telah mendapat tentangan hebat daripada golongan *compradores* dan orang tengah yang di antaranya mendapat perlindungan daripada rakan-rakan mereka di Dewan Perhimpunan. Dasar berkecuali juga mendapat tentangan, terutama sekali daripada salah seorang pengasas Parti Sangkum, Sam Sary. Beliau tidak sedikit pun cuba menyembunyikan sikap pro-Amerika sejak di Geneva dan mempunyai hubungan rapat di kalangan orang-orang Barat di Phnom Penh - sehinggalah apabila Sihanouk menghantarnya ke London sebagai duta. Dalam bulan Julai 1958, setelah akhbar London menyiarkan berita tentang skandal peribadinya, beliau dipanggil balik ke Phnom Penh. Kepulangannya ke Phnom Penh telah menimbulkan ramai musuh baginya disebabkan beliau terlalu cepat mengumpulkan kekayaan yang menimbulkan kesangsian dan membuat kenyataan-kenyataan yang tidak menyenangkan. Pada musim gugur tahun 1958, beliau telah memimpin usaha-usaha menentang dasar berbaik-baik dengan negara China. Badan-badan perisik di Bangkok dan Saigon telah mengambil kesempatan untuk mengeksploitasikan keadaan.³

³Scorang diplomat Amerika di Phnom Penh, Martin F. Herz, telah menerbitkan sebuah buku (*A Short History Of Cambodia*). Dalam buku itu beliau telah menggambarkan Son Ngoc Thanh sebagai pengasas kemerdekaan Kemboja. Ini bertujuan untuk "menaikkan" Son Ngoc Thanh sepertimana yang telah dilakukan untuk memperkenalkan Diem kepada masyarakat umum di Amerika.

Pada 30 Desember 1958, Sam Sary telah mengemukakan satu cadangan menubuhkan sebuah "parti pembangkang" (berhaluan kanan) yang dipanggil "*Rassemblement des Khmers democrates*," di antara ahli jawatankuasa semmentaranya ialah Sam Sary dan Chau Bory (seorang pegawai kerajaan yang dilucutkan jawatannya oleh jawatankuasa pembasmian rasuah). Sihanouk enggan membenarkan penubuhan parti ini, malah bertindak balas dengan mengukuhkan kabinetnya terutama dengan memberikan lima kementerian untuk dipimpin kepada Nhiek Tioulang, duta ke Moscow. Beberapa hari selepas itu, Sihanouk telah mengarahkan supaya Sam Sary ditangkap; dua orang diplomat asing ("yang bukan dari blok yang sama") telah memberitahu yang Sam Sary mempunyai hubungan tertentu daripada badan perisik Amerika yang bertujuan menjatuhkan rejim yang ada. Sam Sary telah sempat lari ke Vietnam Selatan. Tetapi satu penyiasatan dilakukan yang menunjukkan peranan penting dimainkan oleh Son Ngoc Thanh (yang lari ke Bangkok sejak 1955) serta gabenor wilayah Siemreap, Kolonel Chhuon Mochulpich (sebelumnya dikenali sebagai Dap Chhuon) bekas anggota Issarak yang juga bekas Menteri Pertahanan dalam kabinet Sihanouk-Monireth tahun 1956 yang nampaknya masih setia kepada raja. Dap Chhuon telah meninggal dunia sewaktu melarikan diri dalam hutan pada 3 Mac 1959. Beliau tidak berjaya untuk menjadikan dirinya seperti yang dilakukan oleh Phoumi di Laos.⁶ Sihanouk membongkar kepada pihak akhbar bukti-bukti komplot dan menuduh pihak perisik Vietnam Selatan dan C.I.A. terlibat sama. Pada 24 Februari Sihanouk telah menghantar sepucuk surat yang tegas kepada Presiden Eisenhower.

Kemarahan yang timbul akibat daripada pembongkaran komplot Sam Sary-Dap Chhuon mulai reda sedikit apabila Washington memberi jaminan kepada Sihanouk yang kemerdekaan Kemboja dan dasar tidak campur tangan dalam hal-ehwal Kemboja akan dihormati. Berikutan daripada itu, hubungan dengan Amerika Syarikat dan Thailand serta Vietnam Selatan menjadi lebih baik. Menteri Luar Thailand, Thanat Khoman memberi jaminan kepada Sihanouk sepertimana yang diberikan oleh Eisenhower dan dalam bulan Ogos 1959, Putera Sihanouk sendiri mengunjungi Saigon untuk

⁶Lihat bab tentang Laos, ms 697.

menemui Ngo Dinh Diem. Walau bagaimanapun, satu percubaan membunuh Raja dan permaisurinya (31 Ogos 1959) yang dipercayai dilakukan oleh penyokong-penyokong Sam Sary, telah mengeruhkan semula keadaan.

Dihitungkan daripada segi politik, krisis ini telah menguntungkan Sangkum. Bukti-bukti yang ditunjukkan oleh Sihanouk tentang campur tangan Bangkok dan Saigon dalam hal negara Kemboja menguatkan lagi sikap curiga orang Kemboja terhadap jiran mereka dan membolehkan Sihanouk menjatuhkan semua kumpulan ataupun individu yang bekerjasama dengan kedua-dua negara jiran itu. Semua musuh Sangkum telah dianggap sebagai "ejen negara asing" ataupun "musuh raja, agama, negara atau musuh rakyat", dan sejak tahun 1960 Sihanouk dapat menjangkakan yang rakyat akan berdiri teguh dan bersatu di belakangnya. Mulai 7 Oktober 1959, Dewan Perhimpunan telah meluluskan satu cadangan pungutan suara yang dikemukakan oleh Sihanouk supaya rakyat mengundi sama ada menyokong dasar berkecuali yang dianjurkan oleh Sangkum ataupun satu dasar pro-Barat sepertimana yang dianjurkan oleh Son Ngoc Thanh dan Sam Sary. Pungutan suara itu diadakan pada 5 Jun 1960. Sihanouk dan Parti Sangkum telah mendapat sebanyak 2 020 349 undi sementara Gerakan Khmer Serei (Son Ngoc Thanh) hanya mendapat 133.

"Perkecualian" Laos dan Kemboja

Tahun 1960 memperlihatkan keadaan yang semakin buruk di Indo-China. Di Laos, satu rampasan kuasa tentera yang bersikap berkecuali (Kong Le, 9 Ogos) telah diikuti oleh satu rampasan kuasa lain oleh golongan berhaluan kanan di Vientiane yang disokong oleh Amerika serta campur tangan Soviet untuk membantu Souvanna Phouma dan Kong Le. Di Vietnam Selatan pula golongan berhaluan kiri (Viet Minh) dan liberal telah memulakan penentangannya dalam bulan Mac-April, ini diikuti oleh rundingan Diem di Washington (dalam bulan Julai), pengkajian tentang masalah Vietnam di Hanoi (bulan September), percubaan rampasan kuasa di Saigon (11 November), dan sebulan selepas Persidangan Komunis Antarabangsa di Moskow, Barisan Pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan ditubuhkan (20 Disember). Adalah nyata yang Indo-China akan menjadi medan persaingan di antara dua blok. Bagaimanakah Kemboja

dengan dasar berkecualinya akan dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam persaingan ini?

Pada 29 September 1960, Putera Sihanouk, semasa Perhimpunan Agung P.B.B. telah mencadangkan perkecualian bersama Laos dan Kemboja, iaitu satu perkecualian yang benar-benar dijamin oleh kuasa-kuasa Barat (Amerika Syarikat, Britain dan Perancis) dan sekutu-sekutu mereka di Asia (Thailand, Vietnam Selatan), dan di satu pihak yang lain, oleh ketiga-tiga negara Sosialis (Rusia, China dan Republik Demokratik Vietnam). Kemboja dan Laos bolehlah dijadikan sebagai kawasan penampungan di antara kedua-dua blok tersebut, kerana semua kuasa yang berkenaan akan mengelakkan daripada mengenakan sebarang tekanan, campur tangan ataupun menjalankan gerakan subversif. Cadangan ini telah disambut oleh kebanyakan negara berkecuali serta persetujuan segera oleh Moscow dan Peking. Tetapi cadangan ini menerima sambutan yang agak dingin daripada pentadbiran Amerika yang menganggap ini sebagai "permainan komunis".

Tetapi Putera Sihanouk tidak berputus asa. Kebimbangannya terhadap perang saudara di Laos dan campur tangan yang semakin meluas oleh Amerika dan Rusia mendorong beliau mencadangkan satu persidangan antarabangsa untuk perkecualian Laos dalam bulan Februari 1961. Walaupun cadangan ini dengan segera telah mendapat sokongan Perancis dan negara blok sosialis, adalah amat sukar untuk mendapatkan persetujuan dari Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun persidangan mengenai Laos telah diadakan di Geneva dalam bulan Mei 1961 setelah mendapat persetujuan daripada ketiga-tiga pihak yang bertentangan yang hadir.⁷ Persidangan ini telah menghasilkan satu persetujuan antarabangsa tentang perkecualian Laos pada 23 Julai 1962. Persetujuan ini dengan serta merta disokong oleh Barisan Kebangsaan Pembebasan Vietnam Selatan yang juga memasukkan ke dalam programnya perkecualian Vietnam, juga mengemukakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan Kemboja membentuk satu "kawasan aman" sehinggalah kepada satu "Persekutuan".

Dalam beberapa bulan sahaja Putera Sihanouk telah dapat

⁷Lihat Laos, ms 700

menyelesaikan beberapa masalah dalam dan luar negeri. Di dalam negeri, beliau telah dapat mencari satu penyelesaian sementara kepada masalah pengganti raja. Raja Suramarit telah meninggal dunia pada 30 April 1960. Sebagai menghormati janji yang dibuat dalam tahun 1955, Sihanouk enggan menaiki takhta kerajaan. Sebuah Majlis Pemangku Raja telah dilantik menjalankan tugas-tugas diraja (undang-undang 4 April 1960), tetapi Majlis ini telah meletakkan jawatan pada 13 Jun berikutnya. Sementara itu beberapa tunjuk perasaan diadakan di ibu kota dan di-wilayah luarnya menuntut agar Sihanouk menerima untuk menjadi Ketua Negara sehinggalah masalah pengganti raja dapat diselesaikan. Sihanouk akhirnya menerima permintaan ini dan menjadi Ketua Negara dalam bulan Jun 1960 dan takhta kerajaan diserahkan kepada ibunya, Permaisuri Kossamak yang terus bersemayam di Istana Diraja.

Dalam bulan Ogos-September 1961, Putera Sihanouk telah menghadiri Persidangan Negara-Negara Berkecuali di Belgrade dan selepas itu mengadakan pertemuan dengan Presiden Kennedy dari Amerika Syarikat yang pada masa itu sedang bersedia untuk memberi bantuan ketenteraan kepada rejim diktator Vietnam Selatan yang menghadapi kehancuran. Sekembalinya ke Kemboja, beliau dengan jayanya telah dapat menghadapi tentangan daripada golongan kiri dalam Parti Sangkum, dan mengecam "pengaruh intelektual Marxist" (akhir tahun 1961), seterusnya menghancurkan satu "pakatan komunis" (*Prachoeon*) dan bulan Januari 1962. Pada 15 Jun 1962, Mahkamah Antarabangsa di The Hague telah memenuhi permintaan Kemboja yang dibuat dalam bulan Oktober 1959 supaya kuil Preah Vihear diserahkan kepada Kemboja oleh Thailand (hubungan diplomatik antara Kemboja dan Thailand terputus sejak bulan Disember 1961). Dalam pilihanraya bulan Jun 1962, Sangkum sekali lagi memenangi kesemua 77 kerusi di Dewan Perhimpunan.

Kedudukan Sihanouk semakin kuat dan kejayaan Perjanjian Geneva mengenai Laos memberi semangat kepada beliau untuk mencadangkan pada 20 Ogos 1962, supaya kesemua 14 kuasa yang menghadiri Sidang Geneva itu mengadakan satu persidangan yang baru untuk mengiktiraf dan menjamin perkecualian serta sempadan Kemboja seperti yang terdapat waktu itu. Sebagaimana yang dijangkakan, Sihanouk mendapat sokongan daripada China, Rusia, Perancis, India, Republik Demokratik Vietnam dan juga Laos. Tetapi

Amerika Syarikat, Britain, Thailand dan Vietnam Selatan menunjukkan sikap yang dingin.

Keadaan pemberontakan di Vietnam Selatan yang telah pun menyebabkan kerajaan Saigon terpaksa mengambil sikap bertahan menyebabkan Washington mengambil sikap yang lebih keras. Ada orang-orang dalam lingkungan politik tentera Amerika yang mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan Thailand supaya memperhebatkan tekanan mereka ke atas Kemboja yang dikatakan melindungi pemberontak Vietnam. Bangkok tidak berpuas hati dengan kehilangan Preah Vihear yang dikembalikan kepada Kemboja pada 5 Januari 1963 dan ketegangan di kawasan sempadan masih lagi wujud. Pada 28 Februari 1963, Sihanouk dengan secara terbuka menuduh kerajaan Bangkok mengadakan persediaan bagi "melancarkan rampasan kuasa menentanginya" dengan bantuan Saigon, Taipeh dan penasihat-penasihat kuasa-kuasa besar imperialis yang tidak perlu disebut nama mereka. "Beliau juga menuduh yang Bangkok mendapat kerjasama Son Ngoc Thanh untuk tujuan ini. Beliau juga membuat kesimpulan yang "dalam keadaan yang sedemikian, dan selagi kerajaan diktator negara-negara jiran masih berkuasa, adalah mustahil akan tercapainya dasar berbaik semula antara Kemboja dan jiran-jirannya".

Dalam menghadapi ancaman luar yang muncul ketika keadaan ekonomi dan kewangan dalam negeri makin bertambah buruk, Sihanouk mengarah pandangannya kepada sahabatnya di Asia, iaitu India dan China. Mulai 24 Januari hingga 28 Februari 1963, beliau mengadakan lawatan ke negara-negara tersebut. Pada 18 Februari, dalam lawatannya ke Shanghai, beliau mengalu-alukan "peranan baru yang dimainkan oleh negara China di Asia dan di dunia, dan terutama sekali kepada sokongan yang ikhlas yang diberikan kepada semua rakyat yang diancam oleh kolonialisme dan imperialisme". Beliau menambah yang "kami menaruh kepercayaan yang bertambah kepada China dalam penentangan kami terhadap ancaman dan tekanan-tekanan luar". Sekembalinya beliau ke Phnom Penh, pemimpin Khmer itu menekankan yang "sokongan China kepada Kemboja adalah pasti dan tanpa persoalan lagi. "China bukan sahaja menyokong supaya diadakan jaminan antarabangsa ke atas perkecualian Kemboja, tetapi juga memberi jaminan kepada Kemboja tentang "sokongan yang sepenuhnya kepada Kemboja dalam

menghadapi pencerobahan jiran-jirannya serta kuasa-kuasa imperialis lain". Pada 1 Mei hingga 6 Mei, Presiden China, Liou Chao-chi dan Menteri Luarnya Chen Yi, telah mengadakan lawatan negara ke Phnom Penh. Langkah keselamatan yang ketat diambil untuk mengawal pelawat-pelawat tersebut, tetapi satu komplot untuk membunuh Liou telah dibongkar pada saat-saat terakhir. Hubungan rapat antara China dan Kemboja dikuatkan lagi.

Dalam musim panas 1963 hubungan Kemboja dan Saigon terputus. Penindasan yang dilakukan oleh rejim Diem terhadap tunjuk perasaan orang Buddha telah menimbulkan kemarahan di Kemboja. Beberapa organisasi agama dan patriotik Kemboja telah menyokong keputusan Sihanouk untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Saigon pada 27 Ogos 1963. Dalam pada itu, Kemboja tetap akan meneruskan dasarnya yang berpandukan perkecualian dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Kenyataan oleh Jeneral de Gaulle tentang Vietnam (28 Ogos 1963) yang memperlihatkan minat Paris terhadap masalah Indo-China untuk pertama kalinya dalam beberapa tahun telah mengukuhkan lagi pendirian Sihanouk.

Pada 1 November 1963, rejim Diem di Saigon telah digulingkan oleh tentera. Keesokan harinya, Sihanouk menyatakan yang beliau akan menyambung semula hubungan dengan Vietnam Selatan jika negara itu menggugurkan tuntutan ke atas pulau-pulau berdekatan serta berjanji akan menghormati sempadan Kemboja yang ada dan perkecualian Kemboja. Pada 3 Disember, beliau mencadangkan pembentukan satu persekutuan antara Kemboja dan Vietnam Selatan yang berkecuali. Cadangan ini tidak terlaksana walaupun Menteri Luar Vietnam Selatan, Tran Chanh Thanh melawat Phnom Penh pada 18-19 Disember. Kerajaan tentera Vietnam Selatan yang pertama pimpinan Jeneral D.V. Minh ini telah digulingkan oleh satu kumpulan lain pada 30 Januari 1964, sebuah kerajaan yang antidasar berkecuali melalui satu peristiwa yang berlaku di kawasan sempadan di Chantrea pada 19 Mac 1964; kumpulan-kumpulan "aktivis" di Saigon berjaya menggagalkan perbincangan yang dimulakan bagi menyambung semula hubungan diplomatik antara Kemboja dan Vietnam Selatan.

Sejak 1961, terutama sekali setelah berlakunya krisis tersebut, Putera Sihanouk telah menghadapi sikap dingin, penentangan, ma-

lah sikap bermusuhan daripada Amerika Syarikat tentang cita-cita ke arah perkecualian Laos dan Kemboja serta teguran-teguran oleh beliau tentang dasar pentadbiran Kennedy yang dianggap olehnya sebagai tidak menepati keadaan sebenar. Sihanouk juga telah menjadi sasaran kepada setengah-setengah akhbar Amerika. Dalam bulan November 1963, hubungan antara kedua-dua negara menjadi begitu tegang. Kumpulan yang memberontak, *Khmer Serei* (Khmer Bebas) yang dipimpin oleh Son Ngoc Thanh terus menjalankan propaganda menentang rejim Sangkum melalui siaran yang dipancarkan dari Thailand dan Vietnam Selatan dengan bantuan Amerika. Kerajaan Phnom Penh membantah kegiatan ini. Sihanouk menjelaskan, "tidak mungkin untuk terus menerima bantuan dari sebuah negara yang menunjukkan sikap yang begitu angkuh dan bermusuhan", beliau mengumumkan pada 12 November yang Kemboja menolak semua bantuan dari Amerika Syarikat, sama ada daripada segi ketenteraan atau ekonomi mulai 1 Januari 1964. Beliau juga telah membongkar dengan begitu panjang lebar sifat rasuah bantuan ini serta kesannya ke atas masyarakat Kemboja. Keputusan beliau ini diluluskan oleh Kongres pada 19 November yang bersidang khas untuk membincangkan masalah ini. Kematian Presiden Kennedy (22 November 1963) dan Marshall Sarit di Bangkok (8 Disember 1963) tidak juga dapat meredakan ketegangan ini. Pada 14 Disember, hubungan diplomatik di antara Kemboja dan Washington serta London telah "digantungkan". Bantuan ekonomi dan ketenteraan telah dihentikan mulai 1 Januari 1964 dan pegawai-pegawai Amerika meninggalkan Kemboja. Sikap menentang oleh Amerika dan Britain terhadap cadangan untuk mengadakan satu persidangan (yang diulangi sekali lagi oleh Sihanouk pada 24 November dan disokong oleh Rusia dan Perancis) masih tidak berubah.

Pemberhentian bantuan oleh Amerika yang berjumlah 30 juta dolar setahun itu telah menimbulkan masalah baru kepada Kemboja. Perancis, Rusia dan China telah memberi bantuan kepada Kemboja untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ini (Menteri Luar Perancis, Messmer telah melawat Phnom Penh pada awal Januari 1964, rombongan tentera Kemboja telah dihantar ke Moscow dan Peking dalam bulan Mac 1964). Pengiktirafan terhadap negara China oleh Perancis pada 27 Januari 1964 seolah-olah menimbulkan semula cita-cita ke arah perkecualian seluruh Indo-China.

“Sosialisme Khmer”

Percubaan membendung tekanan-tekanan dari luar ini mengertikan yang usaha terus menerus terpaksa dijalankan dari dalam untuk mengekalkan perpaduan negara. Kemunculan kumpulan berhaluan kanan dan kiri dalam Parti Sangkum menunjukkan yang perpaduan ini tidak lagi dapat dikekalkan hanya dengan percubaan untuk “merapatkan dengan kedua-dua perlindungan yang sejati, iaitu Agama dan Raja” serta memberi kedaulatan kepada “Rakyat Jati” melalui Kongres. Karisma Putera Sihanouk sendiri tidak memerlukan sandaran ideologi. Di Phnom Penh, usaha dijalankan bagi mencari satu pengertian kepada “Sosialisme Khmer”. Dari mulanya lagi mereka menegaskan yang sosialisme ini bukanlah bercorak Marxis.⁸ Yang paling utamanya ialah, ia merupakan “satu pengubahan ekonomi dan sosial tentang ajaran-ajaran agama Buddha di peringkat politik” (A. Dauphinh Meunier). Sosialisme ini didefinisikan sebagai “sistem negara mengambil peranan mengendalikan ekonomi negara dan melindungi manusia daripada dieksploitasikan dalam kerjanya oleh satu kelas yang mempunyai keistimewaan, menjamin satu kehidupan, kemuliaan dan memberikan kepadanya keupayaan daripada segi material untuk mencapai kebahagiaan”.⁹

Agama Buddha merupakan asas moral dan falsafah sosialisme ini. Ia mengajar supaya “manusia mestilah bergantung kepada kekuatannya sendiri untuk mencapai kebenaran dan pembebasan diri daripada segala rasa terasing diri Agama Buddha adalah berbentuk sosialis dalam aspeknya menentang kejahatan dan ketidakadilan sosial Agama Buddha juga menentang penderitaan dalam apa bentuk sekalipun”. “Sosialisme Khmer” ini ingin mencontohi raja-raja Zaman Angkor (terutamanya Jayavarman VII) yang menggabungkan ciri-ciri kebangsaan dan Buddha.

Bagi penggubal-penggubal teori Sangkum, rakyat Kemboja (terutamanya rakyat desa) telah pun mengenali dan melaksanakan

⁸Bagi penggubal-penggubal teori dalam Sangkum, Marxisme “hanyalah satu bentuk sosialisme dan bukanlah satu-satunya sosialisme yang muncul dalam beberapa bentuk sejak zaman berzaman lagi dalam semua masyarakat manusia” (*Considerations Sur le Sosialisme Khmer*, Paris 1961, ms 1).

⁹*Considerations sur le Socialisme Khmer*, ms 1.

sosialisme dalam kehidupan mereka sehari-hari. Mereka telah biasa bekerja beramai-ramai saling bantu membantu dan hidup dalam keadaan yang sama rata. Parti Sangkum, melalui Kongres dan institusi-institusi barunya memberi kepada rakyat cara-cara untuk mengambil bahagian dalam pemerintahan peringkat tertinggi serta mengawasi pentadbiran. Jadi ia tidak satu "revolusi". Kejayaan sosialisme di Kemboja mestilah jangan dengan cara kekerasan, kuku besi ataupun sekatan, tetapi dengan cara yang pragmatik, melalui cara yang lembut dan penyesuaian yang berterusan kepada keadaan yang sentiasa berubah. Pembangunan ekonomi akan diselaraskan berdasarkan kepada satu rancangan yang tujuan utamanya ialah mengemblem tenaga semua rakyat.

Bagi Sihanouk, "Sosialisme Khmer" bererti "kewujudan perusahaan yang dikendalikan oleh kerajaan di samping perusahaan swasta dan perusahaan bersama, juga adanya kerjaraya dan penganjakan yang dijalankan secara bergotong-royong (jalan keretapi, jalan raya, tali air dan lain-lain), pengagihan tanah kepada petani-petani yang memerlukannya (kita berkemampuan untuk menjalankannya), penubuhan koperasi (pengeluaran, pengguna dan kredit), serta memberi pelajaran kepada semua orang, mengadakan undang-undang sosial yang lebih menguntungkan kaum pekerja dan lain-lain".

Parti Sangkum telah memperkenalkan asas pembangunan ekonomi yang berperancangan. Satu rancangan Dua Tahun (1956-1958) diperkenalkan yang membolehkan kerja-kerja membentuk infrastruktur (pelabuhan, lapangan terbang, jalan raya, sekolah dan kolej, hospital dan klinik, telaga dan tali air dan lain-lain). Rancangan Empat Tahun 1960-1964 diadakan bertujuan memulakan perindustrian di negara tersebut di samping menaikkan keluaran kasar negara sebanyak tiga peratus bagi tiap-tiap orang penduduk dalam satu tahun. Ekonomi negara sehingga kini hanya bergantung kepada pengeluaran beras, hitam dan getah. Industri yang akan ditubuhkan ialah yang dapat memenuhi keperluan setempat (bagi mengelakkan import yang tinggi pembiayaannya) dan juga untuk keperluan eksport: pengeluaran makanan, kain, kertas, kain guni, tayar, simen, gelas, rokok, penapisan minyak dan lain-lain.

Tetapi semua pelaburan ke arah ini memerlukan pembiayaan yang tinggi, sedangkan simpanan dalam negeri tidak mencukupi dan

bantuan luar seringkali disalahgunakan dan tidak memenuhi tujuannya yang sebenar. Antara tahun 1962-1963, negara menghadapi kekurangan wang, kadar inflasi dan kenaikan harga yang tinggi. Pada 3 Januari 1963, Sihanouk, sambil mengecam golongan "intelektual berhaluan kiri", memberitahu yang sebahagian daripada golongan elit Khmer mulai "mempersoalkan struktur ekonomi dan sosial negara".

Kerajaan pimpinan Norodom Kantol (yang berkuasa sejak Oktober 1962) terpaksa mengadakan dasar berjimat cermat serta menyesuaikan harga barang-barang pertanian dan gaji penduduk bandar.

Walau bagaimanapun, Sangkum masih lagi di peringkat menamakan "sosialisme" sebagai satu "dasar sosial yang cemerlang". Ia tidak pula cuba mengubahsuai asas sosial dan ekonomi rejim yang ada, memperkembangkan dan memperbaharui strukturnya dan ini lebih perlu daripada menukar struktur itu sendiri. Pada akhir tahun 1963 sikap berhati-hati ini tidak lagi dapat diterima, dan tanpa "menjalankan sosialisme atau komunisme" kerajaan terpaksa memainkan perannya untuk mengawal ekonomi negara dengan cara yang lebih baik.

Pada 10 November 1963, Sihanouk mengumumkan satu pembaharuan ekonomi yang penting: kerajaan akan bertanggungjawab mengendalikan perdagangan luar. Mulai 1 Januari 1964, gedung-gedung import-eksport akan digantikan dengan satu badan kerajaan yang mengendalikan hal-hal jual beli. Bank Negara, yang sebelum ini merupakan sebuah bank kepunyaan bersama dijadikan institusi awam. Bank perniagaan dan syarikat swasta, sama ada yang dimiliki oleh orang Kemboja ataupun asing akan dimiliki-negarakan mulai 1 Julai 1964 dan akan digantikan dengan syarikat-syarikat kredit kepunyaan awam serta satu badan insuran kebangsaan. Ini bertujuan "mengawal" dan "membimbing" sektor kapitalis swasta. Dua hari selepas itu, Sihanouk menolak bantuan Amerika dan mengadakan persediaan untuk "menerima" bantuan asing terutama dari negara-negara sosialis bagi menggantikan bantuan Amerika.

"Perpaduan Indo-China"

Selepas peristiwa di Chantrea, Kemboja telah membuat aduan terhadap Amerika Syarikat dalam Majlis Keselamatan P.B.B. Pada 6

Jun 1964, Majlis Keselamatan telah meminta kepada semua ahlinya supaya menghormati perkecualian dan keutuhan wilayah Kemboja.

Sihanouk sebenarnya tidaklah memutuskan terus menerus hubungannya dengan Barat. Hubungannya dengan Perancis di bawah pimpinan de Gaulle sentiasa diperkuatkan. Berikutan daripada lawatan oleh seorang Menteri Perancis, satu perjanjian Perancis-Kemboja ditandatangani pada 4 Julai 1964 di Paris apabila Putera Sihanouk melawat Perancis. Perancis akan mempertingkatkan bantuan tentera, kewangan, ekonomi dan kebudayaan. Tetapi kerjasama dalam bidang politik juga diadakan.

Dalam menghadapi bahaya yang sedang meningkat di Vietnam Selatan kerana Amerika Syarikat sedang memperluaskan perang, Sihanouk dan de Gaulle bersetuju perlunya diadakan satu persidangan baru Geneva untuk mencapai perkecualian Kemboja dengan jaminan antarabangsa dan "negara-negara yang dahulunya Indo-China". Pada 17 Julai, Sihanouk meminta supaya cadangan ini (yang diterima baik oleh negara-negara sosialis, Canada, Pakistan, India dan Setiausaha Agung P.B.B.) diterima oleh semua pihak. Tetapi pada akhir bulan Julai, Amerika Syarikat, dengan diikuti oleh Britain dan Vietnam Selatan sekali lagi menolak cadangan ini. Beberapa hari selepas itu "Peristiwa Teluk Tongkin" (dua buah kapal perang Amerika dikatakan telah diserang) memberi peluang kepada Presiden Johnson untuk mendapatkan kuasa penuh daripada Kongres Amerika bagi "menghadapi pencerobohan". Krisis Indo-China telah mencapai peringkat yang amat genting.

Sihanouk telah membuat lawatan ke Jakarta (14-21 Ogos) dan selepasnya sekali lagi beliau melawat Peking (26 September). Di sana beliau menyatakan yang China masih lagi menyokong cara penyelesaian melalui perkecualian Indo-China dan bersetuju dengan cadangan Sangkum supaya diadakan satu "persidangan rakyat Indo-China" di Phnom Penh. Persidangan ini telah diadakan pada 25 Februari-9 Mac 1965 untuk cuba memberi pengertian tentang Indo-China baru yang bersatu, merdeka dan berkecuali.¹⁰ Persidangan ini dihadiri oleh gerakan-gerakan rakyat Indo-China, iaitu Sangkum

¹⁰Lihat kenyataan yang disediakan oleh Sihanouk untuk pembukaan persidangan ini dalam *France-Asie-Asia* no. 183. Automme 1965, ms 97, 113.

bagi Kemboja, Barisan Tanahair bagi Vietnam Utara, Barisan Kebangsaan bagi Pembebasan Vietnam Selatan, Barisan Patriotik Lao (*Neo Lao haksat*), golongan-golongan berkecuali Vietnam, Laos dan lain-lain. Dalam persidangan ini dapat dilihat yang antara golongan "berkecuali" dan komunis, masih terdapat perbezaan dan mereka tidak mempunyai pandangan yang sama tentang keadaan pada keseluruhannya, juga tentang masalah pengunduran kuasa-kuasa besar. Pengeboman Amerika ke atas Vietnam Utara (2 Mac 1965) dan pendaratan pasukan "Marine" di Da Hang (8 Mac 1965) telah mengubah keadaan dan tujuan sebelum tamatnya persidangan. Satu peperangan yang besar dan berpanjangan bermula di Vietnam, dan tujuan Amerika untuk memaksakan pengaruh mereka ke atas Vietnam Selatan telah menjadi nyata. *

Republik Demokratik Vietnam yang disokong oleh China yang menjadi mangsa pencerobohan Amerika, kini enggan berunding tentang masalah Indo-China ataupun sebarang masalah lain selagi pencerobohan ini tidak dihentikan. Sikap ini telah ditunjukkan oleh Pham Van Dong dan Chao En-Lai kepada Sihanouk dalam pertemuan mereka di Bandung, Indonesia pada akhir bulan April bagi memperingati perayaan ke sepuluh Persidangan Bandung. Kerajaan Kemboja telah menolak cadangan yang diterima oleh Rusia, Amerika dan Britain bagi mengadakan satu persidangan antarabangsa mengenai Kemboja. Sihanouk merasakan yang kuasa-kuasa tersebut cuma mencari kesempatan untuk membincangkan masalah Vietnam. Dengan disokong oleh Peking, Sihanouk meletakkan pada 1 Mei syarat-syarat tertentu untuk persidangan ini, yang hanya akan membincangkan masalah Kemboja dan tidak yang lain.

Berikutan dengan pengeboman terbaru di kampung-kampung di sempadan dan terdapatnya artikel-artikel yang dianggap mencaci oleh akhbar-akhbar Amerika, Kemboja telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Amerika pada 5 Mei 1965. Dengan ini ura-ura untuk mengadakan persidangan antarabangsa semakin jauh, dan di Phnom Penh, bahayanya semakin dirasakan.

Pengiktirafan Sempadan dan Berkecuali

Setelah menggugurkan cadangannya untuk mengadakan persidangan, pada 24 Mei Kemboja mengambil keputusan meminta supaya "semua kuasa yang berkenaan mengiktiraf dasar berkecuali

Kemboja dan menghormati keutuhan wilayahnya". Mengikuti satu kenyataan Kemboja pada 12 Jun 1965, sempadan negara itu sudah pun ditetapkan. Ini adalah sebagai menjawab kenyataan-kenyataan Washington, Bangkok dan Saigon yang mengatakan sempadan Kemboja masih belum ditentukan.

Kenyataan yang dikeluarkan pada 3 Oktober 1965 oleh Sihanouk semasa lawatannya ke Peking yang mengulangi perpaduan China-Kemboja meningkatkan lagi permusuhan Amerika, Vietnam Selatan dan Thailand. Bangkok masih menyokong *Khmer Serei* (malah berura-ura untuk mengiktiraf gerakan mereka), sementara pertempuran di sempadan semakin berlaku dengan Vietnam Selatan. Pihak berkuasa Amerika di Saigon jelas menyokong perluasan operasi sehinggalah ke dalam kawasan Kemboja atas sebab-sebab "gerakan memburu". Akhbar-akhbar Amerika cuba membenarkan tindakan ini dengan menuduh Kemboja memberi bantuan dan membekalkan pemberontak-pemberontak Vietnam. Pada 26 Disember 1965, Kerajaan Kemboja mengeluarkan satu amaran: jika sekiranya wilayahnya diceroboh dalam operasi ini, ia akan bertindak balas.

Di sepanjang tahun 1966 dan 1967, Kemboja cuba sedaya upaya untuk mengelakkan negara itu daripada terjerumus ke dalam perang yang berlaku di negara jirannya, Vietnam yang terdapat lebih kurang 500 000 orang tentera Amerika, Kemboja berjaya memujuk Amerika supaya jangan mengikuti nasihat para jeneralnya, menggerakkan pendapat umum di seluruh dunia, dan menjalankan usaha-usaha diplomatik melalui badan-badan antarabangsa dan beberapa kuasa besar (seperti Rusia, China, Perancis, India, Britain), juga menjemput Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa dan sehinggalah kepada pemerhati-pemerhati Amerika untuk datang bagi melihat sendiri bahawa "tidak ada faedahnya" tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap perkecualian Kemboja. Sejak bulan Julai 1966, Presiden Johnson nampaknya enggan melibatkan Kemboja dalam gerakan tentera mereka, sekurang-kurangnya buat sementara. Walau bagaimanapun, hanya pada tahun 1968 apabila Duta Besar Amerika, Chester Bowles melawat negara itu baharulah jaminan-jaminan Amerika ini dapat diterima dan keadaan tegang dapat dikurangkan.

Tumpuan utama Putera Sihanouk ialah kepada masalah pengiktirafan secara rasmi sempadan negaranya. Ini disebabkan bertambahnya peristiwa di sempadan serta pencerobohan masuk teruta-

ma sekali oleh Vietnam Selatan. Beliau sedar yang kemungkinan mengadakan satu persidangan antarabangsa pada masa itu adalah begitu sukar. Oleh yang demikian beliau berusaha untuk mendapatkan jaminan yang beliau kehendaki daripada negara. Perancis sebagai sebuah negara yang menunjukkan sokongannya terhadap dasar Kemboja itu, merupakan salah sebuah negara yang pertama sekali memberikan pengiktirafan ini. Ini dilakukan semasa lawatan Jeneral de Gaulle yang amat berjaya ke Phnom Penh (31 Ogos - 2 September 1966). Beberapa negara lain mengikuti langkah Perancis ini. Kemboja juga memulakan rundingan dengan Barisan Kebangsaan Pembebasan Vietnam Selatan mengenai perkara ini, walaupun Saigon enggan mengadakan sebarang perbincangan mengenai masalah ini.

Pada 9 Mei 1967, Kemboja meminta kepada semua negara di dunia supaya menghormati perkecualian dan keutuhan wilayah Kemboja dengan sempadan yang wujud masa itu. Barisan Pembebasan Vietnam Selatan menyatakan kesediaannya memenuhi permintaan ini pada 31 Mei, kemudiannya diikuti oleh kerajaan Hanoi (8 Jun), Moscow (6 Jun) dan Peking (31 Julai). Sebagai balasannya, Kemboja mengiktiraf barisan Pembebasan sebagai "satu-satunya wakil sebenar rakyat Vietnam Selatan", dan memberikannya status diplomatik. Selepas itu Kemboja mengiktiraf secara *de jure* Republik Demokratik Vietnam. Kemboja juga mengutamakan yang negara itu tidak akan menyambung semula hubungan diplomatiknya dengan Thailand dan Amerika Syarikat selagi kedua-dua negara ini tidak mengiktiraf sempadan Kemboja yang ada.

Perpaduan negara Indo-China dalam menghadapi imperialisme diperkuatkan lagi semasa lawatan ke Hanoi oleh Menteri Luar Kemboja, Narodom Phurissara pada 8 Januari 1968 dan seterusnya oleh Dewan Perhimpunan semasa pembukaan rundingan-rundingan di Paris di antara R.D. Vietnam dan Amerika Syarikat.

Tetapi dalam masalah berkecuali ini, Sihanouk merasakan perlu untuk "mengubah haluan". Dasar China yang semakin keras (semasa Revolusi Kebudayaan) dan kegiatan-kegiatan golongan "Maois" di Kemboja menyebabkan Putera Sihanouk mengalih pandangannya ke negara-negara berkecuali terutama dalam tahun 1968 (negara-negara seperti Yugoslavia, Indonesia, Ethiopia, India dan lain-lain). Walaupun Chao En-Lai sekali lagi memberi jaminan yang prinsip-prinsip Persidangan Bandung kekal menjadi asas dasar nega-

ra China, Sihanouk tidak lagi yakin akan tujuan sebenar negara-negara sosialis. Penyusupan masuk askar-askar Vietnam ke bahagian timur Kemboja menunjukkan kepadanya yang terdapat percubaan untuk menjadikan Kemboja negara "satelit". Pada 23 Mei 1968 beliau mengatakan "sekarang ini bahaya utama yang dihadapi oleh Kemboja", dan pada 24 Ogos, Dewan Perhimpunan memberikan kuasa penuh kepadanya untuk mengambil sebarang langkah menghadapi bahaya ini.

Pemberhentian pengeboman oleh Amerika ke atas Vietnam Utara, permulaan rundingan empat kuasa di Paris mengenai Vietnam (Januari 1969) serta kemungkinan pengunduran Amerika dari negara itu membuatkan Sihanouk merasa kurang yakin untuk bertentangan dengan China dan sebuah negara sosialis Vietnam tanpa kemungkinan menggunakan Amerika sebagai penimbal (yang juga boleh digunakan untuk menyekat cita-cita negara Thai). Putera Sihanouk mengambil peluang kenaikan pentadbiran Nixon di Washington untuk menyatakan kesediaannya bagi menyambung semula hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat dengan syarat negara itu mengiktiraf sempadan Kemboja yang ada dan perkecualian negara tersebut. Jaminan ini telah didapati pada 16 April 1969 dan hubungan diplomatik di antara kedua negara disambung semula dalam bulan Ogos.

Bagi mengelakkan sangkaan yang Kemboja telah menukar haluan ke kanan dalam dasar luarnya, Sihanouk cuba "mengimbangkannya" dengan mengambil dua langkah penting: mengiktiraf Republik Demokratik Jerman pada 8 Mei (yang menyebabkan terputusnya hubungan dengan Bonn), dan pada 9 Mei, mengiktiraf Barisan Pembebasan Vietnam Selatan, Pengiktirafan ini kemudiannya diberikan kepada kerajaan revolusi sementara Republik Vietnam Selatan pada 11 Jun. Pemimpin Kerajaan sementara ini Huynn Tan Phat telah melakukan lawatan ke Kemboja yang merupakan lawatannya yang pertama ke luar negeri, dan memberi jaminan kepada Sihanouk yang Vietnam akan menghormati sempadan Kemboja dan tidak akan campur tangan dalam hal-ehwal negara itu. Hanoi juga memberi jaminan yang sama dan hubungan baik Kemboja-Vietnam ini dibuktikan dengan kehadiran Putera Sihanouk di pengkebumian jenazah Presiden Ho Chi pada awal September. "Perpaduan Indo-China" nampaknya tercapai.

Setelah berjuang selama lima tahun secara diplomasi Sihanouk berjaya mendapat pengiktirafan sempadan dan perkecualian negaranya lebih daripada 50 negara, antaranya termasuklah kuasa-kuasa besar.

Putera Sihanouk, Sangkum dan Percubaan Thailand

Setelah tiga belas tahun berkuasa, Sangkum tidak lagi seperti mana pada permulaannya walaupun ia masih lagi asas politik negara itu. Pilihanraya 11 September 1966 yang buat pertama kalinya pengundi diberi pilihan yang sebenarnya (415 calon bagi merebut 82 kerusi) telah memberikan kemenangan sepenuhnya di Dewan Perhimpunan.

Kabinet pimpinan Norodom Kantol telah meletak jawatan dan sebuah kerajaan baru ditubuhkan di bawah Lt. Jeneral Lon Nol dalam bulan Oktober 1966. Sikap konservatif beberapa orang menteri dalam kerajaan ini telah menimbulkan sambutan yang agak dingin, malah penentangan daripada "penyokong-penyokong" dasar yang lebih radikal. Sihanouk membiarkan sahaja kemunculan penentangan ini di dalam gerakannya sebagai satu "pembangkit kerajaan" dengan tujuan mendapatkan kritik-kritik yang membina.¹¹ Pada awal tahun 1967, golongan "berhaluan kiri" ini memulakan kritik-kritik terhadap sikap berhaluan kanan, kuku besi dan kapitalis yang mereka anggap terdapat di dalam kabinet Lon Nol serta menuduh beberapa orang ahli kabinetnya yang cuba menjalankan dasar baik-baik dengan Amerika. Pengawasan yang dikenakan ke atas rakyat negara itu oleh kabinet baru ini melalui "Biro Bantuan dan Pertolongan" memperlihatkan beberapa aspek yang membimbangkan tentang peranan yang semakin meningkat yang dimainkan oleh polis dan tentera. Selepas satu kemalangan jalan raya, Lon Nol terpaksa meninggalkan pimpinan kerajaan (29 April 1967) dan pada 6 Mei, Sihanouk sekali lagi mengetuai "Kabinet kecemasan" dan dengan berjimat cermat sebagai langkah untuk mengekalkan perpaduan. Beliau melantik Son Sann sebagai pembantunya.

¹¹Sejak beberapa tahun terdapat dalam Sangkum satu haluan demokrat berkecuali, haluan kanan yang anti perkecualian dan haluan sosialis mungkin juga Marxisme yang berkecuali tetapi lebih berhaluan kiri.

Walau bagaimanapun keadaan sedikit demi sedikit telah menimbulkan ketegangan, perasaan tidak puas hati dan marah. Rasuah semakin merebak sehinggalah ke peringkat yang paling tinggi, walaupun kerajaan membuat kenyataan-kenyataan menentanginya. Perang Vietnam memberi peluang kepada orang-orang tertentu menjalankan penyeludupan dan perniagaan haram. Satu "kelas baru" orang tengah, "teknokrat" muncul yang membolot kekayaan dan seterusnya terdapat orang-orang tertentu yang mempunyai hubungan rapat dengan kelas ini yang mengaut untung daripada "golongan berada" ini. Ini membawa kepada spekulasi tanah dan pembangunan bandaran serta beberapa perdagangan yang bercorak mewah dan separuh mewah. Pada masa yang sama juga terdapat jurang perbezaan antara golongan-golongan dalam masyarakat dan gaji tidak dapat diselaraskan dengan harga barangan. Perkembangan industri yang lembap tidak dapat memberikan peluang pekerjaan yang cukup kepada golongan muda yang semakin ramai tamat persekolahan mereka.¹²

Kekayaan yang begitu menjolok di kalangan "kelas baru" ini menambahkan lagi propaganda dan kritikan daripada golongan "berhaluan kiri". Tetapi, seperti yang pernah berlaku di bawah pemerintahan Perancis, kritik sosial dan pendedahan mengenai perbezaan kelas dan kepentingan telah dicap sebagai "komunis", walaupun idea-idea ini adalah inspirasi daripada program Sangkum ataupun pandangan agama Buddha. Golongan berhaluan kanan nampaknya memerlukan "pengorbanan".

Sememangnya sejak 1966-1967, Sangkum terpaksa menghadapi cabaran yang lebih "tajam" dan sukar daripada sebelumnya. Kesulitan ekonomi dan ketegangan yang timbul akibat daripada terputusnya hubungan diplomatik dengan Amerika, Bangkok dan Saigon telah menimbulkan rasa kecewa di Phnom Penh tentang "ekonomi terpimpin" dan "peranan negara dalam ekonomi". Rasa tidak puas hati juga timbul mengenai kebijaksanaan dan realisme dasar luar yang mempunyai martabat, tetapi terlalu sukar untuk mempertahankan-

¹²Jumlah sekolah rendah dari 1955-1968 bertambah daripada 2 731 kepada 5 857, penuntutnya bertambah daripada 311 000 kepada 1 025 000 Kolej dan sekolah menengah daripada 12 (5 300 penuntut) kepada 180 buah (117 000 penuntut). Dalam tahun 1968, terdapat 9 buah Universiti dan 48 Fakulti di Kemboja.

kannya. Penyokong-penyokong dasar "ekonomi bebas" menggunakan "ancaman komunis" bagi mempertahankan perlunya satu orientasi yang lebih liberal dan bagi menyambung semula hubungan dengan Amerika.

Di Washington, "pakar-pakar" menganggap jika mereka berjaya di Laos dengan Putera Sauvanna Phauma, hal yang sama dapat dilakukan di Kemboja dengan "golongan terkecuali" dengan syarat satu "keadaan sosial yang baik dapat diadakan". Tujuan utamanya adalah untuk mengasingkan Kemboja daripada China dan Vietnam.

Strategi yang disebut "secara tidak langsung" ini bertujuan mencetuskan keadaan yang menimbulkan reaksi yang keras daripada pihak musuh, seterusnya menggunakan peluang ini bagi menguatkan lagi tekanan dan membuktikan kepada umum yang satu keadaan baru telah pun muncul.

Satu analisa yang teliti mengenai masyarakat Kemboja menubuhkan penentuan beberapa garis kasar sama ada dari Washington, Peking, Moscow, Paris, Bangkok ataupun Hanoi. Kewibawaan Putera Sihanouk tidak dapat menutup selama-lamanya asas sosial rejimnya. Seperti juga Jeneral de Gaulle di Perancis, Putera Sihanouk berjaya membentuk dan menjalankan satu dasar luar yang berani serta bertetapan dengan kehendak dan keperluan negara merdeka dan juga untuk keamanan, juga kepentingan geografi yang Kemboja mempunyai hubungan yang rapat daripada segi sejarah. Tetapi seperti juga di Perancis, dasar luar ini bergantung kepada individu, kepada pandangannya dan keberkekalan kearifannya. Di Kemboja, Putera Sihanouk adalah segala-galanya. Beliau mempunyai kuasa mutlak dalam semua perkara dan tidak ada seorang pun yang boleh atau berani mencabarnya. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang pengganti beliau: bagaimanakah Kemboja nanti "selepas Sihanouk"?

Satu analisa tentang kelas dan kecondongan dalam masyarakat Kemboja dalam tahun 1968 dapat memberi jawapan awal kepada persoalan ini. Sangkum yang tidak berupaya atau tidak mahu ataupun tidak berani mengubah struktur asas, iaitu tradisional masyarakat Khmer, terpaksa menghadapi perubahan secara beransur-ansur yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan ini bolehlah dianggap seperti yang berlaku di Thailand. Kewujudan satu kumpulan kecil beberapa keluarga (di antara mereka berdarah raja) yang

menguasai negara dan mempengaruhi birokrasi, tentera, polis dan kedudukan penting dalam ekonomi (sama ada sektor awam ataupun swasta). Kumpulan ini mempunyai kesepaduan daripada segi kepentingan dan satu rangkaian perlindungan, naungan dan kesetiaan sesama mereka yang memberi satu pertalian yang erat daripada sudut sosiologinya (persaingan antara suku masih kuat di dalam kelompok masyarakat) kepada golongan ini; kewujudan satu bahaya bersama, ataupun sesuatu ancaman tentunya akan menguatkan lagi pertalian ini.

Seperti juga di Thailand, ibu kota (yang menampung 10% daripada keseluruhan penduduk Kemboja) merupakan pusat kehidupan sosial yang bercorak kebaratan, golongan terkaya menentukan corak, keupayaan politik dan kewangan. Kedudukan mereka membolehkan golongan ini mendiamkan sebarang penentangan yang tanpa banyak bicara dicap sebagai "alat kuasa asing" ataupun "komunis antarabangsa". Sepertimana yang terdapat di Thailand pada tahun 1948-1950, Kemboja juga mempunyai golongan tentera yang berkuku besi dan pro-Amerika dan satu birokrasi yang mempunyai hubungan rapat dengan orang tengah. Rancangan politik dan sosial Sangkum, objektif "sosialisme Khmer", serta perkecualian negara itu sendiri merupakan beberapa rintangan terhadap penguasaan kuasa oleh "kelas baru".

Seperti juga di Thailand, golongan berhaluan kanan di Kemboja menggunakan bahaya "penyusupan" bagi meluaskan pengaruhnya serta mengasingkan musuh mereka dan menentukan pemerintahan. Bagi mereka yang tidak mahu melihat Kemboja dijadikan semata-mata sebagai negara pelancongan yang terdapat hotel-hotel satu kasino, tertumpu kepada ibu kotanya sahaja yang begitu makmur dan menarik untuk segelintir golongan yang mempunyai keistimewaan, teguran-teguran hanya dapat dilakukan dengan cara berhati-hati, jika tidak secara senyap-senyap. Tetapi golongan berhaluan kanan masih belum dapat bergerak dengan pantas untuk beberapa tahun, melainkan berteduh di belakang Sihanouk yang masih lagi dipercayai oleh rakyat, walaupun daya usaha dan tenaganya kadangkala ditumpukan kepada perkara yang tidak begitu penting (wayang, pesta dan lain-lain).

Seperti di Thailand, Kemboja menjadi sebuah negara yang dikuasai oleh bandaraya, ibu kota yang merupakan pusat bagi

golongan berada, juga pusat pentadbiran negara dan tempat berkembangnya pengaruh Barat. Selagi Putera Sihanouk yang diketahu umum sangat mengambil berat tentang masyarakat petani Kemboja, masih lagi dapat menjalankan dasar pembangunan desa dan memajukan pertanian melalui koperasi yang dibantu oleh kerajaan, ketegangan yang timbul akibat daripada pembedaan tidak akan melewati tahap merbahaya. Tetapi kebangkitan "kelas baru" memungkinkan yang "selepas Sihanouk" keadaan akan berbalik kepada yang lama kerana golongan tani dieksploitasikan oleh birokrasi, pada peniaga dan pemajak. "Sikap birokrasi bandaran juga menimbulkan rasa curiga, malah permusuhan daripada beberapa kumpulan penduduk yang bukan daripada bangsa Khmer yang mendiami kawasan timur Kemboja (Rattanakiri, Mondolkiri dan juga Stung Treng). Suku-suku bangsa ini yang telah dipaksa oleh bangsa Khmer berpindah dari dataran Mekong beberapa yang lampau masih lagi mendiami kawasan pergunungan yang dianggap sebagai kepunyaan mereka. Atas sebab-sebab "keselamatan", kerajaan Phnom Penh (atas dorongan pentadbiran Lon Nol) cuba menarik orang Khmer supaya menduduki kawasan ini seperti dasar kerajaan Diem di Vietnam pada tahun 1955-1960 yang cuba memindahkan orang Vietnam ke kawasan Dataran Tinggi. Akibatnya timbul rasa tidak puas hati. Anasir-anasir tentera dan politik dari Vietnam daripada suku kaum pergunungan yang mempunyai pertalian yang menganjurkan penubuhan pasukan negara autonomi yang akan menyatukan semua suku kaum, sama ada di sebelah sempadan Khmer atau Vietnam. Ada antara suku kaum ini yang dilengkapi dengan senjata moden, telah mula menentang askar-askar kerajaan Khmer. Kemboja seperti juga Vietnam Selatan dan Thailand terpaksa menghadapi masalah suku kaum pergunungan.

Lon Nol Menggulingkan Sihanouk. Perang Saudara dan Campur Tangan Asing

Keadaan ekonomi yang semakin buruk memaksa kerajaan Kemboja membuat beberapa pilihan yang penting. Perbelanjaan-perbelanjaan yang membazirkan, usaha-usaha (yang dianggap keterlaluan jika dibandingkan dengan kemampuan negara pada masa itu) yang ditumpukan dalam bidang persekolahan dan prestasi sosial dan kewujudan suatu jentera pentadbiran yang tidak cekap dan tanpa

daya usaha dan kegagalannya untuk membasmi rasuah, penyalahgunaan kuasa serta penyeludupan berbagai bentuk menyebabkan kekurangan perbelanjaan negara yang berlarutan serta tidak sedikit pun menggalakkan sikap jujur. "Keuntungan kebajikan" ("tabung simpanan nasional") digunakan untuk membiayai kemewahan orang-orang tertentu dan bukannya untuk pelaburan awam. Daripada segi jangka panjang ini tentunya tidak menggalakkan bantuan asing daripada negara-negara tertentu. Dalam tahun 1967, kelihatan Kemboja menghadapi kesulitan besar untuk membiayai rancangan lima tahunnya yang kedua.

Pada 27 Januari 1968, beberapa langkah baru diambil oleh Kabinet Penn Nouth bagi memerangi sikap lembap, tidak cekap, rasuah dan perniagaan haram. Tetapi dasar ini yang digerakkan oleh pengkritik-pengkritik Sangkum yang mengecam kelemahan pentadbiran, tidak juga dapat menjerat golongan tertentu yang berkedudukan tinggi dan terkenal. Son Sann yang bertanggungjawab tentang hal-hal ekonomi dan kewangan tidak sanggup menghadapi keadaan ini terus menerus, telah menarik diri daripada kerajaan (15 Julai 1968). Seorang menteri baru dilantik, Tauch Kim, yang juga menjadi Gabenor Bank Negara (*Banque Nationale*) yang menjalankan satu dasar ekonomi dan kewangan yang lebih liberal yang bertujuan menggalakkan pelaburan asing (walaupun masih dengan sikap berhati-hati) serta cuba mengimbangkan kekurangan bantuan luar dengan cara meminta "bantuan badan-badan antarabangsa" (Bank Dunia atau Bank Pembangunan Asia, yang juga bererti negara itu menjadi ahli badan-badan seperti *International Monetary Funds*). Bantuan ini dianggap perlu dalam menjayakan "dasar pengairan" yang dianggap oleh kerajaan Kemboja sebagai satu cara penyelesaian kepada sebahagian besar masalah yang dihadapi. Pada pandangan pakar-pakar, pengairan yang mencukupi dan catuannya akan meninggikan pengeluaran pertanian dan boleh mendapat hasil padi yang berlebihan daripada jumlah biasa sebanyak 1 juta tan setahun yang dieksport keluar negeri. Ini akan meninggikan lagi pendapatan petani serta hasil perbendaharaan dan sumber kewangan. Rancangan penting yang dijalankan oleh Kemboja ialah pembinaan pam air di Prek Thnot yang merupakan sebahagian daripada rancangan Amerika untuk membangunkan kawasan lembah Sungai Mekong.

Usaha untuk memperkenalkan kawasan pelancongan di negara

itu (seperti Angkor dan lain-lain) juga dianggap akan mendatangkan hasil tukaran wang. Bagi tujuan ini satu rancangan pembinaan hotel-hotel (Phnom Penh berharap supaya dapat menarik minat ahli perniagaan Amerika) dan pembukaan kasino telah diluluskan.

Pemulihan semula hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat pada awal musim panas 1969 memberi peluang kepada golongan berhaluan kanan menguatkan lagi tekanan mereka. Dalam bulan Julai, Kongres Sangkum yang ke-27 berakhir dengan pemilihan kerajaan yang baru. Penn Nouth menarik diri atas sebab-sebab kesihatan, sementara General Lon Nol dan Putera Sisowath Sirik Matak mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin politik. Pada 13 Ogos Lon Nol membentuk sebuah kabinet baru dan beliau juga menjadi menteri pertahanan. Sirik Matak dilantik menjadi salah seorang daripada tiga orang Naib-Presiden Dewan Negara. Kerajaan baru ini telah menurunkan nilai mata wang rial dan menjalankan dasar jimat cermat dalam perbelanjaan negara juga mengambil langkah-langkah mencegah perniagaan haram dan mengumumkan yang kerajaan tidak akan menjalankan dasar memilik negarakan harta-harta. Ini bertujuan menggalakkan pelancongan, eksport dan pelaburan asing. Touch Kim bersedia membawa kemboja menjadi ahli *International Monetary Funds* (mulai 31 Disember) serta mengintegrasikan ekonomi Kemboja dalam sistem ekonomi antarabangsa. Satu undang-undang pelaburan digubal bertujuan meningkatkan pembiayaan rancangan lima tahun yang kedua. Dalam bulan Disember, Dewan Perhimpunan yang dikuasai sepenuhnya oleh golongan berhaluan kanan menyatakan yang mereka menyokong penubuhan semula sektor bank swasta dan kemasukan bank-bank asing ke Kemboja. Ini adalah satu langkah yang lebih jauh daripada apa yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, Kongres Kebangsaan yang ke-28 yang diadakan pada 27 Disember menentang langkah yang ingin diambil oleh Dewan Perhimpunan. Sihanouk menganggap yang rakyat masih lagi mahu supaya pembaharuan-pembaharuan tahun 1963 dikekalkan dan beliau menentang pemulihan sistem ekonomi "dunia bebas" dan mengesyorkan supaya kerajaan dan Dewan Perhimpunan mengambil sikap berhati-hati dan tidak terlalu cepat dalam melaksanakan liberalisasi ini.

Sememangnya perbezaan pendapat antara Ketua Negara dan

kerajaan ini semakin meningkat. Pada awal bulan Ogos 1969, Putera Sihanouk membuat kenyataan di Kongres Kebangsaan yang beliau tidak mahu selama-lamanya bertanggungjawab apabila terdapat kelemahan dan kesalahan dalam pentadbiran negara. Dalam bulan Ogos, apabila kabinet Lon Nol dibentuk, ia cuba menghapuskan beberapa kekeliruan dan menentukan bidang kuasa antara kerajaan dan Ketua Negara. Ia juga tidak membenarkan pegawai-pegawai kerajaan, terutamanya, untuk berhubung secara langsung dengan Ketua Negara. Dalam beberapa bulan yang berikutnya, Sihanouk menunjukkan yang beliau tidak bersetuju dengan dasar yang diambil oleh Putera Sirik Matak terutamanya. Empat orang menteri yang setia pada Sihanouk meletak jawatan pada 27 Disember. Langkah ini diambil dengan harapan kabinet akan dibubarkan ataupun dirombak. Tetapi Sirik Matak, merangkap Perdana Menteri (kerana Lon Nol telah pergi ke Perancis bagi mendapatkan rawatan perubatan) menerima perletakan jawatan ini tanpa menjadikannya satu krisis. Pada 6 Januari 1970, Sihanouk juga berlepas ke Perancis bagi mendapatkan rawatan perubatan.

Peristiwa-peristiwa ini menimbulkan semula sikap permusuhan beberapa pemimpin yang berhaluan kanan terhadap Sihanouk. Pada pandangan golongan "liberal" beliau dalam menghalang, buat sementara waktu, kemasukan bank-bank asing hanya menambahkan lagi sikap dingin pelabur asing terhadap Kemboja. Dalam tahun 1969, golongan ini yakin yang kemasukan pelaburan asing di Kemboja tidak akan berjaya selagi Sihanouk memegang kuasa. Mereka menganggap Sihanouk sebagai seorang Ketua Negara yang terlalu tidak tegas dan mungkin bila-bila masa sahaja boleh bertukar fikiran. Bagi golongan berhaluan kanan, tujuan utama mereka sekarang ialah menjatuhkan Sihanouk bagi membolehkan integrasi Kemboja ke dalam "zon wang ringgit".

Jeneral Lon Nol dan Putera Sirik Matak sudah pun mempunyai sokongan politik dan tentera yang kuat. Walaupun sejak beberapa tahun Lon Nol berjaya mendapatkan kesetiaan dan dedikasi kebanyakan pegawai tentera, peluang baru baginya untuk menghapuskan pengaruh Sihanouk dalam tentera muncul dalam tahun 1969. Kehadiran beratus-ratus ahli *Khmer Serei* (golongan pemberontak berhaluan kanan) yang datang dari Thailand ke dalam tentera kerajaan menguatkan lagi sikap anti-komunis dan memberi peluang bagi

tentera Kemboja menjalin persahabatan dengan rakan-rakan mereka dari Thailand dan Amerika. Lon Nol dan Sirik Matak mempunyai kemampuan untuk "mengurangkan pengaruh" Sihanouk, walaupun beliau bersama Oum Mannorine masih lagi menguasai hal-hal keselamatan.

Perletakan jawatan empat menteri yang "pro-Sihanouk", dan pemergian beliau ke Perancis memberi kebebasan kepada Sirik Matak untuk bertindak. Pada 4 Februari 1970, satu penyusunan semula kabinet, diadakan yang menguatkan pengaruh beliau,¹³ Dasar liberalisasi dilaksanakan, terutama sekali dalam perdagangan luar, dan perdagangan swasta dapat dijalankan tanpa sekatan. Hubungan dengan Thailand dan Vietnam Selatan hampir dipulihkan dalam sidang yang ke-45 jawatankuasa Sungai Mekong yang diadakan di Phnom Penh pada 9 hingga 13 Februari. Dalam lawatannya ke kawasan perbatasan, Sirik Matak membayangkan yang dasar kerajaan ialah memaksa supaya pemberontak Vietnam meninggalkan wilayah Khmer.

Walaupun berada di Hospital di Perancis, Putera Sihanouk masih lagi berhubung dengan Phnom Penh. Beliau sedar tentang kekuatan golongan berhaluan kanan dan Sihanouk juga tidak mahu ketinggalan menggunakan sebarang peluang yang akan menguntungkannya. Beliau berharap untuk kembali ke arena politik melalui satu kejayaan diplomatik. Beliau berharap yang Rusia dan China dapat memujuk Hanoi dan kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan supaya menghentikan perkecualian Kemboja. Dengan ini Sihanouk yakin yang beliau akan dapat berunding dengan Amerika Syarikat supaya mencari jalan bagi penyelesaian yang demokratik di Vietnam Selatan. Dalam bulan Februari, Sihanouk dan Jeneral Lon Nol (yang datang melawat beliau di hospital di Perancis itu) bersetuju beberapa langkah yang perlu diambil supaya perkecualian Kemboja dihormati.

Tetapi selepas kembalinya Lon Nol ke Kemboja (18 Februari), beberapa peristiwa telah berlaku. Sirik Matak tidak lagi cuba untuk mencari persefahaman dengan Ketua Negaranya. Pada 11 Mac

¹³Kementerian Penerangan sebelum itu di bawah seorang yang setia kepada Sihanouk, tetapi dalam penyusunan ini ia telah diberikan kepada Jeneral Lon Nol kerana kementerian ini "amat penting".

apabila Sihanouk bersiap sedia untuk meninggalkan Paris selepas menjalani rawatan, tunjuk perasaan yang besar yang "spontan" berlaku di Phnom Penh. Bangunan-bangunan kedutaan Vietnam Utara dan Kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan telah digelidih. Pihak tentera menguasai bandaraya dan lapangan terbang, dan ini menyebabkan kepulangan Sihanouk tergendala.

Setelah berhubung melalui telefon dengan Lon Nol, Sihanouk meninggalkan Paris pada 13 Mac untuk pulang ke Phnom Penh melalui Moscow dan Peking sebelum berlepas pulang. Putera Sihanouk menyatakan yang beliau akan meminta kerajaan Soviet supaya menasihati Hanoi dan Barisan Pembebasan Vietnam Selatan agar "menghentikan" campur tangan mereka dalam hal-ehwal Kemboja. Sambil menegaskan yang beliau bertambah "gila kuasa", Sihanouk menyalahkan setengah golongan dalam tentera dan di Parlimen yang katanya "lebih mementingkan wang ringgit daripada tanahair". Pada 16 haribulan, ketika berada di Moscow, beliau menolak syarat-syarat yang dikenakan oleh Lon Nol dan Sirik Matak mengenai kepulangannya ke Phnom Penh. Pada 18 haribulan, setelah menerima perletakan jawatan oleh Oum Mannorine dan Sosthene Fernandez, kedua-duanya Setiausaha di Kementerian Pertahanan dan Keselamatan dalam negeri (dan mereka adalah "orang-orang Sihanouk"), Sirik Matak membuat kenyataan di Dewan Perhimpunan dan di "*Conseil du Royaume*" yang "tanahair sedang dalam bahaya", seterusnya, "atas nama negara dan kedua-dua Dewan yang disatukan", satu pengisytiharan dibuat untuk "tidak lagi mengiktiraf Putera Sihanouk sebagai Ketua Negara", dan keputusan ini adalah sebulat suara oleh 92 orang ahli parlimen. Presiden Dewan Perhimpunan, Cheng Heng, mengambil alih tugas-tugas Ketua Negara.¹⁴

Dewan Perhimpunan mengisytiharkan yang Kemboja akan terus mengamalkan dasar yang bebas dan berkecuali. Pada 20 Mac, Lon Nol mengulangi yang Kemboja ingin mengekalkan perkecualiannya dan meneruskan hubungan yang baik dengan semua negara. Tetapi kerajaan pimpinannya telah pun mengarahkan supaya pem-

¹⁴Dewan Perhimpunan telah menyalahkan Sihanouk kerana "sikapnya yang tidak tegas dan sentiasa berubah itu menimbulkan rasa curiga di kalangan pemodal-pemodal dalam negeri dan asing, ini telah melambatkan kemajuan ekonomi negara". (*Realit s Cambodgiennes*, 28 Mac 1970, ms 690, ms 11).

berontak Vietnam keluar dengan segera dari Kemboja. Beliau juga menggantikan Menteri Luarnya Norodom Phlurissara yang bersikap berkecuali dengan Yem Sembaur. Pada 18 Mac, Amerika Syarikat mengiktiraf kerajaan yang muncul melalui rampasan kuasa ini.

Sihanouk tiba di Peking pada 19 Mac dan beliau disambut sebagai seorang Ketua Negara. Beliau mengambil keputusan tidak mahu berdiam diri. Dalam satu pengisytiharan pada 23 Mac, dan "sebagai Ketua Negara Kemboja yang sah" beliau mengumumkan pembubaran kerajaan Lon Nol dan kedua-dua dewan serta meminta rakyat Kemboja supaya tidak mengakui ataupun tidak menghormati kuasa mereka; beliau kemudiannya mengumumkan yang sebuah kerajaan campuran kebangsaan dan tentera pembebasan kebangsaan akan dibentuk. Kerajaan ini dan sebuah majlis permesyuaratan yang akan membantunya serta tentera akan bersatu bersama rakyat bagi menubuhkan satu Barisan Bersatu, iaitu Barisan Kebangsaan Bersatu Kemboja F.U.N.K. (*Front uni National du Kampuche*), "yang mempunyai dua tugas, iaitu membebaskan negara dan membangunkan semula negara selepas mencapai kemenangan".

Pada 26 Mac, tiga orang pemimpin Kemboja yang berhaluan Marxis, iaitu Khieu Samphan, Hou Yuon dan Hou Nim mengumumkan yang mereka menyokong Sihanouk. Hanoi, kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan dan Barisan Patriotik Lao juga menyokong Sihanouk. Perdana Menteri Vietnam, Pham Van Dong pergi ke Peking dan dengan segera berbincang dengan Sihanouk tentang kemungkinan mewujudkan satu barisan rakyat Indo-China. Pada 19 Mac – dua hari selepas diplomat-diplomat Vietnam meninggalkan Phnom Penh – tentera-tentera Hanoi dan kerajaan Revolusi Sementara membuat serangan balas, mematahkan tentera Khmer yang menyerang mereka. Tentera Phnom Penh yang terpaksa menghadapi penentang yang terdiri daripada petani-petani yang menyokong Sihanouk di beberapa wilayah, terkejut dengan tindakan Vietnam ini dan mendapati diri mereka dalam kedudukan bertahan yang amat sukar. Pada 14 April, kerajaan Lon Nol, mengumumkan yang mereka akan berjuang habis-habisan, dan menyatakan kesediaan mereka menerima sebarang bantuan senjata dan barang-barang tanpa syarat dari mana-mana negara. Tetapi tidak mendapat sambutan. Pembunuhan yang dilakukan oleh tentera Kemboja ke atas

orang-orang awam Vietnam menimbulkan kemarahan terhadap Phnom Penh di luar negeri.

Pada 1 April, Perancis mencadangkan supaya satu persidangan antarabangsa diadakan, ataupun sekurang-kurangnya mencari satu "persembahan" di antara negara-negara dan kumpulan-kumpulan yang berkenaan mengenai memulihkan perdamaian di Indo-China. Cadangan ini diterima oleh Phnom Penh, tetapi Hanoi tetap berdiam diri. masanya bertambah lagi untuk mengadakan persidangan. Keadaan yang semakin genting yang dihadapi oleh kerajaan Lon Nol menyebabkan Amerika Syarikat membuat beberapa keputusan yang penting (22 April).

Atas inisiatif Sihanouk, satu persidangan Indo-China diadakan pada 24 dan 25 April di China Selatan. Persidangan ini telah menghasilkan pembentukan satu "barisan bersama rakyat Indo-China menentang imperialisme Amerika". Dalam perisytiharan terakhirnya, persidangan ini menegaskan tujuan perjuangan di setiap negara dan persepaduan yang menyeluruh di kalangan rakyat menentang musuh bersama. Negara China memberi sokongan yang sepenuhnya.

Penyokong-penyokong Sihanouk, revolusioner Khmer dan pejuang pembebasan Vietnam dengan serta merta bersatu tenaga untuk menjayakan perpaduan ini di negara mereka. Memandangkan yang kerajaan Lon Nol di dalam bahaya dan masanya amat sesuai untuk memberikan pukulan hebat ke atas musuhnya, iaitu Vietnam, Presiden Nixon, tanpa sebarang permintaan dari Phnom Penh mengarahkan pada 29 April, supaya tentera Amerika masuk ke Kemboja dan memusnahkan "tempat perlindungan Vietcong" di perbatasan. Walau bagaimanapun beliau mengumumkan yang tentera-tentera ini akan diundur dalam masa dua bulan selepas itu.

Tentera Vietnam Selatan juga memasuki Kemboja dan melakukan berbagai keganasan yang bertepatan dengan amaran-amaran oleh Sihanouk sejak lima belas tahun. Washington sebenarnya membenarkan Vietnam Selatan menjadikan Kemboja seperti negara naungannya yang ia tidak dapat dilakukan dalam tahun 1862 kerana kehadiran Perancis. Kerajaan Lon Nol/Sirik Matak tidak lama menunggu bagi mengakhiri keadaan damai yang dirasai oleh Kemboja sejak 15 tahun: bagi tujuan menghapuskan "Vietcong" di kawasan sempadan yang tidak didiami, segolongan orang bersedia

melibatkan negara itu dalam satu perang moden yang dahsyat.

Kemasukan tentera Amerika ke Kemboja mengakibatkan polarisasi kuasa-kuasa di Indo-China. Sihanouk melawat Peking dan bertemu dengan Mao Tze-Tung pada 1 Mei. Pada 4 Mei, kerajaan China mengumumkan yang ia akan menyokong dan membantu ketiga-tiga negara Indo-China "sehingga saat terakhir, sehingga kemenangan sepenuhnya dalam perang mereka menentang pencerobohan Amerika, untuk kesejahteraan negara". Pada 5 Mei, satu kerajaan diraja yang bersatu ditubuhkan di Peking di bawah naungan FUNK (Barisan Kebangsaan Bersatu Kemboja). Ia diketuai oleh Penn Nouth dengan Sarim Chhak sebagai Menteri Luar, Hou Youn di Kementerian Dalam Negeri, Khieu Samphan di Kementerian Pertahanan, Hon Nim di Kementerian Penerangan dan Thioun Mumm di Kementerian Kewangan. Objektif kerajaan ini ialah mempertahankan kemerdekaan negara, perdamaian, perkecualian, kedaulatan dan keutuhan wilayah Kemboja. Kerajaan China merupakan negara pertama yang mengiktiraf kerajaan baru ini (5 Mei).

Walau bagaimanapun Rusia dan Perancis tidak mengiktiraf kerajaan yang dibentuk oleh Norodom Sihanouk di Peking. Keduanya masih lagi mengekalkan kedutaan mereka di Phnom Penh.

Di Kemboja, pertentangan secara tentera dan politik semakin meluas. Kerajaan Lon Nol yang merupakan alat golongan burjois bandaran, perniagaan dan golongan intelektual serta birokrasi mandarin dan tentera yang berhaluan kanan, dengan cepatnya kehilangan kuasa mereka di kebanyakan wilayah dan kawasan desa. Ia terperangkap di bandar-bandar dan terpaksa membentuk pasukan tentera secara cepat sambil memusatkan usahanya bagi mempertahankan bandar-bandar utama dan jalan-jalan yang menghubungkan bandar-bandar besar. Dalam beberapa minggu sahaja ia menjadi sebuah kerajaan yang bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebendaan dan politik dari Amerika Syarikat dan sekutunya, iaitu Vietnam Selatan dan Thailand. Mulai musim panas 1970, Washington telah menyediakan satu rancangan bantuan tentera berjumlah \$120 juta. Askar-askar upahan Khmer yang telah lama bekerja di Vietnam Selatan dalam pasukan tentera Amerika menjadi tulang belakang kepada tentera kerajaan yang baru yang berperang menentang tentera F.U.N.K. yang disokong oleh revolusioner Vietnam. Pengeboman yang berterusan oleh Amerika bertujuan menyekat

musuh-musuh rejim Lon Nol daripada bersatu tenaga. Tetapi pemusnahan tanpa perkiraan dan sia-sia ini, serta pembunuhan yang dilakukan menyebabkan petani-petani Kemboja menentang kuasa luar dan penyokong mereka. Dalam tahun 1970, Kemboja telah diseret ke dalam satu peperangan seperti yang pernah dialami oleh Vietnam antara tahun 1959-60, iaitu peperangan yang ganas yang penuh dengan kebencian, tidak ada tolak ansur dan yang membawa kepada perpecahan.

Kedua-dua belah pihak yang terlibat enggan menerima sebarang kompromi. Pada pandangan mereka hanya kemenangan yang menyeluruh yang akan menyelamatkan rakyat dan negara. Republik Khmer diisytiharkan di Phnom Penh pada 9 Oktober 1970 yang menolak buat selama-lamanya kepulangan Sihanouk dan keluarganya.

Menjelang akhir tahun 1970, keadaan yang berlarutan di Kemboja hanya akan menghancurkan negara itu, kehilangan beribu-ribu nyawa yang tidak berdosa, kehancuran ekonomi, perpecahan daripada segi politik sepertimana yang berlaku di Vietnam dan Laos. Hanya kemunculan sebuah kerajaan yang disokong ramai dan sebuah kerajaan nasional yang mahu kemerdekaan yang sebenar, dasar berkecuali serta dasar ekonomi dan sosial yang diasaskan kepada prinsip "sosialisme Buddha" dan perdamaian di antara semua rakyat Kemboja yang akan menyelamatkan negara itu. Adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada ini akan berjaya dalam jangka waktu yang singkat.

Kemboja merupakan salah sebuah negara yang malangnya terpaksa "melalui bahaya" jika ia mahu bebas. Sejak tiga abad lamanya, negara itu terpaksa menghadapi ancaman dari Siam dan Vietnam yang mahu mengambil atau membahagikannya. Ia hanya merasa lebih selamat dengan pembentukan negeri naungan Perancis selama tiga suku abad. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa golongan di Kemboja yang sanggup menerima penjajahan Siam atau Vietnam di negara itu bagi memenuhi cita-cita mereka. Terdapat bukti-bukti pada masa lampau yang golongan ini sanggup berpaling tadah untuk kepentingan mereka. Dalam sejarah Kemboja, amatlah sukar untuk mengawal sesuatu keadaan apabila ia telah tercetus. Dasar Sihanouk juga mempunyai kelemahan-kelemahannya. Tetapi dasar itu berjaya memelihara keamanan, memperseim-

bankan tekanan pengaruh serta dapat membezakan antara hak rakyat Indo-China untuk hidup dan bebas dengan kehendak-kehendak penceroboh kulit putih dan penyokong mereka. Perang ini disebabkan oleh keadaan yang tragis, tetapi ia juga memperlihatkan beberapa perkara yang bersejarah, terutama sekali hal yang Vietnam tidak dapat berdiam diri tentang masalah Kemboja, yang menunjukkan sikap bermusuhan kerana terdapat tekanan-tekanan asing ataupun kerana kesilapan pemimpin-pemimpinnya. Sejarah membuktikan yang dasar hidup bersama antara Kemboja dan Vietnam tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Rampasan kuasa 18 Mac 1970 bukan sahaja telah mengakhiri "zaman pemerintahan" Norodom Sihanouk tetapi juga mengakhiri satu peringkat dalam dasar "berkecuali Kemboja". Ia telah menghancurkan satu keadaan keseimbangan yang begitu rapuh. Ia telah menyeret rakyat Kemboja ke dalam satu perang yang besar di Asia yang menentang nasionalisme dan cita-cita keadilan dan kemajuan golongan massa petani. Sebaliknya ia menyokong oligarki bandaran yang sama ada daripada golongan feudal, perdagangan atau tentera yang disokong oleh Amerika Syarikat. Di Kemboja, seperti juga di kebanyakan negara, kemerdekaan seperti yang difahamkan dalam tahun 1970 tidak dapat dipisahkan daripada satu revolusi politik, ekonomi dan sosial. Arah dan tujuan yang paling sesuai dan realis masih belum tercapai.

BAHAGIAN II

LAOS

1. PENDAHULUAN

2. SEJARAH LAOS

3. GEOGRAFI LAOS

4. IKLIM LAOS

5. VEGETASI LAOS

6. FAUNA LAOS

7. MANUSIA LAOS

8. BUDAYA LAOS

9. EKONOMI LAOS

10. POLITIK LAOS

11. HUBUNGAN LAOS DENGAN NEGARA SEKITAR

12. PERKEMBANGAN LAOS

13. PENUTUP

PAINTING II

111

5

PERSPEKTIF SEJARAH

LAOS adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan laut. Terletak di tengah Semenanjung Indo-China dan memanjang di sebelah kiri Sungai Mekong sehingga ke banjaran Annam. Di sebelah kanan Sungai Mekong, Laos mempunyai dua wilayah iaitu Sayabouri di barat laut (bertentang dengan Luang Prabang) dan di selatannya, wilayah Bassac. Dari utara ke selatan, panjangnya ialah 1 000 km. Sementara dari barat ke timur luasnya ialah 200 hingga 400 km. Jumlah luas kawasannya ialah 230 000 km. persegi.

Daripada segi geografi pula, Laos terbahagi kepada beberapa kawasan. Kawasan pertamanya ialah Lembah Mekong yang bermula dari Vientiane sehinggalah ke sempadan Kemboja ke arah Pakse; seterusnya kawasan pedalaman tanah tinggi dan gunung-ganang yang diliputi hutan rimba.

Kawasan Hulu Laos merupakan kawasan pergunungan yang tinggi yang kadangkala mencapai lebih 1 000 m serta terdapat lembah-lembah yang dalam. Hutannya saujana mata memandang. Dataran Tinggi Tran Ninh terkenal kerana hutannya dan iklimnya yang nyaman.

Di selatan garisan lintang 18°, banjaran gunung ini menjadi lebih rendah dan terdapat kawasan dataran tinggi di antara 200 hingga 1 200 meter yang menghala ke Lembah Mekong. Di kawasan banjaran Annam yang memisahkan Laos dengan Vietnam, terdapat juga dua buah gunung, iaitu di Mugia dan di Lao Bao yang merupakan jalan masuk ke Vietnam dari Laos. Di kawasan dataran

tinggi ini (iaitu wilayah Cammon dan Savannakhet) terdapat hutan tebal di samping tanah untuk pertanian.

Kawasan hutan Laos meliputi 70% daripada seluruh negara itu. Cara hidup orang-orang Laos sebahagian besarnya masih dipengaruhi oleh keadaan hutan rimba ini. Kampung-kampungnya muncul di kawasan hutan kecil. Aktiviti ekonomi masih lagi mempunyai ciri "pengairan" kerana ketiadaan jalan raya atau jalan darat. Sungai memainkan peranan penting dalam perhubungan dan merupakan satu-satunya cara perhubungan di antara tempat-tempat yang terpisah yang didiami oleh berbagai kaum itu.

Kawasan Lembah Mekong didiami oleh orang-orang Laos yang beragama Buddha. Sumber kehidupan mereka ialah pertanian, terutama padi dan mereka mendapat kemudahan pengairan dari Sungai Mekong. Di samping itu juga terdapat ternakan binatang, pertukangan dan perniagaan. Kuil adalah pusat kehidupan mereka. Pusat-pusat perniagaan yang penting di Laos terletak di tepi Sungai Mekong (kecuali Xieng Khouang, Savavane, Attopeu). Luang Prabang, Vientiane, Paksane, Thakhek, Savanakhet, Pakse ... juga adalah tempat tumpuan golongan elit pentadbiran, perniagaan dan pendatang asing (China, Vietnam dan lain-lain) juga tempat berkembangnya pengaruh Barat. Sungai yang mengalir sejauh 1 600 km di Laos ini merupakan sumber utama bagi negara itu. Terdapat sebuah syarikat perkapalan yang mengendalikan perkhidmatan dari Saigon ke Luang Prabang dan ke kawasan-kawasan lain. Jalan-jalan raya dibina dari Saigon ke sempadan China. Perkhidmatan udara menolong mengurangkan masalah perhubungan di Laos.

Kawasan pergunungannya lebih terasing. Kawasan ini didiami oleh berbagai kaum. Ada di antaranya yang mempunyai pertalian dengan orang China, Tibet dan Kha (dalam bahasa Lao ertinya liar) yang tersebar di sebelah barat banjaran Annam, dataran tinggi Tran Ninh dan hulu Lembah Mekong. Mereka adalah orang yang pertama mendiami Laos, antaranya kumpulan bangsa Negrito dan Melayu.

Penduduk kawasan ini masih lagi hidup secara organisasi kesukuan atau puak dan bergantung kepada hutan dan sungai sebagai punca kehidupannya di samping tanaman *ray* (ladang). Kebanyakan daripada mereka menganut kepercayaan animisme dan kepercayaan nenek moyang.

Suku kaum ini adalah peninggalan daripada kaum-kaum yang

terpaksa berundur ke hutan apabila datangnya penakluk dari luar yang silih berganti yang masih kedapatan sehingga tahun 1880-1895. Pendatang baru ini yang lebih kuat dan lebih bertamadun menduduki kawasan lembah yang kaya itu. Ada juga suku kaum yang telah luput sama sekali. Orang-orang asli di Laos juga mempunyai hubungan dengan penakluk dari selatan iaitu kaum Mon, Khmer, dan dari utara dan tengah, kaum Thai.

Asal Usul

Menjelang abad ke-20 apabila Perancis menduduki Laos, negara itu telah melalui dua abad yang penuh dengan cabaran. Tetapi untuk memahami keadaan sebenar masalah masa kini dan kepentingannya, maka perlu diketahui lebih daripada dua abad ini; iaitu dengan membuat satu analisa secara perspektif (walaupun secara kasar) keseluruhan sejarah Laos.

Bangsa Khmer yang menduduki kawasan tengah Menam dan Mekong telah memaksa bangsa Indonesia (*kha*) berundur ke kawasan pergunungan dan orang Mon ke arah barat laut dan barat daya. Tetapi mereka kemudiannya bertembung dengan bangsa Thai yang datang dari arah utara melalui Lembah Mekong dan Menam dan menuju ke selatan. Bangsa Thai yang berasal dari Menam ini akhirnya mengasaskan Kerajaan Sukhotai dan Ayuthia (Negeri Siam) dan mereka yang tinggal di Mekong telah menubuhkan negeri-negeri di Laos.

Bangsa Thai-Lao yang kemungkinan datang dari Yunan melalui lembah hulu Sungai Merah, Dien Bien Phu dan Lembah Nam Oy tiba di Mekong pada abad ke-11 Masihi. Mereka mempunyai hubungan dengan Empayar Khmer dan juga Sukhotai. Mereka menubuhkan sebuah negeri di tebing kiri Sungai Mekong, di Kuala Nam Khame. Negeri ini dipanggil Muang Swa yang beribu negeri di Xieng Thong (sekarang ini Luang Prabang). Negeri ini didiami oleh orang-orang Kha. Selepas pertentangan yang hebat, bangsa asal tempat ini terpaksa meninggalkan kawasan itu dan lari ke lembah-lembah kecil berdekatan. Mereka bersatu dengan orang-orang Thai. Terdapat beberapa orang raja Xieng Tong yang asal usulnya ialah daripada orang Kha.

Negeri Thai-Lao di kawasan Mekong ini mempunyai hubungan dengan Empayar Khmer di Angkor dan menerima pemerintahan

Khmer Angkor serta pengaruh kebudayaannya. Tetapi kerajaan Thai di Sukhotai sejak akhir abad ke-13 telah berjaya memaksa pemerintahannya ke atas negeri-negeri di Mekong dan mencabar pengaruh Khmer Angkor.

Lan Xang (Negeri Sejuta Gajah)

Dalam tahun 1353, Raja Fa Ngum menaiki takhta kerajaan di Xieng Thong dan dengan sokongan bapa mentuanya Raja Khmer di Angkor telah menubuhkan negeri Lan Xang (Sejuta Gajah). Baginda juga melantik seorang *Oupahat*, atau Raja Muda untuk membantu dan menasihati baginda. Masyarakat Lan Xang merupakan sebuah masyarakat feodal dan aristokrat dengan satu kelas bangsawan tentera dan pentadbiran, golongan petani, peniaga dan petukang serta hamba abdi. Negara ini menghadapi berbagai ancaman, tetapi seperti juga orang Khmer, musuh utama mereka ialah Vietnam dan Siam.

Raja-raja Lan Xang berjaya meluaskan kuasa mereka¹ dan menjajah beberapa negara dan bangsa-bangsa. Tetapi pemimpin-pemimpin tempatan yang dijajah ini dilantik menjadi gabenor wilayah atau "negeri" (*muong*) dan meneruskan pimpinan mereka dengan semangat bebas yang merangsangkan mereka untuk membebaskan diri daripada raja pusat. Penentangan daripada ketua-ketua wilayah ini, ditambah dengan keadaan geografi yang menyenangkan penentangan merupakan ciri utama dalam sejarah negeri-negeri Laos. Kerajaan Lan Xang juga bukanlah satu kuasa yang lemah sehinggalah ia dapat membantu Raja Vietnam, Le Loi menentang China (1421). Walau bagaimanapun, pada saat-saat terakhir, tentera Laos berpaling tadah menyokong China. Bagi membalas perbuatan ini, Vietnam menyerang Xieng Khoung dalam tahun 1479, seterusnya ibu negeri Laos, Xieng Thong. Perang ini mengakibatkan banyak kerosakan di kedua-dua belah pihak, tetapi perang ini tidak

¹Fa Ngum menguasai wilayah-wilayah Van Vieng, Khammouane (Cammon), Savannakhet, Tchepone dan Lao Bao. Beliau ditentang oleh raja Vietnam. Mereka kemudiannya bersetuju menjadikan sungai-sungai sebagai garis penentuan sempadan di antara kedua-dua negara. (Paul Le Boulanger, *Histoire du Laos français*, Paris, Plon, 1931, ms 49).

berlarutan. Lan Xang menyambung semula hubungannya dengan Vietnam dan menjadi baik dengan segera.

Pada pertengahan abad keenam belas, Lan Xang yang menjadi waris kepada Angkor di kawasan tengah Mekong, memperluaskan kawasannya ke selatan sehinggalah ke sempadan Kemboja kini. Di sebelah timur, sampai ke banjaran gunung Annam dan ke sempadan kawasan Kha yang ditakuti itu, manakala di barat sampai ke sempadan Xieng Mai dan Ayuthia. Hubungan Lan Xang dengan Vietnam tetap baik (ketika penyusupan kuasa oleh Dinasti Mac di Vietnam, penyokong-penyokong Dinasti Le dan seorang keluarga Nguyen mencari perlindungan di Lan Xang dalam tahun 1530). Tetapi usaha-usaha kerajaannya (undang-undang 1527) untuk meluaskan pengaruh agama Buddha di kawasan pedalaman telah mendapat tentangan daripada penduduk yang menganut kepercayaan animisme.

Perluasan kawasan negara itu menyebabkan pengawasan oleh kuasa pusat semakin sukar. Di kawasan Tran Ninh, berhampiran dengan Banjaran Annam, sebuah negeri Xieng Khoung muncul. Negeri ini lebih banyak bergantung kepada Vietnam daripada Lan Xang. Di kawasan rendah Laos, negeri Bassac yang terletak jauh daripada kuasa pusat, juga mula menguatkan kedudukannya. Ibu negeri Xieng Thong juga kerap mendapat serangan daripada Burma. Untuk menempatkan ibu negara di satu kawasan yang lebih sesuai, juga untuk mengadakan hubungan yang lebih baik dengan sekutunya, iaitu Negeri Siam (Ayuthia) yang juga diancam oleh Burma, Raja Lan Xang Setthathirat (1548-1571) telah mengubah ibu kota ke Vientiane, tempat bersemayam bapanya. Beliau membawa bersama patung Buddha yang berbatu zamrud Xieng Mai dan ditempatkan di kuil yang indah (Wat Pra Keo) dan berdekatan dengan bandar itu didirikan juga satu kuil, That Luong yang merupakan karya agung senibina Lao. Ibu kota lama Xieng Thong ditukarkan menjadi Luang Prabang dalam tahun 1563. Tetapi Setthathirat meninggal dunia dalam tahun 1571 dalam satu ekspedisi menentang orang Kha di kawasan Attopeu, di selatan negara itu.

Kematian Setthathirat diikuti dengan satu zaman kacau-bilau dan pemerintahan sementara (1583-1591), yang dipenuhi dengan serangan-serangan baru Burma serta perbalahan di Istana Vientiane dan percubaan yang semakin meningkat di Tran Ninh untuk membe-

baskan kawasan itu. Pada akhir abad ke-16, Xieng Khouang membayar ufti tahunan kepada Vietnam, tetapi hanya membayar tiga tahun sekali kepada Lan Xang. Xieng Khouang merupakan sebuah bandar besar dan cantik yang mempunyai 62 buah kuil.

Seorang raja yang penting, Suriyavongsa (yang memerintah antara 1637-1694) dapat menyatukan semula negara, mengembalikan keamanan dan kemakmuran.² Sempadan Lan Xang ditentukan berikutan daripada persetujuan yang dicapai dengan putera-putera raja yang berjiran. Persetujuan juga dicapai dengan Vietnam, iaitu semua penduduk yang mendiami "rumah bertiang dan mempunyai beranda" akan menjadi rakyat raja Vientiane, sementara mereka yang menduduki rumah "tanpa tiang atau beranda" adalah kepunyaan Vietnam. (P. Le Boulanger, op. cit. ms 104). Tetapi Suriyavongsa telah bermusuh dengan Tran Ninh atas sebab-sebab perkahwinan (1652). Ini menimbulkan konflik dan hubungan baik antara Vientiane dan Xieng Khouang terputus buat selama-lamanya.

Masalah penggantian takhta selepas Suriyavongsa melambangkan berakhirnya perpaduan Lao. Orang-orang yang mengaku diri mereka berhak menaiki takhta berperang sesama sendiri. Dalam tahun 1696, seorang anak saudara Suriyavongsa, Sai Ong Hue, yang bapanya telah melarikan diri ke Hue sebelum ini telah mengiktiraf kekuasaan Vietnam ke atas Lan Xang (diperintah oleh Dinasti Nguyen) dengan harapan mendapat bantuan Vietnam bagi merampas semula kuasa. Dalam tahun 1700, Sai Ong Hue berjaya merampas Vientiane dan dilantik menjadi raja Lan Xang. Tetapi beliau terpaksa membenarkan sepupunya iaitu anak Suriyavongsa memerintah di Luang Prabang (1707). Zaman kekuatan Lan Xang sebagai kuasa besar telah luput dan bermulanya satu abad permusuhan antara saudara yang melemahkan kedua-dua kerajaan Vientiane dan Luang Prabang.

Perluasan Kuasa Siam

Negara-negara yang berjiran yang ingin mewarisi Lan Xang tanpa berlengah lagi mengambil kesempatan daripada perpecahan

²Di bawah pemerintahan Suriyavongsa, dalam tahun 1641, Lan Xang menerima kunjungan orang Eropah yang pertama, Van Wusthof, berbangsa Belanda. Vientiane masa itu adalah sebuah bandar yang besar dan indah dan pusat penting perkembangan agama Buddha di Indo-China.

ini yang pada mulanya adalah sementara, tetapi seterusnya menjadi kekal. Dalam tahun 1753, negara Burma yang diperintah oleh raja Alompra menyerang Luang Prabang dan memusnahkan bandar itu sebelum berundur. Dalam tahun 1774, Luang Prabang meminta bantuan Siam (walaupun ini lebih untuk menentang Vietnam daripada Burma). Dalam tahun 1778, tentera Siam yang dipimpin oleh Jeneral Chakri (kemudiannya bergelar Rama I) menyerang Vientiane dan membawa balik patung Buddha bertatah zamrud (Pra Keo) dan meletakkan Vientiane di bawah pentadbiran Bangkok selama empat tahun. Sementara itu Tran Ninh (Xieng Khouang) menjadi pusat gerakan pemberontak seorang putera Vietnam, Le Duy Mat, selama dua puluh tahun (sehingga 1766) dalam penentangannya terhadap "Ketua Istana" Hanoi, Trinh Giang. Dalam tahun 1791, raja Vientiane, Chao Ong Nan (yang telah dibenarkan oleh Siam pulang ke ibu negerinya), mengambil kesempatan daripada keadaan di Vietnam yang sedang berpecah belah kerana pemberontakan Tayson untuk merampas Houa Phans (di bawah pentadbiran Luang Prabang) dan menyerang Luang Prabang. Seterusnya Siam menundukkan Ong Nan dan memaksa kedua-dua negara menjadi sekutunya, malah menjadi naungannya - Mulai daripada saat itu, Bangkok berkuasa melantik raja-raja Lao dan memasukkan askar-askar ke dalam tentera Laos.

Di bawah naungan Siam inilah Tiao Anou ditempatkan di Vientiane menjadi *Oupahat* (raja muda) kepada saudaranya raja Chao In sejak tahun 1792. Dalam tahun 1805, Tiao Anou menaiki takhta kerajaan. Beliau inginkan negaranya bebas daripada pengaruh Siam serta mengembalikan semula ibu negara dan kekuatan negara itu. Dalam tahun 1806, beliau menyambung bayaran ufti tiga tahun sekali kepada Vietnam sepertimana yang pernah dibuat sebelum pemberontakan Tayson (Vietnam disatukan semula di bawah Gia Long). Seterusnya dalam tahun 1820, beliau dengan secara rahsia membebaskan Luang Prabang daripada pentadbiran Bangkok. Dalam tahun 1825, beliau melawat Bangkok bagi merundingkan kepulangan orang Laos yang telah dihantar oleh Siam dalam tahun 1778 ke tebing kanan Sungai Mekong (usaha ini tidak berjaya). Beberapa bulan selepas itu (1826), dengan kepercayaan yang perang Inggeris-Burma yang pertama akan membawa kepada pertelingkahan antara Inggeris dan Siam, beliau mengumpulkan satu

angkatan tentera dan menyerang Korat dan Bangkok dengan bantuan anaknya Tiao Ngo yang memerintah Bassac. Walau bagaimanapun beliau telah ditewaskan oleh seorang jeneral Siam, Phaya Bodin (yang telah membantu seorang putera lain di Bassac, Chao Houy) yang menyerang balas dan mengambil Vientiane dalam tahun 1827. Bandar itu telah dimusnahkan, dibakar dan sejumlah 6 000 keluarga telah dihantar ke tebing kanan Sungai Mekong. Orang Siam juga menyerang Cammon dan menghalau keluar sebahagian besar daripada penduduknya ke tebing kanan Sungai Mekong.

Dalam tahun berikutnya (1828), Tiao Anou yang mencari perlindungan di Hue di bawah naungan Vietnam yang diperintah oleh Minh Mang, telah pulang ke Laos dan dengan pertolongan Vietnam telah menyerang tentera Siam yang berada di Vientiane. Siam bertindak balas, kali ini dengan tindakan yang lebih kejam; Vientiane dimusnahkan sama sekali (1830), keseluruhan penduduknya dihalau keluar dan kesemua arkib negara itu dimusnahkan. Tiao Anou yang melarikan diri ke Xieng Khouang telah ditangkap dan diserahkan kepada Siam oleh Chao Noi dan dibawa ke Bangkok (1831). Beliau meninggal dunia di sana dalam tahun 1835. Negaranya ditakluk oleh Siam.³

P. Le Boulanger, seorang sejarawan Laos yang terkenal menulis: "Siam telah menjadikan negara lama Vientiane sebagai satu daerah Siam, seperti sebuah "pasaran tentera" yang dipanggil *Lao-Phouen*. Pada hakikatnya, askar-askar Phya Bodin hanya meninggalkan "tanah, binatang liar dan hutan rimba". Pemusnahan yang sistematis ini juga diikuti oleh satu tujuan Siam yang lain: meramaikan semula penduduk di kawasan mereka yang telah dimusnahkan oleh Burma lima puluh tahun sebelum itu; menjamin supaya Annam tidak lagi berminat terhadap sebuah kawasan yang tidak mempunyai penduduk. Penaklukan ini juga membolehkan Siam memberikan kawasan tanah Bassac kepada Chao Houy sebagai hadiah kerana pengkhianatannya terhadap negaranya sendiri.⁴

Pada masa yang sama, Siam menguatkan cengkamannya ke atas Luang Prabang. Raja Luang Prabang telah menghantar satu utusan

³Penaklukan ini tidak diiktiraf oleh Vietnam yang mengekalkan pengaruhnya ke atas Vientiane melalui perjanjian 1696.

⁴*Histoire du Laos francais*, ms 176

ke Hue dalam tahun 1831 (ini berarti, kembali kepada penghormatan yang selama ini dibuat). Bangkok campur tangan dengan mengembalikan kepada Luang Prabang kawasan Houa Phans (yang diambil oleh Vientiane dalam tahun 1791) dan seterusnya mengukuhkan penguasaannya ke atas Laos.

Walau bagaimanapun Chao Noi, Raja Xieng Khouang telah dipanggil ke Hue, dalam tahun 1832 bagi menjelaskan tindakan belotnya terhadap Tiao Anou dan beliau telah dihukum bunuh. Kerajaan Xieng Khouang dihapuskan dan dijadikan sebahagian daripada wilayah Vietnam (*phu*). Tetapi dasar Hue yang memaksa Tran Ninh memperhambakan diri kepada Vietnam (pemerasan oleh tentera, eksploitasi golongan mandarin, dasar asimilasi yang keras) menimbulkan pemberontakan yang menyebabkan Vietnam mengubah dasarnya kepada dasar yang lebih lembut. Dalam tahun 1855, kerajaan Hue telah mengembalikan kuasa kepada seorang putera tempatan dan menghapuskan jawatan Gabenor Annam (*quan phu*). Luang Prabang, yang menganggap kerajaan Xieng Khouang telah ditubuhkan semula telah menuntut bayaran ufti. Satu kompromi telah tercapai. Ufti akan dibayar tiap-tiap tahun kepada Hue dan setiap tiga tahun sekali kepada Kerajaan Luang Prabang.

Sejak beberapa tahun, keadaan yang ditimbulkan oleh beberapa peristiwa di China telah menimbulkan akibatnya di Laos. Mulai tahun-tahun 1845-1850, orang-orang Meo mula masuk ke Laos. Ia merupakan penghijrahan secara aman. Mereka berasal dari China (Szechuwan, Yunan) dan membuat penempatan di Laichay mulai 1848, kemudiannya tersebar di kawasan-kawasan yang tidak didiami di Hulu Tonkin, Tran Ninh dan Houa Phans dan mendiami kawasan pergunungan. Orang-orang Meo menebang banyak hutan rimba bagi tanaman popi. Ini menimbulkan sikap bermusuhan orang-orang Lao dan Kha terhadap mereka.

Tidak lama selepas 1864 bermula satu masalah baru yang berlarutan selama dua puluh tahun dan bermula di kawasan utara Indo-China (Sip Song Panna, Sip Chau Thai, Hulu Tonkin, Houa Phans, Tran Ninh dan lain-lain): kedatangan orang-orang Ho, mereka ini adalah keturunan daripada pemberontak Taiping dalam perang saudara di China. Mereka ini dibahagikan kepada "pavillo" (mereka bergelar Pavillo Merah dan Pavillo Kuning) dan selama dua puluh tahun mereka ini melakukan rompak dan menimbulkan

ketakutan di banyak kawasan.

Sejak kejatuhan Kerajaan Vientiane, Siam cuba meluaskan empayarnya sejauh yang mungkin. Halangan utama kepada cita-cita ini ialah Vietnam. Dengan menyebut untuk membersihkan kawasan sempadannya daripada lanun-lanun Cina yang berkeliaran di situ. Siam mengambil peluang menguatkan naungannya ke atas Luang Prabang, seterusnya meluaskan "peninjauan tentera" sehingga ke sempadan Vietnam.

Campur Tangan Perancis

Perancis yang mula bertapak di Cochin China pada tahun 1860 mula berminat terhadap Lembah Mekong. Dalam tahun 1861, seorang pengembara Perancis, Mouhot tiba di Luang Prabang dan diterima menghadap oleh Raja Tiantha-Koumane dan saudaranya *Oupahat* Oun Kham. Selepas penubuhan negeri naungan Perancis di Kemboja (1863), ekspedisi yang dipimpin oleh Doudart de Lagnee memudiki Sungai Mekong dan tiba di Luang Prabang pada 20 April 1867. Melalui perjanjian 15 Julai 1867, Siam terpaksa mengakui naungan Perancis ke atas Kemboja dan menggugurkan semua kuasanya ke atas negara itu.

Setelah mendapati perluasan kuasanya tersekat oleh Inggeris di Burma dan di Tanah Melayu, juga oleh Perancis di Kemboja, maka Siam mengalih pandangannya ke arah timur laut. Siam percaya yang ia akan lebih berjaya kerana Vietnam pada masa itu lemah disebabkan perangnya dengan Perancis dan pemberontakan Tonkin. Dalam tahun 1867, raja Siam - Mongkut yang sangat bimbang tentang perluasan Perancis di Mekong, telah mengembalikan Prabang⁵ kepada Luang Prabang. Tetapi dalam tahun 1869, Raja Tiantha-Koumane mangkat dan *Oupahat* Oun Kham yang berumur 58 tahun menaiki takhta. Baginda dibantu oleh sepupunya Souvanna Phouma yang dilantik menjadi *Oupahat* (Souvanna Phouma ialah anak kepada salah seorang putera daripada keluarga Vientiane, Oun Keo, yang meninggal dunia di Bangkok). Ini menyebabkan kerajaan Bangkok ragu-ragu tentang langkah yang sepatutnya diambil dan

⁵Prabang ialah patung Buddha yang berasal dari Sinlok yang diberikan oleh raja Khmer dari Angkor kepada Fa Ngum dalam tahun 1356 dan dibawa ke Vientiane, kemudiannya diambil oleh Siam dalam tahun 1778.

Oun Kham hanya mendapat restu kenaikan takhtanya daripada Raja Chulalongkorn dalam tahun 1872. Siam mempunyai sebab-sebab tertentu untuk bertindak segera. Perancis memulakan campur tangannya di Tonkin.

Sejak Bangkok mengambil alih Vientiane, kuasa Hue ke atas Laos hanya pada namanya sahaja. Kuasa sebenar di Vientiane adalah di tangan Siam. Tetapi sebelum itu, Bangkok masih membenarkan ketua-ketua tempatan (*muong*) menjalankan pemerintahan dan hanya meminta kesetiaan dan pembayaran cukai tahunan. Ramai antara ketua-ketua *Muong* (Cammon, Savannakhet, Tchepone dan lain-lain) yang meminta perlindungan Vietnam di antara tahun-tahun 1835-1850 bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa kutipan cukai oleh Siam. Disebabkan kebimbangan yang Perancis akan menggantikan Vietnam sebagai kuasa di kawasan-kawasan itu, Siam mengambil keputusan untuk menduduki kawasan-kawasan tersebut secara tentera dan ini memaksakan Hue dan seterusnya Perancis satu *fait accompli*. Siam menggunakan serangan Ho di Tran Ninh (1872) dan ancamannya di utara dan juga ancaman kepada Vientiane⁶ serta pemberontakan orang-orang Kha (1872-1876) sebagai satu peluang untuk memberi bantuan kepada Oun Kham. Sepasukan tentera Siam ditempatkan buat sementara di Luang Prabang.

Bangkok menjadi lebih bimbang apabila Perancis berjaya menguasai sepenuhnya Tonkin (1882-1883) dan memaksa kerajaan Hue menandatangani perjanjian Naungan (25 Ogos 1883 dan 6 Jun 1884) yang akan menentukan masalah sempadan Vietnam (Empayar Anam).

Selepas kegagalan awal, Siam telah menghantar tentera sehingga ke Sungai Hitam di Tonkin. Dalam bulan Oktober 1885 (ketika Perancis sedang menjalankan usaha membanteras pemberontakan di Vietnam Tengah), Siam mengambil Luang Prabang dan menempatkan dua orang pesuruhjaya di Istana Hue. Mereka juga membawa *Oupahat* Souvanna Phouma dan ketua-ketua orang Thai ke Bangkok sebagai orang tebusan. Dengan galakan daripada Inggeris (yang

⁶Setelah berjaya memusnahkan Tran Ninh, orang Ho mara ke Vientiane dan menyerang Vientiane dalam tahun 1873.

pada masa itu menyerang Burma dan berharap menyekat Perancis daripada mara ke Yunan), Siam menyerang Tran Ninh dan Cammon (raja Vietnam, Ham Nghi meninggalkan ibu negaranya dan mencari perlindungan di Cammon).

Tetapi Istana Hue telah mengemukakan satu fasal (fasal 15) dalam Perjanjian Perancis-Vietnam 6 Jun 1884, supaya Perancis memberi jaminan kepada raja Annam tentang keutuhan negara. Hue meminta Perancis supaya menyelamatkan hak-hak Vietnam di Laos. Satu nota Perancis telah dihantar ke Bangkok. Siam terpaksa menerima penempatan seorang Timbalan Konsul Perancis di Luang Prabang (1886) yang ditugaskan untuk menjaga hak-hak Perancis sebagai kuasa yang menggantikan Vietnam di Laos. Tugas ini diserahkan kepada Auguste Pavie, tetapi disebabkan oleh halangan-halangan dari Siam, beliau hanya tiba di Luang Prabang pada 10 Februari 1887. Ketika ini kumpulan *Pavillon Hitam* yang diketuai oleh Deo Van Tri, ketua orang Thai, mara ke Luang Prabang dari Dien Bien Phu dan merupakan ancaman besar. Deo Van Tri, anak kepada Cam Sinh iaitu ketua orang Thai Lai Chan mencari peluang untuk membalas dendam terhadap Siam dan menyerang Luang Prabang dalam bulan Jun 1887. Pavie membantu Oun Kham mendapatkan semula Luang Prabang dan untuk menyelamatkan negaranya, Oun Kham meminta naungan Perancis. *Oupahat* Souvanna Phouma telah terbunuh dalam serangan ini.

Tekanan-tekanan Perancis ke atas Siam semakin kuat. Dalam bulan Disember 1888, Siam terpaksa menyerahkan dua belas wilayah Thai di kawasan Sungai Hitam (Sip Song Chau Thai) kepada Perancis (yang bertindak atas nama Vietnam). Perancis juga mengiktiraf kuasa Deo Van Tri ke atas kawasan-kawasan ini sebagai balasan kepada sokongan yang diberikannya kepada Perancis. Dalam tahun 1889 berlaku peristiwa Cammon (yang diambil oleh Vietnam semasa pemerintahan Minh Mang): penduduknya telah mengesahkan yang negara sejak dahulu lagi adalah negeri naungan Vietnam, dan ini melemahkan kedudukan Siam di sana. Bangkok masih meneruskan penyusupannya atas alasan membanteras lanun-lanun (Le Boulanger, *op. cit.*, ms 288) di kawasan Cammon dan Tran Ninh pada tahun 1890, 1891 dan 1892. Dalam bulan Mei 1893, Perancis akhirnya terpaksa menggunakan tentera untuk menduduki keseluruhan kawasan tebing kiri Sungai Mekong dari Paksane

hingga ke Khone. Perancis terpaksa menunjukkan kekuatan tentera lautnya untuk memaksa Sam supaya melepaskan cengkamannya ke atas Laos (Julai 1893).

Perjanjian baru di antara Siam dan Perancis ditandatangani pada 7 Oktober 1902 dan 13 Februari 1904. Siam mendapat semula kebebasan bertindak di kawasan tebing kanan Sungai Mekong, tetapi terpaksa menyerahkan wilayah Bassac dan Paklay kepada Perancis dan menggugurkan semua kuasanya ke atas dua wilayah ini. Dengan ini Laos diselamatkan daripada pencerobohan Siam selama empat puluh tahun.

Penentuan sempadan dengan China juga dikenal melalui Konvensyen Perancis-China mengenai sempadan yang ditandatangani di Peking pada 20 Jun 1895 yang memberikan Muong Sing dan seluruh wilayah Lai Chau kepada Perancis. Satu persetujuan-Inggeris 15 Januari 1895 telah menentukan sempadan Laos-Burma di Sungai Mekong.

Raja Oun Kham mangkat pada 15 Disember 1895 ketika berumur 84 tahun. Puteranya Zakarine yang telah menjalankan pemerintahan sejak 1894 mengambil sepupunya Boun Khong anak kepada Souvanna Phouma sebagai *Oupahat*. Pada 19 April 1895, Zakarine menerima pengesahan kuasa dari Perancis melalui wakilnya Pavie dan menandatangani satu perjanjian dengan Perancis pada 3 Disember 1895. Dengan ini bermulalah zaman naungan Perancis.

The first of these is the fact that the
 government has been unable to raise the
 necessary funds to meet its obligations.
 This is due to a number of factors, including
 the fact that the government has been unable
 to raise the necessary funds to meet its
 obligations. This is due to a number of factors,
 including the fact that the government has
 been unable to raise the necessary funds to
 meet its obligations. This is due to a number
 of factors, including the fact that the
 government has been unable to raise the
 necessary funds to meet its obligations.

The second of these is the fact that the
 government has been unable to raise the
 necessary funds to meet its obligations.
 This is due to a number of factors, including
 the fact that the government has been unable
 to raise the necessary funds to meet its
 obligations. This is due to a number of factors,
 including the fact that the government has
 been unable to raise the necessary funds to
 meet its obligations. This is due to a number
 of factors, including the fact that the
 government has been unable to raise the
 necessary funds to meet its obligations.

6

DI BAWAH NAUNGAN PERANCIS (1895-1945)

DALAM tahun 1893, Laos tidaklah merupakan satu entiti politik. Hanya kerajaan Luang Prabang yang merupakan warisan terakhir Empayar Lan Xang, yang masih mempunyai beberapa ciri sebuah negara. Kerajaan-kerajaan Vientiane, Xieng Khouang dan Bassac semua luput dan kawasan-kawasan yang diperintah oleh kerajaan-kerajaan ini sudah pun dibebaskan daripada pengaruh Siam dan Vietnam. Gabenor-gabenor atau *chaomuong*, masih lagi mempunyai kuasa yang tertentu. Kawasan pentadbiran mereka (*muong*) yang asalnya sebahagian daripada *fief* (tanah feodal) dibahagikan kepada *kanton* (*tasseng*) dan kampung (*ban*). Oleh kerana kekurangan pengetahuan tentang negara yang baru ditemui ini, Kementerian Luar Perancis menganggap kawasan-kawasan ini sebagai daerah biasa yang menjadi rebutan antara Siam dan Vietnam dan Perancis bertanggungjawab mengembalikan keamanan, peraturan dan undang-undang.

Perjanjian 3 Oktober 1883 dengan Siam bukanlah hasil daripada konvensyen yang menentukan hubungan Perancis dengan Luang Prabang yang statusnya juga masih belum ditentukan. Dalam tahun 1887, Pavie memberitahu Raja Oun Kham yang Perancis mengakui kuasanya, hak serta keistimewaan yang diwarisinya. Seperti sebelumnya, raja tetap sebagai "ketua agung bagi segala kehidupan" (*Somdet Phra Chao*), sementara raja muda merupakan "ketua agung yang menjaga semua hidupan" (*Chao Maha Oupahat*). Mereka dibantu oleh Dewan Negara (*Hosanam Luong*), menteri-menteri

yang berketurunan putera raja, *Ratsavong* (putera sulung), *Ratsabout* (putera kedua), dan *Komakhoune* (putera ketiga dan keempat). Seterusnya terdapat tiga orang mandarin (yang bergelar Phaya) yang mengetuai hierarki mandarin (pentadbir peringkat atasan dan menengah). Akhir sekali terdapat seorang mandarin besar dan empat penasihat yang menganggotai "Badan Penasihat Negara" (*Senam*).

Pavie telah menempatkan seorang pesuruhjaya Perancis untuk menasihati Raja Zakarine pada 5 Jun 1894. Seterusnya Pavie menyusun wilayah-wilayah baru. Ke mana saja beliau pergi, dari utara ke selatan, beliau mengesahkan kuasa orang-orang tempatan dalam kedudukan mereka dan mendapat kepercayaan daripada mereka. Dalam bulan Julai 1894, beliau menubuhkan "wilayah" baru bagi Vientiane yang terdiri daripada beberapa *muong* dan melantik Chao Kham Ngon, iaitu waris terakhir Chao Noi sebagai *chaumuong* bagi kawasan-kawasan Xieng Khouang. Beliau juga menyusun semula bagi kawasan-kawasan Cammon, Savannakhet dan Khong.

Pada ketika itu, semua *muong* di Laos (sama ada bergantung atau tidak kepada Luang Prabang) merupakan satu organisasi yang banyak persamaan, disusun seperti kerajaan Luang Prabang, tetapi susunan ini lebih mudah. Seperti raja juga, gabenor dibantu oleh seorang *Oupahat*, *Ratsavong* dan *Ratsabout* yang menyampaikan segala peraturan kepada ketua-ketua kanton yang mempunyai ketua-ketua kampung di bawah pentadbiran mereka.

Selepas peninggalan Pavie dalam tahun 1895, susunan pentadbiran di Laos telah dijalankan semula. Laos dibahagikan kepada dua kawasan:

(1) Hulu Laos, pusatnya di Luang Prabang, mengandungi semua *muong* di bahagian kiri di sebelah utara Cammon, kanton-kanton Sungai Hitam dan sebahagian dari Houa Phans, kedua-duanya dicantumkan kepada Tonkin dan wilayah Thanh Hoa (Annam). Kawasan ini yang daripada segi "lojistik" dicantumkan kepada Tonkin, dibahagikan kepada enam wilayah (*khoueng*) yang terdiri daripada beberapa *muong* seperti yang terdapat di Vientiane.

(2) Kawasan Lembah Laos, pusatnya di Khong. Kawasan ini terdiri daripada semua negeri yang sebelumnya adalah sebahagian daripada kerajaan lama Vientiane ataupun wilayah Bassac, iaitu kawasan di antara Mekong dan banjaran Annam, bermula dari Cammon (termasuk) sehinggalah ke sempadan Kemboja. Bahagian

ini terdiri daripada tujuh wilayah. Ia bergantung kepada Cochinchina untuk bekalan dan perhubungan.

Kedua-dua kawasan ini telah disatukan oleh gabenor jeneral Paul Doumer dan diletakkan di bawah kuasa seorang *Residen Supérieur* di Savannakhet (arahan kerajaan bertarikh 6 Februari 1899 dan 19 April 1899). Dengan ini negara Laos yang disatukan menjadi sebahagian daripada Persekutuan Indo-China (*Federation Indochinoise*).

Laos memerlukan sebuah ibu negeri yang lebih besar daripada bandar kecil di Sungai Mekong. Dalam tahun 1899, Paul Doumer telah memilih bandar Vientiane, sebuah kota bersejarah sebagai ibu kota Laos. Kediaman *Residen Supérieur* Perancis dibina di kawasan istana Setthathirat. Sebuah bandar baru muncul di kawasan ini.

Walaupun Konvensyen 3 Disember 1895 tidak mendapat pengesahan di Paris kedudukan keluarga diraja di Luang Prabang dikukuhkan dan kawasannya juga menjadi aman dan ditentukan. Dewan Negara (*Hosanam Luong*) disusun semula: dewan dianggotai oleh 3 orang pembesar yang mempunyai tugas tertentu, termasuklah berbagai perkhidmatan pentadbiran negara tersebut. Pentadbiran di peringkat wilayah dijalankan melalui kuasa raja secara langsung, walaupun masih diawasi oleh Pesuruhjaya Perancis di Luang Prabang yang mewakili Ketua Residen di Vientiane.

Pada keseluruhannya Laos dibahagikan kepada sepuluh wilayah. Salah satu daripadanya dijadikan Kerajaan Luang Prabang yang dijadikan sebuah negeri Naungan. Di sembilan kawasan lain, wakil Perancis menjadi pemerintah yang sebenar, manakala ketua-ketua Laos (*chao muong*) mendapati kuasa mereka semakin kurang.¹

Walau bagaimanapun, usaha memulihkan keamanan masih belum lengkap. Dalam tahun 1901, seperti yang dinyatakan oleh Doumer, kaum-kaum liar di kawasan Tanah Tinggi Bolouen, di hulu lembah Se Done dan di kawasan pergunungan sekelilingnya membe-
rontak menentang jiran-jiran mereka di muara lembah, dan dengan ini menentang kita. Beberapa banyak kampung diserang, dirompak

¹Wilayah Bassac dicantumkan dengan Laos dalam bulan Januari 1905 dan putera di situ, Chao Nhouy, menyokong Perancis. Pusat wilayah ini tanpa beliau menjadi *Chaomuong* dipindahkan ke Pakse dalam tahun 1908.

dan dibakar.² Seramai 200 orang tentera dihantar dari Annam dan secara beransur-ansur pemberontakan dapat dipadamkan. Tetapi pemberontakan hanya dapat dilenyapkan sama sekali dalam tahun 1907 dan pemimpin-pemimpin utamanya lari ke negeri Siam. Seorang ketua dari Boloven, Komadan dapat menyelamatkan dirinya dan berlindung di dataran tinggi di kawasan timur laut. Pentadbiran Perancis mengamalkan dasar berhati-hati dan kemasukan secara aman terhadap orang-orang Kha. Mereka ini tetap berkuasa di kawasan-kawasan yang luas di wilayah Saravane dan Attopeu.

Raja Zakarine mangkat pada 25 Mac 1904 ketika berumur 63 tahun. Puteranya Sisavang Vong (lahir dalam tahun 1885), yang tamat pengajiannya di sebuah sekolah di Paris menggantikannya dan beliau mengekalkan kedudukan Boun Khong sebagai raja muda (*Oupahat*). Beliau disahkan ke atas takhta pada 4 Mac 1905.

Perkembangan Ekonomi dan Sosial

Dengan tercapainya penyelesaian masalah politik dan pentadbiran, tumpuan diberikan pula kepada masalah ekonomi.

Bagi Paul Doumer, objektif utama ialah membuka Laos yang terasing kedudukannya. Untuk tiba di kawasan selatan Laos terpaksa melalui Sungai Mekong dan ini mengambil masa beberapa hari tanpa halangan besar. Kawasan tengah Laos hanya dapat dihubungi melalui tiga jalan: Mekong, melalui Khone, jalan Quangri-Savannakhet melalui segenting Ailao; jalan dari Vinh ke Mekong berhampiran Outhene. Untuk sampai ke kawasan utara Laos, kita perlu bertolak dari Hanoi, bersampan melalui Sungai Hitam seterusnya melalui jalan darat melalui Van Bu, Son La dan Dien Bien Phu, Lembah Nam Hou sehinggalah ke Sungai Mekong. Di Laos, Sungai Mekong mempunyai tiga cawangan: Khone-Kemmarat (air terjun), Kemmara-Sanannakhet dan Savannakhet-Vientiane yang merupakan satu-satunya sungai yang boleh dilalui setiap masa. Walaupun tidak terdapat tiga negara di Laos, masih wujud tiga bahagian yang berlainan di negara itu.

Hasil galian telah dapat dikesan di Cammon dan ini menimbulkan banyak spekulasi. Dalam tahun 1896, satu sindiket galian Laos

²Paul Doumer, *Souvenirs*, Paris, Vuibert, 1905, ms 279-281.

(*Syndicat minier du Laos*) telah diberikan konsesi melombong bijih di lembah Nam Patene, tetapi untuk tujuan ini, adalah perlu untuk membawa alat-alat dan seterusnya mengeksport hasilnya.

Doumer terlebih dahulu mengkaji kemungkinan membina jalan keretapi Quangtri-Savannakhet, seterusnya satu jalan lagi melalui Vinh-Xieng Khouang yang akan disambung sehingga ke Luang Prabang atau Vientiane. Tetapi perbelanjaan yang besar untuk projek ini serta keraguan tentang keuntungannya menyebabkan projek dibatalkan. Pentadbiran Perancis menumpukan perhatian mereka terhadap pembinaan jalan raya serta jalan-jalan kecil. Disebabkan keadaan inilah selepas empat puluh tahun Laos di bawah pentadbiran Perancis, iaitu pada akhir perang dunia kedua, Laos hanya mempunyai sepanjang 8 km jalan keretapi di kawasan air terjun Khone di Sungai Mekong yang membolehkan pengangkutan kenderaan dijalankan.

Oleh kerana Sungai Mekong tetap menjadi sumber penting bagi Laos, maka usaha dijalankan bagi mendalamkan dan menyalurkan anak-anak sungai yang boleh dilalui ataupun yang berkemungkinan untuk digunakan bagi tujuan ini. Satu syarikat pengangkutan air ditubuhkan, *Compagnie Saigonaise de navigation* yang memberi perkhidmatan pengangkutan sehingga ke Vientiane, iaitu sejauh 1 600 km.

Dua batang jalan raya telah dibina. Salah satu daripadanya bermula dari selatan di Saigon ke arah Thakhek, melalui Locninh, Kratie, Stung-Treng, Pakse dan Savannakhet. Dalam tahun 1930, jalan ini disifatkan sebagai "boleh dilalui dengan kenderaan pada musim kemarau". Jalan yang kedua ialah jalan Dougha-Savannakhet yang panjangnya sejauh 330 km yang menghubungkan Sungai Mekong dengan pelabuhan Da Nang melalui celah gunung di Ailao (410 m). Dalam tahun 1930, jalan ini diisytiharkan sebagai "siap dan ditambah batu dari mula hingga akhir" dan merupakan jalan perhubungan Laos dengan dunia luar yang paling cepat dan terjamin.

Usaha bagi membuka kawasan utara pula dimulakan di Xieng Khouang. Pentadbiran Perancis memulakan pembinaan jalan raya berhampiran dengan Vinh ke arah Tran Ninh melalui Lembah Song Ca (402 km). Jalan raya Vinh Xieng Khouang ini dipanjangkan ke arah Luang Prabang melalui satu jalan yang dibuka dalam bulan Februari 1936 yang diberi nama "Jalan raya ratu Astrid" (sempena

nama ratu Belgium yang pernah melalui jalan ini dalam tahun 1933). Dua batang jalan lain juga dibina bermula di Vientiane, satu menuju ke arah Luang Prabang dan yang satu lagi ke Paksane.

Kesemua usaha ini menelan belanja yang banyak dan amat sukar bagi pentadbiran tempatan membiayainya. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun 1938, Laos mempunyai 3 198 km. jalan raya, hampir sama seperti yang terdapat di Kemboja; tetapi hanya terdapat sepanjang 28 km. sahaja jalan tar, 1 882 km. jalan yang ditambak dengan batu dan sejauh 1 283 jalan tanah merah yang hanya boleh dilalui pada musim kemarau.³

"Kekayaan" hasil galian di Laos merupakan satu-satunya perkara yang menarik minat asing. Selepas tamatnya perang dunia pertama, terdapat spekulasi kewangan yang hebat mengenai Indo-China. Sebanyak 4 000 permit melombong telah dikeluarkan di Laos dan syarikat-syarikat muncul dengan banyaknya, yang kadangkala wujud pada namanya sahaja. Misalnya, syarikat *Syndicat minier du Laos*, yang telah lama muncul ditukarkan menjadi *la Societe d'Etudes et d'Exploitations minières en Indo-Chine* (S.E.E.M.I.) yang memulakan operasi sepenuhnya hanya dalam tahun 1923. Begitu juga dengan *Societe des Etains du Cammon*.

Tetapi industri ini menimbulkan berbagai masalah baru, terutamanya soal tenaga buruh. Kawasan ini telah mengalami kekurangan penduduk berikutan dengan dasar Siam yang pernah menghalau keluar penduduk kawasan itu. Orang Laos yang ada tidak berminat untuk bekerja di lombong-lombong. Pekerja-pekerja terpaksa dibawa masuk dari Annam, dari wilayah yang miskin dan ramai penduduk, iaitu Nghe An dan Thanh Hoa yang berhampiran dengan Cammon. Ini menyebabkan munculnya kawasan penumpuan orang-orang Vietnam yang bercorak proletariat dan perindustrian di Lembah Nam Patene dan Thakhek yang terdapat juga peniaga-peniaga Vietnam dan Cina. Seterusnya perkhidmatan pengangkutan bagi bijih timah terpaksa diadakan. Jalan sungai (Mekong) merupakan cara yang paling murah dan terjamin. Tetapi ini memerlukan penubuhan perkhidmatan feri dan jalan darat yang akan menghubungkan dengan Laut Cina Selatan, di antara Vinh-Benthuy dan Thakhek

³ *Annuaire Statistique de l'IndoChine, 1937-1938, Hanoi, 1939, ms 117*

melalui Naphao. Satu kajian dibuat untuk membina jalan keretapi Tanap-Thakhek melalui Gunung Mugia. Jalan yang mula dibina di sebelah sempadan Vietnam ini tidak pernah sampai ke sempadan Laos, tetapi dihubungkan dengan kereta kebal yang digunakan untuk mengangkut bijih. Jalan Benthuy-Thakhek (280 km) melalui gunung Keo Neua (tinggi 760 m), Nape dan Nhommacat telah dibina (1930-31). Jalan ini kemudiannya menjadi salah satu jalan utama yang digunakan oleh Vietnam untuk menyusup masuk ke Laos.

Keadaan Laos yang terasing, kesukaran perhubungan, ketiadaan hasil yang boleh dieksport yang menguntungkan dan penduduk bilangan yang tidak ramai menyebabkan Perancis mengurangkan usaha daripada segi ekonomi dan kewangan di Laos. Negara itu menjadi seolah-olah "orang miskin" dalam Persekutuan Indo-China. Kebanyakan daripada usaha Perancis ditumpukan kepada "negeri orang Annam".

Dilihat daripada segi sosial, hasilnya adalah lebih baik, walaupun masih sedikit. Apabila Perancis mengambil alih pentadbiran di Laos dalam tahun 1893, terdapat kadar kematian yang tinggi di kalangan penduduk tempatan terutama di kawasan tengah Laos yang sejak beberapa dekad mengalami pembunuhan, mereka dihalau keluar oleh Siam dan menjadi mangsa kebakaran. "Mereka ini hidup berkelompok di sana sini dalam teratak sementara, sentiasa bersedia untuk lari mencari perlindungan sebaik sahaja mendapat amaran".⁴ Keadaan aman dapat menghentikan masalah pengurangan penduduk, tetapi penyusunan semula penduduk mengambil masa yang lama. Menjelang perang dunia kedua mengikut "banci penduduk" tahun 1936, Laos hanya mempunyai penduduk seramai 1 012 000 orang (944 000 pada tahun 1931). Penyakit berkurangan dan wabak penyakit hampir dihapuskan dengan adanya perubatan membanteras penyakit, tetapi dalam tahun 1938, Laos hanya mempunyai 6 hospital, 8 pusat perubatan dan 52 dispensari⁵ yang merawat seramai 9 000 pesakit dan memberi nasihat kepakaran kepada seramai 444 000 orang.

⁴R. Meyer, *Le Laos*, Hanoi, IDEO, 1931, ms 47.

⁵*Annuaire Statistique de l'Indochine*, 1937-1938, Hanoi, 1941, ms 51

Perkembangan pelajaran juga masih lembap. Disebabkan "kesukaran yang sememangnya terdapat dalam struktur negara ini dan bangsa yang mendiaminya", usaha-usaha yang dijalankan oleh pentadbiran tempatan mendapat "tentangan".⁶ Dalam tahun 1937, terdapat hanya 440 buah sekolah di Laos, dengan sejumlah 12 351 penuntut (49 orang Perancis dan 12 302 Indo-China. Daripada jumlah ini terdapat 347 sekolah kuil (yang mempunyai seramai 6 000 penuntut) dan 93 buah sekolah moden (dengan seramai 6 300 penuntut yang sebahagian besarnya terdiri daripada penuntut Vietnam). Terdapat satu sahaja sekolah menengah di negara itu, iaitu Kolej Pavie di Vientiane yang mempunyai 110 penuntut dalam tahun 1937 (44 penuntut Laos dan 61 Vietnam) serta 8 orang guru. Tidak terdapat sebarang sekolah di luar kawasan yang didiami oleh bangsa Lao. Satu laporan rasmi menyebut: "Di Laos Keadaan golongan minoriti yang terpisah dan pelbagai kaum menyebabkan sukar untuk membina sekolah untuk mereka. Lagipun amat penting untuk menyebabkan bahasa Lao yang sepatutnya menjadi bahasa perdagangan".⁷ Latihan untuk juruteknik sangat kurang. "Sekolah latihan perusahaan di Vientiane hanya mengeluarkan pemandu-pemandu dan pengawal. Terdapat 81 orang penuntut, termasuk 4 orang Perancis dan 30 bangsa Lao."⁸ Penuntut yang lainnya terdiri daripada orang Vietnam. Belanjawan yang diperuntukkan kepada pelajaran yang berjumlah 264 500 piastre dalam tahun 1937 merupakan 8.5% daripada keseluruhan belanjawan negara, jumlah peruntukan yang sama terdapat dalam belanjawan untuk Indo-China.

Perkembangan ekonomi juga adalah lembap. Pada keseluruhannya, Laos mempunyai cukup bahan makanan untuk keperluan negara dan tidak ada eskport dari negara itu. Pengeluaran beras di kawasan tanah rendah masih tidak mencukupi keperluan negara, tetapi ianya dapat ditambahkan dengan adanya pengeluaran beras dari kawasan pergunungan banjaran Annam dan kawasan utara Laos. Dalam tahun 1930, pengeluaran padi dianggarkan sebanyak 350 000 tan setahun bagi 900 000 penduduk, atas kadar satu kilo

⁶*Gouvernement general de l'Indochine, Rapport au Grand Conseil des Interets Economiques et Finances, Session ordinaire de 1937, Hanoi, IDEO, 1937, ms 132.*

⁷*Ibid.*, ms 120.

⁸*Ibid.*, ms 132.

untuk satu orang dalam sehari. Jagung juga ditanam di kawasan rendah dan di ladang. Kelapa, ikan, binatang ternakan dan binatang buruan banyak terdapat di negara itu. Kapas ditanam oleh penduduk Laos hampir di seluruh kawasan negara itu. Sutera, dan kekabu ditanam sebagai bahan tenun dan ini membolehkan pengeluaran kain tempatan.

Hutan di negara itu menyediakan pelbagai bahan binaan. Pentadbiran Perancis nampaknya tidak menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menilai dan mengeksploitasi bahan ini.

Perancis membuat beberapa percubaan di bidang pertanian. Satu "pusat kajian Boloven" yang bertempat di Pakse ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menyesuaikan tanaman teh, kopi, kuinin dan jenis tanaman yang boleh menghasilkan minyak masak untuk ditanam di dataran tinggi. Sebuah "kebun biji-bijian" diadakan di Xieng Khouang yang khusus untuk pengeluaran sejenis teh Shan.

Di bidang perusahaan pula, terdapat hanya perlombongan bijih timah di Lembah Nam Patene yang mengeluarkan bijih sebanyak 1 000 tan setahun. Pengeluaran bijih di Laos adalah 12 peratus daripada jumlah pengeluaran bijih untuk seluruh Indo-China. (1 619 000 piastre dalam tahun 1936 untuk Laos). Selain daripada itu terdapat juga pengeluaran perusahaan kecil tempatan (kulit, tenun dan hasil seni tangan) dan pembaikan.

Perkembangan perdagangan juga adalah sama dengan yang lain-lainnya. Masyarakat Eropah yang kecil menyebabkan tidak ada tenaga yang cukup untuk menjalankan aktiviti perdagangan (dalam tahun 1937, terdapat hanya 574 orang Eropah di Laos). Dagangan import juga masih kecil. Peniaga-peniaga Cina di Laos, seperti juga di tempat lain di Indo-China menjalankan aktiviti pengedaran dan kredit. Pengangkutan jalan raya masih lagi kecil: dalam tahun 1938 hanya terdapat 900 buah kenderaan yang menggunakan jalan raya yang berjumlah 3 200 km (angka rasmi pendaftaran akhir tahun 1938).

Aktiviti dalam sektor bank juga berkurangan. Kegiatan utama dijalankan oleh *Banque de l'Indochine* (yang diberi tugas mengeluarkan wang). Negara Laos diintegrasikan ke dalam sistem pencukaian dan kewangan Indo-China.

Evolusi Politik

Daripada segi politik dan pentadbiran, empat puluh tahun pertama penjajahan Perancis di Laos tidak menghasilkan sebarang perkembangan penting, selain daripada keadaan tenang dan kadangkala beku.

Status politik bagi Laos juga masih belum pasti. Konvensyen 3 Disember 1895 antara Raja Zakarine dan Ketua Residen Perancis, Boulloche, yang hanya bertujuan menentukan pentadbiran dalam negeri Laos (sebenarnya Kerajaan Luang Prabang), masih tidak mendapat pengesahan oleh kerajaan Perancis. Konvensyen kedua yang dipersetujui pada 26 Februari 1914 antara Raja Sisavang Vong dan Ketua Residen Bourcier de Saint-Chaffray juga tidak berbeza, malah perlaksanaannya pun digantung. Konvensyen ketiga ditandatangani pada 24 April 1917 antara Raja Sisavang Vong dan Gabenor Jeneral Albert Sarraut. Konvensyen ini menjadi peraturan Kerajaan Luang Prabang sehingga tahun 1941.⁹ Dalam persetujuan 21 September 1933 Laos mendapat wilayah Houa Phan (Samneua). Sebelum ini wilayah Houa Phans telah dicantumkan dengan Annam.

Usaha menentang pemberontakan telah dijalankan dengan jayanya. Menjelang Perang Dunia Pertama, hanya terdapat beberapa kawasan yang didiami oleh kaum minoriti yang masih menjadi masalah kepada Perancis.

Orang-orang bukit di Hulu Laos menghadapi beberapa masalah di antara tahun 1914-1921. Kegiatan merompak semakin meningkat di kawasan sempadan Yunan berikutan daripada revolusi di China serta penghapusan Republik Yunan oleh rejim baru di Peking. Dalam bulan November 1914, satu gerombolan China menyusup masuk sehingga Samneua dan membukanya. Putera raja di Muong Sing yang memerintahkan pembunuhan wakil Perancis, lari ke negeri China (Disember 1914) dan menimbulkan kekacauan di sempadan. Kegiatannya dapat dipatahkan dan kawasan yang diperintahnya diturunkan taraf menjadi sebuah *muong* (April 1916). Kekacauan yang dilakukan oleh gerombolan China di kawasan sempadan ini menyebabkan Perancis membentuk satu "Wilayah Tentera Ke-V" di

⁹Katay D. Sosarith. *Le Laos*, Paris, 1958, ms 52.

utara Laos dan menjadikan Phong Saly sebagai pusatnya dalam tahun 1916.

Selepas tamat Perang Dunia, kaum Meo memulakan pemberontakan yang berterusan selama dua tahun dari bulan Julai 1919 hingga Mac 1921 dan ini mengakibatkan kesulitan di wilayah Luang Prabang, Tran Ninh dan Wilayah Houa Phans. Pemberontakan ini bertujuan menubuhkan satu "negara besar yang bebas" di kawasan barat laut dan terpaksa dihapuskan dengan cara yang paling keras. Ketuanya, Batchay telah dapat dibunuh oleh orang Kha dalam bulan November 1922. Walau bagaimanapun, orang-orang Meo telah diberikan autonomi kawasan dan mereka diletakkan secara langsung di bawah pemerintahan Perancis tanpa melalui kerajaan Laos atau Vietnam.

Di kawasan rendah Laos pula, orang Kha memulakan kegiatan mereka di selatan Attopeu dan di Tanah Tinggi Boloven yang sangat diingini oleh kumpulan-kumpulan pengusaha kerana potensi ekonomi kawasan ini. Kerajaan Laos memang berusaha untuk mengintegrasikan kaum Kha ke dalam pemerintahan bersama. Ketua golongan pemberontak ini ialah Komandan yang pernah pemberontak pada awal abad dua puluh. Tetapi beliau terbunuh dalam satu pertempuran dengan pasukan pengaman pada 23 Disember 1936. Kematiannya menyebabkan berakhirnya pemberontakan di Boloven.¹⁰ Kawasan itu beransur-ansur diduduki oleh pihak berkuasa dan pusat-pusat kawalan ditubuhkan dan pada tahun 1929 seluruh kawasan dataran tinggi dapat diduduki.

Sistem politik dan pentadbiran sedikit sebanyaknya diperbaharui. Sebuah "Dewan Perhimpunan Peribumi" dibentuk dalam tahun 1923 di Vientiane. Dewan dipilih dalam satu pengundian terhad. Tugas utamanya ialah membincangkan belanjawan tahunan bagi Laos.

Seterusnya dalam tahun 1927, berlaku pemisahan kuasa pentadbiran dan perundangan. Satu sistem perundangan dibentuk dan taraf pentadbir-pentadbir *khoueng* (wilayah) dan *muong* juga diselarasakan. Organisasi wilayah juga disusun semula. Dalam tahun 1928, sebuah sekolah undang-undang dan Pentadbiran ditubuhkan di

¹⁰ *Rapport au Grand Conseil*, 1937, ms 71.

Vientiane dan bertujuan melatih pegawai tadbir dan pegawai undang-undang moden. Satu generasi baru golongan pegawai Kerajaan Laos yang terdiri daripada keluarga kaya atau bangsawan mula muncul. Latihan ini adalah perlu kerana kesukaran mendapatkan pegawai bangsa Perancis yang terlatih yang ingin berkhidmat di Laos.

Mulai tahun 1937, Laos sekali lagi terpaksa menghadapi ancaman Siam. Satu kumpulan politik yang baru mula berkuasa di Bangkok sejak tahun 1932, dan disokong oleh golongan tentera yang dipimpin oleh Jeneral Phibun Songkhram yang menunjukkan simpati mereka kepada kuasa-kuasa Axe dan beberapa teori-teori yang berbentuk perkauman. Apabila Phibun Songkhram menjadi Perdana Menteri, beliau menukarkan nama negeri Siam menjadi Thailand (Negeri Thai). Dalam propaganda yang disebarkan oleh Bangkok, Siam menggunakan ideologi baru bertujuan "mengumpulkan semua wilayah lama yang didiami oleh kaum bangsa Thai ke dalam satu kesatuan politik di bawah pemerintahannya dan ini bermula dengan negeri Kemboja dan Laos".¹¹

Selepas tercapainya persetujuan Perancis-Thai dalam bulan Disember 1937, iaitu perjanjian "persahabatan, perdagangan dan pelayaran", kerajaan Bangkok meminta agar Paris bersetuju memulakan rundingan bagi menyelesaikan masalah sempadan. Siam mahu supaya sempadan itu ditetapkan di *thalweg*, di kawasan yang terdalam dan bukannya di tebing kanan seperti yang telah dipersetujui dalam tahun 1902.

Memandangkan ancaman Jepun dan juga keinginan untuk mengelakkan ketegangan dengan Thailand mengenai masalah kecil, Perancis bersetuju menerima permintaan Siam dengan syarat mendapat jaminan-jaminan politik. Pada 12 Jun 1940, satu perjanjian baru antara Perancis dan Siam ditandatangani: ianya merupakan satu pakatan tidak mencero boh disertakan dengan perjanjian mengenai Sungai Mekong. *Thalweg* dijadikan sempadan, ini diikuti pula oleh pengguguran tuntutan hak oleh Perancis ke atas beberapa buah pulau di sungai itu. Perjanjian ini telah tidak dipersetujui oleh

¹¹Amiral Decoux, *A la barre de l'Indochine*, Paris, Plon, ms 125.

pentadbiran di bawah Gabenor Jeneral di Indo-China yang menganggapnya sebagai ancaman terhadap keselamatan wilayah Indo-China kerana pulau-pulau ini boleh digunakan untuk menyusup masuk ke Indo-China.

Siam mengambil kesempatan daripada kelemahan Perancis di Eropah untuk menjalankan semula dasar paksaannya ke atas Laos (dan Kemboja) seperti yang pernah diamalkan pada abad sebelumnya. Setelah tercapainya perjanjian Perancis-Jerman (25 Jun 1940), Bangkok memulakan kempen-kempen propaganda yang bertujuan memecah belah.

Keadaan telah menyebabkan Siam mengubah dasarnya. Sehingga September 1940, Siam menyokong Amerika-Inggeris, tetapi mulai masa itu, Siam menyokong Jepun, dengan alasan untuk menjadi "orang tengah". Mulai bulan November 1940, tentera Siam mula menjalankan kegiatan mereka di kawasan sempadan Mekong. Perancis bertindak balas, pada 17 Januari 1941, pasukan tentera laut Perancis memusnahkan satu pasukan Siam di Kohchang. Tetapi satu kata dua yang dihantar oleh Jepun menyebabkan Siam dan Perancis menghentikan kegiatan mereka (28 Januari). Tokyo campur tangan sebagai orang tengah. Satu perjanjian Perancis-Siam yang baru di Tokyo dicapai pada 9 Mei 1941. Perancis memberi semula kepada Siam dua wilayah yang pernah diterimanya dalam tahun 1902-1904, iaitu wilayah Bassac dan Paklay.

Kemarahan di Laos, terutama di Luang Prabang yang timbul daripada penyerahan wilayah ini menyebabkan kerajaan Vichy, menasihatkan Gabenor Jeneral Decoux supaya membayar ganti rugi kepada Raja Sisavang Vong. Satu konvensyen baru diadakan pada 29 Ogos 1941 antara Marshall Petain dan Raja Sisavang Vong. Konvensyen ini mengesahkan naungan Perancis ke atas Luang Prabang, seterusnya memberikannya tiga wilayah baru (Hulu Mekong, Tran Ninh dan Vientiane). Kerajaan Luang Prabang kini merupakan satu kawasan yang merangkumi semua wilayah utara Laos yang di bawah Perancis.

Bagi Laos, tindakan ini menyatukan semula kerajaan lama Vientiane dan Xieng Khouang dengan Luang Prabang. Keluarga diraja Vientiane diwakili oleh seorang pegawai tinggi, Putera Pethsath, anak kepada *Oupahat Boun Khong* (yang meninggal dalam

tahun 1920).¹² Sementara itu anak kepada Raja Sisavang Vong, Putera Savang dilantik menjadi Raja Muda, dan Pethsarath terpaksa menggugurkan semua haknya ke atas wilayah Vientiane dan "berseutu" untuk menjadi Perdana Menteri, walaupun masih mengekalkan gelaran lama *Tiao Maha Oupahat*.

"Revolusi dinasti" ini diikuti pula oleh pembaharuan politik. *Hosanam Luang* ditukarkan dengan rasminya menjadi Majlis Menteri-menteri dengan Perdana Menteri sebagai ketuanya dan mengandungi 4 menteri (Dalam Negeri dan Pertahanan, Kewangan Diraja dan Pelajaran, Ekonomi dan Kerjaya, Keadilan dan Kebudayaan (Ordinan 20 Oktober 1941). Pesuruhjaya Perancis yang ditempatkan di Istana dihapuskan. Dewan Perhimpunan Peribumi telah dihapuskan setahun sebelum itu.

Walau bagaimanapun, pembaharuan-pembaharuan ini tidak membawa apa-apa perubahan, selain daripada menambahkan perbelanjaan kepada ketua negara dan beberapa pembesar. Laos masih lagi diperintah oleh rejim yang sama seperti sebelumnya. Menteri-menteri tidak diberi kuasa politik sebenar dan tugas mereka juga tidak seberapa. Secara teorinya, menteri-menteri bertanggungjawab kepada raja, tetapi daripada segi praktiknya, mereka di bawah kuasa Perancis yang mesti memberi persetujuan terhadap penamaan mereka. Mereka hanyalah pegawai tinggi yang bertugas atas nama raja bagi menyelaraskan hal-ehwal tempatan dan bertindak sebagai orang tengah antara pentadbiran wilayah dan Ketua Residen. Segala kuasa dan keputusan terletak di tangan Ketua Residen.¹³

Laksamana Decoux, Gabenor Jeneral Indo-China mempunyai fikiran yang berbeza daripada rakan-rakan seawat sebelumnya. Beliau menganggap penting menjadikan Indo-China sebagai sebuah persekutuan (sejak 1940, Persekutuan Indo-China tidak lagi diperkatakan) di samping menggalakkan "semangat cintakan tanahair" dan kembali kepada "prinsip-prinsip sebuah sistem naungan yang liberal dan cara pemerintahan secara tidak langsung yang lebih selamat. Begitu juga membentuk elit tempatan, pegawai-pegawai baru yang

¹²Boun Khong mempunyai beberapa orang anak hasil perkahwinannya dengan Puteri Thongsy. Salah seorang daripadanya ialah Pethsarath, lahir dalam tahun 1890 di Luang Prabang dan menuntut di Ecole Coloniale de Paris (1905-1966), juga di Oxford sebelum pulang ke Laos dalam tahun 1918.

¹³Katay D. Sasorith, *op. cit.*, ms 51-52.

diperlukan di semua negeri dalam Persekutuan itu.

Pada akhir tahun 1941, usaha-usaha gigih dijalankan di Laos "bagi menukar negeri ini daripada cara lama ... membimbingnya ke arah keperluan kehidupan moden dan kemajuan".¹⁴ Institut Pentadbiran di Vientiane disusun semula dan latihan untuk pegawai-pegawai dipertingkatkan. Sekolah-sekolah dan dispensari dibina di kampung-kampung. Satu "gerakan rakyat Lao" dilancarkan bertujuan menentang propaganda Siam. Decoux menulis: "di sebalik sifat berhati-hati dan bentuknya yang secara tidak langsung, gerakan ini ditujukan kepada semua rakyat Laos, Siam dan Perancis, dan memupuk semangat cintakan "negara Laos yang besar" supaya terkumpul semua putera-putera daripada keluarga besar ini yang sekarang terpisah untuk sementara.¹⁵ Bangkok merasa bimbang tentang sambutan terhadap gerakan ini terutama di kawasan timur laut terus yang didiami oleh bangsa Lao yang telah dipaksa berpindah oleh Siam dari tempat asal mereka.

Pemerintahan rejim Decoux di Laos lebih banyak meninggalkan kesannya di bidang kerja raya dan binaan. Bangunan kerajaan banyak dibina. Kerja-kerja membaiki Wat Pra Keo di Vientiane siap dalam bulan Mac 1942. Usaha-usaha juga dibuat bagi melengkapkan negara itu di bidang perhubungan jalan raya. Jalan Vang Vieng-Phou Khoun sepanjang 71 km di antara Vientiane dan Luang Prabang siap untuk digunakan dalam bulan Mac 1942. Dalam bulan April 1943, jalan di antara Thakhek-Pak Sane (yang selari dengan Sungai Mekong) juga siap dibina. Dengan adanya jalan-jalan ini maka perjalanan di antara Saigon-Luang Prabang melalui jalan raya boleh dilakukan pada musim kemarau. Begitu juga dengan jalan yang menghubungkan Pak Sone-Savannakhet yang boleh digunakan sepanjang masa dibuka kepada kenderaan, di samping jalan dari Vinh-Thakhek ke arah Boloven dan sebatang jalan lagi, Saravane-Muong Phine yang sejajar dengan banjaran Annam.

Tetapi dalam tahun 1945, Laos seperti juga negara lain di Indo-China telah diseret ke dalam peristiwa yang sedang bergolak di kawasan itu.

Mulai musim runtuh tahun 1944, terdapat beberapa kelemahan

¹⁴Decoux, *op. cit.*, ms 408.

¹⁵*Ibid.*, 409.

dalam gerakan yang menyokong pihak Berikat di Indo-China, juga kemungkinan pihak Perancis di Indo-China bekerjasama dengan Inggeris-Amerika di Culcutta, Kunning atau Manila menyebabkan Jepun mengambil langkah keras untuk mempertahankan kedudukan mereka di Indo-China. Kata dua yang dihantar oleh Jepun memeranjatkan Perancis. Pada 9 Mac 1945, tentera Jepun telah berjaya menghalau keluar pentadbiran Perancis dari Indo-China. Di Laos, askar-askar Perancis dan Jepun bertumpu di Thakhek, tetapi kebanyakan daripada askar-askar Perancis dapat melarikan diri ke hutan dan membuat persediaan.

Perkembangan politik terus berlaku. Pada 10 Mac, Jepun meminta raja di Luang Prabang mengisytiharkan kemerdekaan Laos. Pada 16 Mac, Putera Mahkota, Savang bertindak dengan menyeru rakyat supaya memberontak.¹⁶ Pihak berkuasa Jepun menghantar sepasukan tentera yang didatangkan dari Vinh dan tiba di Luang Prabang pada 5 April 1945. Tiao Savang dihantar ke Saigon dan dipaksa membuat pengisytiharan menyokong Jepun dalam bulan Mei.¹⁷ Pada 8 April, Raja Sisavang Vong mengisytiharkan kemerdekaan Laos, dan menyatakan harapannya agar wilayah yang diambil oleh Siam dalam tahun 1941 dikembalikan kepada Laos. Seorang "penasihat tertinggi" Jepun ditugaskan membantu raja di Luang Prabang, tetapi Jepun mengembalikan semula tugas-tugas Ketua Residen di Thakhek. Di Vientiane, Perdana Menteri, Putera Pethsath memberi sokongan kepada Jepun walaupun secara berhati-hati dan sederhana dan sambil mengelakkan dirinya daripada bersikap anti-Perancis, memulakan perjuangan untuk kemerdekaan.

¹⁶Pierre Gentil, *Remous du Mekong*, Paris, Lavauzelle, 1950, ms 28.

¹⁷Perisytiharan ini menyebut semua rakyat Laos bangga dengan kemerdekaan yang baru mereka capai. Laos akan memberikan sokongan kepada Jepun dalam perang ini. Cita-cita Jepun ialah untuk mengembalikan kemerdekaan kepada rakyat Asia yang tertindas. Saya menghargai tujuan yang mulia ini dan saya berharap bangsa yang besar ini berjaya dalam peperangan dan makmur apabila kembalinya keamanan. (dipetik oleh P. Gentil, *op. cit.*, ms 28).

7

KEMERDEKAAN DAN PENYATUAN

ANGKATAN tentera Jepun tidak berupaya mengawal Laos pada ketika itu. Pasukan-pasukan bersama Perancis-Laos dengan bantuan daripada Inggeris di Culcutta dapat bertahan dan memberi ancaman kepada Jepun. Mereka mendapat sokongan terutama sekali daripada Putera Boun Oum dari Champassak (Bassac) di selatan dan daripada ketua kaum Meo, Tuby Lifuñg di kawasan timur laut Laos.

Apabila Jepun menyerah kalah (15 Ogos 1945), kebanyakan daripada tentera Jepun di Laos melarikan diri ke Thailand. Tentera China telah diberi tugas untuk melucutkan senjata askar-askar Jepun serta mengawal mereka di utara garis lintang 16°, tetapi askar-askar Jepun memilih untuk menyerah diri kepada pihak Inggeris di selatan tersebut dan juga di Thailand. Tentera China bergerak di sepanjang Sungai Mekong sehingga Savannakhet.

Pada 1 September ketika askar-askar Perancis cuba mengambil semula kawasan di sekitar Luang Prabang, Tiao Pethsarath mengisahkan perisytiharan kemerdekaan yang dibuat pada 8 April. Kedudukan beliau diperkukuhkan dengan adanya tentera China yang menjadi halangan kepada Perancis untuk kembali di bandar-bandar. Beliau juga telah mempunyai hubungan dengan golongan revolusioner Vietnam dan pada 14 September, beliau mengumumkan pembentukan sebuah "kerajaan Laos yang bebas dan merdeka" (*Lao Isara*) serta penyatuan negara di bawah pimpinannya dengan menyatukan Luang Prabang dan empat wilayah lain di selatan. Pada 4 Oktober, beliau menyeru negara-negara Berikat supaya mengiktiraf kemerdekaan Laos.

Tetapi pada 10 Oktober, di Luang Prabang, Raja Sisavang Vong yang menerima kunjungan wakil Perancis telah melucutkan tugas Pethsarath sebagai Perdana Menteri. Satu jawatankuasa rakyat Laos yang bermesyuarat di Vientiane telah menggubal satu perlembagaan pada 12 Oktober, iaitu perlembagaan sementara negara Laos yang bersatu serta membentuk sebuah kerajaan sementara yang bertanggungjawab kepada Dewan (sementara) Rakyat. Pada hari yang sama juga, kerajaan ini yang dikenali sebagai *Pathet Lao* ditubuhkan. Ianya diketuai oleh Phaya Khammao, gabenor wilayah Vientiane dan terdiri daripada lebih daripada sepuluh orang menteri yang salah seorang daripadanya ialah Souvanna Pheuma, saudara kepada Pethsarath. Kerajaan baru ini telah mengisytiharkan pembatalan semua perjanjian yang telah dibuat dengan Perancis. Tugas mereka sekarang ialah untuk menyatukan negara, mengukuhkan kemerdekaan dan menyediakan rakyat ke arah perkembangan politik moden.

Raja masih menunjukkan penentangannya dan melucutkan Pethsarath daripada gelaran *Oupahat*. Dewan Rakyat mengambil keputusan pada 20 Oktober melucutkan raja dari takhta dan mengisytiharkan yang puteranya juga hilang haknya ke atas takhta. Pethsarath mengambil alih tugas Ketua Negara.

Saudara tiri kepada Pethsarath, Putera Souphanouvong¹ yang berada di Vietnam semasa Jepun menyerah kalah, yang telah bertemu dengan Ho Chi Minh, mengumumkan yang Vietnam Utara menyokong penuh Kerajaan Vientiane. Apabila beliau pulang ke Vientiane pada 1 November, beliau dilantik menjadi Menteri Pertahanan dan mengetuai angkatan bersenjata *Lao Isara*. Dengan sokongan yang diberi oleh orang Vietnam di Laos (mereka ini terdapat di Thakhek dan Vientiane), beliau membimbing kerajaan *Lao Isara* ini ke arah yang lebih radikal. Pada 10 November, Raja Sisavang Vong, seperti mana juga Bao Dai di Annam, turun dari takhta dan bersetuju menerima kuasa kerajaan sementara sebagai kerajaan yang

¹Tiao Souphanouvong dan Pethsarath berlainan ibu - Pethsarath ialah putera kepada Puteri Thongsi sementara Tiao Souphanouvong adalah putera daripada seorang isteri Boun Khang yang lain. Beliau dilahirkan pada 12 Julai 1912 dan bersekolah di Hanoi, kemudiannya di Paris. Beliau adalah lulusan *Ecole des Ponts et Chaussées* dalam tahun 1937. Setelah pulang ke Indo-China dalam tahun 1938, beliau bekerja sebagai jurutera di Annam dan berkahwin dengan seorang wanita Vietnam.

sah. Satu perjanjian persahabatan dan pertahanan ditandatangani antara Pathet Lao dan Republik Demokratik Vietnam.

Raja Lao Isara dan Perancis

Perancis terus berusaha mengukuhkan kedudukan mereka. Di selatan, dengan bantuan British dan sokongan daripada Putera Boun Oum dan penyokong-penyokongnya, Perancis mula bertapak di Pakse dan terus mara sehingga Savannakhet-Lao Bao melalui Tanah Tinggi Boloven. Di kawasan timur laut, gerila Meo yang disokong Perancis bergiat cergas di Tran Ninh. Di utara pula, askar-askar China menduduki Phong Saly dalam bulan Februari 1946. Pada masa yang sama Paris berunding dengan kerajaan Chungking. Apabila sahaja kerajaan China bersetuju mengundurkan tenteranya dari Laos dan tempatnya digantikan oleh Perancis, (perjanjian 28 Februari 1946), maka tentera Perancis memulakan serangan.

Pada 10 Mac, askar Perancis menduduki Savannakhet dengan persetujuan Thao Leuam Insisiengmay iaitu ipar kepada Boun Oum. Pada 22 Mac, selepas pertempuran sengit, mereka mengambil Thakhet yang dipertahankan oleh Souphanouvong yang terpaksa dipindahkan kerana cedera.

Memandangkan yang Perancis semakin kuat dan askar-askar China telah keluar selepas perjanjian Perancis-Vietnam (6 Mac 1946), kerajaan Pethsarath-Khammao merasakan perlu untuk berbaik semula dengan raja Laos yang pro-Perancis. Satu perwakilan dihantar ke Luang Prabang dan memujuk supaya Raja Sisavang Vong menaiki semula takhta sebagai raja berperlembagaan dan menteri kerajaan yang ditubuhkan pada 12 Oktober.

Tetapi pada 24 April, tentera Perancis mengambil Vientiane dan kerajaan Khammao, Pethsarath terpaksa lari ke Bangkok. Pada 13 Mei, Luang Prabang pula diduduki. Raja menolak kerajaan Khammao dan melantik puteranya, Savang sebagai Perdana Menteri.

Dalam bulan Jun, satu jawatankuasa bersama dibentuk bagi menyediakan *modus vivendi* tentang hubungan Perancis-Lao. *Modus vivendi* ini ditandatangani di Vientiane pada 27 Ogos 1946 bagi membincangkan masalah penyatuan Laos. Seluruh negara itu diletak di bawah pemerintahan raja Luang Prabang, iaitu raja berperlembagaan. Pusat pentadbiran dan politik akan ditempatkan di Vientiane. Laos diberi ekonomi dalam negeri dan adalah sebahagian

daripada Persekutuan Indo-China dan Kesatuan Perancis. Kebanyakan daripada perkhidmatan moden masih daripada pentadbiran persekutuan. Kemerdekaan Laos adalah sebahagian besarnya hanya pada nama sahaja, tetapi semua pemerintahan secara langsung oleh Perancis dihapuskan. Penasihat-penasihat Perancis akan membantu menteri-menteri dan ketua-ketua di peringkat wilayah serta menyelaras perkhidmatan di setiap peringkat.

Putera Boun Oum yang pernah disebut oleh setengah-setengah golongan sebagai pemimpin politik di Laos Selatan kini terpaksa "menggugurkan hak kedaulatannya di Champassak", tetapi dibenarkan mengekalkan gelarnya sebagai Putera Champassak. Tetapi penolakan hak ini hanya melibatkan Putera itu sahaja, sementara keturunannya tidak terikat. Beliau dilantik sebagai Inspektor Jeneral kerajaan. Ia merupakan kemenangan besar yang dicapai oleh Istana Luang Prabang dan Putera Savang ke atas keluarga Vientiane (Pethsarath) dan kawasan selatan.

Seterusnya Perancis berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah yang diambil oleh Siam untuk Laos dalam bulan Mei 1941 (Perjanjian Washington, 15 November 1946). Untuk menguatkan permintaan mereka, Putera Savang juga datang ke Washington bersama perwakilan Perancis. Beliau sangat tertarik hati dengan apa yang dilihatnya tetapi tetap menolak tawaran kewangan Amerika.²

Pilihanraya bagi Dewan Rakyat yang mempunyai 44 orang ahli diadakan di seluruh negara pada 15 Disember 1946. Putera Savang yang dilantik menjadi Putera Mahkota, meninggalkan jawatannya sebagai Perdana Menteri. Jawatan ini diberi kepada Putera Souvanarath, salah seorang saudara Pethsarath yang pro-Perancis pada 15 Mac 1947. Perbincangan mengenai perlembagaan menunjukkan terdapat tentangan terhadap tindak tanduk dan semangat yang ditunjukkan oleh Istana Luang Prabang serta Putera Savang. Beliau telah pergi ke Amerika Syarikat dan hanya pulang ke Laos pada akhir tahun 1947. Perlembagaan yang dipilih pada 26 April itu mula berkuatkuasa pada 11 Mei 1947. Laos dijadikan sebagai kerajaan raja berperlembagaan, raja menjalankan kuasa bersama dengan Dewan Perhimpunan Kebangsaan dan Majlis Raja.

²P. Gentil, *Remous du Mekong*, *op. cit.*, ms 85.

Walau bagaimanapun, keadaan di Laos masih tidak memuaskan. Ekonominya terjejas disebabkan oleh operasi-operasi yang dijalankan oleh tentera China. Satu pengunduran secara beramai-ramai orang Vietnam (pekerja, pegawai, peniaga dan lain-lain) dari Laos, mengurangkan jumlahnya daripada 50 000 orang dalam tahun 1944 kepada 6 000 pada akhir tahun 1946. Pentadbiran Laos yang baru juga tidak dapat memperbaiki keadaan jalan raya, bangunan, perkhidmatan perubatan dan hospital dan lain-lain, yang semakin buruk. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati kaum minoriti (Kha, Meo, dan lain-lain) yang melihat diri mereka sebagai mangsa golongan berpengaruh Lao.

Pada awal tahun 1947, operasi tentera mula dijalankan di kawasan pergunungan Annam, di wilayah Samneua sehingga ke Saravane-Attopeu. *Lao Isara* di bawah pimpinan Tiao Souphanouvong cuba melancarkan serangan mulai Mac 1947, tetapi gagal. Laos menghadapi masalah keselamatan akibat perang Perancis-Vietnam yang turut melibatkan negara itu.

Tetapi keadaan tegang disebabkan keadaan dalam negeri Laos sendiri mula ketara. Istana Luang Prabang dan golongan bangsawan di utara Laos telah mengambil kesempatan daripada *modus vivendi* dan perlembagaan Laos untuk meluaskan pengaruh mereka dan kepentingan ekonomi di kawasan selatan dan kawasan yang didiami oleh kaum minoriti (terutama di wilayah Xieng Khouang dan Samneua). Orang Meo dan orang Kha yang mempunyai banyak pengalaman dalam perang gerila anti-Jepun, semakin tidak puas hati dengan sikap pegawai-pegawai Lao. Mereka mula melengkapi diri dengan senjata-senjata moden. Golongan bangsawan dan borjuis di selatan juga cuba mendapatkan pengiktirafan hak dan kedudukan mereka oleh kerajaan Vientiane. Setelah beliau pulang dari menjalani rawatan perubatan di Perancis dalam tahun 1948, Boun Oum menampakkannya sebagai pemimpin politik di selatan, dan ini menimbulkan kebimbangan di Luang Prabang.

Dalam bulan September 1947, Souphonouvong yang baru pulang dari menghadiri satu persidangan gerakan pembebasan kiri Asia Tenggara di Oudorn (Siam) telah berpisah dengan rakan-rakannya dalam *Lao Isara*. Ini disebabkan beliau tidak berjaya memujuk mereka menerima satu program tindakan bersama dengan kerajaan Pembebasan Vietnam. Beliau berpindah ke utara Siam (Nan dan

Chiengmai). Dari sana dan melalui Burma, beliau mengetuai aktiviti-aktiviti pembebasan di utara Laos (yang dibantu oleh China dan Vietnam) dan di kawasan pergunungan Annam (bantuan datangnya dari Vietnam). Dalam bulan Februari 1949, Souphanouvong membentuk satu barisan politik dalam tentera *Lao Isara*. Pusat kegiatannya ialah di Do Luong (sempadan Laos dengan Vietnam tengah) dan beliau ditemani oleh rakan seperjuangannya di Savannakhet, iaitu Kaysone. Beliau mendapat sokongan daripada satu keluarga yang berpengaruh di Thakhek, Singkapo Choulamany, serta sokongan daripada kumpulan orang Meo yang menentang mereka yang berkuasa di Xieng Khouang yang diketuai oleh Fay Dang. Sikap ini menyebabkan terputus hubungannya dengan Bangkok. Pada 16 Mei 1949, atas permintaan "rakan sejawatnya" Katay D. Sasorith, Souphanouvong telah dilucutkan daripada tugasnya sebagai Menteri Luar dan Ketua Turus Angkatan Bersenjata *Lao Isara*.

Sejak akhir 1947, terdapat bibit perpecahan di antara golongan "radikal" dan "sederhana" dalam *Lao Isara*. Golongan sederhana bimbang akan pengaruh Vietnam dalam gerakan nasionalis Indo-China dan juga terpaksa mengambil kira nasihat-nasihat dari Amerika (yang antikomunis). Mereka menjauhkan diri daripada Putera Souphanouvong yang menentang sebarang kompromi dengan Perancis, sementara saudaranya Souvanna Phouma bersetuju ke arah penyelesaian ini. Tetapi syarat-syarat kerjasama yang dinyatakan oleh Vientiane tidak dapat diterima.

Golongan bangsawan tradisional Laos serta kalangan berpengaruh di Luang Prabang dan Vientiane, seperti juga Bao Dai di Vietnam, meminta kemerdekaan yang lebih daripada Perancis kerana takut dituduh oleh *Lao Isara* sebagai "tidak berguna". Perlantikan Boun Oum sebagai Perdana Menteri menggantikan kerajaan yang dipimpin oleh Souvannarath pada 18 Mac 1949, mewujudkan satu keadaan yang lebih baik untuk rundingan-rundingan dengan Perancis. Satu "persetujuan umum Perancis-Laos" tercapai pada 19 Julai 1949. Laos mendapat kemerdekaannya sebagai sebuah negara dalam Kesatuan Perancis. Laos juga berhak mempunyai tenteranya sendiri serta menubuhkan perwakilan diplomatik di Bangkok dan Washington.

Kementerian Laos menimbulkan reaksi di Bangkok kerana kumpulan *Lao Isara* yang "sederhana" yang kini semakin lemah

kerana masa-masa yang "sangat sederhana" dan penyokong-penyokong Souphanouvong telah keluar meninggalkan gerakan tersebut yang menyebabkan mereka mula memikirkan tentang masa depan perjuangan mereka. Hubungan secara sulit diadakan dengan Perancis, Pethsarath yang masih keras pendiriannya disingkirkan daripada jawatan sebagai ketua gerakan tersebut. Pada 24 Oktober, kerajaan *Lao Isara* mengumumkan pembubarannya. Ahli-ahlinya yang dipimpin oleh Souvanna Pheuma dan Katay D. Sasorith pulang ke Vientiane, tetapi Pethsarath terus tinggal di Bangkok sehingga 1957.³

Ini merupakan satu kemenangan besar kepada kerajaan Boun Oum dan Perancis. Kesatuan politik Laos dapat dikembalikan kerana penentangan dari Souphanouvong dianggap tidak lagi merbahaya. Perancis mendapat sokongan Amerika dan nampaknya berjaya dalam usaha mereka menyokong Bao Dai bagi menentang "pemberontakan" Vietnam. Dasar berbaik-baik yang diamalkan oleh Boun Oum ini telah menghasilkan konvensyen 6 Februari 1953 yang ditandatangani oleh Laos dan Perancis yang memberikan kepada Laos hak menjalankan pentadbiran dalam berbagai bidang. Laos mendapat kembali kedaulatannya apabila Perancis menyerahkan kuasa kepada Raja Sisavang Vong. Pada 7 Februari 1950, Amerika dan Britain mengiktiraf kerajaan dan kemerdekaan Laos.

Kerajaan Laos dan "Pathet Lao"

Pengiktirafan antarabangsa serta kedatangan perwakilan ekonomi Amerika yang bertujuan meninjau kemungkinan memberi bantuan kepada Laos menimbulkan beberapa reaksi di kalangan politik Laos. Timbul kepercayaan yang Perancis akan melepaskan tanggungjawab mereka di Indo-China kepada Amerika, kalangan politik Laos ini cuba untuk mendapatkan keuntungan daripada keadaan baru ini. Pada 25 Februari 1950, Boun Oum yang menjadi sahabat baik Perancis, telah melantik Phoni Sananikone dari Vientiane untuk mengetuai kerajaan. Sananikone diketahui mempunyai hubungan yang lama dengan Amerika. Persidangan di Pau, Perancis

³Lihat Katay D. Sasorith, *La Laos, op. cit.*, ms 131-140 dengan Arthur Dommen, *Conflict in Laos*, London, Pall Mall, 1964.

menghasilkan persetujuan tentang penubuhan satu blok ekonomi Indo-China di bawah Perancis yang akan bertindak sebagai penerima bantuan dari Amerika untuk dibahagikan kepada ketiga-tiga negara Indo-China.

Laos mendapati dirinya terseret ke dalam pergolakan kuasa-kuasa besar berikutan daripada kemenangan komunis di China dan perang di Vietnam yang berterusan.

Souphanouvong meninggalkan Bangkok dalam bulan Oktober 1949 untuk pergi ke Tonkin tempat terletaknya pusat gerakan yang diketuai oleh Ho Chi Minh. Beliau mengharapkan mendapat bantuan bekalan senjata dan wang daripada Vietnam. Beliau juga mendapat tunjuk ajar tentang hal-hal politik, tentera, perang gerila dan taktik peperangan dan hubungan dengan kaum minoriti, serta mempelajari prinsip-prinsip politik yang penting daripada Ho dan Giap. Gerakan pembebasan Laos tidak lagi dapat mengharapkan apa-apa dari Negeri Thai (yang menyokong Amerika), tetapi dari Vietnam, yang disokong oleh China dan Rusia.

Pada 13 Ogos 1950, "Kongres Pertama rakyat *Pathet Lao*"⁴ diadakan. Kongres terdiri daripada beberapa kumpulan yang mewakili "semua lapisan masyarakat, kumpulan minoriti dan semua kawasan sama ada yang masih diduduki ataupun sudah dibebaskan" dan mereka bersetuju membentuk satu "Barisan Bersatu Rakyat Lao" (*Neo Lao Isara*). Sebuah jawatankuasa eksekutif dilantik dan Souphanouvong dilantik menjadi pengerusinya. Sebagai satu gerakan pembebasan kebangsaan Laos yang bercorak demokratik, mereka mengambil keputusan menubuhkan sebuah kerajaan sementara untuk pembebasan sebagai menggantikan kerajaan yang dimansuhkan di Bangkok. Putera Souphanouvong dilantik menjadi ketua kerajaan *Pathet Lao* ini dan Kaysone Phomvihian sebagai Menteri Pertahanan dan Phoumi Vongvichit sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kerajaan *Pathet Lao* mengumumkan satu manifesto 12 perkara. Di dalam manifesto ini mereka menuntut kemerdekaan sepenuhnya bagi Laos dan pembentukan sebuah kerajaan campuran bagi menyatupadukan negara dan mengembalikan keamanan. Idea

⁴*Pathet Lao* dalam bahasa Laos bererti "Negeri Laos" (Katay D. Sasorith, *op. cit.*, ms 24)

Barisan Bersatu, kerajaan campuran ini merupakan asas Demokrasi Baru yang dilancarkan oleh Mao Tze-Tong.

Dalam bulan September 1950, Souphanouvong dan gerakannya pulang ke Laos, di wilayah Samneua, yang bersempadan dengan Vietnam Utara. Dalam bulan Februari 1951, beliau menghadiri kongres pertama *Lao Dong* (Parti Pekerja Vietnam), dan pada 11 Mac 1951, ketiga-tiga gerakan pembebasan Indo-China (Vietnam, Khmer dan Lao) membentuk satu pakatan berasaskan kepada persamaan, saling bantu-membantu dan menghormati kedaulatan negara masing-masing. Yang pentingnya ialah Souphanouvong mendapat sokongan daripada salah seorang pemimpin Kha dari Boloven, iaitu Sithone Komadan, anak kepada ketua orang Kha yang mengetuai pemberontakan tahun 1902-1907 dan terbunuh dalam tahun 1936. Keadaan ini sama seperti yang pernah berlaku pada abad ke-18: Xieng Khouang dan Cammon yang disokong oleh Vietnam bagi menentang Vientiane dan Luang Prabang yang merupakan sekutu Perancis dan disokong oleh Thailand (sekarang ini disokong oleh Amerika).

"Bahaya" yang ditimbulkan oleh Souphanouvong ini memaksa kumpulan-kumpulan yang berpecah-pecah di Laos bersatu semula. Mereka menganggap penting agar "orang yang menyokong Bangkok" dan orang yang di selatan tidak memihak kepada pembangkang.

Pilihanraya bulan Ogos 1951 memberikan kemenangan kepada parti progresif (termasuk bekas *Lao Isara* yang diketuai oleh Souvanna Phouma), juga kepada calon-calon bebas yang diketuai oleh Phoui Sananikone, Perdana Menteri. Pada 15 Oktober, Sananikone meletak jawatan, bersama dengan kabinetnya. Pada 28 November, Souvanna Phouma disahkan oleh Dewan Rakyat untuk mengetuai kerajaan dan membentuk sebuah kerajaan. Antara ahli kabinetnya ialah Phoui Sananikone, orang kuat (naib Presiden Dewan, Menteri Dalam Negeri dan Pertahanan), Nhouy Abhay yang berasal dari selatan (memegang jawatan di Kementerian Luar, Pelajaran dan Penerangan serta Katay D. Sasorith (Kewangan dan Ekonomi).

Masalah utama yang dihadapi ialah daripada segi ketenteraan. *Pathet Lao* yang disokong oleh Vietnam meneruskan kegiatan mereka. Sejak tahun 1952, kawasan Tanah Tinggi Boloven di selatan menjadi pusat kegiatan gerila di bawah pimpinan Sithone. Di timur

laut Laos pula, iaitu di kawasan Samneua dan Xieng Khouang, satu "kawasan bebas" diwujudkan dan pemimpinya mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin Boloven.

Pada musim bunga 1953, Tentera Rakyat Vietnam melancarkan serangan di bahagian utara Laos. Askar Perancis terpaksa berundur dari Samneua. Souphanouvong membuka pusat pemerintahannya di situ dalam bulan Mac 1953. Beliau menyatakan yang beliau sahaja-lah "kuasa yang sah *Pathet Lao*" dan mengumumkan "lapan perkara" tentang kerajaan Pembebasan. Di bahagian barat pula, tentera Vietnam menyusup masuk ke arah Luang Prabang, ibu negeri Laos. Mereka berjaya mengambil Nam Bac, kemudiannya berundur. Mereka juga menolong orang Kha di kawasan Hulu Laos membentuk gerakan penentangan yang kemudiannya menghasilkan satu "kawasan bebas" dari Hulu Laos hingga ke Phong Sale.

Melalui Perjanjian 1949 dan 1950, Perancis terus bertanggungjawab terhadap pertahanan Laos. Tetapi nampaknya Perancis tidak berupaya untuk menentang ancaman Vietnam. Keraguan ini timbul di Vientiane. Negeri Thai dan Amerika merasa bimbang tentang apa yang berlaku di Laos. Bangkok cuba menarik minat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Washington tentang masalah ini. Dalam bulan April 1953, Presiden Eisenhower menghantar tentera Amerika ke Thailand dan mereka ini ditempatkan di kawasan bersempadan dengan Laos. Sementara itu, pentadbiran Amerika membuat tekanan-tekanan terhadap Perancis supaya memberikan kemerdekaan sepenuhnya kepada negeri-negeri Indo-China.

Pada 3 Julai 1953, kerajaan Perancis menyatakan kesediaannya untuk "memberikan kemerdekaan penuh Negara-Negara Bersekutu" di Indo-China. Pada 24 Ogos, Putera Souvanna Phouma meminta agar semua pentadbiran yang masih dipegang oleh Perancis diserahkan kepada kerajaannya. Rundingan-rundingan dimulakan pada 15 Oktober sehingga 22 Oktober. Rundingan ini menghasilkan perjanjian "persahabatan dan persekutuan" antara Perancis dengan Laos. Perancis juga mengiktiraf Laos sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, walaupun masih kekal sebagai ahli dalam Kesatuan Perancis atas pilihannya sendiri.

Peperangan antara Perancis dengan Vietnam meletus di Dien Bien Phu dan merebak ke bahagian barat laut Laos, berhampiran dengan Luang Prabang dan seterusnya sehingga ke Mekong, di

Thakhek (Januari 1954) dan di selatan di Tanah Tinggi Boloven dan sempadan Kemboja (Mac-April 1954). Serangan Vietnam ini mem-bimbangkan raja dan kerajaan Vientiane serta memusnahkan eko-nomi dan perhubungan di Laos. Percubaan dijalankan bagi meng-gantikan kerajaan Souvanna Phouma dengan sebuah "kerajaan yang kuat" yang akan menerima campur tangan Amerika dan Thai. Tetapi Perancis dan penyokong mereka masih kuat dan dapat berbuat sesuatu. Kerajaan Souvanna Phouma dirombak semula, dan Phoui Sananikone yang pro-Amerika dilantik menjadi Menteri Luar. Beliaulah yang mengetuai perwakilan Laos ke Persidangan Geneva.

Di Geneva, Vietnam Utara cuba menggantikan perwakilan kerajaan Vientiane dengan perwakilan *Pathet Lao* yang dipimpin oleh Nouhak Phoumsavan yang tiba bersama wakil Vietnam. Tetapi pihak Barat menolaknya dan blok lima juga tidak menunjukkan keinginan mereka untuk memasukkan perwakilan *Pathet Lao* ini di meja perundingan. Masalah Laos, seperti juga Kemboja, dapat diasingkan daripada masalah Vietnam berikutan daripada kelong-garan yang dibuat oleh Chou En-Lai. Masalah Vietnam merupakan masalah utama bagi semua kuasa yang menghadiri persidangan. Setelah beberapa minggu perbincangan dijalankan, China, Rusia dan Vietnam Utara bersetuju mengiktiraf kemerdekaan Laos dan kerajaan Vientiane. Satu gencatan senjata, pengecualian tentera negara Laos dan integrasi pihak pembangkang berhaluan kiri dibin-cangkan dan dipersetujui pada 21 Julai 1954.

Perjanjian Geneva mengenai Laos menyatakan gencatan senja-ta akan diadakan pada 6 Ogos di antara tentera Perancis dengan Vietnam Utara serta rakan-rakan mereka. Tentera Vietnam Utara mestilah berundur dari Laos dalam masa 120 hari. Tentera *Pathet Lao* akan ditempatkan di wilayah Phong Saly dan Samneua sementa-ra menunggu integrasi politik dan ketenteraan. Laos tidak dibenar-kan mengadakan pangkalan asing di negara itu (kecuali Perancis yang dibenarkan mengekalkan pangkalan udara di Seno), juga tidak akan menempatkan tentera asing (kecuali beberapa kontinjen Peran-cis yang ditugaskan untuk melatih tentera Laos). Akhirnya, Laos tidak dibenarkan memasuki sebarang pakatan yang bertentangan dengan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Persidangan ini memberikan hasil yang penting kepada Laos. Kemerdekaan negara itu diiktiraf di peringkat antarabangsa dan oleh kedua-dua blok. Laos juga mencapai pengecualian tentera. Penerapan politik kumpulan-kumpulan yang sebelum ini enggan menerima kuasa golongan kanan konservatif menolong menstabilkan keadaan. Ini juga bererti pengaruh golongan bangsawan Laos yang sebelumnya menguasai seluruh pemerintahan Laos sama ada di utara ataupun selatan tercabar. Penyatuan antara kerajaan Vientiane dengan *Pathet Lao* masih belum tercapai. *Pathet Lao*, yang tidak dibenarkan menandatangani Perjanjian Geneva, menganggap yang ia tidak terikat kepada perjanjian itu daripada segi politik.

Integrasi dan Kerajaan Campuran

Masalah-masalah segera timbul di Laos. Pada 18 September, Menteri Pertahanan Laos, Kou-Vovavong yang pro-Perancis telah dibunuh selepas menghadiri jemputan makan malam di rumah Phoui Sananikone. Sananikone sangat terkejut dan meletak jawatan sebagai Menteri Luar dan Dalam Negeri. Sebulan selepas itu, Souvanna Phouma pula terpaksa mengumumkan perletakan jawatan seluruh anggota kabinetnya berikutan daripada tekanan-tekanan asing. Beliau sedar yang perwakilan Amerika di Laos memusuhinya dan membiarkan sahaja kegiatan-kegiatan golongan pro-Amerika. Sikap Phoui Sananikone memang diketahui umum. Sebuah kerajaan baru ditubuhkan pada awal Disember oleh Katay D. Sasorith, bekas anggota kerajaan *Lao Isara*.

Seperti juga di Vietnam Selatan, kumpulan pro-Amerika dan antikomunis di Laos mengambil kesempatan daripada persetujuan di Pau tahun 1950 bagi membawa Laos ke dalam pengaruh ekonomi Amerika. Bantuan Amerika diberikan kepada kerajaan Laos mulai 1 Januari 1955 tanpa melalui Kerajaan Perancis. Laos juga diberi tanggungjawab mengendalikan sendiri hal-hal pencucuaian, perdagangan luar, mata wang, dan perhubungan telekom. Walaupun negara itu masih mengalami kekurangan kakitangan teknik, Katay D. mengumumkan pada 27 Disember 1954 yang "semua kakitangan kanan bangsa Perancis dalam pentadbiran akan digantikan secara beransur-ansur oleh orang Lao". Beliau juga menyatakan yang sebuah bank akan ditubuhkan. Pengaruh kewangan Amerika dapat

bergerak dengan bebas.⁵

Masalah integrasi dan penyatuan kebangsaan adalah persoalan utama yang mesti dihadapi. Dalam bulan November tentera Vietnam diundur dari Laos. Tentera *Pathet Lao* ditempatkan di dua wilayah, Phong Saly dan Samneua. Tetapi Souphanouvong memberitahu yang wilayah-wilayah ini akan diletakkan di bawah pentadbiran *Pathet Lao*. Bagi beliau, integrasi bukan semata-mata menyokong kerajaan Vientiane. Ia mestilah dirundingkan. Sementara menunggu pilihanraya 1955 (yang akan membolehkan pembentukan sebuah kerajaan campuran untuk seluruh Laos), kerajaan sementara *Pathet Lao* akan terus mentadbirkan secara bebas kawasan-kawasan yang mana tenteranya ditempatkan.⁶

Pada 27 Disember 1954, Katay mengumumkan yang kerajaannya akan berunding dengan pemimpin-pemimpin *Pathet Lao* "secepat yang mungkin" bagi menyelesaikan masalah penyatuan. Beliau meminta Suruhanjaya Bersama yang berpusat di Khang Khay supaya menghubungi *Pathet Lao*. Pada 18 Januari 1955, rundingan-rundingan diadakan di Plaine des Jarves "dalam suasana baik dan tenang". *Pathet Lao* meminta agar mereka turut terlibat dalam menentukan undang-undang pilihanraya dan pengiraan undi bulan Ogos.

Tetapi Vientiane mula menjauhkan diri daripada *Pathet Lao*. Pada 3 Januari, Katay membayangkan yang tarikh pilihanraya mungkin ditunda kerana bulan Ogos adalah musim hujan. Walau bagaimanapun beliau berkata yang keputusan ini hanya akan diumumkan dengan persetujuan *Pathet Lao*, seperti yang dikehendaki oleh Perjanjian Geneva. Dalam satu temuramah dengan seorang

⁵Scorang pakar ekonomi, A. Dauphin-Meunier, menulis: "Sebelum diadakan Perjanjian Paris, Disember 1954 yang memberi kuasa daripada segi kewangan kepada Laos, negara itu tidak mempunyai mata wangnya sendiri dan tidak terdapat bank negara dan bank-bank perdagangan. Pakar-pakar Amerika dari Saigon yang datang ke Vientiane mengambil kesempatan daripada kekurangan pengalaman menteri-menteri Laos dan kepercayaan mereka terhadap Amerika untuk menubuhkan sebuah Bank Negara yang berdasarkan sistem Federal Reserve, dan penubuhan bank-bank perdagangan. Mata wang yang dikeluarkan juga adalah bersandarkan kepada dollar. (*Le Laos en face des Etatsunis*". *Les Etudes Americaines*, Paris, no.75, 1961).

⁶Artikel 14 Perjanjian Geneva menyebut: "Sementara menunggu penyelesaian politik, tentera *Pathet Lao* akan berundur ke Phong Saly dan Samneua"

wartawan Amerika.⁷ Putera Mahkota Savong menentang sebarang kemasukan komunis dalam kerajaan: "Adalah tidak mungkin untuk bekerjasama dengan *Pathet Lao* selagi ia dipengaruhi oleh China atau Viet Minh". "Jika *Pathet Lao* benar-benar komunis, ada kemungkinan yang kerajaan tidak dapat mencapai apa-apa persetujuan dengan mereka ... Kehidupan di Laos tidak sesuai dengan komunisme ... orang Laos ingin bersama dengan dunia bebas". Wartawan itu mengatakan yang pandangan ini adalah hampir sama dengan pendirian rasmi Amerika seperti yang disebutkan sebagai: "menentang keras kehadiran *Pathet Lao* dalam kerajaan serta penerangan askar-askarnya ke dalam tentera Laos; dengan ini bererti penentangan terhadap Souphanouvong".

Mulai bulan Januari 1955, keadaan jelas menunjukkan yang Putera Savang adalah keuntungan besar kepada permainan politik Amerika di Laos. Katay D. Sasorith yang pernah bersama Souphanouvong di Bangkok, memikirkan yang *Pathet Lao* lebih nasionalis daripada komunis dan semuanya akan dapat diselesaikan jika penasihat-penasihat Tonkin Amerika dan penyokong mereka di Laos menganggap ini sebagai pandangan yang "tidak matang". Pada 17 Februari, Katay membayangkan yang bantuan kewangan dari Amerika adalah perlu bagi membiayai angkatan tentera kerana Perancis telah mengurangkan bantuan mereka serta kemunduran ekonomi negara.

Walaupun terdapat beberapa halangan kecil, satu perisytiharan bersama ditandatangani pada 9 Mac 1955 di Planines des Jarres, antara kerajaan Vientiane dengan *Pathet Lao*. Kedua belah pihak bersetuju untuk melaksanakan gencatan senjata dan menjayakan integrasi orang *Pathet Lao* ke dalam masyarakat Laos. Ia juga menyebutkan yang *Pathet Lao* akan mengambil bahagian dalam pilihanraya yang dijadualkan pada akhir tahun 1955 untuk mewujudkan sebuah parlimen bagi seluruh negara Laos.

Pada bulan April 1955, Katay telah berunding dengan Nehru dan Chao En-Lai sewaktu menghadiri persidangan Afro-Asia di Bandung. Beliau juga menemui Pham Van Dong, Menteri Luar

⁷Hormer Bigart, wartawan *New York Herald Tribune*, dipetik daripada *L'Information*, Paris 9 Januari 1955.

Vietnam Utara yang memberikan jaminan kepada Katay tentang pelaksanaan Perjanjian Geneva. Katay mengisytiharkan yang negerinya berhasrat untuk menandatangani perjanjian tidak mencerooboh dengan Republik Rakyat China.

Tetapi usaha ke arah perkecualian ini ditentang oleh kedutaan Amerika dan kumpulan konservatif Lao. Atas hasutan mereka, beberapa unit tentera kerajaan dan *Pathet Lao* sering bertentangan. Peristiwa-peristiwa seperti ini diambil kesempatan oleh kerajaan dan akhbar-akhbar Inggeris-Amerika bagi mengeruhkan lagi keadaan dan menyemarakkan ketegangan dan keraguan. Memandangkan kepada keadaan ini, *Pathet Lao* enggan membenarkan pentadbiran Vientiane ditempatkan di wilayah Phong Saly dan Samneua (juga kerana pentadbiran pusat adalah daripada kaum Lao - ini tidak disukai oleh kaum minoriti lain). *Pathet Lao* juga mahu supaya askar kerajaan berundur dari tempat yang didudukinya dalam dua wilayah *Pathet Lao* kerana menimbulkan ketegangan. Persidangan ini akhirnya menemui jalan buntu.

Pada 11 Jun, Dewan Perhimpunan menerima satu usul menunda pilihanraya umum yang dijadualkan berlangsung pada 28 Ogos kepada tarikh 25 Disember. Ini disebabkan "keadaan perbincangan dengan *Pathet Lao*, yang tidak memungkinkan pilihanraya diadakan di wilayah Phong Saly dan Sam Neua kerana pentadbiran pusat tidak ditubuhkan". Pada 15 Jun, Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa yang masih menyarankan rundingan-rundingan diadakan antara Vientiane dengan *Pathet Lao*, menegaskan juga yang kerajaan pusat berhak meluaskan kuasanya di dua wilayah tersebut. Perdana Menteri India, Nehru juga memujuk *Pathet Lao* agar menerima kuasa kerajaan Vientiane di kedua-dua wilayah ini.

Pentadbiran Katay juga semakin kurang bertolak ansur dalam pendiriannya kerana beliau yakin akan mendapat bantuan kewangan dari Amerika Syarikat. Washington mengumumkan pada 17 Jun yang rundingan-rundingan untuk bantuan kewangan kepada Laos sedang dijalankan.

Pada masa ini juga beberapa peristiwa berlaku di wilayah Samneua dan Vientiane menuduh *Pathet Lao* melanggar Perjanjian Geneva dan Perjanjian 9 Mac 1955. "Memandangkan kepada keadaan ini, kerajaan pusat terpaksa bertindak untuk menyelamatkan keutuhan negara". Kerajaan Thai pula meminta diadakan mesyua-

rat luar biasa SEATO dan memerintahkan pasukan tenteranya berjaga-jaga di kawasan sempadan. Britain, Perancis dan India cuba seberapa upaya untuk mengurangkan kemungkinan campur tangan Amerika-Thai dan cuba mengadakan semula rundingan di Plaine des Jarres pada 15 Julai. Tetapi kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Katay yang menuduh *Pathet Lao* sebagai "ejen Viet Minh" dan percubaan membawa Laos ke dalam SEATO menyulitkan lagi dialog.

Seterusnya Katay mengambil keputusan mengadakan pilihanraya hanya di kawasan yang tidak diduduki oleh *Pathet Lao*. Ini bertentangan dengan Perjanjian Geneva. Pilihanraya diadakan pada 25 Disember di seluruh kawasan yang dikuasai oleh tentera kerajaan pusat. *Pathet Lao* yang tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam persediaan untuk pilihanraya ini enggan menghantar calon-calonnya. Hasil pilihanraya ini tidak banyak membawa perubahan. Parti Progresif yang dipimpin oleh Katay dan Souvanna Phouma mendapat 21 daripada 39 kerusi, Bebas 8, parti-parti lain 10. Tetapi calon-calon yang memenangi kerusi bagi Parti Progresif ini bukanlah rakan-rakan Katay. Beliau bukan sahaja tidak mendapat kelebihan undi yang diperlukan bagi membolehkannya bertindak menjadikan Laos sekutu Amerika, calon-calon yang menang untuk Dewan Perhimpunan ini menyatakan yang mereka menyokong usaha ke arah persetujuan dengan *Pathet Lao*, yang mereka anggap sebagai nasionalis dan demokratik. Ini menghasilkan satu keadaan baru.

Pathet Lao mula mengambil inisiatif. Dalam bulan September 1955, memandangkan yang rundingan dengan Vietnam Selatan tidak dapat diadakan, Vietnam Utara menubuhkan satu "Barisan Untuk Tanahair". Empat bulan selepas itu, iaitu pada 6 Januari 1956, orang *Pathet Lao* mengadakan satu persidangan di wilayah Samneua. Mereka mengambil keputusan, "memandangkan yang satu keadaan baru yang wujud melalui Perjanjian Geneva", maka mereka menggantikan "kerajaan sementara *Pathet Lao*" dengan satu organisasi politik, iaitu "Barisan Patriotik Laos" (*Neo Lao Haksat*, N.L.H.). Barisan ini mengemukakan satu manifesto yang menegaskan hasrat rakyat Laos yang terdiri daripada berbagai kaum dan bangsa, untuk membentuk sebuah Barisan Bersatu. N.L.H. memporjuangkan integrasi kebangsaan. Tujuannya ialah untuk membentuk sebuah kerajaan campuran dengan kumpulan yang kini menganggo-

tai kerajaan pusat. Sementara itu, sebuah Parti Pekerja (*Phak Khon Ngan*) muncul secara sulit di dalam N.L.H. dan parti ini adalah permulaan kepada Parti Komunis. Dengan ini sekali lagi kumpulan antipenjajah di Laos bergerak dengan mencontohi Vietnam.

Bantuan Amerika mula memainkan peranannya di Laos.⁸ Pada 23 Februari 1956, Katay tidak mendapat persetujuan Dewan untuk menubuhkan kerajaan, maka tugas ini diambil oleh Souvanna Phouma yang berjaya membentuk sebuah kerajaan baru pada 22 Mac 1956. Parti yang dipimpinnya telah menggugurkan cogan kata "Progresif" digantikan dengan "Nasionalis" dan menyatakan kemudiannya untuk berunding bagi mengembalikan perpaduan.

Selepas beberapa rundingan Ingeris-Soviet mengenai Laos diadakan (di London dalam bulan Mei 1956), Kerajaan Souvanna Phouma menyatakan hasratnya untuk berbaik-baik dengan Vietnam Utara, tetapi dengan syarat kerajaan Hanoi menghormati prinsip tidak mencerooboh dan tidak campur tangan dalam hal-chwal Laos. Dalam bulan Julai, Rusia mengiktiraf kerajaan Laos. Semuanya ini mewujudkan suasana baik bagi mengadakan rundingan dengan *Pathet Lao* dan *Neo Lao Haksat*.

Rundingan antara kerajaan pusat dengan *Neo Lao Haksat* bermula pada 1 Ogos 1956 dan berjaya menghasilkan dua perjanjian. Perjanjian yang pertama (5 Ogos) menyatakan (1) permusuhan mestilah ditamatkan di seluruh Laos, (2) wilayah Samneua dan Phong Saly, seperti juga askar-askar *Pathet Lao* mestilah mengiktiraf kerajaan pusat. Perjanjian yang kedua (10 Ogos) yang merupakan satu pengisytiharan bersama Souvanna Phouma-Souphonouvong menyebut.

1. Pilihanraya kecil akan diadakan di sebuah negara bagi menambah jumlah ahli Parlimen dari 39 hingga 59.

2. Sebuah kerajaan campuran akan dibentuk termasuklah *Neo Lao Haksat*. Kerajaan ini akan mengamalkan dasar luar yang

⁸A. Dauphin-Meunier dalam artikel yang dipetik (ms 8) menulis: "Dalam sedikit masa sahaja, di dalam negeri yang tidak pernah menggunakan cek, tukaran asing dan akaun bank, tiap-tiap orang menteri mempunyai banknya sendiri (dengan bantuan pakar Amerika). Operasi yang dijalankan adalah mencurigakan. Menteri-menteri mengeluarkan lesen import yang membolehkan penerimaan mata wang, dollar yang dikeluarkan oleh Pejabat Tukaran Wang bernilai .35 kip bagi satu dollar dijual di pasar gelap sebanyak 80 kip. Dengan menggunakan alasan untuk mengawal keseimbangan perdagangan, orang Amerika mengambil monopoli perdagangan luar.

"berkecuali dan aman", menghemati lima prinsip hidup bersama secara aman, mengekalkan hubungan baik dengan semua negara dan tidak memusuhi mana-mana pakatan dan tidak membenarkan sebarang tentera asing ditempatkan di negara itu.

Bagi mewujudkan suasana baik untuk rundingan-rundingan seterusnya, sebuah perwakilan kerajaan yang mengandungi 30 orang dipimpin oleh Souvanna Phouma dan Katay D. Sasorith serta menteri-menteri dan ahli-ahli Parlimen telah melawat Peking pada 19-29 Ogos. Suatu perisytiharan bersama ditandatangani oleh Chou En-Lai dan Souvanna Phouma. Laos menegaskan hasratnya untuk mengamalkan dasar "keamanan dan berkecuali serta tidak akan memasuki pakatan tentera selagi keselamatannya tidak terancam. Juga tidak membenarkan penempatan tentera asing di wilayahnya, kecuali yang dibenarkan oleh Perjanjian Geneva (di Seno). Kerajaan China pula memberi jaminan akan "menyokong sepenuhnya" pendirian Laos.

Dalam perjalanan pulang, perwakilan ini singgah di Hanoi (29-30 Ogos). Ini adalah pertemuan pertama Vientiane dan Hanoi sejak kerajaan *Lao Isara* keluar dari Vientiane pada tahun 1946. Pada 30 Ogos, suatu perisytiharan bersama dikeluarkan, sama seperti yang dikeluarkan di Peking. Kedua-dua negara bersetuju yang hubungan mereka mestilah diasaskan kepada lima prinsip hidup bersama.

Dalam keadaan ini, rundingan-rundingan dengan pihak *Neo Lao Haksat* dapat diadakan dalam suasana yang baik. Dalam bulan Disember, sebuah rombongan *Neo Lao Haksat* tiba di Vientiane dan Souvanna Phouma mengumumkan yang "kerajaan diraja akan diperbesarkan" dan "sebuah kerajaan campuran" akan dibentuk yang akan meliputi juga pihak *Pathet Lao* akan berfungsi sebagai sebuah organisasi politik yang dipanggil *Neo Lao Haksat* (Barisan Patriotik Lao) yang mempunyai hak yang sama seperti parti-parti politik lain." Wilayah Phong Saly dan wilayah Samneua akan diletakkan di bawah kuasa kerajaan campuran yang baru ini. Pilihanraya kecil akan diadakan secepat mungkin.

Souvanna Phouma telah dikecam oleh golongan sayap kanan dan menghadapi tekanan daripada Kedutaan Amerika.⁹ Ini menye-

⁹Duta Amerika, Graham Parsons, mengakui yang beliau menentang habis-habisan pembentukan sebuah kerajaan campuran Hearings, (Laos, Washington, 1959, jil I, ms 195).

babkan beliau bersikap lebih tegas. Beliau mahu supaya tentera *Pathet Lao* dicantumkan dengan tentera kerajaan sebelum kerajaan campuran dibentuk. Souphanouvong meninggalkan Vientiane dalam bulan Januari 1957. Tetapi ini belum bererti yang hubungan kedua-dua pihak terputus.

Selepas sidang SEATO di Canberra (Mac 1957) dan lawatan Presiden Ngo Dinh Diem ke Washington (Mei 1957), Amerika menguatkan tekanannya ke atas Laos. Ini menyebabkan golongan *Neo Lao Haksat* mengambil sikap berhati-hati, malah Duta Amerika, Graham Parsons, mengakui yang beliau menentang habis-habisan pembentukan sebuah kerajaan campuran. Hearings, (Laos, Washington, 1959, jil. I, ms 195) bermusuhan. Mulai bulan Jun, Souvanna Phouma terpaksa berundur dari kerajaan. Katay yang sepatutnya menggantikan beliau tidak dapat membentuk kabinet. Dasar "Containment" yang disokong oleh Amerika tidak disukai ramai dan beliau terpaksa membatalkan rancangan ini. Pada 9 Ogos, Souvanna Phouma kembali berkuasa dan memulakan rundingan dengan Barisan Patriotik. Salah seorang pembantunya, Quinim Pholsena menubuhkan parti berkecuali, *Shantiphab* (Keamanan).

Pada 16 Oktober, Souvanna Phouma merasmikan Souphanouvong dan mengeluarkan satu kenyataan bersama memberikan beberapa garis panduan untuk mencapai persetujuan:

(a) Pembentukan sebuah kerajaan campuran kebangsaan dan penyatuan semula kedua-dua wilayah utara. (b) Tidak mengadakan sebarang pakatan tentera dengan negara asing dan tidak membenarkan sebarang pangkalan asing di bumi Laos. (c) Penyatuan tentera *Pathet Lao* dengan tentera kerajaan sekadar yang mampu daripada segi perbelanjaan. (d) Tentera *Pathet Lao* akan menyerahkan semua alat-alat perang kepada kerajaan. (e) Pembentukan sebuah parti baru di Vientiane, iaitu *Neo Lao Haksat* yang menggantikan *Pathet Lao*.

Pada 2 November 1957, persetujuan dicapai, dan ditandatangani. Pada 18 November, di Vientiane, Putera Souphanouvong menyerahkan kedua-dua wilayah Utara kepada Putera Savang. Keesokan harinya, sementara itu Dewan Perhimpunan mengundi meluluskan kerajaan campuran yang baru dan Souphanouvong memasuki kerajaan sebagai Menteri Pembangunan Semula dan Perancangan. Phoumi Vongvichit, rakan Souphanouvong dilantik

menjadi Menteri Kebudayaan dan Kesenian.

Amerika sangat marah dengan apa yang berlaku. Seorang jurucakap Jabatan Negara di Washington berkata: "Penyatuan Laos, jika menjamin kedaulatan dan kemerdekaannya, sangatlah diperlukan. Amerika Syarikat menganggap yang sebuah kerajaan campuran bersama komunis adalah satu dasar yang merbahaya kerana sejarah menunjukkan yang kerajaan campuran, di mana sahaja di dunia ini berakhir dengan kemasukan dan pengambilan negara itu oleh komunis. Dengan ini, keadaan di Laos merupakan satu kebimbangan yang amat sangat kepada Amerika yang begitu teliti memerhatikan keadaan di Laos.

Tetapi usaha-usaha ke arah perdamaian diteruskan. Pada 18 Februari 1958, tentera *Pathet Lao* diterapkan ke dalam tentera kerajaan. Persediaan untuk pilihanraya dibuat dan kempen pilihanraya dimulakan dalam bulan Mac bagi pilihanraya kecil seperti yang dipersetujui dalam bulan November.

Pilihanraya 4 Mei 1958 memberikan kejayaan besar kepada *Neo Lao Haksat*. Parti itu mendapat 9 daripada 21 kerusi, dan Santiphab, sekutunya mendapat 4 kerusi. Souphanouvong memperolehi lebih banyak undi daripada apa yang pernah dicapai oleh mana-mana politik Laos sebelum ini.

Golongan konservatif sangat terkejut dengan keputusan pilihanraya ini. Kedutaan Amerika menyatakan kebimbangannya dengan "kemaraan mengejut golongan revolusioner".

Proses mewujudkan penyatuan dan persahabatan antara kumpulan-kumpulan yang bertentangan dalam politik Laos akhirnya tercapai. Satu keseimbangan kuasa yang boleh menjamin perdamaian dan pembangunan Laos dengan dasar berkecuali dan dengan bantuan kedua-dua blok nampaknya tercapai.

8

CAMPUR TANGAN AMERIKA DAN PERANG SAUDARA

PENERIMAAN Parti *Neo Lao Haksat* ke dalam arena politik Laos melalui kerajaan campuran dan tidak sebagai pembangkang menunjukkan yang semua keputusan yang berbentuk politik di Laos mestilah mengambil kira pandangan daripada Barisan Patriot Laos. Ini telah mengubah beberapa sikap dan keadaan yang ada.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, sebuah masyarakat baru mula berkembang di Laos dengan dipengaruhi oleh bantuan Amerika dan golongan ahli perniagaan di Bangkok. Mereka ini terdiri daripada golongan pegawai kerajaan berpangkat tinggi, ahli politik dan rakan-rakan mereka, ahli perniagaan dan ahli bank yang baru muncul. "Golongan baru" ini muncul dengan adanya peluang-peluang kewangan dan perniagaan yang kadangkala dapat dipersoalkan dan kehidupan mereka jauh berbeza daripada orang biasa yang tidak berupaya untuk mendapatkan barang-barang yang diimport.¹ Di samping golongan pegawai, golongan tentera yang merupakan golongan yang paling beruntung daripada perjanjian tentera Laos-Amerika, juga mendapatkan peluang istimewa ini. Amerika Syarikat juga membiayai sebahagian daripada bekalan senjata kepada Laos (seperti yang berlaku di Vietnam Selatan) dan ini menguatkan lagi kedudukan Amerika di Laos.

¹Lihat A. Dauphin-Meunier. *op. cit.*, ms 9; A. Dommen, *Conflic in Laos*, New York, Praeger, 1964, ms 106-108, dan Sisouk na Champassak, *Tempete sun le Laos*, Paris, ms 82-83.

Sejak tahun 1958 lagi, Amerika telah menanamkan pengaruhnya di Laos. Dua kumpulan tentera Amerika (yang berpakaian awam) berjumlah 400 orang menjalankan gerakan di negara itu. Salah satu daripadanya ialah mengawal penggunaan bekalan yang diberikan melalui perjanjian tahun 1955 (*Program Evaluation Office*), dan melatih tentera, pasukan kawalan dan polis. Mereka diberi peruntukan yang besar dan penggunaannya dirahsiakan. Jurulatih-jurulatih Amerika ini yang sebahagian daripadanya bertugas dengan badan perisik, telah berjaya melatih ramai ejen di Laos dan membentuk satu perkhidmatan polis yang cekap. Tentera dan polis ini telah digunakan sebagai alat politik Pentagon di Laos.

Bantuan ekonomi Amerika mengubah corak ekonomi cara lama Laos. Pengaliran masuk dollar Amerika ke Laos secara besar-besaran dan spekulasi ke atas wang *kip*, penjualan secara haram lesen-lesen mengimport mengakibatkan pembelian barang-barang yang tidak boleh digunakan (peti sejuk, kereta besar dan lain-lain) kerana ketiadaan kuasa elektrik atau kemudahan jalan raya. Pengaliran masuk barang-barang keluaran untuk pengguna telah memusnahkan perusahaan kecil tempatan sebelum tahun 1954, Laos mengeluarkan beras, sayur-sayuran dan ikan yang mencukupi untuk keperluannya, tetapi selepas itu, Laos terpaksa mengimportnya dari Thailand. Tidak terdapat sebarang usaha ke arah pembangunan industri di negara itu. Vientiane telah menjadi salah satu cabang "kumpulan perniagaan" dan perniagaan haram yang berpusat di Bangkok. Angka-angka menunjukkan keadaan yang tidak seimbang ini: dalam tahun 1958, import Laos berjumlah 1 041 juta kip, sementara eksportnya hanya 55 juta kip sahaja. Segala pinjaman telah dibiayai oleh "bantuan dari Amerika". Tetapi bantuan asing ini memberi faedah hanya kepada segelintir penduduk bandar.

Rasa tidak puas hati menimbulkan perbuatan rasuah yang menjadi-jadi dan jurang perbezaan sosial adalah salah satu sebab kemenangan *Neo Lao Haksat* dalam pilihanraya 4 Mei 1958. Golongan berada yang mendapat keuntungan daripada bantuan Amerika sedar yang kehadiran wakil-wakil *Neo Lao Haksat* dalam kerajaan, terutama sekali Souphanouvong yang menjadi Menteri Perancangan, akan memusnahkan struktur ekonomi "barat". Kehadiran 13 orang Ahli Parlimen yang daripada parti aliran kiri, akan memberi peluang kepada mereka mendedahkan dan mengancam rasuah

dan penyalahgunaan kuasa ini. Kumpulan sayap kanan pro-Amerika merasakan mereka perlu kembali kepada keadaan sebelum November 1957, iaitu memutuskan hubungan dengan pihak kiri dan menolak terus sebarang "kerajaan campuran".

Wakil-wakil Amerika di Laos juga merasa bimbang terhadap keadaan ini, lebih-lebih lagi apabila pada 17 Mac 1958 Hanoi menawarkan kepada kerajaan Saigon supaya diadakan rundingan untuk menyelesaikan masalah mereka.

Menjelang pilihanraya, golongan Bebas yang dipimpin oleh Sananikone dan golongan Nasionalis di bawah Katay D. Sasorith, kedua-duanya pro-Amerika, telah membentuk sebuah parti *Rassemblement du Peuple Lao* yang menggabungkan kedua-dua kumpulan ini. Tujuan RPL ini ialah untuk "menyatukan semua tenaga bagi menentang komunisme dan penyusupan". Pada 17 Jun, dengan bantuan CIA (Badan Perisik Amerika), ditubuhkan sebuah "Jawatankuasa bagi mempertahankan kepentingan Negara" (C.D.I.N.) di Vientiane. Pemimpin-pemimpinnya terdiri daripada Sisouk na Champassak dan lain-lain. Jawatankuasa ini menyatukan golongan elit yang berpendidikan yang mempunyai hubungan dengan orang luar (pegawai-pegawai, diplomat dan lain-lain).

Golongan Kanan Mengambil Alih Kuasa

Pada akhir bulan Jun, setelah Parlimen meluluskan keputusan pilihanraya 4 Mei, Souvanna Phouma telah membentangkan satu cadangan pemulihan kewangan dan ini tentunya akan menjejaskan kepentingan golongan tertentu. Cadangan ini telah mendapat tentangan hebat. Pada 23 Julai Souvanna Phouma telah meletak jawatan berikutan daripada penolakan cadangannya oleh Parlimen. Pada 18 Ogos sebuah kerajaan baru dibentuk oleh Phoui Sananikone. Kerajaan ini dianggotai oleh ramai ahli C.D.I.N. dan empat orang daripada ahlinya memegang jawatan penting dalam kabinet. Sementara itu *Neo Lao Haksat* tidak lagi diwakili.

Phoui Sananikone memulakan dasar yang "keras" terhadap Barisan Patriotik. Beliau telah mengakhiri zaman kerajaan campuran yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Rangoon tahun 1957 dan juga mengenakan kawalan ketat ke atas Souphanouvong dan Phoumi Vongvichit, serta menarik jawatan beberapa pegawai dan penyokong Barisan. Beliau juga mengubah dasar luar Laos ke arah

dasar antikomunis seperti negara-negara lain di Asia Tenggara. Penasihat khas kepada Presiden Vietnam Selatan, Ngo Dinh Nhu, telah melawat Vientiane. Lawatan ini dianggap oleh Sananikone sebagai "bukti yang kedua-dua negara mempunyai pandangan yang sama dan persahabatan yang kukuh". Sebuah pejabat konsul "Republik Vietnam" dibuka di Vientiane, dan Taiwan juga membuka pejabatnya di sana. Sananikone juga berusaha untuk mendapatkan bantuan lanjut daripada Amerika.

Setelah menerima laporan-laporan yang mendedahkan penyalahgunaan bantuan yang berjumlah lebih daripada 200 juta dollar, Kongres Amerika mengambil keputusan untuk menghantar satu rombongan ke Laos bagi menyelidik keadaan sebenar. Kerajaan Vientiane mengambil kesempatan ini, dalam bulan Januari 1959, untuk membuat pengumuman yang tentera Vietnam Utara telah menyerang kawasan Laos dan menduduki tiga *muong* di Tchepone. Hanoi, mengatakan yang tentera Laos juga telah menceroboh ruang udaranya serta sempadan Vietnam, tetapi mencadangkan supaya kedua-dua negara berunding berdasarkan kepada pengisytiharan tahun 1956 mengenai sempadan kedua-dua negara tersebut. Vientiane mahukan supaya tentera Vietnam diundurkan dari Laos dan pengunduran ini akan dibuat di bawah kawalan Bangsa-Bangsa Bersatu (yang tidak dianggotai oleh Vietnam). Phoui Sananikone telah diberi kuasa penuh untuk selama satu tahun bagi mengatasi ancaman luar. Seorang ahli baru C.D.I.N. Kolonel Phoumi Nosavan juga dilantik menjadi Ketua Setiausaha di Kementerian Pertahanan.

Hanoi telah mencadangkan kepada Vientiane supaya masalah mereka diselesaikan melalui Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa, satu-satunya badan yang mempunyai kuasa campur tangan dalam hal ini seperti yang dipersetujui di Geneva. Tetapi pada 11 Februari, Sananikone mengumumkan yang kerajaan "melaksanakan sepenuhnya perjanjian-perjanjian Geneva" dan Laos sebagai sebuah "negara merdeka dan berdaulat tidak dapat membiarkan sebarang campur tangan dalam pentadbirannya". Beliau kemudiannya tidak membenarkan sebarang campur tangan Jawatankuasa Kawalan Antarabangsa. Apabila keadaan menjadi bertambah buruk, Dag Hammarskjold, Setiausaha Agung, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (P.B.B.) telah datang ke Vientiane (9-11 Mac) dalam usahanya untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu. Beliau menasihatkan

Phoui Sananikone supaya berhati-hati.

Tetapi Parti *Neo Lao Haksat* memang mengetahui tentang tujuan sebenar C.D.I.N. dan penasihat-penasihat Amerika dan membuat persiapan untuk memulakan perjuangan. Satu batalion tentera *Neo Lao Haksat* di bawah pimpinan Singkapo yang belum diterapkan ke dalam tentera kerajaan pusat memulakan penentang-an terhadap kerajaan. Dalam bulan Julai 1959, kerajaan telah mengharamkan N.L.H. dan menangkap Souphanouvong, Vongvichit dan ahli-ahli parlimen dari N.L.H. Pada 20 Julai, askar-askar *Pathet Lao* melancarkan serangan untuk menawan wilayah-wilayah Phong Saly dan Samneua. Pada 4 Ogos, kerajaan Vientiane meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (P.B.B.) supaya campur tangan dan memberitahu yang Hanoi membantu *Pathet Lao* dalam serangan-serangan tersebut. Pada masa yang sama, C.D.I.N. menguatkan tekannya ke atas kerajaan Sananikone dan seterusnya mempengaruhi kerajaan tersebut.

Hanoi (dengan sokongan Rusia) telah menafikan tuduhan Vientiane. P.B.B. telah menghantar satu jawatankuasa khas ke Laos (*fact-finding committee*) dalam bulan September bagi menyelidik tentang berita-berita yang disiarkan dari Vientiane. Pada 15 Oktober, jawatankuasa ini pulang ke New York dan mengatakan tidak ada bukti yang Vietnam "menceroboh secara langsung" kawasan Laos, tetapi terdapat bukti-bukti "pencerobohan secara tidak langsung" (bantuan teknik dan bekalan kepada *Pathet Lao*). Dengan ini kerajaan Phoui Sananikone tidak lagi dapat dipercayai di kalangan P.B.B.

Pada 10 November, Dong Hammarskjold sekali lagi tiba di Vientiane dan mengumumkan yang wakil peribadinya akan ditempatkan di bandar itu. Phoui Sananikone mahu menghapuskan golongan "pelampau", tetapi sebelum beliau sempat merombak kabinetnya, golongan tentera yang dipimpin oleh jeneral Phoumi Nosavan telah memaksa beliau meletak jawatan (30 Disember 1959). Sebuah "jawatankuasa revolusioner" yang dianggotai oleh lima orang jeneral mengambil alih kuasa.

Reaksi yang timbul di luar negeri hasil daripada rampasan kuasa ini, serta usaha-usaha diplomatik yang dijalankan oleh duta Inggeris, Perancis, dan Amerika Syarikat, menyebabkan Raja Sa-

vang² melantik sebuah kerajaan awam yang bertanggungjawab kepada baginda. Kou Abhay telah dilantik menjadi Presiden Majlis Kerajaan. Beliau mempunyai sifat-sifat peribadi yang dianggap dapat diterima oleh Barat. Tempoh Mandat Dewan Perhimpunan tamat pada akhir Disember dan pilihanraya dijangka diadakan pada 24 April. Undang-undang pilihanraya ditetapkan oleh kerajaan Sananikone tanpa perbincangan dengan pihak *Neo Lao Haksat* yang enggan mengambil bahagian dalam pilihanraya ini. Walau bagaimanapun, pada 18 Mac, Souphanouvong dengan dipersetujui oleh kerajaan telah membenarkan 9 calon Barisan Patriotik untuk bertanding. Tujuannya ialah bagi "menunjukkan semangat tolak ansur dan tidak mahu ketinggalan dalam masyarakat Lao".

Pilihanraya ini telah memberikan kemenangan sepenuhnya kepada calon-calon kerajaan. Pihak tentera telah berjaya "mengawal" negara. Barisan *Neo Lao Haksat* dan *Santiphab* dihapuskan daripada Dewan Perhimpunan yang mempunyai 59 kerusi itu. Daripada jumlah itu, C.D.I.N. (dan yang bergabung dengannya) mendapat 32 kerusi, R.P.L. sebanyak 27 kerusi C.D.I.N. yang disokong oleh tentera merupakan kumpulan terbesar dalam kerajaan dan ini adalah kemenangan kepada Phoumi Nosavan.³

Bagi melindungi kuasa tentera, C.D.I.N. menjadikan badan itu sebagai sebuah parti politik, iaitu *Paxasangkhom* (Parti Sosial Demokrat). Parti ini diketuai oleh Jeneral Phoumi dan dibantu oleh seorang pegawai kanan kerajaan *Lao Isora* dan R.P.L. iaitu Tiao Somsanith. Souvanna Phouma yang menyokong R.P.L. telah dilantik menjadi presiden Dewan Perhimpunan yang baru. Pada 2 Jun, melalui arahan diraja, Tiao membentuk sebuah kerajaan baru yang dianggotai oleh Phoumi Nosavan (Kementerian Pertahanan), Nhouy Abhay dan Leuam Insisiengmay dan lain-lain. Kumpulan dari C.D.I.N. yang menguasai kerajaan ini merupakan "satu kum-

²Raja Sisavang Vong meninggal dalam bulan Oktober 1959 ketika berusia 74 tahun. Beliau digantikan oleh puteranya, Savang yang memangku sejak bulan Ogos.

³Pada tahun 1945-46 Phoumi menjadi anggota tentera *Lao Isaras* dan dalam tahun 1949 menyokong kerajaan Vientiane. (Dommen, *op. cit.* p. 77). Beliau mempunyai kedudukan yang sangat cemerlang dalam tentera Laos yang baru ditubuhkan. Beliau mendapat latihan dari Ecole de Gnerre, Paris dalam tahun 1958 dan sekembalinya dari Paris menganggotai C.D.I.N. Beliau juga merupakan anak saudara kepada Perdana Menteri Thai ketika itu, iaitu Jeneral Sarit Thanarat.

putan yang berjuang menentang komunis dengan dipimpin oleh Jeneral Phoumi". (*Le Monde*, Paris).

Rampasan Kuasa oleh Kong Le

Kemungkinan meletus semula perang saudara nampaknya tidak dapat dielakkan. Pada 24 Mei, Souphanouvong dan 15 daripada rakan-rakannya yang sedang ditahan telah melarikan diri daripada khemah tahanan. Beliau sekarang mempunyai wibawa yang tinggi serta sokongan politik dan berjaya menyatukan semua kumpulan yang menentang golongan bangsawan dan anti-Amerika. Beliau telah kembali semula ke kawasan yang memberontak. Pemusatan kuasa di tangan golongan yang pro-Amerika serta kemungkinan meletusnya semula pertempuran telah menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan tentera yang mempunyai hubungan rapat dengan kedutaan Perancis.

Pada 9 Ogos 1960, sebuah unit askar payung terjun yang dipimpin oleh Kong Le telah menawan Vientiane semasa ketiadaan anggota kerajaan di sana (seluruh anggota kerajaan telah pergi ke Luang Prabang untuk acara pengebumian Raja Sisavang Vong). Sebuah "Jawatankuasa revolusioner" ditubuhkan dan mengisytiharkan kejatuhan kerajaan pimpinan Somsanith serta mengambil alih semua kuasa tentera dan awam. Mereka mengisytiharkan taat setia mereka kepada raja dan perlembagaan serta mahukan "dasar berkecuali yang sepenuhnya" dan meminta Souvanna Phouma supaya mengambil semula kuasa. Dewan Perhimpunan dipanggil bersidang dengan segera dan pada 14 Ogos 1960, Dewan ini telah mengumumkan perlucutan kerajaan Somsanith. Pada keesokan harinya raja memerintahkan Souvanna Phouma supaya membentuk sebuah kerajaan baru. Kerajaan ini dibentuk pada 16 Ogos dan pada 17 Ogos Dewan Perhimpunan meluluskan anggota-anggotanya.

Tetapi C.D.I.N. masih belum berputus asa. Dengan pertolongan pihak Thai, Phoumi berjaya melarikan diri dari Luang Prabang dan sampai ke Pakse (pusat pemerintahan Putera Boun Oum dari Champassak) dan seterusnya ke Savannakhet yang merupakan sebuah tempat kedudukan tentera yang penting. Sebuah "jawatankuasa bagi menentang kudeta" dibentuk di Savannakhet pada 16 Ogos 1960 dan menyatakan hasratnya untuk mengambil semula Vientiane serta "mengembalikan semula ketenangan bagi membolehkan perja-

lanan sebuah rejim yang demokratik. "Jawatankuasa ini telah mendapat sokongan daripada beberapa orang bekas menteri dan ahli-ahli parlimen.

Souvanna Phouma menjemput *Neo Lao Haksat* supaya datang ke Vientiane untuk menyambung semula rundingan bagi mencapai persetujuan politik. Beliau juga menerima tawaran dari Soviet Union untuk menjalinkan hubungan diplomatik di antara negaranya dan Moscow. Sementara itu Putera Boun Oum mengumumkan pada 11 September yang beliau telah mengambil alih kuasa. Beliau menggantungkan perlembagaan dan mengumumkan undang-undang tentera. Dalam bulan Oktober pula, kerajaan Amerika telah menyekat bantuan kewangan untuk kerajaan Vientiane, sementara pihak tentera Amerika memberi sokongan kepada Boun Oum dan Phoumi. Negeri Thai juga memutuskan semua hubungan perdagangan dengan kawasan yang diperintah oleh Souvanna Phouma. Dengan ini kerajaan Vientiane tersekat daripada menerima apa juga bantuan disebabkan sekatan-sekatan oleh Phoumi dan Negeri Thai.

Sementara itu Soviet Union menghantar dutanya ke Vientiane dan menjanjikan bantuan makanan, ubat-ubat dan minyak. Bantuan ini dihantar melalui udara dengan memasuki ruang angkasa China. Pasukan Kong Le berjaya menawan lapangan terbang di kawasan Plaines des Jarres dan ini membantu pengangkutan bantuan melalui udara. Tetapi pada 10 Oktober, golongan Meo dan Xieng Khouang yang selama ini mempunyai hubungan rapat dengan penasihat-penasihat Amerika telah menyatakan sokongan mereka kepada Boun Oum dan Phoumi. Sebulan kemudiannya, Luang Prabang juga menyatakan sokongannya kepada Phoumi.

Pada 8 Disember, sekumpulan tentera yang dipimpin oleh Kolonel Kouprasith Abhay dari Bahagian Kelima telah memberontak di Vientiane. Souvanna Phouma dan 5 orang menterinya terpaksa lari ke Phnom Penh selepas beliau menyerahkan kuasa masing-masing. Pada 12 Disember, di Savannakhet, Dewan Perhimpunan telah melantik Boun Oum sebagai Perdana Menteri. Seterusnya pada 13 Disember, tentera Phoumi memasuki Vientiane setelah mengalahkan tentera Kong Le. Kerajaan pimpinan Boun Oum ini mendapat pengesahan daripada raja Laos pada 14 Disember, Amerika Syarikat dengan segera mengiktiraf kerajaan ini sebagai satu-satunya kerajaan yang sah di Laos.

Persetujuan Zurich dan Persidangan Geneva

Pengambilan Vientiane oleh golongan kanan tidak dapat menyelesaikan apa-apa masalah. Kebuntuan daripada segi politik dan tentera masih berterusan. Washington cuba mendapatkan sokongan Paris dan London supaya mengiktiraf kerajaan Boun Oum. China dan Rusia pula masih menganggap yang kerajaan Souvanna Phouma sebagai kerajaan yang sah dan satu-satunya kerajaan bagi Laos. Menteri Pertahanan China, Lin Piao, memberi jaminan yang China akan memberi segala bantuan bagi "menentang pencerobohan dan campur tangan imperialisme Amerika di Laos". Tentera-tentera *Pathet Lao* dan Kong Le menduduki kawasan utara Laos yang bersempadan dengan China dan Vietnam Utara, Tanah Tinggi Tran Ninh dan Plaine des Jarres (yang mempunyai lapangan terbang yang menerima bantuan Rusia). Mereka berada tidak jauh dari Vientiane, dan seterusnya mara ke arah Luang Prabang di utara dan Mekong Tengah di selatan. Pada 17 Disember, Perdana Menteri India, Nehru telah memanggil sidang Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa, seterusnya pada 23 Disember, Soviet Union mencadangkan supaya negara-negara yang menghadiri Persidangan Geneva 1954 bertemu semula untuk membincangkan masalah Laos serta memulakan tugas-tugas Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa. Soviet Union mengecam campur tangan Amerika yang katanya menjadi sebab utama kekacauan di Laos dan meminta Britain supaya mendesak Amerika agar memberhentikan sokongannya kepada Jeneral Phoumi. Pada 2 Januari 1961, Putera Sihanouk dari Kemboja menyeru supaya diadakan satu persidangan antarabangsa bagi mengembalikan keamanan di Laos. Tetapi Boun Oum menolak cadangan untuk memanggil semula Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa ke Laos dan menentang sebarang kompromi dengan *Pathet Lao* yang dianggap sebagai "ejen komunis".

Perancis dan Britain bersetuju yang satu-satunya penyelesaian terhadap masalah Laos ini ialah pembentukan sebuah kerajaan campuran kebangsaan yang dipilih. Melalui pembentukan ini, *Pathet Lao* juga diberi peluang mengambil bahagian dan menjalankan dasar luar yang berkecuali. Kerajaan Amerika hanya mahu supaya kabinet Boun Oum diperluaskan dan mengekalkan dasar pro-Amerika dengan menghalang sebarang "penyusupan" oleh *Neo Lao Haksat*.

Selepas beberapa minggu di meja perundingan, kuasa-kuasa besar akhirnya bersetuju memanggil semula Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa menjalankan tugasnya di Laos, membincangkan masalah gencatan senjata, pembentukan sebuah kerajaan campuran yang dipilih dan berkecuali, serta mengadakan satu persidangan antarabangsa bagi membincangkan keseluruhan masalah Laos. Peri pentingnya, kewujudan satu "kerajaan campuran" sebagai satu cara menyelesaikan masalah Laos dapat dilihat selepas bulan Februari 1961. Cadangan juga dibuat supaya diadakan satu rundingan di antara wakil-wakil semua golongan yang bertentangan di Laos bagi mencapai persetujuan untuk menubuhkan sebuah kerajaan sementara sebelum diadakan pilihanraya. Pilihanraya ini akan diadakan di bawah kawasan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa dan pilihanraya inilah yang akan menentukan kerajaan yang tetap bagi Laos.

Selepas beberapa perbincangan diadakan antara Amerika dan Soviet Union serta lawatan ke beberapa buah negara (India, Perancis, Britain, Rusia, China) oleh Souvanna Phouma, maka satu persetujuan dicapai pada 22 April yang melibatkan perkara-perkara berikut: sebaik sahaja gencatan senjata dimulakan (di bawah kawalan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa), maka satu persidangan akan diadakan di Geneva bagi membincangkan masalah Laos (kemerdekaan dan perkecualian). Pada masa yang sama juga, semua golongan di Laos hendaklah mencapai satu persetujuan bagi menyelesaikan masalah di antara mereka sendiri.

Perjanjian gencatan senjata dimeteraikan pada 13 Mei 1961 di Laos dan rundingan antara tiga pihak⁴ dimulakan di Ban Nan Men. Persidangan 14 negara bermula di Geneva pada 16 Mei. Ketiga-tiga golongan Laos yang bertentangan itu dijemput hadir. Sementara itu Putera Sihanouk telah memanggil ketiga-tiga putera Laos supaya mengadakan "sidang kemuncak" di Switzerland, dan mereka bertemu di Zurich pada 17 Jun. Pada 22 Mei, mereka mengumumkan yang mereka bersetuju untuk mengadakan gencatan senjata serta mengembalikan keamanan di Laos. Sebuah kerajaan campuran semen-

⁴Pihak yang pro-Amerika (Boun Oum-Phoumi), golongan berkecuali (Souvanna Phouma-Kong Le) dan golongan anti-penjajah (Souphanouvong).

tara yang diwakili oleh semua golongan politik penting di Laos akan ditubuhkan. Kerajaan ini akan dilantik oleh raja tanpa terlebih dahulu mendapat pengesahan Dewan Perhimpunan. Mereka juga bersetuju mengurangkan peranan Suruhanjaya Kawalan Antara-bangsa dan menolak sebarang bantuan atau persekutuan dengan negara luar. Walau bagaimanapun, persetujuan asas ini masih lagi belum dilaksanakan.

Dalam pertemuan antara J.F. Kennedy dan N.S. Khrushchev di Vienna (3 Jun 1961), Amerika Syarikat dan Soviet Union bersetuju untuk mencari penyelesaian kepada masalah Laos melalui perkecualian negara itu dan pembentukan kerajaan campuran. Persidangan 14 negara mengenai Laos akhirnya menerima (pada 18 Disember 1961) teks perjanjian tentang perkecualian Laos serta bersetuju untuk menentukan yang kegiatan Suruhanjaya Kawalan Antara-bangsa tidak akan dijadikan sebagai satu naungan antarabangsa ke atas Laos. Persetujuan juga dicapai dalam menentukan pembahagian kerusi dalam kabinet di antara golongan yang bertelingkah. Walau bagaimanapun masih terdapat rasa curiga antara golongan-golongan kanan dengan *Neo Lao Haksat*. Kumpulan yang diketuai oleh Boun Oum semakin menguatkan kedudukan mereka dengan disokong secara sulit oleh Amerika dan Thailand. Washington terpaksa menggunakan tekanan yang kuat ke atas golongan kanan bagi memaksa mereka menerima satu kerajaan campuran yang dapat diterima oleh golongan berkecuali, Barisan Patriotik Lao dan oleh Washington. Bertambahnya kegiatan ketenteraan akibat daripada rasa tidak puas hati menyebabkan kuasa-kuasa besar meningkatkan tekanan mereka. Akhirnya Boun Oum terpaksa tunduk dan pada 23 Jun 1962, sebuah kerajaan campuran yang diketuai oleh Souvanna Phouma telah dibentuk atas arahan pihak diraja. Gencatan senjata juga berjalan pada hari yang sama.

Perjanjian antarabangsa mengenai perkecualian Laos ditandatangani di Geneva pada 23 Julai 1962. Kerajaan Laos bersetuju melaksanakan dasar "5 prinsip hidup bersama secara aman", tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara asing, tidak memasuki sebarang pakatan tentera dan tidak membenarkan penubuhan pangkalan tentera asing di negara itu, serta bersetuju tidak akan menerima sebarang perlindungan bercorak ketenteraan daripada mana-mana pihak (termasuklah SEATO) dan berjanji tidak akan mem-

benarkan sebarang campur tangan asing dalam hal-ehwal dalam negeri Laos.

Tiga belas buah negara lain yang menandatangani perjanjian ini bersetuju mengiktiraf dan menghormati keutuhan, kemerdekaan, perkecualian serta keutuhan wilayah Laos, juga berjanji menghormati dasar Laos tidak mahu menerima perlindungan daripada pihak SEATO. Mereka juga bersetuju tidak akan membawa masuk tentera asing ke Laos, tidak menempatkan pangkalan tentera di negara tersebut serta tidak menggunakan Laos sebagai pangkalan bagi kegiatan-kegiatan mencerooboh negara-negara lain. Semua tentera dan pegawai tentera asing yang masih terdapat di Laos mestilah meninggalkan negara itu pada 7 Oktober 1962.

Selepas sahaja perjanjian tersebut ditandatangani, Souvanna Phouma berlepas ke Amerika Syarikat (26 Julai-1 Ogos). Beliau menemui Presiden Kennedy dan Dean Rusk serta Robert McNamara. Beliau juga mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Jepun. Pada 7 September, Laos memulakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China dan Republik Demokratik Vietnam. Ini menyebabkan Taiwan dan Vietnam Selatan memutuskan hubungan mereka dengan Vientiane. Dalam bulan November pula Souvanna Phouma menghantar Jeneral Phoumi melawat Moscow. Di sana beliau menandatangani perjanjian ekonomi dan kewangan bagi kedua-dua negara pada 1 Disember. Dalam lawatannya ke Peking (2 Disember), beliau diberitahu yang China akan memberi bantuan jangka panjang kepada Laos. Hanoi pula memberi jaminan kepada Jeneral Phoumi dan rombongannya yang Vietnam Utara akan melaksanakan Perjanjian Geneva dan tidak akan campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri Laos. Pada 11 Februari hingga 30 Mac 1963 pula Raja Savang dengan diiringi oleh Souvanna Phouma melakukan lawatan kesembilan buah negara yang menandatangani Perjanjian Geneva.

Perdamaian nampaknya tercapai. Pada 7 Oktober 1962, Souvanna Phouma mengumumkan yang tentera-tentera asing telah diundurkan dari Laos seperti yang dijangkakan, walaupun masih terdapat sejumlah kecil yang masih belum sempat berbuat demikian dan akan diundurkan secepat mungkin. Moscow dan Peking menuhuh Amerika Syarikat tidak mengundurkan semua tenteranya dari Laos, tetapi masih mengekalkan sebahagiannya secara awam. Tu-

duhan ini ditolak oleh Amerika Syarikat yang sebaliknya bimbang akan kehadiran tentera Vietnam Utara di kawasan utara negara Laos. Pada 28 November 1962, pemimpin-pemimpin tiga golongan di Laos mencapai persetujuan mengenai penyatuan angkatan tentera negara itu. Angkatan tentera baru ini mengandungi 30 000 orang (10 000 daripada tiap-tiap kumpulan) dan seramai 6 000 orang polis. Pada 10 Februari 1963, sementara Raja dan Perdana Menteri Laos bersiap sedia untuk melawat keluar negeri, satu perjanjian baru tercapai yang memastikan persetujuan sebulat suara oleh ketiga-tiga pihak adalah perlu bagi sebarang keputusan yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri, Dalam Negeri dan Pertahanan.

Souvanna Phouma Menyokong Golongan Kanan.

Kegagalan Persetujuan Zurich

Perdamaian yang tercapai hanyalah sementara dan ketegangan muncul semula. Pelaksanaan butir-butir perjanjian mengenai penyatuan angkatan tentera menyebabkan tentera diraja terpaksa dikurangkan dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pegawai dan anggota tentera. Kesetiaan golongan yang berkecuali masih diragukan, sementara hubungan Kong Le dengan *Pathet Lao* pula tidak begitu baik. Kemasukan seorang kolonel tentera berkecuali ke dalam tentera *Pathet Lao* meningkatkan lagi ketegangan. *Neo Lao Haksat* (Barisan Patriotik) membantah kegiatan yang dilakukan oleh *Air America* yang ditaja oleh Badan Perisik Amerika (CIA) yang memberi bantuan senjata dan makanan kepada pejuang-pejuang Meo yang bergiat di kawasan *Pathet Lao*.

Golongan Kanan Lao mengambil kesempatan daripada perpecahan ini untuk menimbulkan keadaan memaksa bagi Golongan Kiri. Pada 1 April 1963, dua hari selepas Raja dan Souvanna Phouma kembali dari lawatan keluar negeri, Menteri Luar Laos, Quinim Pholsena, daripada Golongan Berkecuali telah dibunuh. Peristiwa ini menimbulkan ketegangan yang amat merbahaya dan mengakibatkan beberapa peristiwa lain. Di Vientiane, pihak tentera yang menyebelahi Golongan Kanan, memulakan pemerintahan ganas dan bagi menghapuskan Golongan Kiri. Menteri-menteri daripada kumpulan *Neo Lao Haksat* merasa bimbang tentang keselamatan diri mereka dan meninggalkan Vientiane sebagai langkah keselamatan. Keadaan semakin tegang dan amat membahayakan gencatan

senjata yang selama ini dilaksanakan.

Kuasa-kuasa besar terutama Amerika, Britain, Rusia terus mengadakan rundingan-rundingan. Soviet Union merasa serba salah kerana ia inginkan supaya tercapai satu *modus vivendi* dengan Amerika Syarikat dan pada masa yang sama juga mahu mengelak daripada dikritik oleh China. Negara China menunjukkan sikap bermusuhan terhadap Golongan Kanan dan usaha-usaha Souvanna Phouma yang ditekan oleh Golongan Kanan supaya mendapatkan kapal terbang daripada Amerika Syarikat. Dalam bulan September 1963, kapal-kapal terbang Amerika ini dihantar ke Laos. Keadaan menjadi lebih tegang memandangkan yang Golongan Kanan terus mencabul perjanjian ketenteraan dan menerima secara terang-terang bantuan Amerika, maka askar-askar *Pathet Lao* (Kolonel Singkapo) menduduki Phongsavan dan cuba menguasai wilayah Xieng Khuang dan Plaine des Jarres. Golongan Kanan membalas dengan menduduki pangkalan udara Perancis di Seno yang juga merupakan pusat perhubungan radio yang penting.

Mulai bulan Oktober 1963, kapal-kapal terbang Amerika yang diberikan kepada Kerajaan Vientiane menjalan pengeboman ke atas kawasan *Pathet Lao*. Walau bagaimanapun, Souvanna Phouma masih lagi cuba mencari jalan untuk mengelakkan perpecahan. Beliau berharap persetujuan akan tercapai dengan *Pathet Lao* mengenai perkecualian ibu negeri, Luang Prabang dan membentuk satu pasukan polis campuran yang akan dapat mengawal keamanan. Satu gencatan senjata dicapai pada 16 November dan kenyataan bersama Souvanna Phouma-Souphanouvong mengenai Luang Prabang dikeluarkan pada 20 Disember 1963.

Tetapi Golongan Kanan Laos tidak mahu membantu Souvanna Phouma dalam usahanya membentuk kerajaan campuran dan ini amat disedari oleh Barisan Patriotik Lao. Jurucakap Barisan ini menyatakan di Vientiane pada 15 Januari 1964 yang "Golongan Kanan tidak mahukan sebuah kerajaan campuran kerana ia akan menjalankan dasar luar yang betul-betul berkecuali". Beliau juga menegaskan yang menteri-menteri dari Barisan Patriotik "sedia berada di Luang Prabang ataupun Vientiane dan di mana sahaja jika keselamatan dan perkecualian benar-benar terjamin".

Pada Januari 1964, Souvanna Phouma menemui Souphanouvong di Samneua. Pemimpin Barisan Patriotik ini sekali lagi mene-

gaskan keinginannya untuk mengembalikan perpaduan kebangsaan dengan persetujuan Golongan Berkecuali, tetapi golongan ini tidak mahu satu perpaduan yang menimbulkan keraguan di pihak Golongan Kanan. Persetujuan Golongan Kanan juga adalah perlu bagi menjayakan dasar perkecualian Luang Prabang.

Dalam bulan Januari 1964, Golongan Kanan yang merasa khuatir tentang "rapprochement" antara Souvanna Phouma-Souphanouvong, meningkatkan usaha mereka untuk menawan Xieng Khouang dan meluaskan kawasan pengaruh mereka. Phoumi mengemukakan kehadiran tentera Vietnam Utara di pihak *Pathet Lao* sebagai satu sebab untuk bertindak. Hanoi menolak dakwaan ini. Souvanna Phouma mengambil kesempatan ini untuk membatalkan pertemuannya dengan *Pathet Lao*. Beberapa hari selepas itu, dengan memberi alasan yang Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa tidak menjalankan tugasnya dengan betul, Souvanna Phouma meminta supaya penerbangan kawalan diadakan di ruang angkasa *Pathet Lao*. Ini membolehkan Amerika campur tangan sekali lagi di Laos.

Seterusnya pada 14 Februari, setelah diberitahu tentang Amerika untuk mengebom Vietnam Utara, Phoumi menyatakan yang diplomasi gagal menyelesaikan masalah dan "jalan lain terpaksa dicari". Beliau membayangkan yang "cara lain ini sedia ada, tetapi berharap yang ia tidak akan terpaksa digunakan". Strategi Amerika Syarikat yang diutarakan oleh Presiden L.B. Johnson mula jelas kelihatan. Pada 14 Mac, selepas lawatan Robert McNamara, Setiausaha Pertahanan Amerika ke Saigon, Phoumi Nosavan menemui Jeneral Nguyen Khanh, Ketua Tentera Vietnam Selatan, mencapai persetujuan yang membolehkan tentera Vietnam Selatan (dan penasihat-penasihat tentera Amerika) masuk ke kawasan selatan Laos bersempadan dengan Vietnam bagi menjalankan operasi menentang gerila. Dalam bulan April Souvanna Phouma telah melawat Peking dan Hanoi bagi mendapatkan sokongan China dan Vietnam Utara supaya membuat tekanan ke atas *Neo Lao Haksat*.

Dalam keadaan inilah maka meletusnya satu rampasan kuasa tentera di Vientiane pada 19 April 1964. Sepertimana keadaan yang berlaku di Saigon, anggota perisik Amerika menjalankan jarum mereka mempengaruhi pegawai-pegawai tentera Laos yang beraliran kanan seperti Jeneral Kouprasith dan Kolonel Siho supaya membe-rontak menentang kerajaan campuran. Pihak tentera berjaya me-

nguasai Vientiane dan mengenakan tahanan dalam rumah ke atas Souvanna Phouma. Beliau diberi pilihan sama ada menyokong golongan tentera ataupun dikenakan tahanan, Souvanna Phouma memilih untuk menyokong tentera. Beliau seterusnya "merombak kabinet" dan membentuk sebuah "kerajaan yang kuat" yang bebas daripada peraturan yang memaksa persetujuan tiga pihak kerana Barisan Patriotik tidak lagi termasuk dalam kerajaan baru ini. Souvanna Phouma kemudiannya mengumumkan gabungan Golongan Kanan dan Golongan Berkecuali. Sebenarnya tindakan ini mengakhiri dasar berkecuali dan kerajaan campuran seperti yang dipersetujui di Zurich. Kerajaan Vientiane hanyalah penjelmaan golongan pro-Amerika yang ekstrem, seperti yang terdapat dalam kerajaan Boun Oum dan Phoumi dalam tahun 1960. Souvanna Phouma dikekalkan dalam kerajaan setelah beliau bersetuju menjalankan dasar antikomunis. Tentera Kong Le dijadikan pengikut Golongan Kanan sahaja.

Kini Laos, bersama Amerika Syarikat terseret ke dalam perang menentang Vietnam Utara. Sejak bulan Mei 1964, sementara *Pathet Lao* membaharui seruannya supaya diadakan semua Persidangan Geneva, tentera udara Amerika terus mengebom kawasan yang dikuasai oleh komunis. Dalam bulan Jun, semasa mengebom Vietnam Utara sehinggalah terjadinya peristiwa Teluk Tonkin dan menyerang kedudukan Barisan Patriotik di Plaine des Jarres. Tindakan ini diambil tanpa kebenaran daripada Souvanna Phouma.

Keadaan yang tegang di Laos dan Vietnam ini membimbangkan Putera Sihanouk dan Jeneral de Gaulle. Pada 23 Julai, mereka mencadangkan supaya Persidangan 14 Negara diadakan di Geneva bagi membincangkan cara mengembalikan keamanan di Indo-China. Kebanyakan daripada negara yang menandatangani perjanjian 1962 bersetuju dengan cadangan ini, tetapi pada 25 dan 26 Julai, Amerika Syarikat, Britain dan Saigon menolak. Pada 29 Julai, Souvanna Phouma sekali lagi membuat rombakan kabinet dengan memasukkan 4 orang ahli C.D.I.N. Ini mengukuhkan lagi kedudukan penyokong-penyokong Phoumi yang menganggap diri mereka masih lemah jika dibandingkan dengan kumpulan pimpinan Koup-rasith.

Selain berjaya mengukuhkan kedudukan mereka dan cuba melengah-lengahkan keadaan, Golongan Kanan bersetuju meng-

adakan rundingan dengan lawan mereka. Oleh kerana semua pihak tidak mencapai kata sepakat dalam menentukan tempat perundingan di Laos, maka rundingan ini diadakan di Paris pada 24 Ogos. Rundingan ini tidak memberikan apa-apa hasil yang berkesan. *Neo Lao Haksat* mahukan supaya Persidangan 14 Negara segera diadakan, dan enggan mengiktiraf kerajaan yang dibentuk di Vientiane berikutan daripada rampasan kuasa tentera pada 19 April 1964. Souvanna Phouma mencadangkan supaya kawasan Plaine des Jarres dijadikan kawasan berkecuali diletak di bawah kawalan tiga pihak. Souphanouvong menolak cadangan ini kerana kawasan itu sudah pun "dibebaskan" dan dikuasai oleh *Pathet Lao* dan penyokongnya dan tidak mungkin ia diberikan kepada Golongan Kanan. Beliau mencadangkan supaya diadakan gencatan senjata (dan kembali kepada *status quo* 14 Jun 1962), mengadakan semula suruhanjaya yang dianggotai oleh ketiga-tiga pihak serta Persidangan 14 Negara bagi membolehkan penubuhan sebuah kerajaan campuran kebangsaan yang sebenar. Souvanna Phouma bersetuju dengan cadangan ini, tetapi perbezaan pendapat timbul apabila beliau mahukan tempat rundingan dipindahkan ke Laos dan kuasa Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa dikuatkan. Beliau dan Golongan Kanan kemudiannya meninggalkan Paris untuk pulang ke Laos.

Rundingan-rundingan diteruskan pada 11 November. Pada 13 November, di Samneua, Souphanouvong meminta kedua-dua pengerusi bersama Persidangan Geneva supaya berbuat sesuatu untuk menghentikan campur tangan Amerika di Laos. Rundingan-rundingan tidak dapat diteruskan kerana pada 21 November, rombongan Souvanna Phouma dan Golongan Kanan pulang ke Vientiane meninggalkan wakil *Neo Lao Haksat*, Phoumi Vongvichit. Vientiane, yang baru sahaja menerima kedatangan Duta Amerika, William Sullivan, menganggap rundingan tidak lagi perlu. Masanya sudah tiba untuk mengangkat senjata.

Pada 17 Disember, Souphanouvong menyeru kuasa-kuasa besar supaya diadakan segera persidangan 14 Negara serta disambung semula rundingan tiga pihak bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang timbul. Pada masa yang sama beliau juga mengecam pengeboman yang dilakukan oleh Amerika Syarikat. Tetapi seruan Souphanouvong ini sudah terlambat. Phoumi berlepas ke Bangkok dan Saigon bagi membincangkan rancangan menentang *Pathet Lao*

di kawasan selatan Laos dengan bantuan tentera Vietnam Selatan. Rancangan ini juga melibatkan serangan udara Amerika di seluruh Indo-China Utara dengan tujuan melumpuhkan perhubungan di kawasan pemberontak-pemberontak di Vietnam Selatan, *Pathet Lao* dan penyokong mereka di Hanoi.

Pada 13 Januari 1965, kapal terbang dari Tentera Udara Amerika (*U.S. Air Force*) menjalankan pengeboman mengejut dan secara besar-besaran di Ban Ban di Wilayah Xieng Khoung. Ini merupakan permulaan dasar perluasan perang Vietnam oleh Presiden L.B. Johnson dan bermulanya perang saudara di Laos.

Perang Saudara dan Akibatnya

Walau bagaimanapun usaha masih dijalankan bagi memperbaiki keadaan. Amerika Syarikat cuba mengurangkan sikap keterlaluan Golongan Kanan Laos yang mungkin membahayakan usaha Amerika dalam menentang *Pathet Lao*. Pada 2 Februari 1965, Phoumi cuba merampas kuasa, tetapi gagal dan beliau lari ke Thailand. Persidangan Celle-St-Cloud (Paris) nyata tidak berjaya dan ini menyebabkan semua pihak memilih untuk mengadakan rundingan di Laos.

Pada 18 Julai 1965, dengan berakhirnya kuasa Dewan Perhimpunan, Kerajaan Laos mengadakan pilihanraya, tetapi dipulaukan oleh Golongan Kiri. Pihak kerajaan telah mendapat kejayaan besar dalam pilihanraya ini. Souvanna sekali lagi membuat rombakan kabinet dengan memperuntukkan 4 daripada 15 jawatan kepada golongan kiri sekiranya golongan mahu menyertai kerajaan. Souphanouvong dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi dan Perancangan. Pada 21 Julai, Souvanna Phouma berlepas dari Vientiane ke London bagi mendapatkan sokongan Kerajaan British supaya diadakan sidang antarabangsa untuk membincangkan masalah Laos, Kemboja dan Vietnam yang dianggap oleh beliau sebagai berkait. Pada 24 Julai, *Pathet Lao* mencadangkan beberapa "penyelesaian sebenar" krisis ini: pengunduran tentera Amerika dari Laos dan pemberhentian pengeboman oleh Amerika ke atas kawasan *Pathet Lao*; Vientiane hendaklah menolak "perlindungan" yang diberikan oleh SEATO; kembali kepada dasar sebulat suara oleh ketiga-tiga pihak. Wakil *Neo Lao Haksat* di Vientiane mengumumkan

kan pada 18 Ogos yang partinya tidak mahu melihat "perpisahan dengan kerajaan, tetapi menuntut supaya keadaan mestilah dipulihkan seperti sebelum berlakunya rampasan kuasa 19 April 1964". Beliau menjelaskan yang *Neo Lao Haksat* enggan mengiktiraf pilihanraya 18 Julai serta dewan yang baru.

Perluasan perang di Vietnam berikutan daripada pengeboman ke atas Vietnam Utara serta kehadiran pasukan penggempur Amerika di Vietnam Selatan meninggalkan kesannya ke atas Laos. Mulai bulan Ogos 1965, tentera kerajaan Laos melancarkan serangan ke atas wilayah Samneua serta meningkatkan serangan udara bagi melumpuhkan perhubungan dan bekalan kepada *Pathet Lao*. Strategi peperangan terpaksa diubahsuaikan. Hanoi mendapati dirinya di dalam keadaan yang ia terpaksa memberi bantuan segera kepada pemberontak-pemberontak di selatan, kerana tanpa bantuan ini mereka tidak berupaya menghadapi tentera Amerika Syarikat. Dengan ini kerajaan di Hanoi bertindak membentuk dan melindungi jalan-jalan yang menghubungi Vietnam Selatan melalui kawasan pergunungan Annam (Ho Chi Minh Trail). Dalam keadaan begini, Hanoi tidak dapat membantu *Pathet Lao* bagi membalas serangan dari Vientiane, sebaliknya menasihatkan *Pathet Lao* supaya mengambil sikap bertahan bagi tempoh masa yang tidak ditentukan serta mengumpulkan usaha mempertahankan kedudukan mereka di kawasan pergunungan dan melindungi jalan-jalan penting bagi perhubungan.

Pada 3 hingga 13 Oktober 1965, satu "Perhimpunan politik rakyat Laos" diadakan di Khang Kay di Plaine des Jarres di bawah anjuran Barisan Patriotik. Satu manifesto diterbitkan yang mengumumkan pembentukan satu Barisan Bersatu untuk Perjuangan Kebangsaan. Barisan ini menyatukan semua lapisan rakyat dan bangsa-bangsa di Laos. Kumpulan penting yang menganggotai Barisan ini ialah *Neo Lao Haksat* dan *Santiphab*. Tentera mereka dikenali sebagai "Tentera Pembebasan Rakyat Lao" (A.L.P.L.). Mulai bulan November, dengan menggunakan dasar "bertahan yang aktif", *Pathet Lao* menyerang kawasan Thakek, melemahkan kedudukan tentera kerajaan di wilayah Xieng Kouang. Pada 24 Januari 1966, Souphanouvong menghantar satu perutusan kepada Souvanna Phouma mencadangkan rundingan-rundingan diadakan antara ketiga-tiga pihak bagi "menyekat bahaya imperialisme di Laos tengah

dan selatan (SIC). Sebagai jawapan Souvanna Phouma mencadangkan pertemuan diadakan di Luang Prabang, tetapi perasaan curiga antara satu sama lain menggagalkan rancangan pertemuan ini. Dalam bulan Julai 1966, Soth Pethrasy, wakil Barisan Patriotik di Vientiane menyatakan yang "perang akan berterusan selagi Putera Souvanna Phouma enggan menerima syarat-syarat yang dikemukakan oleh Barisan Patriotik bagi mewujudkan satu kerajaan campuran yang baru". Seterusnya beliau menambah: "Kami hanya mempertahankan kawasan yang dibebaskan, tetapi jika keadaan memaksa, kami akan meminta bantuan daripada sahabat-sahabat kami. Pengeboman Amerika tidak menggugat semangat kami".

Kerajaan Vientiane masih mahu menunjukkan kepada luar yang ia tetap mematuhi dasar berkecuali yang diterima dalam tahun 1962. Dalam lawatannya ke Moscow (bulan Mei) dan ke Paris (bulan Julai), Raja Savang menyatakan yang Perjanjian Geneva 1954 dan 1962, hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Tetapi pada hakikatnya dasar ini yang masih condong ke arah Washington dan Bangkok, ditentang oleh setengah golongan dalam tentera, terutama Jeneral Thao Ma dari tentera udara. Beliau cuba melancarkan rampasan kuasa (15 Oktober 1966), tetapi gagal. Sementara itu Dewan Perhimpunan cuba menjatuhkan Souvanna Phouma, tetapi beliau membubarkan dewan dan dengan ini mengadakan pilihanraya baru pada 1 Januari 1967, yang hasilnya dapat dijangkakan.

Dalam tahun 1967, Souvanna Phouma meningkatkan lagi operasi tentera (darat dan udara) menyerang *Pathet Lao* dan penyokong mereka sebab yang diutarakan oleh beliau bagi mengambil tindakan ialah *Pathet Lao* menerima bantuan yang banyak dari Vietnam Utara serta keengganan Barisan Patriotik bekerjasama dengan kerajaan selagi kerajaan tidak menghentikan campur tangan Amerika di Laos. Di sepanjang tahun itu, kapal-kapal terbang Amerika yang berpangkalan di Thailand dan melalui Teluk Tonkin mengebom kawasan pergunungan Annam tempat terdapat Ho Chi Minh Trail. Kegiatan ini diteruskan hingga ke tahun 1968. Pengeboman yang bertalu-talu di kawasan *Pathet Lao* serta penyebaran bahan-bahan kimia yang bertujuan memusnahkan tanaman yang boleh dimakan oleh gerila menyebabkan pelarian lebih daripada 300 000 orang (15% penduduk Laos) ke kawasan yang dikuasai oleh kerajaan. Mereka ini kemudiannya tinggal di khemah pelarian dalam keadaan

yang sulit. Keadaan ekonomi dan kewangan negara turut terjejas dan semakin bergantung kepada bantuan Amerika.

"Tentera Pembebasan Rakyat Lao", bukan sahaja berupaya mempertahankan kedudukannya di kawasan pergunungan, tetapi juga melancarkan beberapa serangan balas terutama di utara di Lembah Nam Hou dan di kawasan Xieng Khouang serta di selatan di wilayah Saravane dan Attopeu. Tentera kerajaan juga disusun semula dan tentera Golongan Berkecuali yang menyokong Golongan Kanan diterapkan ke dalamnya. Kong Le tidak puas hati dengan keadaan ini dan mengambil keputusan mengasingkan diri.

Keadaan perang di Vietnam dalam tahun 1968 tidak meninggalkan kesan yang begitu besar ke atas Laos. *Neo Lao Haksat* semakin rapat hubungannya dengan Barisan Pembebasan Vietnam Selatan dan melancarkan serangan ke atas beberapa wilayah di Laos semasa Barisan Pembebasan Vietnam melancarkan "serangan Tet" mereka. *Neo Lao Haksat* terus menggerakkan tekanan-tekanan ke atas tentera kerajaan di beberapa kawasan yang strategik. Daripada segi politik pula, *Neo Lao Haksat* mengadakan strategi yang hampir sama dengan Barisan Pembebasan Vietnam Selatan: dalam sidang luar biasa 31 Oktober 1968, *Neo Lao Haksat* menerima satu program politik yang sama dengan Barisan Pembebasan Vietnam Selatan. Mereka juga menegaskan perlunya berhubung rapat dengan Barisan ini dan dengan "menghapuskan cita-cita imperialis dan sekutu-sekutu mereka untuk menjadikan Laos sebuah tanah jajahan bentuk baru". Mereka percaya yang jalan ke arah keamanan di Laos ialah dengan berjuang mengukuhkan kuasa mereka di kawasan yang dibebaskan. Tetapi dalam tahun 1969, tentera kerajaan telah melancarkan serangan hebat ke atas *Pathet Lao* dengan dibantu oleh tentera upahan Meo yang dibiayai oleh kedutaan Amerika. Tujuan Amerika ialah untuk menawan Plaine des Jarres, kawasan penting di timur laut Laos. Ini membolehkan mereka menyekat pengaliran bekalan dari Vietnam Utara kepada gerila di selatan. Pada mulanya operasi ini berjaya, tetapi pendapat umum di Amerika mulai sedar tentang peranan Amerika dalam perang di Laos. Senat Amerika telah mengenakan beberapa sekatan bertindak ke atas pentadbiran Washington.

Dalam bulan Februari 1970, Barisan Patriotik dan penyokongnya berjaya menghalau tentera kerajaan dan askar-askar Meo dari

Plaine des Jarres serta mengasingkan pangkalan Amerika (di Long Chen dan Sam Thong) dan mara ke arah jalan-jalan penting. Tentera Udara Amerika mengebom kawasan-kawasan yang sebahagian besarnya adalah bandar-bandar dan kampung dan memaksa penduduknya berpindah.

Dalam bulan Mac, Barisan Patriotik menawarkan diri untuk berunding dengan Vientiane. Sementara itu, jawatankuasa pusat Barisan Patriotik menjelaskan sikapnya terhadap "penyelesaian aman kepada masalah Laos". Cadangan mereka terkandung dalam lima perkara berikut:

1. Kebebasan, kemerdekaan, perkecualian, penyatuan dan keutuhan wilayah Laos mestilah dihormati oleh semua negara sepertimana yang ditetapkan oleh Perjanjian Geneva 1962. Oleh yang demikian, campur tangan Amerika di Laos hendaklah dihentikan (pengeboman, askar-askar, penasih-penasehat ataupun pangkalan).
2. Laos mestilah berkecuali dan mengelakkan dirinya daripada memasuki pakatan tentera dengan sebarang negara dan tidak membenarkan sebarang pangkalan asing atau tentera asing ditempatkan di Laos.
3. Menghormati raja, mengadakan pilihanraya umum yang bebas bagi sebuah Dewan Perhimpunan; pembentukan sebuah "kerajaan campuran yang demokratik dan benar-benar mewakili rakyat Laos yang berbilang kaum".
4. Selepas bermulanya gencatan senjata dan sementara menunggu pembentukan Dewan Perhimpunan, pihak-pihak yang berkenaan akan mengadakan satu perhimpunan berbentuk politik bagi menyelesaikan masalah dalam negeri dan membentuk sebuah kerajaan campuran sementara.
5. "Penyatuan Laos akan dijalankan melalui perbincangan antara pihak-pihak yang berkenaan di Laos berdasarkan prinsip kesamaan dan perpaduan kebangsaan". Sementara menunggu penyatuan ini, semua pihak mestilah mengelak daripada cuba menguasai kawasan pihak lain dengan cara kekerasan.

Barisan Patriotik mengemukakan cadangan di atas selepas sahaja mereka melancarkan serangan. Cadangan ini disambut baik oleh Vietnam Utara dan Republik Rakyat China. Tetapi rundingan

tidak dapat diadakan kerana sikap kerajaan Vientiane dan Washington. Golongan Kanan Laos yang disokong secara bersenjata oleh C.I.A. menunjukkan sikap keras. Mereka mahukan pengunduran tentera Vietnam Utara dari Laos sebagai syarat untuk memulakan rundingan. Perluasan perang Vietnam hingga ke Kemboja mulai April 1970 menyulitkan lagi masalah kerana Laos Selatan juga menjadi medan pertempuran antara kedua-dua tentera Vietnam Utara dan Vietnam Selatan yang bertentangan, sementara Tanah Tinggi Boloven merupakan medan penting kegiatan Barisan Patriotik Lao.

Barisan Patriotik Lao memandang penting masalah penyatuan Laos dan menganggap masalah politik yang ada sama seperti yang terdapat sebaik sahaja Perjanjian Geneva ditandatangani dalam tahun 1954. Keamanan di Laos, sekiranya masih belum terlambat, hanyalah dapat dicapai melalui tolak ansur.

Dewan Perhimpunan yang dikuasai oleh Golongan Kanan menolak cadangan 6 Mac yang dikemukakan oleh Barisan Patriotik. Mereka mengecam sikap Perdana Menteri yang terlalu berhati-hati, menanggung dan masih percayakan sikap "berkecuali". Pada 3 Jun 1970, Putera Souvanna Phouma menjelaskan masalah sebenarnya:

"Orang *Pathet Lao* adalah orang Laos seperti kita juga dan kita mesti menerima mereka sedemikian. Tujuan kita janganlah hendak menghapuskan mereka, tetapi mencari satu penyelesaian politik kepada masalah yang kita hadapi. Inilah sebabnya saya cuba berbincang dengan mereka".

Beliau juga menyatakan yang kerajaannya tidak akan mengisytiharkan perang terhadap Vietnam Utara ataupun memutuskan hubungan diplomatik dengannya. Beliau seterusnya mengatakan penentangannya terhadap bertambahnya bantuan tentera asing, sebaliknya mengumumkan yang tentera kerajaan akan dikurangkan. Washington yang menjalankan dasar "pengunduran" tentera dari Asia Tenggara nampaknya bersetuju untuk "mengurangkan campur tangan" di Laos. Masalah yang timbul, seperti pada tahun-tahun 1958, 1963, 1964, dan tahun-tahun lain, ialah sama ada wakil-wakil Amerika di Laos bersetuju dan sedia melaksanakan dasar ini. Mereka mempunyai banyak cara untuk meletakkan Washington ke dalam *Fait accompli*, seperti memperhebatkan semula perang.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Laos dalam jangka masa dua puluh tahun kebelakangan ini bukanlah sekadar perbalahan antara komunis dengan bukan komunis, tetapi adalah permusuhan yang berakar umbi dalam sejarah yang kemudiannya dibangkit dan diapi-apikan melalui ingatan, rasa tidak puas hati dan sikap berlumba-lumba dalam menghadapi keadaan yang ada.

Masyarakat Laos masih lagi sebuah masyarakat yang berpecah belah. Negara itu belum lagi dapat mengatasi perpecahan asas. Ia muncul semula dalam dimensi baru, corak yang berbeza, dengan menggunakan sebutan yang lebih moden dan bertopengkan ideologi. Masalah sebenar masih lagi merupakan penentangan antara orang-orang Thai-Lao di kawasan Lembah Mekong (yang bersikap ingin meluaskan kawasan mereka) dengan "Kha" dari kawasan pergunungan (yang bertahan), juga penentangan oleh penduduk terhadap cara pemerintahan dan pentadbiran ekonomi oleh keluarga-keluarga bangsawan yang memerintah Laos sejak zaman-berzaman.

Orang Kha sejak akhir abad kelapan belas telah dijual dan dipaksa menjadi hamba oleh orang Lao, Khmer atau Siam. Semasa berada di bawah pemerintahan Perancis, orang Kha dari Boloven dan daerah pergunungan menunjukkan yang mereka tidak mahu tunduk kepada pentadbiran asing, terutama daripada bangsa Lao. Pemberontakan Komandan (1902-1907, 1934-1936) masih lagi diteruskan oleh *Pathet Lao* di selatan Laos, di bawah pimpinan anak Komandan sendiri. Di bahagian utara pula, *Pathet Lao* mengumpulkan orang-orang dari Xieng Khouang, Samneua dan kawasan pergunungan Hulu Sungai Mekong bagi menentang golongan aristokrat, pegawai-pegawai dan borjuis dari Vientiane dan Luang Prabang. Oleh kerana orang-orang dari Xieng Khouang dan Samneua mendapat sokongan dari Vietnam yang menjadi negara sosialis, maka kerajaan Vientiane mengecap penentangan mereka terhadap Xieng Khouang sebagai "perjuangan antikomunis". Golongan bangsawan Laos terpaksa meminta bantuan Siam dalam usaha mereka menentang orang-orang "montaguards". Sebenarnya dasar "antikomunis" telah digunakan oleh satu pihak mulai 1946 bagi memburukkan musuh mereka, juga untuk membawa masalah setempat ke peringkat antarabangsa dan dengan ini akan mendapat sokongan yang diharapkan. Seperti di kebanyakan negara di Asia, ideologi yang digunakan dalam masalah Laos merupakan topeng untuk menutup

masalah perbalahan, antara kaum, antara daerah, malah antara keluarga.

Di kalangan orang Laos sendiri yang mendiami kawasan Lembah Mekong, terdapat golongan borjuis yang mendapat keuntungan daripada bantuan ekonomi dan kewangan dari luar dan mereka mengukuhkan pengaruh politik mereka dengan mengetepikan Golongan Kiri yang dianggap merbahaya. Mereka mempunyai hubungan rapat dengan keluarga yang berpengaruh yang menjalankan pentadbiran negara, juga dengan tentera yang dibiayai oleh kuasa asing. Mereka juga mempunyai kedudukan ekonomi yang tinggi untuk mendapatkan sokongan politik daripada golongan tertentu, dan disegani oleh golongan proletariat yang tidak mendapat apa-apa faedah daripada bantuan luar itu.

Amerika Syarikat dan Thailand adalah dua negara penting yang memberikan bantuan ini, dan dengan ini mempunyai kesempatan untuk "mempengaruhi" golongan pemimpin yang terdiri daripada bangsa Lao (seperti yang dibuat oleh Siam pada abad ke-17 dan ke-18 di Vientiane dan Luang Prabang). Memandangkan hal ini, maka tidak hairanlah sekiranya nasionalisme yang muncul di Laos hari ini bercorak menentang Amerika dan Siam, sama seperti penentangan terhadap golongan yang bersekutu dengan mereka dan yang diperalatkan oleh mereka. Vietnam Utara dan China, sebaliknya menyokong Golongan Kiri Laos atas beberapa sebab yang kompleks. Di antara sebab-sebab yang jelas ialah: bagi menentukan keselamatan sempadan mereka yang dianggap terancam oleh cita-cita Siam dan Amerika; bagi menarik sokongan kaum minoriti dan proletariat Laos, juga untuk mempengaruhi sistem politik, ekonomi, dan sosial mereka ke arah satu sistem yang tidak terdapat borjuis ataupun golongan bangsawan bercorak feudal.

Perang saudara yang berlaku di Laos adalah ekoran daripada masalah-masalah yang muncul sejak enam abad yang lalu. Walaupun ia menggunakan senjata yang berlainan dan timbul dalam keadaan politik yang berbeza dengan kemunculan gerakan massa dan perubahan dalam hubungan sosial, masih terdapat ciri-ciri tradisional dalam perang saudara ini. Masalah utama yang timbul ialah masalah kewujudan sebuah negara Laos yang terperangkap antara Negeri Thai dan Vietnam. Ini hanya dapat berlaku sekiranya Laos berupaya mengadakan hubungan yang baik dengan kedua-dua

negara jirannya, dan bukannya tempat mengadu kuasa. Negara Laos akan hancur jika Thailand dan Vietnam menganggapnya tidak lebih daripada medan perang.

BAHAGIAN III

VIETNAM

1. ...
2. ...
3. ...
4. ...
5. ...
6. ...
7. ...
8. ...
9. ...
10. ...
11. ...
12. ...
13. ...
14. ...
15. ...
16. ...
17. ...
18. ...
19. ...
20. ...
21. ...
22. ...
23. ...
24. ...
25. ...
26. ...
27. ...
28. ...
29. ...
30. ...
31. ...
32. ...
33. ...
34. ...
35. ...
36. ...
37. ...
38. ...
39. ...
40. ...
41. ...
42. ...
43. ...
44. ...
45. ...
46. ...
47. ...
48. ...
49. ...
50. ...
51. ...
52. ...
53. ...
54. ...
55. ...
56. ...
57. ...
58. ...
59. ...
60. ...
61. ...
62. ...
63. ...
64. ...
65. ...
66. ...
67. ...
68. ...
69. ...
70. ...
71. ...
72. ...
73. ...
74. ...
75. ...
76. ...
77. ...
78. ...
79. ...
80. ...
81. ...
82. ...
83. ...
84. ...
85. ...
86. ...
87. ...
88. ...
89. ...
90. ...
91. ...
92. ...
93. ...
94. ...
95. ...
96. ...
97. ...
98. ...
99. ...
100. ...



9

KEJATUHAN DAN KEHANCURAN EMPAYAR ANNAM

NEGARA Vietnam terletak di bahagian timur semenanjung Indo-China. Ia terbentang luas sepanjang 1 800 km dari utara bersempadan dengan negeri China hinggalah ke Teluk Siam. Banjaran Annam memisahkan Vietnam dari negeri-negeri lain di Indo-China. Luas negara Vietnam ialah lebih kurang 329 500 km dan daripda segi geografi boleh dibahagikan kepada lima kawasan,

Vietnam mempunyai dua kawasan delta di utara dan di selatan, iaitu kawasan delta Sungai Merah (Song Koi) dan delta Mekong. Sungai Merah adalah kawasan terpenting di Tonkin yang memanjang ke arah selatan dataran Thanh Hoa dan Ha Tinh, sementara Delta Mekong pula merangkumi apa yang disebut Cochin China oleh orang-orang Barat. Kebanyakan daripada penduduk Vietnam tinggal di kedua-dua kawasan ini. Di bahagian utara terdapat bandar-bandar lama seperti Hanoi, Hadong, Nam Dinh, Thanh Hoa dan lain-lain sementara di selatan pula muncul bandar-bandar baru yang lebih maju seperti Saigon dan Cholon, pekan China yang berhampiran dengan Saigon merupakan kawasan yang termaju di negara itu. Di Kedua-dua kawasan delta ini terdapat sawah padi yang luas. Di utara Vietnam, kampung-kampung di kelilingi air sementara di selatan pula kampung-kampung terdapat di sepanjang jalan ataupun sepanjang tali air.

Kawasan yang ketiga di Vietnam ialah kawasan yang disebut sebagai kawasan tinggi dan sederhana, bergantung kepada tingginya kawasan itu. Di sini terdapat kawasan bukit yang kadang-kadang

tinggi yang memisahkan delta Sungai Merah di China Selatan dengan Laos. Kawasan delta didiami oleh penduduk bangsa Viet (orang Vietnam sekarang) sementara kawasan tinggi dan sederhana pula didiami oleh berbagai kaum yang kebanyakannya tergolong dalam kumpulan bangsa yang berbahasa Thai. Selain daripada itu, terdapat juga kaum lain seperti Tho yang mempunyai pertalian dengan penduduk di China Selatan.

Di antara kedua-dua kawasan delta ini, terdapat satu kawasan banjaran Gunung Annam memanjang ke arah pantai Laut Cina Selatan. Di sini terdapat lembah-lembah yang merentang dari utara Annam (wilayah-wilayah Nghe An, Quang Tr, Thua Thien) hingga ke Da Nang di sebelah Selatan, serta beberapa kawasan rendah di muara sungai (di wilayah Quang Nam, Quang Ngai, Binh Dinh dan lain-lain).

Banjaran Gunung Annam merupakan kawasan yang sukar direntangi yang dipenuhi oleh tumbuh-tumbuhan yang subur serta hutan rimba yang mengandungi berbagai jenis kayu dan akar serta berbagai hidupan liar. Orang Vietnam hanya mula meneroka ke kawasan ini selepas tahun 1940. Kawasan ini didiami oleh suku-suku kaum yang mempunyai pertalian dengan bangsa Indonesia yang digelar kaum Kha oleh orang Laos. Terdapat dua genting gunung, iaitu genting Mu Gia dan genting Ai Lao yang menghubungkan kawasan tengah Vietnam dengan Laos. Di selatan garisan lintang 16°, banjaran gunung ini menjadi bertambah luas membentuk beberapa dataran tinggi. Penduduknya berasal daripada suku bangsa Indonesia yang dipanggil Moi oleh orang Vietnam dan terdiri daripada kaum-kaum penting seperti Rhade, Koho, Sedang, Jarai, Bahnar dan lain-lain.

Vietnam terletak di kawasan tropika. Pada keseluruhannya, terdapat iklim yang panas dan lembap, walaupun ini berbeza antara satu kawasan dengan kawasan lain mengikut keadaan geografinya. Bahagian selatan mengalami musim panas dan kering yang lebih lama daripada kawasan pantai ataupun kawasan utara Vietnam.

Walaupun dipengaruhi oleh tamadun China (seperti Korea), Vietnam berjaya mengekalkan keaslian dan kemerdekaannya. Negara itu dijajah oleh China selama seribu tahun (111 sebelum S.M. hingga 939 selepas Masihi), tetapi mulai abad ke-10 hingga abad ke-

14 iaitu selama lebih 900 tahun Vietnam berkembang tanpa sebarang pertolongan luar.

Bangsa Vietnam merupakan satu bangsa yang tua dan kuat dan bangga dengan sejarah mereka yang lama dan tinggi. Kekuatan bangsa ini dapat dilihat melalui penentangan mereka terhadap percubaan-percubaan dari China, juga melalui peluasan mereka ke arah selatan (di sepanjang banjaran Annam dan Delta Mekong), seterusnya melalui ketahanan mereka dalam menghadapi berbagai dugaan dan ancaman. Vietnam mengalami keadaan berpecah-belah dalam negeri sehinggalah pada akhir abad ke-18 apabila keluarga Tayson berjaya menyatukan negara itu selepas berlakunya pemberontakan. Salah seorang daripada ahli keluarga Tayson ini menjadi maharaja dalam tahun 1788, iaitu Maharaja Quang Trung. Tetapi pemerintahan Tayson ini tidak lama kerana mereka dikalahkan oleh keluarga Nguyen yang memerintah di Hue dengan bantuan Perancis. Dinasti Nguyen memerintah seluruh Vietnam mulai 1802 dan berpusat di Hue.

Menjelang abad ke-10, setelah berjuang selama empat puluh tahun, Vietnam jauh ke tangan Perancis. Keadaan yang menyelubungi perjuangan ini amatlah penting bagi memahami peristiwa-peristiwa yang berlaku selepasnya.

Penaklukan Perancis

Penaklukan dan kejatuhan empayar lama Vietnam mengambil masa selama tiga puluh tahun dan melalui beberapa tahap.

Penaklukan ini bermula di selatan, iaitu di Cochinchina. Dalam tahun 1858, Perancis dan Sepanyol melancarkan serangan ke atas Da Nang (Tourane), iaitu pelabuhan penting bagi ibu negeri Vietnam. Serangan ini dibuat atas alasan memaksa Vietnam mengakhiri "penyeksaannya" terhadap misi-misi Katolik dan Kristian yang lain. Dari Da Nang, tentera Perancis mara ke arah selatan dan menawan Saigon pada 18 Februari 1859, iaitu pusat wilayah Nam Ky (Vietnam Selatan). Melalui perjanjian 5 Jun 1862, kerajaan Hue terpaksa menyerah semua wilayah timur Nam Ky yang dijadikan jajahan Perancis mulai tahun 1864. Dalam tahun 1867, tentera Perancis telah berjaya mengambil wilayah barat Nam Ky setelah menjalankan operasi menentang "penyusupan" gerila. Wilayah-wilayah ini kemudiannya dicantumkan dengan bahagian timur Nam

Ky yang telah dijadikan jajahan. Walau bagaimanapun penentangan gerila ini berterusan selama sepuluh tahun.

Mulai tahun 1872, Perancis memulakan gerakan penaklukan di bahagian utara Vietnam. Gabenor Cochin China menghantar sepasukan tentera ke Hanoi melalui Sungai Merah bagi membantu seorang pedagang yang menghadapi masalah dengan pentadbiran Tonkin. Ketua pasukan ini, Francis Garnier berjaya menawan Hanoi dan kemudiannya menghasut orang Kristian di situ supaya bangkit menentang kuasa raja. Tetapi beliau terbunuh dalam bulan Disember 1873 dan pemberontakan ini telah dapat dipatahkan oleh kerajaan Hue. Walau bagaimanapun, Vietnam terpaksa menerima Perjanjian Philastre (15 Mac 1874) yang memberikan kepada Perancis beberapa kemudahan daripada segi ekonomi, hak menentukan dasar luar Vietnam dan pengiktirafan oleh Vietnam terhadap pengambilan Cochin China oleh Perancis.

Perancis masih tidak berpuas hati dengan perjanjian ini. Dalam tahun 1882, mereka sekali lagi menghantar sepasukan tentera yang dipimpin oleh Riviere untuk menyerang Tonkin atas alasan yang Vietnam menyekat "perjalanan bebas" di Sungai Merah. Kali ini, mereka tidak mendapat sebarang sokongan daripada rakyat Vietnam. Tetapi Perancis berjaya menawan Hanoi (25 April 1882) dan meluaskan kawasan mereka dari pantai hingga ke Hanoi. Perancis meneruskan kegiatan di Vietnam selepas kemangkatan Raja Tu Duc dalam bulan Julai 1883. Pengganti Tu Duc, Raja Hiep Hoa terpaksa menandatangani satu perjanjian Naungan dalam bulan Ogos 1883 dan selepas itu, satu perjanjian baru yang lebih lengkap, iaitu Perjanjian Patenotre pada 6 Jun 1884.

Dalam keadaan kecemasan ini, Vietnam terpaksa meminta pertolongan dari negeri China yang pada masa itu juga sedang mengalami akibat peluasan kuasa oleh Eropah. China menghantar pasukan tentera ke Tonkin sejak tahun 1882 lagi. Malang sekali bagi China, ia terpaksa menandatangani Perjanjian Tientsin pada 9 Jun 1885 setelah tentera Perancis menyerang Fouchew dan Formosa. Melalui perjanjian ini China menggugurkan semua tuntutan ke atas Vietnam, mengiktiraf naungan Perancis ke atas Vietnam. Perancis pula berjanji akan melindungi masyarakat China di Vietnam serta mempertahankan sempadan China Selatan daripada sebarang pencerobohan luar.

Perjanjian bulan Jun 1884 yang menjadikan Vietnam sebagai negeri naungan Perancis telah membahagikan pentadbiran Hue kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama berpendapat yang mereka perlu bekerjasama dengan Perancis untuk menjaga kepentingan mereka dalam keadaan yang seperti ini, sementara golongan kedua pula berpendapat mereka mesti menunggu masa yang sesuai untuk mengangkat senjata bagi menghalau Perancis keluar dari Vietnam. Kumpulan yang bersikap menentang ini diketuai oleh Pemangku Raja, Ton That Thuyet, (seorang raja baru Ham Nghi yang berumur 12 tahun menaiki takhta pada tahun 1884).

Memandangkan yang Istana Hue masih meneruskan "sikap menentangnya", pihak tentera Perancis menguatkan lagi tekanan mereka. Thuyet dan seorang lagi keluarga diraja, Tuong mengetuai satu serangan ke atas kedudukan tentera Perancis pada 5 Julai 1885, tetapi serangan ini gagal. Sebagai membalas tindakan ini, tentera Perancis menduduki seluruh bandar Hue. Raja Ham Nghi dan Ton That Thuyet terpaksa melarikan diri bersama pengikutnya yang setia. Pihak Perancis mengambil kesempatan ini untuk mengambil alih kuasa pemerintahan negara Vietnam. Oleh kerana ketiadaan raja di Hue, maka Perancis melantik abang Raja Ham Nghi, iaitu Dong Khanh yang berumur 23 tahun sebagai raja pada 19 September 1885.

Peristiwa-peristiwa ini menimbulkan kemarahan orang Vietnam. Di semua kawasan di Annam, golongan cendekiawan bangkit menentang Perancis dan membunuh orang Kristian dan mereka yang bersubahat dengan Perancis. Pemberontakan ini yang dipanggil "pemberontakan cendekiawan" berakhir dalam bulan November 1888 dengan tertangkapnya Raja Ham Nghi yang kemudiannya dibuang negeri ke Algeria, manakala Thuyet melarikan diri ke negeri China. Namun demikian, perang secara gerila masih diteruskan oleh cendekiawan lain seperti Pham Dinh Phung (di Annam Utara) dan Hoang Hoa Tham yang digelar De Tham (di Tonkin). Perancis hanya berjaya menghapuskan pemberontakan dalam tahun 1896. Mereka berjaya kerana mempunyai kelengkapan senjata yang lebih kuat.

Kehancuran Kerajaan Vietnam

Kehancuran negara Vietnam tradisional sudah lama bermula.

Di bahagian selatan, maharaja Tu Duc memanggil balik semua pegawainya dari wilayah timur Cochin China sejak tahun 1862. Penduduk kawasan ini mendapati diri mereka tanpa pemimpin, walaupun kehidupan di kampung-kampung diteruskan di bawah kuasa pembesar setempat. Perancis memperkenalkan pentadbiran mereka, walaupun terpaksa menghadapi beberapa rintangan. Tidak terdapat seorang pegawai Perancis yang boleh bertutur bahasa Vietnam. Mereka terpaksa menggunakan penterjemah yang kebanyakannya datang dari sekolah-sekolah Kristian. Penterjemah-penterjemah ini menjadi orang yang penting atau berpengaruh juga sebagai orang perantaraan dalam hubungan antara Perancis dan rakyat Vietnam. Mereka tidak disukai oleh rakyat kerana mereka telah belot kepada raja dan bekerjasama dengan kuasa asing, juga kerana golongan ini tidak mempunyai pelajaran yang cukup dan fahaman yang mendalam tentang kebudayaan tradisional.

Pentadbiran Perancis berusaha membentuk sekumpulan pentadbir kulit putih yang dipilih daripada kalangan pegawai tentera. Mereka diperlukan tahu bertutur bahasa Vietnam dan mengetahui dengan mendalam adat resam orang Vietnam. Walau bagaimanapun, syarat pertama ini tidak lagi dikenakan mulai 1880 menyebabkan Perancis terpaksa bergantung kepada "pembesar" dan "penterjemah". Ada daripada golongan ini mengambil kesempatan daripada kedudukan mereka untuk mengumpul harta kekayaan. Ada juga yang memilih untuk menjadi rakyat Perancis.

Dalam tahun 1880, Perancis telah memperkenalkan satu majlis tempatan yang dipanggil Majlis Kolonial (*Conseil Colonial*). Kebanyakan ahlinya terdiri daripada orang Perancis yang dipilih oleh pegawai dan orang Perancis.

Perancis memperkenalkan dasar asimilasi di Cochin China. Masyarakat Vietnam tradisional di Cochin China telah hancur dan golongan cendekiawannya juga telah hilang, kampung dan daerah tidak lagi mempunyai kuasa politik, maka Perancis memikirkan untuk memperkenalkan sistem politik dan kebudayaan seperti yang dipraktikkan di tanah jajahannya di Afrika dan di Antilles.

Di kawasan tengah dan di utara (di Annam dan Tonkin) keadaannya berbeza. Walaupun kawasan ini dikuasai oleh Perancis, pemerintahan Vietnam masih mengekalkan jentera pentadbiran dan politiknya. Tetapi Vietnam mesti disatukan ke dalam Empayar

Jajahan Perancis, dan untuk menubuhkan "pentadbiran yang cepak" serta "membangun" di tanah jajahan yang baru ini, Perancis memperkenalkan beberapa langkah yang penting daripada segi politik.

Raja Vietnam diletak di bawah kuasa Perancis dan kuasanya dihapuskan. Dong Khanh yang lemah, terasing dan tidak mempunyai pengalaman politik dijadikan alat oleh penasihat Perancis serta beberapa orang cendekiawan yang bekerjasama dengan Perancis. Beliau dipaksa bersetuju memberikan konsesi-konsesi yang penting sebagai "balasan" kepada bantuan tentera dan pentadbiran Perancis yang diterimanya.

Selepas sahaja serangan ke atas Hue, iaitu pada 30 Julai 1885, satu perjanjian ditandatangani membenarkan Perancis menempatkan residennya di semua wilayah di Annam. Dalam satu ordinan bulan Jun 1886, Dong Khanh memberikan kuasa yang luas kepada seorang "wakil raja" (*kinh luoc*) di Tonkin. Dalam bulan Oktober 1888 pula, beliau menyerahkan kepada Perancis bandar Hanoi, Haiphong dan Da Nang yang dijadikan jajahan Perancis.

Seperti juga di Cochin China, Perancis menubuhkan sebuah pentadbiran "peribumi" yang dibantu sebahagian besarnya oleh penterjemah daripada misi Katolik serta individu yang dilatih mengikut keperluan. Beberapa orang mandarin berpeluang naik pangkat dengan cepat, seperti Hoang Cao Khai, seorang Gabenor disalah sebuah wilayah di Tonkin yang kemudiannya dilantik menjadi wakil raja di Tonkin.

Orang mandarin serta penterjemah ini merupakan orang perantara antara Perancis dan penduduk Vietnam dan mereka juga membantu melaksanakan pentadbiran Perancis. Pentadbiran Tonkin diletak secara rasminya di bawah kawalan Perancis melalui perjanjian 1884. Di Annam pula, Menteri Dalam Negeri Vietnam masih memegang jawatannya, tetapi beliau begitu kecewa apabila didapati tugas ketua wilayah diambil alih oleh pentadbir Perancis.

Vietnam sebagai sebuah negara yang bebas tidak lagi wujud pada akhir abad ke-19. Dalam tahun 1887, Paris mengambil keputusan untuk membentuk Persekutuan Indo-China (*Union Indochinoise*). Keputusan ini menjadi kenyataan dalam tahun 1887, dengan terbentuknya "pejabat gabenor-gabenor Indo-China". Pada mulanya ia merupakan satu badan yang menyelaraskan kegiatan gabe-

nor-gabenor atau residen-residen tempatan, tetapi kemudiannya ia meningkat menjadi kuasa yang tertinggi di Indo-China. Dengan adanya pentadbiran jeneral ini, maka hubungan terus-menerus antara Vietnam dan Paris sebelum ini terhapus. Satu akta dikeluarkan pada 27 Januari 1886 meletakkan Annam dan Tonkin di bawah Kementerian Luar Negeri Perancis. Dalam bulan Oktober 1887, satu lagi akta dikeluarkan yang meletakkan semua wilayah Indo-China Perancis di bawah kuasa jeneral yang merupakan "wakil tertinggi Perancis di seluruh kawasan yang ditakluk atau dinaungi" dan beliau hanya bertanggungjawab kepada Menteri Tanah Jajahan. Indo-China dijadikan "kawasan simpanan" pentadbiran jajahan. Jeneral dan pentadbirannya menjadi tabir pemisah antara Vietnam dan Perancis.

Selepas kematian Dong Khanh secara mengejut, dalam bulan Januari 1889, Perancis meletakkan seorang putera yang berusia 10 tahun, Thanh Thai sebagai pengganti. Di bawah pemerintahan baginda Perancis menguatkan lagi cengkaman mereka ke atas Vietnam. Penentangan oleh golongan cendekiawan yang disokong oleh penduduk Vietnam menyebabkan pentadbiran Perancis mengenakan kawalan ketat ke atas penduduk dan mengambil alih semua tugas penting dalam negeri. Selain daripada itu juga, Perancis menggunakan kedudukannya di Vietnam bagi meluaskan pengaruhnya keluar negara itu. Dalam tahun 1893, apabila berlaku konflik dengan Siam, Perancis menuntut hak ke atas Laos dengan memberikan alasan yang kerajaan Annam yang sebelum ini mempunyai kuasa ke atas Laos. Ketua wilayah Tran Ninh dan ketua kawasan tengah Laos memang mengakui kuasa Vietnam ke atas wilayah mereka pada permulaan abad ke-19.

Pada tahun 1897, Perancis mengukuhkan lagi kuasanya di Vietnam. Pada tahun ini, Indo-China menerima kedatangan seorang jeneral baru, Paul Doumer yang menyusun semula "Pentadbiran Jeneral". Pentadbiran ini diberi kuasa mengendalikan hal-hal pentadbiran am dan kewangan yang sumbernya datang daripada cukai, kastam dan penjualan garam, alkohol dan candu. Dalam bulan Ogos 1898, pentadbiran Perancis ini diberi kuasa untuk mengutip cukai di seluruh negara.

Sebelum tahun 1897, Tonkin masih mempunyai hubungan politik secara langsung dengan raja melalui "*kinh luoc*". Tetapi

dalam tahun 1827, tugas-tugas "*kinh luoc*" ini telah diambil alih oleh Ketua Residen Perancis yang menggelarkan dirinya sebagai "Wakil Raja Annam". Di Annam pula Ketua Residen di Hue mengambil alih tugas sebagai Pengerusi Menteri-Menteri (*Co-Mat*) dan semua keputusan yang dibuat hanya dapat dilaksanakan di Annam setelah mendapat persetujuan daripada pihak berkuasa Perancis. Pemerintahan secara naungan telah ditukarkan menjadi pemerintahan secara langsung. Kerajaan Hue bukan sahaja tidak mempunyai kuasa terhadap hal-hal diplomasi dan ketenteraan, malah kuasa pentadbiran yang ada padanya pun adalah terhad.

Dalam masa dua puluh tahun sahaja pemerintahan tradisional Vietnam terhapus. Semua institusi negara itu yang membolehkan Vietnam muncul pada abad ke-19 sebagai kuasa terbesar di Indo-China tinggal sebagai alat untuk meneruskan pemerintahan penjajah.

Dalam bulan Mac 1902, apabila Gabenor Jeneral Paul Doumer meninggalkan Indo-China, Vietnam merupakan sebuah negara yang terbahagi, terpaksa tunduk dan dimasukkan ke dalam empayar jajahan Perancis. Melalui empayar ini Perancis menegakkan kedudukannya di kalangan kuasa-kuasa besar, menyebarkan dasar "*mission civilivatrice*" sambil memberi jaminan kepada pengusaha ahli perdagangan dan ahli kewangan Perancis tentang peluang dan keuntungan yang mereka anggap sebagai hak mereka. Satu struktur politik, pentadbiran, ketenteraan dan ekonomi, kewangan, malah kebudayaan dipaksakan ke atas Vietnam yang terpaksa menampung keperluan golongan kecil orang Perancis (pegawai, tentera dan 'colon*') dan tekanan daripada golongan pelabur Perancis yang disokong oleh parti politik.

Penentangan Corak Baru

Golongan cendekiawan menyedari akan keadaan sebenar di Vietnam. Merekalah yang menyebarkan semangat banggakan tradisi di kalangan orang Vietnam sama ada di bandar ataupun di kampung. Mereka menanamkan semangat perjuangan menentang kuasa penjajah serta penyokong mereka.

*Colons ialah orang Perancis yang tinggal di Vietnam. Mereka mempunyai pengaruh yang kuat dalam ekonomi, pentadbiran dan politik di Vietnam.

Walaupun pada mulanya pihak Perancis mendapat tentangan daripada sebahagian besar daripada golongan yang pernah memimpin Vietnam dan golongan yang menentukan keadaan ini sebenarnya ialah rakyat jelata. Pada permulaan abad ke-20 rakyat Vietnam yang sudah merasa bosan dengan peperangan yang berlaku selama tiga puluh tahun serta sudah membiasakan diri mereka mentaati pihak berkuasa, walaupun raja itu zalim dan tidak adil, tidak mengambil bahagian dalam penentangan terhadap Perancis melainkan apabila kepentingan mereka terjejas secara langsung. Mereka tidak begitu bimbang dengan apa yang berlaku ataupun terpengaruh dengan apa yang dirasakan oleh golongan mandarin atau cendekiawan. Mereka masih tebal dengan perasaan kedaerahan.

Nasib malang yang menimpa keluarga diraja juga telah menyebabkan perpecahan di kalangan kelas pemimpin lama Vietnam.

Dalam tahun 1885 sebahagian besar daripada golongan cendekiawan telah menunjukkan kesetiaan mereka kepada Raja Ham Nghi dan kebencian mereka terhadap Dong Khanh. Raja Dong Khanh tidak mendapat sebarang sokongan daripada golongan cendekiawan, juga tidak dihormati oleh rakyat jelata.

Selepas penangkapan Ham Nghi, golongan cendekiawan ini terbahagi kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada 'mandarin' yang bekerjasama dengan Perancis dan mengaut keuntungan hasil daripada hubungan mereka dengan Perancis. Bagi kumpulan kedua pula, institusi raja masih merupakan tunjang masyarakat walaupun institusi dikawal oleh Perancis dan terdapat kelemahan pada diri raja. Maharaja (Hoang De) tetap sebagai 'anak syurga' penaung tradisi dan menjadi simbol Negara. Golongan ini berpendapat bahawa kuasa diraja, sekurang-kurangnya yang masih kekal,¹ perlulah dipertahankan. Vietnam mungkin dapat mengekalkan sesuatu yang penting; semangat dan tradisinya, di samping itu dapat juga menerima beberapa kebaikan daripada segi pemodenan.

Bagi kumpulan ketiga pula, raja-raja Vietnam yang menaiki takhta sejak 1885 bukanlah raja yang sah dan mereka hanya merupakan boneka bagi pihak berkuasa Perancis. Oleh yang demikian,

¹ Raja hanya mempunyai tugas-tugas yang berbentuk istiadat, dan ini pun tidak mempunyai erti yang besar sekiranya golongan cendekiawan mempersoalkan kesahan raja itu sendiri.

mereka perlulah menentang Perancis bagi mengembalikan semula kerajaan yang sah² melalui perjuangan yang disokong oleh rakyat dan bantuan daripada negara-negara sahabat. Tujuan utama golongan ketiga ini ialah untuk mencapai kemenangan bagi mengembalikan semula negara Annam lama yang telah dimusnahkan oleh Perancis. Cogan kata perjuangan mereka ialah "Sokongan kepada Raja" (*Can Vuong*).

Kebanyakan daripada cendekiawan yang menyertai perjuangan gerila dan bersenjata menentang Perancis dalam tahun 1885 telah mati terbunuh di medan perang ataupun dibunuh semasa dalam tahanan, hilang dalam penjara, juga mati ditimpa penyakit. Cendekiawan yang menyokong gerakan "*Can Vuong*" yang bernasib baik terselamat dalam "perang sepuluh tahun" ini (1885-1895) dan yang berjaya melindungi diri mereka daripada tertangkap, terpaksa lari ke kampung-kampung yang terpisah jauh dan tidak lagi melibatkan diri dalam politik. Lagipun golongan ini semakin berkurangan dengan perkembangan pelajaran dalam bahasa *quoc-ngu* (bahasa Vietnam yang ditulis dalam huruf Latin) dan bahasa Perancis yang menggantikan tulisan Cina.

Terdapat sejumlah kecil daripada golongan cendekiawan ini yang berjaya melarikan diri ke luar negeri, terutama ke negeri China dan Siam. Di samping itu, Vietnam adalah salah sebuah negara Asia yang dipengaruhi oleh tamadun China (China, Jepun, Korea) yang sejak separuh abad terpaksa menerima akibat daripada paksaan kuasa Barat. Keadaan ini menimbulkan kegiatan politik yang begitu pesat.

Di negeri China, terutama sekali di Canton dan kawasan yang berhampiran, timbul perasaan tidak puas hati terhadap cara kerajaan Mancu mengendalikan penentangan terhadap pihak Barat. Nasionalisme Cina sedang bergolak dan menghadapi krisis intelektual. Setelah berperang dengan Perancis (1883-1885), negara itu

²Kuasa raja di Vietnam bukan hanya boleh dibuat melalui perisytiharan semata-mata, tetapi memerlukan persetujuan dan sokongan golongan cendekiawan yang merupakan syarat penting kepada kejayaan seseorang raja dalam pentadbiran, hal-hal politik dan kebudayaan. Rakyat hanya akan menghormati dan mentaati perintah raja jika pemikiran dan tindak-tanduknya tidak melanggar tradisi dan perundangan kepercayaan Confucius; ini merupakan juga syarat yang perlu ada kepada seseorang raja sebelum beliau dianggap mendapat "mandat dari syurga".

kalah dalam perang dengan Jepun dan terpaksa menyerahkan pulau Famosa (1895-95). Orang Inggeris, Perancis, Jerman dan Rusia dan akhir sekali Amerika (yang menggantikan penjajah Sepanyol di Filipina dalam tahun 1898) masing-masing cuba masuk ke negeri China yang mereka anggap mempunyai pasaran untuk bahan-bahan keluaran mereka.

Sejak beberapa lama, orang Cina (seperti juga India dan Jepun) cuba memahami sebab kejayaan orang Barat. Mereka percaya yang kejayaan ini bukan sahaja disebabkan oleh kemajuan teknik, tetapi kerana sistem politik, ekonomi dan intelektual yang melahirkan satu dinamisme yang lebih tinggi daripada mereka. Mereka bukan sahaja memerlukan senjata dan teknik baru, tetapi juga satu kebudayaan baru melalui pemodenan. Dengan cara ini sahaja penentangan terhadap Barat akan berjaya.

Tetapi apakah yang perlu dimodenkan Pengaruh Barat di negeri China telah pun menimbulkan banyak akibat daripada segi politik. Gerakan pembaharuan Cina telah mencapai kejayaan, walaupun sementara. Kedua-dua pemimpinnya, Kang Yu-Wei dan Liang Ki Chao dijemput ke Peking untuk menemui Maharani China. Mereka mahu supaya institusi-institusi China diperbaharui mengikut contoh negara Jepun. Tetapi gerakan "100 hari" mereka (dalam tahun 1898) berakhir dengan kegagalan dan mereka terpaksa melarikan diri. Kerajaan Mancu (dan yang menyokong mereka tidak mahu perubahan sebenar dilakukan. China membuktikan kebenciannya terhadap kuasa asing dengan melancarkan revolusi Boxer (1900) yang berakhir dengan kegagalan.

Sejak dahulu lagi, golongan elit Vietnam percaya yang masa depan mereka adalah berkait dengan China. Melalui negeri China dan dengan pertolongan orang Cina maka orang Vietnam dapat menganalisis sebab-sebab kekalahan mereka. Mereka mempelajari beberapa konsep politik yang baharu melalui tulisan-tulisan Montesquieu dan Rousseau yang diterjemahkan ke dalam bahasa Cina.

10

KEGAGALAN GOLONGAN CENDEKIAWAN (1902-1916)

PENGALAMAN-PENGALAMAN pahit yang dialami dalam beberapa tahun kebelakangan ini menimbulkan kesedaran di kalangan cendekiawan muda dan berfikiran luas tentang perlunya mengubah cara dan orientasi perjuangan mereka. Perancis mempunyai kuasa tentera yang kuat di Vietnam dan juga tentera pentadbiran dan polis yang cekap. Dalam keadaan ini cendekiawan Vietnam percaya yang hanya dengan kekuatan tentera moden, sokongan rakyat yang sedar dan pertolongan luar akan membolehkan Vietnam membebaskan diri daripada cengkaman asing. Mereka perlu mendapatkan sokongan luar, melatih pejuang-pejuang yang berkebolehan untuk berperang secara moden dan menyemaikan ke jiwa rakyat kepercayaan kepada kemenangan golongan patriot.

Salah seorang daripada cendekiawan ini, Phan Boi Chau dari daerah Nghe An di Annam Utara, telah memulakan satu zaman baru dalam perjuangan kelas pemimpin tradisional Vietnam. Beliau yang dilahirkan dalam bulan Disember 1867, mengambil bahagian dalam gerakan yang dipimpin oleh Phan Dinh Phung di Annam Utara. Selepas kematian Phung dan tamatnya pemberontakan, beliau telah kembali ke bandar dan berjaya dalam peperiksaan yang diadakan di Vinh dan telah ditawarkan pekerjaan, tetapi beliau menolak. Mulai tahun 1902, beliau cuba mengumpul semula orang-orang yang mengambil bahagian dalam gerakan "*Can Voung*" dan menjelajah ke seluruh negara dari Utara ke Selatan untuk "membela maruah negara" dan menyebarkan kepada rakyat perasaan ingin membebas-

kan negara daripada penjajah. Dalam tahun 1903, beliau telah menghubungi Putera Cuong De, salah seorang daripada keluarga diraja bagi menyokong perjuangannya. Di samping itu juga beliau menghubungi cendekiawan-cendekiawan lain di ibu negara seperti Phan Chau Trinh dan Huynh Thuc Khang.

Dalam bulan Februari-Mac 1905, beliau pergi ke China Selatan menemui pelarian Vietnam (di antaranya bekas pemangku raja, Thuyet), kemudiannya ke negeri Jepun. Negara Jepun baharu sahaja mengalahkan Rusia dalam perang Jepun-Rusia dan berjaya menawan Port Arthur. Kemenangan Jepun ini amat dipandang tinggi oleh negara-negara Asia kerana ia merupakan satu kemenangan bangsa Asia memerangi salah satu kuasa kulit putih yang terbesar. Di Jepun, Chau sempat menemui pemimpin gerakan pembaharuan Cina, Liang Ki-Khao yang sama-sama melarikan diri, dan menemui pemimpin-pemimpin Jepun seperti Count Okuma. Orang Jepun menunjukkan simpati mereka terhadap perjuangan orang Vietnam. Mereka menasihatkan Chau supaya membawa keluar Putera Cuong De dari Vietnam bagi menolong beliau dalam tugas politik. Dalam bulan Ogos 1905, Phan Boi Chau kembali secara sulit ke Vietnam dan menghubungi penentang-penentang kerajaan, terutama sekali Phan Chau Trinh, juga Hoang Hoa Tham (De Tham) yang berundur ke Yen The. Beliau berjaya memujuk Cuong De yang berumur 24 tahun itu supaya keluar dari Vietnam. Cuong De meninggalkan Vietnam dalam bulan Januari 1906 menuju Jepun dan tiba di negara itu dalam bulan April. Pada musim panas 1906, Cuong De dan Phan Boi Chau menubuhkan Viet Nam Duy-Tan Hoi (Pertubuhan bagi pemodenan Vietnam) yang bertempat di negara Jepun. Tujuan Pertubuhan ini ialah membebaskan Vietnam, mengembalikan pemerintahan beraja yang sah dan memodenkan Vietnam dengan mencontohi Jepun (Pemulihan Meiji). Phan Boi Chau juga bertemu dengan Sun Yat-sen yang menubuhkan Tang Meng Hui (Kemudian menjadi Koumintang) yang dianggotai oleh berbagai pertubuhan nasionalis.¹ Tidak lama selepas itu, dari Tokyo, Phan Boi Chau

¹Sun Yat-Sen melawat Hanoi untuk beberapa bulan dalam tahun 1906 bagi menunggu pemberontakan yang sedang diatur oleh pengikut-pengikutnya di Kouangsi. Tetapi beliau tidak dapat tinggal lama di Indo-China. Orang Vietnam pada masa itu telah pun mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan Sun Yat-Sen sama ada di Hanoi, Cholon, Tokyo dan Paris. (Mengenai hubungan mereka di Paris, lihat Han Suyin, *L'arbre blessé*, Paris, Stock ms 195-197).

melancarkan satu risalah yang menentang keras Perancis, iaitu "surat dari seberang laut yang ditulis dengan darah" (November 1906).

Antara lain, Phan Boi Chau menulis, "kita telah dikalahkan kerana kita tidak mempunyai cukup pengetahuan". Oleh yang demikian, mereka perlulah mempelajari daripada orang yang telah dapat mengalahkan orang kulit putih, iaitu orang Jepun. Di Jepun, Duy-Tan Hoi telah menubuhkan beberapa pusat bagi melatih kader-kader dalam hal-hal politik dan ketenteraan supaya mereka dapat menganjurkan gerakan pembebasan apabila tiba masanya. Latihan ini dikenali sebagai gerakan Dong Du (Menuju ke Timur). Ramai pemuda Vietnam pergi ke Jepun bagi mempelajari rahsia kekuatan negara-negara Barat daripada segi kebudayaan dan teknik.

Terdapat banyak tulisan yang ditulis oleh Phan Boi Chau (Sejarah Pengabdian Annam dan lain-lain) ataupun oleh Cuong De (*Appel aux Cochinchinois* yang diterjemahkan ke bahasa *quoc ngu* dalam bulan Disember 1907 oleh Nguyen Hai Than yang diseludup masuk ke Vietnam dan dibincangkan dalam perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan oleh golongan cendekiawan. Persatuan-persatuan seperti ini ditubuhkan di beberapa buah bandar dan berselindung di bawah nama sekolah rakyat. Melalui persatuan-persatuan inilah ramai penuntut Vietnam dapat pergi ke Jepun secara senyap-senyap.

Cita-cita Phan Boi Chau ialah mengembalikan semula kemerdekaan Vietnam melalui pemberontakan yang menyeluruh. Memandangkan terdapat tekanan daripada golongan cendekiawan Vietnam yang mahu supaya perjuangan disegerakan, maka Phan Boi Chau membentuk satu "biro perniagaan" di Hong Kong, beliau juga pulang ke Vietnam bagi melihat kedudukan bekalan ketenteraan De Tham yang merupakan asas penting kepada pemberontakan yang akan dijalankan.

Penyokong-penyokong Pham Boi Chau dan Cuong De yang paling setia datang daripada kumpulan-kumpulan sulit yang aktif di Tonkin, Annam dan terutama sekali di Cochinchina. Sani-sani Buddha juga memainkan peranan besar dalam gerakan pembebasan yang menunggu masa yang sesuai untuk dilancarkan dengan sokongan Jepun (ataupun negara China). Jika negara Jepun dapat menundukkan Rusia, maka tidak ada sebab Vietnam tidak dapat mengalahkan Perancis.

Phan Chau Trinh

Perjuangan yang dianjurkan oleh Duy-Tan Hoi hanya merupakan salah satu daripada pilihan yang terdapat pada masa itu. Phan Chau Trinh yang juga mengikut Phan Boi Chau ke Jepun dalam tahun 1905 menganjurkan satu jalan lain bagi membebaskan Vietnam.

Berbeza daripada Phan Boi Chau yang mengharapkan sokongan luar (Jepun atau China) bagi membebaskan Vietnam dan serta bersedia menerima pengaruh asing dalam hal pelajaran, Phan Chau Trinh sentiasa berhati-hati terhadap Jepun yang bersikap bermusuhan terhadap China dan juga merupakan sekutu bagi Britain. Pada pendapat Phan Chau Trinh, mereka mesti mengelak daripada "terlepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya".

Phan Chau Trinh telah membuat analisa yang lebih mendalam tentang sebab-sebab kejatuhan Vietnam serta keadaan yang terdapat pada masa itu. Beliau dilahirkan dalam tahun 1872 di wilayah Quang Nam, tempat bapanya telah berjuang bersama Ham Nghi dan berjuang dalam perang gerila. Dalam tahun 1903, Phan Chau Trinh telah ditawarkan jawatan di Kementerian Adat Istiadat setelah berjaya dalam peperiksaan. Beliau kemudiannya telah meletak jawatan untuk mengikut Phan Boi Chau ke Jepun dalam tahun 1906. Tetapi beliau pulang ke Vietnam dengan perasaan kecewa. Phan Chau Trinh tidak bersetuju dengan cara perjuangan yang diajukan oleh Phan Boi Chau, terutama dalam penekanan kepada peranan yang dimainkan oleh De Tham dan penyokong-penyokongnya yang bersikap "tradisionalis". Beliau juga ragu tentang kejayaan pembertonakan yang sedang dalam persediaan itu. Beliau tertarik dengan kejayaan Jepun, tetapi mempunyai pendapat yang berbeza daripada Chau tentang kejayaan ini: Jepun berjaya mengalahkan Rusia, tetapi mereka terlebih dahulu berjaya mengelakkan diri daripada dijajah oleh Barat, sementara Vietnam jatuh ke tangan Perancis kerana mereka tidak mempunyai kekuatan yang cukup serta tidak ada perpaduan yang diperlukan bagi memberikan tentangan yang cekap kepada pihak Perancis.

Pada pendapat Trinh, kejayaan dalam membebaskan Vietnam hanya melalui sokongan rakyat. Bagi beliau, institusi-institusi usang, raja, dan golongan cendekiawan yang terkongkong oleh pemikiran Kung-Fu-Tze yang sempit serta golongan mandarin yang angkuh

tidak berupaya untuk mengetuai satu perjuangan yang memerlukan sokongan seluruh rakyat. Raja silih berganti, negara hanya kekal kerana rakyat menjadi tulang belakangnya, demikian pendapat Trinh. Bagi beliau, tradisi yang lapuk dan adat yang kolot mestilah dihapuskan, taraf kebudayaan rakyat mestilah dipertingkatkan serta pembaharuan daripada segi sosial dan ekonomi mestilah dijalankan bagi membuka jalan ke arah emansipasi rakyat. Ini memerlukan masa yang panjang. Pada pendapat Trinh, sebelum memulakan perjuangan untuk kemerdekaan, masyarakat Vietnam mestilah terlebih dahulu melalui pembaharuan: raja hendaklah dihapuskan kerana tidak lagi berfungsi, begitu juga golongan mandarin yang kuno dan menindas dan rasuah mestilah diperangi. Sebaliknya satu pendirian bercorak baru mestilah disemaikan (melalui bahasa *quoc ngu* dan bahasa Perancis) dengan berteraskan kepada penglibatan rakyat, melibatkan rakyat dalam hal-hal awam, menyebarkan teknik dan penggunaan moden serta membentuk persatuan-persatuan yang bercorak pertanian dan perdagangan. Trinh percaya yang kerjasama dengan Perancis boleh menolong Vietnam menghapuskan "feudalisme" dan "despotisme" serta memperkenalkan pembaharuan-pembaharuan politik dan kemajuan di bidang teknik. (Dalam tahun 1905, Perancis memperkenalkan dasar baru di Vietnam).

Trinh juga mengingatkan yang peperangan bersenjata melawan Perancis sejak dua puluh tahun yang lepas masih gagal menghalang Perancis daripada meneruskan cengkaman mereka ke atas Vietnam. Perjuangan bersenjata hanya berkesan jika disokong oleh pembaharuan politik dan sosial yang meluas. Vietnam tidak akan berjaya membebaskan dirinya daripada cengkaman asing jika ia tidak mengubah keadaan dan sikap struktur sosial yang terdapat di negara itu pada masa itu.

Trinh yang sudah biasa dengan tulisan-tulisan ahli fikir Perancis yang terkenal² memahami tentang keadaan rejim lama Vietnam dan mahu mengelakkan kesilapan yang dilakukan di Perancis. Rejim lama Vietnam tidak mempunyai tempat dalam sebuah Vietnam yang bebas. Empayar Vietnam hancur kerana pemerintahannya yang

²Antara yang terkenal ialah Montesquieu, Rousseau, Voltaire, Diderot dan lain-lain. Masalah kebebasan, persamaan, kemajuan tamadun, sosial kontrak dan pembaharuan politik tidak membangkit semangat pada masa itu.

lemah. Ini disebabkan oleh keadaan tertentu, terutamanya tentang dominasi golongan mandarin dan pemilik tanah, serta beberapa adat kolot, yang menjauhkan rejim lama Vietnam daripada rakyat yang setengahnya lebih menghormati Perancis (seperti yang dibuktikan oleh Lyautey dan Gallini). Pendapat Trinh ini amat berbeza daripada golongan pejuang Vietnam yang terdapat di Tokyo yang tidak langsung mempersoalkan kelemahan yang terdapat dalam empayar Vietnam. Bagi Phan Chau Trinh, buah fikirannya bukanlah berdasarkan kepada keinginan untuk kembali kepada kebesaran masa lampau ataupun ingin menuntut bela. Baginya, Vietnam; tetapi beliau juga tidak dapat menerima rejim penjajah sepertimana yang terdapat di Vietnam pada masa itu.

Menjelang musim panas 1906, Trinh telah menyebarkan satu surat terbuka untuk orang Vietnam yang menyeru mereka supaya menerima naungan Perancis kerana katanya Vietnam tidak lagi mampu berdiri sendiri kerana Vietnam dikelilingi oleh jiran-jiran yang lebih ramai penduduknya.³

Pada 15 Ogos 1906, Trinh telah menghantar satu memorandum kepada Gabenor Jeneral Perancis, Paul Beau untuk menjelaskan beberapa masalah orang Vietnam. Beliau menuduh pemerintahan Perancis tidak berbuat sesuatu untuk meninggikan taraf pelajaran rakyat, malah menekan orang Vietnam dengan berbagai jenis cukai dan menyerahkan nasib rakyat Vietnam kepada "golongan mandarin yang rasuah" yang bertindak atas nama Perancis, dan dengan ini menjatuhkan nama Perancis sendiri. Bagi Trinh keadaan ini membuktikan yang Perancis sendiri melanggar prinsip-prinsip revolusi 1789 yang dibangga-banggakan oleh Perancis. Surat Trinh ini mendapat sambutan yang besar, dan pentadbiran Perancis tidak dapat membisu terhadap kesan-kesannya.

Dalam tahun 1906 itu juga, Gabenor Jeneral Paul Beau membentuk sebuah Jabatan Pelajaran dan menubuhkan sebuah "Universiti Indo-China" di Hanoi yang merangkumi beberapa institut yang masih mempunyai taraf sederhana dan kebanyakan penuntutnya adalah orang Perancis sendiri. Beliau juga cuba memperbaiki perkhidmatan perubatan. Dalam tahun 1907, beliau membenarkan sebuah badan permesyuaratan dan majlis tempatan.

³Surat yang diterbitkan dalam *B.E.F.E.O* (Mac - Jun 1907) ms 166-175.

Trinh mempunyai pengikut yang ramai. Beliau mahu mengumpulkan golongan cendekiawan yang benar-benar ingin mengubah keadaan institusi yang terdapat di Vietnam. Beliau cuba memimpin mereka supaya lebih mengambil berat tentang pembangunan ekonomi, dan mengingatkan pemuda Vietnam supaya jangan terlalu memilih kerja pejabat kerana kekayaan negara berasaskan kepada pertanian dan perniagaan dan mereka hendaklah mengambil berat tentang soal ini. Beliau juga membuka sebuah badan perdagangan yang mempunyai ladang menanam pokok kulit kayu manis. Berikutan daripada ini, beberapa badan perdagangan dibentuk di Annam dan Cochin China, juga di utara yang membuka pintu kepada ramai ahli.

Trinh cuba menyampaikan fikirannya kepada rakyat jelata. Beliau merupakan seorang yang aktif, pandai berpidato dan beliau banyak mengunjungi kampung-kampung untuk menyebarkan propogandanya yang begitu menarik perhatian ramai. Beliau menggalakkan kampung-kampung supaya membuka sekolah kuil-kuil dan menggantikan tulisan Cina dengan bahasa *quoc ngu*. Beliau juga menggalakkan penerbitan buku-buku baru yang boleh disebarkan kepada rakyat.

Di Hanoi, penuntut "Universiti Indo-China" merupakan penyokong kuat kepada gerakan pembaharan. Atas nasihat Trinh, beberapa orang cendekiawan, Nyuyen Hien, Duong Ba Trac dan lain-lain, telah menubuhkan sebuah Institut Pendidikan yang dinamakan Dong Kinh Nghia Thuc dalam bulan Mac 1907 bagi menampung keperluan pelajaran. Institut ini mendapat sokongan kewangan daripada peniaga-peniaga dan merupakan sebuah pusat pengajian swasta. Tujuan utamanya ialah memperkenalkan pelajaran yang "moden" kepada rakyat jelata. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Vietnam, Cina dan bahasa Perancis dan penuntutnya tidak dikenakan apa-apa bayaran. Penekanan diberikan kepada kebudayaan kebangsaan, sains dan ekonomi politik. Institut ini juga menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah untuk disebarkan. Dalam sedikit masa sahaja, institut ini berjaya menarik beribu penuntut.

Gerakan ini berjaya mengubah satu perkara penting; jika golongan "moden" di negara China memotong rambut mereka yang panjang, maka golongan "moden" Vietnam pula memotong sanggul mereka. Gerakan ini yang dipimpin oleh Phan Thanh Tai, mendapat

sambutan hangat di Annam dan Tonkin kerana adat-adat lama lebih kuat daripada di Selatan Vietnam.

Di Cochin China pula, satu kelas borjuis kebangsaan mulai muncul dan tertarik dengan gerakan yang dilancarkan oleh Phan Boi Chau dan Phan Chau Trinh. Bagi mereka, kemerdekaan Vietnam akan menguntungkan mereka kerana akan membuka peluang kepada golongan itu untuk berkuasa sebagai pengganti Perancis. Mereka melihat contoh negara Jepun yang golongan daimyos' dengan bantuan 'Samurai' berjaya memegang teraju negara dan memajukan ekonomi dengan adanya golongan usahawan dan jurutera yang berkebolehan. Vietnam memerlukan gedung-gedung perusahaan dan perniagaan yang maju untuk membangun. Pengusaha dan peniaga Vietnam boleh membantu dengan memberi sumbangan kewangan kepada sekolah dan kegiatan politik sepertimana yang dilakukan oleh orang Jepun ataupun orang Cina di luar negeri. Sebagai menyahut seruan inilah, maka dalam tahun 1906, Gilbert Chieu, bekas pegawai kerajaan yang menjadi rakyat Perancis telah membuka beberapa gedung perusahaan dan perniagaan. Dalam risalah-risalah yang ditulisnya, beliau juga menekankan betapa pentingnya pembangunan daripada segi pertanian dan menyeru orang Vietnam supaya membeli barang-barang keluaran Vietnam. Kemerdekaan akan lebih bererti apabila orang Vietnam dapat membentuk asas ekonomi negara yang mempunyai struktur yang sama seperti di Perancis. Chieu mempunyai hubungan dengan Cuong De dan Phan Boi Chau dan mendapat sokongan daripada pegawai kerajaan dan orang besar.

Peristiwa-peristiwa Tahun 1907-1908

Dalam tahun 1907, rakyat Vietnam menerima satu berita yang mengejutkan. Pada 29 Julai 1907, Raja Thanh Thai yang dikatakan menjadi "gila" telah ditahan dan selepas itu dipaksa turun dari takhta oleh pihak Perancis (3 September). Peristiwa ini sangatlah mengejutkan orang Vietnam. Raja yang selama ini dianggap sebagai Putera Syurga dengan segala ketinggian martabatnya mendapat layanan yang begitu rendah daripada pegawai Perancis. Walaupun Thanh Thai sebenarnya raja pada nama sahaja dan kuasa adalah di tangan Perancis, rakyat Vietnam merasa marah atas layanan yang diberikan oleh Perancis kepada baginda. Dasar Perancis yang mem-

berikan takhta kerajaan kepada Duy Tan, Putera Thanh Thai yang berumur tujuh tahun itu adalah bertentangan dengan adat resam Vietnam yang anak mesti menghormati orang tuanya. Kemarahan yang timbul daripada kejadian ini menaikkan lagi semangat untuk berjuang.

Keadaan gelisah yang terdapat pada masa itu menyebabkan pihak pentadbiran Perancis mengambil tindakan untuk menutup Institut *Dong Kinh Nghia Thuc* dalam bulan Disember 1907. Penuutupan institut ini menimbulkan kemarahan orang-orang yang sebelum ini masih percaya kepada pembaharuan secara aman, dan menyebabkan mereka bertukar ke arah dasar perjuangan secara keras seperti yang dianjurkan oleh Phan Boi Chau. Sementara itu orang Perancis juga merasa bimbang tentang kemunculan "kapitalisme peribumi" yang, walaupun masih pada peringkat awal, dianggap oleh orang Perancis sebagai mengancam kedudukan mereka di Vietnam. Pentadbiran Perancis sendiri semakin menguatkan dasar penindasan mereka apabila mereka merasakan yang Phan Boi Chau sudah tidak lagi mendapat sokongan Jepun. Sebenarnya negara Jepun yang memerlukan pinjaman sebanyak 300 juta francs dari Perancis telah menandatangani satu perjanjian (10 Julai 1907) untuk tidak campur tangan dalam hal tanah jajahan Perancis di Asia.

Dasar Gabenor Jeneral Beau terhadap "para pejuang peribumi" semakin mendapat kecaman. Akibat desakan daripada golongan yang ada hubungan dengan pentadbiran penjajah Perancis, sama ada di Perancis atau di Indo-China, Paul Beau terpaksa dipanggil balik dan meninggalkan Indo-China dalam bulan Februari 1908.

Sementara itu keadaan di Vietnam semakin runcing. Di kawasan tengah Vietnam, petani-petani mulai memberontak dan menuntut supaya dihapuskan dasar buruh paksa dan monopoli ke atas beberapa barangan dan meminta supaya dikurangkan beban cukai. Kejadian ini berlaku selepas penangkapan tiga orang cendekiawan oleh pihak Perancis pada 9 Mac 1908 di Faifo. Pemberontakan ini merebak ke kawasan yang berhampiran dengan Faifo, seterusnya sehingga ke kawasan Hue.

Pada keseluruhannya, kebangkitan petani adalah secara aman, walaupun terdapat beberapa kekerasan yang dilakukan ke atas pemungut-pemungut cukai. Ada di antara penunjuk perasaan ini yang memotong sanggul mereka bagi menunjukkan yang mereka

adalah daripada golongan "moden". Kebangkitan ini juga dianggap sebagai tanda "memberontak". Pihak Perancis tersangat marah terhadap tunjuk perasaan ini dan menjalankan tindakan memeras yang ganas. Pemimpin-pemimpin mereka ditangkap dan kebanyakannya daripada mereka dihantar ke Pulau Condore. Di antaranya termasuklah Phan Chau Trinh (dihantar pada 4 April 1908) dan beberapa orang cendekiawan seperti Duong Ba Trac, Le Van Huan, Huynh Thuc Khang dan lain-lain.

Di Utara Vietnam pula pengikut-pengikut Phan Boi Chau tidak mempunyai cukup masa untuk mengatur gerakan mereka secara rapi. Kawasan penting mereka ialah Yen The. Ketuanya De Tham. Mereka lebih cenderung untuk menjalankan rampasan kuasa daripada menggerakkan pemberontakan umum. Pada 27 Jun 1908, pihak Perancis membongkar satu komplot menentang Perancis di Hanoi oleh De Tham.⁴ Di Cochinchina, polis telah menangkap Gilbert Chieu dan 92 orang lain yang disyaki berikutan daripada dakwaan Perancis yang kegiatan perdagangan oleh Chieu digunakan untuk melindungi gerakan menentang Perancis. Badan perniagaan yang ditubuhkan oleh Chieu dihapuskan, tetapi kebanyakan daripada yang tertangkap yang kebetulan menjadi rakyat Perancis tidak dikenakan apa-apa tindakan.

Peristiwa-peristiwa di atas, walaupun tidaklah begitu penting dan berjaya ditumpaskan oleh Perancis, telah digunakan oleh pihak Perancis sebagai satu sebab untuk menjalankan dasar penindasan yang lebih meluas terhadap sebarang perbuatan yang bertujuan menghapuskan kedaulatan Perancis di Vietnam. Dasar ini yang disokong oleh orang Perancis di Vietnam telah menimbulkan rasa marah yang lebih kuat di kalangan orang Vietnam.

Pentadbiran Gabenor Jeneral Klobukowski (September 1908-Februari 1911) mempertahankan dasar penindasan ini. Universiti Indo-China ditutup dan semua penerbitan yang datang dari Jepun atau China diharamkan. Pihak Perancis mengambil kesempatan untuk menjalankan penindasan dan pengadilan terhadap "pembelot-pembelot" secara besar-besaran, malah yang terbesar dalam

⁴Usaha menentang De Tham oleh Perancis dijalankan dalam bulan Januari 1909. Beliau tertewas dalam tahun 1913 berikutan daripada pembelot oleh seorang bangsa Cina.

sejarah Vietnam moden. Berikutan daripada ini berlaku pembunuhan dan hukuman penjara, kerja paksa serta pembuangan terhadap mereka yang tertangkap.

Untuk memastikan kejayaan dasar ini, Perancis meminta sokongan Jepun. Sejak 1908, kerajaan Paris meminta Jepun supaya menutup sekolah-sekolah yang dihadiri oleh orang Vietnam serta berjaya mendapat sokongan Jepun supaya Cuong De dan Phan Boi Chau dihalau keluar dari Jepun. Phan Boi Chau meninggalkan Jepun dalam bulan Mac 1909 dan pergi ke Hong Kong, seterusnya ke Siam dalam tahun 1910. Di sana beliau menghabiskan masa lapan bulan untuk menyusun kegiatan orang Vietnam. Cuong De pula meninggalkan Jepun dalam bulan Oktober 1909 untuk pergi ke Hong Kong.

Perancis percaya yang mereka sekali lagi berjaya menentang orang Vietnam, tanpa menyedari tentang kesan sebenar gerakan-gerakan tahun 1907-1908. Pihak Perancis di Hanoi dan di Paris tidak mengambil kesempatan daripada keadaan ini untuk mengkaji semula dasar mereka, sebaliknya memilih untuk tidak menghiraukan langsung gerakan kebangsaan Vietnam.

"Dasar Association"

Peristiwa-peristiwa tahun 1908 akhirnya berjaya menyedarkan pendapat umum di Perancis tentang keadaan di Vietnam.

Berikutan daripada ini, Parti Sosialis mengusulkan satu sidang Parlimen di Paris. Salah seorang wakil rakyat F. de Pressens menjelaskan yang peristiwa-peristiwa 1908 adalah hasil daripada rasa tidak puas hati terhadap dasar monopoli Perancis ke atas garam, alkohol dan candu. Beliau juga menyentuh tentang tindakan-tindakan penindasan pihak pentadbiran Perancis di Vietnam dan masalah Phan Chau Trinh. Tetapi Menteri Tanah Jajahan, Millies-Lacroix (yang memegang jawatan sejak 1909) berjaya memutarbelitkan perdebatan dan berjaya mendapatkan satu keputusan⁵ yang pada asasnya tidak mengubah dasar Klobukowski.

⁵Keputusan ini diambil pada bulan April 1909 berbunyi: "Dewan yakin yang dasar pertubuhan adalah perlu untuk kesejahteraan rakyat dan keselamatan tanah jajahan kita di Asia. Dengan ini dasar kewangan, ekonomi dan keadilan di Indo-China mestilah diubahsuai dan penglibatan peribumi dalam hal-hal awam perlulah diadakan secara beransur-ansur". (*Debais parlem.*, Chambre des Deputes 1909).

Masalah Indo-China terus ditimbulkan dalam perbincangan-perbincangan di Parlimen Perancis, sepertimana yang terdapat dalam perbincangan mengenai peruntukan kewangan (31 Mac-7 April 1911). Jean Jaures, salah seorang wakil menuntut supaya monopoli garam dihapuskan, cukai ke atas beras dikurangkan serta dasar berjimat cermat dalam pentadbiran dan permesyuaratan dengan wakil-wakil Vietnam diadakan. Tetapi semuanya ini gagal.

Tetapi selepas bulan April 1911, setelah Sun Yat-Sen berjaya menjatuhkan kerajaan Manchu di China, kerajaan Perancis mula mengambil berat tentang keadaan genting di Vietnam dan mengkaji semula dasarnya di Indo-China.

Peristiwa-peristiwa di Asia, kemenangan Jepun, kebangkitan di China, India, Iran dan Turki dan pengkajian semula dasar British di India meyakinkan Paris yang dasarnya di Indo-China mestilah diubahsuaikan dengan keadaan. Kerajaan Perancis telah pun menukar dasar daripada dasar asimilasi kepada dasar "*association*". Malah, sejak 27 Mac 1905 lagi Menteri Tanah Jajahan, Etienne Clementel, mengumumkan yang dasar ini perlulah dijalankan sepertimana yang pernah disebut oleh Gabenor Jeneral Beau di Hanoi. Tetapi pengumuman ini masih tidak meyakinkan golongan sosialis Perancis.⁶

Satu dikri 20 Oktober 1911 membolehkan penyusunan semula dasar Perancis di Indo-China. Seorang gabenor jeneral baru dilantik, iaitu Albert Sarraut (radikal-sosialis). Perancis benar-benar mahu menjalankan dasar "*association*" dengan melibatkan golongan elit Vietnam secara beransur-ansur ke dalam pentadbiran. Dengan ini Paris berharap supaya dapat mengelak orang Vietnam daripada memandang ke arah Jepun dan terutama sekali negeri China yang berjaya menjatuhkan Manchu.

Gabenor Jeneral Albert Sarraut menegaskan yang dasar "*association*" Perancis-Vietnam ini merupakan sebahagian daripada "sifat" jujur dan "setia" yang patut ditunjukkan oleh negeri naungan. Berikutan daripada dasar ini, Phan Chau Trinh dibebaskan (1911) dari Pulau Condore dan ditempatkan di Mytho tempat beliau

⁶Akhbar l'Humanite, bertarikh 8 Ogos 1906 menulis: "dasar pertubuhan" adalah satu pembongkaran dan pada hakikatnya sama dengan dasar asimilasi yang kononnya telah dihapuskan.

dikenakan kawalan ketat. Beberapa ketika selepas itu, beliau dibenarkan pergi ke Paris dan menetap dalam "buangan" di ibu negara Perancis itu.

Pentadbiran Perancis di Vietnam serta sistem keadilan disusun semula. Undang-undang mengenai hukuman dikaji semula, seksaan ke atas banduan diharamkan. Sistem pelajaran juga disusun semula dan peruntukan yang lebih banyak diberikan. Demikian juga halnya dalam bidang kesihatan awam. "Majlis Tertinggi" diubah menjadi "Majlis Kerajaan" tetapi masih lagi bertaraf permesyuaratan dan wakil-wakil peribumi yang menganggotainya tidak diberi kuasa yang sepatutnya. Orang Vietnam juga diberi peluang yang lebih besar bagi menyertai dewan tempatan. Albert Sarraut juga membentukkan sebuah "Dewan Perwakilan Rakyat" (satu perempat daripada ahli-ahlinya dilantik, dan tiga perempat dipilih). Beliau juga menubuhkan majlis tempatan yang diwakili oleh orang besar, tetapi majlis ini semata-mata berperanan sebagai majlis permesyuaratan.

Penyusunan semula pentadbiran Perancis di Vietnam ini merupakan permulaan kepada memenuhi tuntutan yang pernah dibuat oleh Phan Chau Trinh. Ia sekadar cukup untuk menjernihkan semula hubungan Perancis-Vietnam. Tetapi malangnya, dasar ini ditentang hebat oleh orang Perancis di Indo-China yang merasakan kepentingan mereka terancam.

Kerajaan Paris berharap dasar baru ini akan mengelakkan berulangnya kekacauan. Phan Boi Chau telah meninggalkan Siam sebaik sahaja menerima berita kejayaan revolusi di China. Beliau terus ke Hong Kong dan Shanghai, kemudiannya ke Kwantung. Kejayaan Sun Yat-Sen di China memberi perangsang kepada orang Vietnam di kawasan sempadan menyusun kegiatan mereka bagi melancarkan serangan baru. Mereka mendapat sokongan daripada gabenor China di Kwangsi dan di Kwantung, juga daripada orang Cina yang kaya di kawasan Kwantung. Phan Boi Chau mula menyokong idea kerajaan bercorak republik setelah terbentuknya "Kerajaan Sementara Republik China" dalam bulan Januari 1912 yang menggantikan kerajaan Manchu.

Dalam bulan Mei 1912, orang pelarian Vietnam di China membentuk "*Viet Nam Quang Phuc Hoi*" (Persatuan bagi Pemulihan Vietnam), dan menubuhkan sebuah "kerajaan Vietnam", termasuklah satu jawatankuasa pusat yang dipimpin oleh Cuong De (yang

menjadi Presiden Persatuan) dan dibantu oleh Phan Boi Chau (Setiausaha Agung).

Persatuan ini berjaya mengadakan hubungan dengan kongsi-kongsi gelap yang aktif terutama di Cochin China. Mereka menyebarkan risalah dan propaganda melalui ejen-ejen yang cekap tetapi pemberontak-pemberontak Vietnam ini sedar yang mereka terasing dan lebih cenderung kepada keganasan. Dalam bulan Disember 1912, sebutir bom dilancarkan oleh pemberontak di Nam Dinh terhadap Albert Sarraut, tetapi bom itu tidak meletup. Beberapa kejadian yang sama berlaku di Cochin China, (Saigon dan Cholon) berikutan 300 orang petani pemberontak dalam bulan Mac 1913 di bawah pemimpin seorang sami, Phan Xich Long yang menganggap dirinya sebagai penjelmaan dari Ham Nghi. Kegiatan ganas ini merebak ke Tonkin dalam bulan April.

Tetapi Perancis segera bertindak dan menangkap pemimpin-pemimpin pemberontak. Cuong De dan Phan Boi Chau dihukum mati (tanpa hadir). Dalam bulan September 1913, A. Sarraut pergi ke Canton meminta supaya kerajaan Peking menangkap pemimpin-pemimpin Vietnam dan berjanji akan menolong China membanteras askar-askar Kuomintang di Yunan yang ditubuhkan dalam bulan Ogos 1912 oleh pengikut Sun Yat-Sen. Phan Chau ditangkap (Januari 1913) dan dipenjarakan oleh pemerintah China, sementara Cuong De lari ke Hong Kong. Sementara itu, orang Perancis di Indo-China terus menentang dasar "sederhana" dan dasar "pertubuhan" yang dijalankan oleh pentadbiran Perancis.

Kemarahan orang Vietnam memuncak apabila makam Maharaja Tu Duc dicabuli oleh seorang Perancis yang mencari "harta karun". Peristiwa ini menyebabkan orang-orang yang "sederhana" menyokong perjuangan secara kekerasan.

Dasar Albert Sarraut juga membuka jalan bagi kemunculan borjuis baru Indo-China. Tetapi keadaan yang terdapat di Vietnam pada masa itu tidak memberi peluang ke arah kejayaan dasar Sarraut. Revolusi China pula tertekan buat sementara oleh Yuan Shi Kai dan golongan konservatif di utara. Masyarakat Perancis di Indo-China juga berjaya menentang dasar-dasar Albert Sarraut. Akhirnya pada 4 Januari, 1914, beliau meninggalkan Indo-China.

Dasar beliau berjaya mengelakkan kekacauan buat sementara waktu. Menjelang Perang Dunia Pertama 1914, Kerajaan Perancis

begitu yakin yang kedudukannya di Indo-China terjamin sehinggakan mereka menarik sebahagian besar bala tentera mereka dari Asia dengan hanya meninggalkan seramai 2,500 askarnya di Indo-China. Orang Vietnam pula tidak mengambil kesempatan ini untuk menikam Perancis dari belakang, malah menunjukkan sokongan mereka terhadap Perancis dalam perang di Eropah. Ada di antara mereka yang secara sukarela pergi ke Perancis mempertahankan negara itu dan bekerja di kilang-kilang di Perancis.

Duy Tan dan Pemberontakan 1916

Golongan pemimpin lama Vietnam tidak berpuas hati dengan keadaan yang ada dan masih tidak dapat menyesuaikan strategi mereka dengan keadaan yang baru timbul.

Perang di Eropah memberikan peluang yang ditunggu-tunggu. Badan Perisik Jerman mula menghubungi Quang-Phuc Hoi. Phan Boi Chau yang masih ditahan di penjara di Canton, telah mengarahkan pembantunya Nguyen Thong Hien pergi ke Bangkok menghubungi pihak Jerman. Cuong De juga bercadang untuk pergi ke Berlin, walaupun ini tidak pernah tercapai. Konsul Jerman di Bangkok memberi 10 000 piastres untuk kegunaan Phan Boi Chau menjalankan kegiatannya.

Dalam bulan Mac 1915, Nguyen Hai Than, seorang pengikut Chau cuba menyerang pertahanan Perancis di Langson. Dalam bulan September 1915, satu serangan dilancarkan di Lao Bao, di Annam tengah oleh komando nasionalis. Dalam bulan Februari 1916 pula segolongan pemberontak yang terdiri daripada petani menyerang Saigon dan berjaya sampai ke penjara besar tempat Phan Xich Long ditahan. Percubaan mereka untuk membebaskan Phan Xich Long tidak berjaya. Di Annam pula Tran Cao Van berjaya menyatukan pemberontak-pemberontak yang terdiri daripada petani-petani di daerah Quang Nam dan mendapat sokongan golongan cendekiawan yang mempunyai hubungan rapat dengan keluarga diraja. Mereka juga berjaya mendapat sokongan raja Duy Tan yang berumur 15 tahun yang masih tidak melupakan perbuatan Perancis terhadap bapanya. Tran Cao Van juga mengharapkan sokongan daripada sukarelawan yang pergi ke Perancis.

Pada malam 3 Mei 1916, Raja Duy Tan menyusup keluar dari istana untuk mengetuai pemberontakan yang diaturkan oleh Tran

Cao Van dengan bantuan golongan cendekiawan dan ahli kongsi gelap. Pemberontakan ini nyata daripada mulanya lagi gagal. Duy Tan ditangkap di kawasan istana dan diturunkan dari takhta dan dibuang negeri ke Pulau Reunion bersama bapanya Thanh Thai.⁷ Tran Cao Van ditangkap dan dihukum bunuh (17 Mei). Putera Dong Khanh iaitu Khai Dinh, dilantik menjadi raja baru (18 Mei 1916).

Kegagalan ini merupakan berakhirnya perjuangan golongan cendekiawan. Gerakan Kebangsaan Vietnam sehingga kini belum dapat membebaskan diri mereka daripada sifat-sifat kuno dan pemikiran lama Kung Fu-tze serta keghairahan mereka terhadap "Enlightened Philosophy". Golongan yang menyokong Jepun, peniaga, sami, golongan terpelajar yang baru tidak mempunyai kepentingan bersama selain daripada penentangan terhadap rejim penjajah Perancis di Vietnam.

Terdapat perbezaan pendapat yang besar di kalangan para pejuang dan mereka juga tidak mendapat sokongan menyeluruh daripada rakyat ketika serangan-serangan dilancarkan. Walaupun terdapat pejuang yang berani, gerakan kebangsaan Vietnam masih belum mempunyai penyelarasan, rancangan yang menyeluruh ataupun satu ideologi yang kukuh dan sepadu. Tahun 1908 berjaya membentuk gerakan rakyat yang ulung yang terdapat di Vietnam sejak kedatangan Perancis. Peristiwa-peristiwa yang berlaku, walaupun kecil, pada keseluruhannya menunjukkan perasaan cintakan negara dan semangat ingin berjuang menentang penindasan di kalangan orang Vietnam. Walau bagaimanapun, gerakan ini tidak mungkin mencapai tujuannya jika masih belum mempunyai pimpinan yang bersatu, berpusat dan moden.

Selepas kegagalan pemberontakan ini, keadaan di Vietnam tenang kembali. Pihak Perancis sedar akan kelemahan para pejuang Vietnam daripada segi kebendaan dan kekuatan, serta mengerti yang mereka akan menunggu masa yang sesuai untuk mengulang kembali.

Golongan cendekiawan tewas dan akan dilupakan. Tetapi mereka berjaya menyalakan semangat patriotisme dan membuka jalan

⁷Duy Tan, yang mengambil nama Putera Vinh San, menyokong kerajaan Perancis Bebas mulai 1942. Beliau meninggalkan Pulau Reunion dalam bulan Mei 1945, dan meninggal pada 26 Disember 1945 dalam satu kemalangan kapal terbang semasa dalam perjalanan pulang ke Vietnam.

bagi perjuangan seterusnya. Kegagalan mereka dijadikan teladan oleh para pejuang pada masa depan. Peristiwa 1916 ini juga memberi peluang kepada Perancis mengkaji semula dasarnya. Pada akhir tahun 1916, Albert Sarraut dihantar ke Indo-China.

11

DEMOKRASI, PEMODENAN DAN REJIM KOLONIAL

SELEPAS berlakunya peristiwa 1916 dan semasa Perancis menghadapi perang di Eropah, Perancis tidak ada pilihan lain selain daripada cuba mengadakan hubungan yang lebih baik dengan Vietnam dan mengembalikan dialog dan keadaan aman di negara itu. Keadaan yang terdapat pada masa itu lebih baik daripada keadaan pada tahun 1911.

Kemajuan Ekonomi dan Kemunculan Kelas Baru

Satu perubahan daripada segi sosial dan ekonomi berlaku di Vietnam. Jeneral cendekiawan lama digantikan oleh kelas-kelas baru dalam masyarakat, walaupun bilangan mereka masih kecil. Generasi ini terdiri daripada kelas borjuis yang terdiri daripada pemilik-pemilik tanah (terutama di Cochin China) dan golongan "mandarin baru" yang lebih condong ke arah idea dan sifat kebaratan dan mula menyoal tentang adat lama. Seterusnya terdapat satu golongan borjuis yang kecil yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran kolonial, setiausaha, pegawai rendah, guru-guru, petukang dan peniaga kecil yang muncul dengan sistem ekonomi baru. Ramai daripada orang Vietnam yang telah biasa dengan corak kehidupan Perancis. Albert Sarraut masih mempunyai penyokong di Vietnam disebabkan dasarnya yang hampir dengan idea Phan Chau Trinh. Kini dasar "*association*" telah mempunyai tapaknya di Vietnam dan dasar "*association*" yang baru yang akan diperkenalkan itu memberikan kesan yang penting terhadap keadaan di Vietnam.

Penjajahan Perancis di Vietnam telah memperkenalkan kemajuan ekonomi, terutama di Selatan. Mereka membina infrastruktur, jalan keretapi, pelabuhan, jambatan dan sistem perhubungan yang lebih baik. Bandar-bandar baru yang bercorak Eropah juga dibangunkan, tali air, sekolah dan hospital juga dibina. Memang tidak dapat dinafikan yang sebahagian besar rakyat jelata tidak mendapat keuntungan daripada pembangunan ini. Ia lebih menguntungkan sebilangan kecil orang Eropah dan borjuis tempatan. Tetapi hasil daripada pembangunan ekonomi ini tetap ada, ia merupakan hasil titik peluh pekerja-pekerja dan kuli-kuli dan juruteknik Perancis.

Di Cochinchina, kemajuan besar dicapai dalam mengusahakan tanaman padi secara besar-besaran. Eksport beras diutamakan dan ia lebih maju daripada usaha pengeluaran beras untuk kegunaan tempatan. Perniagaan beras dikendalikan oleh orang Perancis dan orang Cina dan golongan inilah yang mengaut keuntungan besar. Golongan lain yang menerima keuntungan ialah pemilik-pemilik tanah yang membolot hasil tanaman padi tanpa memberi keperluan yang secukupnya kepada pekerja mereka yang terdiri daripada petani-petani miskin (*ta-dien*).

Sudah terjalin satu kepentingan bersama daripada segi sosial dan ekonomi di antara borjuis pemilik tanah Vietnam Selatan, peniaga Perancis dan Cina dan pihak pentadbiran penjajah (Perancis dan peribumi). Kepentingan yang sama juga terdapat di antara pengusaha dan peniaga Perancis (kadang-kadang termasuk orang Cina) dan sekutu mereka di Annam dan Tonkin.

Golongan kecil ini yang mendapat segala keistimewaan, amat curiga dengan sebarang percubaan yang boleh melibatkan kegiatan golongan massa yang lebih luas daripada segi pelajaran dan politik. Tetapi sehingga kini, masalah utama belum lagi golongan massa, tetapi masalah hubungan antara dua "elit", yang terdiri daripada pihak pentadbiran dan orang Perancis yang tinggal di Vietnam, dan di pihak lain ialah golongan borjuis Vietnam. Terpulang kepada Perancis sama ada ia berjaya menarik kelas terpelajar peribumi yang merupakan hasil daripada pendidikan Perancis, dan bekerjasama dengan golongan ini bagi membentuk satu kumpulan rakyat yang memegang kepada idea demokrasi, serta menjalankan pembaharuan ke atas institusi, pembaharuan sikap dan pembaharuan di bidang ekonomi sepertimana yang diharapkan oleh Phan Chau Trinh.

Dasar yang seperti ini sedang dijalankan di Filipina oleh Gabenor Harrison berdasarkan kepada undang-undang tahun 1916.

Perancis tidak lagi dapat menimbulkan masalah ancaman luar sebagai satu sebab bagi menyekat perkembangan di Vietnam. Dalam bulan April 1917, China telah mengisytiharkan perang ke atas Jerman dan dengan ini menjadi sekutu pihak Berikat. Phan Boi Chau telah dibebaskan setelah Sun Yat-Sen berjaya mengambil semula kuasa di China selepas pemberontakan di Canton dalam tahun 1917. Beberapa kekacauan kecil yang berlaku dalam tahun 1917 di wilayah Thai Nguyen dapat dihapuskan dengan senang sahaja. Perancis nampaknya berjaya mengukuhkan kedudukan mereka di Indo-China.

Albert Sarraut juga telah membuka semula Universiti Hanoi dalam bulan April 1917¹ serta memberikan kebebasan akhbar di selatan dan di utara. Sebuah akhbar muncul dalam tahun 1917, iaitu *Tribune Indigene* yang dipimpin oleh Bui Quang Chieu dan Nguyen Phan Long. Kedua-dua orang ini mendapat sokongan daripada Gabenor Jeneral dan melancarkan kempen untuk mendapatkan lebih banyak sekolah serta lebih ramai guru. Di Tonkin pula muncul sebuah jurnal yang bernama *Nam Phong* (Angin Dari Selatan) yang dipimpin oleh Phan Quynn, seorang wartawan terkenal. Jurnal ini lahir untuk membuktikan sokongan kepada dasar kerjasama Perancis-Vietnam yang sedang dijalankan itu. Phan Quynn dalam tulisan-tulisannya menjelaskan yang negara Vietnam telah wujud berabad lamanya dan mempunyai tradisi yang lama dan kaya. Pada masa yang sama beliau menunjukkan yang Vietnam tidak membenci Perancis, malah ingin belajar dari negara itu. Masa sudah tiba bagi Perancis memahami keadaan pada masa itu dan mestilah bersedia untuk memberikan tanggungjawab kepada orang Vietnam yang kini sudah mencapai kematangan. Dalam tahun 1918, Perancis telah memberikan pengampunan beramai di Vietnam dan membentuk satu Dewan Perwakilan Rakyat di Annam. Sêgala perkembangan ini diperhatikan dengan penuh kebimbangan oleh orang Perancis yang tinggal di Vietnam.

¹Dalam tahun 1918, pentadbiran Perancis menghapuskan peperiksaan yang diadakan tiap-tiap tiga tahun di Annam.

Dasar Albert Sarraut yang berdasarkan kepada prinsip Wilson yang memberikan kebebasan kepada rakyat menentukan masa depan mereka sendiri telah menimbulkan banyak harapan di kalangan borjuis pemilik tanah di Vietnam dan borjuis kecil bandaran. Cara perjuangan yang dianjurkan oleh orang pelarian Vietnam tidak lagi mendapat sokongan, tambahan pula mereka tidak boleh mengharap pertolongan Cina dan Jepun untuk menentang Perancis kerana kedua-dua negara ini sudah menjadi sekutu Perancis. Phan Boi Chau dan Phan Chau Trinh sendiri mengisytiharkan diri mereka sebagai menyokong dasar kerjasama dengan Perancis. Keadaan politik di Vietnam menjadi lebih tenang. Vietnam menunggu dengan penuh harapan yang keadaan sekarang akan meyakinkan Perancis yang masanya sudah tiba untuk memberikan status politik yang baru kepada negara Vietnam sepertimana yang diimpikan oleh golongan elitnya. Albert Sarraut sendiri menolong menyemaikan harapan ini walaupun beliau tidak berjaya meneruskan dialog dan kerjasama dengan golongan elit yang berpengaruh Barat ini.

Dalam satu kenyataan yang dibuat pada 27 April 1919, Gabe-nor Jeneral Sarraut antara lain berkata, "Apa yang harus dibuat ialah memberikan lebih banyak hak-hak politik kepada peribumi. Perwakilan Peribumi dalam majlis tempatan mestilah ditambah. Perwakilan peribumi juga mestilah diwujudkan di majlis tempatan yang belum lagi mempunyai wakil peribumi. Rakyat peribumi juga hendaklah diberikan lebih banyak hak mengundi supaya mereka dapat memilih wakil mereka".

Tetapi malangnya, Albert Sarraut telah meninggalkan Vietnam (20 Mei 1919) tanpa memenuhi janjinya itu.

Penggantinya, Maurice Long (19 Februari 1920-15 April 1922) meneruskan dasar Albert Sarraut terutama dalam bidang pelajaran dan membuka perkhidmatan awam kepada orang Vietnam serta menambahkan lagi perwakilan dalam "Majlis Kolonial" di Cochín China² Indo-China turut mengecap hasil perkembangan ekonomi dan kewangan dunia. Ia juga membentuk satu kelas baru di Vietnam iaitu golongan yang berjaya, tetapi masih belum dapat menyesuaikan diri dengan kedudukan sosial dan ekonominya yang baru itu.

²Sejak 1880, Cochín China mempunyai satu dewan yang ahli-ahlinya dipilih dan kebanyakan daripada mereka ialah orang Perancis.

Lagipun orang Vietnam merasa kecewa terhadap segala janji Albert Sarraut yang tidak ditunaikan itu, dan mereka tertanya-tanya sama ada mereka masih boleh mempercayai cakap dan segala janji gabenor jeneral Perancis.

Kegagalan Tahun 1922-1923

Keadaan di Asia juga sedang berubah. Di China, pemuda-pemudanya yang kecewa dengan pakatan Entente dan Jepun menentang Perjanjian Versailles dan keputusan yang menyerahkan kawasan Jerman di China kepada pihak Jepun. Pemuda-pemuda Cina juga mula memahami tentang kepentingan hubungan yang lebih rapat dengan Rusia serta peri pentingnya Marxisme-Leninisme bagi masyarakat yang masih dijajah oleh imperialis. Di Rusia pula, Lenin dan *Third International* menyeru pekerja-pekerja di Asia supaya bangkit menentang imperialisme. Di India, selepas pembunuhan di Amritsar (1919), gerakan kebangsaan di bawah pimpinan Gandhi mula bersemarak. Pihak British pula bersedia untuk membuat percubaan dalam perlembagaan bagi India dan Burma.

Pentadbiran Perancis masih lagi mahu menunggu masa yang sesuai. Mereka menunjukkan sikap yang lebih bertolak ansur, tetapi kekosongan jawatan gabenor jeneral (April 1922-Ogos 1923) yang tidak dipenuhi dalam jangka masa yang panjang ini menyulitkan sebarang usaha ke arah pembaharuan. Maharaja Annam, Khai Dinh, yang menyokong idea Pham Quynn telah berangkat ke Perancis dalam tahun 1922 untuk lawatan rasmi. Beliau pergi ke Paris dan berbincang dengan Perancis tentang perlunya Perancis berbuat sesuatu: orang Vietnam tidak kurang tarafnya berbanding dengan taraf orang India ataupun Burma. Mereka berhak mendapatkan pembaharuan dan perubahan perlembagaan. Tetapi Khai Dinh tidak mendapat apa-apa hasil daripada lawatan ini. Beliau hanya menyerahkan puteranya, Vinh Thuy (yang kemudiannya bergelar Bao Dai) yang berumur 9 tahun di bawah jagaan kerajaan bagi mendapatkan pelajaran yang sempurna. Rasa kecewa orang Vietnam semakin merebak disebabkan sikap keras pentadbiran Perancis serta sikap sombong orang Perancis yang tinggal di Vietnam. Mereka sudah tidak lagi percaya akan dasar demokrasi dan pemodenan Perancis terhadap Vietnam.

Cochin China merupakan kawasan terdapat paling ramai bor-

juis baru Vietnam dan di sinilah munculnya gerakan "reformis" yang ulung. Kedatangan gabenor jeneral baru, Martial Merlin, yang menggantikan Maurice Long memberikan peluang kepada elit Vietnam yang kecewa dengan dasar Perancis untuk membuat tuntutan.

Di antara orang-orang yang penting yang berjaya mendapat tempat dalam arena politik Indo-China masa itu ialah Bui Quang Chieu. Beliau merupakan seorang jurutera pertanian yang pernah berkhidmat dengan kerajaan dan menubuhkan akhbar *Tribune Indigene* dalam tahun 1917 bagi menyokong Albert Sarraut. Dalam tahun 1923 pula beliau menubuhkan sebuah parti di Saigon, iaitu "Parti Constitutionaliste" (*Dang Lap Hien*). Parti ini mendapat sokongan besar, walaupun ia merupakan parti golongan borjuis Cochinchina serta orang-orang yang terpelajar sahaja. Beliau bersama rakannya, Nguyen Phan Long (yang pernah menubuhkan *Echo Annamite*, risalah rasmi pegawai-pegawai Vietnam) menubuhkan *la Tribune Indochinoise*, iaitu akhbar rasmi Parti *Dang Lap Hien*. Dalam bulan Disember 1923, sebuah akhbar lain muncul, *La Cloche feree* yang dipimpin oleh Nguyen An Ninh, yang menggambarkan dengan lebih jelas aspirasi baru Vietnam dan golongan massa.

Langkah-langkah yang diambil oleh Gabenor Jeneral Merlin menguatkan jurang antara generasi baru Vietnam dan Perancis. Ia berdasarkan kepada kepercayaan yang golongan yang paling merbahaya bagi penjajah ialah golongan *intelligentsia* Vietnam yang pada masa itu tidak mendapat pekerjaan. Golongan ini mahu melibatkan diri dalam politik dan pemerintahan dan menerima pengaruh "bolshhevik" yang digunakan untuk menuntut kemerdekaan. Penjajah tidak memerlukan golongan intelektual ini (pegawai di peringkat tinggi terdiri daripada bangsa Perancis). Mereka hanya memerlukan orang Vietnam sebagai penyokong, pembantu, setiausaha dan golongan lain yang faham akan kedudukan mereka yang tidak lebih daripada menurut perintah sahaja. Buku-buku bacaan di sekolah-sekolah Perancis hanya menyebut Indo-China sebagai sebuah koloni untuk dieksploitasi tanpa memberi perhatian terhadap orang-orang yang mendiaminya. Pelajaran yang patut diberikan kepada orang Indo-China hanyalah setakat pelajaran rendah sahaja dan sedikit sebanyak di peringkat menengah dan tinggi.

Perasaan kecewa dan marah orang Vietnam, terutama di kalangan intelektual muda timbul sejak tahun 1921-1922 semakin

meningkat. Ramai percaya yang Perancis mahu terus mengekalkan orang Vietnam dalam keadaan yang bodoh dan kolot, dan menyekat sebarang percubaan untuk meninggikan taraf hidup mereka agar mereka ini terus dapat diperhambakan oleh Perancis.

Sejak tahun 1916, kumpulan yang dipimpin oleh Phan Boi Chau bergiat mencari penyokong baru dari Vietnam. Di antara penyokong penting Phan Boi Chau ialah dua pemuda yang datang dari wilayah Nghe An iaitu Le Van Phan (atau dikenali juga sebagai Hong Son) dan Ho Tung Mau. Kedua-dua orang ini mula berhubung rapat dengan golongan pelampau kiri China di Canton di antara tahun 1919-20. Dalam tahun 1923, Ho Tung Mau pergi ke Vietnam bagi pihak Phan Boi Chau dan berjaya membawa keluar dua penyokong baru, Le Hong Phong dan Pham Hong Thai. Mereka kemudiannya menubuhkan satu kumpulan baru, iaitu organisasi revolusioner Vietnam di China, *Tam Tam Xa*, dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan kumpulan Phan Boi Chau. *Tam Tam Xa* mendapat sokongan yang menggalakkan daripada pemuda-pemuda Vietnam terutama pada masa berlaku pertelingkahan di antara Sun Yat-Sen (yang dibantu oleh Moskow) dan pihak British dan Amerika yang menyemarakkan lagi suasana politik.

Kumpulan *Tam Tam Xa* menarik perhatian umum apabila pada 19 Jun 1924, Phan Hong Thai melancarkan sebutir bom ke arah gabenor jeneral Perancis, Merlin yang sedang melawat Canton. Percubaan ini gagal dan Thai ditangkap dan dibunuh. Perbuatan Thai ini menyebabkan pentadbiran Perancis mengetatkan pengawasan mereka ke atas kegiatan orang Vietnam. Langkah ini amat tidak menguntungkan Perancis, terutama sekali ketika ini petani-petani sedang gelisah kerana kenaikan cukai. Satu pertubuhan muncul dalam tahun 1924 di Annam Utara dan dikenali sebagai *Phuc Viet* yang berjuang untuk mengembalikan kemerdekaan Vietnam.

Gabenor Jeneral Sosialis

Peristiwa-peristiwa di negeri China membimbangkan kerajaan Perancis dan pentadbirannya di Indo-China. Dalam tahun 1924, Sun Yat-Sen yang mengetuai kerajaan di Canton telah menanda satu perjanjian pakatan dengan Soviet Union. Rusia berjanji akan menolong Sun Yat-Sen mempertahankan kemerdekaan China yang diancam oleh British dan Amerika dan Jepun serta menolong Koumin-

tang menghapuskan saki-baki tentera di utara yang dibantu oleh kuasa luar. Satu rombongan Rusia tiba di Canton untuk menolong menubuhkan sebuah pusat latihan tentera di Whampao. Sekolah ini diketuai oleh Chiang Kai-Shek yang menjadi orang kanan Sun Yat-Sen, dengan dibantu oleh Chou En-lai. Parti komunis China telah bersetuju bekerjasama dengan Kuomintang dalam latihan ini.

Berikutan daripada pakatan kerajaan China-Rusia ini, sebuah biro Komintern ditubuhkan di Canton dalam tahun 1924. Kongres Komintern ke-5 (Jun 1924) yang diadakan menekankan peri pentingnya diselesaikan masalah gerakan kebangsaan dan pertanian di Asia serta kerjasama antara gerakan kebangsaan dan para pendokong revolusi. Melihat kepada keadaan ini, kerajaan Paris tidaklah hairan jika propaganda bolshevik ini disebarkan ke Indo-China.

Pilihanraya di Perancis yang diadakan pada 11 Mei 1924 telah memberi kemenangan besar kepada golongan sayap kiri (yang terdiri daripada parti radikal dan sosialis). Kekalahan golongan kanan dalam pilihanraya ini memberi kesan penting kepada Indo-China. Gabenor Jeneral Martial Merlin, terpaksa meninggalkan Indo-China pada 22 April 1925. Phan Chau Trinh yang selama ini tinggal di Perancis pulang ke Vietnam pada 26 Jun 1925. Kerajaan Perancis juga telah mengumumkan bahawa ia bersedia untuk menerima cadangan-cadangan daripada rakyat Vietnam. Seorang gabenor jeneral baru dilantik dalam bulan Julai 1925 iaitu Alexander Varenne (sosialis). Dalam pada itu satu perkara yang merumitkan keadaan muncul: Phan Boi Chau ditangkap di Shanghai di kawasan Perancis (30 Jun 1925) dan hukuman gantung yang dikenakan ke atasnya sebelum ini masih belum ditarik balik.

Alexander Varenne tiba di Vietnam pada 18 November 1925. Keadaan di negara itu bertambah sulit dengan kematian Maharaja Khai Dinh pada 15 November 1925. Baginda meninggalkan puteranya Bao Dai yang berumur 12 tahun yang sedang menuntut di Perancis. Pada 6 November, Residen Perancis di Annam telah mendapat persetujuan daripada Majlis Pemangku Raja supaya segala kuasa raja Vietnam diserahkan kepada Residen. Ini menimbulkan kemarahan di kalangan orang Vietnam.

Gabenor Jeneral baru ini juga terpaksa menghadapi satu masalah politik yang besar; pada 23 November 1925, Mahkamah Hanoi telah mengesahkan hukuman bunuh ke atas Phan Boi Chau yang

kini dalam tahanan Perancis. Pertubuhan Phuc Viet (bahagian Tonkin) segera melancarkan tuntutan agar Chau diampun dan satu gerakan secara besar-besaran dilancarkan di seluruh negara bagi membebaskan pemimpin nasionalis ini. Di Selatan Vietnam pula, gerakan ini dijalankan oleh satu jawatankuasa bertindak khas di bawah pimpinan Tran Huy Lieu.

Gabenor Jeneral Varenne mengambil langkah memberikan pengampunan beramai-ramai, termasuklah Phan Boi Chau. Hukuman bunuh beliau ditukar kepada tahanan dalam rumah seumur hidup. Chau berpindah ke Hue dan meninggalkan segala aktiviti politik.³ Varenne juga melonggarkan sekatan yang dikenakan ke atas akhbar-akhbar.

Beberapa cadangan daripada orang Vietnam yang disusun oleh Nguyen Phan Long dikemukakan kepada Varenne. Isinya antara lain adalah seperti berikut: kebebasan akhbar, berpersatuan, bergerak dan menambah jumlah wakil peribumi di majlis-majlis tempatan serta membuka peluang yang luas kepada orang Vietnam untuk mendapat pekerjaan. Varenne segera menunaikan permintaan ini dan membentuk Dewan Perwakilan Rakyat. Pilihanraya diadakan: di Cochin China, calon-calon 'Parti *Constituionaliste*' dipilih ke Majlis Kolonial, sementara di Annam pula pemimpin nasionalis seperti Huynh Thuc Khang dan Le Van Huan dipilih sebagai wakil di Dewan.

Kematian Phan Chau Trinh dalam bulan Mac 1924 telah menyatukan rakyat Vietnam. Seramai 140 000 orang berkumpul di Saigon untuk mengiringi jenazahnya. Di kawasan lain di Vietnam, perhimpunan yang sama diadakan walaupun pihak kerajaan tidak membenarkan perhimpunan ini. Pihak kerajaan bertindak dan sebagai jawapan, sekolah-sekolah telah menjalankan mogok. Akhbar *La Cloche felee* diharamkan dan pengaruhnya, Nguyen An Ninh ditangkap setelah akhbar tersebut menyiarkan artikel mengenai kematian Phan Chau Trinh.

Alexander Varenne, walau bagaimanapun terus menjalankan dasar liberalnya dan meneruskan dasar yang telah diasaskan oleh gabenor jeneral sebelum itu, M. Long. Melalui perintah bulan Ogos

³ Chau mengambil sikap bekerjasama dengan Perancis dan ini melemahkan prestijnya. Beliau meninggal dunia pada 29 Oktober 1940.

1926, Varenne membuka peluang yang luas kepada orang Vietnam bagi mendapatkan pekerjaan. Beliau juga membuka bank pinjaman pertanian untuk mengurangkan kejadian pajak gadaai di kalangan petani.

Tetapi dasar gabenor jeneral ini mendapat tentangan daripada masyarakat Perancis yang tinggal di Vietnam, dan golongan ini pula disokong oleh rakan-rakan mereka di Paris. Pentadbiran Perancis di Vietnam memang bersikap berhati-hati dalam menjalankan perintah Varenne. Penentangan daripada kedua-dua golongan ini menggagalkan usaha untuk memberi peluang kepada orang Vietnam membenutuk parti-parti yang sah dan memberikan satu perlembagaan kepada negara itu.

Bui Quang Chieu pergi ke Perancis dalam tahun 1926 untuk meminta Perancis supaya memberikan perlembagaan kepada Vietnam. Tetapi usaha beliau gagal dan selepas itu beliau mengambil sikap bekerjasama dengan Perancis yang menyebabkan beliau tidak lagi dipandang tinggi oleh orang Vietnam.

Di Annam pula, Pham Quynn mencadangkan penubuhan satu pertubuhan politik yang sah (tanpa menyebut perkataan "parti") bagi membolehkan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan bagi Vietnam dengan kerjasama Perancis. Pham Quynn menyediakan satu kertas kerja untuk tujuan ini. Beliau juga berjaya mendapat sokongan daripada nasionalis-nasionalis seperti Huynn Thuc Khang, Le Van Huan dan lain-lain yang menganggotai *Phuc Viet*. Salah seorang pemimpin *Phuc Viet* (bertukar nama menjadi *Viet Nam Cach-Menh Dang*, atau Parti Revolusi Vietnam). Tran Mong Bach juga menyokong cadangan Phan Quynn dan meminta agar ia dijalankan dengan segera. Satu majlis perhimpunan diadakan di Da Nang pada 10 September 1926 dan dihadiri oleh wakil-wakil dari tiga *ky* (wilayah) iaitu Utara, Tengah dan Selatan. Wakil-wakil dari Cochin China dan wilayah utara tidak menyokong idea Phan Quynn. Huynh Thuc Khang dan Le Van Huan meminta agar kerajaan membenarkan gerakan ini ditubuhkan dan diberi nama *Viet-Nam Tan-Bo-Dan Hoi* (Parti Progresif Rakyat Vietnam). Ianya tidak berjaya, dan dengan ini ternyata yang wakil-wakil Vietnam dalam Dewan Perwakilan tidak mempunyai kuasa politik.

Peristiwa-peristiwa ini mengakhiri satu zaman yang penuh dengan impian. Bagi generasi baru Vietnam, ternyata yang Perancis

tidak berniat untuk memberikan hak orang Vietnam walaupun mereka mempelajari dan mengganti kebudayaan Perancis. Masyarakat penjahat di Vietnam dan pentadbiran-pentadbiran mereka membuktikan yang mereka lebih berkuasa daripada kerajaan Paris, malah gabenor jeneral sendiri tidak berjaya menghapuskan penentangan mereka. Rejim Kolonial Perancis di Vietnam enggan meluaskan pemerintahan demokrasi dan pemodenan kepada masyarakat Vietnam dan tidak mahu memahami keadaan yang ada. Ini menyebabkan penentang-penentang Perancis di Vietnam tidak ada jalan lain melainkan menggunakan kekerasan untuk mencapai tujuan mereka. Mulai 1925, satu gerakan baru yang bercorak revolusioner muncul dalam arena politik Vietnam.

"Thanh Nien"

Selepas penangkapan Phan Boi Chau di Shanghai, seorang pemimpin baru dan muda Vietnam muncul di kalangan pelarian Vietnam di China Selatan. Beliau ialah Nguyen Ai Quoc. Beliau datang ke Canton dalam bulan Disember 1924 bersama rombongan Rusia yang diketuai oleh Michael Borodin dan bekerja dengan biro Komintern di Asia. Dalam tahun 1925, dengan pertolongan Liao Chungkai, beliau menubuhkan "Liga Bangsa-Bangsa yang tertindas di Asia" yang ahli-ahlinya terdiri daripada orang Cina, Jepun, Korea, India dan lain-lain. Perhimpunan pertama Liga ini ialah pada musim panas 1925. Nguyen Ai Quoc juga berhubung dengan pemimpin-pemimpin *Tam Tam Xa* bagi mengadakan strategi bersama gerakan nasionalis yang bercorak revolusioner di Vietnam.

Mulai bulan Jun 1925, Nguyen Ai Quoc menubuhkan *Viet-Nam Thanh-Nien Dong-Chi Hoi*, iaitu satu kumpulan baru yang sebahagian daripada ahlinya terdiri daripada bekas penyokong *Tam Tam Xa*. Pertubuhan ini, yang bererti Persatuan Pemuda Revolusioner Vietnam, mempunyai sebuah lidah rasmi, *Thanh Nien* (Pemuda). Nguyen Ai Quoc mula memberikan ceramah-ceramah politik di Canton dan melatih kader-kader.

Nguyen Ai Quoc yang disokong oleh Komintern bukanlah tidak diketahui oleh polis Perancis. Beliau yang pada mula-mulanya dikenali dengan nama Nguyen That Than telah meninggalkan Vietnam dalam tahun 1911 semasa berumur 20 tahun. Beliau kemudiannya tinggal di London selama tiga tahun sebelum pergi ke Paris

dalam tahun 1917 dan bekerja sebagai seorang tukang gambar. Semasa di Paris, beliau berhubung dengan Phan Chau Trinh dan Vietnam di Paris. Beliau juga mempunyai hubungan dengan Parti Sosialis Perancis dan mendedahkan mereka kepada masalah orang Vietnam.

Dalam bulan Januari 1911, Nguyen Ai Quoc mengemukakan satu tuntutan kepada 4 Kuasa Besar yang berhimpun di Versailles. Beliau belum lagi mengemukakan masalah kemerdekaan, cuma meminta agar dijalankan liberalisasi di Vietnam.* Beliau masih lagi menyokong idea Phan Chau Trinh.

Nguyen Ai Quoc amat kecewa dengan sikap tidak tegas penyokong-penyokong demokrasi sosial Eropah terhadap masalah penjajahan. Dalam bulan Disember 1920, di Sidang Parti Sosialis di Tours, Perancis, beliau meninggalkan Parti Sosialis dan menyokong golongan kiri parti yang kemudiannya membentuk Parti Komunis Perancis. Beliau dihubungi oleh seorang wakil *Third International* yang bernama Serbe Vujovic. Berikutan dengan peristiwa ini, gerakan nasionalis Vietnam bertukar corak.

Semasa di Paris, Nguyen Ai Quoc mendalami masalah-masalah penjajahan melalui hubungannya dengan orang Arab, Madagascar, West Indies, Afrika dan lain-lain yang tinggal di Perancis. Dalam tahun 1921, beliau menubuhkan "*Union Intercolonials*" dengan disokong oleh orang-orang ini. Mulai bulan April 1922, beliau menerbitkan akhbar *le Paria* yang berbentuk antipenjajah. Beliau dan rakannya, Nguyen The Truyen menulis sebuah risalah "*le Proces de la Colonisation Francaise*" (Pengadilan terhadap penjajahan Perancis). Pada akhir tahun 1923, Nguyen Ai Quoc meninggalkan Paris dan terus ke Moscow menghadiri Persidangan Petani Sedunia (12-15 Oktober 1923) sebagai wakil rakyat Asia-Afrika. Beliau dilantik menganggotai *Presidium Krestintern* (Petani Antarabangsa) yang ditubuhkan sewaktu persidangan ini. Nguyen Ai Quoc tinggal di Rusia di sepanjang tahun 1924 sambil bekerja dengan pertubuhan ini. Ketibaannya di Canton hanya dapat dikesan oleh polis Perancis pada awal 1925.

*Lihat Philippe Devillers, *Histoire du Viet-Nam de 1940 a 1952*, Paris, Seuil, 1952 ms 57. Juga Ch. Pasquel-Rageau, *Ho Chi Minh*, Paris, 1970, ms 28-29.

Dalam sebuah tulisan yang diterbitkan awal 1925, Nguyen Ai Quoc menyeru pekerja Asia agar menyadari hakikat yang mereka tidak boleh mengharapkan kuasa penjajah untuk mengadakan pembaharuan. Beliau menegaskan hanya perjuangan bersenjata sahaja yang dapat menyelesaikan masalah ini. Rakyat Vietnam tidak lagi bersendirian dalam perjuangan mereka: *Third International* telah mendapat sokongan dunia dalam perjuangan menentang imperialisme, dan di China pula pasukan revolusioner mendapat kejayaan cemerlang.

Idea-idea yang disebarikan oleh *Thanh Nien* merebak ke Indo-China. *Thanh Nien* juga berjaya menarik minat bekas ahli-ahli *Phuc Viet* yang kecewa dengan dasar reformis dan pandangan sempit pertubuhan itu. Dalam sedikit masa sahaja *Thanh Nien* berjaya mendapat sokongan orang-orang dalam *Phuc Viet* sendiri. *Phuc Viet*, walaupun sebuah pertubuhan kiri enggan bercantum dengan *Thanh Nien*. Persaingan hebat berlaku di antara kedua-dua pertubuhan ini. *Phuc Viet*, yang namanya ditukar kepada *Viet Nam Cach Menh Dang* (Parti Revolusi Vietnam) menyebarkan propaganda yang aktif di kalangan pekerja-pekerja kilang, penuntut-penuntut dan guru-guru. *Thanh Nien* menyebarkan propaganda di kalangan yang sama, tetapi mengecam VNCMD sebagai terlalu nasionalis.

Dalam pada itu, pemimpin-pemimpin yang bercorak "reformis" dalam VNCMD (Le Van Huan dan Tran Mong Bach) menyokong idea Phan Quynn dan cuba membentuk sebuah parti politik yang sah dalam bulan September 1926, tetapi gagal. Kegagalan ini meyakinkan sebahagian besar daripada ahli VNCMD yang mereka tidak ada pilihan lain selain daripada "revolusi". Ini menambahkan lagi sokongan kepada *Thanh Nien*.

Dalam bulan April 1927, Kuomintang dan Parti Komunis China berpecah. Perpecahan ini menggugat strategi yang membenarkan pakatan antara komunis dan borjuis kebangsaan seperti yang dianjurkan oleh Moscow. Nguyen Ai Quoc yang selama ini memimpin *Thanh Nien* dan telah menerbitkan sebanyak 88 penerbitan buletin *Thanh Nien* meninggalkan Canton dan pergi ke Hankow. Kehilangannya tidak dapat dikesan buat sementara waktu.

Kemerdekaan, Demokrasi dan Pemodenan

Corak perjuangan nasionalisme Vietnam kini semakin nyata.

Penentangan dari orang Perancis di Indo-China terhadap dasar Varenne membuktikan yang orang kulit putih tidak bersedia untuk bertolak ansur dengan orang Vietnam. Jika orang-orang yang pro-Perancis seperti Pham Quynn dan Bui Quan Chieu gagal dalam usaha mereka, tidak mungkin orang lain dapat mengharapakan yang Perancis bersetuju membahagikan kuasa. Orang Vietnam sudah tidak percaya akan kerjasama dengan kerajaan penjajah.

Janji-janji yang dibuat selepas perang 1914-1918 oleh Perancis tinggal janji sahaja. Ramai daripada kaum intelek Vietnam memilih jalan tidak peduli ataupun menentang. Tetapi sekumpulan lain yang lebih dinamik memasuki gerakan bawah tanah. Mereka yakin tidak ada jalan lain untuk mendapatkan hak mereka.

Terdapat seramai 10,000 orang Eropah di Vietnam dan mereka inilah yang membolot kuasa politik dan ekonomi negara tersebut serta menentukan nasib rakyat Vietnam yang berjumlah 16 juta ketika itu. Semua kerja pentadbiran peringkat tinggi dan pengeluaran ekonomi dan sumber kewangan³ dibolot oleh orang Eropah. Pemuda-pemuda Vietnam yang berpelajaran tidak mempunyai sebarang peluang untuk mencurahkan tenaga mereka.

Orang Perancis yang tinggal di Indo-China juga mempunyai sikap membesar diri, terutama di kalangan kelas bawah dan wanita. Mereka memandang rendah bangsa Vietnam yang dianggap hanya layak menjadi tukang masak dan orang gaji. Mereka tidak mempunyai minat dan pengetahuan tentang kehidupan orang Vietnam. Walaupun terdapat banyak tulisan mengenai "*mission civilisatrice*" orang Eropah, hanya segolongan kecil sahaja daripada mereka yang mencurahkan tenaga untuk kepentingan orang Vietnam.

Pentadbiran kolonial dan penyokong mereka memandang curiga akan usaha-usaha untuk memperbaiki hubungan dengan orang Vietnam dan menuntut agar dasar yang keras dijalankan di Vietnam bagi menjamin kedaulatan Perancis di Indo-China.

Nyata yang orang Perancis ini salah perkiraan. Walaupun rakyat Vietnam nampaknya aman dan kuat berpegang kepada adat

³ *Banque de l'Indochine* ditubuhkan pada tahun 1873 dan dalam tahun 1875 diberi kuasa untuk mencetak wang bagi seluruh Indo-China dan Bank ini amat penting dalam perkembangan ekonomi Indo-China. Ia juga menguasai secara langsung atau tidak, sebahagian besar daripada firma-firma Perancis di Vietnam dan juga menguasai ekonomi Vietnam melalui pengeluaran kredit.

resam mereka serta menghormati kuasa yang ada, ini tidak bererti yang mereka menerima bulat-bulat nasib mereka. Mereka tidak mempunyai keupayaan untuk meluahkan nasib mereka dan mengharapkan kepada kaum terpelajar untuk memimpin dan bersuara. Jadi terpulanglah kepada kelas intelektual untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah politik dan sosial yang ada, kerana mereka inilah yang mempunyai kuasa yang berdasarkan kepada ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. Ini lebih penting daripada kuasa yang didapati melalui kekerasan ataupun perlantikan.

Jadi masalah politik mula dipersoalkan sebaik sahaja kelas intelektual, *intelligensia*, sedar bahawa terdapat perbezaan kepentingan di antara mereka dan rakyat dengan golongan penjajah. Golongan asing ini disokong oleh rakan-rakan mereka yang terdiri daripada golongan mandarin, pemilik tanah, peniaga-peniaga besar, pengusaha dan lain-lain yang tidak lagi merasakan diri mereka sebahagian daripada orang Vietnam.

Demokrasi dan modenisasi adalah berkait rapat. Vietnam melalui zaman perkembangan ekonomi pada tahun 1921-1927. Kilang-kilang dibina di Hanoi, Nam Dinh, Haiphong, Vinh, Bentthung, Cholon, Saigon dan bandar lain. Satu kelas pekerja juga muncul bersama dengan kelas pemilik tanah yang kaya. Ladang-ladang besar dimajukan di Selatan Vietnam demikian juga perhubungan dalam negeri. Orang Vietnam mula merasakan perpaduan yang terjalin di Utara, Tengah dan Selatan. Mereka sedar yang negara mereka mempunyai potensi yang besar dan pemodenan adalah perlu dan patut disegerakan. Tetapi jika berlaku pembangunan, golongan manakah yang akan menerima keuntungan?

Penduduk asing di Vietnam yang berjumlah 30 000 itu enggan memberikan demokrasi politik kepada orang Vietnam kerana ini akan mengancam kedudukan istimewa mereka. Demokrasi masih boleh menjamin kedudukan mereka daripada segi ekonomi, tetapi demokrasi juga akan mendedahkan kelemahan mereka daripada segi politik. Pegawai-pegawai dalam pentadbiran pula takut yang tempat mereka akan digantikan oleh rakyat peribumi. Dengan ini adalah lebih selamat jika demokrasi ini tidak diperkenalkan langsung kepada orang Vietnam.

Akibat daripada sikap ini telah menolong menguatkan revolusi dan menghapuskan sama sekali kemungkinan penyelesaian secara

aman. Dengan menyekat pertumbuhan parti-parti politik yang sah serta keengganan melibatkan orang Vietnam dalam pentadbiran dan ekonomi menyebabkan orang Vietnam tidak mempunyai peluang menerima pengalaman politik, pentadbiran, ekonomi dan kewangan. Ia juga tidak mengajar orang Vietnam tentang tanggungjawab di peringkat negara dan antarabangsa serta tidak memberikan mereka tanggapan tentang toleransi politik yang merupakan asas penting dalam sebuah demokrasi.

Selagi pihak penjajah tidak mengubah sikap mereka, gerakan kebangsaan Vietnam akan terpaksa bergerak secara sulit dan melalui cara-cara "revolusi" untuk mencapai cita-cita mengambil semula kuasa daripada segolongan kecil orang yang tidak mempunyai pandangan jauh serta mengembalikan kemerdekaan yang dirampas supaya masyarakat dapat dimajukan.

12

YEN BAY, KOMUNIS DAN BAO DAI

MENJELANG tahun 1927, beberapa kumpulan pemuda Vietnam yang kecewa dengan sikap kerajaan kolonial mula menyusun rancangan untuk melancarkan tindakan yang lebih berkesan.

Dalam tahun 1927, salah satu kumpulan ini telah menubuhkan sebuah percetakan di Hanoi, *Nam Dong Thu Xa* yang bertujuan menyebarkan idea-idea revolusi kepada rakyat. Penubuhan ini diasaskan kepada perjuangan Kuomintang di China. Ia juga menyiarkan terjemahan karya-karya Sun Yat-Sen. Di antara pemuda yang terkenal dalam kumpulan ini ialah Nguyen Thai Hoc, seorang penuntut dari Ecole Normale di Hanoi yang telah dipecat kerana mengambil bahagian dalam perarakan jenazah Phan Chau Trinh. Dalam bulan November 1927, beliau dan kumpulanya membentuk sebuah parti, *Viet Nam Quoc Dang Dang* (V.N.Q.D.D. atau Parti Kebangsaan Vietnam). Program yang ditetapkan untuk parti ini diasaskan kepada Tiga Prinsip.¹

Selepas itu, pada awal 1928, di Selatan Vietnam, terbentuk satu parti baru *Viet Nam Thanh Nien Cao Vong Dang* di bawah pimpinan Nguyen An Ninh. Ia berselindung di sebalik nama persatuan untuk bantuan bersama dan pertolongan cemas. Tujuan utamanya ialah berjuang mengembalikan kemerdekaan Vietnam dan penubuhan sebuah kerajaan bercorak demokratik. Rancangan pertaniannya

¹Tiga Prinsip Sun Yat-Sen (*San Min Chu I*) ialah Nasionalisme, Demokrasi dan Kesejahteraan Rakyat (diterjemahkan sebagai "Sosialisme").

nyata condong kepada prinsip sosialis.

Di kawasan tengah pula muncul *Tan Viet Nam* (Vietnam Baru) yang menggantikan *Phuc Viet*. *Tan Viet Nam* cuba menggabungkan diri dengan *Thanh Nien* dalam bulan Julai 1927, tetapi tidak berjaya. Ada antara pemimpin *Tan Viet Nam* (seperti Tran Mong Bach) tidak menyokong rancangan ini.

Di Canton, Parti *Thanh Nien* sendiri menghadapi kesukaran. Apabila berlakunya perpecahan antara Parti Kuomintang dan Parti Komunis China, Nguyen Ai Quoc telah mengadakan persetujuan dengan Kuomintang yang membenarkan orang Vietnam, termasuklah golongan Marxis terus bergiat di China, asalkan mereka menumpukan kegiatan kepada masalah Vietnam dan tidak menyentuh masalah China. Kuomintang juga tidak menentang jika Nguyen Ai Quoc terus tinggal di Canton. Walaupun mereka mempunyai hubungan secara sulit dengan Parti Komunis China dan *Third International* (melalui Le Hong Phang), *Thanh Nien* hanya bergerak secara sederhana tanpa menghebohkan kegiatan mereka.

Masalah utama yang dihadapi oleh *Thanh Nien* ialah perpecahan dalam parti. Tidak semua ahlinya yang memahami tentang keadaan sulit yang terpaksa dihadapi, terutama tentang sekatan-sekatan yang dikenakan di negeri China. *Thanh Nien* juga ingin mencari sokongan di Vietnam, terutama bekerjasama dengan sebuah parti tempatan yang belum mempunyai sebarang pengalaman ataupun dasar yang nyata. Dengan ini *Thanh Nien* akan dapat memberikan pimpinan daripada segi ideologi dan taktik kepada kumpulan ini. Untuk tujuan inilah maka dalam tahun 1928, *Thanh Nien* mengadakan semula rundingan dengan *Tan Viet Nam*, tetapi tidak berjaya. Seterusnya *Thanh Nien* berusaha untuk menarik ahli-ahli *Tan Viet Nam* yang lebih dinamik (seperti Ton Quang Phiet, Vo Nguyen Giap dan lain-lain).

Penubuhan Parti Komunis Vietnam

Kegiatan politik pemuda-pemuda ini hanya dapat dikesan oleh Surete (Polis Khas Perancis). Keadaan di Vietnam nampaknya aman dan kebanyakan orang tidak begitu berminat untuk membicarakan hal-hal politik.

Perkembangan ekonomi dunia yang bertambah maju menguntungkan pengeksport-pengeksport di Indo-China dan kegiatan me-

reka memberi kesan penting di selatan Vietnam. Harga beras meningkat dan ini amat menguntungkan pemilik tanah dan borjuis Cochin China serta peniaga-peniaga bangsa China. Saigon muncul sebagai sebuah bandar yang maju, berkembang dan mewah yang menutup keadaan sebenar di Indo-China. Perusahaan getah juga meningkat di selatan Vietnam.

Walau bagaimanapun perkembangan di Cochin China menimbulkan beberapa masalah. Antaranya ialah pembahagian hasil padi antara petani dan pemilik tanah (sewa yang kadang-kadang mencapai 50%) masalah hutang petani kepada pemilik tanah atau orang tengah bangsa Cina atau India. Satu lagi masalah ialah ketiadaan pekerja yang cukup untuk mengerjakan ladang-ladang. Oleh yang demikian, pihak kerajaan terpaksa membawa kuli-kuli dari utara yang terdiri daripada petani-petani miskin di kawasan delta.

Keadaan pekerja di ladang-ladang ini amatlah menyedihkan. Gabenor Jeneral Varenne cuba memperbaiki keadaan ini dengan memperkenalkan kawalan-kawalan kerja serta undang-undang mengenai pekerjaan. Keadaan kerja yang tidak memuaskan ini diketahui umum di Vietnam. Oleh yang demikian, ramai orang Vietnam yang enggan bekerja di ladang-ladang dan lebih suka tinggal menderita di tempat sendiri. Ladang-ladang ini terpaksa meminta khidmat ejen yang mencarikan kuli untuk bekerja di ladang dengan cara yang keras. Salah seorang daripada ejen ini dibunuh pada 9 Februari 1929, dan dengan segera peristiwa ini menimbulkan masalah politik. Ia memberi peluang kepada polis untuk menindas V.N.Q.D.D. yang menjalankan aktiviti yang membimbangkan kerajaan. Tangkapan dibuat di seluruh negara. Pentadbiran kolonial membuktikan yang ia tidak akan bertolak ansur dengan sesiapa yang cuba menggugat kepentingan Perancis di Indo-China.

Thanh Nien mengambil kesempatan ini untuk melancarkan gerakannya. Dalam bulan Mac 1929, satu kumpulan yang bergabung dengan *Thanh Nien*² telah menubuhkan "cell" komunis Vietnam yang pertama di Hanoi. Kumpulan ini mengandungi tujuh orang ahli

²Dalam bulan Mei 1929, *Thanh Nien* mempunyai beribu-ribu orang ahli dan jawatankuasa-jawatankuasa parti dibentuk di ketiga-tiga bahagian Vietnam. Kebanyakan daripada jawatan penting parti diberikan kepada mereka yang mendapat latihan di Canton.

(dipimpin oleh Ngo Gia Tu) dan bergerak berdasarkan prinsip-prinsip Komintern dan memulakan persiapan untuk membentuk sebuah parti komunis Indo-China. Tetapi pemimpin *Thanh Nien*³ menganggap langkah ini terlalu awal dan tidak bersetuju dengan Ngo Gia Tu. Disebabkan perselisihan ini maka kumpulan Ngo Gia Tu menubuhkan "Parti Komunis Indo-China" (D.D.C.S.D, atau *Dong Duang Cong-San Dang*) dalam bulan Jun 1929 di Hanoi.

Sementara itu wakil-wakil dari Nghe An yang kekal dalam *Tan Viet* yang tidak bersetuju dengan rakan-rakan mereka dari Tonkin yang dianggap sebagai terlalu dogmatik, telah menukar *Tan Viet* kepada "Liga Komunis Indo-China" (*Dang Duang Cong-San Lien-Doan*). Pengaruh pertubuhan ini merebak ke seluruh kawasan Tengah *Trung Bo* dan di Selatan (*Nam Bo*).⁴

Memandangkan kepada perpecahan dalam golongan kiri ini, maka Jawatankuasa Pusat *Thanh Nien* mengambil keputusan dalam bulan Oktober 1929 untuk membentuk sebuah "Parti Komunis Vietnam". Ahli-ahlinya terdiri daripada mereka yang masih setia dengan *Thanh Nien* yang kebanyakan terdapat di Cochin China.⁵

Dengan ini terdapat tiga pertubuhan komunis yang bersaing di Vietnam pada akhir tahun 1929. Tiap-tiap satu daripada mereka ini menganggap diri mereka sebagai satu-satunya "parti pekerja yang sejati" dan cuba mendapatkan pengiktirafan dari Komintern serta cuba menarik lebih ramai pengikut. Kumpulan yang lebih berjaya ialah kumpulan di Tonkin.

Pemimpin-pemimpin *Thanh Nien* di Hong Kong bimbang dengan perpecahan ini dan cuba mencari jalan untuk menyatupadukan gerakan komunis. Nguyen Ai Quoc diminta pulang ke Hong Kong.

³Pada ketika ini *Thanh Nien* mempunyai masalah dengan China. Dalam bulan Disember 1928, pejabat jawatankuasa pusat dipindahkan dari Canton ke Kuangsi dan seterusnya dalam tahun 1929, ia terpaksa berpindah ke Hong Kong. Pada awal bulan Januari 1929, salah seorang pemimpinnya, Ho Tung Mau ditangkap oleh pihak berkuasa China dan ditahan sehingga bulan Ogos.

⁴Mengikut pendapat Dao Duy Anh, pada masa itu kelas kapitalis dan kelas pekerja tidak terdapat di Vietnam. Yang ada hanyalah orang-orang yang berjaya mendapat peluang dan tidak merupakan "hasil daripada kemunculan kelas-kelas". Anh, seorang nasionalis mencadangkan supaya penyokong-penyokong parti hendaklah dilatih daripada golongan maju daripada semua golongan.

⁵Nguyen Ai Ninh ditangkap di Cochin China dalam bulan September 1929. Ahli-ahli persatuannya terdiri daripada pekerja dan petani.

Beliau mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli *Thanh Nien* dan berjaya menyatukan ketiga-tiga kumpulan ke dalam satu parti baru. Parti ini ditubuhkan pada 3 Februari 1930 dan dikenali dengan nama "Parti Komunis Vietnam" (*Viet Nam Cong San Dang*). Parti ini dilengkapi dengan program politik, strategi dan persatuan tertentu serta mempunyai satu jawatankuasa pusat sementara dengan 9 orang anggota. Tujuan parti ini ialah berjuang untuk menubuhkan sebuah negara Vietnam yang merdeka dan berbentuk sosialis dan menolong menghapuskan kapitalisme dan imperialisme. Parti memimpin kelas pekerja dan menggerakkan revolusi. Peringkat pertama perjuangan mereka (revolusi demokrasi borjuis) ialah mendapatkan kebebasan demokrasi menghapuskan imperialisme dan feodalisme dan mendapatkan semula kemerdekaan negara. Petani-petani dan golongan borjuis kecil juga bersatu dengan kaum pekerja.⁶ Bagi Nguyen Ai Quoc, perjuangan mereka sekarang hendaklah ditumpukan kepada beberapa tuntutan yang boleh memperbaiki keadaan hidup rakyat dan kebebasan demokratik. Tidak semua komunis Vietnam bersetuju dengan taktik ini ataupun perlunya melalui "peringkat demokratik borjuis". Perbezaan pendapat ini juga berlaku dalam Parti Komunis China kerana Mao Tze-tung mempersoalkan tentang kebijaksanaan dasar Li Li-san.

Yen Bay. "Soviet di Annam"

Indo-China turut terlibat dalam krisis ekonomi dunia. Harga padi yang rendah menyulitkan golongan petani dan pemilik tanah yang selama ini bergantung kepada beras sebagai sumber penghidupan yang utama. Golongan peniaga dan petukang serta pengusaha juga turut merasakan akibat krisis ekonomi ini. Krisis ekonomi ini menimbulkan masalah pengangguran dan pengurangan gaji pekerja-pekerja. Mulai awal 1930, seluruh lapisan masyarakat tertekan oleh krisis ekonomi ini.

Parti *Viet Nam Quoc Dang Dang* tidak mempunyai kesempatan untuk menggunakan peluang yang timbul daripada keadaan meleset

⁶Pada masa ini (31 Disember 1929) Parti Kongress India menyatakan persetujuannya terhadap kemerdekaan penuh India. Pada 26 Januari 1930, satu tunjuk perasaan yang besar diadakan di India bagi memperjuangkan kemerdekaan dan dasar tidak bekerjasama.

ini. Parti ini dikawal rapi oleh Surete. Walaupun Nguyen Thai Hoc berjaya melepaskan diri daripada tertangkap dan berusaha untuk menyusun semula parti, beliau tidak mempunyai kuasa yang menyeluruh terutama di peringkat bawah. Dalam keadaannya yang diawasi oleh Surete, V.N.Q.D.D. mengambil keputusan untuk melancarkan serangan. pada 10 Februari 1930, atas desakan V.N.Q.D.D. sekumpulan tertua di Yen Bay dan Tonkin, memberontak. Pemberontakan ini merupakan langkah awal ke arah satu pemberontakan yang menyeluruh yang akan dilakukan oleh semua pertubuhan nasionalis di utara. Tetapi pemberontakan Yen Bay ini tidak berjaya kerana tidak ada persefahaman dalam parti. Pemberontakan ini dengan senang dapat dikawal oleh polis. Beribu orang petani menyertai gerakan menentang di beberapa buah wilayah bagi menyokong pemberontakan Yen Bay. Pihak Perancis mengawal keadaan dengan menjalankan penindasan yang ganas di Tonkin dengan menggunakan kapal-kapal terbang bagi menyerang kampung-kampung. Gerakan pemberontakan ini dengan segera dihentikan. V.N.Q.D.D. hampir lumpuh disebabkan tindakan-tindakan Perancis ini. Nguyen Thai Hoc, pemimpin V.V.Q.D.D. ditangkap dan dihukum bunuh pada 12 Jun 1930. Ini diikuti oleh beberapa penangkapan lain. Hanya orang-orang yang tinggal terasing yang dapat melarikan diri ke China yang masih terdapat pertubuhan yang diasaskan oleh Phan Boi Chau dan Nguyen Hai Than.

Pihak komunis menuntut agar penindasan Perancis dihentikan serta dibebaskan mereka yang tertangkap. Parti komunis juga menuntut agar pihak majikan terus memberi pekerjaan serta gaji dan kemudahan-kemudahan lain kepada pekerja. Mereka berjaya melancarkan satu mogok oleh kuli-kuli di ladang getah di Phurieng (Februari - Mac 1930) dan di Nam Dinh serta Ben Thuy.

Pihak komunis memilih 1 Mei untuk mengadakan satu tunjuk perasaan yang besar bagi menyatukan tenaga pekerja dan petani dalam perjuangan mereka. Beribu-ribu orang petani menunjuk perasaan menentang dasar kerajaan tentang harga barangan dan cukai serta sikap tidak peduli pentadbiran terhadap bahaya kelaparan yang sedang berlaku di kawasan itu.

Kemungkinan besar yang golongan komunis di Utara dan Ngho An mahu mengadakan satu keadaan revolusi bertepatan dengan kepulangan Tran Phu, setiausaha agung parti dari Hong Kong.

Langkah ini diambil sebagai mencontohi apa yang dilakukan oleh Mao Tze-tung di China (penubuhan kerajaan sementara yang terdiri daripada komunis tempatan). Seterusnya mereka membuat tuntutan bercorak politik dan membentuk sebuah "kerajaan revolusi" di Nghe An dan Ha Tinh. Tetapi ini semua dapat dihancurkan oleh Perancis dan gerakan komunis hanya berjaya setakat menyemaikan semangat radikal di kalangan penduduk desa.

Mulai bulan Ogos 1930, rusuhan-rusuhan timbul di Nghe-Tinh dan mengangap pentadbiran kerajaan. Jawatankuasa pusat parti komunis di Nghe Anh mengarahkan ahli-ahlinya membentuk "Soviet" tempatan yang menjadi teras kepada kuasa pekerja dan petani. Soviet tempatan ini bertugas memberikan kebebasan demokratik kepada rakyat, membahagikan tanah, menukarkan adat dan sikap yang kolot. Mereka menyerang orang kaya dan orang besar. Gerakan ini merebak ke kawasan-kawasan lain.

Pentadbiran Perancis mengambil tindakan bersenjata terhadap "kawasan-kawasan merah" dan berjaya mengasingkan wilayah itu daripada kuasa-kuasa lain. Kelaparan yang berlaku di kawasan ini (disebabkan banjir yang kemudiannya diikuti oleh kemarau) melemahkan semangat petani-petani untuk berjuang. Sikap keterlaluan kumpulan Soviet yang memerintah melakukan keganasan ke atas semua orang kaya, kaum intelek dan orang besar menyebabkan rasa marah rakyat jelata. Gerakan ini akhirnya dapat dipatahkan oleh Perancis. Hasil yang dapat dilihat daripada gerakan ini ialah mereka dapat membuktikan potensi petani-petani dalam revolusi serta mengasingkan petani-petani daripada pentadbiran dan orang besar. Tetapi kegagalan gerakan ini juga menyebabkan kesengsaraan yang tidak terhingga kepada rakyat jelata. Tindakan yang dilancarkan oleh parti komunis ini dianggap sebagai tidak cukup matang, sama keadaannya dengan serangan yang dibuat oleh Li Li-san dan tentera merahnya di China Tengah.

Dalam bulan Oktober, parti komunis mengadakan perhimpunan di Hong Kong di bawah pimpinan Nguyen Ai Quoc. Jawatankuasa pusat parti mengambil keputusan menukar nama parti seperti yang diarahkan oleh Komintern, menjadi "Parti Komunis Indo-China". Mesyuarat di Hong Kong ini bersetuju menerima tesis politik yang disediakan oleh Tran Phu yang diasaskan kepada

pemikiran Rusia dan Mao yang disebarkan selepas kegagalan Li Li-San.

Mengikut Tran Phu, Indo-China merupakan satu jajahan yang bergantung kepada imperialisme dan dengan ini ia mestilah melalui peringkat pertama revolusi, iaitu demokratik borjuis. Tugas revolusi ini ialah menghapuskan feudalisme serta membahagi-bahagikan tanah kepada petani-petani, mendapatkan kebebasan demokratik dan menghancurkan imperialisme Perancis supaya Indo-China boleh mencapai kemerdekaannya. Hanya apabila tercapainya kemerdekaan ini baharulah revolusi dapat bergerak ke peringkat kedua, iaitu "revolusi sosialis". Feudalisme tidak boleh dibasmikan tanpa dihancurkan juga imperialisme, begitu juga sebaliknya.

Kelas pekerja dan petani adalah "tenaga penggerak dalam revolusi". Ia memerlukan sebuah parti komunis yang berdisiplin, mempunyai dasar yang adil dan berhubung rapat dengan golongan massa serta penuh dengan semangat berjuang. Untuk mencapai kemerdekaan, parti ini hendaklah membentuk "sebuah kerajaan yang terdiri daripada pekerja dan petani" yang kemudiannya akan dijadikan sebuah kerajaan bercorak diktator, proletariat yang akan merampas tanah daripada golongan kaya, bangsa asing dan gereja serta membahagikannya kepada petani sederhana dan miskin. Mereka juga mestilah menubuhkan "tentera pekerja dan petani" untuk berjuang mendapatkan kemerdekaan Indo-China, serta memberi hak kepada semua bangsa menentukan nasib mereka sendiri. Setelah berjaya mendapatkan kuasa, Indo-China akan diberi bantuan oleh negara-negara sosialis dan terus mara menuju ke arah sosialisme tanpa melalui tahap kapitalis.

Untuk sementara waktu, parti mestilah memimpin golongan massa berjuang menentang keganasan kulit putih, cukai-cukai dan cara-cara pemilikan tanah. Parti juga menentang sebarang tindakan yang tergesa-gesa (ini merupakan satu kecaman secara tidak langsung terhadap "Soviet di Nghe-Tinh") dan percubaan merampas kuasa. Dengan ini parti mestilah diperkukuhkan lagi. Mereka mestilah menarik lebih ramai lagi pekerja-pekerja supaya menjadi ahli dan memberikan tanggungjawab yang lebih dalam parti kepada golongan ini. Kebanyakan daripada ahli-ahli parti ketika itu terdiri daripada petani-petani dan borjuis kecil. Sebuah jawatankuasa eksekutif

akan ditubuhkan di tiap-tiap wilayah bagi memimpin gerakan di peringkat wilayah.

Tetapi keinginan berjuang di kalangan orang Vietnam telah mulai reda dan beberapa mogok yang dirancang oleh parti tidak berjaya dilancarkan. Peristiwa-peristiwa di Yen Bay dan Nghe-Tinh menimbulkan kesedaran di Perancis dan di Indo-China tentang apa yang sedang berlaku. Di Paris, Dewan Rakyat telah membincangkan masalah Indo-China dengan panjang lebar. Terdapat dua kumpulan yang bertentangan pendapat di Paris, iaitu golongan yang menyokong sikap keras kerajaan di Indo-China dan mereka yang meminta supaya diadakan dasar yang lebih liberal. Kerajaan, walau bagaimanapun enggan berganjak daripada dasarnya yang ada dan meletakkan kesalahan ke atas golongan komunis dan pemuda-pemuda yang "dipengaruhi oleh kuasa-kuasa asing".

Di Vietnam juga terdapat perbezaan pendapat tentang langkah yang perlu diambil. Pegawai-pegawai dan orang Perancis di Vietnam menyokong dasar kekuasaan. Tetapi pihak pentadbiran Perancis juga sedar yang tindakan daripada segi politik juga penting untuk mententeramkan keadaan. Mereka cuba mendapatkan sokongan golongan mandarin dan orang besar dengan mengembalikan semula kuasa golongan ini di peringkat desa. Pentadbiran juga menggalakkan kemunculan organisasi dan gerakan-gerakan yang boleh menandingi gerakan komunis. Atas sebab inilah maka kerajaan membenarkan orang Buddha menubuhkan persatuan-persatuan agama di ketiga-tiga wilayah dalam tahun 1930. Pertubuhan-pertubuhan Katolik juga mengecam tindakan komunis dan di sini bermulanya perselisihan antara kedua-dua kumpulan ini.

Kerajaan di Hue bimbang akan tindakan Perancis menindas orang Vietnam berikutan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku akan mendekatkan lagi orang Vietnam kepada jalan revolusi. Baginya, yang penting ialah perubahan dan pemodenan kerajaan di Hue menuntut agar pentadbiran Perancis di Vietnam membuat pembaharuan daripada segi ekonomi. Ia juga menekankan yang pembaharuan boleh dilakukan hanya jika terdapat persefahaman antara kerajaan, elit dan golongan massa serta perpaduan kebangsaan. Perdana Menteri Vietnam Nguyen Huu Bai meminta agar Putera Thuy yang sedang menuntut di Perancis pulang ke Hue untuk memimpin kerajaan. Bai tidak bersetuju dengan sikap Perancis membangkitkan

masalah komunis bagi menyekat kepulangan Vinh Thuy memegang teraju pemerintahan. Beliau meminta Residen Perancis Le Fol supaya mempercepatkan kepulangan Vinh Thuy, tetapi ini dianggap oleh Perancis sebagai satu tipu helah. Mengikut Le Fol, Bai mahu dirinya dilantik menjadi penasihat kepada maharaja muda sebelum baginda boleh bertindak dan berfikir atas kehendaknya sendiri. Dengan ini pentadbiran Perancis enggan melayan permintaan menteri Vietnam itu. Perancis juga membenarkan penubuhan sebuah parti yang konservatif yang bertujuan menentang komunis. Ia dikenali sebagai *Ly Nhann Dang* yang dianggotai oleh mandarin dan orang besar.

Sementara itu Surete menjalankan usahanya menghancurkan organisasi komunis. Parti Komunis sedang melalui zaman krisis daripada segi ideologi dan taktik. Dalam sidangnyanya yang kedua di Saigon dalam bulan Mac 1931, jawatankuasa pusat pasti mengumumkan yang mereka mestilah berjuang menentang sikap "borjuis kecil" dalam parti dan menjalankan usaha mengukuhkan gerakan revolusi, menentang kesilapan ideologi dan sikap tergesa-gesa.

Sebaik sahaja tamat persidangan ini, semua ahli jawatankuasa pusat ditangkap, termasuklah Tran Phu, setiausaha agung parti. (Beliau meninggal dunia pada 5 September 1931 setelah menjalani penyiksaan). Ramai pengikut komunis ditangkap di seluruh Vietnam. Jawatankuasa parti di utara dan tengah terpaksa dibubarkan. Nguyen Ai Quoc tertangkap pada 6 Jun 1931 di Hong Kong oleh pihak British yang sebelum itu berjaya menangkap seorang lain yang ada hubungan dengan beliau di Singapura.

Organisasi komunis Vietnam mendapati yang mereka terputus hubungan dengan dunia luar apabila tertangkapnya Nguyen Ai Quoc. Ini ialah kerana selama ini, semua hubungan adalah melalui beliau. Gerakan revolusi Vietnam melalui zaman kemelesetannya. Ramai orang komunis dan nasionalis ditangkap dan dihantar ke Pulau Condore. Ada juga yang dihukum bunuh.⁷

Kepulangan Bao Dai dan Kegagalan Ngo Dinh Diem

Selepas beberapa kejadian ini, pihak berkuasa mula memikir-

⁷Di Pulau Condore inilah Pham Van Dong (lahir 1906) dipenjarakan. Beliau berada dalam perhatian Surete sejak 1925. Beliau telah bertemu dengan Nguyen Ai Quoc di Canton dan menjadi ahli *Thanh Nien*. Dalam tahun 1929, beliau pulang ke Vietnam, kemudiannya ditangkap dan dihukum penjara selama 6 tahun.

kan yang politik Annam mestilah diubah. Ini bererti menyusun semula kerajaan di Hue. Dalam bulan Jun 1930, Phan Quynh, yang mempunyai hubungan rapat dengan pentadbiran Perancis menulis tentang masalah perlembagaan. Dalam tulisannya yang diterbitkan di Hanoi oleh akhbar *France-Indochine*, beliau menuntut agar institusi yang ada diperbaharui. Beliau tidak meminta agar dihapuskan. Waktu ini terdapat banyak kecaman terhadap raja dan golongan mandarin yang datangnya dari kaum intelektual dan generasi muda. Phan Quynh mensifatkan kecaman ini timbul kerana raja telah diturunkan tarafnya dan memegang peranan kecil sahaja, sementara golongan mandarin pula bersikap rasuah. Beliau menjelaskan perlunya mereka memegang teguh kepada dasar naungan serta menyusun semula "kerajaan Annam" melalui satu perlembagaan dan agar diberikan, kepada kerajaan ini kuasa pemerintahan dalam negeri. Kerajaan ini akan dibantu oleh "Dewan Rakyat", sementara menteri-menteri pula adalah bertanggungjawab terus kepada raja. Dengan ini negara akan mendapat semula tugasnya sebagai penasihat dan pengawal. Untuk menjayakan rancangan ini, Pham Quynh berpendapat mereka memerlukan muka-muka baru.

Perdana Menteri Nguyen Huu Bai percaya yang kepulauan Putera Vinh Thuy ke Vietnam akan mengubah keadaan politik. Beliau sebenarnya tidak dapat menerima tindakan Perancis memberikan segala kuasa raja kepada residen melalui konvensyen 1925 selepas kematian Raja Khai Dinh.

Kerajaan Perancis telah meneliti masalah ini. Menteri Tanah Jajahan Perancis, Paul Reynaud melawat Indo-China dalam bulan November 1931. Lawatan ini membolehkan beliau melihat sendiri keadaan di Vietnam dan mengetahui sikap pentadbiran Perancis di sana serta orang Perancis dan golongan sederhana Vietnam. Setelah beliau pulang ke Paris, Reynaud mencadangkan "pembaharuan politik" bagi Vietnam yang pada fikirannya sudah tiba waktunya dan merupakan langkah yang bijak. Pembaharuan ini mestilah dilakukan apabila Vinh Thuy pulang ke Vietnam. Perancis juga mestilah memberikan sokongan kepada baginda sebagai orang yang boleh menjamin dasar Perancis di Annam. Kerajaan Annam ini, walaupun disusun semula akan terus menjadi "sahabat Perancis".

Bertepatan dengan rancangan ini, maka Vinh Thuy pulang ke Vietnam pada 8 September 1932, dan terus diberi kuasa dan

memerintah dengan memakai nama Bao Dai. Baginda adalah raja Vietnam yang pertama yang mendapat didikan di Eropah dan merupakan penyokong dasar pemodenan masyarakat dan negara Annam.⁸

Konvensyen 1925 yang merampas kuasa raja dihapuskan. Dalam satu perintah pada 10 September 1932, Bao Dai menekankan yang baginda ingin menjalankan pemerintahan dengan sokongan rakyat dan menjadikan sistem beraja sebagai raja berperlembagaan.⁹ Serta menyusun semula sistem mandarin, keadilan dan pelajaran. Baginda sendiri mengetepikan adat istana yang terlalu ketat, berpakaian cara Eropah, berkereta dan menunjukkan diri di khalayak ramai. Baginda yang baru berumur 19 tahun itu sangat disukai ramai.

Pentadbiran Perancis mengharapkan yang Bao Dai akan dapat menukar imej Naungan Perancis sebenarnya tidak menyukai Nguyen Huu Bai yang dianggap terlalu bebas, jadi Perancis mencari muka-muka baru yang boleh dipercayai untuk ditempatkan di istana. Atas nasihat Gabenor Jeneral Pasquier, Bao Dai mengambil Pham Quynh sebagai pengarah kabinetnya yang diberi taraf seorang menteri. Bao Dai juga diberikan seorang setiausaha khas, iaitu Nguyen De, seorang yang sangat dipercayai oleh Perancis. Pada 2 Mei 1933, Bao Dai menyusun semula organisasi pentadbiran kerajaan Hue dan beliau sendiri memimpin negara. Beliau menghapuskan jawatan Perdana Menteri yang selama ini dipegang oleh Nguyen Huu Bai. Semua menteri yang terlalu tua telah digantikan dengan muka-muka baru. Tetapi Residen Perancis tetap memegang jawatan sebagai presiden Majlis Menteri-menteri dan kuasa ini tidak digugat oleh sesiapa pun.

Golongan "nasionalis sederhana" juga mempunyai tempat dalam kerajaan baru ini. Seorang wakil mereka, Ngo Dinh Diem¹⁰ yang beragama Katolik dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri dan

⁸Nama "Vietnam" hanya mula digunakan dalam tahun 1945.

⁹Baginda mengesahkan kewujudan sebuah Dewan Perwakilan Rakyat yang dibentuk semasa pemerintahan Pemangku Raja dan mengambil Nguyen Trac, Presiden Dewan ini sebagai ahli kabinetnya.

¹⁰Diem lahir dalam tahun 1901 daripada satu keluarga Katolik, bapanya Ngo Dinh Kha ialah pegawai tinggi Istana Hue.

setiausaha satu "Suruhanjaya Pembaharuan".¹¹

Tetapi usaha-usaha Diem untuk membersihkan golongan mandarin dan mengembalikan pemerintahan yang bebas mendapat tentangan daripada golongan tradisional dan pihak pentadbiran Perancis. Diem menyedari yang beliau hanya diperalatkan. Usaha-usahanya yang secara amnya disokong oleh Nguyen De, mendapat tentangan daripada Pham Quynh. Bao Dai yang terlalu muda dan senang dipengaruhi itu bukan sahaja tidak menyokong usaha menterinya, malah tunduk kepada tekanan-tekanan Perancis dan pembantu-pembantu Vietnam. Dalam bulan September 1933, Ngo Dinh Diem meletak jawatan kerana beliau tidak mahu menjadi bahan permainan.

Harapan yang Bao Dai akan dapat menjalankan pemerintahan yang dicita-citakan nyata meleset. Ini terbukti dalam masa setahun selepas kepulangan beliau di Vietnam. Beberapa orang konservatif Vietnam mula menaruh harapan terhadap putera Cuong De yang masih dalam buangan di Jepun.

Bao Dai sendiri nampaknya menerima sahaja keadaan yang ada. Beliau hilang semangat untuk berjuang dan menyerahkan segala hal-hal pemerintahan kepada Pham Quynh yang semakin rapat dengan Perancis. Maharaja Bao Dai menandatangani dokumen-dokumen hanya sebagai memenuhi syarat sahaja. Baginda lebih menghabiskan masanya bergaul dengan orang Perancis dan memburu serta bermain sukan.

Kegagalan Bao Dai ini menunjukkan yang rejim penjajah Perancis tidak dapat menerima sebarang perubahan.¹² Seperti yang ditekankan oleh Gabenor Jeneral Robin, Perancis mestilah menjalankan dasar yang keras dan tidak mengalah.

¹¹Suruhanjaya campuran Perancis-Vietnam ditugaskan menjalankan pembaharuan seperti yang dijanjikan oleh raja dalam bulan September 1932. Ia diwakili oleh menteri-menteri Vietnam dan Pegawai Tinggi Perancis.

¹²Andre Malraux mengulas keadaan ini seperti berikut: "Orang Vietnam yang berani hanyalah mereka yang revolusioner". ("S.O.S", *Marianne*, Paris, 11 Oktober 1933).

1. The first part of the document is a list of names and their corresponding addresses. The names are listed in the left column, and the addresses are listed in the right column. The names are:

Mr. J. H. Smith	123 Main St.
Mr. W. B. Jones	456 Elm St.
Mr. C. D. Brown	789 Oak St.
Mr. E. F. Green	1010 Pine St.
Mr. G. H. White	1111 Maple St.
Mr. I. J. Black	1212 Cedar St.
Mr. K. L. Gray	1313 Birch St.
Mr. M. N. Blue	1414 Spruce St.
Mr. O. P. Red	1515 Willow St.
Mr. Q. R. Purple	1616 Ash St.
Mr. S. T. Yellow	1717 Hickory St.
Mr. U. V. Orange	1818 Walnut St.
Mr. W. X. Silver	1919 Chestnut St.
Mr. Y. Z. Gold	2020 Sycamore St.

2. The second part of the document is a list of names and their corresponding addresses. The names are listed in the left column, and the addresses are listed in the right column. The names are:

Mr. A. B. Green	2121 Elm St.
Mr. C. D. Blue	2222 Oak St.
Mr. E. F. Red	2323 Pine St.
Mr. G. H. Yellow	2424 Maple St.
Mr. I. J. Purple	2525 Cedar St.
Mr. K. L. Orange	2626 Birch St.
Mr. M. N. Silver	2727 Spruce St.
Mr. O. P. Gold	2828 Willow St.
Mr. Q. R. Bronze	2929 Ash St.
Mr. S. T. Iron	3030 Hickory St.
Mr. U. V. Steel	3131 Walnut St.
Mr. W. X. Copper	3232 Chestnut St.
Mr. Y. Z. Lead	3333 Sycamore St.

3. The third part of the document is a list of names and their corresponding addresses. The names are listed in the left column, and the addresses are listed in the right column. The names are:

Mr. A. B. Silver	3434 Elm St.
Mr. C. D. Gold	3535 Oak St.
Mr. E. F. Bronze	3636 Pine St.
Mr. G. H. Iron	3737 Maple St.
Mr. I. J. Steel	3838 Cedar St.
Mr. K. L. Copper	3939 Birch St.
Mr. M. N. Lead	4040 Spruce St.
Mr. O. P. Zinc	4141 Willow St.
Mr. Q. R. Nickel	4242 Ash St.
Mr. S. T. Tin	4343 Hickory St.
Mr. U. V. Aluminum	4444 Walnut St.
Mr. W. X. Magnesium	4545 Chestnut St.
Mr. Y. Z. Potassium	4646 Sycamore St.

4. The fourth part of the document is a list of names and their corresponding addresses. The names are listed in the left column, and the addresses are listed in the right column. The names are:

Mr. A. B. Calcium	4747 Elm St.
Mr. C. D. Sodium	4848 Oak St.
Mr. E. F. Potassium	4949 Pine St.
Mr. G. H. Magnesium	5050 Maple St.
Mr. I. J. Aluminum	5151 Cedar St.
Mr. K. L. Zinc	5252 Birch St.
Mr. M. N. Iron	5353 Spruce St.
Mr. O. P. Nickel	5454 Willow St.
Mr. Q. R. Cobalt	5555 Ash St.
Mr. S. T. Manganese	5656 Hickory St.
Mr. U. V. Silicon	5757 Walnut St.
Mr. W. X. Phosphorus	5858 Chestnut St.
Mr. Y. Z. Sulfur	5959 Sycamore St.

5. The fifth part of the document is a list of names and their corresponding addresses. The names are listed in the left column, and the addresses are listed in the right column. The names are:

Mr. A. B. Chlorine	6060 Elm St.
Mr. C. D. Fluorine	6161 Oak St.
Mr. E. F. Bromine	6262 Pine St.
Mr. G. H. Iodine	6363 Maple St.
Mr. I. J. Oxygen	6464 Cedar St.
Mr. K. L. Nitrogen	6565 Birch St.
Mr. M. N. Carbon	6666 Spruce St.
Mr. O. P. Hydrogen	6767 Willow St.
Mr. Q. R. Helium	6868 Ash St.
Mr. S. T. Neon	6969 Hickory St.
Mr. U. V. Argon	7070 Walnut St.
Mr. W. X. Krypton	7171 Chestnut St.
Mr. Y. Z. Xenon	7272 Sycamore St.

13

NASIONALISME DAN PERJUANGAN KELAS (1933-1941)

SEJAK tahun 1931, selepas berlakunya peristiwa-peristiwa yang menggugatkan, pentadbiran penjajah cuba menukar cara-cara pentadbiran serta pegawai. Mereka menjalankan usaha yang lebih untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial agar dapat dirasai oleh seluruh rakyat. Masalah pertanian mendapat perhatian daripada pihak pentadbiran. Perusahaan beras di Cochin China yang dieksportkan ke Perancis menolong mengurangkan beban penduduk desa yang melarat akibat kemelesetan ekonomi. Peraturan kerja juga diadakan. Ladang-ladang di selatan memperkenalkan rancangan-rancangan untuk kebajikan masyarakat daripada segi tempat kediaman dan keadaan bekerja. Jurutera-jurutera Perancis pula membina infrastruktur moden bagi Vietnam (seperti pelabuhan, jalan-jalan raya, keretapi pemandaran dan lain-lain).

Walau bagaimanapun, jurang perbezaan masih meluas. Seorang ahli ekonomi Perancis, Paul Bernard, mengulas dalam tahun 1934 tentang masalah ekonomi Vietnam pada masa itu.¹ Beliau memberikan gambaran berikut tentang pembahagian hasil negara di Indo-China pada tahun 1931.

¹Paul Bernard, *Le Probleme economique indochinois*, Paris, Scorlot, 1934, ms 20-24

SEJARAH INDO-CHINA MODEN

<i>Lapisan masyarakat</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Pendapatan purata (juta piastres)</i>	<i>Pendapatan Tahunan tiap-tiap seorang (piastres)</i>
Orang Eropah			
Awam	13 400	66	5 000
Tentera	10 500	6	600
	23 900	72	3 012
Indo-China:			
Golongan kaya	9 000	55	6 000
Golongan sederhana	920 000	153	168
Golongan miskin	9 600 000	470	49
	10 529 000	678	64
Jumlah (Indo-China)	10 552 900	750	71

N.B. Satu piastre bersamaan dengan 10 franc Perancis yang bersamaan dengan AS0.40 pada masa itu.

Kemelesetan yang terus berlaku dan kegelisahan sosial pada tahun 1932 dan tahun 1933 memberi peluang kepada pihak komunis untuk membangkitkan "kesedaran kelas" dan menubuhkan pangkalan-pangkalan bagi gerakan mereka.

Pada akhir tahun 1931, satu "jawatankuasa untuk membantu revolusi Indo-China" ditubuhkan di Thailand. Dengan bantuan Komintern dan parti-parti komunis Soviet, Perancis dan China, kader-kader Vietnam berjaya pulang ke negara mereka dan menyusun semula pusat-pusat komunis yang dimusnahkan oleh Surete. Dalam bulan April 1932, satu "jawatankuasa eksekutif sementara" Parti Komunis Indo-China dibentuk di Cochinchina. Dalam program terbarunya Parti Komunis Indo-China menekankan tiga objektif: mengembalikan kebebasan demokrasi, menentang keganasan kulit putih dan memberi pengampunan beramai-ramai bagi tahanan politik, menghapuskan monopoli garam alkohol dan candu. Parti juga menyeru penyokong-penyokongnya supaya bersiap sedia untuk melancarkan penentangan bersenjata, menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja komunis dan persatuan-persatuan petani di samping menekankan perlunya diadakan satu pertubuhan sulit. Dalam bulan Jun 1932, rancangan ini telah diluluskan oleh "International".

Pada akhir tahun 1932, ahli-ahli parti yang bekerja di China menyusup ke kawasan sempadan dan menjalankan usaha bagi mendapatkan sokongan penduduk di sana serta menubuhkan pusat-pusat komunis dan sistem "liason".

Tetapi gerakan komunis pada masa itu berpecah belah. Pada awal tahun 1932, golongan trotsky membentuk sebuah pertubuhan di Cochin China di bawah pimpinan *Ta Thu Thau* yang pernah menuntut di Perancis. Tetapi kumpulan ini dapat dihancurkan oleh Surete dalam bulan Ogos 1932 dan propagandanya tidak dapat disebar. Selepas itu muncul di selatan seorang komunis yang baru tamat latihan di Sekolah Latihan Stalin di Moscow. Beliau ialah Tran Van Giau.

Di bawah pimpinan Tran Van Giau, perjuangan komunis menuju ke arah yang baru mulai tahun 1933.² Parti Komunis meninggalkan buat sementara waktu bidang politik dan menumpukan usaha mereka mempengaruhi kesatuan-kesatuan sekerja dan golongan profesional. Mereka menggunakan sepenuhnya peluang yang terdapat di Cochin China (lebih bebas daripada di Tonkin dan Annam) bagi menubuhkan gerakan massa melalui persatuan-persatuan yang sah: kesatuan sekerja, persatuan peladang, pertubuhan-pertubuhan di sekolah dan lain-lain. Kegiatan yang dijalankan bertujuan mendidik pekerja-pekerja dan kegiatan ini dilakukan melalui gerakan yang tidak melanggar undang-undang di Cochin China.

Penyokong-penyokong komunis ini terdiri daripada golongan trotsky, orang-orang yang terselamat daripada penindasan dan yang dibebaskan dari tahanan dan mereka yang tidak mempunyai sebarang parti. Sebuah akhbar diterbitkan, iaitu *La Lutte* dan ditulis dalam bahasa Perancis sepertimana yang dituntut oleh undang-undang. Kumpulan ini juga mengambil bahagian dalam pemilihan wakil majlis tempatan Saigon dalam bulan Mei 1933. Dua orang calon mereka telah berjaya, iaitu Nguyen Van Tao (komunis) dan Tran Van Trach (trotsky). Walau bagaimanapun, mengambil baha-

²Nguyen Ai Quoc dibebaskan dan dihantar ke Hong Kong dalam tahun 1933. Pada masa yang sama juga pembantunya, Le Hong Phong pulang ke Asia dari Rusia. Pham Van Dong juga pulang tahun 1933 setelah dibebaskan dari Pulau Condore dan terus menyertai gerakan komunis.

gian dalam pentadbiran bukanlah tujuan utama mereka. Tujuan mereka yang pentingnya ialah menyatukan tenaga petani dan pekerja. Kumpulan-kumpulan komunis di dalam perkhidmatan awam dan lain-lain perkhidmatan dibentuk di Saigon-Cholon. Di desa-desa pula kumpulan komunis bergerak di bawah aktiviti kesatuan sekerja sambil menyebarkan propaganda mereka di wilayah-wilayah selatan Vietnam.

Atas arahan Komintern, sebuah "jawatankuasa seberang laut" Parti Komunis Indo-China dibentuk di Macao pada awal tahun 1934. Jawatankuasa ini diketuai oleh Le Hong Phong dan bertanggungjawab menyatukan gerakan komunis Indo-China serta melatih kader-kader yang akan memimpin dan membuat persediaan bagi mengadakan kongres pertama parti. Peranannya sama seperti sebuah Jawatankuasa Pusat Sementara Kongres Pertama Parti Komunis Indo-China diadakan di Macau pada 27 Mac hingga 31 Mac 1935. Hanya sepuluh orang ahli parti sahaja yang dapat menghadirinya. Le Hong Phong (sedang dalam perjalanan ke Moscow) dan Nguyen Ai Quoc tidak menghadiri mesyuarat ini. Sebuah jawatankuasa pusat dengan 9 orang ahli dilantik: Le Hong Phong dilantik sebagai Setiausaha Agung. Parti juga mengambil keputusan yang hanya "perjuangan bersenjata sahaja yang dapat menjatuhkan penjajah".

Dalam bulan 1935, Kongres Komintern VII mengeluarkan satu dasar baru. Dasar ini mengutamakan perjuangan menentang fasisme buat sementara waktu dan mengetepikan perjuangan menentang imperialisme. Tujuan komunis yang utama sekarang ialah menghapuskan fasisme Jepun, Itali dan Jerman. Golongan komunis perlulah menubuhkan "barisan bersatu antifasis", walaupun ini bererti yang perjuangan kelas terpaksa dihentikan untuk sementara waktu.

"Barisan Demokratik Indo-China"

Kemenangan golongan kiri dalam pilihanraya di Perancis pada 3 Mei 1936 telah mengubah keadaan politik di Vietnam. Kemenangan ini menimbulkan semula "harapan dan kepercayaan" di kalangan orang Vietnam. Parti-parti yang menganggotai *Front Populaire* Perancis ini telah pun menyatakan yang mereka bersetuju untuk memberikan pengampunan kepada tahanan-tahanan politik dan mengembalikan kebebasan serta membuat pembaharuan sosial. Me-

mandangkan kepada keadaan ini, maka Parti Komunis Indo-China (P.K.I.) mengambil keputusan untuk membentuk Barisan Demokratik Indo-China pada 26 Mei 1936.

Nguyen Ai Quoc yang sedang berada di negeri China menasihatkan parti supaya ahli-ahli Barisan Demokratik ini dibuka bukan sahaja kepada orang Indo-China, malah kepada orang Perancis yang progresif, petani-petani, pekerja-pekerja dan juga golongan borjuis kebangsaan. Mengikut Nguyen Ai Quoc, P.K.I. mestilah menggunakan taktik yang halus untuk mendapatkan lebih ramai penyokong "tanpa meninggalkan dasar perjuangan kelas". Walaupun petani dan pekerja yang menjadi tulang belakang gerakan komunis, mereka mestilah cuba bekerjasama dengan sekutu-sekutu mereka, sama ada sekutu-sekutu itu terdiri daripada golongan nasionalis revolusime ataupun sederhana dengan tujuan mengasingkan golongan "ultra-penjajah", dengan ini penentangan terhadap mereka akan lebih berkesan.

Berdasarkan arahan-arahan inilah, maka Parti Komunis Indo-China mengambil keputusan menghentikan untuk sementara perediaan peperangan. Sambil mengecam imperialisme Perancis, Parti Komunis Indo-China menuntut agar tanah diambil daripada pemilik-pemilik kaya dan dibahagikan kepada golongan petani serta menubuhkan satu "Barisan Rakyat Anti-Imperialis" yang akan menyatukan semua kelas dalam masyarakat, parti-parti dan kumpulan politik yang berbeza, kaum-kaum dan golongan agama yang berbagai. Tujuan barisan ini ialah berjuang mendapatkan hak-hak asasi (kebebasan bersatu, berhimpun, kebebasan pendapat, akhbar, bergerak dan ke luar negeri) dan pengampunan beramai-ramai tahanan politik, peraturan kerja yang lengkap, meluaskan badan-badan ekonomi dan kewangan dan "Majlis Kolonial" Cochin China dan Dewan Perwakilan Annam dan Tonkin. Bagi menjayakan barisan ini, Parti Komunis Indo-China menasihatkan ahli-ahlinya supaya tidak lagi mengecam Parti *Constitutionaliste* di Cochin China, malah mereka perlu mendapatkan kerjasama pemimpin-pemimpinnya seperti Bui Quang Chieu dan Nguyen Phan Long. Dasar ini menimbulkan penentangan daripada golongan trotsky.

Bagi pihak komunis, kejayaan barisan ini bergantung kepada sokongan orang ramai. Mereka mestilah diberi peluang menyuarakan hak dan pendapat mereka. Walau bagaimanapun parti meng-

ingatkan ahli-ahlinya yang perjuangan secara undang-undang ini mestilah ditambah dengan perjuangan bawah tanah yang terus-menerus.

Mulai akhir 1936,³ P.K.I. mencadangkan supaya parti-parti dan pertubuhan politik Indo-China mengadakan satu "Kongres Indo-China" (*Dong-Duong Dai Hoi*) yang akan membincangkan permintaan dan tuntutan rakyat Indo-China. Keputusannya akan dibawa kepada satu "Suruhanjaya Mengkaji" yang baru dibentuk oleh kerajaan Perancis. Jawatankuasa persediaan kongres ini dianggotai juga oleh wakil-wakil parti sederhana dan konservatif. Parti Komunis Indo-China menyusun kumpulan-kumpulan kecil penyokong mereka, menganjurkan mesyuarat, membuat surat-surat rayuan, memimpin jawatankuasa bertindak yang ditugaskan mengumpul tuntutan-tuntutan rakyat. Lebih daripada 600 jawatankuasa seperti ini ditubuhkan di selatan. Antara pemimpin-pemimpin komunis di selatan yang terkenal ialah Nguyen Van Tao dan Duong Bach Mai, sementara di utara pula, Pham Van Dong dan Dang Xuan Khu merupakan orang kuat pertubuhan komunis yang bergerak mengikut undang-undang. Pham Van Dong yang menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan oleh Perancis di antara tahun 1933 hingga tahun 1936 baharu sahaja pulang ke Vietnam.

Pada akhir tahun 1936. Justin Godart, ketua "Suruhanjaya Mengkaji" yang ditubuhkan oleh pengerusi tiba di Indo-China. Seorang gabenor jeneral baru juga tiba dalam bulan Januari 1937. Beliau ialah Jules Brevie. Parti Komunis mengambil peluang ini untuk menganjurkan perhimpunan besar-besaran bagi mengemukakan tuntutan mereka. Perhimpunan ini amat membimbangkan masyarakat Perancis di Indo-China dan pentadbiran Perancis di negara itu serta borjuis Vietnam. Selepas sahaja tuntutan-tuntutan dikemukakan kepada Suruhanjaya tersebut kebanyakan daripada wakil-wakil kumpulan sederhana mengundur diri daripada Jawatankuasa Kerja "Kongres Indo-China" yang dianggap sebagai alat propaganda golongan pelampau. Dalam bulan Mac 1937, Jawatankuasa Pusat P.K.I. mengingatkan pentingnya digunakan peluang

³Kerajaan Perancis mengambil keputusan memanggil balik Gabenor Jeneral Robin.

yang ada bagi membolehkan persatuan-persatuan massa muncul mengikut undang-undang.

Tetapi sikap golongan pelampau kiri telah menjejaskan peluang gerakan kebangsaan Vietnam untuk mencapai penyelesaian yang boleh diterima. Kedatangan seorang wakil Parti Komunis Perancis juga tidak dapat mengubah sikap kumpulan pelampau ini. Pentadbiran Perancis mengambil peluang daripada ketakutan yang ditimbulkan oleh komunis untuk membubarkan Jawatankuasa Bertindak dan mengharamkan Kongres Indo-China. P.K.I. seterusnya mencajangkan supaya dibentuk satu Barisan Demokratik Indo-China dan untuk tujuan ini, mereka membentuk satu jawatankuasa kebangsaan supaya P.K.I. mempunyai pengaruh yang kuat.

Untuk mendapatkan sokongan yang lebih luas bagi Barisan Demokratik, P.K.I. terus berusaha untuk menarik pemimpin-pemimpin daripada golongan borjuis yang liberal, kaum intelektual daripada kelas sederhana, juga daripada golongan tradisional yang bersemangat nasionalis (seperti "kumpulan 1884" di Annam). Tetapi dasar komunis yang bekerjasama dengan golongan kanan ini tidak disukai oleh Trotsky dan ini menyebabkan kedua-dua kumpulan ini berpecah. Ianya berlaku dalam bulan Jun 1937. Akhbar *La Lutte* yang diterbitkan bersama oleh komunis dan Trotsky sejak 1933 dikendalikan oleh penyokong-penyokong *The Fourth International*. Ketua kumpulan ini Ta Thu Thau sangat dihormati di selatan kerana sikapnya yang tidak mementingkan diri serta tenaga dan usahanya yang gigih serta penentangan yang kuat terhadap Perancis.

Sikap golongan Trotsky ini disokong oleh sebahagian daripada ahli-ahli Parti Komunis Indo-China yang tidak bersetuju dengan dasar bekerjasama dengan golongan kanan. Dalam tahun 1936, ramai tahanan politik dibebaskan berikutan daripada keputusan yang diambil oleh Parlimen Perancis. Orang-orang ini yang merasa pahit getir dan seksaan sebagai orang tahanan dalam penjara berkuasa.⁴ Mereka juga tidak yakin yang dasar ini boleh dilaksanakan dengan sebuah rejim yang pada asasnya tidak berubah. Jadi strategi

⁴Pusat-pusat tahanan yang penting ialah Pulau Condore dan Sonla di Tonkin yang dikendalikan sepenuhnya oleh Perancis. Selain daripada itu terdapat purata tahanan di Lao Bao, Kontum dan Ban Me Thuot yang pada teorinya di bawah kuasa kerajaan Vietnam di Hue.

P.K.I. mendapat tentangan daripada kumpulan Trotsky dan daripada bekas tahanan politik yang tidak boleh melupakan kesengsaraan yang mereka lalui. P.K.I. juga terpaksa menghadapi ancaman Jepun yang sedang mara di Asia. Dalam bulan Julai 1937, berikutan dengan satu peristiwa di Peking, Jepun melancarkan serangan ke atas China bagi memaksa kerajaan Kuomintang tunduk kepada Jepun. Melihatkan keadaan ini, maka P.K.I. mengambil sikap "antifasis": Jepun merupakan bahaya utama, dan pada masa itu lebih membahaya daripada Perancis. Jika ancaman Jepun hendak dihapuskan, maka kuasa politik dan ketenteraan Perancis di Indo-China tidak boleh dilemahkan. Tetapi golongan Trotsky masih enggan menerima dasar ini yang dianggap hanya mengutamakan kepentingan Rusia. Mereka terus dengan dasar antipenjajah dan antiimperialis.

Kumpulan-kumpulan Politik yang Baru

Parti Komunis mendapati dirinya berada dalam keadaan yang menyulitkan. Mereka telah menakutkan golongan borjuis, berpisah dengan kumpulan Trotsky, menghadapi tekanan-tekanan kumpulan pelampau dalam parti serta sentiasa diawasi oleh pihak berkuasa. Parti Komunis Indo-China terpaksa menyesuaikan dasarnya dengan keadaan yang ada. Ia berjaya bergerak di kalangan orang ramai melalui organisasi-organisasi yang bergabung dengannya. Banyak persatuan yang muncul dalam berbagai bentuk. Di samping itu P.K.I. juga mempunyai kumpulan-kumpulan yang bergerak di bawah tanah, terutama di Cochin China dan Tonkin. Parti Komunis juga mengambil kesempatan daripada kebebasan akhbar bagi menerbitkan beberapa akhbar dalam bahasa Perancis dan Vietnam. Ia juga aktif di bidang sosial.

Kerajaan Perancis yang dipimpin oleh Leon Blum dengan Marius Moutet sebagai Menteri Tanah Jajahan telah menjanjikan beberapa pembaharuan sosial di Indo-China. Bagi mendesak kerajaan supaya melaksanakan dasar ini, P.K.I. telah mengadakan perhimpunan dan kempen-kempen bagi mengemukakan tuntutan-tuntutan mereka seperti penurunan cukai-cukai dan memperbaiki keadaan hidup rakyat. Kegiatan-kegiatan P.K.I. ini telah menimbulkan kegelisahan di kalangan orang Vietnam dan orang Perancis. Di samping itu amat sukar untuk menyatukan kumpulan-kumpulan yang berbeza yang masing-masing merupakan sebahagian daripada gerakan

kebangsaan Vietnam. Kekuatan P.K.I. yang semakin bertambah itu menimbulkan rasa bimbang, malah menimbulkan penentangan golongan lain di Vietnam.

Kegiatan parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan orang Vietnam mula mengubah suasana politik negara itu. Sewaktu golongan Trotsky dan komunis berselisih faham, golongan borjuis Cochin China mula menyusun kumpulan mereka. Parti *Constitutionaliste* yang diasaskan oleh Bui Quang Chieu tidak lagi mendapat sokongan, hanya Nguyen Phann Long sahaja yang masih boleh mendapatkan sokongan kecil untuk parti ini. Dalam tahun 1937, seorang doktor Vietnam, Dr. Nguyen Van Thinh menubuhkan Parti Demokrat, sebuah parti sederhana yang menyokong dasar bekerjasama dengan Perancis, walaupun tetap menuntut perubahan-perubahan politik dan pentadbiran. Tetapi parti ini disokong oleh segelintir masyarakat sahaja dan sebagai sebuah parti borjuis, ia tidak mendapat sokongan massa.

Kumpulan-kumpulan agama juga bergiat cergas di selatan. Sejak tahun 1930, persatuan-persatuan penganut agama Buddha dibentuk. Dalam tahun 1926, Le Van Trung, seorang pengusaha dan pegawai kerajaan penjajah menubuhkan satu mazhab agama Buddha iaitu "Cao Dai". Ia adalah gabungan antara ajaran Buddha dan Kristian, dan lebih merupakan sebuah pertubuhan agama daripada sebagai satu agama. Sebuah gereja dibina di Tayninh dan tempat ini menjadi tempat tumpuan penganut-penganut Cao Dai. Susun lapis gereja Cao Dai ini ditiru daripada susun lapis gereja Katholik. Ketuanya ialah Paus Cao Dai. Gereja Cao Dai ini merupakan sebuah organisasi pentadbiran dan kewangan yang kukuh. Seorang pembantu Le Van Trung, iaitu Pham Cong Tac dilantik menjadi Paus di Tayninh dalam tahun 1934. Dalam masa empat tahun sahaja beliau berjaya menjadikan gereja Cao Dai sebagai sebuah kuasa politik yang kuat. Dalam tahun 1938, pengikut-pengikut Cao Dai berjumlah 300 000 orang dan mazhab ini bolehlah disifatkan sebagai sebuah negara lain dalam negara Vietnam. Pihak berkuasa Perancis pada kebiasaannya bersikap tidak campur tangan dalam hal-hal agama orang Vietnam walaupun ia mulai bimbang terhadap Cao Dai yang memberikan sokongan secara terbuka kepada negeri Jepun yang masih membenarkan Cuong De tinggal di sana.

Suasana politik di Annam lebih tenteram kerana pihak berkuasa-

sa Perancis lebih berhati-hati disebabkan terdapatnya kerajaan Vietnam di Hue. Walau bagaimanapun, kerajaan Hue tidak dapat menyembunyikan kelemahannya serta sikap rasuah pegawai-pegawai mandarin. Ini adalah kerana kemudahan perhubungan terutamanya jalan keretapi yang merentangi Indo-China dari Hanoi ke Saigon yang merupakan alat perpaduan Vietnam. Golongan istana di Hue ini amatlah kolot jika dibandingkan dengan *intelligentsia* yang berpendidikan Barat seperti yang terdapat di Saigon dan Hanoi. Dalam pilihanraya 1937 bagi Dewan Perwakilan di Annam, kumpulan-kumpulan yang bergabung dengan Barisan Demokratik Indo-China mendapat kejayaan besar dan dapat memegang jawatan-jawatan penting.

Hanoi merupakan pusat penting kegiatan intelektual dan politik Indo-China. Terdapat berbagai aliran yang bercanggah seperti golongan tradisional, progresif, nasionalis dan komunis. Sebahagian besar daripada kaum intelektual muda menganggap tradisi sudah lapuk dan menyekat perubahan. Hasrat dan cita-cita mereka membayangkan melalui penulisan (novel, berita-berita dan lain-lain) lebih daripada melalui politik. Melalui penulisan inilah mereka cuba memodenkan bahasa Vietnam, seperti yang dibuat oleh kumpulan *Tu Luc Van Doan* yang ditubuhkan dalam tahun 1933. Tokoh terkenal kumpulan ini ialah Nguyen Tuong Tam. Melalui penulisan ini juga berkembangnya kritik sosial. Parti Komunis Indo-China menggalakkan kaum intelek dan penuntut bergiat dalam bidang ini. Komunis juga mempunyai penyokong-penyokong di Universiti Hanoi, sekolah-sekolah swasta. Salah satu daripada sekolah ini ialah *Thang Long* yang diketuai oleh Hoang Minh Giam dan dibantu oleh Dang Thai Mai serta Vo Nguyen Giap. Sekolah ini merupakan pusat "nasionalisme fahaman kiri". Giap, Pham Van Dong, Dang Xuan Khu adalah penyokong dasar "perjuangan mengikut undang-undang" (Barisan Demokratik) dan ketiga-tiga orang ini adalah ahli P.K.I. Mereka berjaya menarik minat kaum intelek yang dinamis di utara dan berjaya menerbitkan sebuah majalah *Ngay Nay*.

Walaupun bagaimanapun, orang-orang komunis di utara masih menghadapi persaingan daripada ahli-ahli V.N.Q.D.D. yang masih bergiat di sana. Penyokong-penyokong V.N.Q.D.D. telah lari ke negeri China dan mendapat sokongan Kuomintang. Mereka dapat meneruskan kegiatan di kawasan sempadan dan berjaya menghu-

bungi penyokong-penyokongnya di Vietnam. V.N.Q.D.D. merupakan sebuah pertubuhan antikomunis dan anti-Perancis. Ia mendapat sokongan daripada golongan sederhana dalam masyarakat serta golongan cendekiawan yang menganggap masa depan Vietnam dan China adalah tidak dapat dipisahkan. Di Tonkin, terdapat juga kumpulan konservatif yang begitu kagum dengan kejayaan Jepun sama ada daripada segi politik, tentera dan ekonomi.⁵ Dalam pilihanraya 1938, calon-calon Barisan Demokratik berjaya mendapat 15 kerusi di sebalik persaingan ini.

Tahun-tahun 1936-1938 memperlihatkan kesedaran politik yang bertambah di Vietnam, walaupun institusi-institusi dan sikap pentadbiran Perancis serta masyarakat Perancis di Indo-China tidak banyak berubah. Elit baru Vietnam semakin bertambah gelisah dengan keadaan diskriminasi dan jurang perbezaan, terutamanya di bandar-bandar Maharaja Bao Dai, dalam lawatan ke Perancis dalam tahun 1938 memberitahu Perancis yang rejim Perancis di Vietnam mestilah mengubah corak supaya ianya dapat diterima oleh generasi baru. Bao Dai meminta supaya Tonkin diletak di bawah pemerintahan Hue dan perjanjian Naungan dikaji semula bagi membolehkan Annam mendapatkan kedaulatannya. Baginda juga menjelaskan yang Perancis sepatutnya memberi peluang yang lebih kepada orang Vietnam mentadbir negara mereka kerana negara itu kini mempunyai ramai kaum intelek yang berpelajaran Perancis. Tetapi semuanya ini tidak berhasil dan Bao Dai sendiri tidak mahu mendesak kerana pada saat-saat Jepun dan Jerman sedang mengancam, kerajaan Perancis lebih mementingkan keselamatannya dan tidak ingin mencuba dasar baru.

Kembali kepada Dasar Penindasan

Jepun semakin mengancam keselamatan Indo-China. Dalam bulan Oktober 1938, tentera Jepun menawan Canton sebagai langkah pertama untuk mengasingkan negara China yang enggan menyerah. Dalam bulan Februari 1939 pula, Jepun menduduki pulau Hainan dan pada masa yang sama menghantar perwakilan ke Hanoi meminta kerajaan supaya menghadkan, malah menyekat laluan

⁵Sejak tahun 1934, perkembangan perdagangan antara Jepun dan Indo-China telah membentuk satu kumpulan yang berkepentingan.

bekalan kepada China yang datang melalui pelabuhan Haiphong. Tetapi pihak berkuasa Vietnam enggan memenuhi permintaan ini. Pihak Jepun kemudiannya cuba mempengaruhi pelarian-pelarian Vietnam di Hwangsi yang terdiri daripada bekas ahli *Phuc Quoc* dan penyokong-penyokong Cuong De.

Memandangkan kepada ancaman-ancaman yang dihadapi oleh Perancis, maka pihak Surete mengetatkan kawalan mereka. Di selatan dan di utara Vietnam, peniaga-peniaga Jepun menghubungi pengikut-pengikut Cao Dai dan golongan terpelajar Tonkin. Aktiviti-aktiviti bawah tanah P.K.I. terganggu dan beberapa orang pemimpinnya tertangkap. Setiausaha Agung P.K.I. yang baru, Ha Huy Tap ditangkap dalam bulan Mei 1938 sekembalinya beliau dari KSSR. Begitu juga penggantinya, Nguyen Van Cu yang ditangkap dalam bulan Februari 1939. Kejatuhan kerajaan *Front Populaire* di Perancis satu kebangkitan parti-parti sayap kanan di sana memberi kesan ke atas dasar Perancis di Indo-China. Golongan Trotsky mengecam golongan komunis yang selama ini percaya kepada dasar bekerjasama sementara dengan imperialis. Dalam pilihanraya untuk "Majlis Kolonial" di Cochin China pada 30 April 1939 calon-calon Parti Trotsky, Ta Thu Thau, Tran Van Trach dan Pham Van Hum memungut 80% daripada undi, mengalahkan tiga calon Parti *Constitutionaliste*, komunis serta beberapa orang calon bebas dan demokrat. Pihak komunis nyata telah membuat kesilapan kerana mengepikan unsur kebangsaan dan antiimperialis dan terlalu menekankan kepada perjuangan kelas. Keadaan ini diakui oleh Nguyen Van Cu dalam tulisannya yang tentang 'Self-Criticism'.

Parti-parti politik fahaman kiri, terutama sekali Parti Komunis menghadapi keadaan yang sulit. Dalam bulan Jun 1939, pembantu kanan Nguyen Ai Quoc, iaitu Le Hong Phong telah ditangkap oleh Surete. Pihak polis dan konservatif mengambil kesempatan daripada pertenggaran golongan Trotsky dan komunis. Pentadbiran Perancis meletakkan orang-orang yang dipercayai di peringkat kampung-kampung, yang mengawasi kegiatan menentang kerajaan. Masalah petani terus diperkatakan. Dalam tahun 1939, dua orang intelek Komunis, Dang Xuan Khu dan Vo Nguyen Giap menerbitkan sebuah buku membincangkan panduan petani dalam revolusi. Di selatan pula, seorang sami, Huynh Phu So menarik perhatian pihak berkuasa kerana kegiatannya menentang ketidakadilan yang meru-

pakan punca utama kemelaratan petani-petani. Beliau berjaya mengumpul pengikut-pengikutnya dan satu mazhab baru muncul, *Dao Xen*, yang mempunyai kaitan dengan agama Buddha. Mazhab ini juga dikenali sebagai *Hoa Hao*, sempena nama tempat asal Huynh Phu So.

Parti Komunis Indo-China masih lagi menekankan Indo-China dan mengetepikan Vietnam. Ia mencadangkan pembentukan "Barisan Bersatu Demokratik" yang merangkumi semua parti dan kumpulan progresif (dengan menekan perjuangan kelas) dan mengarahkan perjuangan mereka untuk mendapatkan kebebasan demokratik dan keadaan hidup yang lebih baik. Parti Komunis nampaknya belum memahami keadaan di Vietnam. Ianya masih lagi bercajak tentang komunisme sedangkan golongan-golongan lain lebih memahami keadaan dengan menekankan aspek nasionalisme yang lebih mendapat sokongan orang Vietnam.

Peperangan di Eropah dan pakatan Jerman-Rusia menyebabkan kerajaan Perancis menyekat kebebasan berhimpun dan akhbar dan menjalankan propaganda menentang Parti Komunis. Satu perintah yang dikeluarkan pada 26 September 1939 mengharamkan parti dan semua organisasi komunis yang sah, sama ada ianya berfahaman Trotsky ataupun Stalinis. Parti Trotsky yang kehilangan pemimpin (Ta Thu Thau ditangkap) dapat di musnahkan oleh Surete di Cochin China di antara bulan Disember 1939 hingga Januari 1940. Pihak Komunis, walaupun diburu oleh Surete berjaya mengekalkan pertubuhan bawah tanah. Komunis juga kehilangan pemimpin-pemimpin dengan tertangkapnya Duong Bach Mai, Tran Van Giau, Tran Huy Lieu, Nguyen Van Tao dan lain-lain. Pemimpin-pemimpin mereka di utara seperti Pham Van Dong, Dang Xuan Khu dan Vo Nguyen Giap dapat menyelamatkan diri daripada tangkapan polis. Mulai akhir bulan September 1939, golongan komunis mengambil keputusan menumpukan kegiatan mereka di desa-desa yang kurang diawasi dan ini juga akan menguatkan hubungan mereka dengan golongan massa.

Dalam bulan November 1939, Jawatankuasa pusat P.K.I. mengadakan perjumpaan bagi menentukan dasar baru yang perlu diambil selaras dengan arahan Komintern. Parti Komunis mengambil keputusan mengetepikan "Barisan Demokrasi" dan membentuk satu "Barisan Bersatu Rakyat Indo-China Menentang Imperialis". Tujuan

mereka sekarang ialah "berjuang dengan sokongan Rusia yang merupakan penggerak revolusi dunia, menentang perang imperialis, menjatuhkan imperialisme Perancis dan golongan feodal peribumi, mengembalikan kemerdekaan Indo-China dan membentuk satu barisan republik – demokratik Indo-China. Jawatankuasa pusat Parti Komunis Indo-China menekankan yang tugas revolusi demokratik borjuis yang utama ialah menghapuskan imperialisme dan feudalisme. Tetapi memandangkan negara sedang diancam oleh Jepun, maka perlulah ditubuhkan satu "Barisan Bersatu Rakyat Indo-China Anti-Imperialis" bagi menyatukan semua lapisan masyarakat menentang kemaraan fascis. Ini merupakan perubahan penting daripada segi ideologi dalam gerakan revolusioner Vietnam yang kini menerima pengaruh China.

Kedatangan Jepun ke Vietnam

Pada akhir tahun 1939, tentera Jepun mula memasuki wilayah Kwangsi dan cuba menyekat kemasukan bantuan Amerika kepada negeri China. Percubaan ini gagal dan Jepun meminta Hanoi supaya memastikan Vietnam tidak digunakan sebagai jalan menghantar bekalan perang kepada China. Gabenor jeneral yang baru, Jeneral Catroux, memberi jaminan ini kepada Jepun, walaupun beliau enggan memberikan kebenaran kepada Jepun untuk menjalankan pemeriksaan mengenai penghantaran bekalan ini di Tonkin. Pihak Jepun tidak mendesak, tetapi apabila Perancis kalah dalam peperangan di Eropah (Jun 1940), Jepun cuba mendapatkan kebenaran ini secara paksa.

Pada 19 Jun 1940, Jepun menghantar kata dua kepada Hanoi meminta agar Vietnam menutup sempadan China-Vietnam kepada kenderaan tentera. Jepun juga mahu supaya pegawai-pegawainya dibenarkan mengendalikannya penutupan sempadan ini. Oleh kerana Britain dan Amerika telah memberitahu yang mereka tidak dapat menolong Perancis dalam hubungannya dengan Jepun, maka Jeneral Catroux bersetuju untuk menutup sempadan China-Vietnam dan membenarkan Jepun mengawasinya. Pada 29 Jun, satu rombongan kawalan Jepun tiba di Hanoi. Pada 20 Julai, Jeneral Catroux melepaskan kuasanya kepada Gabenor Jeneral baru, Laksamana Decoux, dan beliau meninggalkan Vietnam menuju London untuk bersama-sama Jeneral de Gaulle.

Pada 2 Ogos, pihak berkuasa tentera Jepun di Canton meminta agar tenteranya dapat menggunakan wilayah Tonkin sebagai jalan untuk sampai ke Kwangsi, menggunakan lapangan terbang di Indo-China dan kemudahan kenderaan dan menghantar bekalan. Amerika Syarikat mengumumkan yang ia tidak berhak menyoal Perancis jika negara itu bersetuju memberikan kemudahan tentera kepada Jepun. Gabenor Jeneral Perancis tidak ada pilihan melainkan berunding dengan Jepun. Satu perjanjian dicapai pada 30 Ogos bahawa Kerajaan Jepun mengiktiraf kedaulatan Perancis di Indo-China dan akan menghormati keutuhan wilayah Indo-China, sementara Perancis mengakui kedudukan Jepun di Asia dan bersetuju memberikan beberapa kemudahan tentera kepada Jepun di Tonkin bagi "menge-lakkan apa yang terjadi di China".

Jepun walau bagaimanapun tidak berpuas hati dengan apa yang didapatinya. Pihak berkuasa tentera Jepun di Canton mahukan lebih banyak "kemudahan" daripada apa yang diminta oleh kerajaan di Tokyo. Rundingan-rundingan dijalankan dan berjaya menghasilkan satu persetujuan baru pada 22 September 1940. Jepun mendapat kebenaran mengadakan satu pangkalan 'transit' di Haiphong. Jepun juga dibenarkan menggunakan lapangan terbang di Hanoi (Gialam), Lao Kay dan Phu Lang Thuong. Tentera Jepun yang ditempatkan berhampiran dengan Langson, malangnya melancarkan serangan ke atas bandar itu pada 22 September dan mengarahkan pemberontakan oleh kaum minoriti di kawasan Bac Son, kawasan pengaruh komunis dan pertubuhan-pertubuhan yang ada kaitan dengan Phuc Quoc Hoi yang ditaja oleh pihak tentera Jepun.

Dengan ini Jepun menempatkan diri mereka di Vietnam. Pada mulanya mereka dibenarkan menempatkan tidak lebih daripada 6 000 orang tentera di Tonkin, tetapi ini tentunya tidak akan memuaskan kehendak Jepun yang menaruh minat yang semakin benar terhadap Indo-China.

Parti Komunis Indo-China masih berhubung dengan Komin-tern melalui negara China dan terus mencontohi dasar China. Mulai bulan Julai 1940, Parti Komunis mengambil keputusan membuat persediaan bagi pemberontakan bersenjata memandangkan keadaan yang genting di Indo-China dan ancaman luar. Pemberontakan ini bertujuan membentuk sebuah kerajaan republikan yang akan menyokong Barisan Pertahanan Rakyat China, Rusia dan revolusi

dunia. Pemberontakan ini akan dijalankan melalui penubuhan "kawasan-kawasan pemberontakan" di desa-desa dan di bandar, melalui mogok umum dan tunjuk-tunjuk perasaan yang besar.

Dalam bulan September, P.K.I. mengambil kesempatan daripada kemaraan Jepun untuk melancarkan serangan bersenjata di Bac Son, tetapi gagal. Pihak Perancis berjaya memusnahkan pemberontakan ini sepertimana yang berlaku terhadap gerakan *Phuc Quoc* dan menempatkan semula kawalan mereka di kawasan sempadan. Pada 6 Oktober, Jawatankuasa Pusat Parti Komunis bermesyuarat di kawasan berhampiran dengan Bac Ninh bagi mengkaji kesilapan mereka. Parti mengarahkan pengikut-pengikutnya yang mengambil bahagian dalam pemberontakan Bac Son supaya menukarkan aktiviti tentera mereka kepada aktiviti politik dan membentuk "kawasan-kawasan tentera" dan "kubu-kubu gerila" yang akan digunakan bagi melancarkan serangan apabila tiba masanya. Ia juga menekankan perlunya diteruskan perjuangan menentang Jacisme Perancis dan Jepun dan untuk tujuan ini perlu ditubuhkan satu barisan antiimperialis dan antifascis. Parti ini bersetuju meninggalkan dasar membahagikan tanah yang diambil daripada pemilik-pemilik kaya serta mengetepikan rancangan memberontak di selatan.

Malangnya keputusan ini dibuat terlalu lewat. Ramai daripada ahli jawatankuasa pusat ditangkap dan ini menimbulkan keadaan kucar-kacir. Golongan komunis di selatan yang telah membuat persiapan berperang meneruskan rancangan mereka. Pada 22 November 1940, mereka mengambil kesempatan daripada tekanan Siam ke atas sempadan Kemboja untuk melancarkan pemberontakan yang bertujuan membentuk "sebuah kerajaan Republik Demokratik Indo-China".

Pemberontakan ini segera merebak ke beberapa wilayah di bahagian barat, tetapi dapat dipatahkan oleh pihak berkuasa yang menjalankan tindakan yang amat kejam. Enam ribu orang ditangkap, kebanyakannya dihantar ke Pulau Condore ataupun ditahan di penjara-penjara khas. Le Hong Phang, Nguyen Van Cu dan Ha Huy Tap dihukum bunuh.

Sekali lagi golongan pelampau kiri telah membawa kerugian besar kepada parti. Mereka tidak memahami keadaan yang sebenar dan tidak mengira kerugian daripada segi politik dan kehilangan

nyawa. Gerakan mereka ini dilancarkan berdasarkan kepada slogan-slogan.

Kali ini pucuk pimpinan Parti Komunis terpaksa mengkaji dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi. Keadaan di Indo-China dan di peringkat antarabangsa memaksa mereka berhati-hati. Jepun telah membentuk sebuah kerajaan "nasionalis" di China di bawah pimpinan Wang Tsing-Wei. Jepun juga menempatkan polis (*Kompeitai*) mereka di Tonkin. Di Eropah pula, Jerman bersiap sedia untuk melanggar Balkan, tetapi Rusia masih lagi bekerjasama dengannya. Pada 3 Mac 1941, Rusia menandatangani perjanjian tidak mencerooboh dengan Jepun, ini membolehkan Jepun bergerak bebas di Asia Tenggara dan di China. Rusia sebenarnya telah keluar daripada pakatan anti-Jepun.

Pada masa inilah munculnya Nguyen Ai Quoc. Beliau telah berada di China sejak beberapa tahun dan mempelajari dasar yang dianuti oleh Mao Tze-tung. Jawatankuasa Pusat P.K.I. telah dipanggil bermesyuarat di sempadan China di Kwangsi. Beberapa hari sebelum itu, iaitu pada 11 Mei hingga 19 Mei 1941, Nguyen Ai Quoc telah bertemu dengan sekumpulan pemimpin parti dan berbincang tentang keadaan di Vietnam.

Nguyen Ai Quoc meyakinkan rakan-rakannya yang mereka perlu mengubah dasar. Tenaga yang paling kuat di Vietnam sekarang ialah nasionalisme. Kemasukan Jepun ke Vietnam akan menambahkan lagi semangat nasionalisme ini dan mungkin terpengaruh dengan dengan Fascisme. Dalam keadaan ini, parti janganlah melepaskan peluang untuk berjuang atas dasar nasionalisme seperti yang dilakukan oleh Parti Komunis China dalam tahun 1935. Mereka mestilah mengetepikan buat sementara waktu perjuangan kelas dan menumpukan perhatian terhadap perjuangan mendapatkan kemerdekaan negara. Pada 18 Mei, sebuah pertubuhan yang dinamakan "Liga Pembebasan Vietnam" (*Viet Nam Doc Lap Dong-Minh*, atau Viet-Minh) muncul. Ia menggantikan "Barisan Demokratik Indo-China". Dengan ini bermulalah satu zaman baru dalam perjuangan kebangsaan di Vietnam.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO LIBRARY

1000 EAST 58TH STREET, CHICAGO, ILL. 60637

TEL: 773-707-3000 FAX: 773-707-3000

WWW.CHICAGO.LIBRARY.EDU

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

CHICAGO LIBRARY

14

EMPAYAR ANNAM DAN REPUBLIK DEMOKRATIK VIETNAM

KEDATANGAN Jepun ke Indo-China telah mengubah keadaan di Vietnam: sebuah kuasa lain yang lebih kuat daripada Perancis dapat menembusi "kubu" Perancis. Perubahan ini tidak segera dirasakan kerana kedaulatan Perancis masih tidak dihapuskan. Pentadbiran tentera dan polis Perancis tetap diteruskan di Indo-China. Arahan Perancis masih diikuti, dan keadaan ini tidak berubah selama empat tahun berikutnya. Rakyat Vietnam yang selama ini memandang curiga terhadap sikap Jepun menganggap kehadiran Perancis sebagai sesuatu yang positif dan menjamin keselamatan mereka.

Dasar Jepun untuk membebaskan Asia daripada pemerintahan kulit putih dan seterusnya membentuk "Asia Raya" di bawah pimpinan Jepun dicurigai oleh negara-negara lain. Pegawai-pegawai Perancis di Indo-China sedar yang hubungan baik di antara Jepun dan mereka tidak akan kekal. Jepun hanya menunggu masa yang sesuai untuk mendapatkan kuasa penuh di Indo-China. Perancis berpendapat cara yang paling baik bagi mereka menentang propaganda Jepun tentang "Asia Raya" ialah memenangi hati rakyat Indo-China.

Pentadbiran Perancis di Indo-China tidak dapat menjangka berapa lama peperangan di Eropah akan terus berlaku, juga mereka kurang pasti bilakah masanya pihak British dan Amerika akan dapat menundukkan Jepun. Oleh yang demikian, pentadbiran Perancis di bawah pimpinan Decoux memikirkan perlunya diadakan hubungan

yang lebih baik dengan rakyat peribumi yang boleh menimbulkan kesedaran bersama terhadap Indo-China yang mempunyai berbagai rakyat kaum. Perancis akan menyatukan seluruh Indo-China dengan memberikan pimpinan daripada segi politik, ekonomi dan teknik. Rakyat peribumi akan diberikan tanggungjawab mengendalikan pentadbiran di peringkat tempatan sementara Perancis akan terus mengekalkan pimpinan dan pengawasan di peringkat pusat. Dasar ini yang dikenali sebagai "federalisme" merupakan dasar penting bagi rejim Perancis sejak 1940.

Dengan cara terbaik-baik dengan elit Khmer, Laos dan Vietnam, Laksamana Decoux berharap akan dapat menjauhkan rakyat Indo-China daripada kata-kata manis pihak Jepun. Mereka terpaksa menjalankan dengan cepat kerana tekanan Jepun semakin kuat.

Jepun sebenarnya berminat untuk mendapatkan peluang membolot kekayaan Indo-China untuk keperluan ekonomi mereka semasa perang. Oleh itu Jepun menghantar rombongan-rombongan ke Indo-China dan mengambil peluang daripada sekatan ekonomi Inggeris terhadap Indo-China bagi mempengaruhi perdagangan luar negara-negara Indo-China. Satu perjanjian Perancis-Jepun mengenai hal-hal ekonomi ditandatangani dalam bulan Mei 1941. Jepun menjadi pengimport utama beras dan getah negara-negara Indo-China, sementara itu Jepun juga mengeksport ke Indo-China barang-barang keluaran industri Jepun yang tidak lagi diperlukan oleh Jepun. Pihak Jepun juga mendapat kebenaran mencari gali beberapa kawasan perlombongan di Tonkin.

Campur tangan Jepun semakin bertambah selepas berlakunya peperangan di antara Rusia dan Jerman dan hubungan yang semakin genting di antara Jepun dan British serta Amerika. Pada 29 Julai 1941, satu perjanjian ditandatangani di Vichy di antara Perancis dan Jepun. Perjanjian ini yang dikenali sebagai perjanjian Darlan-Kato meletakkan Indo-China di bawah pertahanan Jepun demi untuk "pertahanan bersama". Tentera Jepun kini dapat menggunakan lapangan terbang di Indo-China Selatan dan pangkalan tentera laut di Saigon dan Cam Ranh. Jepun juga diberi kemudahan menggunakan pangkalan-pangkalannya di Tonkin untuk menghubungkan pangkalan Jepun yang terletak di Kemboja dan Cochin China. Kemudahan daripada segi tentera ini diikuti pula dengan peningkatan pengaruh ekonomi dan kewangan Jepun. Pentadbiran Perancis

juga terpaksa membiayai beban menempatkan tentera Jepun di Indo-China. Jepun membayar balik perbelanjaan ini melalui pembekalan barang-barang keluaran negara itu. Dengan cara tunduk kepada tekanan tentera dan ekonomi Jepun ini, kerajaan Vichy mendapat jaminan rasmi yang Jepun akan menghormati kedaulatan Perancis di Indo-China. Tetapi propaganda China dan British serta Amerika menganggap pentadbiran Decoux sebagai diperalatkan oleh Jepun.¹

Dasar Baru Perancis

Pentadbiran Perancis telah menjalankan dasar baru di Indo-China sebagai satu jalan untuk mengelakkan orang Indo-China, terutamanya orang Vietnam daripada tertarik dengan Jepun. Semua orang Perancis yang tinggal di Indo-China digalakkan bergaul dengan orang Indo-China yang berpengaruh. Mereka juga diminta supaya bersikap hormat terhadap peribumi. Tindakan-tindakan ganas dihapuskan. Negeri-negeri Laos, Kemboja dan Annam juga mendapat perhatian yang lebih daripada Perancis. Laksamana Decoux cuba seberapa daya untuk meninggikan martabat raja.² Bahasa Vietnam pula digunakan di sekolah-sekolah rendah dan usaha menentang buta huruf dijalankan. Lebih daripada 4 800 sekolah dibina di desa-desa dalam masa 4 tahun sahaja, dan penuntutnya pula melebihi angka 450 000 orang pada tahun 1939, dan lebih daripada 700 000 pada tahun 1944. Tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan: penduduk yang mencapai umur persekolahan adalah seramai 5 juta orang dan 80% daripada orang dewasa adalah buta huruf.

Pihak Perancis akhirnya terpaksa menggalakkan semangat kebangsaan di kalangan peribumi, tetapi ia juga tidak mengabaikan semangat cintakan Perancis. Sejarah Vietnam disanjung, sekurang-kurangnya tentang hal-hal yang tidak mendapat tentangan daripada orang Perancis yang tinggal di Indo-China. Pertubuhan-pertubuhan

¹Pihak Nasionalis dan Komunis Vietnam berharap akan mendapat sokongan British-Amerika bagi menentang Perancis. Lihat bab sebelumnya, ms 781.

²Tetapi Raja Bao Dai mengemukakan sikap ini, dengan mengatakan yang rejim Decoux hanya bertolak ansur pada awalnya, tetapi segera berubah apabila ia merasakan dirinya kuat. (*Le Monde*, 23 Feb. 1946).

pemuda, seperti "belia dan sukan" digalakkan. Mereka berkumpul di bawah kibaran bendera Perancis dan Vietnam yang memberikan mereka semangat berdisiplin dan ingin berusaha.

Perancis juga berusaha membentuk dan meninggikan kedudukan elit Vietnam moden. Universiti Indo-China di Hanoi diperluaskan dan pengajarannya ditingkatkan. Dalam pentadbiran pula, elit Vietnam kini diberi kemudahan yang sama seperti yang didapati oleh orang Eropah. Angka-angka menunjukkan yang bilangan orang Vietnam yang mendapat pekerjaan sederhana dan peringkat tinggi dalam pentadbiran adalah dua kali ganda pada tahun-tahun 1940 hingga 1944 jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum itu.

Pentadbiran Perancis juga menumpukan usaha di bidang ekonomi dan sosial dengan membina jalan-jalan raya, jambatan, bangunan-bangunan dan lain-lain. Mereka juga tidak lagi perlu menunggu keputusan dari Paris untuk perbelanjaan. Keadaan yang memaksa ini juga menimbulkan kesedaran yang Indo-China kaya dengan hasil ekonomi dan perasaan bekerjasama dipuput antara orang Vietnam, Kemboja dan Laos. Sekatan yang dikenakan oleh pihak Amerika dan British memaksa Indo-China membentuk industrinya sendiri.

Dalam keadaan seperti ini, golongan "reformis" yang menyokong dasar bekerjasama dengan Perancis mungkin dapat dilahirkan. Dasar liberal Perancis ini dijalankan di dalam semua bidang, malah ia menyokong semua kegiatan golongan nasionalis dan komunis. Sebuah "Majlis Persekutuan Indo-China" ditubuhkan pada 27 Jun 1941 dengan dianggotai oleh 25 orang ahli yang terdiri daripada rakyat peribumi. Tetapi atas desakan orang Perancis, majlis ini diubah dalam bulan Mei 1943 menjadikannya sebuah Majlis Perhimpunan Indo-China-Perancis (terdiri daripada 30 orang Indo-China dan 23 orang Perancis). Ahli-ahlinya dipilih oleh gabenor jeneral berdasarkan pencalonan yang disediakan oleh berbagai pertubuhan di negara itu. Walau bagaimanapun, pihak Perancis tetap mengetatkan dasar mereka mengenai kebebasan akhbar. Hanya perbincangan-perbincangan tentang kepentingan ekonomi dan kebudayaan yang diterima oleh masyarakat Perancis sahaja yang dibenarkan disiarkan. Ini menunjukkan yang Perancis masih ragu-ragu untuk memberikan kebebasan sepenuhnya kepada orang Indo-China.

Jepun dan Nasionalisme Vietnam

Dasar kerajaan Jepun di antara tahun 1940 hingga 1941 ialah mengelakkan sebarang pertikaian di Indo-China yang menjadi jalan utama menuju ke selatan yang mempunyai sumber bahan utama yang penting serta beras. Cara yang paling baik untuk mengekalkan keadaan ini ialah dengan membenarkan Perancis meneruskan pentadbiran mereka.

Tetapi pihak tentera Jepun serta kedutaannya menganggap yang mereka mempunyai tugas untuk menawan hati rakyat Vietnam terhadap "Asia Raya". Orang Jepun ini mempunyai semangat pan-Asia dan anti-Barat dan mereka mahu supaya Indo-China dibebaskan daripada pengaruh Barat. Mulai awal 1941, "biro penerangan" Jepun telah dapat menghubungi nasionalis-nasionalis Vietnam di Cochin China, Tonkin dan Annam. Cochin China adalah tempat yang paling sesuai bagi menyebarkan propaganda Jepun kerana di sini terdapat gerakan nasionalis yang kuat dan kelemahan gerakan komunis, juga kerana terdapat pengikut-pengikut mazhab Cao Dai dan Hoa Hao yang pro-Jepun. Perancis merasa bimbang tentang kemungkinan kerjasama Jepun-Vietnam ini. Oleh yang demikian, pentadbiran Perancis mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan keadaan ini daripada berlaku. Dalam bulan Mei 1941, Huynh Phu So, ketua mazhab Hoa Hao ditempatkan dalam tahanan dalam rumah di Bac Lieu. Dalam bulan Julai 1941, sebelum perjanjian Darlan-Kato diadakan. Perancis menutup gereja Cao Dai di Tayninh dan menangkap 6 orang pemimpinnya dan dihantarkan ke Pulau Comores. Di utara dan di kawasan tengah Vietnam, polis Perancis mengawasi orang Vietnam yang mempunyai hubungan dengan Jepun.

Perang di Pasifik juga memberi peluang kepada Jepun melengkapkan pendudukan mereka di Indo-China. Dalam bulan Disember 1941, Jepun menempatkan *Kempeitai* (iaitu polis khas yang dibentuk seperti gestapo Jerman) di Indo-China. Orang Vietnam yang dikehendaki oleh Perancis kini mencari perlindungan Jepun melalui kedutaannya, firma-firma dan *Kempeitai* Jepun. Polis Jepun ini juga mempunyai ejen-ejenya yang berbangsa Vietnam dan mendapat keistimewaan dari Jepun. Mereka juga menyebarkan propaganda-propaganda pro-Jepun di samping mengambil kesempatan daripada

kedudukan mereka bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.

Mulai bulan Ogos 1942, *Kempeitai* mengambil perhatian yang lebih terhadap golongan Cao Dai dan Hoa Hao. Pada 12 Oktober 1942, Huynh Phau So dibebaskan oleh pengikut-pengikutnya dan ditempatkan di bawah perlindungan Jepun. Dalam bulan Februari 1943, seorang pemimpin Cao Dai, iaitu Tran Quang Vinh telah menubuhkan semula jawatankuasa mazhab ini di Tayninh. Jepun juga berjaya mendapatkan sokongan Tran Van Ann, bekas ahli Parti *Constitutionaliste* untuk menubuhkan satu jawatankuasa pusat pertubuhan *Viet Nam Phuc Quoc Hoi* yang diketuai oleh Putera Cuong De yang tinggal di Jepun. Dalam bulan Mei 1943, pengikut-pengikut Cao Dai di Tayninh memasuki pertubuhan ini. Pertubuhan Phuc Quoc ini seolah-olah berperanan seperti satu badan yang menyatukan golongan nasionalis pro-Jepun.

Di Tonkin dan Annam, kedutaan Jepun mengadakan hubungan secara terang-terang dengan golongan tradisional, intelek, borjuis dan golongan moden Vietnam. Kegiatan *Kempeitai* mempunyai dua tujuan penting. Pertama, ingin menyatukan seluruh elit Vietnam yang berpengaruh dan berkebolehan bagi menggantikan Perancis jika berlaku permusuhan antara Perancis dan Jepun. Tujuan kedua ialah menubuhkan satu kumpulan "tahan lasak" yang akan menyokong rejim baru ini dan menentukan kumpulan ini pro-Jepun. Beberapa kumpulan pro-Jepun muncul ketika ini: antaranya ialah *Dai Viet Cach Mang Dang* (Parti Revolusi Vietnam) *Dai Viet Quoc Dan* (Parti Kebangsaan Vietnam) *Thanh Nien Ai Quoc Doan* (Pemuda Patriot), *Quoc Xa* (Parti Nasional-Sosialis) dan lain-lain. Sebuah cawangan pertubuhan *Phuc Quoc* juga ditubuhkan di Tonkin. Nam-paknya harapan golongan muda Vietnam yang berfahaman kanan tertumpu ke arah Jepun. Pada akhir bulan Julai 1943, Jeneral Iwane Matsui, pemimpin "Asia Raya" tiba di Saigon dan dalam ucapannya kepada wartawan-wartawam Vietnam menyatakan "Jepun akan membebaskan Asia tanpa mengira apa yang diinginkan oleh orang Amerika, Inggeris dan Perancis".

Pihak berkuasa Perancis membantah kegiatan Jepun ini. Mereka menuntut agar Jepun menangkap Tran Quang Vinh, Huynh Phu So dan Tran Van An. Tetapi ini tidak diterima oleh Jepun. Memandangkan kepada bantahan-bantahan Perancis, maka kerajaan Jepun

meminta agar pihak tenteranya lebih berhati-hati dan memberhentikan kegiatan mereka. Dalam bulan Oktober 1943, Tran Van An dihantar ke Formosa oleh pihak Jepun. *Kempeitai* dan kedutaan Jepun mengurangkan hubungan mereka dengan golongan nasionalis. Polis Perancis mengambil kesempatan ini dalam tahun 1944 untuk menghancurkan pertubuhan-pertubuhan pro-Jepun (*Phuc Quoc, Dai Viet* dan lain-lain). Perbuatan Perancis ini menimbulkan kebimbangan dan pelarian beberapa tokoh Vietnam keluar negeri: penulis Nguyen Tuong Tam lari ke negeri China pada awal tahun 1944, sementara Tran Trong Kim pergi ke Singapura bersama-sama dengan Nguyen Van Sam dari pertubuhan Phuc Quoc. Dalam bulan Jun 1944, pemimpin Katolik, Ngo Dinh Diem pula meminta perlindungan Jepun setelah beliau dicari oleh Perancis berikutan daripada hubungannya dengan Jepun.

Perkembangan di Pasifik dan kejatuhan kerajaan Vichy di Perancis menyebabkan pihak Jepun di Indo-China menguatkan kedudukan mereka pada akhir tahun 1944. Mereka membentuk kumpulan-kumpulan di peringkat tempatan bagi melatih orang-orang ini tentang cara-cara pertahanan dan memperbaiki jalan-jalan perhubungan. Kumpulan ini menerima latihan tentera dan kemudiannya, senjata-senjata dari Jepun. Pihak Cao Dai dan Hoa Hao membayangkan yang mereka sedang bersiap sedia untuk mengangkut senjata dan menyatakan yang Cuong De akan kembali ke Vietnam tidak lama lagi. Golongan nasionalis berhubung dengan Jepun dikatakan sedang bersiap sedia menubuhkan sebuah "suruhanjaya persediaan ke arah kemerdekaan". Tetapi "undang-undang" Perancis masih dapat diteruskan di sebalik keadaan ini.

Tindakan China-Amerika

Kemaraan Jepun di Indo-China merupakan bahaya besar kepada negeri China. Indo-China merupakan jalan masuk ke negeri Thai dan ke Burma, juga ianya digunakan sebagai pangkalan bagi melancarkan serangan terhadap China Selatan, Kwangsi dan Yunan yang menghubungkan China dengan pihak Berikat. China dan pihak Berikat bimbang akan kegiatan Jepun di Tonkin. Pihak Amerika dan Inggeris telah menubuhkan satu badan bagi mengintip kegiatan Jepun melalui seorang ejen yang bekerja dengan firma minyak Texaco. Ia memberikan butir-butir tentang gerak-geri tentera Jepun

serta kapal-kapal perang Jepun dan kegiatan Jepun di Tonkin secara amnya.

Dalam bulan Disember 1941, apabila Indo-China diduduki oleh Jepun, pihak berkuasa China mengambil keputusan membentuk sebuah badan mengintipnya sendiri. Untuk tujuan ini, mereka meminta sokongan orang Vietnam dan pertubuhan-pertubuhan politik pelarian Vietnam seperti *Viet Nam Quoc, Dan Dang, Phuc Quoc Hoi, Gai Phong Hoi* dan lain-lain. Dengan bantuan kumpulan-kumpulan ini, kerajaan China yang diwakili oleh Jeneral Chong Fakwei dan Jeneral Siao Wen menubuhkan sebuah pertubuhan politik orang Vietnam dalam bulan Oktober 1942. Pertubuhan ini dikenali sebagai *Viet Nam Cach Minh Dong Minh Hoi* (Liga Revolusi Vietnam) yang nama singkatnya ialah *Dong Minh Hoi*. Ia dipimpin oleh Nguyen Hai Than yang tinggal di China sejak 1912.

Tetapi kegiatan Dong Minh Hoi ini tidak memuaskan pihak China. Jeneral Chong Fakwei mengambil keputusan mencari jalan lain.

Sejak penubuhannya dalam bulan Mei 1941, pertubuhan *Viet Minh* berjaya menyebarkan propagandanya di kalangan orang Vietnam di China Selatan. Di samping itu, Nguyen Ai Quoc juga menyebarkan propaganda di Vietnam melalui "Surat dari Luar Negeri" yang menunjukkan sikap nasionalisnya. Tetapi kegiatan ini amat membimbangkan parti-parti politik yang bersaing dengan Parti Komunis, juga ia membimbangkan Kuomintang yang sangat anti-komunis. Dalam perjalanan menuju sempadan China, Nguyen Ai Quoc yang kini memakai nama Ho Chi Minh ditangkap oleh pihak China dalam bulan Januari 1942. Beliau menawarkan kepada China khidmat ejen-ejen *Viet Minh* yang sedang bergiat di Tonkin. Pihak China menerima tawaran ini. Dalam bulan Mac 1943, Ho Chi Minh dilantik menjadi setiausaha pertubuhan Dong Minh Hoi. Pihak China berjaya mendapatkan persetujuan Ho untuk memasukkan *Viet Minh* ke dalam *Dong Minh Hoi*, tetapi pada hakikatnya, China menumpukan bantuannya kepada *Viet Minh*.

Ho Chi Minh kini mempunyai peluang yang baik bagi mengenali gerakan nasionalis Vietnam dan menggunakan bantuan China dengan cekap. Pihak komunis, di samping bekerjasama dengan China secara senyap-senyap membentuk pertubuhan atau parti-parti yang menandingi pertubuhan nasionalis. *Viet Minh* juga memulakan

kegiatannya di Tonkin, seterusnya di Annam tengah. Ejen-ejen Vietnam menyebarkan berita yang pertubuhan-pertubuhan Vietnam di China bersatu dalam pertubuhan *Viet Minh* (dan bukan *Dong Minh Hoi*) yang memimpin menentang fascisme Jepun dan disokong oleh China, Amerika dan Rusia serta menyatakan yang kuasa-kuasa ini telah menjanjikan kemerdekaan kepada Vietnam. Mulai bulan Oktober 1943, *Viet Minh* berjaya meluaskan pengaruhnya di seluruh kawasan Cao Bang (Zon Tentera II) dan menyusup masuk ke wilayah Bac Chan dan Thai Nguyen serta menyebarkan perang gerila di kawasan Bac Son.

Tindakan-tindakan yang diambil Perancis sejak bulan Disember 1943 menyebabkan *Viet Minh* mengurangkan kegiatan mereka. Kawalan rapi dikenakan di seluruh wilayah Vietnam. Kerajaan Perancis di Algiers (yang dipimpin oleh Jeneral de Gaulle) mengeluarkan satu kenyataan pada 8 Disember 1943 menegaskan hak Perancis ke atas Indo-China dan keinginannya untuk mengambil bahagian menentang Jepun. Sebuah badan perisik khas dibentuk di Culcutta dengan tujuan menyusun gerakan penentangan di Indo-China. Satu cawangan badan ini ditubuhkan di Kunming (Yunan). Badan ini bekerjasama dengan badan perisik Perancis yang ditugaskan untuk mengawal kegiatan Jepun, China dan Vietnam.

Kegiatan Perancis ini menimbulkan semula kebimbangan di kalangan orang Vietnam di Yunan dan orang China, juga kebimbangan orang Amerika yang bekerjasama dengan mereka. V.N.Q.D.D. dan kumpulan-kumpulan lain yang bersaing dengan *Viet Minh* pula bimbang terhadap hubungannya dengan kerajaan Perancis di Algiers.³ Mereka juga curiga terhadap dasar komunis menggunakan sokongan mereka bagi membentuk kumpulan komunis di China dan di Vietnam. Hal ini menyebabkan pihak China dan penyokong-penyokong yang terdiri daripada orang Vietnam mengambil keputusan mengendalikan *Dong Minh Hoi* dan memaksa *Viet Minh* menghormati syarat-syarat bekerjasama. Kongres kedua *Dong Minh Hoi* diadakan di Liou Tchew pada 25-28 Mac 1944 dengan dihadiri oleh pihak berkuasa China. Kongres ini mengambil

³Pihak *Viet Minh* mengubah sikapnya terhadap kerajaan Perancis ini selepas pengisytiharan 8 Disember 1943.

keputusan membentuk sebuah "kerajaan sementara" Vietnam, diketuai oleh Truong Boi Cong. Kerajaan ini diwakili oleh berbagai pertubuhan nasionalis yang ada: V.N.Q.D.D. *Viet Minh*, *Phuc Quoc*, *Giai Phong* dan lain-lain. Kongres ini dihadiri oleh tokoh-tokoh terkenal seperti Nguyen Tuong Tam, Nguyen Hai Than, Vu Hong Khanh, Ho Chi Minh, Pham Van Dong dan lain-lain.

Pihak komunis mempunyai kelebihan daripada kumpulan-kumpulan lain dalam kerajaan sementara ini kerana mempunyai pengalaman dan kebiasaan menyebarkan pengaruh. Keadaan ini menyebabkan hanya komunis sahaja yang dapat menggunakan sepenuhnya peluang daripada segi politik yang timbul akibat daripada pembentukan kerajaan sementara ini yang sebenarnya diawasi oleh China. Dalam bulan September 1944, apabila serangan-serangan Jepun di Kwangsi memaksa tentera China berundur, pemimpin-pemimpin *Viet Minh* mengambil peluang menyusup masuk ke Tonkin. Mereka menubuhkan pusat gerakan mereka di selatan daerah Cao Bang. Kumpulan-kumpulan kecil yang dilantik oleh Vo Nguyen Giap kemudiannya menjalankan kegiatan mereka: menyerang pusat-pusat kawalan Perancis yang terasing, keganasan bagi menakutkan penduduk kawasan pedalaman dan menimbulkan ketakutan di Wilayah ke-II.

Serangan Jepun ke atas China memaksa pihak China dan Amerika mengkaji semula kedudukan tentera mereka di kawasan sempadan. Pada awal 1945 *Office of Strategic Services* (O.S.S.) yang bergerak di China di bawah perintah Jeneral Wedemeyer telah menghubungi pemimpin-pemimpin nasionalis Vietnam, dan mereka bersetuju membantu kegiatan China-Amerika. O.S.S. bersetuju dengan cadangan ini dan sebagai balasan, akan membekalkan senjata, terutamanya kepada *Viet Minh*. Walau bagaimanapun, Amerika lebih berminat kepada V.N.Q.D.D. Kai Yuen, kawasan V.N.Q.D.D. dijadikan pusat latihan bagi badan-badan perisik Amerika di Yunan. Kawasan ini mempunyai kemudahan kewangan dan sumber yang cukup dan dalam tahun 1945, mempunyai lebih daripada 100 orang penuntut Vietnam.

Sementara itu Perancis yang dibebaskan daripada pendudukan Jerman juga membentuk badan-badan yang sama dan mempunyai hubungan dengan pentadbiran "pro-Vichy" di Indo-China. Mereka

berjaya membentuk satu gerakan penentangan bercorak tentera dan awam dan menghantar bekalan tentera, senjata dan ejen-ejennya ke Indo-China tetapi kegiatan Perancis ini dapat dikesan oleh Jepun.

Peristiwa 9 Mac dan Kerajaan Tran Trong Kim

Jepun telah mengalami satu kekalahan yang hebat. Dalam bulan Oktober 1944, tentera Amerika berjaya menempatkan sepasukan tenteranya di Filipina. Pada akhir bulan Februari 1945, Manila telah ditawan oleh tentera Amerika. Pemerintahan tentera Jepun di Asia Tenggara terpaksa berundur dari Filipina ke Indo-China dalam bulan Disember 1944.

Pemerintahan tentera Jepun di Indo-China sedar yang keadaan sekarang amat membahayakan tentera Jepun jika berlaku serangan oleh Perancis. Mereka mengambil keputusan cara yang paling selamat ialah dengan menguasai Vietnam secara langsung. Pada malam 9 Mac 1945, duta Jepun di Saigon, Matsumoto, meminta Laksamana Decoux supaya meletakkan semua tentera Perancis di bawah perintah Jepun.

Apabila Decoux enggan menerima tuntutan ini, maka Jepun dengan segera melancarkan serangan di seluruh Indo-China pada malam itu juga. Tentera Perancis terkejut dengan serangan ini, tetapi mereka dapat mengawal keadaan. Di Hue dan di Hanoi, pertempuran hanya berhenti selepas pertempuran sengit berlaku.

Dalam masa 20 jam sahaja Jepun telah berjaya berkuasa penuh di Indo-China. Mereka kemudiannya menahan semua pegawai tinggi Perancis dan mengambil alih tugas-tugas pentadbiran, walaupun pihak Jepun mengekalkan pegawai-pegawai Perancis yang mahu bekerjasama dengan mereka, terutama sekali mereka yang berkhidmat di bidang teknik. Jepun mahukan supaya *status quo* yang ada daripada segi ekonomi dan pentadbiran tidak terjejas dan keselamatan tenteranya terjamin.

Golongan nasionalis Vietnam yang bekerjasama dengan Jepun mengambil peluang ini untuk muncul. Sebuah jawatankuasa Pentadbiran Sementara dibentuk di Hanoi pada 10 Mac, tetapi dua minggu kemudiannya ia dibubarkan kerana tidak mendapat sokongan. Pada 11 Mac, di Hue, Bao Dai mengisytiharkan yang naungan Perancis dihapuskan, Vietnam mendapat kembali kemerdekaannya dan akan bekerjasama dengan Jepun bagi menjamin kemakmuran bersama

Asia. Beberapa hari selepas itu, beliau mengumumkan yang beliau sendiri menjadi ketua kerajaan dan mengetepikan menterinya, Pham Quynh.

Maharaja Bao Dai dengan segera memulakan rundingan untuk menubuhkan sebuah kerajaan kebangsaan. Ngo Dinh Diem, yang menjadi Menteri Dalam Negeri pada tahun 1933, merupakan orang yang paling layak. Tetapi Diem tidak memberikan apa-apa jawapan kepada Bao Dai yang meminta Jepun supaya menghubungi Diem. Selepas sebulan menunggu jawapan daripada Diem, Bao Dai kemudiannya meminta Tran Trong Kim untuk membentuk sebuah kerajaan.

Ahli-ahli Kabinet Tran Trong Kim ini terdiri daripada orang-orang yang berpendidikan Perancis dan berkebolehan.⁴ Kerajaan baru ini segera memulakan tugasnya yang berat: dalam keadaan peperangan masih berlaku, ia terpaksa membina sebuah negara Vietnam dengan pertolongan Jepun yang nyata akan kalah dalam peperangan. Mereka terpaksa menyusun semula jentera pentadbiran dan politik, juga ekonomi dan ketenteraan yang dirampas oleh Perancis sejak 80 tahun di samping cuba menyatukan seluruh negara.

Golongan nasionalis menganggap adalah perlu terlebih dahulu menyatukan rakyat. Tulisan-tulisan akhbar dan propaganda menentang penjajahan dan rejim Perancis disebarikan dan mengingatkan perihal Perancis yang terus campur tangan dalam hal-ehwal negara Vietnam, "eksploitasi ekonomi" dan rasuah golongan mandarin yang dicap sebagai alat pentadbiran Perancis. Parti-parti politik muncul, antaranya ialah *Dai Viet*, *Phuc Quoc*, *Cao Dai*, *Hoa Hao* dan lain-lain. Semuanya menyuarakan tentangan terhadap Perancis dan menyokong gerakan nasionalis. Pertubuhan pemuda yang dibentuk semasa pentadbiran Decoux menjadi tulang belakang rejim baru ini. Di Cochinchina, pertubuhan ini yang dipimpin oleh Dr. Pham Ngoc Thach menggelarkan diri mereka sebagai *Thanh-Nien Tien-Phong* dan mempunyai hubungan rapat dengan Jepun. Di dalam pentadbiran pula, ketua-ketua jabatan Perancis digantikan oleh orang Vietnam.

⁴Menteri Luar Negeri dipegang oleh Tran Van Chuong, sementara Trinh Dinh Than dilantik menjadi Menteri Keadilan, Hoang Xuan Han di Kementerian Pelajaran, Dr. Tran Dinh Nam, Menteri Dalam Negeri, Dr. Ho Ta Khanh, Menteri Ekonomi.

Dalam bulan Julai, kerajaan Vietnam mendapat semula bandar Hanoi, Haiphong dan Da Nang daripada Jepun. Seterusnya kerajaan Vietnam berjaya menyatukan seluruh negara apabila Tonkin dan Cochinchina disatukan dengan Annam. Semua pentadbiran yang kini dipegang oleh orang Jepun akan diberikan kepada kerajaan Hue menjelang 15 Ogos 1945.

Kejayaan ini walau bagaimanapun tidak menghasilkan sokongan rakyat terhadap rejim baru ini. Ini mungkin kerana rakyat kurang yakin disebabkan perang masih berterusan. Kesulitan-kesulitan ekonomi semakin meningkat. Pengeboman oleh pihak Berikat menyebabkan Tonkin terasing. Kelaparan, banjir di utara menambahkan lagi kesengsaraan. Kenaikan harga dan pungutan beras oleh tentera Jepun amat tidak disukai oleh rakyat. Di desa-desa, *Viet Minh* menjalankan propaganda dan meminta petani-petani supaya jangan menyerahkan makanan kepada Jepun dan pihak *Viet Minh* mengadakan simpanan bekalan makanan. Kekacauan semakin bertambah.⁵ Mulai bulan Julai, pihak *Viet Minh* dapat menguasai kawasan-kawasan desa di utara sementara di bandar-bandar pula, pergerakan *Viet Minh* telah berjaya menyusup masuk.

Viet Minh Mengambil Alih Kuasa

Sejak rampasan kuasa oleh Jepun pada 9 Mac, pihak *Viet Minh* terus menguatkan kedudukan mereka di tujuh buah wilayah di kawasan tinggi.

Dengan bekalan senjata yang diberikan oleh O.S.S. dan beberapa orang penasihatnya, pihak *Viet Minh* berjaya meluaskan kegiatan gerila mereka sehingga ke kawasan delta dan di wilayah Nghe Tinh. *Viet Minh* memberi anggapan yang mereka adalah sekutu China, Amerika dan Rusia. Pemimpin-pemimpin mereka dan wakil-wakil pihak Berikat di Kunming bertukar-tukar penerangan tentang apa yang berlaku di pihak masing-masing.⁶

⁵Pada 17 Mac 1945, satu pasukan gerila ditubuhkan di wilayah Quang Ngai dan kegiatan mereka segera merebak ke seluruh wilayah tersebut.

⁶Wakil Perancis Hunming J. Sainteny menerima laporan *Viet Minh* yang disampaikan kepadanya oleh O.S.S menjelaskan permintaan mereka yang hanya mahukan kemerdekaan Vietnam untuk jangka masa tertentu sahaja (5 hingga 10 tahun). Dalam bulan Julai 1945, J. Sainteny juga menemui wakil V.N.Q.D.D., Nguyen Tuong Tam.

Pada 6 Ogos 1945, bom atom digugurkan di Hiroshima. Pihak Viet Minh mengetahui yang pihak Jepun akan kalah. Pada 7 Ogos, gerila-gerila Viet Minh menubuhkan "Tentera Pembebasan Vietnam". Pada 10 Ogos pula, sementara Tentera Pembebasan ini mengadakan perhimpunan di Tan Trao, (wilayah Thai Nguyen), Ho Chi Minh mengeluarkan perintah supaya pemberontakan dimulakan. Pada 13 Ogos, perhimpunan di Tan Trao melantik sebuah Jawatankuasa Pembebasan Rakyat Vietnam.⁷ Sebaik sahaja perhimpunan tamat, Giap meninggalkan kawasan itu dan terus pergi ke Hanoi.

Pihak Jepun pula menyerahkan kuasa mereka kepada kerajaan Vietnam pada 15 Ogos seperti yang dirancangkan. Di utara, kecauan-kekacauan berlaku sebaik sahaja Jepun dikalahkan. Pada 17 Ogos, satu perhimpunan oleh pegawai-pegawai kerajaan diadakan bagi merayakan kemerdekaan Vietnam. Pada masa perhimpunan inilah Viet Minh menurunkan bendera kerajaan Vietnam dan menggantikannya dengan bendera merah. Pada 19 Ogos, selepas dua hari berbincang dengan pihak Jepun dan wakil kerajaan Vietnam, Phan Ke Toai, Viet Minh berjaya menguasai seluruh pentadbiran dan pemerintahan di Hanoi tanpa sebarang kekerasan. Pada hari yang sama, semua bandar di kawasan delta menyokong Viet Minh. Dengan cara yang mudah sahaja, melalui sebaran propaganda dan ugutan serta sikap Jepun yang berkecuali, Viet Minh yang menampakkan dirinya sebagai gerakan nasionalis propihak Berikat berjaya menguasai kuasa di Utara.

Di Hue, kemerdekaan diisytiharkan pada 20 Ogos selepas penyerahan kuasa oleh pihak Jepun. Bao Dai menghantar perutusan kepada Presiden Truman, Raja England, Marshall Chiang Kai-shek dan Jeneral de Gaulle agar kuasa-kuasa ini mengiktiraf kemerdekaan Vietnam. Kerajaan Tran Trong Kim yang dibentuk semasa pemerintahan Jepun meletak jawatan dan Bao Dai meminta supaya satu perhimpunan kebangsaan diadakan di Hue yang dihadiri oleh semua parti dan pertubuhan politik dan agama. Hue merasa bimbang

⁷Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada: Ho Chi Minh, presiden; Tran Huy Lieu, naib presiden. Ahli-ahli: Vo Nguyen Giap, Pham Van Dong, Cu Huy Can, Nguyen Luong Bang, Chu Van Tan, Duong Duc Hien, Vu Dinh Hoe, Nguyen Van Xuyen.

dengan berita mengenai kemunculan Viet Minh di Hanoi yang disokong oleh pihak Berikat dan kumpulan ini sedang mengadakan persediaan membentuk sebuah kerajaan republikan bercorak demokratik, dan pihak Berikat juga memberi jaminan menerima kemerdekaan Vietnam.

Di selatan pula, Jepun menyerahkan kuasa pentadbiran kepada kerajaan Vietnam mulai 15 Ogos. Hue menghantar wakil saja, Nguyen Van Sam ke Saigon. Tran Van An mengambil alih tugas-tugas Presiden Majlis Menteri-menteri di selatan. Tetapi di Saigon, golongan yang berjaya ialah parti-parti aliran kanan (*Cao Dai, Hoa Hao, Phuc Quoc*, Parti Kemerdekaan Vietnam dan lain-lain) dan golongan Trotsky dari pertubuhan *La Lutte*. Mereka ini adalah pro-Jepun.

Jawatankuasa Viet Minh di Hanoi dan golongan intelek yang menyokongnya menunjukkan sikap bermusuhan terhadap raja, dan ini berbeza daripada sikap yang ditunjukkan oleh kumpulan yang berjaya di Saigon. Bao Dai mengambil keputusan turun dari takhta dan menyerahkan kuasa kepada kerajaan republikan yang sedang dibentuk itu. Beliau meminta Hanoi supaya menghantar wakil ke Hue untuk menerima kuasa daripadanya. Pada 22 Ogos 1945, tiga orang wakil Viet Minh, Ha Ba Cang (juga dikenali sebagai Hoang Quoc Viet), Tran Huy Lieu dan Cu Huy Can meninggalkan Hanoi menuju selatan.

Pada 25 Ogos, Bao Dai turun dari takhta dan menyerahkan kuasa kerajaan kepada wakil-wakil Hanoi, Lieu dan Can. Beliau mengisytiharkan yang kuasa diberikan kepada kerajaan republikan dan demokratik serta meminta agar "semua parti dan kumpulan dan kumpulan yang berjuang untuk kemerdekaan negara diberi layanan baik". Beliau juga menambah: "Kita merayu agar semua pihak, seluruh rakyat serta keluarga diraja bersatu memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan demokratik agar kemerdekaan negara dapat dikekalkan".

Di selatan, keadaannya berbeza. Pihak Viet Minh tidak mempunyai kesempatan untuk menyusup ke Cochinchina. Mereka hanya mempunyai sekumpulan kecil pengikut yang dipimpin oleh Tran Van Giaou. Tetapi mereka mengajukan penjelasan yang sama kepada rakyat: mereka adalah rakan pihak Berikat dan mereka sahajalah yang dapat menjamin kemerdekaan negara kerana parti-parti lain

akan dihapuskan oleh pihak Berikat disebabkan hubungan mereka dengan Jepun. Pada 25 Ogos, parti-parti nasionalis yang pro-Jepun mencapai persetujuan untuk memberikan pimpinan Jawatankuasa Pembebasan kepada Viet Minh. Dengan ini pada 25 Ogos, iaitu sepuluh hari selepas Jepun menyerah kalah, Viet Minh berjaya menguasai seluruh Vietnam. Pada ketika itu, kerajaan bercorak "republikan-demokratik" belum lagi dibentuk. Pihak komunis masih lagi belum pasti akan orientasi politik yang akan diikuti. Walaupun kerajaan ini telah dibentuk pada 26 Ogos, ianya tidak diumumkan. Pada 27 Ogos, Giap, "Menteri Dalam Negeri" kerajaan baru ini menemui Jean Sainteny, wakil Perancis yang tiba di Hanoi sejak 22 Ogos. Beliau diberitahu yang pihak Berikat akan menempatkan tentera China di Vietnam Utara (di utara garisan 16° lintang) bagi menerima perletakan senjata tentera Jepun dan menahan mereka.

Pihak Viet Minh segera bertindak. Mereka mahukan supaya kemerdekaan yang diambil secara paksa dari Jepun itu mestilah dijadikan sebagai satu *fait accompli* sebelum pihak Berikat tiba. Pada 29 Ogos, Ho Chi Minh mengumumkan "kerajaan sementara"⁸ dan beliau sendiri menjadi ketuanya. Sembilan daripada lima belas ahli kerajaan ini adalah terdiri daripada orang komunis. Bao Dai yang telah turun dari takhta dilantik menjadi Penasihat Agung Kerajaan baru ini.

Pada 2 September di Hanoi, Ho Chi Minh⁹ mengumumkan perisytiharan kemerdekaan dan penubuhan Republik Demokratik Vietnam. Beliau juga membuat kecaman terhadap penjajahan Perancis dan mengingatkan rakyat yang kemerdekaan yang baru diterima ini bukannya didapati daripada Perancis, tetapi daripada Jepun.

⁸Ho Chi Minh menjadi presiden dan juga Menteri Luar Negeri, Vo Nguyen Giap sebagai Menteri Dalam Negeri, Tran Huy Lieu, Menteri Penerangan dan Propaganda, Phan Van Dong, Menteri Kewangan dan Chu Van Tan Kementerian Pertahanan, Nguyen Manh Ha Sebagai Menteri Ekonomi, Vu Dinh Hoe sebagai Menteri Pelajaran dan Pham Ngoc Thach Menteri Kesihatan.

⁹Rakyat Vietnam hanya mengetahui kemudiannya yang Ho Chi Minh dan Nguyen Ai Quoc adalah orang yang sama.

15

PERPECAHAN

KERAJAAN baru Vietnam ini terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah dan ancaman.

Menurut perjanjian di antara Pihak Berikat, Indo-China seluruhnya akan diduduki untuk sementara waktu oleh tentera-tentera China di utara garisan lintang 16°, dan di selatannya pula diduduki oleh tentera-tentera British, dan kedua-dua pasukan ditugaskan menerima perletakan senjata oleh Jepun. Kerajaan Ho Chi Minh belum mengetahui apakah sikap yang akan diambil oleh kedua-dua pihak ini, walaupun pihak Berikat tidak menafikan kedaulatan Perancis di Indo-China¹ (sebagaimana yang diberitahu oleh J. Sainteny kepada Giap pada 27 Ogos). Jadi ada kemungkinan yang British dan China akan menyokong kemasukan semula Perancis ke Vietnam, atau sekurang-kurangnya tidak memberikan apa-apa halangan. Wakil Perancis di selatan, J. Cedile yang tiba pada 22 Ogos, telah pun menghubungi Jawatankuasa Eksekutif bagi Vietnam Selatan¹ di Saigon dan mencadangkan rundingan-rundingan diadakan berdasarkan kepada Pengisytiharan Kerajaan Perancis pada 24 Mac 1945. Jurucakap jawatankuasa tersebut, Pham Ngoc Thach memberitahu yang Vietnam kini sudah menjadi sebuah negara bebas dan bersatu dan sekarang rundingan mestilah diadakan dengan kerajaan di Hanoi dengan syarat Perancis terlebih dahulu mengiktiraf kemerdekaan Vietnam.

¹Vietnam dibahagikan kepada 3 bahagian (*Ky* atau *Bo*): *Nam Bo* (Selatan), *Trung Bo* (Tengah), *Bac Bo* (Utara).

Di seluruh Vietnam, pihak komunis berusaha mengukuhkan kuasa dan pengaruh mereka serta menghapuskan musuh-musuh dan golongan yang bersaing dengan mereka. Tujuannya ialah bagi mendapatkan kuasa sepenuhnya di Vietnam sebelum kedatangan tentera Berikat dan menguatkan kedudukan mereka apabila menghadapi meja perundingan nanti.

Operasi ini dijalankan dengan penuh kekerasan. Penyokong-penyokong parti yang dibantu oleh golongan perusuh mengambil kesempatan untuk menghapuskan pentadbiran lama. Di kampung-kampung dan di bandar-bandar "jawatankuasa-jawatankuasa revolusi" dibentuk dan menjalankan kegiatan menangkap dan menghukum musuh-musuh. Di semua wilayah, orang besar dan golongan borjuis ditangkap dan kadang-kadang dibunuh. Di Hue, Pham Quynh dan Ngo Dinh Khoi (saudara kepada Ngo Dinh Diem) dihadapkan ke mahkamah pada 23 Ogos, dan dihukum bunuh. Pemimpin golongan Trotsky, Ta Thu Thau juga dibunuh. Ngo Dinh Diem yang ditangkap di Nha Trang dipindahkan ke utara. Pemimpin parti *Constitutionaliste*, Bui Quang Chieu dan Ho Van Nga, Ketua Parti Kemerdekaan (*Viet Nam Qia Doc Lap*) juga dibunuh. Parti-parti nasionalis yang pro-Jepun (*Dai Viet* dan lain-lain) telah dihamkan mulai 1 September. Pada 5 September, kerajaan mengarahkan supaya majlis-majlis tempatan yang dianggotai oleh orang besar dihapuskan dan digantikan dengan Jawatankuasa Rakyat (*Uy-Ban Nhan-Dan*) yang dipilih. Pada 12 September, Giap mengumumkan undang-undang yang menghapuskan golongan mandarin pentadbiran dan keadilan. Semua pegawai ini dianggap turun dari jawatan mereka dan tempat mereka diambil alih oleh Jawatankuasa Rakyat (*Comite du Peuple*). Pada 8 September, kerajaan mengumumkan yang pilihanraya bagi Dewan Perhimpunan (*Quoc-Dan Dai-Hoi*) akan diadakan dalam masa dua bulan dari semua rakyat yang berumur lebih daripada 18 tahun layak mengundi.

Dasar baru Perancis terhadap Vietnam boleh dilihat dalam satu penjelasan oleh penasihat politik Argenlieu pada 4 Januari 1947. Dasar ini mengatakan yang rundingan-rundingan tidak boleh diadakan dengan kerajaan Ho Chi Minh yang hanya mempunyai satu tujuan: Kemerdekaan Vietnam dan menentang kedatangan semula Perancis (ke Indo-China) selagi kemerdekaan ini tidak diiktiraf oleh Perancis. Penasihat politik ini juga menekan perlunya konflik ini

dijadikan konflik antara orang Vietnam sesama sendiri dan Perancis mestilah mengurangkan sebanyak yang boleh daripada terlibat secara langsung, tetapi membiarkan Viet Minh ditentang sendiri oleh musuh-musuh yang terdiri daripada orang-orang Vietnam. Beliau juga menambah yang Perancis tidak akan berjaya memecahbelahkan pengikut-pengikut Viet Minh jika ia mempersoalkan cita-cita kebangsaan Vietnam. Oleh itu, perjanjian 6 Mac yang mengiktiraf Vietnam sebagai sebuah negara bebas dan mempunyai kedaulatan dalam negeri mestilah terus dihormati oleh Perancis.

Golongan pemisahan Indo-China tidak lagi penting kepada Perancis. Ia mencari-cari golongan nasionalis yang antikomunis untuk diambil sebagai sekutu. Dalam memo Argenlieu kepada kerajaan Perancis pada 14 Januari 1947, dia menganjurkan supaya dikembalikan semula sistem raja di Vietnam.

Dalam masa lima belas hari sahaja, komunis berjaya menyebarkan pengaruh mereka hampir ke seluruh Vietnam. Mereka juga berjaya menghapuskan semua penentang dan menguasai penuh pemerintahan negara. Tetapi dalam pada itu, mereka juga telah membimbang dan menakutkan golongan Orde lama dan penyokong-penyokong mereka. Rampasan-rampasan dan keganasan yang dilakukan menimbulkan permusuhan terhadap mereka. Penyokong-penyokong kuat parti telah meninggalkan kesan terhadap imej komunis yang tidak mudah dilupakan. Pemimpin-pemimpin di Hanoi menyedari keadaan ini apabila ia sudah terlewat. Parti Komunis Indo-China yang mempunyai 5 000 orang ahli menganggap yang mereka sahajalah yang berupaya menjamin masa depan negara. Dalam perhimpunan 11 September, parti itu menyatakan yang pemimpin Viet Minh terletak di tangan parti.

Viet Minh dan V.N.Q.D.D. Tekanan dari China

Tentera-tentera China di bawah Jeneral Lu Han tiba di Hanoi pada 9 September 1945. Kedatangan tentera China ini menimbulkan kebimbangan kerajaan Ho Chi Minh kerana adanya bersama-sama mereka pemimpin-pemimpin V.N.Q.D.D. dan *Dong Minh Hoi*. Tentera China telah pun menghapuskan "jawatankuasa rakyat" yang ditubuhkan oleh Viet Minh di tiap-tiap wilayah dan menggantikannya dengan golongan nasionalis. Viet Minh bimbang jika keadaan yang sama berlaku di Hanoi, oleh yang demikian "kerajaan

sementara" Vietnam ini cuba berbaik-baik dengan pemerintahan tentera China, terutama sekali penasihat politiknya, Jeneral Siao Wen.

Walau bagaimanapun hubungan baik ini tidak kekal lama. Mulai akhir bulan September, V.N.Q.D.D. dan *Dong Minh Hoi* bersiap sedia di bawah perlindungan China untuk menekan golongan komunis dan rakan-rakan mereka dalam Parti Demokrat² supaya menyerahkan kepada mereka sebahagian daripada kuasa pemerintahan. Pihak China pula menggunakan kedudukan mereka bagi menekan kerajaan Viet Minh dan mendapatkan beberapa konsesi, dengan ini mengukuhkan Kuomintang di Vietnam Utara sebelum bermulanya rundingan dengan Perancis.

Kerajaan Viet Minh terpaksa menghadapi keadaan yang genting. Di seluruh kawasan utara Vietnam, keadaan kebuluran semakin bertambah dan mereka terpaksa memperbaiki masalah pengeluaran dan pengagihan. Catuan makanan diketatkan. Mereka juga menghadapi masalah perhubungan dan pengangkutan yang kebanyakannya musnah. Keadaan huru-hara berlaku dan jawatankuasa rakyat yang begitu berkuasa di desa-desa tidak berupaya untuk membekalkan beras dengan secukupnya. Kerajaan juga telah menghapuskan cukai, ini menyebabkan kerajaan kekurangan sumber kewangan, malah tidak mampu membayar gaji pegawai-pegawainya. Keadaan ini memberi peluang kepada musuh-musuh Viet Minh untuk menentangnya.

Viet Minh mengambil keputusan mengadakan kerjasama dengan *Dong Minh Hoi* (23 Oktober) bagi mengurangkan tekanan-tekanan, tetapi V.N.Q.D.D. menuntut agar kerajaan sementara dibubarkan dan ditubuhkan sebuah kerajaan campuran kebangsaan. V.N.Q.D.D. sengaja menonjolkan yang Viet Minh adalah komunis, dengan ini mereka mengharapkan tentera China bertindak menentang Viet Minh. Melihat kepada bahaya ini, maka Ho Chi Minh meminta agar jawatankuasa pusat parti membubarkan Parti Komunis Indo-China. Pada 11 November, parti ini dengan rasminya dibubarkan atau ia bergerak secara sulit dalam Barisan Viet Minh. Pada 19 November, Viet Minh terpaksa menandatangani persetujuan

²Parti Demokrat (*Dan Chu Dang*) ditubuhkan dalam tahun 1944 dianggotai oleh kaum intelek dan borjuis berfahaman kiri.

an dengan V.N.Q.D.D. dan *Dong Minh Hoi* bagi membentuk kerajaan campuran, sementara tentera-tentera ketiga-tiga parti ini dicantumkan menjadi satu tentera. Ini dilakukan kerana terdapat tekanan-tekanan daripada pihak China. "Kumpulan Nasionalis" (nama yang diberi kepada 2 kumpulan antikomunis ini) berharap menganggotai kerajaan dan mengambil bahagian dalam persiapan-persiapan pilihanraya yang sepatutnya diadakan, tetapi telah ditunda oleh komunis. Pilihanraya diadakan pada 6 Januari 1946. Pihak Viet Minh mencalonkan orang-orang yang bersikap sederhana dan dihormati, dengan ini mereka berjaya memenangi hampir seluruh kerusi dalam Dewan Perhimpunan. Ini mendapat tentangan daripada Kumpulan Nasionalis. Viet Minh terpaksa memberikan 50 kerusi kepada V.N.Q.D.D. dan 20 kepada *Dong Minh Hoi*.

Perang dengan Perancis juga menyebabkan kesulitan kepada kerajaan sementara. Di selatan garisan lintang 16°, tentera British tiba pada 5 September dan menguasai keadaan. Mereka telah membebaskan tentera Perancis di Saigon dan seterusnya memberikan mereka senjata. Pada 23 September, tentera Perancis melancarkan rampasan kuasa, mengambil bandar Saigon dan menghalau keluar Jawatankuasa Eksekutif Viet Minh. Tindak balas daripada pihak Vietnam terutamanya daripada golongan Cao Dai memberi peluang kepada Perancis mengatakan yang orang Vietnam tidak boleh diajak berbincang. Keadaan bertambah genting apabila Jeneral Leclerc memulakan serangan. Mereka berjaya menguasai bandar Saigon-Cholon. Mulai 25 Oktober, tenteranya berjaya menawan Mytho, dan pada 8 November, Perancis berjaya menawan Tayninh dan golongan Cao Dai terpaksa menyerah kalah. Pada 1 Disember, mereka mengambil kawasan Ban Me Thuot dan kawasan Dataran Tinggi.

Semua bandar dan kawasan di sekitar Delta Mekong dapat ditawan oleh Perancis. Jawatankuasa Eksekutif Nambo terpaksa disusun semula dan melantik Pham Van Bach sebagai presiden. Tetapi golongan komunis masih memegang jawatan penting. Ton Duc Thang yang baru dibebaskan dari tahanan di Pulau Condore dilantik memimpin tentera mereka. Keganasan dan permusnahan yang dilakukan oleh tentera ini dalam menentang Perancis menimbulkan permusuhan di kalangan orang-orang Hoa Hao dan Binh Xuyen. Kedua-dua pemimpin tentera Vietnam ini iaitu Tran Van

Giau dan Ton Duc Thong dipanggil ke Hanoi.

Kekalahan Viet Minh di selatan dan kegiatan-kegiatan Perancis di sempadan Annam-Laos memberikan peluang kepada pihak-pihak yang menentang mengancam kerajaan dan menuduhnya tidak berupaya untuk berperang bagi mendapatkan kemerdekaan. Tekanan-tekanan daripada golongan nasionalis, China, peperangan dan penyusupan ke dalam Viet Minh oleh ejen-ejen nasionalis dan China meletakkan kerajaan Hanoi dalam keadaan yang sulit. Mereka tidak dapat memperbaiki keadaan ini selagi Kuomintang terus berada di Hanoi.

Kerajaan Campuran dan Pembebasan. Perjanjian 6 Mac 1946

Tekanan-tekanan daripada pihak China ini ditambah pula dengan tekanan daripada pihak Perancis. Perancis tidak berpuas hati dengan hanya mendapatkan semula Indo-China. Mereka telah melantik seorang "Pesuruhjaya Tinggi Perancis" di Saigon iaitu Laksamana Thierry d'Argenlieu. Perancis juga berjaya mendapatkan semula Kemboja³ di bawah naungannya. Tentera-tentera Perancis berjuang untuk mendapatkan Laos. Mereka berunding pula dengan Kerajaan Kuomintang bagi menarik keluar askar-askar China dari Indo-China. Jika Perancis dan China dapat mencapai persetujuan, tekanan-tekanan ke atas Vietnam akan menjadi lebih kuat.

Ho Chi Minh dan kerajaannya cuba mendapatkan maklumat tentang sokongan-sokongan yang mungkin didapati dalam menghadapi kedatangan semula Perancis. Pihak China di Kuomintang memberitahu yang mereka akan menolong Vietnam mendapatkan perjanjian yang sepatutnya daripada Perancis, tetapi China juga menganggap yang persetujuan dengan Perancis adalah penting dan tidak dapat dielakkan. Pihak Amerika pula memang terkenal dengan sikapnya yang mengiktiraf kedaulatan Perancis di Indo-China. Wakil-wakil Amerika telah pun menunjukkan sikap yang menyokong "Blok nasionalis". Golongan Nasionalis ini juga mempunyai ejen-ejen yang dilatih oleh O.S.S. di Kai Yuen. Sementara itu, Rusia menasihatkan Vietnam supaya mencapai persetujuan dengan Perancis kerana Parti Komunis Perancis yang diwakili dalam kerajaan Perancis mungkin akan dapat memperjuangkan dasar-dasar progres-

³Lihat bab mengenai Kemboja ms 595-596.

sif. Ini lebih baik daripada China yang semakin dipengaruhi oleh Amerika. Hanya Parti Komunis China sahaja yang menasihatkan supaya persediaan dibuat untuk memulakan "perang yang berlarutan".

Melihatkan kepada keadaan-keadaan ini Viet Minh tidak ada jalan lain melainkan mencari jalan baginya berunding dalam keadaan yang lebih baik. Tugas mereka yang pertama ialah mengukuhkan kerajaan dengan menubuhkan jawatankuasa rakyat di merata tempat, menghapuskan tindakan-tindakan ganas dan melampau penyokong-penyokong komunis, membentuk satu pentadbiran dan ekonomi yang teratur serta membentuk pasukan polis dan tentera yang cekap. Usaha-usaha yang dibuat oleh Vo Nguyen Giap (Menteri Dalam Negeri) di antara bulan Disember 1945 hingga Februari 1946 memberikan kejayaan penting dalam hal ini. Sistem perhubungan diperbaiki, kelaparan dikurangkan dan penentang-penentang dapat dikawal. Walau bagaimanapun, di utara Vietnam, golongan nasionalis masih menguasai wilayah-wilayah dan usaha-usaha yang dibuat oleh Viet Minh untuk mengukuhkan kedudukan mereka dikecam oleh golongan Nasionalis. Memandangkan pilihan-raya akan diadakan dan China akan berundur jika persetujuan tercapai dengan Perancis, maka pihak Nasionalis semakin membuat tekanan supaya kerajaan yang ada digantikan.

Pemimpin Viet Minh sendiri berbelah bahagi tentang perlunya mengadakan perjanjian dengan Perancis. Sebahagian daripada ahlinya yang antipenjajah enggan bertolak ansur dan lebih bersetuju untuk menjalankan satu peperangan yang berlarutan seperti yang dianjurkan oleh Parti Komunis. Dasar ini disokong oleh Dang Xuan Khu (Truong Chinh), Ha Ba Cang (Hoang Quoc Viet) dan beberapa orang pemimpin tentera yang dilatih di China. Kebanyakan daripada ahli *Tong Bo* (biro politik) Viet Minh bersetuju dengan pendapat Presiden Ho Chi Minh. Beliau berpendapat keadaan memaksa mereka bertolak ansur, masalah sebenar ialah bagaimana mencapai kedudukan yang lebih baik untuk duduk di meja perundingan, pada masa yang sama menundukkan penentang-penentang mereka dan menyelamatkan masa depan rejim itu.

Ho Chi Minh dan pembantu-pembantu yang rapat dengannya telah menghubungi wakil-wakil Perancis di Hanoi, terutama sekali Jean Sauteny secara sulit. Asas bagi mencapai persetujuan di pertim-

bankan Perancis masih tetap dengan pendiriannya yang diasaskan kepada Pengisytiharan 24 Mac: Persekutuan Indo-China (sebahagian daripada Kesatuan Perancis) yang mempunyai sebuah kerajaan persekutuan dan diketuai oleh wakil Perancis walaupun ahli-ahlinya terdiri daripada orang Indo-China. Sebuah Dewan yang dianggotai oleh orang Indo-China yang ahli-ahlinya dipilih akan membantu kerajaan ini. Tiap-tiap buah negeri di dalam persekutuan ini (Annam, Tonkin, Cochin China, Laos, Kemboja) akan mendapat autonomi dalam negeri. Apa yang berlaku di Kemboja menunjukkan yang satu *modus vivendi* boleh tercapai dengan cepat.

Ho Chi Minh sedia berunding mengenai Kesatuan Perancis dan Persekutuan Indo-China, tetapi beliau masih tetap dengan pendiriannya iaitu mendapatkan pengisytiharan daripada Perancis terhadap Kemerdekaan Vietnam. Apabila ini tercapai, Vietnam sedia memberikan kepada Perancis keistimewaan daripada segi ekonomi dan kebudayaan, malah kemudahan daripada segi ketenteraan. Orang Perancis enggan membincangkan tentang kemerdekaan yang dianggap bercanggah dengan konsep Kesatuan Perancis (*union Francaise*) dan Persekutuan Indo-China. Tetapi mereka sedia memberikan autonomi dalam negeri pada Vietnam, malah bersedia mengiktiraf Vietnam sebagai sebuah "negara bebas" dalam Persekutuan Indo-China.

Masalah utama antara kedua belah pihak ini ialah Cochin China. Perancis tidak menyembunyikan niat mereka untuk menubuhkan rejim bercorak penjajah di Cochin China. Pada 12 Februari, sebuah "jawatankuasa penasihat" dibentuk di Saigon dan ahli-ahlinya terdiri daripada orang Perancis dan orang Vietnam yang pro-Perancis. Mereka ingin membentuk sebuah rejim yang pada lahirnya bercorak demokratik tetapi sebenarnya dikuasai oleh sebilangan kecil golongan yang mempunyai keistimewaan. Apa yang dikehendaki oleh Ho Chi Minh ialah pemberian kuasa yang sebenarnya kepada rakyat Vietnam Selatan.

Ho Chi Minh berjaya merahsiakan rundingan-rundingan yang diadakan dengan Perancis. Pihak pembangkang yang sudah pun mengetahui tentang adanya hubungan-hubungan ini semakin mendesak kerajaan supaya membentuk "Kerajaan Campuran Kebangsaan". Desakan ini mendapat galakan daripada pihak China yang sedang dalam perbincangan dengan pihak Perancis di Chungking.

Mereka mahu mengukuhkan kedudukan mereka di Vietnam melalui pembentukan sebuah kerajaan yang majoritinya terdiri daripada golongan nasionalis yang antikomunis (dan pro-China). Pada 19 Februari 1946, kumpulan *Thiet Thuc* (yang dipimpin oleh Dr. Phan Huy Dan) yang merupakan sebahagian daripada "Blok Nasionalis" menganjurkan satu perhimpunan besar di Hanoi menuntut agar dibentuk sebuah kerajaan campuran yang diketuai oleh Vinh Thuy (bekas raja Bao Dai).

Pada 22 Februari pula, Ho Chi Minh menawarkan kepada Vinh Thuy jawatan sebagai Ketua Kerajaan dan memberi jaminan yang Viet Minh akan memberi sokongan penuh. Tetapi tawaran itu segera ditarik balik. Ini adalah kerana pihak Perancis telah menyatakan yang perjanjian boleh diadakan dengan syarat ianya ditandatangani oleh kerajaan campuran kebangsaan. Ho Chi Minh berpendapat yang masanya tiba untuk meredakan keadaan dengan cara tunduk kepada tekanan China dan nasionalis melalui pembukaan sebuah kerajaan yang dianggap sebagai "Pembebasan". Dengan ini Viet Minh masih mempunyai kuasa utama dalam kerajaan dan golongan Nasionalis diberikan peluang memegang tanggungjawab bersama terhadap perjanjian yang akan diadakan dengan Perancis. Perjanjian ini akan membebaskan Vietnam dari pendudukan tentera China. Pada 28 Februari, China dan Perancis menandatangani perjanjian di Chungking bagi membolehkan tentera Perancis menggantikan tentera China di Indo-China. Pihak China telah mengerakan tentang pelaksanaan perjanjian syarat, iaitu ianya mestilah dipersetujui oleh kerajaan Hanoi. Hanoi telah membentuk sebuah kerajaan campuran pada 24 Februari dan jawatan-jawatan di dalam kabinet dibahagikan di antara nasionalis dan Viet Minh.

Pada 2 Mac, Dewan Perhimpunan Kebangsaan yang bersidang untuk pertama kalinya bagi menggubal sebuah perlembagaan dan menyusun kerajaan sementara telah melantik Ho Chi Minh sebagai Presiden Republik Demokratik Vietnam dan memintanya, supaya menubuhkan sebuah "Kerajaan Pembebasan dan Campuran". Kerajaan ini ditubuhkan pada hari yang sama di bawah Ho Chi Minh dan dianggotai oleh Viet Minh, V.N.Q.D.D., "orang-orang tanpa parti" dan *Dong Minh Hoi*. Nguyen Hai Than dari *Dong Minh Hoi* dilantik menjadi Naib Presiden sementara Nguyen Tuong Tam (V.N.Q.D.D.) menjadi Menteri Luar, Le Van Hien (Viet Minh)

dilantik sebagai Menteri Kewangan, sementara dua orang "tanpa parti" masing-masing memegang jawatan di Kementerian Dalam Negeri dan Pertahanan. Selain daripada itu; satu jawatankuasa pembebasan dibentuk dengan 9 orang ahli dan diketuai oleh Vinh Thuy kekal sebagai Penasihat Agung Kerajaan baru ini.

Sebaik sahaja persetujuan China-Perancis ditandatangani, sebuah kapal perang Perancis telah meninggalkan Saigon menuju Vietnam Utara. Pihak China tidak sempat memaksa Viet Minh supaya memberikan jawatan-jawatan penting kepada golongan Nasionalis. Ho Chi Minh mengambil peluang daripada kebimbangan China dan sikap Perancis yang tidak sabar itu untuk mengekalkan kuasa sebenar dan menandatangani satu perjanjian dengan wakil Perancis Jean Sainteny pada 6 Mac 1946. Perjanjian ini disebut sebagai "persetujuan awal" dan kandungannya adalah seperti berikut:

1. "Kerajaan Perancis mengiktiraf Republik Viet Nam sebagai sebuah negara bebas yang mempunyai kerajaan, parlimen, tentera dan kewangannya sendiri dan merupakan sebahagian daripada Persekutuan Indo-China dan Kesatuan Perancis".

"Penyatuan ketiga-tiga *Ky** akan dipastikan oleh Perancis dan akan dijalankan melalui referendum penduduk-penduduknya".

2. "Kerajaan Vietnam menyatakan kesediaannya menerima secara persahabatan tentera Perancis yang datang menggantikan tentera China seperti yang ditentukan oleh perjanjian antarabangsa".

3. "Semua pihak yang menandatangani perjanjian ini akan mengambil segala langkah yang diperlukan bagi menamatkan pertempuran di medan perang, menentukan tentera masing-masing berada di tempat masing-masing dan mengadakan suasana yang sesuai yang diperlukan bagi memulakan segera rundingan-rundingan secara persahabatan dan ikhlas".

"Rundingan-rundingan ini akan berkisar terutamanya mengenai hubungan diplomatik antara Vietnam dan negara-negara asing, status masa depan Indo-China, kepentingan ekonomi dan kebudayaan Perancis di Vietnam".

**Ky* ialah wilayah, diertikan sebagai tiga wilayah atau bahagian Vietnam iaitu: Annam, Cochinchina dan Tonkin.

"Hanoi, Saigon atau Paris boleh dipilih sebagai tempat persidangan".

Perjanjian ini ditandatangani oleh Ho Chi Minh, Vu Hong Khanh dan Jean Sainteny.

"Masalah" Cochin China

Perjanjian baru Perancis-Vietnam ini sangat tidak disangka-sangka di Hanoi kerana mereka menyangka yang kedatangan Perancis akan ditentang oleh China dan Vietnam. Mulai 7 Mac, Ho Chi Minh, Vu Hong Khanh dan Vo Nguyeh Giap terpaksa menjelaskan sebab-sebab keputusan ini diambil. Mereka memberitahu yang negara itu tidak boleh mencapai kemerdekaan dengan sekaligus dan mereka juga tidak mungkin dapat menjalankan "perang yang berlarutan". Jadi mereka terpaksa beransur-ansur. Perancis telah pun membuat beberapa konsesi yang besar. Kedua-dua pihak cuba mencapai persefahaman. Perjanjian ini, jelas mereka lagi, merupakan satu tahap ke arah kemerdekaan sepenuhnya yang menjadi tujuan kerajaan dan rakyat.

Perjanjian ini menunjukkan yang Ho Chi Minh dan rakan-rakannya dalam Parti Komunis dan di dalam biro politik berjaya mengatasi kehendak kumpulan "mao" yang diketuai oleh Truong Chinh dan Hoang Quoc Viet. Pada 7 Mac, biro politik Viet Minh (*Tongbo* Viet Minh) mengarahkan parti supaya menghentikan sikap bermusuhan dengan Perancis; seperti sebelum ini ianya sama seperjuangan dengan rakyat Cina. Katanya, Vietnam, masih lemah dan tidak boleh berdiri sendiri. "Musuh utama kita ialah parti-parti politik Perancis yang berfahaman reaksioner", dan mereka mestilah menentang golongan ini dengan membentuk satu barisan demokratik orang Perancis dan orang Vietnam. Biro politik juga menganjurkan supaya kegiatan politik di ketiga-tiga *Ky* diteruskan. Mereka akan dapat memperbaiki segala kesilapan di Cochin China dan Annam Selatan jika mereka mengikuti perintah parti.

Golongan Nasionalis Kanan tidak menyetujui pendapat ini. Mereka sedar yang mereka telah dipermainkan oleh Ho Chi Minh dan menganggapnya pula dipermainkan oleh Perancis. Pada pendapat mereka, Vietnam mestilah mengekalkan sokongan Amerika dan China dalam menghadapi Perancis. Pada 12 Mac, Menteri Luar Vietnam, Nguyen Tuong Tam menyatakan: "sementara menunggu

perdamaian yang kukuh antara Perancis dan Vietnam, Amerika dan China mestilah membantu kita dalam segala segi. Amerika dan China mempunyai tanggungjawab terhadap keamanan di Timur Jauh". Atas desakan Tam, kerajaan Hanoi menghantar dengan segera satu rombongan persahabatan ke Chungking menemui Chiang Kai-shek. Vinh Thuy (Bao Dai) menyertai rombongan ini walaupun kerajaan bersikap curiga terhadap beliau. Rombongan meninggalkan Hanoi pada 18 Mac (dengan pesawat Amerika) sebelum tentera Perancis yang tiba di Haiphong pada 7 Mac sempat memasuki bandar Hanoi.

V.N.Q.D.D. dan rakan-rakan mereka daripada parti *Dai Viet* dan *Dong Minh Hoi* bimbang akan pengunduran China yang selama ini menjadi pelindung mereka serta "kerjasama Perancis - Viet Minh". Mereka membuat persediaan untuk mengambil tindakan, kerana mereka tidak dapat menerima satu perjanjian yang meletakkan negara Vietnam di bawah pemerintahan komunis. Ramai antara golongan ini mahukan supaya perjanjian ini terputus dan kekacauan muncul semula yang akan menghancurkan tentera Viet Minh. Kehadiran tentera China dan pengintip-pengintip mereka membolehkan V.N.Q.D.D. dan *Dong Minh Hoi* yang kini diwakili dalam kerajaan menjalankan tindak tanduk mereka. Sebahagian besar daripada golongan borjuis di utara masih menaruh harapan yang Tam dan rakan-rakannya akan dapat menghapuskan Viet Minh dan segala jentera parti itu. Golongan ini telah menemui Ngo Dinh Diem yang masih dikenakan tahanan dalam rumah dan cuba mengalihkan sokongan orang Katolik daripada Viet Minh.⁴

Viet Minh tidak ada jalan lain melainkan terpaksa memetrikkan perjanjian dengan Perancis secepat mungkin. Ini membolehkan Viet Minh menghapuskan tekanan daripada penentang-penentangannya, sementara Perancis pula dapat melenyapkan kehadiran China di Vietnam.

Perjanjian 6 Mac disambut baik oleh Paris dan kerajaan-kerajaan lain seluruh dunia⁵ tetapi tidak diterima di Saigon. Pihak Perancis di Saigon merasa bimbang dengan referendum yang akan

⁴Perisytiharan oleh paderi-paderi Vietnam pada 23 September 1945.

⁵Wakil Parti Komunis China, Chou En-lai dan Chiang Kai-shek juga menyambut baik berita ini.

diadakan serta pegawai-pegawai dan orang Perancis di sana masih menganggap Ho Chi Minh sebagai "saki-baki tahanan" yang perlu dihapuskan jika Perancis mahu mengekalkan kuasanya di Indo-China. Argenlieu, wakil Perancis di Saigon merasa sangat kecewa dengan perjanjian ini. Beliau menganggap Viet Minh sebagai sebuah "parti kuku besi" yang anti-Perancis dan pemimpin-pemimpinnya adalah ejen-ejen Komunis yang menjadi alat Kremlin. Dengan ini beliau berjaya menarik golongan kanan Perancis, seperti Parti "Mouvement Republicain Populaire" yang masih menyanjung empayar Perancis.

Saigon menganggap yang perjanjian Ho Chi Minh - Sainteny ini sebagai satu perjanjian kecil yang hanya melibatkan "pihak berkuasa Tonkin dan Annam Utara", sama seperti *modus vendi* 7 Januari yang diadakan dengan Kemboja. Saigon enggan menerima gencatan senjata di Cochin China dan menuntut agar tentera Vietnam menyerah ataupun berundur ke utara. Pihak Perancis di Saigon juga menguatkan kedudukan mereka daripada segi politik dengan menubuhkan semula badan-badan penasihat yang dianggotai oleh orang besar-besar dan mengumumkan pilihanraya bagi sebuah dewan perhimpunan Cochin China.

Ketua pergerakan tentera Pembebasan Cochin China yang baru, Nguyen Binh yang sedang menjalankan gerakannya apabila perjanjian 6 Mac diumumkan, meneruskan perjuangannya, dan bersatu tenaga dengan golongan yang dipimpin oleh Tran Van Giau. Pada 10 April 1946, sebuah pertubuhan Barisan Kebangsaan Bersatu (*Mat-tran Quoc-gia Lien-Hiep*) muncul. Barisan ini dianggotai oleh pengikut-pengikut Viet Minh, Cao Dai, Hoa Hao, pemuda-pemuda progresif Katolik dan Persatuan Penganut-penganut Buddha. Tetapi keadaan di Cochin China semakin berubah.

Atas permintaan Laksamana Argenlieu (yang menemui Ho Chi Minh di Teluk Ha Long pada 24 Mac), Ho Chi Minh bersetuju untuk mengadakan rundingan awal sebelum diadakan rundingan seperti yang dicadangkan dalam perjanjian sebelumnya. Tujuan rundingan awal ini ialah untuk menjelas dan mengetahui kedudukan kedua-dua negara tersebut.⁶ Rundingan ini diadakan pada 17 April hingga 11

⁶Dewan Perhimpunan Kebangsaan Hanoi menghantar satu rombongan ahli parlimen ke Paris diketuai oleh Pham Van Dong bagi menghubungi ahli-ahli politik Perancis.

Mei di Dalat, tempat peranginan yang terkenal di selatan. Nguyen Tuong Tam mengetuai rombongan Vietnam dan dibantu oleh Giap.

Vietnam dan Perancis mempunyai pendirian yang amat berbeza. Perancis menimbulkan konsep kesatuan Perancis dan Persekutuan Indo-China yang dimaksudkan oleh Perisytiharan 24 Mac 1945 yang masih lagi belum ditentukan. Perancis menekankan yang ciri-ciri Persekutuan dapat dikekalkan jika Republik Vietnam mendapat tidak lebih daripada autonomi dalam negeri yang berbentuk politik dan kebudayaan Perancis mahu mengekalkan kuasa penting dalam hal-hal ekonomi. Vietnam pula tidak berganjak daripada pendiriannya iaitu "kemerdekaan dan pakatan" yang inginkan "hubungan yang istimewa antara negara-negara yang berdaulat". Hanoi memahami Kesatuan Perancis sebagai satu persatuan negara-negara yang mempunyai persamaan hak dan tanggungjawab dan dijalinkan di antara satu sama lain oleh Perancis ditentukan oleh undang-undang antarabangsa dan Pesuruhjaya Tinggi Perancis di Indo-China adalah tidak lebih daripada seorang duta Perancis ke negara-negara Indo-China. Kerajaan Hanoi mahu supaya Vietnam diberi kebebasan penuh dalam hubungan diplomatik, tetapi Perancis hanya mahu setakat mengambil diplomat-diplomat Vietnam dalam perwakilan Kesatuan Perancis.

Wakil Vietnam menegaskan yang negara itu mahukan kebebasan dalam semua segi termasuk ekonomi, ketenteraan, kebudayaan dan diplomatik dan memberikan Perancis hanya keistimewaan yang biasa diberi kepada sebuah negara asing. Tetapi Vietnam menerima pada prinsipnya kerjasama dengan Perancis, termasuklah dalam bidang ketenteraan (pertahanan bersama di Indo-China) dengan syarat Perancis mengiktiraf kemerdekaan Viet Nam. Perwakilan Perancis yang mengikut arahan-arahan kerajaannya tidak menerima sebarang permintaan Vietnam, Kesatuan Perancis dan Persekutuan Indo-China mestilah mengekalkan kuasanya dalam hal-hal perindustrian, kastam, kewangan, diplomasi dan pertahanan. Perancis juga mahukan supaya Vietnam memulangkan semula harta orang Perancis yang dirampas dan dikembalikan kepada *Status quo ante*.

Masalah Cochin China merupakan masalah yang terpenting dalam pertelingkahan Perancis-Vietnam di Dalat. Perwakilan Hanoi menegaskan yang Cochin China merupakan sebahagian daripada Vietnam daripada segi etnik, sejarah dan kebudayaan. Pentadbiran

Perancis sendiri, kata mereka lagi, pernah bercakap tentang "negeri-negeri orang Annam" yang membezakannya daripada "negara-negara pengaruh Hindu" (Kemboja dan Laos). Perjanjian 6 Mac yang menyebut tentang "penyatuan ketiga-tiga Ky" mengakui ciri-ciri Vietnam yang terdapat di dalam ketiga-tiga kawasan pentadbiran tersebut. Dengan menandatangani perjanjian yang menyatakan referendum di Cochin China akan diadakan, maka kerajaan Perancis telah mengakui hal Vietnam ke atas Cochin China, sekurang-kurangnya daripada segi moral. Refrendum ini pada pendapat Hanoi adalah bertujuan menentukan sempadan Vietnam. Ia hanya bersifat pentadbiran dan bukan politik: tujuannya ialah menentukan sejauh manakah autonomi yang diinginkan oleh Cochin China dalam negara Vietnam.

Bagi perwakilan Perancis, Cochin China mestilah "menentukan sendiri dan dengan bebas pendiriannya terhadap Vietnam", kerana ketika itu Cochin China tidak merupakan sebahagian dari Vietnam disebabkan ia selama ini merupakan jajahan Perancis. Perancis telah berjanji untuk mengadakan referendum yang jujur dan bebas dan ini akan tetap dikotakan, dan akan mematuhi sebarang keputusan rakyat.

Mengenai perjalanan refrendum ini, kerajaan Hanoi meminta agar rakyat Cochin China diberi jaminan yang mereka akan dapat menyatakan hasrat mereka dengan bebas, juga agar dibentuk satu pentadbiran yang berkecuali dan sementara sehinggalah referendum dijalankan. Ini perlu kerana pihak berkuasa Saigon yang ada sekarang mempunyai pendirian yang bertentangan dengan pendirian Hanoi, dengan ini adalah sukar untuk Saigon berlaku adil. Perwakilan Perancis enggan mengambil kira masalah ini kerana katanya kejujuran pihak berkuasa Saigon tidak boleh dipersoalkan. Persidangan di Dalat ini berakhir dengan kegagalan. Sementara itu, Nguyen Binh memperdebatkan serangan-serangannya.

Orang Perancis di Cochin China dan pegawai-pegawai Perancis serta rakan-rakan mereka bangsa Vietnam berusaha untuk menghasilkan satu *fait accompli*. Mereka meminta Argenlieu supaya menuhkan kerajaan sementara Cochin China yang akan mengendalikan persediaan untuk pilihanraya dan menjalankan pentadbiran awam sementara menunggu keputusan pilihanraya. Kerajaan ini akan menandatangani satu *modus vivendi* sementara dengan Peran-

cis; sementara Perancis pula mengiktiraf Republik Cochin China sebagai sebuah negara yang bebas, sepertimana yang dibuatnya dengan Republik Vietnam dalam perjanjian 6 Mac. Argenlieu tidak menunggu keputusan dari Paris mengenai hal ini, tetapi terus menerima pembentukan kerajaan ini. Pada 1 Januari 1946, Republik Cochin China yang bebas ditubuhkan di Saigon di bawah pimpinan dua orang yang pro-Perancis, Nguyen Van Tam dan Nguyen Tan Cuong dilantik mengetuai hal-hal keselamatan dan kepolisian. Kedua-duanya adalah penentang kuat Viet Minh. Kerajaan ini sebenarnya terletak di bawah kuasa penuh Cedile, Pesuruhjaya Republik Perancis di Cochin China.

Fontainebleau dan Modus Vivendi Perancis-Vietnam

Pada 31 Mei 1946, Ho Chi Minh dan rombongannya telah meninggalkan Hanoi menuju Eropah bagi mengadakan rundingan dengan Perancis.

Sebelum keberangkatannya ke Perancis, Ho Chi Minh telah membentuk satu perkumpulan politik yang baru di Vietnam pada 27 Mei. Beliau merasakan yang kejayaan akan lebih terjamin jika beliau dapat mewakili keseluruhan rakyat Vietnam yang bersatu. Beliau membentuk "Barisan Kebangsaan Rakyat Vietnam (*Hoi Lien-Hiep Quoc-Dan Viet-Nam*, atau *Lien-Viet*)" yang menyatukan semua orang Vietnam tanpa mengira bangsa agama, kelas di bawah kata-kata "kemerdekaan dan demokrasi". Barisan Kebangsaan ini juga bertujuan menyatukan semua organisasi yang bergabung dengan Viet Minh (Kesatuan sekerja, persatuan-persatuan agama dan lain-lain), Parti Demokrat *Dan Chu Dang*, *Dong Minh*, Parti *Dong Minh Hoi* dan *V.N.Q.D.D.* Barisan ini diketuai oleh seorang nasionalis lama iaitu Huynh Thuc Khang yang menjadi Menteri Luar dalam "Kerajaan Pembebasan dan Campuran". Semasa ketiadaannya juga, Ho Chi Minh melantik Huynh Thuc Khang sebagai Pemangku Presiden.

Semasa dalam perjalanan ke Perancis inilah Ho Chi Minh diberitahu yang "Republik Cochin China" ditubuhkan di Saigon. Beliau memberitahu Sainteny yang mengiringinya bahawa peristiwa itu bukanlah satu pertanda yang baik untuk menghadapi rundingan.

Pada hari-hari berikutnya, suasana semakin berubah. Kabinet Perancis menghadapi krisis, sementara tentera Perancis menduduki

kawasan tinggi di selatan Vietnam (Pleiku, Kontum) dan menjadikan kawasan ini sebagai "kawasan autonomi". Kerajaan Paris pula mengambil keputusan menukar tempat persidangan dari Paris ke Fontainebleau.

Persidangan ini bermula pada 6 Julai dalam suasana yang tegang. Perwakilan Vietnam dipimpin oleh Pham Van Dong sementara perwakilan Perancis diketuai oleh Max Andre, ahli parti M.R.P dan pernah berkhidmat dengan Bank Perancis-China. Rundingan-rundingan yang diadakan amatlah mengecewakan. Perancis belum lagi mempunyai perkembangan berikutan dari krisis dalam kerajaan dan ia tidak mahu melemahkan kedudukan Kesatuan Perancis dan enggan mengakui kemerdekaan Vietnam. Kegagalan di Dalat berulang lagi, malah suasana lebih tegang kerana penubuhan Republik Cochinchina dan perbuatan Argenlieu memanggil satu persidangan di Dalat bagi Cochinchina, Kemboja dan Laos menimbulkan rasa curiga di kalangan perwakilan Vietnam. Sokongan yang diheboh-hebohkan oleh Parti Komunis Perancis kepada Vietnam menyebabkan parti-parti aliran kanan Perancis semakin bertambah keras dalam sikap mereka terhadap Ho Chi Minh dan Pham Van Dong. Ia juga melibatkan persaingan ideologi dalam hubungan kedua-dua negara. Konsesi yang sedia diberi oleh Perancis terlalu kecil dan tidak mencukupi, oleh itu Pham Van Dong dan perwakilannya enggan menandatangani rangka perjanjian yang disediakan dan terus kembali ke Vietnam pada 16 September.

Keadaan ini amat merbahaya dan boleh membawa kepada terputusnya hubungan. Presiden Ho Chi Minh sedar akan bahaya yang dihadapi oleh Vietnam kerana tentera Perancis sudah pun berada di Hanoi, di pelabuhan-pelabuhan Vietnam serta di sempadannya.⁷ Vietnam memerlukan lebih masa untuk membuat persiapan tentera ataupun kembali ke meja rundingan apabila Perancis sudah mempunyai perkembangan. Oleh yang demikian, Ho Chi Minh berpendapat yang Vietnam terpaksa memberikan konsesi yang penting kepada Perancis, sebagai ganti terhadap gencatan senjata di

⁷Pada 3 April, satu persetujuan antara Giap dan Salan ditandatangani. Mengikut perjanjian ini, tentera Perancis yang berjumlah 15 000 orang akan ditempatkan di Vietnam dalam tempoh 5 tahun. Ia akan digantikan oleh tentera Vietnam secara beransur-ansur, iaitu 1/5 daripada jumlah ini bagi tiap-tiap tahun.

Cochin China dan tindakan bersama Perancis-Vietnam. Pada 14 September beliau menandatangani satu *modus vivendi* dengan Marius Moutet, Menteri Tanah Jajahan Perancis. Ho Chi Minh menerima pada prinsipnya penyatuan kastam dan kewangan Indo-China, mengembalikan harta benda rakyat Perancis yang dirampas, persamaan hak antara Perancis dan Vietnam sama ada di Vietnam ataupun di Perancis. Semua pertempuran akan ditamatkan di Cochin China dan Annam Selatan dan kebebasan demokrasi diadakan. Kedua belah pihak bersetuju untuk menamatkan kecaman-kecaman terhadap satu sama lain sementara menunggu referendum yang akan ditetapkan kemudian. *Modus vivendi* ini berkuatkuasa mulai 30 Oktober. Rundingan akan disambung semula pada bulan Januari 1947. Ho Chi Minh juga sedar yang perjanjian ini akan dikesampingkan di Hanoi yang menganggapnya sebagai satu kekalahan kepada Vietnam. Tetapi beliau menjelaskan yang Vietnam mestilah "menaruh kepercayaan terhadap negara Perancis yang mendokong cita-cita Revolusi".

Pengukuhan Kedudukan Viet Minh

Semasa ketiadaan presiden Ho, Giap telah mengukuhkan kedudukan kerajaan Hanoi, beberapa kejadian ganas berlaku di Hanoi dan di beberapa tempat lain dalam bulan Jun. Pengunduran tentera China yang hampir tamat mendesak pihak kanan Vietnam mengambil langkah baru bagi menguatkan kedudukan mereka. V.N.Q.D.D. mengancam Viet Minh yang katanya tidak bertindak tegas terhadap Perancis. Tujuan mereka ialah untuk menjatuhkan imej Viet Minh. V.N.Q.D.D. mengambil kesempatan menggantikan tempat tentera China di kawasan Dataran Tinggi dan meletakkan kawasan ini di bawah perintah mereka. Mereka juga membentuk pasukan pejuang secara haram dan melengkapkannya dengan senjata-senjata yang dibeli dari China. Tidak seorang pun daripada pemimpin V.N.Q.D.D. yang mahu mengikuti rombongan Vietnam ke Perancis dan ini membuktikan yang mereka sedang bersiap sedia untuk memulakan perang.

Menjelang awal bulan Julai, Giap terpaksa bertindak. Beliau terlebih dahulu memastikan yang tentera Perancis akan berkecuali sebelum menjalankan tindakannya. Parti *Dong Minh Hoi* dapat dihapuskan apabila tentera Cina berundur. Dengan ini pihak Viet

Minh dapat menumpukan kegiatannya menentang V.N.Q.D.D. Mereka memerlukan masa sebulan untuk menghapuskan parti ini. Viet Minh berjaya membongkar rahsia kegiatan V.N.Q.D.D. Nguyen Tuong Tan dan Vu Hong Khanh melarikan diri ke kawasan pergunungan, seterusnya ke negeri China.⁸ Tentera Vietnam berjaya menyusun secara beransur-ansur kampung-kampung berikutan daripada pengunduran oleh tentera Cina, V.N.Q.D.D. mengalami kekalahan yang teruk dan tidak lagi menjadi ancaman kepada kerajaan. Tetapi penentangan masih belum terhapus sepenuhnya, ia hanya dapat dikurangkan dan masih ada unsur-unsur yang menentang yang menyusup masuk ke dalam Parti Viet Minh. Oleh yang demikian, kemungkinan ianya muncul semula masih ada. Pada masa ini, Perancis menghadapi masalah orientasi politiknya di Indo-China setelah pemergian Jeneral Leclerc (18 Julai) dan penasihat-penasihatnya. Beliau digantikan oleh Jeneral Valluy.

Giap yang kurang yakin dengan kejayaan persidangan Fontainebleau mulai menumpukan usahanya kepada pertahanan negara, beliau membentuk unit-unit pertahanan, meningkatkan latihan-latihan dan menguatkan fahaman ideologi mereka. Beliau juga menyusun "pusat-pusat pembebasan" di kawasan tanah tinggi yang akan digunakan sebagai kubu pertahanan jika berlakunya perang. Atas sebab-sebab keselamatan tenteranya yang kebanyakannya menerima latihan dari China Komunis, Giap terpaksa menghentikan kerjasama dengan Perancis dalam hal-hal ketenteraan. Beliau juga mendapatkan senjata daripada semua pihak yang boleh didapatinya dan menambah simpanan mereka. Giap percaya yang Saigon menjalakan dasar menawan kawasan-kawasan secara berturut-turut dan cuba mengambil semula kawasan yang didiami oleh bangsa Thai, Tho dan Nung di pergunungan dengan tujuan mengelilingi delta Tonkin dan mengawal kawasan pantai Annam.

Kerajaan Hanoi juga berjaya mengambil semula pentadbiran di peringkat wilayah dan tempatan. Ia juga menghentikan tindakan-tindakan yang keterlaluan, memberi jaminan kepada golongan sederhana, pemilik-pemilik tanah dan borjuis kecil dan berjaya mengembalikan semula keamanan dan keadilan yang dihargai oleh

⁸Sekumpulan ahli *Dong Minh Hoi* yang memberontak menyokong Viet Minh.

rakyat. Perhubungan juga dipulihkan (kecuali di Cochin China dan Annam Selatan) dan pengeluaran makanan bertambah. Tetapi masalah kewangan masih belum diselesaikan dan kerajaan terpaksa mengadakan dasar berjimat cermat. Kesulitan-kesulitan timbul disebabkan peniaga-peniaga Cina yang kaya mula lari daripada kawalan kerajaan dan meminta perlindungan Perancis berdasarkan kepada Perjanjian Perancis-China bulan Februari 1946. Beberapa kejadian yang tidak diinginkan berlaku di antara tentera Perancis dan Vietnam mengenai pengawasan kastam. *Modus vivendi* yang menegaskan prinsip penyatuan kastam dan kewangan Indo-China memberi peluang kepada pihak berkuasa Perancis bagi mengambil "tindakan mengawal". Mereka bertindak untuk mengekalkan kawalan kastam bagi menghapuskan penipuan dan melindungi mata wang piastre. Giap enggan melibatkan kerajaannya dalam kawalan ini.

Ho Chi Minh pulang ke Vietnam pada 20 Oktober. Beliau diberi sambutan meriah dan berjaya mendapatkan sokongan bagi meneruskan rundingan dengan Perancis dan mengekalkan dasar berbaik-baik dengan Perancis. Ini bererti beliau terpaksa membentuk satu kerajaan yang dianggotai oleh orang-orang yang menerima dasar ini. Oleh yang demikian V.N.Q.D.D. dan *Dong Minh Hoi* yang menolak dasar ini terpaksa dihapuskan. Pada 3 November, Ho Chi Minh mengumumkan kerajaan barunya yang dianggotai pada keseluruhannya oleh ahli-ahli *Lien Viet* dan mendapat sokongan Dewan Perhimpunan Kebangsaan yang tidak lagi mempunyai ramai ahli pembangkang. Pada 9 November, pula, dewan ini telah bersetuju menerima rangka perlembagaan tetapi menangguhkan kuatkuasa perjalanan undang-undang mengenai perlembagaan ini.

Perluasan Perang oleh Perancis

Modus vivendi Perancis-Vietnam tidak mendapat sambutan baik di Cochin China. Barisan Kebangsaan Bersatu mengecamnya kerana tidak ditetapkan tarikh referendum dan mereka merasa curiga dengan Perancis terhadap janji-janji untuk mengembalikan kebebasan demokratik. Mereka tidak nampak bagaimana Perancis dan golongan yang ingin berpisah dan Vietnam boleh memberikan kebebasan ini yang akan melemah dan menghancurkan Kerajaan Thinh. Di Saigon, golongan yang mahukan pemisahan ini bimbang jika berlaku referendum dan takut yang rancangan mereka tidak akan berjaya

kerana semakin ramai orang Vietnam yang mahukan penyatuan.

Pada 13 September, kerajaan Hanoi telah menyusun semula Jawatankuasa Pembebasan di Selatan. Jawatankuasa Eksekutif Sementara Nambo mengisytiharkan pada 22 September yang mengatakan ianya adalah "satu-satunya kuasa yang sah di Nambo". Untuk menghadapi tekanan daripada golongan "kiri" ini, Hanoi mengumumkan pada 13 Oktober, penyusunan semula jawatankuasa ini untuk melaksanakan perjanjian 6 Mac dan *modus vivendi*. Ia juga menambah yang jawatankuasa ini sahajalah yang diberi kuasa oleh Republik Demokratik Vietnam di Nambo, dan ia bertanggungjawab bagi melaksanakan segala arahan kerajaan pusat di Nambo sama ada daripada segi politik atau tentera. Jawatankuasa baru ini menyatakan kesediaannya melenyapkan sebarang komplot yang akan menghancurkan kerjasama yang jujur di antara Vietnam dan Perancis.⁹

Pada 30 Oktober,¹⁰ gencatan senjata bermula di Cochin China dan Annam Selatan seperti yang dipersetujui. Pada keseluruhannya, tentera Barisan Pembebasan Bersatu mematuhi segala arahan Nguyen Binh. Gencatan senjata ini membuktikan yang Hanoi (dan Jawatankuasa Nambo) dapat mengawal gerila-gerila di Cochin China. Cochin China yang dianggap oleh Argenlieu sebagai pangkalan Perancis di Indo-China sedang terlepas daripada tangan Perancis. Viet Minh dan penyokong-penyokongnya menguasai 3/4 daripada Cochin China, terutamanya kawasan sawah.

Kerajaan pimpinan Thinh tidak berjaya menguatkan kuasanya. Beliau sendiri lebih suka mencari persefahaman dan tidak mahu kerajaannya digunakan sebagai alat peperangan dan beliau tidak gemar menggunakan kekerasan. Tetapi pendapat beliau tidak disokong oleh rakan-rakannya yang lebih sukakan cara kekerasan. Golongan yang inginkan pemisahan Cochin China sebenarnya tidak mempunyai tapak di Cochin China. Mereka hanya terdiri daripada segolongan kecil yang berkepentingan dan sikap mereka ini dicurigai

⁹Pada hari itu juga Cedile, Pesuruhjaya Tinggi Perancis di Saigon dipanggil pulang ke Perancis.

¹⁰Ahli-ahlinya ialah: Pham Van Bach (Presiden), Pham Ngoc Thuan (Naib Presiden), Tran Buu Kiem (Setiausaha Agung), Ung Van Khiem (Dalam Negeri), Nguyen Binh (Ketenteraan), Ngo Than Nhom (Kewangan), Pham Thieu (Penerangan).

oleh rakyat. Di kalangan pegawai-pegawai Cochinchina sendiri, ada yang sudah sedar tentang niat Cecil de La Madeleine menggunakan mereka untuk melaga-lagakan orang Vietnam Utara dengan Vietnam Selatan. Tetapi mereka terpaksa berdiam diri kerana tekanan dari Surete. Semua percubaan untuk membentuk satu gerakan penyatuan yang berasingan dari Viet Minh ditolak oleh Perancis, walaupun keadaan pada masa itu membuktikan yang penglibatan penyokong-penyokong penyatuan dalam kerajaan Saigon adalah satu-satunya cara yang boleh meredakan keadaan. Dengan ini, Perancis hanya menggalakkan kemunculan orang-orang yang suka mencari peluang untuk kepentingan diri di dalam pentadbirannya di Saigon.

Perlaksanaan mengenai kawalan gencatan senjata di selatan menemui jalan buntu. Perancis enggan berunding dengan pihak-pihak lain di selatan, kecuali dengan Hanoi dan wakil-wakil tenteranya sahaja. Hanoi mengingatkan yang Jawatankuasa Eksekutif Nambo adalah diberi kuasa penuh bagi melaksanakan perjanjian tentera yang terkandung dalam *modus vivendi* itu.

Tetapi perbincangan-perbincangan mengenai perkara ini sudah tidak berguna lagi. Di Saigon, Perancis terpaksa meninggalkan dasarnya yang cuba menolong golongan pemisahan dan menggantikannya dengan satu dasar baru yang pada lahirnya adalah bercorak "penyatuan", tetapi dalam konteks politik yang berbeza. Dr. Thinh yang merasa kecewa dengan kegagalannya dan rasa bersalah kerana melibatkan rakan-rakannya dalam hal ini, telah membunuh diri pada 9 November.

Laksamana Argenlieu menganggap yang beliau memerlukan masa yang lebih bagi mengukuhkan kedudukannya dan menjalankan dasar yang lebih ketat. Perkembangan politik di Perancis juga menimbulkan kebimbangan di Saigon. Kemenangan golongan kiri dalam referendum mengenai perlembagaan 13 Oktober dan dalam pilihanraya 10 November memberi kemungkinan yang Perancis akan mempunyai kerajaan yang pro-Hanoi. Argenlieu dan pembantu-pembantunya memikirkan satu strategi bagi mengelakkan kekalahan di selatan, dan pada masa yang sama memaksakan satu penyelesaian ke atas Vietnam Utara. Pemerintahan tentera Perancis di Vietnam yakin yang mereka akan berjaya membuat persediaan untuk melancarkan perang, Julai 30 Oktober, mereka memulakan persiapan untuk mengambil Haiphong.

Argenlieu pulang ke Paris pada 13 November untuk "memberi tahu" kerajaannya. Semasa ketiadaan beliau inilah berlakunya beberapa kejadian yang tidak diinginkan di bahagian kawalan kastam. Kekacauan-kekacauan ini memberikan peluang yang ditunggu-tunggu oleh Jeneral Valluy. Pada 22 November, tentera Perancis menerima arahan bagi melancarkan serangan.

Perancis berjaya mengambil bandar Haiphong selepas pertempuran yang hebat di laut. Dalam pertempuran ini, tentera Vietnam berjaya merampas satu surat pekeliling tentang rancangan Perancis yang mahu menghapuskan pihak berkenaan di Hanoi, seperti yang pernah berlaku di Saigon dalam bulan September 1945, iaitu satu rancangan yang menyerupai rampasan kuasa.¹¹

Persengketaan Perancis-Vietnam

Setelah mengetahui rancangan Perancis dan terpaksa mengalami kekalahan di Haiphong,¹² pihak Vietnam mengambil langkah-langkah pertahanan di seluruh kawasan delta. Kumpulan nasionalis yang anti-Viet Minh menyusup masuk ke dalam kumpulan Viet Minh dan membangkitkan beberapa kejadian agar dapat melagakan Perancis dan Komunis. Tentera Perancis, seperti yang dijangkakan telah bertindak dengan segera.

Pada 30 November, Vietnam sekali lagi mengulangi hasrat rakyatnya untuk meneruskan kerjasama dengan Perancis dan meminta Parlimen Perancis agar campur tangan dan menghantar satu suruhanjaya menyiasat apa yang berlaku di Vietnam.

Tetapi di Paris, Laksamana Argenlieu telah mendapat sokongan daripada parti-parti sayap kanan yang percaya Viet Minh telah memulakan perang di Haiphong. Kerajaan pimpinan Bidault juga menyokong Argenlieu yang ingin mengadakan satu *fait accompli* di Vietnam sebelum kemunculan satu kerajaan Sosialis di Paris. Pada 12 Disember, kerajaan pimpinan L. Blum dibentuk di Paris dan ini menambahkan lagi kegentingan daripada segi ketenteraan di Vietnam.

¹¹Surat ini diterbitkan dalam satu memorandum Vietnam bertarikh 31 Disember 1946, dan isinya disahkan di Dewan Rakyat Perancis oleh Marius Moutet pada 18 Mac 1947.

¹²Mengikut sumber tentera laut Perancis pengeboman ini menyebabkan 6 000 orang awam terbunuh.

Hanoi mempunyai bukti-bukti yang cukup bagi mempercayai yang rancangan "rampasan kuasa" itu dibuat oleh Jeneral Valluy. Di dalam biro politik Viet Minh, semakin ramai ahli yang mahu supaya "perjuangan bersenjata", seperti yang dijalankan oleh Mao dilakukan¹³ agar mereka tidak menerima nasib yang sama seperti Saigon. Dengan ini persediaan bagi serangan mempertahankan diri dibuat.

Walau bagaimanapun, Ho Chi Minh masih lagi mencuba mencari penyelesaian dengan cara rundingan. Kedatangan J. Sainteny ke Hanoi dan sikap Jeneral Morliere yang sederhana memberi harapan kepada Ho. Pada 15 Disember, beliau menghantar perutusan kepada Blum, pemimpin baru Perancis menerangkan beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah.

Tetapi Jeneral Valluy masih dengan usaha-usahanya untuk meneruskan sengketa dan menggagalkan usaha untuk berunding. Pada 19 Disember, tentera Vietnam menerima arahan bertindak dan menangkap tawanan Perancis yang terdiri daripada orang-orang awam. Tetapi Perancis berjaya menundukkan serangan ini dan mengepung tentera Viet Minh di kawasan kediaman orang-orang China-Vietnam di Hanoi.

Tetapi pada 20 Disember, Perancis melancarkan serangan besar-besaran dan berjaya menguasai sebahagian besar daripada bandar Hanoi. Kerajaan Vietnam terpaksa melarikan diri ke kawasan gua di Hadong dan merayu kepada kerajaan Perancis agar menghentikan sengketa ini dan mengadakan gencatan senjata serta memulakan perbincangan.

Laksamana Argenlieu dan penasihat-penasihatnya berjaya mencapai matlamat mereka dan berjaya mempengaruhi Moutet yang melawat Indo-China bahawa kerajaan Ho Chi Minh yang dikatakan memulakan peperangan ini tidak lagi boleh dianggap layak untuk berunding dengan Perancis dan semua saranan yang dibuat olehnya dianggap sebagai propaganda dan tipu helah. Moutet tidak memahami akan hakikat sebenar rayuan-rayuan oleh Ho Chi Minh. Laksamana Argenlieu, sejak 25 Disember telah menyifatkan kerajaan Ho sebagai "bekas" pemerintah Hanoi.

Dasar baru kerajaan Perancis terhadap Vietnam dapat dilihat

¹³Ketua pasukan tentera, Hoang Quoc Viet, merupakan seorang pelampau yang sangat anti-Perancis antara ahli-ahli *Tongbo*.

dalam suatu keputusan oleh penasihat politik Argenlieu 4 Januari 1947 yang menekankan bahawa "rundingan-rundingan dengan Ho Chi Minh adalah mustahil dapat dijalankan" kerana beliau hanya "mempunyai satu tujuan": kemerdekaan Vietnam dan menentang kedatangan semula Perancis. Beliau juga menyarankan supaya konflik Vietnam ini dijadikan konflik tempatan yang akan meletakkan Viet Minh bermusuhan dengan orang Vietnam sendiri. Walau bagaimanapun beliau mengaku yang Perancis tidak akan berjaya menggugat Viet Minh jika Perancis terus mempersoalkan kemerdekaan negara Vietnam. Oleh itu Perjanjian 6 Mac bahawa Perancis mengiktiraf Vietnam sebagai sebuah negara bebas dan mempunyai kuasa dalam negerinya sendiri mestilah dihormati oleh Perancis.

Golongan yang mahu memisahkan Cochin China dari Vietnam tidak lagi penting kepada Perancis. Pentadbiran ini lebih memberikan sokongan kepada golongan nasionalis yang antikomunis. Dalam satu memorandum ada 14 Januari 1947 kepada kerajaan Perancis, Argenlieu telah menyatakan yang mereka perlu mengembalikan pemerintahan kerajaan cara lama di Vietnam.

Masalah yang timbul sekarang ialah untuk menentukan golongan manakah yang akan menang: penyokong dasar keamanan melalui rundingan ataupun mereka yang percayakan kemenangan melalui peperangan.

1. The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions. It emphasizes that every entry should be supported by a valid receipt or invoice.

2. The second part outlines the procedures for handling discrepancies between the books and the actual cash on hand. It suggests a systematic approach to identifying and resolving such issues.

3. The third part provides a detailed breakdown of the monthly financial statements, including the balance sheet and the profit and loss account.

Particulars	Debit	Credit
Balance b/d		1000
By Cash	500	
By Bank	300	
By Debtors	200	
By Creditors		100
By Balance c/d		1000
Total	1000	1000

The above table illustrates the closing balance of the cash account, showing that the total debits equal the total credits, ensuring the accuracy of the financial records.

16

PERANG DENGAN PERANCIS

JIKA kerajaan Republik Demokratik Vietnam masih lagi mempercayai pada awal Januari 1947 yang pertempuran-pertempuran yang berlaku pada 20 Disember 1946 itu adalah semata-mata kerana perselisihan faham yang boleh dirundingkan, maka sangkaannya ini meleset sama sekali. Peristiwa kali ini terkeluar dari batasan Perancis-Vietnam. Sebaik sahaja pulang ke Vietnam, Laksamana Thierry Argenlieu telah mengubah konflik tempatan antara Vietnam dengan Perancis ini kepada satu sengketa antarabangsa iaitu antara komunisme dan antikomunisme. Dalam sengketa ini, beliau percaya yang Amerika dan Rusia akan turut terlibat dan adalah menjadi tanggungjawab Perancis melindungi Vietnam daripada ancaman komunis. Beliau menekankan yang Viet Minh adalah hamba kepada komunis, dengan ini beliau percaya beliau akan dapat menjatuhkan imej Viet Minh di kalangan orang Perancis dan orang Amerika-Inggeris, tetapi lebih penting di kalangan orang Vietnam sendiri.

Keadaan politik Vietnam menolong Argenlieu menjalankan dasarnya. Semasa pemerintahannya, pihak Viet Minh telah menakutkan rakyat dengan sikap melampau yang dilakukan oleh kader-kadernya serta kerahan bagi perang yang hampir berlarutan dan penghapusan lawan-layannya. Walaupun Viet Minh merupakan satu-satunya gerakan yang boleh memenuhi cita-cita kemerdekaan rakyat Vietnam dan keadilan sosial, Viet Minh memerintah dengan cara kuku besi yang menakutkan. Ia terlalu bergantung kepada polis, *Trinh Sat* atau *Cong An*, sebagaimana Perancis bergantung kepada Surete.

Kaum intelek juga mengkritik dasar Viet Minh yang memaksa pengorbanan rakyat yang begitu berat, tanpa hasil yang setanding dengan pengorbanan ini. Mereka juga mengecam sikap Viet Minh yang mahu menyatukan negara melalui revolusi Marxis bercorak klasik, sedangkan penyatuan ini mungkin lebih mudah jika dijalankan melalui pembentukan sebuah negara Vietnam yang disokong oleh semua golongan nasionalis yang berbagai aliran politik itu. Dasar komunis yang dijalankan oleh Viet Minh telah mengasingkan Vietnam daripada segi diplomatik. Indo-China misalnya, sebagai sebuah kerajaan yang majoritinya bukan komunis, disokong oleh Britain, malah oleh Amerika Syarikat sedangkan Vietnam dibiarkan begitu sahaja tanpa bantuan sama ada China ataupun Rusia. Walaupun Rusia telah meminta Parti Komunis Perancis agar membantu Vietnam, parti itu tidak berani berbuat sesuatu yang mungkin akan menjejaskan kedudukannya dalam kerajaan Perancis.

K keadaan ini memberi peluang kepada Perancis untuk bertindak. Argenlieu yang berjaya memutuskan hubungan dialog antara menterianya dan kerajaan Ho Chi Minh,¹ cuba menghubungi tokoh-tokoh di utara sejak bulan Januari 1947 supaya bekerjasama dengan beliau. Tetapi keengganan Perancis untuk mengakui prinsip kemerdekaan Vietnam, dasar mereka di Cochin China, kekuatan pihak Vietnam dan ketakutan yang timbul serta rasa tanggungjawab daripada segi moral menyebabkan golongan nasionalis Vietnam ini bersikap berhati-hati. Tokoh-tokoh ini enggan melibatkan diri selagi Perancis tidak memberi jaminan terhadap kemerdekaan dan penyatuan Vietnam. Jaminan ini tidak dapat diberikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Perancis: Paris dan Saigon tidak mahu "melepaskan" Cochin China dan enggan memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada Vietnam mentadbirkan negara mereka. Jeneral Leclerc, selepas melawat Indo-China berkata bahawa "dasar antikomunis tidak akan mendapat sokongan selagi masalah kebangsaan ini tidak diselesaikan".

Setelah gagal mendapatkan sokongan daripada Ngo Dinh

¹Mengikut dokumen-dokumen semasa, pihak Perancis tidak mengambil berat untuk menentukan siapa sebenarnya kerajaan Vietnam yang sah setelah menurunkan tiga maharaja Vietnam dari takhta sejak tahun 1885. Pentadbiran Perancis juga mengambil sikap yang sama terhadap Ho Chi Minh.

Diem, Nguyen Manh Ha dan Putera Vinh Thuy,² Argenlieu mengalih pandangan ke arah kerajaan baru Cochin China yang dibentuk selepas kematian Dr. Thinh. Kerajaan baru ini dipimpin oleh Dr. Le Van Hoach yang lebih menyokong dasar autonomi daripada pemisahan. Pada 1 Februari 1947, Argenlieu cuba 'membeli' pemimpin baru Cochin China ini dengan memberikan lebih kuasa kepadanya, walaupun ini hanya daripada segi teorinya sahaja. Selain daripada itu, Argenlieu juga berusaha menghapuskan ancaman Viet Minh dengan meminta kebenaran dari Paris bagi menangkap kerajaan Ho yang bersembunyi di gua Hadong. Paris enggan memberi kebenaran. Argenlieu nampaknya bertindak melebihi batasan, kegiatan-kegiatan di Vietnam menimbulkan rasa tidak senang hati ahli-ahli parti sosialis dan komunis Perancis dan tidak boleh dibiarkan. Pada 5 Mac 1947, kerajaan sosialis Perancis yang dipimpin oleh Paul Ramadier telah memanggil balik Argenlieu dan menggantikannya dengan seorang ahli parlimen daripada aliran radikal-sosialis, Emile Bollaert yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi yang baru dan Pierre Messmer sebagai penasihat politiknya.

Kegagalan Usaha Damai

Kepulangan Argenlieu dan penasihat-penasihat membuktikan yang Perancis boleh menerima penyatuan dan kemerdekaan Vietnam. Ini menimbulkan harapan yang besar di kalangan kerajaan Ho Chi Minh yang perbincangan boleh disambung semula.

Sejak bulan Januari lagi, keadaan di Vietnam semakin runcing. Politik Perancis berjaya membebaskan kubu-kubu mereka yang terkepung dan mengurangkan penentangan di kawasan China-Vietnam di Hanoi. Mereka juga berjaya mengukuhkan di kawasan pelabuhan dan kawasan jalan raya Haiphong-Hanoi. Bandar-bandar di kawasan bebas juga terdedah kepada serangan Perancis, dan bekalan sukar dihantar. Perancis mempunyai kekuatan yang lebih daripada segi ketenteraan dan kebendaan dan jika Vietnam dapat

²Vinh Thuy (bekas Raja Bao Dai) yang pergi ke Chungking sebagai mewakili kerajaan Hanoi telah memilih untuk tinggal di Hong Kong dalam tahun 1946 bersama-sama dengan dua orang penyokong nasionalis lain (Phan Huy Ban dan Duinh Xuan Quang). Beliau, bagaimanapun masih mengekalkan kedudukannya sebagai penasihat kerajaan Hanoi. Dalam bulan Januari 1947, Argenlieu menghantar seorang wakil menemuiinya.

mengelak daripada mengalami kekalahan seterusnya dalam beberapa bulan yang akan datang, ia mungkin akan dapat meneruskan perjuangan yang berlarutan dan kemungkinan Perancis akan bersetuju berunding dengan Vietnam.

Tetapi jika perang yang berpanjangan ini hendak dielakkan, Vietnam mestilah mendapatkan kedudukan yang membolehkan perundingan dijalankan tanpa memberikan terlalu banyak peluang kepada Perancis. Saigon pula cuba menjadikan perang ini sebagai perang antara orang Vietnam sesama mereka dan mengambil peluang untuk menubuhkan kerajaan boneka seperti yang dilakukan dalam tahun 1885.

Sementara itu, pemimpin-pemimpin V.N.Q.D.D. dan *Dong Minh Hoi* masing-masing lari ke China dan meminta bantuan dari Kuomintang dan memohon perlindungan daripada "Warlords" di Kwangsi dan Kwantung, terutamanya daripada Chang Fa-kwei dan penasihatnya Siao Wen. Dalam bulan Januari 1947, beberapa orang pemimpin yang lari ini menghubungi Viet Minh untuk bersatu tenaga menentang kolonialisme Perancis. Pada 17 Februari, Nguyen Tuong Tam dan Nguyen Hai Than menubuhkan satu "Barisan Kebangsaan Bersatu Vietnam". Mereka telah dinasihatkan oleh Kuomintang supaya jangan rapat dengan Viet Minh. Kerajaan China katanya akan menyokong pertubuhan nasionalis antikomunis, dan mereka mestilah menubuhkan kerajaan yang bukan komunis, malah antikomunis. Tetapi pihak Viet Minh masih membuka pintu rundingan. Mereka mengundang Tham dan Tan supaya pulang ke Vietnam serta menghubungi Kuomintang dan Chang Fa-kwei untuk mendapatkan sokongan China-Amerika.

Di kalangan orang Amerika yang mempunyai hubungan dengan Kuomintang yang melihat Asia sebagai pasaran bagi barang-barang, mereka menyokong nasionalis antikomunis. Dasar *Containment* yang dilancarkan oleh Presiden Truman pada 12 Mac 1947 memberi galakan kepada golongan ini untuk mencuba "penyelesaian cara Amerika" di Vietnam.

"Barisan Kebangsaan Bersatu" yang baru ini telah menghubungi orang-orang Cao Dai³ Hoa Hao dan Dan Chu Hoi Dang,

³Ketua golongan Cao Dai di Tayninh, Pham Cong Tac yang dihantar ke Comores dalam tahun 1941 telah dibawa pulang ke Indo-China dalam bulan September 1946 dan dilantik semula ke jawatannya. Beliau bersikap berkecuali, tetapi

mereka bersidang di Canton pada 15 hingga 22 Mac 1947 dan menyatakan yang mereka sedia menarik balik sokongan mereka terhadap kerajaan Ho Chi Minh, dan bersetuju bergerak di bawah pimpinan Vinh Thuy (Bao Dai), mereka juga menyatakan yang perjuangan di Vietnam merupakan usaha beberapa parti dan bukan hanya dijalankan oleh Viet Minh sahaja. Kata mereka, Viet Minh hanya mewakili golongan komunis Vietnam (Viet Cong). Mengikut keputusan sidang ini lagi, rakyat Vietnam tidak membenci orang Perancis dan bersedia untuk bekerjasama dengan mereka jika Perancis mengiktiraf kemerdekaan Vietnam. Sebenarnya "Barisan Kebangsaan Bersatu" ini yang disokong oleh China dan Amerika cuba mendapatkan hak berunding dengan Paris yang selama ini dipegang oleh Viet Minh.

Dalam keadaan ini, kerajaan Republik Vietnam terpaksa bertindak segera untuk menyatukan kumpulan mereka dan menghubungi Saigon serta memulakan rundingan dengan Perancis. Hoang Minh Giam, seorang sosialis yang dikenali di Paris, telah dilantik menjadi Menteri Luar pada 18 Mac 1947.

Giam bertindak dengan segera. Kerajaan Ramadier menyatakan pada 3 April yang permintaan supaya diadakan pengampunan beramai-ramai akan ditimbang dan Perancis juga tidak akan melepaskan peluang untuk berunding dengan Vietnam. Giam dengan rasminya mencadangkan pada 19 April⁴ kepada Perancis supaya dihentikan semua pertempuran dan memulakan rundingan bagi menyelesaikan masalah dengan secara aman.

Tetapi perutusan Vietnam ini tidak diedarkan kepada semua anggota kerajaan Perancis.⁵ Menteri-menteri daripada parti M.R.P merasa bimbang dengan kemungkinan rundingan diadakan dengan Ho Chi Minh dan cuba mengelakkan "ancaman" ini. Menteri Perang, Paul Coste-Floret (M.R.P) pada ketika itu berada di Indo-China dan berunding dengan Jeneral Valluy dan mencadangkan kepada Valluy agar mengenakan syarat-syarat yang berat bagi

kekerasan-kekerasan yang dilakukan oleh Nguyen Binh menyebabkan beliau menyebelahi Perancis. Dalam bulan April 1947, ketua Hoa Hao, Huynh Phu So dibunuh oleh Viet Minh, ini menyebabkan golongan ini menyebelahi kerajaan di Saigon.

⁴Perutusan ini sampai di Paris hanya pada 26 April.

⁵Untuk lebih jelas lihat Vincent Auriol, *Journal du Septennat*, Paris, 1970, t.1 (1947), ms 203.

gencatan senjata. Beberapa hari selepas itu Valluy mengemukakan syarat gencatan senjata yang diterima dengan senang oleh kerajaan Ramadier yang tidak lagi mempunyai ahli-ahli daripada parti komunis (4 Mei).

Seorang liberal dan sahabat lama Vietnam, Paul Mus yang menjadi penasihat kanan kepada Bollaert diminta menghubungi kerajaan Ho bagi memberitahunya tentang syarat-syarat gencatan senjata. Beliau menemui Ho Chi Minh pada 12 Mei 1947. Seperti yang dapat diagak, Presiden Ho menolak syarat-syarat itu. "Jika kami menerima syarat-syarat ini, kami adalah penakut. Dalam Kesatuan Perancis tidak ada tempat bagi orang-orang penakut".⁶ Peristiwa ini dibesar-besarkan oleh Saigon. Pentadbiran Perancis di Saigon mengatakan mereka tidak dapat berbincang dengan Ho kerana beliau telah menolak syarat-syarat Perancis.⁷ Satu kempen dimulakan bagi memulakan rundingan dengan Bo Dai.

Walaupun pihak Perancis di Saigon (yang kebanyakannya mempunyai hubungan dengan R.P.F. parti yang baru ditubuhkan oleh Jeneral de Gaulle) bersikap menentang terhadap Ho Chi Minh. Pesuruhjaya Tinggi Perancis, Bollaert dan penasihatnya Messmer masih mencari jalan bagi menamatkan permusuhan secara damai dengan pihak Viet Minh. Mereka percaya yang semangat kebangsaan orang Vietnam adalah kuat. Rundingan yang akan diadakan akan melibatkan semua pihak di Vietnam termasuklah kerajaan pimpinan Hoach di Saigon, jawatankuasa-jawatankuasa pentadbiran dan tokoh-tokoh lama mandarin serta nasionalis-nasionalis (seperti Dr. Truong Dinh Tri dari *Dong Minh Hoi*) yang ditempatkan oleh Perancis di Hue dan di Hanoi.

Bagi mengukuhkan kedudukannya menjelang rundingan-rundingan dan menentang pengaruh "Barisan Bersatu Kebangsaan", kerajaan Ho Chi Minh telah disusun semula pada 19 Julai dengan memberi keutamaan kepada golongan bukan Marxis. Vo Nguyen Giap yang dikecam hebat oleh akhbar-akhbar Perancis sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas peristiwa 19 Disember tidak

⁶*Le Populaire*, 29 Jun (1947, *Le Monde*, 15 Mac 1949.

⁷Menteri Perang, P. Coste-Floret (M.R.P) membuat kenyataan setibanya di Paris, "Mulai saat ini, masalah ketenteraan di Indo-China tidak lagi wujud. Kita telah mencapai kejayaan sepenuhnya" (*Le Figaro*, 14 Mei 1947).

lagi menyertai kerajaan. Beliau dilantik sebagai ketua tentera Vietnam. Jawatan Menteri Pertahanan dipegang oleh Ta Quang Buu, tanpa parti, sementara Phan Anh dilantik menjadi Menteri Ekonomi dan Giam kekal di Kementerian Luar. Kerajaan baru Ho Chi Minh ini dapat meredakan sedikit kebimbangan Perancis. Ia juga membuktikan yang Ho Chi Minh mempunyai pengaruh kuat sehingga membolehkan beliau mengarahkan dasar yang lebih sederhana dan memaksakan dasarnya ke atas Viet Minh. Dalam beberapa perutusannya, Ho Chi Minh menekankan yang rakyat Vietnam ingin bekerjasama rapat dengan Perancis di dalam Kesatuan Perancis dan beliau diberitahu yang Ballaert akan membuat perisytiharan penting pada 15 Ogos, Ho Chi Minh segera menghantar cadangan baru kepada Perancis pada 11 Ogos (melalui Tran Van Giau yang menemui Gilbert, duta Perancis di Bangkok). Dalam cadangan ini, beliau mengatakan kesediaannya menerima Kesatuan Perancis dan bersetuju memberi kedudukan istimewa kepada Perancis di dalam sebuah negara Vietnam yang merdeka.

Tetapi tidak semua ahli-ahli *Tongbo* (biro politik) setuju dengan sikap golongan "sederhana" yang mahukan rundingan dengan Paris ketika politik Perancis sedang dipengaruhi dan dikuasai oleh golongan kanan dan keadaan di dunia antarabangsa yang semakin tegang dan terbahagi antara komunis dan antikomunis. Dalam tulisan-tulisan yang dimuatkan di dalam *Su That* iaitu risalah rasmi Persatuan Pengajian Marxis, Truong Chinh menyatakan yang rakyat Vietnam mestilah membuat persediaan untuk meneruskan "perang yang berlarutan" dan "perjuangan yang berpanjangan" yang akan menundukkan musuh dan memberikan kemenangan kepada perjuangan mereka.⁸

Truong Chinh melihat keadaan yang berlaku dengan jelas. Jeneral Valluy dan menteri-menteri M.R.P. yakin yang gencatan senjata akan membolehkan rundingan dibuat dengan Ho Chi Minh membuat tekanan ke atas Bollaert supaya mengumumkan kenyataan yang telah disediakan. Pada masa yang sama, orang Vietnam yang datang daripada golongan mandarin, Katolik dan juga orang Perancis daripada parti M.R.P. atau "gaullis" meminta agar Bao Dai

⁸"*La Resistance Vainera*" Baocho, 19 Sept. 1947, artikel yang diterbitkan dalam *Su That* 4 Mac-1 Ogos 1947.

kembali mengetuai kerajaan dan berunding dengannya. Satu rancangan mengembalikan Bao Dai menerajui kerajaan disediakan di Paris.⁹ Sementara itu, seorang ahli "Barisan Kebangsaan Bersatu", Tran Van Tuyen (V.N.Q.D.D.) membayangkan jika Paris mengadakan rundingan dengan Viet Minh, golongan nasionalis akan bersatu menentang Perancis dan Ho Chi Minh.

Kenyataan Pesuruhjaya Tinggi Perancis, Bollaert telah diubah sehingga ia lebih ditujukan kepada Bao Dai daripada Ho Chi Minh. Kandungannya juga diubah supaya ditolak oleh Viet Minh. Pentadbiran Perancis, mesyuarat Perancis di Indo-China dan tentera dengan disokong oleh M.R.P. tidak mahu berunding dengan Ho Chi Minh.

Putera Vinh Thuy (Bao Dai) akhirnya menerima tawaran yang diajukan kepadanya dan pada 4 September, beliau bersetuju menemui pemimpin semua parti yang ada bagi mengetahui keadaan sebenar dan membantu mereka dalam usaha mencapai keamanan yang terhormat dan berpanjangan. Banyak wakil daripada berbagai pertubuhan orang Vietnam yang datang dari China dan Vietnam sendiri menemui beliau pada 9 September.

Giam, Menteri Luar Vietnam menyatakan rasa kecewa dengan ucapan Bollaert di Hadong pada 10 September yang tidak menyebut langsung tentang kemerdekaan dan penyatuan Vietnam.

Seminggu selepas kenyataan Bollaert ini, dan disebabkan tekanan-tekanan daripada penyokong-penyokongnya mengancam pemerintahan kuku besi Viet Minh, Bao Dai telah menyatakan kesediaannya untuk berhubung dengan pihak berkuasa Perancis bagi mengkaji cadangan mereka, seterusnya untuk mendapatkan kemerdekaan dan penyatuan Vietnam. Setelah tujuan ini tercapai, tidak akan ada lagi halangan terhadap perdamaian dan beliau sendiri akan menggunakan kuasanya bagi menyelesaikan pertelingkahan yang ada sekarang kepada orang-orang Vietnam semasa sendiri. Ini bererti yang Bao Dai menawarkan dirinya untuk menjadi orang tengah dalam menyelesaikan masalah Vietnam yang hanya boleh dicapai apabila kemerdekaan dan penyatuan dipersetujui.

Kenyataan terlalu umum dan tidak menepati apa yang diharapkan oleh Perancis. Jeneral Valluy mengambil keputusan melancar-

⁹J. Rochar, "Pour en Sotiv", *Climats*, Paris, 27 Ogos 1947.

kan serangan pada 7 Oktober dengan tujuan menguasai kawasan tanah tinggi berhampiran dengan China dan menghancurkan jentera pentadbiran dan politik kerajaan Vietnam dan menangkap anggota-anggota kerajaan Ho Chi Minh. Tetapi serangan Jeneral Valluy ini tidak memberikan hasil yang besar kepada Perancis kerana tentera Viet Minh dapat mempertahankan kedudukan mereka. Pemimpin-pemimpin mereka juga berjaya menyelamatkan diri.

Serangan yang dibuat oleh Jeneral Valluy ini meyakinkan Viet Minh yang mereka tidak boleh mengharapkan rundingan dengan Perancis dan tidak ada jalan lain melainkan meneruskan "perjuangan yang berpanjangan". Strategi yang dicadangkan oleh Truong Chinh kini bertepatan dengan apa yang disuarakan oleh Mao Tze-tung.

Penentangan oleh Putera Vinh Thuy

Sebelum kenyataan 18 September, tidak seorang pun menyangka yang Bao Dai bersedia untuk memecahbelahkan gerakan pembebasan Vietnam. Beliau masih lagi dianggap sebagai "Vinh Thuy, Penasihat Agung Kerajaan Republik Demokratik". Tetapi hubungannya dengan kerajaan ini sudah tiada lagi: beliau masih menerima surat-menyurat daripada Ho Chi Minh, tetapi sejak bulan Mac, beliau menyatakan yang beliau tidak lagi ingin berunding bagi pihak kerajaannya. Dalam satu wawancara dengan sebuah akhbar Saigon dalam bulan Julai, beliau menyebut yang beliau tidak menentang Viet Minh, juga tidak bersama mereka, beliau tidak mempunyai sebarang parti. Jadi beliau boleh bertindak bagi semua pihak, asalkan mendapat mandat.

Tujuan sebenar Bao Dai masih tidak diketahui dan tiada seorang pun yang boleh mengagaknya. Ada antara bekas pegawai-pegawai kerajaan diraja yang sekarang menjadi penasihat dan tokoh-tokoh terkenal menganggap yang Bao Dai adalah seorang yang tidak banyak ragam dan senang diperalatkan. Mereka yakin yang Bao Dai boleh dipujuk untuk kembali ke arena politik sebagai simbol tradisi dan persahabatan Perancis-Vietnam.

Kesan politik dan sosial hasil daripada tindakan Perancis semakin nyata. Mereka mula memikirkan soal "penyelesaian Bao Dai" yang akan menempatkan sebuah rejim yang melibatkan golongan konservatif Vietnam (mandarin dan borjuis) dan memberikan ke-

untungan kewangan dan penghormatan kepada mereka pada masa yang sama ia juga akan menjamin dan mengekalkan kepentingan Perancis. Dasar ini sama seperti yang pernah dibuat dalam tahun 1932 iaitu "pembaharuan" bagi Vietnam. Keadaan politik di Vietnam selepas 1945 adalah sesuai bagi satu "rejim Bao Dai" yang tentunya akan bersikap menentang Viet Minh dan akan disokong oleh golongan pemilik tanah, pegawai-pegawai, mandarin, borjuis berpengaruh Barat dan kumpulan-kumpulan agama terutamanya Katolik,¹⁰ serta parti politik dengan antikomunis.

Golongan nasionalis Vietnam terbahagi kepada dua kumpulan: satu kumpulan yang pro-Perancis (mereka yakin yang rundingan dengan Paris akan menghasilkan kemerdekaan Vietnam), kumpulan kedua ialah yang pro-Amerika. Kumpulan pro-Amerika ini yang dipimpin oleh Ngo Dinh Diem mengharapkan pertolongan Amerika untuk membebaskan Vietnam daripada pengaruh Perancis.

Golongan Sayap Kanan Perancis menganggap Bao Dai ini tidak lebih daripada "alat perang" menentang Ho Chi Minh dan kumpulan pro-Amerika. Bagi sosialis Perancis, Bao Dai mewakili kumpulan feodal dan gereja. Orang Sosialis Perancis tidak mahu melihat wakil M.R.P., R.P.F. dan gereja di meja rundingan dengan Perancis, jadi mereka mencadangkan pembentukan "Third Force" di Vietnam yang boleh menggantikan Bao Dai dan Viet Minh. Jika ia terpaksa menyokong Bao Dai, maka "Bao Dai Solution" ini tidaklah dipandang terlalu "reaksioner".

Dalam bulan September 1947, bekas Naib Presiden Kerajaan Autonomi Cochin China, Jeneral Xuan kembali ke Saigon dan dilantik menjadi presiden menggantikan Le Van Hoach. Sebagai membuktikan beliau menentang pemisahan Cochin China, beliau mengemukakan satu dasar baru dan menggantikan sebutan "Republik Autonomi Cochin China" dengan "Kerajaan Vietnam Selatan". Seterusnya beliau menghubungi Republik Demokratik dan Bao Dai, tetapi mendapat sambutan dingin.

Republik Demokratik Vietnam memerhatikan kegiatan Bao Dai dengan rasa curiga dan bimbang. Kerajaan Ho Chi Minh mahu

¹⁰Isteri Bao Dai, Nam Phuong adalah beragama Katolik. Ini merupakan salah satu sebab golongan Katolik yang mempengaruhi M.R.P menyokong "penyelesaian Bao Dai", di samping membebaskan Vietnam daripada pengaruh Marxisme.

melihat bagaimana perkembangan seterusnya di Vietnam akibat daripada sikap Bao Dai ini. Jika keadaan mengizinkan, Bao Dai mungkin mendapat kemerdekaan yang sebenarnya bagi Vietnam dari Perancis. Usahnya ke arah penyatuan akan dikenang oleh rakyat. Apabila kemerdekaan dan penyatuan tercapai, Bao Dai tentu akan membentuk satu persetujuan "Bao Dai - Ho Chi Minh mungkin dicapai". Tetapi penyelesaian Bao Dai ini adalah perkara yang rumit, dan mereka mestilah berhati-hati dan mengambil sikap yang tidak terlalu gopoh.

Bao Dai menerima jaminan Perancis yang Perancis hanya akan berunding dengan beliau dan tidak dengan Ho Chi Minh. Bao Dai menemui E. Bollaert, Pesuruhjaya Tinggi Perancis pada 7 Disember 1947 di Teluk Ha Long. Satu pengisytiharan bersama dibuat dan perjanjian sulit disediakan. Setelah mendapat jaminan tentang kemerdekaan Vietnam dan janji yang Perancis tidak akan menentang penyatuan Vietnam, Bao Dai menerima hampir semua cadangan Perancis dalam hal-hal ketenteraan, ekonomi dan kebudayaan. Tetapi perjanjian dengan Perancis ini tidak dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin nasionalis. Bao Dai merasakan dirinya telah ditipu dan terus berangkat ke Eropah dengan harapan Paris akan bersikap lebih bertolak ansur daripada Saigon.

Tetapi harapannya meleset. Kerajaan Perancis, seperti juga wakilnya di Saigon enggan mengubah perjanjian yang dibuat di Teluk Ha Long. Pada 26 April 1948, Bao Dai terpaksa bersetuju membentuk "kerajaan pusat sementara" yang akan dipimpin oleh Jeneral Xuan. Pada pendapatnya, tujuan utama kerajaan ini ialah menyatukan Vietnam. Jika Perancis tidak mahu memberikan "kemerdekaan", sekurang-kurangnya mereka ingin melihat sejauh manakah Perancis jujur dalam dasar mereka untuk memberikan tanggungjawab kepada orang Vietnam. Ini bererti kerajaan Xuan mempunyai tugas utamanya untuk mengadakan satu *modus vivendi* yang terhad dengan Perancis tetapi yang dapat dilaksanakan dengan segera bagi membolehkan orang Vietnam mengambil alih tugas tertentu.

Perancis menerima penyelesaian ini dan pada 25 Mei 1948, Jeneral Xuan membentuk "kerajaan pusat sementara" Vietnam. Kerajaan ini dianggotai oleh wakil-wakil ketiga-tiga wilayah (Ky) - selatan, utara dan tengah. Wakil-wakil ini terdiri daripada anggota-

anggota kerajaan sementara Vietnam Selatan (Saigon), Jawatan-kuasa Pentadbiran Annam (Hue) dan Utara (Hanoi) yang dibentuk oleh Perancis sebelum ini.

Kerajaan baru ini menandatangani perjanjian 5 Jun 1948 dengan Perancis di Teluk Ha Long. Ia merupakan perjanjian yang menentukan hubungan Perancis-Vietnam seterusnya. Perjanjian ini tidak diumumkan, hanya sebuah kenyataan baru saja dibuat. Antara kandungannya ialah Perancis mengakui kemerdekaan Vietnam yang bebas menentukan penyatuan negara itu, sementara Vietnam pula bersetuju memasuki Kesatuan Perancis dan Kemerdekaan Vietnam tidak terhad melainkan apa yang disyaratkan ke atasnya sebagai anggota Kesatuan Perancis.

Masalah sekarang ialah untuk menentukan pihak manakah yang akan berjaya mencapai kemerdekaan bagi Vietnam dan sama ada rundingan dapat dicapai antara kerajaan Ho Chi Minh dan "Kerajaan Pusat Sementara" yang dibentuk itu.

Kerajaan Xuan ini menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Pihak berkuasa Perancis di Saigon enggan memberikan kuasa kepadanya sebelum kepulangan Bao Dai. Masyarakat Perancis dan mandarin di Cochin China enggan melepaskan autonomi wilayah mereka untuk digantikan dengan penyatuan seluruh Vietnam dan mereka cuba menyekat pelaksanaan perjanjian ini. Golongan nasionalis pula melihat Xuan sebagai ejen Perancis dan menentang beliau. Kerajaan Pusat Sementara ini mendapati dirinya tanpa kuasa dan sokongan politik dan hanya bergantung kepada pentadbiran Perancis. Perjanjian 5 Jun ini dianggap sebagai satu penipuan dan tipu muslihat Perancis. Bagi rakyat Vietnam, tindak tanduk Perancis ini membuktikan yang dasar mereka tidak berubah dan perjuangan menentang penjajah mestilah diteruskan.¹¹

Keadaan ini memberi peluang kepada Viet Minh untuk menjalankan propagandanya. Bagi Viet Minh adalah jelas yang Perancis tidak berniat untuk memenuhi janji-janjinya dan hanya berminat untuk meletakkan kerajaan boneka. Oleh yang demikian, hanya perjuangan bersenjata sahaja yang akan dapat menundukkan Perancis. Konflik ini semakin berpanjangan dan semakin tegang, dengan ini

¹¹Golongan Binh Xuyen dan ketuanya Le Van Vien bersetuju menghentikan perperangan dan menyokong kerajaan Xuan dari mendapat beberapa keistimewaan.

pihak Viet Minh berpeluang mengukuhkan kedudukannya sebagai "gerakan rakyat patriotik" serta menjatuhkan golongan "sederhana" dan meningkatkan semula tindakan politik dan ketenteraannya.

Mulai bulan Jun 1948, Bao Dai telah datang tinggal di Perancis. Kerajaan Perancis ingin supaya beliau pulang secepat mungkin di Vietnam mengetuai "kerajaan sementara" agar beliau dapat memujuk Viet Minh supaya menyokong kerajaan ini. Kerajaan Paris tidak mahu berbincang dengan Bao Dai selagi beliau tidak pulang ke Vietnam. Kepulangannya ke Vietnam menjadi lebih mendesak disebabkan keadaan di China. Bao Dai memberitahu yang beliau tidak menyerahkan Cochin China kepada Vietnam dan Perjanjian Teluk Ha Long digantikan dengan perjanjian lain yang lebih liberal. Kemerosotan keadaan di Indo-China memaksa kedua belah pihak mengadakan satu tolak ansur yang juga digalakkan oleh Amerika. Perubahan Kerajaan di Paris dan perlantikan Lo Pignon bagi menggantikan E. Bollaert membolehkan rundingan-rundingan diadakan pada akhir bulan Oktober 1948.

Walau bagaimanapun, Perancis dan Bao Dai terpaksa mengambil masa selama 4 bulan untuk menghasilkan perjanjian pada 8 Mac 1949 (antara Bao Dai dan Auriol, Presiden Perancis). Di dalam perjanjian ini Perancis sekali lagi mengakui kemerdekaan Vietnam, tetapi kemasukannya di dalam Kesatuan Perancis menghadkan kemerdekaan ini terutama dalam hal-hal diplomatik, ekonomi dan ketenteraan. Vietnam juga akan disatukan ke dalam kesatuan kewangan dan kastam bersama Kemboja dan Laos, institusi-institusi bersama akan dibentuk bagi menyelaraskan kepentingan ketiga-tiga negara itu dan Perancis.

Pada 10 April, Dewan Perhimpunan Cochin China ditubuhkan melalui pengundian oleh 7 000 orang Perancis dan 1 000 orang Vietnam. Dewan ini kemudian mengundi pada 23 April bagi mencantumkan semula Cochin China yang selama ini merupakan sebuah jajahan Perancis kepada Vietnam. Pada 24 April, Bao Dai meninggalkan Perancis menuju Dalat.

Kepulangan Bao Dai ini tidak mendapat sambutan daripada segi politik. Selain daripada golongan Cao Dai, tidak ada satu parti atau pertubuhan yang menyambut kepulangannya dan membantunya supaya tidak terlalu bergantung kepada Perancis. Beliau tidak

disukai. Penyokong-penyokongnya hanya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kepentingan diri. Golongan-golongan lain, terutama kaum intelek bersikap dingin, malah ada yang mengancamnya dan perjanjian yang ditandatangani dengan Perancis itu tidak meninggikan martabat beliau, juga tidak menghapuskan imejnya sebagai "ciptaan" Perancis.

Walaupun terdapat tekanan-tekanan, Bao Dai tidak mahu mengecam gerakan pembebasan. Beliau terlebih dahulu ingin mengukuhkan apa yang telah diberi oleh Perancis dan membentuk sebuah kerajaan yang benar-benar bersifat Vietnam, bebas bertindak dan berkemampuan serta mendapat sokongan semua pihak. Kerajaan ini akan dijadikan sebuah kerajaan nasionalis, mempunyai tenteranya dan akan menyusun pentadbiran negara atas dasar penyatuan dan memerangi cita-cita pemisahan. Keanggotaan kerajaan ini masih terbuka. Pada 1 Mei 1949, Jeneral Xuan membuat pengumuman di Dalat, selepas menemui Bao Dai, iaitu kemasukan Ho Chi Minh ke dalam kerajaan yang akan ditubuhkan masih terbuka. Ia bergantung kepada bukti yang boleh diberikan oleh beliau tentang kejujuran sentimen kebangsaannya.

Leon Pignon, pentadbiran Perancis dan tentera bimbang dengan sikap "berkecuali" Bao Dai dan mereka mahu supaya beliau mengambil sikap anti Viet Minh. Mulai bulan Mei, Pignon memberitahu yang kuasa Perancis ke atas Vietnam hanya akan diberikan kepada sebuah kerajaan yang dipercayai oleh Perancis.

Bao Dai tidak lagi dapat meneruskan hasratnya untuk menjadi "orang tengah". Beliau hanya boleh bertindak dengan menerima keadaan yang ada dan menunggu masa yang sesuai bagi mendapatkan kedaulatan negaranya. Beliau mengambil keputusan mengekalkan Xuan mengetuai kerajaan dan berbaik-baik dengan S.F.I.O. (Parti Sosialis Perancis) dan menggunakannya sebagai benteng terhadap M.R.P.

Pada 2 Julai 1949, Bao Dai mengumumkan pembentukan "negara Vietnam" dan menjadi ketua negara tanpa sebarang pengesahan. Dengan pembentukan "negara Vietnam" ini, maka "peranan sebagai orang tengah" atau "penentangan" yang selama ini dimainkan oleh Bao Dai telah berubah. Bagi menghadapi Republik Demokratik dan kerajaan, Bao Dai dengan sokongan Perancis cuba mendapatkan satu identiti baru dan juga undang-undang bagi nega-

ranya. Beliau telah menjadi seorang penentang, tetapi masih disokong oleh musuhnya pada waktu itu, iaitu "Parti Sayap Kanan Perancis".¹² Walaupun beliau telah membuat satu perisytiharan bagi mengurangkan kebimbangan, ia tidak dapat merapatkan jurang yang timbul akibat daripada tindakannya itu.¹³

Dunia Komunis Menghadapi Pemberontakan Bao Dai

Kemenangan komunis di negeri China telah memberi kesan terhadap keadaan di Vietnam. Tentera-tentera Mao Tse-tung berjaya menguasai bandar Shanghai pada akhir bulan April, dan tiba di China Selatan. Mereka dijangka sampai ke sempadan Vietnam dalam beberapa bulan sahaja. Memandangkan keadaan inilah, maka Amerika dan Perancis memikirkan perlunya menjadikan Vietnam sebagai sebuah kubu pertahanan menentang komunis Ho Chi Minh yang disokong oleh Mao Tse-tung dan mestilah ditentang habis-habisan seperti yang dilakukan terhadap pemberontakan komunis di Grece.

Kerajaan Hanoi tidak lagi mahu bertolak ansur. Mereka bersedia untuk melancarkan perang habis-habisan. Golongan "Mao" dalam pucuk pimpinan Viet Minh lebih berpengaruh daripada golongan "pro-Barat". Keputusan yang diambil oleh *Tongbo* (biro politik parti) pada 7 Mac 1946 tidak lagi dapat diteruskan.¹⁴ Pada 9 Julai, Pham Ngoc Thach, Ketua Pembebasan di selatan, telah mengecam Bao Dai sebagai "boneka yang diperalatkan oleh musuh", dan seterusnya menyatakan "Hari-hari yang gelap akan berakhir dengan kemenangan tentera China dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia. Peperangan menentang Perancis akan memasuki peringkat penentuan ..." Pada 7 Ogos, perwakilan Republik Demokratik Vietnam yang ditempatkan di Paris sejak bulan Julai 1946 telah menghentikan kegiatan mereka. Pada 21 hari bulan, pula radio Viet Minh membayangkan yang "pengaruh Marxis" mempunyai peranan penting dalam propaganda mereka. Pham Van Dong,

¹²Lihat ms 816.

¹³Lihat ms 816 Bao Dai berkata: "apabila rakyat berpeluang menyatakan hasrat mereka dengan bebas, perjanjian 8 Mac itu akan dikaji daripada segi perlembagaan dan rakyat akan menentukan status politik negara."

¹⁴Rujuk ms 816.

walau bagaimanapun telah dilantik menjadi naib presiden negara dan dalam majlis tertinggi pertahanan negara. Dalam bulan Ogos, Ho Chi Minh memberitahu seorang wartawan Amerika bahawa beliau masih boleh berkecuali ataupun mengambil sikap separuh berkecuali dalam hubungan antara dua blok. Beliau juga percaya yang Vietnam berupaya menolak percubaan-percubaan kuasa-kuasa besar mengikut Ho, Vietnam "mencari jalannya sendiri untuk mencapai kemerdekaannya. "Dalam satu temuramah lain dalam bulan Disember 1949, Ho Chi Minh mengulang kata-katanya bahawa Vietnam boleh berkecuali jika berlaku perang antara Rusia dan Amerika. Beliau juga menyatakan yang beliau bersedia berunding dengan Perancis dengan syarat Perancis mengiktiraf kesatuan dan kemerdekaan sebenar Vietnam serta pengunduran tentera Perancis. Pada 19 Disember, beliau menyatakan dalam satu siaran radio bagi memperingati ulang tahun yang ketiga "pemberontakan". "Dengan disaksikan oleh seluruh dunia, saya mengisytiharkan yang rakyat Vietnam sedia bekerja sama dengan rakyat Perancis. Rakyat Vietnam bersumpah tidak akan membenarkan diri mereka diperhambakan dan akan menentang habis-habisan tentera penjajah Perancis sehingga tercapainya penyatuan negara dan kemerdekaan".

Keputusan Perancis untuk menyerahkan semula kedaulatan Vietnam pada 30 Disember 1949¹⁵ memberi peluang kepada kerajaan Republik Demokratik mengukuhkan kedudukannya di peringkat antarabangsa. Hanoi tidak menganggap yang penyerahan ini dibuat antara Perancis dan Bao Dai. Perjanjian 30 Disember itu merupakan perjanjian yang melibatkan Perancis dengan Vietnam. Vietnam pula mempunyai hanya satu kerajaan yang sah, iaitu kerajaan pimpinan Ho Chi Minh. Pada 14 Januari 1950, Menteri Luar Vietnam, Hoang Minh Giam mengeluarkan nota menyatakan yang kerajaannya sedia mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara "atas dasar persamaan dan sama-sama menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah Vietnam". Hanoi juga mengumumkan yang kerajaan Vietnam mengiktiraf Republik Rakyat China (yang

¹⁵Perancis dan Bao Dai telah menandatangani perjanjian pada 30 Disember 1949. Dalam perjanjian ini pihak Perancis menyerahkan kedaulatan negara Vietnam kepada kerajaan negara itu.

diisytiharkan pada 1 Oktober 1949 di Peking).

Perancis mengkaji semula keadaan di Vietnam selepas lawatan oleh Jeneral Revers dari angkatan tentera Perancis dalam bulan Mei 1949. Jeneral Revers membuat kesimpulan bahawa kemenangan komunis di China akan memberi peluang bagi Ho Chi Minh melancarkan serangan terhadap tentera Perancis di utara. Oleh yang demikian, Tonkin mestilah dipertahankan dengan segera. Ini memerlukan tambahan tentera dan bekalan senjata (sementara tentera Vietnam menjalankan gerakan "pembersihan"). Ia hanya dapat dilakukan dengan bantuan Amerika. Bagi mendapatkan sokongan ini, perang Indo-China mestilah disesuaikan ke dalam rancangan strategi Amerika. Permintaan Perancis disambut baik oleh Washington. Amerika mahukan supaya Perancis menyerahkan kuasanya kepada Bao Dai dan Vietnam mestilah ditonjolkan sebagai sebuah negara yang benar-benar merdeka bagi mengelakkan ciri-ciri penjajahan di dalam perang ini. Washington dan London bersetuju akan mengiktirafkan Bao Dai apabila mereka berpuas hati dengan kemerdekaan negara Vietnam.

Permintaan yang dibuat oleh Perancis kepada Amerika ini memberi kesan kepada pergolakan dan "perang dingin" yang sedang berlaku antara dua blok. Pada 16 Januari 1950, kerajaan Peking mengambil keputusan mengiktiraf Republik Demokratik Vietnam. Pada 30 Januari, kerajaan Rusia juga mengiktiraf kerajaan ini.

Dalam bulan Disember 1949, tentera China di bawah pimpinan Lin Piao tiba di sempadan Vietnam. Hubungan antara tentera China dan Vietnam dengan segera diadakan. Rundingan-rundingan diadakan di Nanning dalam bulan Februari. China akan memberi bekalan senjata yang moden kepada Vietnam serta melatih kader-kadernya. Kerjasama antara China dan Vietnam ini berjalan dengan cepat dan cekap.

Sejak tahun 1947, tentera rakyat Vietnam tidak pernah mencuba untuk berhadapan dengan tentera Perancis. Giap hanya menumpukan kepada perang gerila bagi menyekat Perancis daripada meluaskan kawasan mereka. Untuk tujuan ini, beliau dengan teliti telah melibatkan penduduk Vietnam, melatih mereka serta membekalkan mereka dengan senjata dan mengarahkan mereka kepada perang gerila. Barisan Kebangsaan *Lien Viet* yang juga dianggotai

oleh Viet Minh memainkan peranan penting dalam mobilisasi ini. Dalam beberapa bulan sahaja (1947-1948), *Lien Viet* berjaya "melibatkan penduduk di dalam perang" dan menjadikan peperangan menuntut kemerdekaan ini sebagai peperangan rakyat. Mulai akhir tahun 1948, keadaan politik menjadi lebih beruntung kepada mereka dan pasukan gerila ini melancarkan serangan-serangan. Mereka mendapat kejayaan penting, terutama di kawasan Annam Tengah (Hue-Quangtri) yang di bawah kawalan Nguyen Chi Thanh.

Tetapi tindakan gerila sahaja tidak mencukupi untuk menentukan keputusan, walaupun ia boleh menyekat kemaraan Perancis. Penentuan hanya dapat dibuat oleh kekuatan tentera biasa. Sejak 1947, Giap melengkapkan tentera Vietnam. Tanpa bantuan luar, beliau tidak boleh meneruskan "perang yang berlarutan". Bantuan dari negara China membolehkan beliau menubuhkan pasukan yang lebih besar, membuat persiapan bagi "serangan balas secara besar-besaran" yang merupakan tahap terakhir dan penentuan dalam perang ini.

Peluang bagi Giap melancarkan serangan terbuka mulai September 1950. Dengan bantuan lebih daripada lima puluh batalion, beliau menyerang pasukan Perancis yang terletak di sepanjang sempadan dengan China, iaitu dari Cao Bang hingga ke Tien Yen. Serangan mengejut ini menyebabkan tentera Perancis terpaksa berundur dari kawasan sempadan Cao Bang-Langson serta dari kawasan Langson itu sendiri ke kawasan delta. Seluruh kawasan bersempadan dengan China kini dikuasai oleh tentera Republik Demokratik Vietnam. Giap melancarkan serangan ke atas Hanoi melalui Mao Khe dan Vinh Yen. Tetapi serangan ini dapat dipatahkan oleh tentera Perancis yang di bawah ketua yang baru, iaitu Jeneral de Lattre de Tassigny (Januari 1951). Kekalahan ini jelas menunjukkan yang keadaan masih terlalu awal untuk melancarkan satu "serangan balas secara besar-besaran".

Sementara itu Bao Dai dan penyokong-penyokongnya dengan bantuan Perancis cuba menguatkan ciri-ciri kebangsaan kepada negara Vietnam yang di bawah penguasaan mereka. Nguyen Phan Long dilantik menjadi presiden dalam bulan Januari 1950 dengan harapan perlantikan ini akan dapat menarik Amerika ke pihak Vietnam kerana beliau terkenal sebagai pro-Amerika. Amerika Syarikat dan Britain telah mengiktiraf "negeri-negeri Indo-China"

pada 7 Februari 1950 dan menubuhkan misi masing-masing di Saigon, Dalat dan Hanoi. Walau bagaimanapun, ketibaan kapal perang Amerika di Saigon pada 19 Mac 1950 telah mencetuskan tunjuk perasaan yang menentang kedatangannya. Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Perancis dengan segera meminta supaya Nguyen Phan Long diundurkan. Penggantinya, Tran Van Huu, menjalankan dasar yang lebih realistik dan sederhana.¹⁶

Kemerosotan kedudukan mereka daripada segi ketenteraan menyebabkan Perancis menimbang permintaan Bao Dai bagi menubuhkan pasukan tentera Vietnam, tetapi ditangguhkan sehingga serangan oleh Giap dilakukan dan keputusan Jeneral de Lattre yang juga menjadi Pesuruh Jaya Tinggi diterima. Kali ini pihak Perancis tidak lagi menjadikan pasukan yang dianggotai oleh orang Vietnam itu hanya sebagai pasukan pembantu, tetapi secara terang-terang menukarkan perang itu kepada "peperangan orang Vietnam", melalui penubuhan pasukan tentera Vietnam. Ia bertujuan menggantikan tentera Perancis secara beransur-ansur, seterusnya menghapuskan "pemberontakan Viet Minh" (sic) dan tenteranya. Dalam bulan Julai 1951, Bao Dai mengumumkan mobilisasi tentera, sementara Jeneral de Lattre berunding di Washington bagi mendapatkan bekalan senjata dari Amerika untuk keperluan tentera Bao Dai yang sedang dibentuk itu. Perdana Menteri Vietnam, Tran Van Huu, menandatangani satu perjanjian dengan Jepun atas nama Vietnam. Negara Vietnam di bawah pimpinan Bao Dai ini semakin rapat dengan blok "barat" yang dipimpin oleh Amerika yang sedang melibatkan diri dalam peperangan di Korea sejak bulan November 1950.

Penolakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap usaha damai oleh China dan pengisytiharan yang China merupakan pihak yang melancarkan perang di Korea meruncingkan lagi hubungan antara kedua-dua blok. Keadaan ini memberi kesan ke atas Vietnam. Kumpulan pro-China dalam pucuk pimpinan Viet Minh sekali lagi menguasai pimpinan Hanoi. Vietnam bergantung sepenuhnya kepada bantuan tentera dari China dan dengan ini persahabatan dengan China tidak dapat dipertikaikan. Vietnam mengambil sepe-

¹⁶"Peristiwa jeneral" yang timbul selepas kebocoran dalam laporan Revers digunakan oleh M.R.P. untuk menentang S.F.I.O. mengelakkan tekanan ini dengan membongkar "penyeludupan mata wang piastes" di kalangan orang Bao Dai.

nuhnya contoh dari China. Pada 19 Februari 1951, Barisan Viet Minh dimansuhkan dan diterapkan ke dalam *Lien Viet*, iaitu "Barisan Kebangsaan Bersatu" mengikut istilah Maois. Pada 3 Mac pula, Parti Komunis yang bergerak secara sulit sejak 1945 ditubuhkan secara rasmi di bawah nama *Dang Lao Dong Viet Nam* (Parti Pekerja-pekerja Vietnam) dan Truong Chinh (Dang Xuan Khu) yang pro-China di lantik menjadi setiausaha agung parti. Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Parti Komunis China (tentera Liou Chao Chi). Truong Chinh menegaskan yang parti adalah urusan dalam revolusi Vietnam pemimpin rakyat dan dengan itu diberi tanggungjawab memimpin negara. Gerakan pembersihan segera dilancarkan di setiap peringkat bagi menghapuskan golongan yang dianggap "nasionalis borjuis", "penyeleweng-penyeleweng" ataupun orang-orang yang dicurigai. Dengan ini, "golongan kiri" sekali lagi menguasai parti.

Dasar yang dijalankan oleh Truong Chinh dan penyokong-penyokongnya telah menimbulkan perpecahan dalam gerakan pembebasan Vietnam ini. Cara-cara yang keras dan tidak teliti menyebabkan timbulnya penentangan terhadap mereka. Kesalahan ini menyebabkan beribu-ribu orang yang ditindas oleh parti lari meninggalkan kawasan yang dikuasai oleh kerajaan Hanoi menuju ke kawasan yang dikuasai oleh Bao Dai. Mereka menjadi orang-orang yang antikomunis dan bersedia berjuang menjadikan Vietnam negara yang betul-betul "nasionalis". Selepas tahun 1951, "golongan kiri" Vietnam ini telah dipergunakan oleh golongan kanan Vietnam serta orang-orang yang pro-Amerika.

Kesan daripada perkembangan ini dapat dirasakan sehingga ke selatan, tempat yang hubungan masih sukar. Gerakan pembersihan ini juga telah mengorbankan Ketua Gerakan Tentera Pembebasan di selatan, Nguyen Binh. Beliau terkorban dalam satu serangan Perancis sewaktu dalam perjalanan ke utara selepas dipanggil untuk memberi penjelasan tentang kegiatan dan cara-cara beliau bertindak. Beliau digantikan oleh seorang komunis yang ortodoks, Le Duan.

Sementara itu, Giap melengkapkan tenteranya dan melancarkan beberapa operasi penting. Dalam bulan September 1951, beliau melancarkan serangan di kawasan yang didiami oleh kaum Thai dan mara ke kawasan Nghia Lo. Beliau menghadapi tentangan yang

hebat daripada pasukan tentera Perancis yang dipimpin oleh Jeneral de Lattre di kawasan Hao Binh, tetapi beliau juga mengambil kesempatan untuk menyusupkan beberapa kumpulan gerila ke kawasan delta Sungai Merah. Kematian Jeneral de Lattre dalam bulan Januari 1952 mengakhiri kegiatan politik dan ketenteraan yang aktif oleh Perancis di Indo-China. Pengganti-pengganti beliau tidak berjaya meneruskan kegiatan ini ke tahap yang sama walaupun mereka mendapat sokongan dari Amerika dan tertubuhnya tentera kerajaan Bao Dai. Giap berjaya menguasai kawasan yang didiami oleh kaum Thai (akhir 1952) dan di utara Laos (1953). Beliau berjaya membahagi-bahagikan tentera Perancis ke beberapa kawasan dan kemudiannya mengambil kesempatan untuk menempatkan gerila-gerila di delta yang menjadi kawasan operasi terpenting bagi mereka. Pada akhir 1953, tentera kerajaan Hanoi menguasai tiga perempat daripada kawasan delta ini.

Kejayaan ini pada sebahagian besarnya disebabkan oleh "mobilisasi rakyat" yang diumumkan pada 12 April 1953. Ini diikuti oleh penyusunan mengenai pembaharuan pertanian melalui akta 20 Mei 1953. Pada peringkat ini, pihak komunis cuba menggolongkan penduduk desa dalam beberapa kategori (pemilik tanah, petani kaya, sederhana dan miskin, pekerja pertanian) sebelum menjalankan dasar pembahagian tanah. Pengelasan ini yang ditiru daripada China telah menimbulkan beberapa pertikaian politik.

Dien Bien Phu

Kerajaan Bao Dai yang dikuasai oleh Perancis dan diseretkan ke dalam perang tidak berjaya mengukuhkan kedudukan mereka dan tidak mendapat sokongan rakyat. Bao Dai telah membentuk sebuah "kabinet diraja" dan menetapkan garis kasar mengenai dasar yang diambil oleh kerajaannya. Tetapi kerajaan ini hanya bertanggungjawab kepada "Ketua Negara" dan tidak kepada Dewan Perhimpunan. Dari tempat kediamannya di Dalat dan Ban Me Thout, Bao Dai menentukan masa depan menteri-menterinya, juga dari sanalah munculnya pakatan dan tekanan-tekanan yang boleh menyebabkan seorang itu dilantik ataupun dibuang. Rejim Bao Dai ini telah menjadi sebuah pemerintahan bercorak Istana yang terputus hubungannya dengan rakyat jelata.

Bao Dai dan kabinetnya seolah-olah mengelak daripada mem-

benarkan sebarang orang Vietnam yang boleh mengancam kedudukan mereka, sama ada dalam bentuk parlimen ataupun kongres, sebuah kerajaan yang kuat, ataupun parti politik yang teguh. Dasar Bao Dai pada hakikatnya bertujuan pecah perintah dan melagakan golongan-golongan yang bertentangan seperti juga Perancis. Bao Dai bergantung kepada golongan "feudal" untuk mendapatkan sokongan: ketua-ketua mazhab Cao Dai, Hoa Hao dan Binh Xuyen (yang mempunyai tenteranya sendiri), golongan mandarin dan ahli-ahli politik yang mempunyai kepentingan.

Sejak mula lagi, rejim ini tidak mempunyai peluang untuk mendapat sokongan rakyat, dan dengan ini menerima kekalahan dalam perang. Ini telah pun dibayangkan oleh golongan nasionalis anti-komunis sejak tahun 1952. Kemenangan komunis di China menyebabkan saki-baki ahli V.N.Q.D.D lari ke Vietnam dan juga pembentukan Parti *Dai Viet* yang dianggotai oleh orang-orang yang anti-Viet Minh. Orang-orang Katolik pula mengambil sikap anti-komunis mulai akhir 1950 dan menyokong rejim Bao Dai, walaupun mereka lebih memberi kepercayaan terhadap dua nasionalis dan penganut agama Katolik yang setia, iaitu Ngo Dinh Diem dan saudaranya Nhu. *Dai Viet* yang dipimpin oleh Phan Huy Quat, golongan Katolik yang dipimpin oleh Ngo Dinh Diem dan golongan "republikan" pimpinan Phan Quang Dang telah menghubungi badan perisik Amerika mulai 1952 (O.S.S.) telah bertukar menjadi C.I.A. dalam tahun 1947, (*Central Intelligence Agency 1953*) dan berjaya mendapatkan sokongan Amerika bagi memaksa Perancis mengubah dasar mereka di Vietnam.¹⁷

Serangan yang dilancarkan oleh Giap pada musim bunga 1953 dan peningkatan bantuan China terhadap Vietnam memaksa Perancis meminta Amerika menambahkan bantuan mereka. Paris telah menyediakan satu rancangan operasi tentera bertujuan menghancurkan tentera Giap dan seorang ketua baru dilantik, iaitu Jeneral Navarre untuk menjalankan operasi ini. Amerika Syarikat

¹⁷Dalam tahun 1953, Ngo Dinh Nhu membentuk satu barisan kebangsaan yang mengumpulkan kumpulan *Dai Viet*, V.N.Q.D.D., Katolik, nasionalis-nasionalis yang lari dari kawasan Viet Minh dan kumpulan-kumpulan lain di selatan. Seorang ejen C.I.A., Lansdale yang memainkan peranan penting menentang pemberontakan Huk di Filipina telah menghubungi *Dai Viet* di Hanoi, C.I.A juga telah menyebabkan pelarian satu kumpulan Cao Dai pimpinan Trinh Minh The ke selatan.

yang menanggung separuh daripada perbelanjaan perang di Indo-China mempengaruhi Perancis dalam perang memutuskan yang ia berhak menentukan dasar perang ini daripada segi politik dan ketenteraan. Kerajaan Paris diberitahu yang bantuan Amerika akan diberi hanya jika Perancis memberikan kemerdekaan sepenuhnya kepada Vietnam. Dalam satu kenyataan pada 3 Julai 1953 Kerajaan Perancis mengumumkan kesediaannya untuk memberikan kemerdekaan secepat mungkin kepada Vietnam.

Konflik Vietnam kini telah dijadikan sebahagian daripada pertikaian dan blok yang bertentangan. Peristiwa-peristiwa dunia juga mempengaruhi perang ini. Kematian Stalin pada 6 Mac 1953 membolehkan Soviet Union melembutkan dasarnya terhadap Eropah dan China. Negara China juga telah bersetuju menandatangani perdamaian di Korea (27 Julai 1953). Moscow dan Peking membayangkan yang rundingan-rundingan damai boleh diadakan bagi menyelesaikan masalah Indo-China.

Keadaan ini menyebabkan golongan pelampau di kedua belah pihak cuba mengukuhkan kedudukan mereka sebagai persiapan menghadapi meja perundingan. Giap dan tenteranya bersiap sedia untuk melancarkan "serangan balas secara besar-besaran". Golongan nasionalis pro-Amerika pula membuat persediaan bagi menjatuhkan Bao Dai, atau sekurang-kurangnya mengambil kuasa politik bagi menyekat Perancis daripada berunding dengan Ho Chi Minh tanpa penglibatan mereka. Dalam bulan September 1953, mereka meminta Bao Dai supaya menjauhkan diri daripada Perdana Menteri, Nguyen Van Tam, yang dianggap sebagai pro-Perancis. Dalam satu perhimpunan di Saigon, golongan nasionalis ini menuntut agar Vietnam diberikan kemerdekaan sepenuhnya dan di luar dari Kesatuan Perancis.

Kegiatan-kegiatan ini telah menimbulkan perasaan yang membingungkan di Paris dan menyulitkan rundingan-rundingan antara Perancis dan Kerajaan Bao Dai yang baru dimulakan itu. Di kalangan ahli politik Perancis pula, mereka kini sedar tentang arah yang sedang ditujui selepas tujuh tahun berperang. Perancis melihat Vietnam sebagai "sekutu" yang berpisah daripada Perancis dan memandang ke arah Amerika Syarikat serta menyokong dasar "rundingan antarabangsa" yang boleh menyelesaikan konflik Vietnam ini secara terhormat. Melihatkan kepada keadaan baru ini, maka

Presiden Ho Chi Minh membuat kenyataan dalam sebuah akhbar Sweden pada 29 November, mengumumkan yang beliau sedia berunding dengan Perancis jika negara itu meminta berbuat demikian.

Kedua-dua belah pihak berlumba-lumba untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Perancis telah meluluskan rancangan Navarre yang bertujuan menghancurkan tentera Vietnam. Dalam bulan Oktober 1953, tentera rakyat Vietnam berjaya menyusup masuk ke Laos Utara. Sebagai tindak balas, Jeneral Navarre menghantar beberapa pasukan askar payung terjun pada 20 November ke kawasan Laos. Tujuannya ialah menarik tentera-tentera Giap dan memerangkap mereka. Tetapi Giap dan tenteranya yang baharu sahaja menerima bantuan China dan Rusia mengambil keputusan melancarkan serangan. Pada 6 Disember, Giap melancarkan serangan di kawasan barat daya dan memusnahkan pasukan-pasukan Perancis yang ditempatkan di Dien Bien Phu. Pada akhir bulan Disember 1953, tentera Giap berjaya membina kubu pertahanan mereka yang dilengkapi senjata di kawasan bukit di sekeliling lembah Dien Bien Phu.

Sementara itu, Paris berjaya meyakinkan Amerika dan Britain bahawa masanya telah tiba untuk mencari penyelesaian melalui rundingan di peringkat antarabangsa. Persidangan empat kuasa mengenai Jerman diadakan dalam bulan Februari 1954 di Berlin mencapai keputusan yang penting: satu persidangan akan diadakan di antara Perancis, Amerika Syarikat, Britain, Rusia, China dan kumpulan-kumpulan dari Indo-China yang terlibat. Persidangan ini akan diadakan di Geneva pada 26 April 1954 bagi mencari penyelesaian kepada masalah Korea dan Indo-China.

Perancis sangat mengharapkan agar Soviet Union dan China terutama sekali, menarik balik sokongan mereka terhadap Ho Chi Minh dan dengan ini memaksanya bersatu dengan kerajaan pimpinan Bao Dai setelah berlakunya gencatan senjata. Tetapi kerajaan Ho Chi Minh lebih tahu menggunakan peluang yang ada. Dengan jaminan sokongan politik dan ketenteraan dari Rusia dan China, kerajaan Ho Chi Minh menguatkan kegiatan tentera di Indo-China. Tentera-tenteranya berjaya masuk ke Laos, Kemboja dan mara ke Annam Selatan tempat Jeneral Navarre cuba menguasai kawasan yang diduduki oleh pihak pemberontak. Tentera Vietnam juga menyerang khemah tentera Perancis di Dien Bien Phu yang masih

terdapat 15 000 tentera Perancis dan memusnahkan lapangan terbang di situ.

Perancis cuba mendapatkan bantuan tentera udara Amerika bagi menyelamatkan tenteranya. Di Washington, pihak Pentagon dan Naib Presiden Nixon menyokong permintaan ini, tetapi Presiden Eisenhower dan Setiausaha Negara, Foster Dulles mempunyai rancangan lain dan hanya menyokong tindakan bersama British-Amerika. Pengumuman oleh London yang menentang rancangan ini menyebabkan ianya gagal. Kemerosotan kedudukan ketenteraan Perancis di Indo-China memaksanya mencari penyelesaian yang terhormat kepada masalah ini.

Persidangan Geneva bermula pada 26 April 1954 dalam keadaan tegang. Perang Dien Bien Phu mencapai kemuncaknya dengan kekalahan tentera Perancis pada 7 Mei, pada keesokan harinya Persidangan Geneva ini membincangkan masalah Indo-China.

Persidangan dan Perjanjian Geneva

Kerajaan Perancis dan Bao Dai ingin supaya Persidangan Geneva ini membincangkan masalah gencatan senjata sahaja, sebagaimana yang berlaku di dalam persidangan mengenai Korea sebelumnya. Mereka sedia berunding dengan "kumpulan pemberontak" yang dipimpin oleh Ho Chi Minh kerana kumpulan ini mempunyai pasukan tentera. Soviet Union dan China pula menyokong kemasyarakatan ke persidangan ini perwakilan "Republik Demokratik Vietnam" yang dipanggil sebagai "Viet Minh" oleh pihak Barat. Kerajaan Perancis memberi jaminan kepada Bao Dai yang Perancis mencari penyelesaian daripada segi ketenteraan¹⁸ dan tetap menentang sebarang percubaan membahagikan Vietnam daripada segi po-

¹⁸Dalam sepucuk surat bertarikh 6 Mei, G. Bidault menyebut: "kerajaan Perancis pada masa ini tidak bercadang mencari penyelesaian politik yang muktamad. Tugas utama kita, seperti yang diperuntukkan dalam kenyataan bersama di Berlin, ialah mengembalikan keamanan di Indo-China. Oleh yang demikian, tujuan kita ialah mencapai gencatan senjata yang boleh menjamin kepentingan ketiga-tiga negara Indo-China. Perancis dan kuasa-kuasa pihak Berikat. Gencatan senjata ini janganlah menghalang penyelesaian muktamad yang akan dirundingkan kemudiannya apabila keadaan aman dan kebebasan pulih yang akan membolehkan pilihanraya umum diadakan.

"Mulai saat ini juga, saya ingin menegaskan kepada Yang Mulia yang kerajaan Perancis tidak berniat untuk menghancurkan kesatuan negara Vietnam."

litik. Perbincangan dan rundingan diadakan mulai 12 Mei berdasarkan kepada dua rancangan yang disediakan oleh G. Bidault, Menteri Luar Perancis, dan Pham Van Dong yang baru dilantik sebagai Menteri Luar Republik Demokratik Vietnam. Pada 10 Mei, Pham Vang Dong telah mengemukakan satu rancangan yang mengandungi 8 perkara ke arah penyelesaian politik di Vietnam, terutama sekali tentang pengunduran semua tentera asing dari Vietnam dan pilihanraya umum yang bebas ke arah pembentukan sebuah kerajaan bersatu bagi seluruh Vietnam.

Usaha-usaha Bidault untuk menghadkan rundingan dan mengasingkan masalah politik daripada ketenteraan gagal mendapat tentangan daripada perwakilan Kesatuan Soviet (V. Molotov), China (Chou En Lai) dan Vietnam (Pham Van Dong). Memandang kepada jalan buntu yang mereka hadapi dan peperangan yang semakin meluas serta kebimbangan tentang kemungkinan campur tangan Amerika seperti yang diminta oleh Kerajaan Laniel-Bidault, maka Parlimen Perancis telah menjatuhkan kerajaan ini pada 12 Jun dan digantikan oleh sebuah kerajaan baru pimpinan Mendes-France.

Beliau dengan segera bersetuju membincangkan bersama masalah politik dan ketenteraan dan rundingan berjalan seperti biasa. Pada 10 Jun perwakilan Republik Demokratik Vietnam (R.D.V.N.) dengan secara sulit mencadangkan kepada Perancis supaya diadakan satu pembahagian sementara secara ketenteraan bagi membuka jalan ke arah kerjasama antara Perancis dan R.D.V.N. Ini akan memberi peluang kepada Perancis mengekalkan kedudukannya yang penting di Indo-China tanpa meminta bantuan dari Amerika. Kerajaan Ho Chi Minh sedar akan perlunya menyekat peningkatan pengaruh Amerika di Indo-China melalui satu penyelesaian secara aman. Bao Dai sendiri bersedia melantik Ngo Dinh Diem sebagai Perdana Menteri, seperti yang dikehendaki oleh badan perisik Amerika sejak tahun 1950 lagi.

Perancis dan Vietnam menjalankan rundingan tanpa campur tangan sekutu-sekutu mereka, walaupun mereka diberitahu tentang perkembangan rundingan. Dalam masa tiga minggu, mereka berjaya mencapai persetujuan yang boleh menjamin perdamaian yang berkekalan. Persetujuan berkisar kepada dua tahap penting.

Pertamanya, satu gencatan senjata akan diadakan diikuti dengan pengumpulan tentera-tentera Perancis dan Vietnam mengikut

garisan sempadan tentera sementara. Kedua belah pihak berjanji tidak akan menambah tentera mereka di kawasan masing-masing, tidak akan menyerah sebarang pangkalan tentera kepada kuasa asing dan tidak membuat sebarang pakatan tentera dengan sesiapa pun di kawasan ini. Satu Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa akan mengawal pelaksanaan perjanjian ini.

Pada tahap yang kedua pula pilihanraya akan diadakan dalam jangka masa yang akan ditetapkan bagi membentuk sebuah kerajaan untuk seluruh Vietnam. Sementara menunggu pilihanraya ini, kebebasan demokratik akan terjamin di Vietnam dan tidak akan berlaku penindasan terhadap individu atau pertubuhan yang telah bergiat di pihak lawan. Pentadbiran awam akan dikendalikan oleh pihak yang berada di kawasan itu semasa pengumpulan tentera ditentukan.

Masalah yang tinggal sekarang ialah untuk menentukan di mana letaknya garisan sempadan tentera sementara dan bila akan diadakan pilihanraya. Walaupun kedudukan Perancis amat menyulitkan, terutama di utara, mereka terpaksa berundur ke kawasan Hanoi-Haiphong dan meninggalkan kawasan di selatan delta yang didiami oleh orang-orang Katolik. Perancis enggan menerima garisan lintang 13° atau 14° sebagai garisan sempadan seperti yang dicadangkan oleh Pham Dong. Pham Van Dong enggan melepaskan wilayah Quang Nam dan Quang Ngai yang dikuasai oleh Vietnam Utara sejak 1945. Mendes Frances mahu supaya garisan sempadan ditetapkan di garisan lintang 18°. Melalui tindakan-tindakan diplomatik, Mendes France berjaya mendapat persetujuan China dan Soviet Union supaya menerima garisan lintang 17°, dan ini terpaksa diterima oleh Pham Van Dong. Bagi pilihanraya pula, Pham Van Dong mahukan supaya diadakan 6 bulan selepas gencatan senjata. Tetapi telah ditetapkan kepada 2 tahun "atau lebih" oleh Persidangan Geneva. Jadi, walaupun mereka berjaya di medan perang, R.D.V.N. tidak mendapat kesempatan menggunakan kemenangannya ini untuk menguatkan kedudukannya di meja persidangan.

Perlaksanaan perjanjian ini yang ditandatangani pada 21 Julai 1954, juga bergantung kepada Perancis, seperti yang pernah berlaku pada tahun 1946. Kedua-dua belah pihak yang menandatangani perjanjian ini ataupun "pengganti-pengganti mereka" bertanggungjawab melaksanakan perjanjian tentera yang menentukan gencatan

senjata. Perjanjian ini menegaskan yang garisan sempadan itu hanyalah "sementara" dan "janganlah ditafsir sebagai satu sempadan politik atau wilayah". Seterusnya persidangan ini menyatakan:¹⁹

"(...) Bagi Vietnam, penyelesaian kepada masalah politik yang dibuat berasaskan dasar saling hormat-menghormati prinsip-prinsip kemerdekaan, kesatuan dan keutuhan wilayah, akan memberi peluang kepada rakyat Vietnam untuk menikmati kebebasan asasi yang dijamin oleh institusi-institusi demokratik yang dibentuk melalui pilihanraya umum yang bebas dan pengundian rahsia. Pilihanraya umum akan diadakan dalam bulan Julai 1956 bertujuan mengembalikan keamanan dan memupuk keadaan yang sesuai agar cita-cita kebangsaan dapat disuarakan dengan bebasnya. Pilihanraya ini akan dilaksanakan di bawah kawalan satu Pesuruhjaya Kawalan Antarabangsa yang dianggotai oleh wakil-wakil dari negara-negara yang menganggotai suruhanjaya mengenai pengawasan dan kawalan gencatan senjata. Wakil-wakil dari kedua-dua belah pihak di kedua-dua kawasan akan bermesyuarat membincangkan hal ini mulai 20 Julai 1955.

Seterusnya, dalam artikel 12, Perisytiharan Geneva ini menegaskan: "Menegenai Kemboja, Laos dan Vietnam, tiap-tiap pihak yang terlibat dalam Persidangan Geneva berjanji akan menghormati kedaulatan, kemerdekaan, kesatuan dan keutuhan wilayah negara-negara tersebut dan tidak campur tangan dalam hal-hal dalam negeri negara-negara ini.

Antara negara-negara yang mengambil bahagian dalam persidangan ini, hanya Amerika Syarikat sahaja yang enggan melibatkan diri dengan perisytiharan ini. Walaupun begitu, wakil Amerika memberi jaminan yang Amerika tidak akan menghalang pelaksanaan ini. Pemimpin baru kerajaan Bao Dai, iaitu Ngo Dinh Diem yang dilantik pada 17 Jun, bukan sahaja enggan melibatkan diri dalam perisytiharan ini, malah menganggap beliau tidak terikat dengan perjanjian-perjanjian ini. Beliau menganggap orang-orang yang menerima pembahagian Vietnam secara tentera yang melepaskan sebahagian daripada Vietnam kepada komunis sebagai

¹⁹Perisytiharan akhir Persidangan Geneva, artikel 7.

pengkhianat. Belum pun sempat ditandatangani perjanjian ini di Geneva, Kerajaan Perancis telah pun menulis surat kepada kerajaan Saigon memberi jaminan yang Perancis menganggap kerajaan ini sebagai satu-satunya kerajaan Vietnam. Pada 4 Jun, sebelum beliau meletak jawatan, J. Laniel telah membuat satu "perjanjian". Dalam perjanjian ini Perancis, bagi kali kelima, mengiktiraf kemerdekaan Vietnam. Keinginan yang tergesa-gesa untuk mencapai persetujuan sebelum 20 Julai telah menyebabkan timbulnya kekeliruan daripada segi undang-undang dan politik yang amat penting, sementara jaminan-jaminan politik yang terdapat di dalam perjanjian yang ditandatangani itu diabaikan.

Permusuhan-permusuhan dihentikan pada 27 Julai di utara, pada 1 Ogos di kawasan tengah dan 11 Ogos di selatan. Perang Perancis-Vietnam telah berakhir.

1. The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions. It emphasizes that every entry should be supported by a valid receipt or invoice.

2. The second part outlines the procedures for handling discrepancies between the recorded amounts and the actual cash received. It suggests a systematic approach to identify the source of the error.

3. The third part provides a detailed breakdown of the monthly financial statements, including the profit and loss account and the balance sheet.

4. The final part concludes with a summary of the key findings and recommendations for improving the financial management process.

Appendix A

Date	Particulars	Debit	Credit	Balance
01/01/2023	Opening Balance			1000.00
05/01/2023	Received from Mr. X		500.00	1500.00
10/01/2023	Paid to Mr. Y	200.00		1300.00
15/01/2023	Received from Mr. Z		300.00	1600.00
20/01/2023	Paid to Mr. A	100.00		1500.00
25/01/2023	Received from Mr. B		400.00	1900.00
30/01/2023	Paid to Mr. C	150.00		1750.00
31/01/2023	Closing Balance			1750.00

17

PEMISAHAN OLEH DIEM

PENGUMPULAN tentera oleh kedua-dua pihak bermula sebaik sahaja permusuhan ditamatkan. Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa yang baru ditubuhkan telah memulakan tugasnya mulai pertengahan bulan Ogos. Pada 10 Oktober 1954, kerajaan Ho Chi Minh kembali ke Hanoi, ibu negara yang baru ditinggalkan oleh tentera Perancis.

Seluruh kawasan di utara garisan lintang 17°, kecuali kawasan di sekeliling Haiphong-Hon Gay, telah jatuh ke tangan kerajaan *Lien Viet*, tentera rakyat Vietnam dan parti *Loa Dong*. Jawatankuasa rakyat juga telah dibentuk di merata tempat. Pengunduran tentera Perancis dan Bao Dai diikuti oleh beribu-ribu orang termasuk wanita dan kanak-kanak, penganut agama Katolik, keluarga-keluarga yang terdiri daripada pegawai-pegawai tentera, pegawai kerajaan rejim Bao Dai - Perancis, peniaga-peniaga, pemilik tanah, golongan intelektual dan golongan mandarin. Pelarian beramai-ramai ini digalakkan oleh rejim Saigon yang meminta bantuan tentera laut Perancis dan Amerika bagi menghadapi masalah ini. Kebanyakan daripada mereka yang tidak mahu menghadapi rejim komunis telah mencari perlindungan pada mulanya di kawasan Perancis di Haiphong. Usaha-usaha Kerajaan Hanoi untuk menyekat rakyat daripada meninggalkan kawasannya tidak berjaya, walaupun tentera Vietnam tidak melakukan peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan.

Pelarian beramai-ramai ke selatan ini menambahkan lagi kesulitan ekonomi kepada Vietnam. Negara banyak mengalami kemus-

nahan, beratus-ratus kampung binasa dan terbakar, jalan-jalan, jambatan dan lain-lainnya musnah. Perniagaan hampir terhapus kerana tidak terdapat barang-barang untuk dijual, juga tidak ada kakitangan, wang untuk mengendalikannya: Kehilangan jiwa juga tinggi: bagi keseluruhan negara Vietnam, utara dan selatan, kematian dianggarkan berjumlah 500 000 orang sejak 1945. Terdapat lebih daripada satu juta orang yang cedera ataupun sakit. Negara itu menghadapi tugas untuk membangun semula, penempatan semula memberi pekerjaan kepada rakyat dan mengusahakan pengeluaran barang-barang dan pertukaran. Ini hanya akan berjaya dengan kerjasama seluruh rakyat.

Kerajaan Diem dan Berakhirnya Pengaruh Perancis

Di selatan garisan lintang 17^o, suatu keadaan politik yang baru muncul. Sikap anti-Perancis dan pro-Amerika yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri, Ngo Dinh Diem menyebabkan pihak Perancis, sama ada tentera atau awam, tidak begitu berminat untuk bekerjasama dengan beliau. Pengaruh Perancis masih lagi kuat dalam tentera, polis serta pentadbiran awam dan dalam bidang teknik. Ketua tentera Kerajaan Bao Dai¹ Jeneral Nguyen Van Hinh mempunyai hubungan rapat dengan Perancis. Golongan Cao Dai, Hoa Hao dan Binh Xuyen dan tentera mereka masih mempunyai pengaruh yang luas dan golongan ini hanya menyokong Bao Dai. Selain daripada segelintir penganut agama Katolik, Ngo Dinh Diem tidak mendapat sokongan di selatan. Ia mendapat sokongan Amerika sejak persidangan Geneva lagi.

Di Washington pula, pegawai-pegawai Amerika membuat analisa tentang kesan yang mungkin timbul daripada perlaksanaan Perjanjian Geneva ini. Kelemahan kerajaan Bao Dai dan kegagalan golongan nasionalis untuk menjalankan dasar yang bebas (kerana masih dikawal oleh Perancis) menimbulkan kebimbangan yang hanya pihak komunis akan berpeluang memenangi pilihanraya tahun 1956 yang ditetapkan. Kerajaan Amerika tidak dapat menerima kemungkinan ini dan sejak tahun 1954 lagi ia membuat keputusan bahawa kemaraan komunis mestilah disekat di garisan lintang

¹Sejak tahun 1951, ia dikenali sebagai "Tentera Kebangsaan Vietnam".

17°. Tugas utama mereka ialah mengukuhkan rejim yang dipimpin oleh Diem di Saigon dan seterusnya membebaskan rejim ini daripada sebarang pengaruh Perancis. Ini sahajalah caranya untuk menghalang Perancis dan Republik Demokratik Vietnam menguasai kawasan selatan melalui pelaksanaan Perjanjian Geneva, dan sebelum ianya dikuasai oleh komunis.

Sejak awal bulan Julai, C.I.A. telah menempatkan seorang ejenya yang penting, Kolonel Edw. Lansdale bagi membantu Diem. Kerajaan Saigon menyedari hakikat yang ianya terasing di selatan dan menerima kesan daripada pengunduran Perancis dari utara Vietnam. Kerajaan Saigon melihat kepada pelarian penganut-penganut Katolik sebagai sesuatu yang menguntungkannya (yang boleh bersaing dengan golongan Cao Dai dan Hoa Hao). Oleh yang demikian, Saigon menggalakkan orang-orang di utara meninggalkan kawasan tersebut dan membentuk satu badan untuk menyambut kedatangan mereka ke selatan.

Di Paris pula, Mendes-France dan penasihat-penasihatnya mengambil keputusan dalam pertengahan bulan Ogos untuk bekerjasama dengan Amerika bagi memikul tanggungjawabnya di Vietnam Selatan. Walaupun begitu, Perancis tidak menganggap yang Ngo Dinh Diem orang yang sesuai pada masa itu. Sikapnya yang terlalu pro-Katolik itu akan menyulitkan penubuhan sebuah kerajaan campuran yang liberal yang diperlukan pada masa itu. Pada 8 September, Perancis telah memasuki pakatan Manila bersama dengan Amerika Syarikat, Britain, Australia, New Zealand, Thailand, Filipina dan Pakistan. Satu perjanjian tambahan yang terdapat jaminan kuasa-kuasa tersebut mengenai Kemboja, Laos dan Vietnam Selatan juga telah dibuat.

Cara-cara pemerintahan Diem dan dasarnya yang pro-Amerika menyebabkan Bao Dai cuba menjatuhkan pemerintahannya. Diem telah melucutkan Jeneral Nguyen Van Hinh daripada jawatannya pada 11 September, tetapi Hinh enggan menurut perintah ini dan meminta bantuan daripada Bao Dai. Pada 16 September, ketiga-tiga golongan Cao Dai, Hoa Hao dan Binh Xuyen menuntut agar Diem dilucutkan daripada jawatannya dan dibentuk sebuah kerajaan kebangsaan Tran Van Hu, Buu Hoi dan ketua kumpulan Binh Xuyen iaitu Li Van Vien disebut-sebut sebagai bakal pemimpin kerajaan baru ini. Tetapi Diem menjalankan jarumnya dengan bijak

terhadap golongan Cao Dai dan Hoa Hao dengan melantik wakil-wakil mereka menganggotai kabinet yang baru dirombak itu (24 September). Pada 28 September pula, Diem meminta dengan rasminya agar tentera Perancis diundurkan dari Vietnam sebelum Mac 1956, iaitu 3 bulan sebelum tarikh pilihanraya yang ditetapkan di Geneva.

Pada 29 September, Perancis dan Amerika Syarikat menandatangani satu perjanjian di Washington, bahawa Amerika Syarikat akan terus membantu tentera Perancis di Vietnam daripada segi kewangan selagi kedua-duanya menyokong kerajaan Diem dan dasar antikomunis mereka. Pihak Amerika juga membayangkan yang mereka mahu supaya Bao Dai diundurkan daripada arena politik secepat mungkin dan secara undang-undang. Pada 1 Oktober, Presiden Eisenhower menulis kepada Ngo Dinh Diem bagi menyatakan sokongan penuh Amerika terhadap kerajaannya dengan syarat beberapa perubahan penting dilakukan.²

Pada awal bulan September Mendes France telah menghantar J. Sainteny ke Hanoi sebagai wakil Perancis di Vietnam Utara. Beliau bersetuju, malah menyokong kerjasama Perancis-Amerika di Saigon. Mendes France membiarkan Amerika Syarikat meluaskan pengaruhnya di Saigon untuk mengurangkan kebimbangan Washington terhadap dasarnya mengenai Eropah. Pada 8 November, Jeneral Lawton Collins, "utusan khas Amerika Syarikat" tiba di Saigon dan dia disambut dengan tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh "pertubuhan bagi mempertahankan keamanan". Tunjuk perasaan ini telah dapat dikawal dan pemimpin-pemimpinnya ditangkap. Pada 11 November pula, Foster Dulles, Setiausaha Negara Amerika membuat kenyataan di Washington bahawa Vietnam Selatan memerlukan kerajaan yang kuat, tentera dan pasukan polis yang baik. Jeneral Collins mengumumkan pada 17 November yang satu perwakilan tentera Amerika yang ditugaskan untuk melantik tentera kerajaan Bao Dai akan tiba di Saigon. Pada 29 November, disebabkan tekanan daripada Amerika, Bao Dai terpaksa melucutkan jawatan Jeneral Hinh. Satu perjanjian telah ditandatangani di antara Amerika dan Perancis di Saigon pada 13 Disember yang

²Surat ini diberikan kepada Diem hanya pada 23 Oktober.

membolehkan Perancis dan Amerika bekerjasama dalam melatih tentera Vietnam Selatan. Amerika Syarikat juga membiayai secara langsung dan memberi bantuan bekalan tentera kepada Vietnam Selatan. Di samping itu, Amerika telah mengurangkan tiga perempat daripada jumlah perbelanjaan yang dikhaskan kepada tentera Vietnam Selatan bagi mendesak Perancis supaya mengundurkan tenteranya dari Indo-China. Pada 30 Disember, Perancis dan negara-negara Indo-China mencapai persetujuan bahawa Perancis memberikan kebebasan sepenuhnya kepada Indo-China dalam hal-hal ekonomi dan kewangan. Kini bantuan dari Amerika boleh diberikan terus kepada kerajaan Saigon tanpa melalui Perancis. Pada 10 Februari 1955, kuasa pemerintahan pasukan tentera Kesatuan Perancis di selatan diserahkan kepada Vietnam dan satu misi latihan tentera Amerika ditubuhkan di Saigon. Kolonel Lansdale (C.I.A) telah ditugaskan mengetuai bahagian "keselamatan" misi ini, iaitu menasihati tentera Vietnam tentang operasi. Perancis sebenarnya telah melepaskan tanggungjawabnya kepada Amerika.

Diem kini mempunyai sokongan yang kuat dan beliau bertindak menghapuskan penentangannya iaitu kumpulan Binh Xuyen yang menguasai polis dan keselamatan dan masih disokong oleh Perancis dan orang-orang Cao Dai dan Hoa Hao. Tentera Vietnam dengan beransur-ansur dipengaruhi oleh Amerika dan unsur-unsur yang pro-Perancis dihapuskan. Mereka berjaya menghapuskan kumpulan Hinh Xuyen dan menguasai sepenuhnya kawasan Saigon-Cholon (Mac-April 1955) dan memaksa kumpulan ini kepada gerakan gerila. Pasukan polis disusun semula dengan dibantu oleh Amerika Syarikat. Kerajaan Saigon juga telah menangkap penentang-penentangannya yang terdapat di kawasan yang ditinggalkan oleh Viet Minh, terutama di Quang Nam dan di Quang Ngai.

***Coup d'Etat* 20 Oktober 1955 dan Pemisahan**

Kerajaan Hanoi sangat memandang berat tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku di Vietnam Selatan. Dalam rundingan-rundingan dengan J. Sainteny, Ho Chi Minh dan Pham Van Dong cuba memahami apakah dasar sebenar Perancis di Vietnam. Mendes France juga melahirkan hasratnya untuk mencari jalan agar satu penyelesaian politik yang adil dan puas hati dapat dicapai dengan R.D.V.N. Dalam satu surat bertarikh 22 Julai, beliau

melahirkan harapan agar satu kerjasama ekonomi dapat diadakan dengan Hanoi. Tetapi harapan-harapan ini sukar untuk dicapai memandangkan kepada hubungan yang rapat antara Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat.

Walaupun terdapat jaminan-jaminan dalam perjanjian 11 Disember 1954 tentang kedudukan Perancis di Vietnam, kebanyakan daripada pejabat Perancis di utara Vietnam lebih suka berpindah daripada berada di bawah kerajaan Hanoi. Taraf Jean Sainteny sendiri tidak ditentukan kerana Paris tidak berani memberi pengiktirafan diplomatik terhadap R.D.V.N., takut jikalau hal ini menimbulkan reaksi yang tidak baik dari Washington. Hanoi sedar yang Perancis tidak dapat menjalankan dasar yang bertentangan dengan kehendak Amerika di Vietnam.

Kebimbangan Hanoi bertambah disebabkan sikap kerajaan Diem yang semakin keras. Kerajaan Diem enggan mengadakan sebarang kerjasama dengan Hanoi. Pada akhir bulan November, Diem telah menolak satu cadangan Hanoi untuk mengadakan hubungan pos di antara utara dan selatan. Bagi Hanoi, hubungan yang rapat dengan Vietnam Selatan adalah lebih penting baginya daripada hubungan baik dengan Perancis. Pada 4 Februari 1955, kerajaan Ho Chi Minh telah mengumumkan yang ia bersedia "memberikan kepada rakyat di kedua-dua kawasan segala kemudahan mengenai surat menyurat, bergerak, perdagangan, pertukaran daripada segi pelajaran, sains, teknik, kesukanan dan lain-lain" Ia juga bersedia menggalakkan pertukaran dalam semua bidang di antara penduduk di kedua-dua zon bagi membolehkan rakyat hidup seperti biasa. Hanoi berharap agar Saigon memberikan kerjasama dalam hal ini, tetapi cadangan ini tidak mendapat sebarang layanan dari Saigon.

Dalam persidangan di Bandung, Pham Van Dong mengatakan yang negaranya akan mematuhi kelima-lima prinsip hidup bersama secara aman. Beliau memberi jaminan kepada wakil-wakil Kerajaan Saigon, Phnom Penh dan Vientiane tentang hasrat R.D.V.N. untuk menghormati Perjanjian Geneva dan menjalankan dasar kerjasama dengan semua negara Indo-China.

Pada 15 Mei 1955, tentera Perancis meninggalkan Haiphong, pangkalannya yang terakhir di utara garisan lintang 17°. Sebelum itu, tentera R.D.V.N. telah berada di Quang Ngai. Lebih daripada

90 000 orang telah kembali ke utara, sementara 887 000 orang telah memilih untuk meninggalkan Vietnam Utara pergi ke selatan. Kini kedua-dua kawasan dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan masing-masing. Pada 6 Jun,³ Kerajaan Hanoi menyatakan kesediaannya untuk berunding dengan pihak berkuasa Vietnam Selatan seperti yang ditetapkan bagi membincangkan masalah pilihanraya umum di seluruh Vietnam dalam bulan Julai 1956. Hanoi juga mengeluarkan kenyataan pada 14 Jun memberikan kebebasan beragama kepada orang Vietnam. Ini bertujuan menenangkan penganut-penganut agama Katolik.

Pengunduran Perancis dari Haiphong bukan sahaja menamatkan kehadiran tentera Perancis di Vietnam Utara, tetapi juga mengakhiri harapan Hanoi agar Perancis memberi bantuan ekonomi kepada utara seperti yang dibuat di selatan. Kerajaan Hanoi semakin terdesak dan terpaksa meminta bantuan China dan Rusia untuk mendapat sokongan politik mereka yang amat diperlukan oleh Hanoi menjelang pilihanraya bulan Julai. Pada 22 Jun, Presiden Ho Chi Minh bersama dengan satu perwakilan kerajaan Hanoi berlepas ke Peking dan Moscow. Ho Chi Minh menekankan kepada kedua-dua kerajaan tersebut tentang kemungkinan mencapai penyelesaian secara aman dan perlunya kerjasama antara negara-negara yang mempunyai struktur sosial dan ideologi yang berbeza. Satu perjanjian persahabatan ditandatangani pada 7 Julai. China bersetuju memberikan bantuan ekonomi berjumlah \$320 juta tanpa dikenakan apa-apa bayaran balik kepada Vietnam. Di Moscow pula dalam perisytiharan Nehru-Boulgaria pada 22 Jun 1955 Ho Chi Minh memberitahu Rusia tentang hasratnya untuk⁴ memulihkan hubungan dengan Perancis, negara-negara Indo-China yang lain dan negara-negara Asia Tenggara. Kesatuan Soviet memberikan bantuan ekonomi sebanyak \$90 juta. Satu kenyataan bersama Rusia-Vietnam bertarikh 18 Julai menegaskan perlunya "dijalankan butir-

³Dalam kenyataan bersama 17 Mei, kedua belah pihak mengulang kesediaan mereka menghormati dan melaksanakan butir-butir Perjanjian (Geneva) bagi mengukuhkan keamanan dan menjayakan pengeboman Vietnam melalui pilihanraya umum".

⁴Dalam kenyataan ini, Perdana Menteri India dan Soviet menekankan perlunya dilaksanakan perjanjian Geneva (sebelum menghadiri Persidangan Bandung, Pham Van Dong telah menemui Nehru di New Delhi).

butir Perjanjian Geneva dengan sepenuhnya” dan ini adalah tanggungjawab semua negara yang menandatangani perjanjian itu, perwakilan Hanoi ini pulang ke Vietnam pada 22 Julai.

Dalam pada itu, Saigon telah memberi jawapan kepada cadangan Hanoi bertarikh 6 Jun, dengan menerima pada dasarnya untuk mengadakan pilihanraya, tetapi masih mempersoalkan kebebasan mengundi di utara. Diem menyatakan yang pilihanraya ini mestilah diadakan dalam keadaan yang betul-betul bebas. Pada 19 Julai, Pham Van Dong mencadangkan kepada Saigon supaya menamakan wakil-wakil ke rundingan yang dicadangkan untuk membincangkan pilihanraya ini. Tetapi Saigon menyatakan pada 20 Julai yang ia tidak terikat dengan Perjanjian Geneva dan membiarkan tunjuk perasaan berlaku di Saigon yang menyerang pejabat Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa di sana.

Dalam jawapan rasmi pada 9 Ogos, kerajaan Diem menyatakan yang ia tidak terikat dengan butir-butir Perjanjian Geneva daripada segi politik, oleh yang demikian, Saigon enggan mengambil bahagian dalam rundingan yang dicadangkan oleh Hanoi. Pada 30 Ogos, Foster Dulles menyatakan yang keadaan masih tidak membenarkan pilihanraya diadakan dan Amerika menyokong pendirian Saigon.

Setelah memastikan sokongan Rusia dan China terhadap dasarnya tentang hidup bersama secara aman, kerajaan Hanoi menjalankan satu tindakan baru yang penting. Pada 5 hingga 10 September 1955, satu Kongres Ketiga *Lien Viet* diadakan. Hasilnya ialah *Lien Viet* dibubarkan dan satu “Barisan Tanahair” (*Mat-tran To'-quoc Hoï*) dibentuk. Ho Chi Minh dilantik menjadi presidennya. Barisan ini ialah yang terbesar sekali yang menyatukan semua orang Vietnam yang mahukan penyatuan, kemerdekaan dan perdamaian, demokrasi, membangunkan sebuah Vietnam yang kuat dan makmur. Penekanan diberikan kepada penyatuan segera. Bantuan ini mencadangkan badan-badan khas seperti dewan yang dipilih ditubuhkan di Vietnam yang bersatu. Ia juga memberi jaminan tentang kebebasan demokratik kepada semua, serta kebebasan beragama dan adat resam.

Barisan ini juga mencadangkan agar disatukan semua pasukan tentera daripada tentera Vietnam Selatan, kumpulan Binh Xuyen, Cao Dai dan Hoa Hao. Sementara menunggu tamatnya rundingan-rundingan ke arah penyatuan ini, tentera-tentera ini dibenarkan

memegang kuasa autonomi mereka. Cadangan-cadangan ini pada dasarnya menarik beberapa golongan bukan komunis, ataupun anti-komunis di selatan ataupun di Perancis, iaitu golongan yang mahu melihat tercapainya penyelesaian politik Vietnam.

Kerajaan Diem dan penasihat-penasihat Amerika merasakan yang cadangan Hanoi ini akan meletakkan mereka dalam keadaan yang sulit tambahan pula tunjuk perasaan 20 Julai, memberikan kesan buruk kepada Saigon pada kaca mata antarabangsa. Dalam bulan Ogos – September, Ngo Dinh Nhu, penasihat khas kepada Diem menemui presiden Perancis di Paris dan meminta sokongan kerajaan Perancis, tetapi gagal. Sekembalinya Nhu dari Paris dan selepas satu wawancara membimbangkan tentang Bao Dai, golongan pelampau sayap kanan dan antikomunis mengambil keputusan menimbulkan satu *fait accompli* yang memberikan kuasa kepada mereka.

Sejak musim runtuh tahun 1954 lagi, Foster Dulles telah mencadangkan supaya Bao Dai diundurkan dengan cara yang sah. Satu referendum untuk tujuan ini diadakan pada 6 Oktober. Pada 12 Oktober, Bao Dai menarik balik sokongan kepada Diem dan memberitahu kelima-lima kuasa besar bahawa Ngo Dinh Diem telah dilucutkan daripada jawatannya sebagai Perdana Menteri pada 18 Oktober dan menghapuskan semua kuasa yang ada padanya. Bao Dai kemudiannya memanggil satu sidang semua tokoh Vietnam dari berbagai-bagai parti dan beliau membuat satu kenyataan kepada rakyat. Dalam kenyataan ini, Bao Dai menyatakan antara lain yang beliau tidak mahu membimbing rakyat ke jalan yang membawa kepada perpecahan, peperangan dan yang akan mencetuskan sengketa yang lebih luas. Beliau juga menyatakan yang beliau tidak mahu namanya dipergunakan oleh orang yang akan membawa rakyat kepada kesengsaraan, kelaparan dan peperangan.⁵

Pada 23 Oktober, pungutan suara diadakan dan kerajaan Ngo Dinh Diem mendapat undi yang banyak. 98.2% daripada 99.5% pengundi memilih Ngo Dinh Diem dan Bao Dai hanya mendapat

⁵Dalam perisytiharan ini, Bao Dai berkata, "saya tidak mahu keadaan perpecahan dan peperangan ini diteruskan. Saya tidak mahu lagi melibatkan nama saya dan kuasa saya dengan nama-nama pihak yang akan mendatangkan huru-hara, kebuluran dan peperangan."

63 017 undi sahaja.⁶ Mulai 26 Oktober, Diem mengisytiharkan yang Vietnam menjadi sebuah republik dan beliau sendiri menjadi presiden buat sementara waktu. Beliau mengumumkan yang pilihanraya akan diadakan dalam bulan Mac 1956 dan sebuah perlembagaan akan digubal. Washington mengiktirafkan kerajaan baru ini pada 27 Oktober.

Bahagian selatan Vietnam telah menjadi sebuah negara di masa berjalannya rundingan-rundingan bagi mengadakan pilihanraya seperti yang ditetapkan di Geneva. Golongan pelampau sekali lagi berjaya di Saigon.

Perjanjian Julai 1956

Kerajaan Hanoi tidak menganggap yang peristiwa-peristiwa di Saigon dan kejatuhan Bao Dai sebagai mengubah keadaan sehingga tidak boleh dijalankan rundingan-rundingan. Ia masih lagi berpegang kepada pendirian asalnya dan meminta negara-negara yang terlibat dengan Perjanjian Geneva membuat sesuatu bagi memulakan rundingan antara kedua-dua kawasan Vietnam. Dalam satu surat pada 17 November yang diterbitkan dalam akhbar *Nhan Dan*, Ho Chi Minh memberi penjelasan tentang apa yang difahamkan dengan "pilihanraya bebas". Pada 25 November pula, Pham Van Dong menjawab nota Diem bertarikh 7 Oktober dengan menyatakan penolakannya terhadap referendum 23 Oktober itu. Beliau mengecam Saigon kerana keengganannya mengiktiraf Perjanjian Geneva serta menubuhkan hubungan dengan Vietnam Utara dan beliau juga mengecam Saigon kerana membentuk sebuah negara berasingan di selatan. Beliau juga merayu kepada kuasa-kuasa besar, tetapi hanya Peking sahaja yang memberi sokongan kepadanya. Pada 30 Januari 1956, Chou En-lai mencadangkan agar rundingan baru diadakan bagi membincangkan masalah pilihanraya 1956. Cadangan ini disokong oleh Poland dan R.D.V.N.

⁶Keadaan bagaimana referendum ini dijalankan telah dibicarakan selengkapnya oleh seorang penyokong Diem, Joseph Buttinger, *The Dragon Embattled*, New York, 1967, ms 891. Tran Van Huu, bekas Perdana Menteri mengecam pada 25 Oktober, "referendum yang tidak sah dan antidemokratik", beliau juga hairan bagaimana Diem boleh mendapat sebanyak 605 000 undi di Saigon sedangkan pengundi yang berdaftar hanya seramai 454 000.

Di Saigon, Diem dan penasihat-penasihatnya terus mengukuhkan rejim baru yang berasingan ini. Pada 11 Januari 1956, Diem mengeluarkan satu perintah yang mengatakan "sementara menunggu dipulihkan semula keamanan dan keselamatan, semua orang yang dianggap merbahaya bagi negara boleh ditahan di penjara, dikenakan tahanan dalam rumah, dibuang ataupun dikawal.⁷ Kempen-kempen antikomunis dilancarkan dan kawalan ketat ke atas penduduk dikenakan seterusnya diumumkan yang hanya parti-parti yang antikomunis sahaja yang boleh mengambil bahagian dalam pilihanraya yang ditetapkan pada 4 Mac 1956.

Tiga parti bertanding dan membolot hampir semua kerusi yang berjumlah 123 di Dewan Perhimpunan. Parti-parti ini ialah (a) "Gerakan Revolusi Nasional" (*Cach-Mang Quac-Gia*) yang diketuai oleh Tran Chanh Thanh yang dilantik menjadi Setiausaha Penerangan dan Belia. (b) "Perhimpunan Rakyat" yang dianggotai oleh pelarian-pelarian Katolik dari Tonkin dan dipimpin oleh golongan borjuis yang datang dari utara dan tengah, (c) "Parti Revolusi Pekerja", (*Can-lao Nhan-vi*) yang dipimpin oleh Ngo Dinh Nhu, saudara kepada Diem. Beliau cuba mendapatkan sokongan daripada golongan pekerja bandaran dan dasar sepertimana yang terdapat dalam kesatuan sekerja di Amerika. Semua pertubuhan aliran kiri dan sederhana tidak mendapat tempat dalam dewan ini. Tetapi kerajaan Diem masih menghadapi satu kebimbangan besar: pilihanraya 1956 seperti yang ditetapkan oleh Perjanjian Geneva.

Kehadiran tentera Perancis di Vietnam Selatan membimbangkan Diem. Mulai bulan Januari 1956, Diem meminta Perancis supaya mengundurkan semua tenteranya sebelum akhir bulan April. Kerajaan Perancis yang dipimpin oleh Guy Mollet, seorang sosialis ber-setuju mengundurkan tenteranya dari Vietnam, dengan ini mengakhiri kehadiran tentera Perancis di Vietnam selama 97 tahun. Pada hari yang sama dengan pengunduran tentera ini (28 April 1956), pemerintah tentera Kesatuan Perancis di Saigon dihapuskan. Diem berjaya menghapuskan musuh-musuhnya, dan kini yang ada hanyalah penasihat-penasihat Amerika dan Diem dengan segera memberitahu yang pilihanraya tidak akan diadakan.

⁷Arahan 11 Januari, ditambah dengan satu arahan lagi bertarikh 20 Februari yang mengenakan kawalan ketat ke atas akhbar-akhbar.

Perancis telah menunaikan tanggungjawabnya terhadap "kera-jaan" Vietnam yang dibentuknya dalam tahun 1948 dengan harapan mengekalkan kedudukannya di Vietnam. Berhubung dengan R.D.V.N. pula, Perancis telah melaksanakan butir-butir perjanjian tentera 20 Julai 1954; tetapi Perancis tidak berjaya melaksanakan butir-butir perjanjian yang berkaitan dengan hal-hal politik; pengharapan penindasan terhadap musuh, kebebasan demokratik, pembahagian kawasan yang bukan bercorak politik dan lain-lain. Ia telah membiarkan Amerika meluaskan pengaruhnya di Vietnam sebagai menggantikan tempat Perancis. Ini bertentangan dengan semangat Perjanjian Geneva dan menjadikan perkecualian Indo-China yang menjadi salah satu tujuan utama Persidangan Geneva satu perkara yang sukar, malah tidak mungkin.

Pencabulan Perjanjian Geneva ini boleh membahayakan gencatan senjata yang hanya diterima oleh R.D.V.N. dengan janji yang pilihanraya akan diadakan. Kuasa-kuasa besar bimbang yang pengunduran tentera Perancis akan memberi peluang kepada R.D.V.N. bagi melancarkan semula peperangan selepas Dien Bien Phu. Dengan ini mereka memaksa Saigon mengambil tempat Perancis. Malah Washington sendiri percaya yang ini adalah satu cara meneruskan perpecahan Vietnam dan mengelak daripada mengadakan pilihanraya. Diem berjanji tidak akan memasuki mana-mana pakatan tentera dan tidak akan membenarkan sebarang pangkalan asing di Vietnam (6 April 1956).

Walau bagaimanapun, selepas bersidang selama 4 minggu (11 April-8 Mei), Rusia dan Britain yang menjadi pengerusi bersama Persidangan Geneva telah mencapai satu tolak ansur. Moscow tidak lagi meminta diadakan Persidangan Geneva yang baru seperti yang dikehendaki oleh Hanoi dan Peking, Moscow juga bersetuju dengan London yang pilihanraya tidak dapat diadakan pada masa yang ditetapkan dan menerima satu *modus vivendi* yang dicadangkan oleh Britain, cadangan ini membolehkan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa meneruskan tugasnya selepas pengunduran tentera Perancis, dan dengan ini "mengekalkan perdamaian antara utara dan selatan. Dengan ini, Britain dan Rusia menyokong penerusan *status quo*, dan hanya meminta agar pilihanraya diadakan "secepat mungkin" dan kedua-dua belah pihak yang terlibat memberitahu pengerusi bersama tentang tarikh pilihanraya ini. Amerika Syarikat ber-

janji akan memujuk kerajaan Diem supaya menyambung tanggungjawab Perancis daripada segi ketenteraan seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Geneva (14 Julai 1956). Saigon dan Hanoi bersetuju untuk terus menghormati perjanjian mengenai perdamaian tahun 1954.

Keputusan ini sebenarnya merupakan penengguhan oleh kuasa-kuasa besar dalam mencari penyelesaian terhadap masalah Vietnam. Penyatuan Vietnam melalui proses pilihanraya juga ditangguhkan *sine die*, sehingga ke suatu masa yang dirasakan sesuai oleh pihak berkuasa Saigon, kerana tanpa kerjasama Saigon, pilihanraya ini tidak boleh dijalankan.⁸ Tetapi dasar rejim Diem dan Amerika Syarikat terhadap Vietnam tidak memberi harapan yang pilihanraya ini akan dapat diadakan.

Hanoi mencuba seberapa yang boleh untuk melaksanakan pilihanraya ini. Pada 17 Februari, Vo Nguyen Giap telah mengeluarkan satu kenyataan yang menarik perhatian Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa tentang kebimbangannya terhadap tindakan-tindakan pihak berkuasa di selatan. Pada 15 April, Hanoi memberitahu pengerusi bersama Persidangan Geneva tentang keinginannya untuk membincangkan dengan Saigon cara-cara penyatuan secara aman. Berikutan daripada saranan yang dibuat oleh Britain dan Rusia, pada 14 Mei, Pham Van Dong menghantar surat kepada Diem meminta agar diadakan mesyuarat bagi membincangkan pilihanraya umum yang bebas di seluruh negara melalui pengundian secara langsung dan sulit. Beliau juga mencadangkan supaya semua pengendalian dan kawalan mengenai pilihanraya ini ditetapkan melalui persetujuan kedua-dua pihak. Pada 4 Jun, R.V.D.N. sekali lagi memberitahu pengerusi Persidangan Geneva yang ia bersedia membincangkan dengan segera tentang persediaan pilihanraya ini, dan jika sekiranya pihak selatan menolak, maka Hanoi terpaksa meminta supaya satu persidangan baru Geneva diadakan. Tetapi semua usaha-usaha ini tidak berjaya dan tarikh 20 Julai terus berlalu. Pembahagian Vietnam nampaknya sudah menjadi satu hakikat yang

⁸Kerajaan Saigon mengisytiharkan pada 14 Julai yang ia bersetuju dengan pilihanraya bebas bagi menyatukan Vietnam, tetapi menyatakan yang perkara itu tidak dapat dilaksanakan sekarang kerana tidak ada kebebasan di utara. Pada 25 Februari 1956, Ho Chi Minh mencadangkan supaya pilihanraya diadakan di bawah kawalan antarabangsa.

diterima, baik di pihak Barat ataupun oleh blok Sosialis.

Pada 14 Ogos, Pham Van Dong menyatakan yang keengganan Saigon mengadakan pilihanraya adalah satu ancaman kepada perdamaian. Pada 21 Ogos pula, Giap menghantar satu nota kepada Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa menyatakan yang Perancis tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya tentang Perjanjian Geneva.

Penentuan Dasar Hanoi

Sebagaimana yang berlaku pada tahun 1946-47, usaha-usaha ke arah keamanan telah gagal, dan dasar "hidup bersama secara aman hanya menguntungkan kuasa-kuasa Atlantik dan sekutu-sekutu mereka. Mungkinkah dasar ini akan terus menjadi sesuatu yang sia-sia? Moscow telah memulakan dasar *detente* dan ini mungkin akan membawa kepada "liberalisasi" dan pengurangan pengaruh Stalin seperti yang terbayang dalam laporan Khrushchev dalam bulan Februari 1956. Dasar ini juga meninggalkan kesan ke atas China. Dalam kongresnya yang ke-8 dalam bulan September 1956, Parti Komunis China menunjukkan pimpinan yang lebih mementingkan peranan pekerja daripada petani seperti yang dianjurkan oleh Mao Tse-tung.

Kemunculan dua pengaruh dalam pucuk pimpinan di China memberi kesan kepada Parti Komunis Vietnam yang mempunyai penyokong-penyokong kuat dasar China. Persamaan daripada segi sosioekonomi, dan politik antara China dan Vietnam menyebabkan alasan-alasan mereka lebih diterima daripada yang dikemukakan oleh golongan pro-Soviet. Tetapi dasar pertama yang dicontohi dari China yang telah dilaksanakan di Vietnam telah menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat serta kekerasan dilakukan terhadap mereka semenjak 1953. Pengukuhan kedudukan Liou Chao-chi yang terkenal dengan sikap enggan bertolak ansur dan cara-cara yang keras menyebabkan Komunis Vietnam cuba menyesuaikan dasar China ini supaya dapat diterima. Dalam bulan September 1956, Jawatankuasa Pusat *Lao Dong* membuat satu kritik terhadap pembaharuan pertanian. Truong Chinh, Setiausaha Agung Parti yang dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar yang berasaskan kepada 'model China' terpaksa meletak

jawatan. Ho Chi Minh sendiri mengambil alih tugas sebagai Setiausaha Agung Parti.

Peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan yang berlaku di wilayah Ngha An antara petani-petani dan askar-askar serta pengakuan oleh Giap dalam bulan November 1956 tentang "kesalahan" yang berlaku dalam pelaksanaan dasar pertanian tambahan pula semuanya ini berlaku tidak lama selepas pencerobohan Rusia dan Budapest memberikan peluang kepada golongan antikomunis di Saigon untuk mengecam mereka. Rancangan untuk "masa ke utara" dibincangkan secara terbuka.⁹

Hanoi pula tetap berpegang kepada dasar yang dianutinya: hidup bersama secara aman, "liberalisasi", pembangunan ekonomi yang seimbang. Dalam hal ini Vietnam banyak meniru China. China juga telah melalui peringkat "liberalisasi" dan berusaha untuk mencapai penyelesaian secara aman kepada masalah-masalah dan Formosa, Korea dan Indo-China (cadangan Chou En-lai bulan Disember 1956). Mereka nampaknya menjalankan dasar yang sabar dan realistik. Kerajaan Hanoi sedar yang perjuangan untuk menyatukan negara memakan masa yang lama dan sukar dan tugas utama mereka ialah untuk mengukuhkan bahagian utara negara itu. Dalam bulan Januari 1957, Rusia mencadangkan supaya kedua-dua Vietnam diterima menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.¹⁰

Ekonomi Vietnam Utara sebahagiannya telah dapat dipulihkan melalui usaha-usaha yang gigih. Kebanyakan daripada industri di utara telah menjalankan semula kegiatan mereka dan mencapai paras pengeluaran tahun 1939. Di kawasan luar bandar pula, kawasan pertanian bertambah walaupun hasilnya masih belum mencukupi. Pada keseluruhannya, negara masih lagi belum pulih, tetapi kerajaan Vietnam Utara merancang pembangunan dengan teliti dan realistik.

Daripada segi politik pula, dasar "liberalisasi" telah menimbul-

⁹Akhbar Saigon, *Cong Nhan* menulis ketika itu, "Di utara, kejatuhan rejim haram semakin hampir. Kebencian rakyat terhadap pemerintahan kuku besi Vietnam akan memuncak dan berjaya menjatuhkan rejim ini. Pada waktu inilah pilihanraya yang betul-betul bebas akan diadakan di seluruh Vietnam bagi menjayakan penyatuan secara aman seluruh negara" (*Viet Nam Presse*, 9 November 1956).

¹⁰Sebulan selepas itu, iaitu pada 28 Februari 1957, P.B.B meneroka Vietnam Selatan menjadi anggota pertubuhan dunia itu.

kan reaksi tertentu, kritik-kritik terhadap sikap yang terlalu birokratik, tidak cekap dan sikap dogmatik kebanyakan kader-kader parti *Lao Dong*; tetapi mulai bulan Januari 1957, parti *Lao Dong* menukarkan dasarnya¹¹ seperti yang berlaku di China tidak lama selepas itu. Walau bagaimanapun, perubahan daripada segi ideologi ini tidak menyekat Hanoi daripada berusaha untuk mengadakan hubungan dengan Vietnam Selatan dan penyatuan negara. Sementara itu kerajaan Vientiane dan Barisan Patriotik (*Neo Lao Haksat*) meneruskan rundingan mereka dengan harapan dapat membentuk kerajaan campuran yang boleh dicontohi oleh Vietnam. Tetapi lawatan Diem ke Washington dan penindasan yang semakin meluas di Vietnam Selatan membayangkan yang *detente* meninggalkan kesan yang kurang baik bagi Vietnam Selatan.

Dalam suratnya kepada Pengerusi Bersama Persidangan Geneva pada 8 Jun 1957, Pham Van Dong meminta supaya mereka campur tangan meminta Diem menghormati perjanjian 1954. Beliau juga menulis kepada Diem pada 18 Julai dan membaharui cadangannya supaya diadakan satu rundingan antara utara dan selatan bagi membincangkan pilihanraya dan penyatuan dan menegaskan yang campur tangan asing semakin bertambah di selatan dan kebebasan demokratik terus dicabuli di negara itu. Saigon menolak cadangan itu pada 26 Julai. Pada 24 September, Menteri Ekonomi R.D.V.N, Phan Anh membuat cadangan kepada rakan sejawatnya di selatan agar diadakan persidangan untuk membincangkan hubungan ekonomi antara kedua zon tersebut dan kebebasan bergerak peniaga-peniaga dan pengusaha di kedua-dua kawasan. Saigon tidak memberi apa-apa jawapan terhadap cadangan ini.

Kegagalan usaha-usaha damai ini menimbulkan keresahan di kalangan pemimpin parti di Hanoi. Penyokong-penyokong dasar hidup bersama secara aman yang diterima pada tahun 1956 kini terpaksa menghadapi kumpulan yang lebih melampau dalam parti yang mendapat sokongan di Peking. Pemimpin-pemimpin China seperti Mao dan Liao Chao-chi menganggap dasar Kesatuan Soviet terlalu berhati-hati dan mengelirukan sedangkan blok Sosialis juga mempunyai kelebihan daripada segi kemajuan teknik seperti yang

¹¹Dewan Perhimpunan Hanoi mengundi menerima undang-undang menjamin kebebasan demokratik pada sesi ke-6 pada Januari 1957.

dapat dilihat daripada pelancaran sputnik. Hanoi terpaksa menghadapi krisis ini selepas lawatan Vorochilov, Ketua Negara Soviet dalam bulan September 1957.

Vietnam menganggap sikap Rusia terhadap masalah Vietnam terlalu berlembut sehinggalah kerajaan Hanoi mempersoalkan kehadirannya pada perayaan ulang tahun ke-40 Revolusi Oktober di Moscow. Akhirnya, hanya Ho Chi Minh sahaja yang menghadiri perayaan ini (28 Oktober 1957) tanpa sebarang persiapan secara besar-besaran. Beliau tinggal di sana hampir 2 bulan (10 November–24 Disember 1957), tetapi kepulangannya ke Hanoi tidak sedikit pun mendapat perhatian. Peningkatan pengaruh "parti China" dan Truong Chinh pada masa ini membayangkan sikap yang semakin ketat daripada segi ideologi dan politik. Terdapat kabar yang mengatakan Presiden Ho tidak akan pulang sehingga beliau mendapat sokongan sepenuhnya daripada parti. Phan Van Dong berjaya mencari penyelesaian kepada krisis ini disebabkan tolak ansur di Moscow tempat Mao berjaya mendapatkan sokongan bagi dasarnya di persidangan 64 parti itu.

Dasar "pembentukan sosialisme di dalam sebuah negara" mendapat sokongan dan penyatuan negara Vietnam terpaksa ditangguhkan. Ho Chi Minh dalam perutusan 1 Januari 1958 berkata, "Pembinaan sebuah kawasan yang kuat dan makmur, pada yang sama meneruskan gerakan patriotik di selatan, ini bererti mengadakan keadaan yang sesuai bagi penyatuan ... berjuang untuk memastikan pelaksanaan Perjanjian Geneva, dan memulihkan hubungan antara kedua-dua zon itu ..., mengukuhkan kawasan utara dengan tujuan menolongnya maju sedikit demi sedikit ke arah sosialisme dan membina asas yang kukuh bagi perjuangan politik ke arah penyatuan".

Republik Demokratik Vietnam tetap kekal dengan "dasar Ho Chi Minh"; perdamaian, demokrasi dan penyatuan. Negara itu melancarkan satu "rancangan pembangunan tiga tahun" (1958-60) dengan bantuan China dan Rusia. Ho Chi Minh melawat India pada 5-13 Februari 1958. Dalam kenyataan bersama Nehru-Ho yang dikeluarkan, menekankan peri pentingnya persefahaman tercapai di antara kedua-dua bahagian Vietnam dan melaksanakan Perjanjian Geneva bagi mengekalkan keamanan di Vietnam.

Penindasan dan Pemberontakan di Selatan

Di selatan garis lintang 17°, "Republik Vietnam" muncul dengan institusi-institusinya yang tersendiri. Satu perlembagaan dibentuk, mengandungi 98 artikel dan bercorak presiden, mirip kepada perlembagaan Amerika. Artikel pertama perlembagaan ini mengisytiharkan yang Vietnam adalah sebuah republik yang merdeka, bersatu dan wilayahnya tidak "terbahagi". Dengan ini, Saigon, seperti juga Hanoi tidak menganggap garis lintang 17° itu sebagai sempadan, dan dengan yang demikian, membentuk sebuah kerajaan yang boleh menyaingi kerajaan di utara dan mengaku mewakili seluruh negara.

Di Saigon, seperti juga di Hanoi, kuasa terletak di tengah "sekumpulan kecil orang-orang yang bertindak". Diem dan penyokong-penyokongnya (kebanyakannya terdiri daripada golongan Katolik dari utara, tengah dan borjuis dari selatan) telah mengetepikan semua kumpulan lain yang membangkangnya sejak 1955-56. Mula-mula sekali mereka menentang kumpulan Hoa Hao, Cao Dai dan Binh Xuyen. Mereka berjaya memecahbelahkan kumpulan Hoa Hao, dan kemudiannya menghapuskan unsur-unsur pembangkang dalam kumpulan ini. Nasib yang sama dihadapi oleh golongan Cao Dai, setelah pemimpin mereka Pham Cong Tac menghilangkan diri dalam bulan Februari 1956 dan lari ke Kemboja. Kumpulan Binh Xuyen dan orang Katolik yang dipimpin oleh Kolonel Leroy meneruskan kegiatan gerila mereka di Delta Mekong. Rejim ini juga menindas golongan liberal dan golongan demokrat yang mahu supaya isi Perjanjian Geneva dilaksanakan juga golongan borjuis selatan yang tidak menerima pemerintahan di utara. Pada awal 1956, akhbar *Anh Sang* yang dipimpin oleh Dr Phan Huy Dan yang pro-Amerika telah diharamkan - Parti *Dai Viet* yang berhaluan kanan yang berasal dari utara yang diketuai oleh Nguyen Ton Hoan, Ha Thuc Ky dan Dang Van Sung, juga menentang rejim Diem.¹²

Kumpulan yang paling ditindas oleh rejim Diem ialah penyokong-penyokong Viet Minh. Dengan melanggar Perjanjian Geneva yang mengharamkan penindasan dan diskriminasi, Saigon telah membahagikan rakyat kepada beberapa kategori. Tiga daripadanya merangkumi orang-orang yang mempunyai hubungan dengan Viet

¹²Siaran radio *Dai Viet*, "Suara Pembebasan *Dai Viet*" pada 3, 5 dan 7 Mac 1956.

Minh yang dianggap sebagai bersalah "dan rakyat zon kedua". Kempen menentang aktiviti komunis dipergiatkan selepas pilihan raya bulan Mac 1956 dan polis menangkap beribu-ribu orang melalui akta 11 Januari 1956. Artikel 98 perlembagaan Vietnam Selatan membenarkan Presiden menggantung kebebasan awam buat sementara waktu. Dalam bulan Jun dan Ogos 1956, kerajaan telah menghapuskan pemilihan penasihat-penasihat kampung dan menggantikannya dengan pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik oleh gabenor wilayah. Tentera yang disokong oleh Amerika melancarkan operasi di beberapa wilayah terutama sekali di timur laut Saigon, Delta Mekong dan di Quang Ngai.

Tindakan-tindakan ini membolehkan kerajaan menguasai keseluruhan wilayah selatan. Ekonomi Vietnam Selatan mencapai beberapa kemajuan. Pengeluaran beras bertambah, demikian juga perdagangan. Kerajaan juga, dengan bantuan Amerika berjaya menamatkan pelarian-pelarian dari utara di kawasan delta, di timur laut Saigon dan di kawasan dataran tinggi. Mereka juga menjalankan pemulihan pertanian (diaktakan sejak Januari 1955) dengan memberikan keutamaan kepada golongan pemilik tanah yang hilang harta mereka semasa perang dengan Perancis menuntut semula tanah-tanah. Ini menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan penduduk desa yang dikawal oleh polis.

Rejim Diem juga mengambil kesempatan daripada peristiwa di Hungary dan kegagalan dasar pertanian di utara untuk menguatkan tentangan mereka terhadap komunis mulai bulan Disember 1956, "Gerakan Pembersihan" ini semakin bertambah, terutama di kawasan tengah Vietnam tempat saudara Diem, Ngo Dinh Can menjalankan tindakan yang kejam. Penindasan ini dilakukan terhadap semua golongan yang menentang rejim Saigon.

Bagi menghadapi penindasan ini, satu "Barisan Penyatuan Kebangsaan dan Revolusi" ditubuhkan dalam tahun 1957 dianggotai oleh kumpulan-kumpulan agama. Mereka menjalankan keganasan untuk menentang pihak polis. Pada 22 Mac 1957, berlaku satu percubaan membunuh Ngo Dinh Diem di Ban Me Thout, tetapi gagal. Di Saigon pula, penentangan melalui cara undang-undang juga muncul seperti "Parti Demokrat" pimpinan Dr Phan Quang Dan yang ditubuhkan dalam bulan Mei 1957 dan "Gerakan Kebangsaan Demokratik Vietnam Selatan". Ketika itu, Diem sedang mela-

kukan lawatan rasmi di Washington. Di sana beliau menemui Presiden Eisenhower.

Diem meminta agar Amerika meningkatkan lagi bantuannya. Beliau menimbulkan persoalan yang Vietnam Selatan adalah penting bagi perkiraan strategi Amerika di Asia kerana gerakan berkecuali sedang mengancam pengaruh Barat. Malah beliau menyatakan pada 13 Mei yang "sempadan Amerika sampai ke garisan lintang 17". Bantuan yang diminta bertujuan mengukuhkan kedudukan Vietnam di dataran tinggi serta memberi jalan-jalan yang strategik dan pangkalan-pangkalan udara. Bantuan ini telah diberikan, dan sebagai balasannya Diem berjanji akan menghancurkan segala kegiatan komunis. Apabila beliau pulang ke Saigon, Diem mengusulkan kepada Dewan Perhimpunan satu undang-undang mengharamkan semua kegiatan komunis dan mengharamkan semua pertubuhan komunis (Jun 1957).

Diem juga mahu mengasingkan golongan pembangkang daripada sebarang hubungan dengan pihak luar. "Gerakan Pembersihan" di kawasan luar bandar menjadi-jadi dan tangkapan-tangkapan kian bertambah. Penentang-penentang rejim ini terpaksa lari ke kawasan yang lebih selamat di Tanah Tinggi Donnai, Plain of Jones dan di Camau yang menjadi tempat melancarkan gerakan anti-Diem sejak 1955. Di kampung-kampung juga, petani-petani dengan sokongan gerila-gerila mula menentang dasar kerajaan yang mengambil tanah untuk diberikan semula kepada pemilik-pemilik yang kaya. Mereka menunjukkan tentangan ini dengan membunuh orang-orang yang bekerjasama dengan polis.

"Barisan Pembebasan Kebangsaan" yang Pertama

Pihak berkuasa Saigon sedar tentang apa yang berlaku di kawasan luar bandar. Dewan Perhimpunan dan akhbar-akhbar melaporkan tentang kegelisahan dan kebimbangan rakyat disebabkan tindakan-tindakan oleh polis. Kekasaran yang dilakukan oleh pihak berkuasa penjara-penjara juga mendapat kecaman.¹³ Penentangan terhadap rejim Diem semakin meningkat. Pada 18 Mac 1958,

¹³Akhbar separuh rasmi Tu Do menulis pada 4 Mac 1958, "Penangkapan yang berleluasa ini mesti dihentikan. Rakyat sebuah negara bebas berhak mempertahankan diri secara perlembagaan.

Gerakan Nasional-Demokrat Vietnam Selatan menyeru rakyat Perancis dan Amerika, dan antara lain menyebut: "Kami belum mengenal keadilan, kebebasan akhbar, kebebasan bersama, kebebasan bergerak ataupun kebebasan berpersatuan Pemberontakan sedang muncul".

Kerajaan Hanoi yang membuktikan dasar "hidup bersama secara aman" dengan lawatan Ho Chi Minh ke India dan Rusia memulakan satu langkah yang penting ke arah hubungan yang lebih baik antara kedua-dua Vietnam. Pada 7 Mac 1958, Pham Van Dong menghantar satu perutusan kepada Diem. Beliau menerangkan yang Vietnam telah mengurangkan seramai 80 000 orang tenteranya dan mengurangkan perbelanjaan tentera. Pham Van Dong mencadangkan supaya kedua-dua Vietnam mengadakan mesyuarat bagi mengurangkan jumlah tentera masing-masing serta memulihkan hubungan perdagangan agar dapat diadakan persefahaman dan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Langkah ini menimbulkan kegelisahan di kalangan pejuang-pejuang di selatan kerana pada masa itu mereka menerima kesan daripada dasar penindasan rejim Diem. Orang-orang komunis mula mempersoalkan kebaikan dasar "Khrushchkev", sementara penyokong-penyokong dasar di Hanoi mempunyai pengikut-pengikut baru di selatan. Dalam bulan Mac 1958, pemimpin-pemimpin gerakan pembebasan dan "kumpulan komunis kiri" membentuk "Barisan Pembebasan Kebangsaan" Vietnam Selatan di Nam Bo (*Mat-tran Dan-toc Giai-phong Mien-Nam Viet-Nam*).¹⁴

Jawapan yang negatif yang diberikan oleh Diem terhadap cadangan Hanoi 7 Mac itu meyakinkan kepada golongan Mao tentang analisa mereka. Pada 26 April, Diem meminta pihak Vietnam Utara supaya memenuhi 6 syarat sebelum pertemuan dapat diadakan:

(1) pihak utara mestilah membenarkan seramai 92 319 orang yang ingin berpindah ke selatan meninggalkan utara; (2) pihak utara menyamakan jumlah tenteranya dengan yang terdapat di selatan; (3)

¹⁴Lihat G.C. Hickey, *Village in Vietnam*. New Haven, London, 1964 ms 10. Seorang pegawai Vietnam Selatan, Nguyen Chanh Thi memberitahu yang beliau menemui bendera merah/biru Barisan Pembebasan Kebangsaan di timur laut Saigon sejak 1958.

menghapuskan keganasan dan sabotaj; (4) membenarkan rakyat di utara bekerja dengan bebas dan memperbaiki taraf hidup mereka; (5) memberhentikan propaganda yang terdapat dalam surat-surat yang dihantar ke selatan; (6) memberikan kebebasan demokratik seperti yang terdapat di selatan. Pham Van Dong memberi jawabannya pada 7 Mei dan memperbaharui cadangan yang dibuat pada 7 Mac dan menegaskan yang campur tangan Amerika di selatan merupakan penghalang utama kepada penyatuan.

Propaganda Barisan Pembebasan Kebangsaan semakin membimbangkan Hanoi. Siaran radio Barisan ini "Suara Nam Bo" menekankan ciri-ciri proletariat dan antiborjuis revolusi yang mereka perjuangkan. Radio Hanoi dan akhbar rasmi parti *Lao Dong*, *Nhan Dan* mula mengkritik Barisan Pembebasan dengan menuduhnya sebagai membawa perpecahan di kalangan revolusioner-revolusioner dan membenarkan diri mereka dipergunakan oleh musuh, malah menuduh mereka sebagai alat golongan imperialis. Hanoi semakin merasakan ketegangan hubungan Moscow - Peking¹⁵ dan kurang bersetuju dengan inisiatif yang diambil oleh Rusia untuk memperbaiki hubungannya dengan Amerika Syarikat. China menganggap dasar tolak ansur tidak boleh diikuti kerana mereka sedang menghadapi bahaya perluasan Amerika di Indo-China, sama ada di Laos ataupun di Kemboja.¹⁶ Dalam bulan Ogos 1958, China mengadakan hubungan diplomatik dengan Kemboja, ini memberikannya peluang memerhatikan keadaan di sana dengan secara langsung, malah mengadakan hubungan secara langsung dengan pejuang-pejuang di selatan Vietnam. Kumpulan Hoa Hao di selatan telah lama mempunyai hubungan dengan masyarakat Cina di selatan, terutamanya di Cholon.¹⁷

Tidak lama selepas ini, Barisan Pembebasan Vietnam Selatan dan "Barisan Kebangsaan Bersatu dan Revolusi" (Pertubuhan yang dianggotai oleh kumpulan-kumpulan agama dan Binh Xugen) telah

¹⁵Lihat Nhan Dan, 28 Jun 1958 dan Radio Hanoi 29 & 30 Julai 1958.

¹⁶Lihat bah. mengenai Laos dan Kemboja.

¹⁷Arahan daripada Diem telah memberikan taraf warganegara Vietnam mulai 9 Mei 1957 kepada orang Cina yang lahir di Vietnam. Ini menimbulkan penentangan daripada orang Cina. Kerajaan berjaya memungut cukai daripada masyarakat Cina, jadi mereka berkepentingan untuk menyokong penentangan.

menandatangani persetujuan bagi menentang bersama rejim Diem.¹⁸

Walaupun Saigon menguatkan operasi menentang pejuang-pejuang pembebasan dan penindasan terhadap pembangkang-pembangkang, Hanoi masih mengekalkan dasar berhati-hati dan menyokong penentangan yang bercorak politik. Pada 1 Mei, satu tunjuk perasaan besar diadakan di Saigon. Pada akhir bulan Jun 1958, Radio Hanoi melaporkan penubuhan "Perhimpunan Demokratik Progresif" yang menentang "imperialisme Amerika, rejim Diem yang bercorak fascis serta dasarnya yang keras dan menyokong perdamaian dan penyatuan negara".¹⁹ Pada 21 Julai, Le Duan menyatakan: "Gerakan menentang Amerika meluas di kalangan orang atasan di selatan, di kalangan pentadbiran dan tentera. Mereka mempunyai pilihan antara campur tangan Amerika ataupun menyokong hasrat rakyat untuk mencapai penyatuan negara".

Keadaan di selatan semakin buruk. Operasi menentang pemberontakan semakin kuat. Pasukan-pasukan gerila mempunyai kubu-kubu mereka di kawasan Rachgia, Hatien, Bien-Hoa, Thu dan mot-Taynhin dan Plain of Jones. Sikap tentera Saigon dalam menjalankan operasi juga menimbulkan permusuhan di kalangan rakyat terhadap mereka. Mereka menangkap, menahan dan menyeksa orang-orang kampung yang dipercayai bekerjasama dengan gerila. Mulai tahun 1958, beberapa kumpulan orang kampung menubuhkan pasukan pertahanan diri yang menjalankan kegiatan menentang orang besar-besaran dan mereka yang bekerjasama dengan polis serta menentang operasi yang dilakukan oleh tentera dan polis.

Dalam bulan Disember 1958, kematian yang ramai di kalangan "Vietcong" di pusat tahanan Phu Loi meyakinkan pemimpin-pemimpin pembebasan yang masanya telah tiba untuk mengangkat senjata menentang kerajaan. Dalam bulan Disember 1958 dan Januari 1959, beberapa kumpulan bersenjata mula muncul. Banyak kampung yang dijadikan pangkalan mereka. Pada musim Tet 1959, gerakan pembebasan ini melancarkan serangan berhampiran dengan

¹⁸Radio sulit Barisan ini menyiarkan pada 2 September 1958 yang Barisan Pembebasan mahu supaya Kerajaan Saigon melaksanakan Perjanjian Geneva dengan cara berundingan dengan Hanoi.

¹⁹Hanoi, *Agence Vietnamiennne de presse*, 27 Jun 1958.

Tay Ninh. Selepas itu, "Tentera Pembebasan Selatan" dibentuk hasil daripada gabungan dua Barisan Pembebasan di Vietnam Selatan, kumpulan Binh Xuyen dan Hoa Hao kerana kumpulan ini mempunyai pengaruh yang kuat.

Kerajaan Diem cuba menguatkan kedudukannya di kampung-kampung ini dan melancarkan operasi menentang penentang-penentang dengan tentera, dan melalui udara. Ini hanya menyebabkan bertambahnya penentangan. Vietnam dilanda oleh peperangan. Dalam bulan Mac 1959, Diem membuat kenyataan kepada seorang wartawan Perancis, bahawa Vietnam, sebuah negara demokrasi yang kuat sedang dilanda perang ketika seseorang itu sedang berjuang untuk hidup, keperluan bagi perjuangan ini mengatasi segala-galanya.²⁰

Memandangkan ketegangan dan ancaman pemberontakan kerajaan Saigon mengadakan satu undang-undang pada 6 Mei 1959 yang bertujuan menghapuskan perbuatan sabotaj dan ancaman terhadap keselamatan negara, nyawa dan harta benda rakyat.²¹ Ia juga mengadakan mahkamah tentera khas yang boleh menjatuhkan hukuman bunuh atau penjara seumur hidup dan tanpa rayuan. Kerajaan juga mengadakan kampung-kampung baru bagi mengelakkan penduduk daripada berhubung dengan pemberontakan. Peperangan semakin meluas daripada perang gerila kecil-kecilan kepada yang lebih besar. Golongan pemberontak dapat mengumpul senjata yang ditinggalkan dalam tahun 1954 oleh tentera-tentera Vietnam yang lari ke utara. Bagi rakyat Vietnam yang terperangkap antara dua golongan yang berperang ini, erti perdamaian sudah tidak ada lagi bagi mereka.

Sosialisme di Utara dan Kongres Ketiga Lao Dong

Keputusan golongan pembebasan Vietnam Selatan untuk mengangkat senjata menentang kerajaan Saigon telah menempatkan Hanoi dalam keadaan yang serba salah. Sejak kepulangan Ho Chi

²⁰Serge Groussard, *Le Figaro*, 24 Mac 1959.

²¹Akhbar kerajaan *Cach Mang Quoc Gia* menulis pada 31 Mac 1959 tentang komunis: "Kita mesti menghapuskan mereka tanpa menganggapnya sebagai manusia". Akhbar Katolik, *Ngon Luan* menulis: "Memberi makan dan perlindungan kepada komunis adalah membebankan negara. Selepas sahaja mereka ditangkap, mereka mesti dibunuh".

Minh dari Moscow dalam bulan Disember 1957, kerajaan R.D.V.N. menumpukan dasarnya kepada dasar hidup bersama secara aman yang diamalkan oleh Rusia. Hanoi juga tidak mahu membuat sesuatu yang boleh diambil kesempatan oleh Saigon dan Amerika bagi menguatkan kegiatan mereka yang membimbangkan Hanoi. Perisytiharan bersama Nehru-Ho Chi Minh pada 13 Februari 1958, nota Pham Van Dong kepada Diem pada 7 Mac 1958, rancangan yang diambil oleh Barisan Tanahair, serta kritik terhadap tindakan yang diambil oleh gerakan pembebasan di selatan menunjukkan yang Hanoi masih tetap berpegang kepada dasar ini. Pham Van Dong sekali lagi mencadangkan kepada Diem agar kedua-dua pihak berunding tentang masalah ekonomi, tentera, perdagangan, penempatan dan kebebasan bergerak antara kedua-dua negara.

Hubungan China-Vietnam semakin rapat. Dalam bulan Februari 1959, satu perjanjian China-Vietnam ditandatangani dan ini memberikan bantuan penting kepada Vietnam. Dalam pada itu, Hanoi tetap menyatakan kesediaannya bagi mencapai persetujuan dengan Saigon atas dasar-dasar yang ditetapkan di persidangan Geneva. Sementara itu juga, jawatankuasa pusat *Lao Dong*, membuat persediaan untuk menjalankan dasar ekonomi sosialis di utara.

Republik Demokratik Vietnam nampaknya menerima hakikat yang ia terpaksa menjalankan dasar sosialis di kawasan yang diberikan kepadanya pada tahun 1954. Satu perlembagaan baru dibentuk pada 31 Disember 1959. Dewan Perhimpunan Kebangsaan merupakan tunjang kepada kedaulatan rakyat dan kuasa negara, sementara presiden dan kerajaan mendapat kuasa daripadanya. Perlembagaan ini adalah perlembagaan Republik Vietnam yang membawanya ke tahap sosialis.

Vietnam tidak merupakan satu-satunya negara yang bergolak di Indo-China. Ketegangan yang sama terdapat di Laos antara golongan kanan yang disokong oleh Amerika dengan golongan kiri pimpinan Putera Sauphanouvong, iaitu kumpulan *Neo Lao Haksat*.

Dasar hidup bersama secara aman antara timur dan barat semakin sia-sia memandangkan apa yang berlaku di Asia Tenggara. Kerajaan berkecuali seperti Kemboja terpaksa menghadapi tekanan dari Amerika. Thailand, Burma, Pakistan, Laos dikuasai oleh rejim tentera antikomunis, Rusia masih menegaskan yang dasar ini dapat diteruskan dengan sokongan Amerika. China walau bagaimanapun

tidak begitu optimis terhadap dasar ini. Hubungan yang semakin baik antara Saigon dengan Paris tidak juga dapat melembutkan dasar Diem, demikian juga lawatan A. Pinay, Menteri Kewangan Paris ke Saigon tidak memberi sebarang kesan kepada Vietnam.

Sementara itu Vietnam Utara meneruskan pelaksanaan perlembagaannya. Pilihanraya diadakan pada 8 Mei 1960 dan Ho Chi Minh dilantik sebagai Presiden Republik Vietnam dan Ton Tuc Thang sebagai Naib Presiden, Pham Van Dong dilantik sebagai Perdana Menteri dan Truong Chinh sebagai Presiden Dewan Perhimpunan. Bagi parti pula, tugas utama mereka ialah menguatkan sosialisme di utara. Kongres ke-3 *Lao Dong* diadakan pada bulan September 1960.

Tetapi hubungan antara Rusia dengan China semakin tegang. Mao mengecam imperialisme Amerika²² dan Rusia pula mengecam tindakan China yang keterlaluan serta memanggil balik semua pakar Rusia yang berada di China. Ho Chi Minh cuba mendapatkan pendapat kedua-dua negara ini terhadap masalah Vietnam. Pada 2 September, Chou En-lai memberi jaminan yang beliau mahukan satu "kawasan aman" di Indo-China seperti yang ditetapkan di Geneva, dan ia mestilah dihormati oleh semua.

Sementara itu, di selatan, keadaan semakin buruk. Tentera Pembebasan menganggapkan yang masanya sudah tiba untuk melancarkan inisiatif daripada segi politik. Mereka melancarkan rayuan kepada rakyat yang terdiri daripada semua golongan, faham politik dan agama untuk menghapuskan rejim Diem dan campur tangan Amerika, dan mencadangkan pembentukan kerajaan campuran kebangsaan dan demokratik yang akan mengamalkan dasar ekonomi yang bebas. Kerajaan ini juga akan menjalankan dasar luar yang aman dan berbaik-baik seperti yang dinyatakan dalam prinsip Persidangan Bandung. Ia juga akan memulihkan hubungan dengan Vietnam Utara dan akan berusaha ke arah penyatuan. Mereka juga menyatakan yang tindakan oleh rejim Diem memaksa rakyat mempertahankan diri mereka, tetapi memberi amaran agar kegiatan

²²Mao menyatakan pada 9 Mei 1960: "Amerika ialah imperialis yang terbesar di dunia hari ini. Mereka mempunyai konco-konco dalam banyak negara. Sokongan terhadap imperialisme ini ditentang oleh rakyat. Chiang Kai-shek, Syngman Rhee, Kishi, Batista, Noury Said, Menderes dan lain-lainnya telah dan akan dijatuhkan oleh rakyat".

mempertahankan diri ini tidak menjadi perang saudara. Untuk ini, pihak berkuasa Vietnam Selatan mestilah menjalankan dasar luar yang aman dan demokratik yang berdasarkan kepada kepentingan negara dan rakyat.

Mulai awal 1960, golongan nasionalis sendiri sedar yang rejim Diem tidak popular dan jika tidak diperbaiki, ini akan memberi kemenangan kepada komunis, oleh itu, pada 26 April 1960, seramai 18 tokoh²³ Vietnam telah menghantar satu manifestasi meminta agar rejim Diem mengubah dasarnya. Jika ini tiada dilakukan pemberontakan akan berlaku. Tetapi amaran ini tidak dihiraukan. Pada awal April 1960, rejim ini membentuk satu "jawatankuasa khas bagi pembebasan Vietnam Utara" dan membuat persediaan melancarkan gerakan tentera di Dataran Tinggi. Ia juga cuba mempengaruhi pendapat umum di Amerika melalui Cardinal Spellmann, ketua paderi New York dan golongan Katolik Amerika kerana seorang daripada ahlinya, Senator John Kennedy sedang bertanding sebagai calon presiden Amerika. (Ogos 1960).

Kongres ke-III Parti *Loa Dong* bermula di Hanoi kerana di sini penyokong-penyokong dasar Soviet lebih berpengaruh daripada yang menyokong dasar China. Ucapan-ucapan oleh Pham Van Dong, Le Duc Tho, Vo Nguyen Giap dan Le Duan semuanya menekankan peranan Rusia dalam gerakan komunis antarabangsa, menentang sikap dogmatik, memberi keutamaan kepada pembangunan ekonomi, mengurangkan perbelanjaan tentera dan penyatuan secara aman.²⁴ Pengaruh China dalam biro politik semakin kurang.

Kenyataan bersama Soviet-Vietnam selepas kongres ini menyatakan persefahaman sepenuhnya antara kedua-dua kerajaan tentang masalah-masalah yang dikaji, termasuklah soal Ho Chi Minh menyeru agar "usaha yang lebih" dibuat untuk menyatukan kedua-dua Vietnam tetapi perbezaan faham di utara, China & Rusia menyulitkan Vietnam tentang strategi yang patut diambil di selatan. Dengan ini, Hanoi membiarkan keputusan dibuat sendiri oleh pejuang-

²³Antara mereka ialah Phan Khac Suu, Phan Huy Quat, Tran Van Do, Tran Van Tuyen Yong kemudiannya menjadi anggota kerajaan Saigon.

²⁴Mengenai Kongres *Loa Dong*, lihat P.J. Honey, "North Vietnam's Party Congress". *The China Quarterly*, no. 4, Oktober - November 1960, ms 66-76.

pejuang di Vietnam Selatan tentang cara untuk mengendalikan perjuangan mereka.²⁵

Kegagalan *Coup d'Etat* "Barisan Pembebasan Kebangsaan"

Golongan nasionalis anti-Diem berjaya mendapatkan sokongan daripada badan perisik Amerika dalam penentangan mereka terhadap Diem. Kemenangan Kennedy dalam bulan November 1960 menghalakkan mereka bertindak secepat mungkin.

Pada awal bulan November, sebuah akhbar golongan nasionalis yang berpengaruh menulis yang penentangan terhadap rejim selatan ini adalah adil dan hasrat rakyat akan tercapai hanya melalui perjuangan bersenjata. Tetapi semuanya ini tidak berjaya mengubah sikap Diem yang terus menolak permintaan Hanoi untuk mengadakan rundingan.

Dalam tentera Diem sendiri, terdapat unsur-unsur yang menentangnya, terutama di kalangan pegawai-pegawai muda. Pada 11 November, pihak tentera telah mengambil alih kuasa sementara di bandar Saigon dan mengawal Istana Presiden serta menyampaikan satu ultimatum kepada Diem, tetapi percubaan rampasan kuasa ini gagal dan ia diikuti oleh gerakan "pembersihan" dan antara mangsanya ialah Dr. Phan Quang Dan, ketua Blok Demokrat sejak tahun 1957. Selepas percubaan ini, pentadbiran Diem semakin menguatkan kedudukan mereka dan kemunculan pentadbiran Kennedy di Rumah Putih memberikan mereka jaminan terhadap sokongan Amerika.

Dalam keadaan yang demikian, pejuang-pejuang Vietnam Selatan tidak ada jalan lain selain daripada perjuangan melalui organisasi politik. Pada 20 Disember 1960, Barisan Pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan (*Mat-tran Dan-toc Giai-phong Mien-Nam Viet-Nam*) ditubuhkan. Barisan menyediakan satu rancangan 10 perkara²⁶ yang mahu supaya kerajaan Diem dihapuskan dan pembentukan sebuah kerajaan campuran, membangun ekonomi yang bebas, menyelesaikan masalah petani serta meninggikan taraf hidup rakyat. Kerajaan ini juga akan memberikan persamaan hak

²⁵Dalam tahun 1959, tentera Pembebasan membenarkan anggota tentera yang berundur ke utara dalam tahun 1954 pulang ke selatan.

²⁶Diterbitkan di Paris oleh 'Echo du Viet-Nam, No. 4, Mei 1961.

kepada semua kaum yang terdapat di Vietnam, mengamalkan dasar luar yang aman dan berkecuali dan berusaha ke arah penyatuan melalui cara rundingan serta memulihkan hubungan perdagangan antara kedua-dua wilayah.

Barisan ini meluaskan kegiatan mereka ke setiap wilayah dan kawasan. Kuasa dipegang oleh wakil-wakilnya dan disokong oleh rakyat. Pada 11 Februari 1961, wakil-wakil kumpulan-kumpulan penentang, Cao Dai, Hoa Hao, Binh Xuyen bersatu dengan "Tentera Pembebasan Rakyat" untuk mengambil keputusan.

Walaupun Ngo Dinh Diem dilantik dengan suara yang banyak pada bulan April 1961, rejim yang dipimpinnnya adalah lemah dan terpaksa menghadapi perjuangan secara politik dan tentera yang dilancarkan oleh Barisan Pembebasan yang mendapat kejayaan terutama di Delta Mekong dan Kawasan Tanah Tinggi. Bagi menghadapi masalah ini, Diem cuba mengumpulkan penduduk di kawasan "perkampungan baru".

Diem bimbang kalau permintaannya untuk mendapatkan bantuan tidak mendapat layanan segera dari Washington. Oleh yang demikian beliau cuba membuktikan yang Vietnam Selatan menjadi mangsa pencerobohan utara dan tentang adanya penyusupan oleh tentera utara ke selatan. Untuk mengelakkan campur tangan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam hal ini, Diem berhubung terus dengan Washington.

Kennedy mula menjalankan tugasnya dalam Januari 1961. Beberapa kumpulan tentera di Amerika bimbang tentang dasarnya yang liberal yang mungkin masuk "perangkap komunis". C.I.A. telah mengatur rancangan menyerang Cuba tanpa pengetahuan Kennedy, tetapi rancangan ini gagal. Kegagalan ini memaksa Kennedy mengambil sikap yang lebih keras bagi mempertahankan kepentingan Amerika.

Washington telah menghantar Naib Presiden Johnson ke Saigon bagi melihat keadaan di Vietnam Selatan. Johnson menganggap yang keadaan amat merbahaya dan terdapat pencerobohan dari Vietnam Utara dan Ngo Dinh Diem yang dianggapnya sebagai "Winston Churchill Asia" itu mestilah disokong sepenuhnya. Atas nasihat Johnson, kerajaan Amerika telah mengadakan satu rancangan bantuan kepada Vietnam Selatan. Dalam bulan Jun, pentadbiran Kennedy mengambil keputusan menambah penasihat-penasihat ten-

teranya di Vietnam Selatan. Rancangan ekonomi menentang pembontakan juga diadakan iaitu "kampung-kampung baru" yang bererti pengumpulan penduduk dalam sesuatu kampung.

Konflik Vietnam telah melimpah ke arena politik antarabangsa. Ini menyulitkan lagi penyelesaian kepada masalah Vietnam, walaupun terdapat kemungkinan seperti yang terdapat dalam penyelesaian politik di Laos dan seperti yang dibayangkan oleh Menteri Luar Vietnam Utara iaitu melalui perkecualian Vietnam Selatan.

Pada 1 Jun 1961, Kennedy melawat Paris dan menemui Jeneral de Gaulle. de Gaulle menyatakan yang masalah Vietnam ialah satu masalah politik dan jika sekiranya Amerika mahu menyelesaikan masalah ini secara politik, maka Perancis sedia membantunya. Jeneral de Gaulle menekankan yang masalah itu bukanlah satu masalah ketenteraan dan pihak Pentagon membuat kesilapan besar jika sekiranya ia menganggap dapat menyelesaikan masalah itu secara bersenjata. John Kennedy memberitahu yang masalah Vietnam ialah masalah Amerika dan bukannya masalah Perancis.

Dalam bulan Oktober, satu rombongan yang dianggotai oleh dua orang penasihat Kennedy, iaitu Jeneral Maxwell Taylor dan Walt W. Rostow membuat kesimpulan yang masalah Vietnam ialah masalah ketenteraan dan Amerika mestilah memberikan Diem bantuan yang diperlukan (helikopter, senjata, penasihat-penasihat) kepada Diem bagi membolehkannya memenangi "perang khas", perang yang terhad yang terpaksa dimulakan. Pada 9 Februari 1962, Amerika telah menghantar lebih daripada 11 000 orang penasihat tentera ke Vietnam Selatan dan satu pasukan khas Amerika-Vietnam ditubuhkan di Saigon di bawah Jeneral Hawkins. Washington kini memulakan campur tangan tentera sepenuhnya di Vietnam.

18

CAMPUR TANGAN TENTERA AMERIKA SYARIKAT

TAHUN 1960-an merupakan tahun-tahun sengketa Vietnam bertambah runcing dengan terdapat hanya beberapa perubahan yang besar ertinya bagi masa depan Vietnam.

Penubuhan Barisan Pembebasan Kebangsaan dan ketegangan antarabangsa yang semakin bertambah akibat daripada keadaan di Laos dan di Vietnam Selatan, maka kerajaan Hanoi telah memutuskan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis. Dalam bulan April-Mei 1961, Pham Van Dong mengetuai satu rombongan ke Moscow, Eropah Timur dan Peking. Lawatan ini menghasilkan sokongan politik dan ekonomi kepada Vietnam. Rusia, China dan beberapa negara Eropah Timur yang lain bersetuju memberi bantuan berjumlah \$400 juta kepada Vietnam bagi membiayai projek-projek perindustrian dalam rancangan lima tahun pertama 1961-1965. Dasar luar Vietnam pada masa itu terpaksa mengambil kira pandangan China terhadap keadaan di Vietnam.

Di selatan pula, penentangan terhadap rejim Diem membimbangkan Amerika. Mereka bersetuju memberi peluang kepada calon-calon liberal antikomunis bertanding dalam pilihanraya 9 April 1961 sebagai langkah untuk memperlihatkan wajah yang lebih liberal bagi rejim Saigon. Beberapa parti baru juga muncul iaitu parti-parti yang nasionalis, demokratik dan antikomunis. Semua parti ini digunakan untuk melindungi rejim Diem. Ia juga berperanan sebagai pilihan kepada rejim Diem dan dengan cara ini Amerika boleh membuat tekanan ke atas rejim Diem jika perlu. Amerika juga

berjaya menarik kumpulan Hoa-Hao keluar daripada kumpulan pemberontak.

Masalah yang dihadapi di Vietnam Selatan banyak bergantung kepada struktur sosial rejim Diem. Keluarga Ngo yang menguasai Vietnam Selatan bergantung pada asasnya kepada kumpulan beragama Katolik (yang terdiri daripada pelarian dari utara) yang membolot jawatan penting di dalam pentadbiran, bidang ekonomi, tentera dan mereka ini hanya terdiri daripada 10 penduduk di selatan. Orang-orang Katolik juga disokong oleh Amerika dan terdapat penyokong-penyokong mereka di Eropah.

Kumpulan yang kedua ialah nasionalis berhaluan kiri yang merupakan golongan anti-Vietnam yang terdiri daripada keluarga mandarin, pegawai, peniaga dan pemilik tanah.

Kedua-dua golongan ini tidak mempunyai sebarang sokongan di selatan. Mereka hanya memegang kuasa dengan cara kuku besi dengan dibantu oleh tentera, polis dan dengan bantuan kewangan Amerika.

Sejak tahun 1954, bantuan Amerika secara ekonomi dan tentera dapat dirasai oleh golongan baru dalam masyarakat Vietnam. Bantuan ini merupakan sebahagian besar daripada perbelanjaan tentera Vietnam. Bantuan Amerika ini memberi faedah kepada golongan Katolik dan Nasionalis Kanan dan bagi Amerika pula, wujudnya ketegangan adalah perlu bagi memberikannya sebab untuk terus campur tangan.

Pemberontakan oleh Binh Xuyen, Demokrat dan ahli-ahli Viet Minh memusnahkan sistem pentadbiran yang ditubuhkan dengan bantuan Amerika dalam tahun 1955-1957 di Vietnam Selatan. Penentangan oleh rejim Diem memburukkan keadaan. Golongan borjuis selatan pula lebih berminat terhadap dasar yang lebih terbuka, setengahnya pula mahukan satu rejim yang berkecuali seperti yang dicadangkan oleh beberapa tokoh Vietnam di Paris. Hubungan yang terjalin antara golongan liberal dengan golongan berkecuali Vietnam dengan Perancis ini menyebabkan kumpulan berhaluan kanan Vietnam lebih bergantung kepada Amerika.

Kegagalan "Perang Khas" dan Kejatuhan Diem

Pada musim panas 1961, penindasan oleh rejim Diem semakin bertambah dengan sokongan Amerika. Mereka mengambil langkah

dalam bulan Julai 1961, mengumpulkan penduduk desa ke dalam "kampung-kampung baru" yang dikawal oleh tentera. Rancangan ini yang dipanggil sebagai "Rancangan Staley", dikendalikan oleh seorang "pakar" Inggeris yang pernah menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan Tanah Melayu. Beliau tiba di Saigon pada bulan September 1961. Pihak British dan Amerika menjangka dapat mencapai kemenangan yang sama seperti yang terdapat di Malaya dalam gerakan antipenganas. Amerika juga bersetuju menjadikan rejim Diem sebagai rejim yang lebih liberal seperti yang dicadangkan dalam laporan Taylor-Rostow. Pada awal Februari 1962, Diem dan Washington menandatangani perjanjian tentera. Kini campur tangan Amerika nampaknya berpanjangan.

Sementara itu China mencadangkan usaha damai yang terhormat bagi menyelesaikan masalah Vietnam. Pada 24 Februari 1962, China mencadangkan kepada Rusia dan Britain dan lain-lain negeri yang terlibat agar membincangkan masalah Vietnam. Tetapi Setiausaha Negara Amerika, Dean Rusk menolak. Katanya, "Amerika Syarikat sentiasa bersedia untuk membincangkan masalah yang mengancam keamanan, tetapi masalah ini mestilah dibincangkan dari akar umbinya, iaitu pencerobohan komunis ke atas Vietnam yang melanggar Perjanjian Geneva". Amerika Syarikat yang enggan menandatangani Perjanjian Geneva masih menggunakan perjanjian itu untuk menghakimkan perlaksanaannya.¹

Dengan bantuan daripada Pasukan Khas Amerika (Green Berets) dan bekalan-bekalan baru serta penasihat-penasihat yang ramai, tentera Diem melancarkan serangan terhadap tentera Pembebasan. Tetapi mereka tidak mendapat banyak kejayaan, walaupun pertahanan gerila yang tidak begitu lengkap memberikan sikap optimis pemerintah Diem. Diem mengatakan pada 1 Oktober 1962: "tindakan kita dan bantuan daripada sekutu-sekutu kita akan memberikan kita kemenangan dalam sedikit masa lagi". Pihak Amerika juga berpendapat yang Saigon akan memenangi perang ini. Jumlah pemberontak ialah seramai 30 000 orang, tetapi tentera di Saigon

¹Jurucakap Jabatan Negara sejak 28 Februari menolak sebarang rundingan antarabangsa mengenai Vietnam. Pada masa itu satu persidangan mengenai Laos sedang berjalan di Geneva.

menganggarkan kemalangan di pihak mereka seramai 30 000 bagi tahun 1962 sahaja.

Barisan Pembebasan berjaya meluaskan pengaruhnya dan mempunyai satu struktur politik tentera. Kongres pertamanya diadakan dalam bulan Mac 1962 dengan melantik sebuah jawatankuasa pusat.² Barisan ini juga membentuk unit-unit baru bagi meluaskan pengaruhnya. Ia juga mengeluarkan kenyataan bagi mengumumkan tujuan-tujuan perjuangannya.

Pada 20 Julai, Barisan Pembebasan ini mengeluarkan kenyataan menegaskan peri pentingnya Perjanjian Geneva mengenai Laos³ yang patut dicontohi; "apabila golongan yang berperang di Laos berjaya mencapai penyelesaian yang boleh diterima, rakyat Vietnam Selatan juga akan mencapai penyelesaian yang wajar. Syaratnya ialah pengunduran tentera penjajah Amerika dari wilayah kita". Barisan ini juga mengemukakan 4 syarat yang mesti dipatuhi bagi mendaulatkan negara:

(1) Menghapuskan "pencerobohan tentera" oleh Amerika, menghapuskan pemerintahan tentera Amerika di Saigon, mengundurkan tentera dan bekalan-bekalannya.

(2) Pihak-pihak yang terlibat di Vietnam Selatan mengakhiri pertelingkahan, mengembalikan keamanan, keselamatan di seluruh wilayah dengan keadaan yang orang Vietnam patut menyelesaikan masalah mereka sesama sendiri.

(3) Membentuk kerajaan campuran kebangsaan yang diwakili oleh semua parti politik, kumpulan agama, semua pertubuhan walau apa pun fahaman politik mereka, kedudukan sosial, agama dan bangsa di Vietnam Selatan. Kerajaan ini mestilah memulihkan keamanan, mengaturkan pilihanraya umum dan memberikan kebebasan demokratik kepada semua parti dan kumpulan politik dan agama dan membebaskan semua tahanan politik, menghapuskan kerahan tentera, mengadakan rancangan ekonomi yang menjamin kebebasan berdagang, menghapuskan monopoli dan memperbaiki keadaan hidup semua lapisan rakyat.

(4) Vietnam Selatan mengamalkan dasar luar yang aman dan berkecuali, tidak memberikan hak kepada kuasa asing menubuhkan

²Lihat ms 860.

³Lihat bab mengenai Laos.

pangkalan tentera di wilayahnya. Satu perjanjian antarabangsa perlu diadakan segera agar kuasa-kuasa dapat mengenali kemerdekaan dan keutuhan serta perkecualian Vietnam Selatan. Vietnam Selatan, Kemboja, Laos bersedia membentuk satu kawasan berkecuali bahawa ketiga-tiga negara ini berhak mengekalkan kedaulatan masing-masing.⁴

Rayuan ini ditujukan kepada semua pihak yang menentang pencerobohan Amerika di Vietnam Selatan, sekalipun mereka tidak menyetujui sepenuhnya rancangan Barisan Pembebasan yang dikemukakan itu, ataupun mereka yang pernah bekerjasama dengan Amerika asalkan mereka bersedia berjuang untuk kemerdekaan negara. Semua rayuan ini tidak mendapat layanan daripada pihak Diem.

Keluarga Ngo nampaknya berjaya mengukuhkan kedudukan mereka melalui gerakan "pembersihan" yang dijalankan. Saudara Diem, Ngo Dinh Nhu menjadi penasihat utama kepadanya dan merupakan pemerintah sebenar dalam kerajaan. Beliau disokong oleh tentera dan parti yang dipimpin oleh Dr. Tran Kim Tuyen. Usaha Amerika untuk mendapatkan liberalisasi tidak berjaya.

Dalam bulan Ogos 1962, satu pertemuan pertubuhan-pertubuhan anti-Diem diadakan. Pertemuan ini juga bertujuan berjuang menentang komunis dan telah melantik satu "majlis kebangsaan revolusi Vietnam" dan sebuah jawatankuasa bertindak. Salah seorang daripada pemimpinnya, Pham Huy Co menyatakan kemudiannya yang gerakan ini ingin mengadakan hubungan dengan semua dunia bebas, dan menunjukkan kepada Amerika yang gerakan ini adalah pilihan kepada rejim Diem. Ia juga menolak perkecualian Vietnam seperti yang dilakukan di Laos.

Selain daripada itu, dalam bulan September, sebuah "Barisan Kebangsaan" telah menghantar surat kepada Kennedy menuduh penasihat-penasihat Amerika ingin menggunakan tentera bagi menjatuhkan Diem. Ancaman ini telah diketahui oleh Nhu yang mula mengasingkan pegawai-pegawai tentera yang sederhana.

Bantuan Amerika kepada Saigon tidak dapat memberikan kejayaan kepada rejim ini, malah operasi yang dilakukan menimbul-

⁴Dinyatakan dalam "Perisytiharan Kemerdekaan dan Perkecualian Vietnam Selatan" diterbitkan pada 15 Ogos 1962 oleh Barisan Pembebasan.

kan kebencian petani-petani. Washington ingin menambahkan bantuan mereka kepada Vietnam Selatan. Pada 8 Februari 1963, Jeneral Hawkins, ketua tentera Amerika di Vietnam Selatan mengatakan yang Vietnam menjadi medan percubaan taktik perang antigerila bagi tentera Amerika. Kegagalan-kegagalan menyebabkan kemarahan pihak tentera Amerika yang menuduh rejim Diem bertanggungjawab.

Ketegangan yang timbul akibat daripada tindakan oleh keluarga Ngo semakin bertambah. Kehilangan nyawa yang dialami menimbulkan kesan yang mendalam di kalangan rakyat. Dasar kampung baru juga memisahkan golongan pemerintah bercorak tentera mandarin daripada rakyat.

Dalam bulan Mei 1963, golongan penganut Buddha mula bangkit menentang kerajaan di Hue dan di Saigon. Ini ditunjukkan dalam tunjuk perasaan dan membakar diri oleh sami-sami. Tindakan Diem terhadap penganut Buddha menambahkan kemarahan di kalangan orang Buddha di seluruh dunia. Kemoja memutuskan hubungan dengan Saigon dan Peking pula mengecam Saigon kerana penindasannya terhadap penganut-penganut Buddha. Jeneral de Gaulle memberitahu yang Perancis sedia bekerjasama dengan Vietnam sekiranya negara itu dapat bertindak secara bebas.

Washington bimbang tentang kemungkinan timbulnya hubungan yang baik antara Vietnam dan Perancis, oleh yang demikian Amerika menguatkan tekanannya ke atas Vietnam. Nhu dan Diem mengancam akan membuat perbincangan terus dengan Hanoi dan mencari dasarnya sendiri dalam menyelesaikan masalah Vietnam serta berhubung dengan Perancis dalam hal ini.

Ancaman ini menyebabkan Amerika mencari jalan memaksa Diem menerima "rancangan Amerika" ataupun melepaskan kuasanya. Persediaan bagi *Coup d'Etat* sedang dibuat, dan pentadbiran Kennedy tidak lagi mengharapkan kemungkinan bekerjasama dengan Diem dan mengambil keputusan menukarkan kerajaan di Saigon.

Pada 1 November 1963, Diem dan saudaranya Nhu digulingkan oleh sekumpulan Jeneral, kemudiannya dibunuh di Cholon. Satu juta tentera muncul diketuai oleh Jeneral Duong Van Minh. Tentera ini masih anti-Barisan Pembebasan, tetapi kesediaannya untuk berbincang menimbulkan harapan besar. Barisan Pembebasan pula

mengemukakan cadangan politiknya pada 8 November bagi menubuhkan kerajaan demokratik. Sementara itu, terdapat juga unsur-unsur tentera yang berkecuali yang muncul di Saigon, beberapa orang daripada mereka adalah yang pulang dari Paris.

Tetapi pada 22 November 1963, Presiden Kennedy dibunuh di Dallas, dan Naib Presiden, L.B. Johnson menggantikannya. Beliau merupakan orang penting yang telah mencorakkan dasar Amerika di Vietnam.

Peristiwa Teluk Tonkin

Mulai bulan Disember 1963, terutama selepas pertemuan de Gaulle-Johnson dan de Gaulle-Rusk, dasar Amerika di Vietnam nampaknya dikuasai oleh orang-orang yang bersikap keras. Memandangkan keadaan ini, Perancis membuat keputusan untuk menubuhkan hubungan diplomatik dengan China (27 Januari 1964). Ia ingin menggalakkan satu penyelesaian yang berdasarkan kepada perkecualian Indo-China. Masalah yang terdapat di Asia Tenggara tidak dapat diselesaikan tanpa mengambil kira negara-negara di kawasan itu. Ini juga bererti menolak campur tangan kuasa-kuasa besar. Hanya persidangan antarabangsa yang dapat menyelesaikannya dengan kehadiran China.

Sementara itu Amerika menguatkan tindakannya di Vietnam. Tentera Duong Van Minh telah dijatuhkan dalam satu rampasan kuasa pada 30 Januari 1964 oleh Jeneral Nguyen Khanh. Beliau pro-Amerika dan menentang semua perbincangan. Tiga hari selepas itu, Presiden Johnson memberitahu yang beliau tidak percaya kepada perkecualian sebagai satu cara penyelesaian dan tidak ada jalan lain selain daripada meningkatkan operasi. Bekalan-bekalan baru dihantar oleh Amerika ke Vietnam. Tentera Saigon kini berjumlah 500 000 orang dan dengan bantuan Amerika, melancarkan operasi.

Barisan Pembebasan Kebangsaan telah pun mengukuhkan kedudukannya dengan bertambahnya jumlah pasukan dan bantuan logistik. Menjelang bulan April 1964, Barisan ini berjaya menguasai sama ada secara langsung atau tidak, dua pertiga daripada wilayah di Vietnam Selatan. Pada akhir bulan Mei, Robert McNamara menjelaskan yang kedudukan ketenteraan di Vietnam tidak menguntungkan Saigon, ini menyebabkan Amerika mengambil sikap yang lebih

keras tentang dasarnya di Vietnam dan campur tangan yang semakin bertambah.

Mulai 1 Mac 1964, William Bundy yang dianggap sebagai penyokong dasar yang lebih keras (hawk) mengambil alih tugas-tugas di bahagian Asia Timur di Jabatan Negara Amerika. Pada 20 Jun pula, Jeneral Harkins diganti oleh Jeneral Westmoreland sebagai ketua pasukan tentera Amerika di Vietnam. Beliau dikenali sebagai penyokong desa yang lebih keras. Perlantikan Jeneral Maxwell Taylor sebagai duta ke Saigon membuktikan yang Washington berniat untuk menjalankan dasar yang lebih keras di Vietnam dan berhasrat untuk memerangi peperangan yang tidak berjaya dimenangi oleh Saigon. Keadaan ini bolehlah disamakan dengan keadaan pada bulan November 1946 di Saigon.⁵

Hanoi juga dapat mengagak kemungkinan ini. Sejak akhir Februari 1964, akhbar-akhbar di Saigon memuatkan rencana-rencana agar tindakan tentera dikenakan ke atas Vietnam Utara. Di Washington pula, Amerika Syarikat sedang menyediakan rancangan pengeboman ke atas Vietnam. Pada 27 Februari, Menteri Luar R.D.V.N., Xuan Thuy meminta Rusia dan Britain menyekat Amerika Syarikat daripada meluaskan peperangan. Pada 28 hari bulan pula, Nguyen Giap menghantar satu perutusan kepada Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa yang berbunyi: "Jika Amerika Syarikat dan konco-konconya di Vietnam Selatan mencero boh wilayah R.D.V.N., mereka akan menghadapi tindakan yang sewajarnya dengan tindakan jahat mereka". Pada 5 Mac pula, Radio Moscow menegaskan yang Rusia tidak akan membiarkan Amerika menyerang Vietnam Utara dan Rusia akan menghalang sebarang perbuatan mencero boh. Ho Chi Minh dengan segera mengadakan satu "perjumpaan politik khas" pada 27 Mac 1964.

Ancaman perang ini menimbulkan masalah yang lebih rumit lagi daripada segi politik dan diplomatik. Sejak bulan Mei 1963, pengaruh China dalam Parti Komunis Vietnam Utara semakin meningkat. Truong Chinh, Nguyen Chi Thauhn dan Jeneral Hoang Van Thai adalah golongan yang pro-China, sementara Giap, Ho Chi Minh dan Pham Van Dong lebih memikirkan tentang perpaduan blok Sosialis (sebagai jaminan kepada keselamatan Vietnam). Mere-

⁵Lihat "Vietnam", bahagian akhir bab 15 ms 824-927.

ka lebih berhati-hati terhadap sikap golongan pro-China ini. Hubungan Vietnam-Rusia dikuatkan lagi dengan lawatan rombongan Vietnam ke Moscow yang diketuai oleh Le Duan dan Le Duc Tho dari biro politik *Lao Dong* pada bulan Februari 1964.

Hanoi cuba mengelak ancaman Vietnam Selatan dan Amerika dengan usaha-usaha damai yang baru. Hubungan dengan Perancis juga diperbaiki. Pada 2-4 April, Hanoi menerima lawatan Souvanna Phouma, Perdana Menteri Laos. Kedua-dua kerajaan bersetuju agar persidangan baru Geneva diadakan. Dua minggu selepas itu, iaitu pada 19 April, kerajaan Souvanna Phouma digulingkan oleh tentera dengan bantuan Kedutaan Amerika di Laos.

Keadaan tegang di Vietnam berikutan daripada dasar Amerika ini menyebabkan Presiden de Gaulle, setelah berbincang dengan Putera Sihanouk, mencadangkan supaya diadakan rundingan di Geneva bagi membincangkan semua masalah Indo-China, Moscow, Peking, Hanoi dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga berpendapat perlu diadakan rundingan, tetapi rancangan ini ditolak oleh Amerika, Britain dan Saigon. Pada pendapat mereka, persidangan yang seperti ini hanya akan memberi peluang kepada Viet Cong "mengesahkan keganasan" mereka, sedangkan pada pendapat Johnson, ia patut dihapuskan.

Serentak dengan itu juga, berlaku peristiwa-peristiwa yang menghairankan di Teluk Tonkin. Amerika menuduh Vietnam Utara menyerang kapal-kapalnya yang sedang memberi bantuan kepada komando-komando Vietnam Selatan. Amerika mengambil peluang ini untuk mendapatkan kuasa penuh daripada Kongres bagi menghadapi "serangan" Vietnam Utara ini (Resolusi Kongres Amerika 7 Ogos 1964). Dengan ini bermulalah perluasan perang oleh Amerika di Vietnam.⁶

⁶Parti Republikan mengecam dasar Presiden Johnson di Vietnam. Dasar ini menjadi bahan pertelingkahan antara kedua-dua parti Amerika itu. Pada 1 April 1960, pemimpin Republikan, Richard Nixon yang melawat Saigon mengecam dasar Amerika yang berlengah-lengah di Vietnam sedangkan masa bertindak tiba. Pada 4 Mei, beliau mengatakan jika peperangan ingin dimenangi, Amerika mesti meluaskan perang ke Vietnam Utara dan mengambil kesempatan daripada pengalaman di Korea di mana Jeneral McArthur menyarankan tindakan terhadap China. Nixon mengatakan yang Rusia tidak merbahaya kerana jauh dari Vietnam, sebaliknya China Komunis yang menjadi musuh sebagai kuasa tentera yang keempat tanpa bantuan Soviet.

Penceroobohan Amerika

Kedudukan yang tidak stabil yang dihadapi oleh rejim Saigon pada tahun 1964 membuktikan yang rancangan yang menggabungkan politik tentera dalam "perang terhad" itu tidak berjaya. Tentera pimpinan Nguyen Khanh cuba menawan hati orang Buddha. Tetapi orang Buddha sendiri, terutama sekali kumpulan yang dipimpin oleh Thich Tri Quong menunjukkan yang mereka tidak boleh memenangi perang mengikut cara yang berasaskan kepada ketenteraan sahaja. Mereka berpendapat yang Amerika dan komunis akan menghancurkan Vietnam dengan tindakan-tindakan mereka jika satu penyelesaian tidak dicapai segera. Penganut-penganut Buddha meminta supaya dibentuk dengan segera sebuah kerajaan awam nasionalis yang berpewakilan dan antikomunis. Walaupun mereka ini antikomunis daripada segi falsafahnya, mereka berpendapat yang satu penyelesaian mestilah dirundingkan dengan semua pihak termasuklah komunis. Golongan Buddha ini mendapat sokongan ramai dan berjaya memaksa Jeneral Khanh membentuk sebuah kerajaan awam dalam bulan Oktober 1964. Kerajaan ini diketuai oleh Phan Khac Suu, seorang penentang rejim Diem dan beliau mengambil Tran Van Huong sebagai Perdana Menteri. Tetapi kali ini golongan Katolik pula yang tidak berpuas hati kerana mereka curiga dengan sikap kerajaan baru ini yang mungkin ada hubungan dengan komunis. Ketegangan antara penganut Buddha dan Katolik ini melumpuhkan kerajaan daripada segi ketenteraan dan politik. Di medan perang pula, tentera Barisan Pembebasan mencapai kejayaan yang semakin bertambah.

Duta Amerika ke Saigon, Maxwell Taylor cuba mengambil sikap menunggu sebelum dapat bertindak bagi memperbaiki keadaan. Ini disebabkan pilihanraya di Amerika dan adalah sukar untuk mendapatkan bantuan bagi Vietnam dalam masa pilihanraya ini. Beliau memaksa Jeneral Khanh menerima kemasukan tentera Korea Selatan ke Vietnam yang diletakkan di bawah pemerintahan tentera Amerika dan bukannya di bawah Vietnam. Tindakan ini ditentang oleh Jeneral Khanh dan penentangan terhadap beliau oleh orang Katolik menyebabkan Amerika mengambil keputusan menghapuskan beliau daripada arena politik. Ini berlaku pada 19 Februari 1965 apabila sekumpulan tentera merampas kuasa. Kerajaan baru ini diketuai oleh Phan Huy Quat, bekas ketua *Dai Viet*. Pilihanraya

yang dijadualkan berlangsung pada 21 Mac 1965 telah ditangguhkan.

Presiden Johnson telah dipilih semula menjadi Presiden Amerika. Kini Amerika Syarikat mengumumkan perubahan dasarnya di Vietnam. Pada akhir bulan November 1964, Jeneral Taylor pulang ke Washington bagi mendapatkan arahan baru. Setibanya di sana, beliau mengumumkan sokongannya terhadap "perluasan peperangan, tetapi dengan cara terhad". Rumah putih pula mengeluarkan kenyataan pada 1 Disember yang menyatakan bahawa Vietnam Utara menambahkan sokongannya terhadap Viet Cong serta tentera negara itu juga berada di Laos dan menggunakan wilayah Laos sebagai jalan laluan. Amerika berjanji menambahkan bantuannya kepada Vietnam Selatan.⁷ Pada 10 Disember, Setiausaha Negara Amerika, Dean Rusk meminta agar Rusia merayu kepada Hanoi dan Peking menghentikan pencerobohan mereka di Vietnam Selatan. Tetapi di Amerika sendiri tunjuk-tunjuk perasaan telah diadakan bagi menentang penglibatan Amerika ke dalam perang ini. Dalam kongres juga terdapat penentangan ini, iaitu daripada Senator W. Morse.

Kerajaan Hanoi sedar akan bahaya yang sedang dihadapi dan cuba menyekatnya. Satu persidangan Afro-Asia diadakan pada akhir tahun 1964 dan ia memberi gambaran kepada Hanoi yang perjuangannya disokong oleh dunia. Hanoi juga merasakan yang Amerika akan melancarkan serangan selepas peristiwa Teluk Tonkin, maka kerajaan Vietnam mengambil langkah-langkah tertentu daripada segi ekonomi dan ketenteraan. Ia juga menjaga hubungan baik dengan Moscow dan Peking. Rusia selepas Khrushchev lebih memberi perhatian kepada masalah Vietnam. Keadaan di medan perang pula menguntungkan Barisan Pembebasan dan terdapat beberapa petanda yang perbincangan mengenai masalah Indo-China boleh dimulakan.

Mulai tahun 1965, beberapa usaha damai telah dibuat. Perancis dan Rusia (USSR) berusaha mencuba mencari jalan ke arah perdamaian ini. Pemimpin baru Rusia, Alexis Kosygin melawat Hanoi

⁷Tentera Amerika di Vietnam Selatan berjumlah 22 000 dalam bulan November 1964.

untuk mengetahui dengan lebih lanjut pendapat Vietnam.⁸ China juga tidak menentang penyelesaian melalui rundingan. Di Phnom Penh, Sihanouk telah memanggil satu "persidangan rakyat Indo-China" bagi mencari penyelesaian kepada konflik Indo-China.

Tetapi Washington tidak begitu berniat untuk berunding. Ia menganggap rundingan sebagai tidak berguna dan merbahaya selagi kerajaan Vietnam Selatan masih lemah. Amerika terlebih dahulu mahu menghancurkan "pemberontakan" dan memaksa Hanoi supaya tidak lagi membantunya dengan senjata dan tentera. Johnson dan penasihat-penasihatnya tidak menghiraukan cadangan-cadangan daripada pelbagai pihak, dan dalam bulan Januari 1965, beliau telah membuat keputusan "menukar gerak peperangan" dan menggunakan sepenuhnya kekuatan udara Amerika bagi mengadakan satu "keadaan memaksa" bagi Vietnam sebelum rundingan dijalankan.

"Menukar corak peperangan" ini bererti menyerang Vietnam Utara. Pada 7 Februari 1965, sewaktu lawatan Kosygin ke Hanoi, kapal-kapal terbang Amerika mengebom kawasan-kawasan tertentu di Vietnam Utara berhampiran dengan garisan pemisahan. Pada 27 Februari, iaitu dua hari selepas "persidangan rakyat Indo-China" diadakan serta lawatan Menteri Luar Perancis ke Washington, Jabatan Negara Amerika telah mengeluarkan "Buku Putih" mengenai pencerobohan Hanoi terhadap Vietnam Selatan. Pada 2 Mac, tentera udara Amerika memulakan pengeboman di wilayah selatan Vietnam atau yang menyebabkan perwakilan R.D.V.N. dan Barisan Pembebasan meninggalkan persidangan di Phnom Penh.

Pada 8 Mac, tentera laut Amerika pula mendarat di Da Nang. Perluasan perang ini bertukar menjadi pencerobohan udara dan darat.

Tindakan Amerika ini bererti yang inilah pertama kalinya sejak 1945 sebuah negara barat menyerang sebuah negara lain dalam blok sosialis, China dan Rusia dengan segera memberi jaminan kepada Vietnam Utara tentang sokongan mereka, walaupun Moscow memang berhati-hati agar konflik itu tidak diperluaskan. Ini bererti yang Rusia tidak akan menggunakan kuasa nuklear bagi menyekat perang itu daripada merebak.

⁸Bandingkan temuramah Mao dengan Edgar Snow 9 Januari 1965 (*New Republic*, 27 Februari 1965).

Vietnam terpaksa bergantung sepenuhnya kepada kebolehannya sendiri serta pengalaman perangnya yang begitu lama. Pada 22 Mac 1965, Barisan Pembebasan Vietnam Selatan mengeluarkan satu perisytiharan menyeru rakyat supaya bersatu dan menghapuskan pencerobohan asing di Vietnam sehingga tercapai kemenangan.⁹

Presiden Johnson menganggap yang Hanoi dapat dipaksa menyerah dan mengiktiraf kerajaan Saigon serta menghentikan bantuan kepada Tentera Pembebasan melalui kekuatan tentera Amerika. Perisytiharan 22 Mac oleh Barisan Pembebasan menyebabkan Hanoi tidak lagi menerima sebarang tolak ansur. Pada 7 April, di Baltimore, Presiden Johnson menawarkan kepada Hanoi rundingan "tanpa syarat". Sementara itu, Perdana Menteri Vietnam, Pham Can Dong, menyatakan yang "penyelesaian yang betul" terhadap masalah Vietnam berasaskan kepada 4 perkara dan jika sekiranya ini diterima oleh Amerika, maka satu persidangan seperti yang diadakan di Geneva boleh diadakan. Empat perkara itu ialah:

(1) Mengiktiraf hak asasi rakyat Vietnam, kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan wilayah. Kerajaan Amerika mesti mengundurkan tenteranya dari Vietnam dan mengakhiri pencerobohnya terhadap Vietnam Utara.

(2) Sementara tercapainya penyatuan secara aman, dan selagi Vietnam dibahagi kepada 2 kawasan, sementara butir-butir Perjanjian Geneva mengenai hal-hal ketenteraan mestilah dihormati: tidak ada tentera asing, pangkalan asing dan tidak ada sebarang pakatan tentera.

(3) Rakyat Vietnam Selatan mestilah menyelesaikan masalah mereka sendiri dengan berpandukan program politik Barisan Pembebasan dan tanpa campur tangan asing.

(4) Penyatuan Vietnam secara aman adalah tugas rakyat di kedua-dua bahagian tanpa campur tangan asing.

Dengan ini nampaknya rundingan dapat dimulakan. Usaha-usaha daripada segi diplomatik bertambah. Perdana Menteri British, Harold Wilson menemui Johnson pada 13 April, sementara Setiausaha Luar British melawat negara-negara Asia. Pada 17 April,

⁹Dalam perkara 2, perisytiharan 22 Mac menolak semua rundingan tanpa pengunduran tentera Amerika dan sekutunya dari Vietnam Selatan, dan jika Barisan Pembebasan tidak diberi kuasa yang sepatutnya.

Setiausaha *Lao Dong* pulang dari Moscow selepas berunding dengan pemimpin-pemimpin Soviet, tetapi Johnson masih menegaskan yang beliau akan menemukan dasarnya sehingga Hanoi bersetuju berunding dan Amerika menolak rancangan empat perkara oleh Hanoi.

Amerika meneruskan pengebomannya ke atas Vietnam dan mengambil alih hampir secara langsung pentadbiran politik dan tentera di Vietnam Selatan. Kerajaan Vietnam pula ditukar dan diambil alih oleh Jeneral Nguyen Cao Ky dan Nguyen Van Thieu. Kerajaan ini dengan segera mengumumkan perang dan memutuskan hubungan dengan Perancis.

Amerika tidak berjaya menundukkan Vietnam dan meneruskan peperangan serta pengeboman pada 31 Januari 1965. Kerajaan Perancis menyatakan kesalnya terhadap pengeboman Amerika ini dan mengulang tentang perlunya kembali kepada Perjanjian Geneva 1954. Jeneral de Gaulle menambah bahawa rakyat Vietnam Selatan mestilah dibenarkan membentuk kerajaan tanpa campur tangan asing.

Perang ini berterusan bukan sahaja di udara, tetapi juga di darat dengan pembinasaan kampung-kampung oleh tentera Amerika. Penganut-penganut Buddha di Saigon, Da Nang dan Hue enggan menerima rejim tentera di Saigon dan berharap agar rejim Ky ini dapat digantikan oleh kerajaan awam yang berusaha mencapai keamanan.

Kedutaan Amerika (dutanya yang baru, H. Cabot Lodge) memberikan kemudahan kepada Ky daripada segi udara bagi membolehkan rejim ini menumpaskan pemberontakan di Hue pada 15 Mei 1966. Mereka berjaya menghapuskan pemberontakan dan menangkap seorang pemimpin Buddha, Thich Tri Quang yang dibawa ke Saigon. Selepas itu, Presiden Johnson meluaskan perang di Vietnam dengan memberi persetujuan untuk mengebom kawasan Hanoi-Haiphong pada 29-30 Jun. Vietnam Utara terpaksa memindahkan sebahagian daripada penduduk di bandar-bandar besar dan pada 17 Julai, Ho Chi Minh menyeru rakyat agar berjuang habis-habisan.

Amerika masih berharap agar Vietnam Utara menyerah dan bersetuju datang ke meja rundingan. Tentera Amerika kini berjumlah seramai 300 000 di selatan dan dibantu oleh tentera Korea Selatan. Vietnam Utara dan Barisan Pembebasan terus tidak berganjak

daripada kedudukan mereka. Mereka berjaya menyekat kemaraan tentera Amerika walaupun terpaksa mengorbankan banyak nyawa. Presiden Johnson kini menyedari yang tindakan Amerika tidak popular dan rejim Saigon tidak mendapat sokongan. Oleh itu beliau memerintahkan supaya diadakan pilihanraya dan menubuhkan sebuah kerajaan baru, sambil mencuba memujuk Hanoi agar bersetuju mengadakan rundingan.

Ucapan di Phnom Penh dan Serangan pada Musim Perayaan Tet

Pada 11 September 1966, pilihanraya diadakan di Vietnam Selatan. Di samping itu Amerika juga meneruskan usahanya untuk mendapatkan sekutu-sekutunya, iaitu Korea Selatan, Thailand, Filipina, Australia supaya menghantar tentera ke Vietnam Selatan. Amerika Syarikat juga mengumumkan yang ia bersetuju untuk "mengurangkan" peperangan sekiranya ia mendapat jaminan Hanoi yang Vietnam Utara akan menghentikan penyusupannya ke selatan. Kenyataan ini yang dibuat melalui wakilnya ke Bangsa-Bangsa Bersatu pada 22 September 1966 memperlihatkan buat pertama kalinya sikap bertolak ansur dalam perbincangan mengenai masalah Vietnam ini.

Tetapi Perancis mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza. Dalam lawatannya ke Kemboja, de Gaulle menyatakan pada 2 September bahawa "hanya satu persetujuan politik boleh memulihkan keamanan". Perjanjian ini bagi beliau, mestilah mempunyai tujuan utamanya untuk memulihkan keamanan dan menjamin perkecualian Indo-China serta hak rakyat untuk menentukan masa depannya sendiri. Kemungkinan tercapainya persetujuan ini bergantung kepada kesediaan Amerika mengundurkan tenteranya dan sekutu-sekutunya dari Vietnam Selatan.

Pemerintah tentera Amerika berjaya meyakinkan Presiden Johnson yang masanya telah tiba bagi melancarkan serangan. Dalam bulan November, serangan-serangan dilancarkan di delta Sungai Merah. Pada 13 dan 14 Disember 1966, buat pertama kalinya Amerika telah mengebom bandar Hanoi. Tindakan ini dikecam oleh seluruh dunia, dan Amerika terpaksa berundur dan mencari jalan untuk mengadakan rundingan. Pada 31 Disember, U Thant meminta Amerika agar menghentikan serangannya dan pada 28 Januari 1967 pula, Menteri Luar Vietnam Utara menyatakan yang rundingan

akan dapat diadakan dengan syarat Amerika menghentikan tindakan perangnya.

Usaha-usaha ini dianggap oleh Amerika sebagai tanda kelemahan dan ketua-ketua tentera Amerika meyakinkan Johnson yang keadaan di medan perang akan lebih berjaya pada bulan Ogos dan satu rundingan bolehlah difikirkan apabila kedudukan Amerika begitu kuat. Jeneral Westmoreland kini begitu yakin dengan kejayaan "war of attrition".

Peperangan terus berlaku di sepanjang tahun 1967. Vietnam Utara, dengan bantuan Rusia bukan sahaja enggan menyerah, tetapi mengakibatkan kekalahan teruk di pihak tentera udara Amerika. Di selatan pula, tentera Pembebasan mencapai kejayaan besar di medan perang. Kerajaan "Thieu-ky" terpaksa mengambil langkah mengukuhkan kedudukan mereka daripada segi politik dengan mengadakan pilihanraya dan mengumumkan dasar luar yang berkecuali. Jeneral Thieu dan Ky telah dilantik sebagai presiden dan naib presiden Vietnam Selatan dalam pilihanraya 3 September 1967. Memandangkan yang Ky dan Thieu berjaya dalam pilihanraya ini, Presiden Johnson mengumumkan di Texas yang Amerika boleh menghentikan pengeboman jika sekiranya beliau mendapat jaminan yang ia akan disusuli oleh perbincangan-perbincangan. Tetapi pada 28 Disember, Hanoi mengumumkan yang pengeboman hendaklah dihentikan tanpa sebarang syarat dan ini akan diikuti oleh rundingan-rundingan.

Sementara itu, pada 31 Januari 1968, tentera Barisan Pembebasan melancarkan serangan secara besar-besaran di selatan dan berjaya masuk ke beberapa bandar dan menguasai kawasan-kawasan desa. Amerika Syarikat mengambil tindak balas dan peperangan berlaku di Saigon, Cholon dan Hue. Tetapi serangan musim perayaan Tet ini menunjukkan yang Amerika tidak mempunyai kemungkinan untuk memenangi peperangan ini. Permintaan Jeneral Westmoreland untuk mendapat bekalan tambahan ditolak oleh Setiausaha Pertahanan baru Amerika yang baru, iaitu Clark Clifford yang menggantikan McNamara. Pada 31 Mac 1968, Johnson mengulangi hasratnya untuk berunding dan menghentikan pengeboman tanpa syarat ke atas Vietnam Utara.

Pada 3 April, Hanoi bersetuju berunding dengan Amerika tentang pemberhentian pengeboman dan tindakan perang yang lain.

Amerika dan Vietnam akhirnya bersetuju berunding di Paris pada 13 Mei 1968.

Beberapa hari sebelum itu, sebuah parti politik muncul di selatan: Pakatan Tentera Kebangsaan, Demokratik dan Aman (A.F.N.D.P.). Parti ini dianggotai oleh golongan "borjuis kebangsaan" dan kaum intelektual yang memusuhi rejim Diem dan rejim tentera. Mereka ini bukan terdiri daripada komunis, tetapi menyokong program Barisan Pembebasan dan sedia bekerjasama dengannya bagi menubuhkan "kerajaan bebas, aman, demokratik, berkecuali dan makmur" di Vietnam Selatan. Pakatan ini diketuai oleh Trinh Dinh Thao yang pernah menjadi Menteri Keadilan dalam kerajaan Tran Trong Kim pada tahun 1954. Beberapa orang pemimpinnya juga terkenal kerana penentangan mereka terhadap rejim tentera di Hue dalam tahun 1966.

Kemunculan pakatan ini di arena politik Vietnam Selatan mengakibatkan satu perubahan penting dalam dasar Barisan Pembebasan. Ianya tidak lagi boleh mengisytiharkan dirinya sebagai satu-satunya "wakil yang sah bagi rakyat Vietnam Selatan", dan bersetuju bekerjasama dengan parti baru ini yang masih belum diketahui kedudukan sebenarnya.

Persidangan Paris

Dalam masa dua bulan, iaitu dari bulan Mei hingga Julai 1968, perwakilan Amerika yang diketuai oleh A. Harriman cuba mendapatkan "sign of reciprocity" daripada perwakilan Hanoi yang diketuai oleh Xuan Thuy. Di Vietnam Selatan, tentera udara Amerika masih menjalankan serangan-serangan dan pihak tentera pula melancarkan gerakan pembersihan. Tentera Pembebasan melancarkan tindakan balas di kawasan Saigon.

Setelah gagal membuat tekanan ke atas Vietnam Utara, pentadbiran Johnson cuba mendapatkan pendirian Hanoi tentang kemungkinan-kemungkinan setelah tamat pengeboman. Hanoi mempunyai tujuan penting, iaitu memaksa Amerika supaya mengiktiraf Barisan Pembebasan sebagai satu entiti politik yang berkebolehan membincangkan masa depan Vietnam Selatan. Dalam bulan Oktober, Washington mencadangkan supaya rundingan dimulakan dan Saigon juga dipanggil bersama dalam sidang ini. Hanoi bersetuju sekiranya Barisan Pembebasan juga diterima masuk mengambil bahagian

dalam persidangan ini. Amerika dengan segera bersetuju (23 Oktober 1968).

Keputusan ini tidak dipersetujui oleh Saigon. Pengeboman masih belum dihentikan, dengan ini persidangan juga terpaksa ditanda. Pada 5 November, Richard Nixon memenangi pilihanraya di Amerika. Washington mendapati sukar untuk meyakinkan Saigon agar menerima persetujuan mengenai Persidangan Paris (26 November). Jeneral Thieu dan Ky bersetuju mengambil bahagian dalam persidangan ini sekiranya Amerika bersetuju dengan syarat-syarat berikut: berjanji tidak akan membuat sebarang persetujuan damai yang berasingan dengan Barisan Pembebasan, tidak mengadakan rundingan politik secara langsung dengan pertubuhan ini dan tidak memaksa Saigon membentuk sebuah kerajaan campuran. Saigon mahukan supaya Barisan Pembebasan dibenarkan mengambil bahagian dalam sidang ini bukan kerana namanya sendiri, tetapi merupakan sebahagian daripada perwakilan komunis. Pada awal Januari, persetujuan dicapai untuk memulakan rundingan. Barisan Pembebasan mengambil bahagian sebagai satu entiti bebas dan ini diiktiraf oleh Amerika. Hanoi dan Barisan Pembebasan menegaskan yang kehadiran Saigon dalam rundingan-rundingan yang bermula pada 18 Januari 1968 tidak bererti yang mereka mengiktiraf rejim Thieu-Ky.

Dalam persidangan di Paris ini, kedua-dua Hanoi dan Barisan Pembebasan cuba menyelami apakah tujuan sebenar Amerika Syarikat. Pada 10 Februari 1969, perwakilan Barisan Pembebasan menyatakan yang masalah utama ialah pengunduran tentera Amerika dari Vietnam, tetapi Amerika mengatakan yang mereka mestilah membincangkan "pengunduran bersama" dari Vietnam Selatan. Amerika juga berusaha untuk mengadakan perbincangan secara langsung antara kerajaan Thieu dan Barisan Pembebasan, dengan harapan agar pertubuhan ini akan mengiktiraf kerajaan Thieu, tetapi ini tidak berjaya.

Barisan Pembebasan telah mengemukakan satu "penyelesaian menyeluruh" 10 perkara yang disokong oleh Hanoi. Cadangan ini adalah seperti berikut:

a) Kerajaan Amerika mestilah mengundurkan tenteranya dari Vietnam Selatan, juga bekalan senjata dan bekalan perang tanpa syarat; menghapuskan pangkalan Amerika di selatan, menghentikan

pencerobohan di wilayah Vietnam Selatan dan Vietnam Utara. (Perkara 2).

b) Rakyat Vietnam mempunyai hak mempertahankan diri mereka. Masalah tentera di Vietnam Selatan akan diselesaikan oleh orang Vietnam sendiri. (Perkara 3).

c) Rakyat Vietnam Selatan akan mengendalikan hal mereka sendiri tanpa campur tangan asing. Mereka akan menentukan kerajaan di Vietnam Selatan melalui pilihanraya umum yang bebas dan akan membentuk sebuah perlembagaan dan kerajaan campuran di selatan yang disokong oleh semua lapisan rakyat. (Perkara 4).

d) Sementara menunggu pilihanraya, tidak ada sebarang pihak yang memaksakan rejimnya ke atas rakyat Vietnam Selatan. Semua parti politik di selatan termasuklah orang-orang yang terpaksa tinggal di luar negeri boleh mengambil bahagian dalam membentuk kerajaan campuran sementara berdasarkan persamaan, demokrasi dan hormat menghormati agar dapat diadakan sebuah Vietnam Selatan yang aman, demokratik dan berkecuali. (Perkara 5).

Nixon juga menghantar satu cadangan 8 perkara yang antara lain, termasuklah pengunduran tentera dari Vietnam Selatan, gencatan senjata dan pilihanraya. Amerika juga menjelaskan yang ia tidak "terikat" dengan mana-mana rejim di selatan. Ini membimbangkan Saigon. Pada 8 Jun, Barisan Pembebasan telah membentuk sebuah "kerajaan sementara revolusi Republik Vietnam Selatan" (G.R.P.) yang diiktiraf oleh 25 negara, termasuklah Rusia dan China. Hanoi juga mengiktirafnya, sekurang-kurangnya menerima hakikat dua Vietnam buat sementara waktu.

Sebulan selepas itu, Nixon memberitahu Ho Chi Minh tentang hasratnya untuk mengundurkan tentera Amerika dari Vietnam dan mengakhiri tanggungjawab tentera Amerika di Asia Tenggara. Pada 25 Ogos, Ho Chi Minh menghantar jawapan kepada Nixon dan pada 2 September, Xuan Thuy, ketua perwakilan Vietnam mengatakan yang rundingan akan mencapai kemajuan apabila sahaja prinsip pengunduran diterima oleh Amerika Syarikat. Pada 3 September, Ho Chi Minh meninggal dunia di Hanoi.

Kematian Ho ini menimbulkan kekosongan di Hanoi. Pengalaman dan prestij Presiden Ho tidak ada bandingannya di Vietnam. Kebijaksanaan merupakan kekuatan bagi Vietnam Utara. Penggantinya ialah Ton Duc Thang (Naib Presiden) berumur 81 tahun

dilantik pada 22 September sebagai Presiden Republik Demokratik Vietnam. Tetapi nyata yang pengaruh yang besar berada di tangan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Le Duan.

Saigon cuba dengan sedaya upaya menyulitkan rundingan-rundingan yang sedang diadakan. Keadaan ini dan penindasan yang berterusan di Vietnam Selatan dan keengganan Amerika bagi mengadakan rundingan secara langsung menyebabkan meningkatnya pengaruh "Kumpulan Truong Chinh" yang pro-China di Hanoi, terutama selepas kematian Ho Chi Minh.

Sejak musim panas 1969, pentadbiran Nixon memulakan dasar "vietnamisation". Ini bererti memberikan tugas-tugas peperangan kepada orang Vietnam dan dasar ini akan membolehkan pengunduran Amerika dari Vietnam Selatan dalam masa tertentu. Tetapi peluang bergerak bagi Amerika secara politiknya sudah berkurangan di Vietnam Selatan. Mereka hanya disokong oleh kumpulan tentera Thieu dan pelarian Katolik. Dasar "vietnamisation" ini jelas tidak akan memberikan kemenangan kepada Saigon yang telah kehilangan semua sokongan daripada rakyat Vietnam.

Kemerosotan kerajaan Vietnam Selatan ini menimbulkan harapan di kalangan penyokong "peperangan yang berlarutan" di Hanoi dan membimbangkan Amerika Syarikat, dan mendorong mereka mencari inisiatif baru dalam pencapaian perdamaian. Pada 20 April 1970, Nixon mengumumkan yang Amerika akan berundur daripada Vietnam. Pemerintahan tentera Amerika menasihatkan Nixon agar pengunduran ini dibuat selepas diadakan operasi tentera di Kemboja, kerana pihak berhaluan kanan baru sahaja menggulingkan Sihanouk.¹⁰

Pada 30 April 1970, tentera Amerika dan Vietnam Selatan masuk ke Kemboja dan dengan ini perang Vietnam diperluaskan menjadi perang Indo-China seperti yang berlaku pada tahun 1947. Tindakan ini mengurangkan lagi kemungkinan tercapainya penyelesaian secara rundingan.

¹⁰Lihat bab mengenai Kemboja.

NASIB YANG TRAGIK

SEJAK 1859, Vietnam berjuang untuk mendapatkan kemerdekaannya dan membebaskan dirinya daripada cengkaman politik dan tentera kuasa-kuasa Barat. Dalam tahun 1970, "masalah Vietnam" masih seperti yang terdapat pada tahun 1946.

Vietnam merupakan salah sebuah negara yang tertua di Asia yang telah wujud dan mempunyai sistem pentadbiran dan politik yang tersendiri sebelum kedatangan Perancis lagi. Kedatangan Perancis mengubah sistem nilai tradisional dan teras masyarakat Vietnam kepada sesuatu yang lebih moden dan "lebih bertamadun".

Pencerobohan daripada segi ketenteraan, politik, ekonomi dan kebudayaan ini telah menimbulkan "gerakan kebangsaan" seperti yang terdapat dalam pemberontakan di Eropah seperti di Greece, Poland, Ireland, Yugoslavia dan Czechoslovakia. Gerakan kebangsaan ini telah memberikan beberapa jalan baru kepada Vietnam dalam mendapatkan semula kemerdekaannya. Ia dapat dilihat daripada tindakan-tindakan oleh Phan Boi Chau, Phan Chau Trinh yang memilih corak perjuangan yang berbeza. Mulai 1916, nyata yang perjuangan secara bersenjata tidak akan berjaya kerana kekuatan Vietnam tidak dapat dibandingkan dengan Perancis. Perjuangan melalui pendekatan kepada sistem penjajahan juga tidak berjaya, malah perjuangan menentang sistem ini tidak dapat dielakkan. Selepas 1926, patriot-patriot Vietnam tidak lagi memilih kerjasama, tetapi mereka tidak ada pilihan lain selain daripada perjuangan bersenjata.

"Gerakan Kebangsaan" di Vietnam adalah lebih luas dan lebih tersebar daripada apa yang selalunya dibayangkan di Barat. Gerakan ini memberi kesan besar terhadap seluruh negara yang mana bekas pemimpinnya sudah pun mempunyai pemikiran intelektual, ideologi dan kepentingan ekonomi yang "kompleks", dan ini memunculkan kumpulan-kumpulan, mazhab dan parti-parti yang berbeza dan banyak. Perjuangan mereka sudah semestinya berbagai bentuk dan memerlukan penyatuan daripada segi ideologi.

Sejak berzaman lagi Vietnam mempunyai sistem ideologi, politik dan sosial yang tertentu: sistem pemikiran Kung Fu-tze yang bukan sahaja berbentuk moral, tetapi juga spiritual. Kaum intelek di

Vietnam mula mempersoalkan sistem ini selepas kekalahan politik dan tentera golongan cendekiawan lama. Pendekatan ini bermula pada akhir abad ke-19. Rakyat Vietnam memerlukan satu pandangan yang menyeluruh, satu *Weltanschauung* dan satu sistem yang boleh memberi penjelasan tentang dunia mereka. Kaum intelek Vietnam cuba mencari jawapan ini melalui satu ideologi baru di negara-negara maju seperti di Perancis, Britain, Amerika Syarikat, Jerman, China, Jepun dan Rusia. Tidak ada satu pun daripada sistem yang terdapat seperti liberalisme, demokratik, fasisme, demokrasi-sosial, kapitalisme ataupun pemikiran Sun Yat-sen yang dapat menawan hati kaum intelek Vietnam. Tetapi sebaliknya, pemikiran Marx-Lenin telah menarik minat sebahagian besar daripada golongan ini. Setengah-setengahnya pula terlalu ghairah dengan ideologi ini sehingga mereka lupa tentang masalah yang terpaksa dihadapi apabila melaksanakan sesuatu yang asing dan yang terpaksa diubahsuai.

Pengenalan pemikiran Marx-Lenin di Vietnam merupakan peristiwa penting yang membawa akibat yang berpanjangan. Pada mula-mulanya, ideologi ini nampaknya dapat memberikan segala jawapan bagi masalah Vietnam. Pelaksanaan ideologi di Vietnam yang dilakukan oleh golongan yang masih tidak mempunyai pendidikan yang secukupnya menghasilkan perpecahan di kalangan intelek Vietnam. Ideologi juga ditentang oleh beberapa golongan yang mempunyai kepercayaan sentimen dan pemikiran yang berbeza yang wujud sejak berzaman di Vietnam. Keganasan dan kekerasan yang dilakukan atas nama ideologi ini menimbulkan rasa curiga dan kebencian di kalangan penduduk. Penekanan yang keterlaluan yang dibuat oleh komunis terhadap cita-cita sosialisme antarabangsa mengasingkan mereka daripada masyarakat Vietnam. Tindakan keras mereka pula tahun-tahun 1927-31 menyebabkan masyarakat menolak mereka. Tetapi penentang-penentang Marxisme juga tidak mempunyai pilihan untuk diberikan kepada rakyat, juga tidak ada pemimpin mereka yang berkebolehan dan berani.

Kejayaan Marxisme-Leninisme di Vietnam ditentukan oleh dua faktor: Ho Chi Minh dan dasar golongan berhaluan kanan Perancis dan Amerika. Ho Chi Minh telah memberikan "Ciri-ciri Vietnam" kepada Marxisme. Beliau adalah seorang patriot lebih daripada segala-galanya. Beliau mengganti Marxisme-Leninisme melalui nasi-

onalisme dan patriotisme¹ dan beliau berjaya menerangkannya dalam bahasa yang boleh difahami oleh orang Vietnam. Selepas tahun 1943, beliau memberikan imej yang lebih berperikemanusiaan dan kebangsaan kepada Marxisme-Leninisme. Beliau membuktikan yang Marxisme-Leninisme adalah "bersesuaian" dengan tanahair, kemerdekaan, kebebasan dan keadilan.

Tetapi tidak ada faktor yang lebih besar yang menolong kejayaan komunisme di Vietnam selain daripada dasar golongan berhaluan kanan di Perancis dan Amerika selepas 1924 dan 1954. Penindasan oleh penjajah Perancis terhadap orang Vietnam yang malu menerima pemodenan telah meninggalkan kekosongan yang merbahaya pada masa sebelum Marxisme tiba di Vietnam. Dengan mengecap semua penentang mulai tahun 1920-21 sebagai "komunis" penjajah Perancis telah memberikan kepada golongan ini prestij dan imej pendokong nasionalisme yang dibenci oleh penjajah. Sejak tahun 1924, Perancis dan Amerika memaksa Vietnam memilih antara Barat atau Komunis. Keengganan Perancis menjalankan pembaharuan dan tindakan Amerika selepas keluarnya Perancis juga menolong mendekati lagi rakyat Vietnam kepada parti yang dipimpin oleh Ho Chi Minh. Jika memecahkan gerakan kebangsaan, tindakan yang dijalankan oleh penentang komunisme ialah memberikan "justifikasi" kepada tuduhan-tuduhan komunis.

Perjuangan rakyat Vietnam menentang pemilik tanah yang kaya serta mandarin yang rasuah semakin menyulitkan dan ekonomi Barat. Pihak Barat menggunakan falsafah pecah perintah dan menyokong segelintir orang yang berkepentingan. Golongan ini telah menjual maruah negara untuk mengekalkan kedudukan mereka dan enggan mencari penyelesaian yang demokratik dan bebas kepada masalah yang timbul berikutan daripada peristiwa-peristiwa ini.

Perjuangan di Vietnam pada dasarnya ialah perjuangan untuk kemerdekaan dan demokrasi sama ada pada tahun 1970, 1946 atau 1936. Seperti yang diketahui oleh Amerika sejak 1776, kedua-dua perkara ini – kemerdekaan dan demokrasi – adalah berkaitan. Pihak asing hanya cuba meneruskan kedudukan mereka dengan menyokong satu oligarki tempatan, dan kumpulan ini juga dapat hidup

¹ Bandingkan Ho Chi Minh, "Le chemin qui m'a conduit au leninisme", *L'echo du Viet Nam*, Paris, Julai 1960.

hanya dengan bergantung kepada kuasa asing. Ini berlaku di dunia sosialis seperti juga di dunia kapitalis, di Czechoslovakia ataupun di Vietnam.

Kekalahan Jepun 1945 memberi peluang kepada komunis mengukuhkan kedudukan mereka. Tetapi ia juga mengukuhkan kedudukan lawan mereka, dan kemunculan dua kumpulan ini amat merbahaya bagi keamanan. Perancis mungkin tidak akan menentang Republik Demokratik Vietnam jika negara itu bukan negara komunis. Kebanyakan daripada kesalahan dalam dasar dan tindakan yang diambil adalah kerana mereka tidak mengetahui keadaan sebenar. Parti Pekerja Vietnam (*Dang Lao Dong Veit Nam*) menjadi tenaga politik yang terpenting di negara Vietnam. Walaupun ianya berjaya dalam peperangan, Republik Demokratik Vietnam masih belum mendapat kepercayaan daripada segi politik antarabangsa sejak 1968. Ini disebabkan sikapnya yang dogmatik, bercakap besar dan sikap curiga pemimpin-pemimpin komunis di Vietnam sendiri terhadap orang lain.

Perang di Vietnam sejak 1958 mungkin dapat dielakkan jika Perancis berjaya mengelakkan diri daripada tekanan pengaruh Amerika. Pemberontakan petani di delta Mekong juga mungkin dapat dipatahkan jika terdapat liberalisasi daripada pihak berkuasa rejim Diem. Tetapi Amerika lebih sedia menyokong satu oligarki di selatan dan kemudahan meluaskan perang ke utara. Mereka telah membina-sakan kawasan selatan, menyeret rakyat Kemboja dan Laos ke kancha peperangan dan menimbulkan berbagai akibat sosial daripada tindakan perang ini.

Kunci kepada masalah yang ada dan kepada perdamaian bukanlah di pihak Vietnam. Sama ada kerajaan Hanoi adalah komunis ataupun tidak, masalahnya adalah sama dan satu. Sejak di Dalat pada tahun 1946 lagi masalah ini telah dikenali, dan ia tidak pernah berubah: bagaimana mendapat pengiktirafan sebenar terhadap kemerdekaan Vietnam dan pengunduran tentera asing dari Vietnam, bagaimana membentuk satu rejim yang bersifat kebangsaan yang dipilih di selatan bagi membolehkan transisi dilakukan? Sejak 1946, Vietnam menunggu jawapan ini dari Paris, kemudiannya dari Washington. Jawapan ini tidak pernah diberikan.

Pembentukan barisan nasionalis kumpulan agama dan Marxis sejak 1946 mungkin dapat menggugat pihak Barat di Vietnam.

Tetapi tindakan pihak "kiri" yang keterlaluan tidak membenarkan ini berlaku. Sikap keterlaluan golongan kiri komunis Vietnam ini menimbulkan rasa curiga dan perpecahan dalam masyarakat Vietnam. Keadaan ini hanya menguntungkan kuasa asing dan konco-konconya.

Sejak perang dunia kedua, rakyat Vietnam membuktikan kebolehan mereka menentang Barat. Perang Vietnam bolehlah dibandingkan dengan perang kemerdekaan Amerika abad ke-19. Dua kuasa besar Barat yang kaya telah cuba mengekalkan tentera dan pegawai-pegawai mereka sejak dua puluh tahun di Vietnam dan cuba menyekat pilihanraya dan ini dibuktikan dan tercatat dalam sejarah.

Adalah sukar untuk mengetahui apa yang akan dibuat oleh orang Vietnam apabila perang ini selesai. Kuasa asing sudah tentu akan terpaksa meninggalkan Vietnam dan mengiktiraf kemerdekaan negara itu serta mengundurkan tentera mereka dan menerima hakikat yang Vietnam adalah milik orang Vietnam, sama ada mereka ini dari kumpulan berhaluan kanan ataupun kiri, sama ada dari utara ataupun selatan. Hanya persahabatan dan penyatuan orang Vietnam sahaja yang dapat menjamin keamanan dan kemerdekaan.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DIVISION OF THE PHYSICAL SCIENCES
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5708 SOUTH ELLIS AVENUE
CHICAGO, ILLINOIS 60637
TEL: 773-936-3700
FAX: 773-936-3700

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DIVISION OF THE PHYSICAL SCIENCES
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5708 SOUTH ELLIS AVENUE
CHICAGO, ILLINOIS 60637
TEL: 773-936-3700
FAX: 773-936-3700

BIBLIOGRAFI RINGKAS

KEMBOJA

1. Bibliografi

- BERVAL (René de), ed. – dalam “Présence du Combodge”, *France-Asie*, Saigon, no. 114-115, November-Disember 1955.
- PRESCHÉZ (Philippe). – “Le Cambodge Depuis 1941. Etat des travaux”, *Revue française de science politique*, Disember 1961. ms 906-935.

2. Kemboja Sebelum 1900

- BRIGGS (Lawrence P.). – *The Ancient Khmer Empire*, Philadelphie, Amer. Philosoph. Society, 1951, 295 ms.
- COEDES (George). – *Les Etats hindouisés d'Indochine et d'Indonésie*, Paris, E. de Boccard, 1964, 494 ms.
- *Les peuples de la peninsule indochionise*, Paris, Dunod, 1962. 229 ms.
- DAUPHIN-MEUNIER (A.). – *Histoire du Cambodge*, Paris, P.U.F., 1968, 127 ms.
- GROSLIER (Bernard P.). – *Histoire du Cambodge*, Paris, P.U.F., 1968, 127 ms.
- GROSLIER (Bernard P.). – *Angkor. Hommes et pierres*, Paris, Arthaud, 1956. 232 ms.
- OSBORNE (Milton). – *The French Presence in Cochinchina and Cambodia. Rule and Response (1859-1905)*, Ithaca, Cornell Univ. Press, 1969, XVII – 379 ms.
- THIERRY (Solange). – *Les Khmers*, Paris, Seuil, 1964, 192 ms.

3. Era 1900-1953 dan Umum

- BERCAL (René de), ed. – “Présence du Cambodge”. *France-Asie*, Saigon, no. 114-115. November-Disember 1955, 244 ms.

SEJARAH INDO-CHINA MODEN

- CHEMINAIS (Louis). – *Le Cambodge*, Paris, Librairie d'Amérique et d'Orient, 1960, 535 ms.
- COLLARD (P.). – *Cambodge et Cambodgiens*, Paris, Sté d'Éditions géographiques et coloniales, 1952.
- DELVERT (Jean). – *Le payson cambodgien*, Paris, Mouton, 1961, 740 ms.
- MONOD (G.H.). – *Le Cambodgien*, Paris, Larose, 1931.
- MORISON (Rene). – *Monographie du Cambodge*, Hanoi, IDEO, 1931, 284 ms.
- PANNETIER (A.). – *Notes cambodgiennes, Au coeur du pays khmer*, Paris, Payot, 1921.
- POREE (G.), MASPERO (E.). – *Moeurs et coutumes des Khmers*, Paris, Payot, 1938, 271 ms.
- STEINBERG (David) et al. – *Cambodia, Its people, its society, its culture*, Newhaven, HRAF, 1957, 345 ms.

4. Kemboja Selepas 1953

- BURCHETT (Wilfred). – *En remontant le Mekong*, Hanoi, Ed. Fleuve Rouge, 1957, 337 ms.
- DAUPHIN-MEUNIER (A.). – *Le Cambodge de Sihanouk, ou la difficulté d'être neutre*, Paris, Nouv. Ed. latines, 1965, 187 ms.
- LACOUTRE (Simonne). – *Cambodge*, Lausanne, Rencontre (Atlas des Voyages), 1963, 246 ms.
- PRESCHÉZ (Philippe). – *Essai sur la démocratie au Cambodge*, Paris, Fondation nationale des science politiques, 1961, 134 ms. (multigr.).
- PRUDHOMÉE (Remy). – *L'économie du Cambodge*, Paris, P.U.F., 1969, 300 ms.
- SMITH (Roger). – *Cambodia's Foreign Policy*, Ithaca, Cornell Univ. Press, 1965, 273 ms.

LAOS

1. Bibliografi

- HALPERN (Joel). – *Bibliography of Laos and Related Areas to 1961*, Berkeley, Universiti California, 1962, Mimeogr.
- LAFONT (P.). – *Bibliographie du Laos*, Paris, EFEO, 1964, 269 ms.
- PRESCHÉZ (Philippe). – "Le Laos depuis 1941, Etat des travaux", *Revue française de Science politique*, jilid 16, no. 3 Jun 196. ms 581-620.

2. Sejarah Umum

- COEDES (George). – *Les Etats hindouisés d'Indochine et d'Indonésie*, Paris, E. de Boccard, 1964, 494 ms.
- *Les peuples de la péninsule indochinoise*, Paris, Dunod, 1962, 229.

- DEYDIER (Henri). – *Introduction à la connaissance du Laos*, Saigon, IFOM, 1952, 145 ms.
- LAFONT (P.). – *Aperçus sur le Laos*, Vientiane, Alliance française, 1959, 57 ms.
- LE BAR (F.) et SUDDARD (A.), ed. – *Laos, Its People, Its Society, Its Culture*, Newhaven, HRAF, 1960, 294 ms.
- LE BOULANGER (P.). – *Histoire du Laos français*, Paris, Plon, 1931, 382 ms.

3. Laos Selepas 1941

- BERVAL (Rene de), ed. – "Présence du Royaume Lao", *France-Asie*, no. 118-119, Mac-April 1956, 450 ms.
- BURCHETT (Wilfred). – *En remontant le Mekong*, Hanoi, Ed. Fleuve Rouge, 1957, 337 ms.
- *The Furtive War: The U.S. in Vietnam and Laos*, New York, International Publishers, 1963, 224 ms.
- DOMMEN (Arthur). – *Conflict in Laos, The Politics of Neutralization*, New York, Praeger, 1964, 338 ms.
- FALL (Bernard). – *Anatomy of a Crisis*, New York, Doubleday, 1969.
- GENTIL (Pierre). – *Remous du Mékong*, Paris, Lavauzelle, 1950, 368 ms.
- HALPERN (Joel). – *Government, Politics and Social Structure in Laos. A Study of Tradition and Innovation*, New Haven, Yale Univ. Press, 1964, 197 ms.
- QUANG MINH. – *Au pays du million d'éléphants et du parasol blanc*, Hanoi, ELE, 1962, 150 ms.
- ROCHET (C.). – *Pays lao. Le Laos dans la tourmente 1939-1945*, Paris, Vigneau, 1946, 274 ms.
- SASORITH (Kathy D.). – *Le Laos*, Paris, Berger-LeVrault, 1953, 155 ms.
- SÍSOUK NA CHANPASSAK. – *Tempête sur le Laos*, Paris, La Table Ronde, 1961, 272 ms.
- TOYE (Hugh). – *Laos, Buffer State or Battleground*, Londres, Oxford Univ. Press, 1968.
- VONGVICHIT (Phoumi). – *Le Laos et la lutte victorieuse du peuple lao contre le neo-colonialisme américain*, Hanoi, Editions du NLH, 1968, 254 ms.

VIETNAM

1. Bibliografi

- GASPARDONE (Emile). – *Bibliographie annamite*, Hanoi, 1935, 173 ms.
- ISOART (Paul). – dalam *Le Viet Nam*, Paris, A. Colin (Dossiers U2), 1969 (ms. 79-104).
- JUMPER (Roy). – *Bibliography on the political and administrative history of Vietnam 1802-1962*, Saigon, Michigan State Univ., 1964, 115 ms.
- NGUYEN (The Anh). – *Bibliographie critique sur les relations entre le Vietnam et l'Occident*, Paris, Maisonneuve et Larose, 1967, 310 ms.

2. Umum dan Sejarah Sebelum 1940

- BUTTINGER (Joseph). – *Vietnam. A Dragon Embattle*, New York, Praeger, 1967, 2 Jilid, 1346 ms.
- CHESNEAUX (Jean). – *Contribution à l'histoire de la nation vietnamienne*, Paris, Editions sociales, 1955, 324 ms.
- COULET (Georges). – *Les sociétés secrètes en Terre d'annam*, Saigon, Ardin, 1926.
- GOUVT GEN. de L'INDOCHINE. – *Contribution à l'histoire des mouvements, politiques de l'Indochina française*, Hanoi, 1933, 5 jilid.
- HICKEY (Gerald). – *Village in Vietnam*, New Haven, Yale Univ. Press, 1964.
- HUARD (P.), DURAND (M.). – *Connaissance du Viet Nam*, Paris, Imprimerie Nationale, 1954, 358 ms.
- ISOART (Paul). – *Le phénomène national vietnamien*, Paris LGDG, 1961, 438 ms.
- MASSON (Andre). – *Histoire du Viet Nam*, Paris, P.U.F. (ue Sais-je), 1960, 128 ms.
- LE THANH KHOI. *Le Viet Nam. Histoire et civilisation*, Paris, Ed. de Minuit, 1955, 586 ms.
- PASQUIRE (Pierre). – *L'Annam d'autrefois*, Paris, SEGMC, 1930, 238 ms.
- PHAN boi chau. – "Mémoires", *France-Asie*, Paris, 1968, no. 194-195, 210 ms.
- ROBEQUAIN (Charles). – *L'évolution économique de L'Indochine française*, Paris, Hartmann, 1939, 398 ms.
- THOMSON (Virginia). – *French Indochina*, New York, Macmillan, 1937.
- VIOLLIS (Andree). – *Indochine S.O.S.*, Paris, N.R.F., 1935.

3. Kebijakan Perancis (1940-1954)

- DECOUX (Am. Jean). – *A la barre de l'Indochine*, Paris Plon, 1949, 508 ms.
- DEVILLERS (Philippe). – *Histoire du Viet Nam de 1940 a 1952*, Paris, Seuil, 1952, 480 ms.
- DEVILLERS (P.), LACOUTURE (J.). – *Viet Nam. De la guerre française à la guerre américaine*, Paris, Seuil, 1969, 430 ms.
- HAMMER (Ellen J.). – *The Struggle for Indochine 1940-55*, Stanford, Stanford Univ. Press, 1966, 374 ms.
- LACOUTURE (Jean). – *Ho Chi Minh*, Paris, Seuil, 1967, 256 ms.
- LANCASTER (Donald). – *The Emancipation of French Indochina*, Londres, Oxford Univ. Press, 1964.
- McALISTER (John). – *Vietnam. The Origins of Revolution*, New York, Alf. Knopf, 1969.
- MUS (Paul). – *Viet Nam. Sociologie d'une guerre*, Paris, Seuil, 1952, 382 ms.
- RAGUEU (Christiane P.). – *Ho Chi Minh*, Paris, Editions universitaires, 1970, 191 ms.
- SACKS (Milton). – "Viet Nam", *dalam Marxism in Southeast Asia* (edisi) F.

Trager), Stanford, Stanford, Univ. Press, 1965.

STAINTEY (Jean). – *Histoire d'une paix mangée*, Paris, Fayard, 967.

4. Vietnam Selepas 1954

BURCHEIT (Wilfred). – *Au Nord du 17e Parallèle*, Hanoi, W.B., 1955, 384 ms.

CHAFFARD (Georges). – *Indochine. Dix ans d'indépendance*, Paris, Calmann-Levy, 1964, 295 ms.

– *Les deux guerres du Viet Nam*, Paris, La Table Ronde de Combat, 1969, 460 ms.

CHESNEAUX (Jean). – *Le Viet Nam*, Paris, Maspero, 1968, 192 ms.

COOPER (Chester L.). – *The Lost Crusade. America in Vietnam*, New York, Dodd, Mead & Co. 1970, 599 ms.

FALL (Bernard). – *Le Viet Minh. 1945- 1960*, Paris, A. Colin, 1960, 376 ms. – *Les deux Viet Nam*, Paris, 1967, 480 ms.

HONEY (P.J.), Ed. – *North Vietnam Today*, New York, Praeger, 1962, 166 ms.

GETTLEMAN (Marvin), ed. – *Vietnam, Greenwich (Comm.)*, Fawcett, 1965, 448 ms.

KAHIN (G. McT), LEWIS (J.). – *The United States in Vietnam*, New York, Dial Press, 1967, 545 ms. (Terbitan semula 1969).

LACOUTURE (Jean). – *Le Viet Nam entre deux paix*, Paris, Seuil, 270 ms.

SCIGLIANO (Robert). – *South Vietnam, Nation under stress*, Boston, Houghton Mifflin, 1963, 237 ms.

SHAPLEN (Robert). – *The Lost Revolution*, New York, Harper & Row, 1965, 404 ms.

VO NGUYEN GIAP. – *Guerre du peuple. Armée du peuple*, Hanoi, E.L.E., 1961, 238 ms.

VO NHAN TRI. – *Croissance économique de la République démocratique du Viet Nam*, Hanoi, E.L.E., 1967, 630 ms.

INDEKS

- Abhay (Kou), 182
Abhay (Kouprasith), 184
Abhay (Nhony), 165, 182
Air America, 189
Alessandri, (Jeneral) 60
Alompra, 133
Andre (Max), 315
Ang Duong, 18, 19
Ang Em, Raja 15
Ang Eng, 16
Ang Mey, 17
Ang Non, 15, 16
Ang Voddey, *ihat* Norodom
Argenlieu, *ihat* Thierry d'Argenlieu
Astrid, 145
Auriol (Vicent), 76, 337
- Ba Cut, 372
Bank China-Perancis, 53, 315
Bank Kebangsaan Kemboja, 78, 104
Bank Kebangsaan Laos, 168
Banque de l'Indochine, 50, 79, 149, 248
Bao Dai (Vinh Thuy), 56, 69, 78, 158,
162, 163, 242, 260-263, 274-277, 285,
293 295-298, 310, 326, 329, 330-345,
346, 347, 349, 350, 356-359, 363, 365
"Barisan Bersatu Rakyat Indo-China
Anti-Imperialis", 278
Barisan Demokratik Indo-China, 269,
270, 271, 273, 275, 277, 281
Barisan Kebangsaan Bersatu, 311, 318,
319
Barisan Kebangsaan Bersatu Kemboja
(F.U.N.K.), 120, 122
"Barisan Kebangsaan Bersatu Viet-
nam", 328, 330-331, 332
"Barisan Patriotik Laos" (*Neo Lao
Haksai*), 105, 172-176, 177-183, 185,
187, 189, 191, 193, 195-199, 370, 379
Barisan Pembebasan Kebangsaan "Vi-
etnam Selatan", 92, 96, 106, 108,
110, 375, 376, 382, 385, 386-389, 390,
391, 395, 397, 398, 400, 402
Barisan Pembebasan Vietnam Selatan,
197
Barisan Penyatuan Kebangsaan dan
Revolusi, 373, 377
"Barisan Tanahair" (*Mat-tran To'quoc
Hoi*) 106, 362, 379
Batchay, 150
Beau (Paul), 222, 225, 228
"Belia dan Sukan", 49, 286
Ben, 17
Bernard (Kolonel F.), 36
Bernard (Paul), 265
Bhavavarmann, 8
Bidault (Georges), 315, 321, 349, 350
Binh Xuyen, 303, 336, 345, 356-359,
362, 372, 376, 377, 383, 386-387
Blok demokrat, 382, 385
Blum (Leon), 272, 321-322, 323
Bodin (Jen. Phya), 17-18
Bodine, 132-133, 134-135
Bollaert (Emile), 327, 329-332, 334-337
Borodine (Mikhail), 244-245
Boulganine, 88-89, 361-362, 367-368
Boulloche, 149-150
Boun Khong, 139, 144, 153, 158-159
Boun Oum, 157-163, 183-187, 191-192
Bourcier de St Chaffray, 150-151
Bowles (Chester), 107
Brahmin, 6
Brevie (Jules), 270-271
Bui Quang Chieu, 237-238, 240, 243-
244, 246-247, 269-270, 272-273, 300
Bundy (William), 391-392

- Bunker (Ellsworth), 404
 Buttinger (J), 363-364
 Buu Hoi, 357-358
- Cabot-Lodge (Henry), 390, 398
 Cam Sinh, 138
 Cao Dai, 272, 274, 275, 277, 286-289,
 292, 297, 303, 311, 328, 337, 345,
 347, 356-359, 362-363, 372, 383
 Catroux (General Georges), 278
 Cadile (Jean), 299, 314, 318, 320
 Chakri Raja 16
 Chakri (Rama I) 133
 Chao Houy, 132-133, 134-135
 Chao In, 132-133
 Chao Kham-Ngon, 141-142
 Chao Nhouy, 144, 159-160
 Chao Noi, 134-135, 141-142
 Chao Ong Nan, 132-133
 Charles (Gabenor), 261
 Charner (Laksamana), 20
 Chatel (Yves) 238-239
 Chau Bory, 95-96
 Chau Em, 54-55
 Chay, 10-11
 Chelepine (Alexandre), 398
 Chen Yi, 99-100, 188-189
 Cheng Heng, 118-119
 Chey Chetta II, 13-14
 Chey Chetta IV, 15
 Chhean Vam, 62-63, 65-66, 67, 69-70,
 72-73
 Chhuon Mochulpich, 95-96
 Chiang Kai-Shek, 242, 252, 297, 309-
 310, 311, 380
 Chieu (Gilbert) 224, 226
 Chong Fakwei, Jeneral, 290, 291, 328-
 329
 Chou En-Lai, 86-90, 105-106, 108-109,
 166-167, 170-171, 173-174, 241, 310-
 311, 350-351, 364-365, 368-369, 380
 Choulamany (Singkapo), 162, 180-181,
 189-190
 Chu Van Tam, 295-296, 298
 Chulalongkon, 137
 C.I.A. (Central Intelligence Agency),
 74, 95, 179, 189, 199, 346, 357, 359,
 383
 Clement (Etienne) 228
 Clifford (Clark), 400
- Cloche Felee (La)*, 240, 243-244
 "College du Protectorat", 31
 Collins (Jen. Lawton), 358
 Commanille, M., 37
Compagnie Saigonnaise de Navigation,
 145
 Coste-Floret (Paul), 329, 330, 331
 Couve de Murville (M.), 396-397
 Cu Huy Can, 295-296, 297
 Cuong De, 218-220, 223-224, 226, 227,
 228, 229-230, 231, 263, 273-274, 275-
 276, 287-288, 289
- Dai Viet*, 74, 300, 301-302, 309-310,
 345-346, 347, 372
Dai Viet Cach Mang Dang, 288, 289,
 293-294,
Dai Viet Quoc Dan 288
Dan Chu Dang (Parti Demokrat), 302,
 314, 386-387
 Dan Chu Hoi Dang, 328
 Dang Thai Mai, 274
 Dang Van Sung, 372, 386
 Dang Xuan Khu, 270, 274-275, 276-
 277, 278, 279-280, 305-306, 309-310
 Dao Duy Auh, 252, 254-255
Dao Xen, lihat Hoa Hao
 Dap Chhuon, 70-71, 72-73, 95-96
 Darlan, 46-47, 284, 286-287
 Dauphin-Meunier, A, 101-102, 169,
 172-173
 De Tham, *lihat* Hoang Hoa Tham
 Decoux (Laksamana, Jean) 46, 47-48,
 50-51, 54-55, 153-156, 278-279, 283-
 286, 292-293, 294
 Deo Van Tri, 138-139
 Deuane (Kolonel), *lihat* Sipraseuth
Dhammayut, 32, 47, 48
 Diderot, 221
 Dinh Xuan Quang, 326
 Doung Du (Pergerakan), 219
Dong-Duong Cong-San Dang, lihat
 Parti Komunis Indo-China
 Dong Khanh, 208-209, 211-215, 231-
 232
 Doug-Kinh Nghia-Thuc, 223
Dong Minh Hoi 290-292, 301-302, 303,
 307, 309-310, 314, 316, 318-319, 328-
 329, 330-331
 Doudart de Lagree 21, 22, 135-136

- Doumer (Paul), 30, 33-34, 35, 37-38,
 142-145, 212, 213, 228-229
 Dulles (John Foster), 76, 86, 92-93, 349,
 358-359, 361-362, 363-364
 Duong Ba Trac 223, 226
 Duong Bach Mai 270, 277-278
 Duong Duc Hien, 296
 Duong Van Minh, 100-101, 391
 Duy-Tan Hoi, 219, 220, 225, 231, 232

Echo annamite, 240
Ecole Francaise d'Extreme Orient, 37
 Eisenhower (Dwight), 93, 95-96, 165-
 166, 349, 357-358, 374, 379-380

 Fa Ngum, 130, 135-136
 Faure (Edgar), 363-364
 Fay Dang, 161-162
 Fernandez (Sosthene), 118-119
 Ferry (Jules), 26
France-Indochine 261

 Gallini, 222
 Gallois, 58
 Gandhi, 239
 Garnier (Francis), 208
 Gaulle (Jeneral de), 91, 100, 105, 108,
 112, 192, 278, 291, 296, 384, 390,
 391, 393,
 Georges-Piccot, 67
 "Gerakan Kebangsaan Democratic
 Vietnam Selatan" 373, 375
 "Gerakan Revolusi Nasional", 365
 Gia Long, Maharaja, 17, 133,
Giai Phong Hoi, 290, 292
 Giap, *lihat* Vo Nguyen Giap
 Gilbert, 331
 Godart (Justin), 270
 Golongan Trotsky, 267, 269-273, 274-
 278, 297
 Goldberg (Arthur), 399
 Gordon Wacker, 397
 Groslier, M., 43
 Groslier, B., 13

 Ha Ba Cang, *lihat* Hoang Quoc Viet
 Ha Huy Tap, 276, 280
 Ha Thuc Ky, 372
 Ham Nghi, 138, 209, 214, 220, 230
 Hammarskjold, D., 180

 Hara, Kaptan, 54
 Harkins, Jeneral P. 384, 389-390, 391
 Harriman (Averell), 401
 Harison, 236
 Hayashi (Kolonel), 56
 Hem Chieu, 47, 48
 Hiap Hoa, 208
 Ho Chi Minh, 109, 158, 164, 290, 296,
 298, 300, 302, 305-312, 314-316, 318,
 322, 323, 326-336, 337-341, 346-351,
 355, 359-363, 364, 369, 371, 375,
 378-380, 403, 404, 406, 407, *lihat*
juga Nguyen Ai Quoc
 Ho Ta Khanh, 294
 Ho Thong Minh, 382
 Ho Tung Mau, 241, 154
 Ho Van Nga, 300
 Hoa Hao, 277, 286-289, 294, 297, 303,
 311, 328, 346, 356-359, 362, 372, 376,
 377, 383, 386
 Hoang Cao Khai, 211
 Hoang Hoa Tham (De Tham), 209, 220,
 226 229-230
 Hoang Minh Giam, 274-375, 329-332,
 339-340
 Hoang Quoc Viet (Ha Ba Cang), 297,
 305-306, 309-310, 321-322
 Hoang Van Thai (Jeneral), 392-393
 Hoang Van Thu, 279-280
 Hoang Xuan Han, 293-294
 Hong Son, *lihat* Le Van Phan
 Hou Nim, 120, 122
 Hou Youn 120, 122
 Huard (kolonel), 73-74
 Huy Kanthoul, 73-74
 Huynh Cong Mau, 374
 Huynh Phu So, 276-277, 286-289, 328-
 329
 Huynh Tan Phat, 109-110, 403
 Huynh Thuc Khang, 217-218, 226, 243-
 244, 245, 307, 314
 Humphrey (Hubert), 402

 Ieu Koeus, 72-73
 Insisiengmay (Leuam), 159, 179-180,
 183
Internationale (III^e), *lihat* Komintern

 Jaures (Jean), 227-228
 "Jawatankuasa bagi mempertahankan

- kepentingan Negara" (C.D.I.N.)
179-183
- "Jawatankuasa penasihat", 306
- Jayavarman I, 7
- Jayavarman II, 8
- Jayavarman VII, 9-10, 11, 101-102
- Jayavarman VIII, 9, 11
- Johnson (Lyndon B.) 105, 107, 190-191, 194, 383, 391, 392, 393-401
- Jones, 236
- Kang Yu-Wei, 216
- Katay, lihat Sasorith
- Kato, 5-6, 7, 284, 286-287
- Kayson, lihat Phomviham
- Kempeitai*, 46-47, 48, 53-54, 56-57, 280-281, 287-288, 289, 293-294
- Kennedy (John F.) 97-98, 100-101, 186-187, 188-189, 381-384, 389-392
- Kesatuan Sekerja di Amerika, 365
- Khai Dinh, 231-232, 238-239, 242-243, 261
- Khammao (Phaya), 157-158, 159-160
- Khieu Samphan, 120, 122
- Khim Tit, 56-60, 69-70, 93-94
- Khmer Issarak*, 62, 65-69, 70-71, 73-74, 76-77, 77-78, 84
- Khmer Krok*, 74
- Khmer Serei* (Gerakan), 96-97, 100-101, 107, 117-118
- Khrouchtchev (Nikita S.), 186-187, 367-368, 370, 375, 376, 379, 380, 395-396
- Kolej Sisowath, 37
- Komadan, 144, 200
- Komadan (Sithone), 165, 166
- Komintern, 238-239, 242-243, 244-245, 246, 252, 254-255, 257-258, 266-269, 277-278, 279
- Komunis, 299, 300, 303, 309, 321, 325, 356, 381
- Komuniti Sosialis Rakyat
(*Sangkum Reastr Niyum*), 81-87, 91, 94-98, 100-104, 105, 110-113
- Kong Le, 96-97, 183, 184-185, 189-190, 191-192, 196-197, 382-383
- "Kongress Indo-China", 270
- Kossamak, 97-98
- Kosygin (Alexei), 396
- Krestintern*, 246
- Kublai Khan, 11
- Kubota, 50-55
- "Kumpulan 1884", 271
- "Kumpulan Nasionalis", 303, 304, 307
- Kuomintang, 218, 229, 241, 246, 251, 252, 272, 274, 276, 278, 289, 301, 303, 305, 328, 330
- La Grandiere (laksamana) 20-21
- Laniel (Joseph), 77-78, 350-351, 352-353, 358-359
- Lansdale (Kolonel Edward) 346-347, 356-357, 358-359
- Lao Dong*, 164-165, 343-344, 355-356, 367-371, 375, 376, 379-382, 385, 387-388, 392-393, 397-398, 408
- Lao Isara*, 157-158, 159, 160-165, 167-168, 174-175, 181-182
- Lattre de Tassigny (Jeneral de), 342-345
- Le, 130-131.
- Le Boulanger, 131-132, 134-135
- Le Duan, 277-278, 344-345, 377, 381, 282, 292-293, 404
- Le Duc Diem, 251
- Le Duc Tho, 381, 392-393
- Le Duy Mat, 132-133
- Le Fol, 260
- Le Hong Phong, 241, 252, 267-268, 269, 275, 280-281
- Le Khai Trach, 364-365
- Le Loi, 130-131
- Le Van Hien, 307
- Le Van Hoach, 327, 330-331, 334-335
- Le Van Huan, 226, 243-244, 245, 246-247
- Le Van Phan (Hong Son), 241, 245-246
- Le Van Trung, 272-273, 274
- Le Van Vien (Bai Vien), 336-337, 357-358
- Leclerc (Jeneral), 59, 303, 317-318, 326
- Leng Ngeth, 80-81
- Lenin 239
- Leroy (Kolonel), 372
- Li Fupchun, 381
- Li Li-san, 255-256, 257-258
- Li Sien-nien, 188-189
- Liang Ki-tchao, 215-216, 217-218
- Lio Chung-kai, 244-245
- Lien Viet*, 314, 318-319, 341, 343-344,

- 355-356, 362-363, 382-383
Liga Komunis Indo-China, 254
Lin Piao, 185, 341
Liou Chao-chi, 99-100, 343-344, 367-368, 370, 379, 380, 392-393
Lon Nol, 45-46, 72-73, 74, 84, 109-110, 112, 113-122
Long (Maurice), 238-239, 240, 243-244
Lu Han, 301-302
Lutte (La), 267, 271, 297
Ly Nhann Dang, 260
Lyautey, 221-222
- Mac (Dinasti), 131
 Majelis Kolonial (*Conseil Colonial*), 210
 Majelis Perhimpunan Peribumi, 37
 "Majlis Persekutuan Indo-China", 286
 Malenkov (G) 391-392
 Malraux (Andre), 263
 Manaki (Jeneral), 53-54
 Mandel (Georges), 44, 274-275
 Mao Tze-tung, 121-122, 164-165, 255-258, 277-278, 280-281, 321-322, 332-333, 338-339, 367-368, 370, 371, 376, 379-380, 390, 395-396
 Matsui (Jeneral Iwane), 288
 Matsumoto, 292-293
 McArthur (Jeneral Douglas) 391, 393-394
 McNamara (Robert), 188-189, 391-392, 401
 Meas Nal, 54-55
 Mendes France (Pierre), 350-351, 352, 356-360,
 Merlin (Martial), 240, 241, 242-243
 Messmer (Pierre), 101-102, 327, 330-331
 Miche (Mgr), 19-22
 Milles-Lacroix, 227-228 Minh Mang, 134-135, 138-139
Mohanikai, 32, 47
 Mollet (Guy), 365-366
 Molotov (V) 350-351
 Mongkut (Rama IV), 135-136
 Monipong, 44, 59-60, 72-73
 Monireth, 44, 45-46, 55-56, 59-65, 66-67, 72-73, 93-94, 95-96
 Moniving, 40-46
 Montesquieu, 215-216, 221-222
 Montigny (de), 19-20
- Morliere (jeneral), 321-322
 Morse (Wayne), 395-396
 Mouhot, 135-136
 Moutet Marius, 272, 315, 320, 322
 Mukhitdinov, 381
 Mus (Paul), 330
- Nagaravata*, 54
Nam Dong Thu Xa, 251
Nam Phong, 237
 Napoleon III, 19-20, 21-22
 Nasionalis, 173, 179
 Navarre (Jeneral Henri), 346-347, 348
 Nehru (Jawaharlal), 85-86, 88-89, 170-171, 172, 185-186 361-362, 363, 371, 379
Neo Lao Isara, lihat *Lao Isara*
Ngay Nay, 274
 Ngo Dinh Can, 373
 Ngo Dinh Diem, 92-93, 95-96, 97, 99-100, 101, 174-175, 262, 263, 288-289, 293-294, 300, 310-311, 321-322, 326, 333-334, 335, 345-346, 350-351, 352-353, 356-360, 361-367, 370, 372-375, 378-383, 386, 387, 389-391
 Ngo Dinh Kha, 262
 Ngo Dinh Khoi, 300
 Ngo Dinh Nhu, 179-180, 345-346, 347, 363-364, 365-366, 389-391
 Ngo Gia Tu, 254-255
 Ngo Than Nhon, 318-319
 Nguyen, 130-131, 206-207, 405
 Nguyen Ai Quoc, 244-248, 252, 254-255, 256, 257-258, 260, 267-268, 269, 276-277, 280-281, 289-290, 298 *lihat juga* Ho Chi Minh
 Nguyen Au Ninh, 240, 243-244, 251, 254-255, 267-268
 Nguyen Binh, 310-311, 313, 313, 318-319, 320, 328-329, 344-345
 Nguyen Cao Ky, 394-395, 397-398, 399, 400, 402, 404
 Nguyen Chanh Thi, 375, 398-399
 Nguyen Chi Thanh, 341, 392-393
 Nguyen De, 262, 263
 Nguyen Duy Trinh, 399
 Nguyen Hai Than, 218-219, 231-232, 256-257, 289-290, 291-292, 307, 316, 328-329
 Nguyen Hien, 222-223

- Nguyen Huu Bai, 260-262
 Nguyen Huu Tho, 358-359, 387-388, 403
 Nguyen Khanh, 191-192, 391, 393-394, 395
 Nguyen Luong Bang, 276-277, 295-296, 304-305
 Nguyen Manh Ha, 298, 326, 386-387
 Nguyen Phan Long, 237-238, 240, 242-243, 269-270, 272-273, 342-343
 Nguyen Tan Cuong, 314
 Nguyen Thai Hoc, 243-244, 251, 255-256, 257
 Nguyen The Truyen, 246-247
 Nguyen That Than *lihat* Nguyen Ai Quoc
 Nguyen Thuong Hien, 229-230, 231
 Nguyen Ton Huan, 372
 Nguyen Trac, 262
 Nguyen Tuong Tam, 273-274, 288-289, 291-292, 295-296, 307, 309-312, 316, 328-329
 Nguyen Van Cu, 275-278, 280-281
 Nguyen Van Hinh (Jeneral), 356-359
 Nguyen Van Sam, 288-289, 297, 328-329
 Nguyen Van Tam, 314, 346-347
 Nguyen Van Tao, 267-268, 269-270, 277-278
 Nguyen Van Thieu, 394-395, 397-398, 400, 402, 403, 404
 Nguyen Van Thinh, 268-269, 272-273, 314, 318-321, 327
 Nguyen Van Tuong, 208-209
 Nguyen Van Xuan (Jeneral), 319-320, 334-339, 372
 Nguyen Van Xuyen, 295-296
Nhan Dan, 364, 366-367, 376
 Nhiek Tioulong, 56-57, 59-60, 69-70, 95-96
 Nixon (Richard), 108-109, 119-120, 349, 393-394, 403-404
 Nolting (F), 383
 Norindeth, 64-65, 66, 84
 Norodom (Ang Voddey), 19-22, 25-31, 34-35, 40-41, 45-46
 Norodom Kantol, 103-104, 109-110
 Norodom Montana, 64-65
 Norodom Phanuvong, 40-41
 Norodom Phurissara, 108-109, 118-119
 Norodom Sihanouk, *lihat* Sihanouk
 Norodom Suramarit, 80-81, 97-98
 Norodom Sutharoth, 40-41, 45-46
 Nosavan (Phoumi), 180-186, 188-189, 190-194
 Nouhak, *lihat* Phoumsavarn

Obbreach, 35
 Okuma (Count), 218
 Ong Nam, *lihat* Chao Ong Nam
 Orang Buddha, 259, 273, 274, 276, 311, 390, 393, 395, 398
 Orang Katolik, 310, 312, 331, 333, 345, 347, 355, 357, 360, 365, 372, 378, 386, 394
O.S.S. (Office of Strategic Services), 291-292, 294-295, 296, 304-305, 328-329, 345-346 *lihat juga* C.I.A.
 Oum Cheang Sun, 72-73, 84
 Oum Mannorine, 117-118, 119
 Oun Keo, 137
 Oun Kham, 135-136, 137, 139, 141-142
 Outey, 11, 15, 16-17

 Panya, Kamphan, 60-61
Paria (Le), 246
 Parsons (Graham), 174-175
 Pasquier (Pierre), 41-42, 262
 Patenotre, 208-209
Pathet Lao, 158, 159, 165-173, 175-176, 180-181, 182, 184-185, 186, 189-190, 191-194, 196-197, 200 *lihat juga* "Barisan Patriotik Laos"
 Pakatan Tentera Kebangsaan, Demokratik dan Aman (A.F.N.D.P.), 401, 403
 "Parti *Constitutionaliste*", 240, 269, 273, 276, 288, 300
 Parti Demokrat, 66-75, 84-87, 273
 Parti Demokrat Kebangsaan, 84
 Parti Komunis China, 255, 266, 277, 281, 304-305, 317-318, 343-344, 345-346
 Parti Komunis Indo-China 254, 257, 259, 266-278, 279-281, 289-292, 300, 303, 309, 331, 343
 Parti Komunis Perancis, 245, 266, 270, 276, 304, 315, 326
 Parti Liberal, 64, 69-70, 84-87
 Parti "Movement Republicain Popu-

- laire", 311
- Parti Pekerja (*Phak Khon Ngam*), 173
- Parti Pembaharuan Khmer, 69, 84
- Parti Persatuan Kebangsaan Kemboja, 69
- Parti Progresif, 65
- Parti Progresif Laos, 165, 172, 173
- Parti Rakyat, 84
- "Parti Revolusi", 365, 389
- Paulkon (Constantin), 15
- Pavie (Auguste), 30-31, 138, 139, 141-142, 143
- Paxasangkhom*, 182
- "Pejabat gabenor-gabenor Indo-China", 211, 212, 229, 248, 285
- Penn Nouth, 54-55, 56-57, 66-67, 69-70, 72-73, 74-75, 76-77, 78-79, 80-81, 84, 114-115, 121-122
- "Perhimpunan Demokrat Progresif", 377
- Petail (Marechal), 153
- Pethsarath (Tiao), 153, 155, 156, 157-163
- Petrasy (Soth), 195-196
- Pham Cong Tac, 273-274, 286-287, 328-329, 372
- Pham Hong Thai, 241
- Pham Huy Co, 389-390
- Pham Ngoc Thach, 293-294, 298, 299, 339-340
- Pham Ngoc Thuan, 318-319
- Pham Quynh, 237-238, 239, 243-244, 245, 246-247, 248, 261-263, 276-277, 293-294, 300
- Pham Thanh Tai, 223-224
- Pham Thieu, 318-319
- Pham Van Bach, 303-304, 318-319
- Pham Van Dong, 86-87, 105-106, 170-171, 143-244, 260, 267-268, 269-270, 274-275, 277-278, 291-292, 295-296, 298, 311-312, 315, 329-330, 349-352, 359-362, 364-365, 366-367, 368, 370, 371, 375, 376, 379, 380, 381, 385, 392-393, 396-397
- Pham Van Hum, 275-276
- Phan Anh, 293-294, 307, 330-331, 370
- Phan Boi Chau, 217-220, 223-226, 229-232, 236, 237-238, 242, 242-243, 244-245, 246, 257, 275-276, 289-290, 405
- Phan Chau Trinh, 217-224, 226-229, 235-238, 242-243, 244, 245-246, 247, 251, 405, 407
- Phan Dang Luu, 277-278
- Phan Dinh Phung, 209-210, 217-218
- Phan Huy Dan (Phan Quang Dan), 307, 326, 334-335, 345-346, 372, 374, 382-383, 389-390
- Phan Huy Quat, 345-346, 381, 385, 394-395, 397-398
- Phan Ke Toai, 294-295, 296-297
- Phan Khac Suu, 381, 394-395
- Phan Xich Long, 299-230, 231-232
- Phibun Songkhram, 151-152
- Philastre, 207-208
- Pho Proeung, 54-55
- Pholsena (Quinim), 174-175, 189-190
- Phoumi Nosavan, *lihat* Nosavan
- Phoumi Vongvichit, *lihat* Vongvichit
- Phoumvihan (Kaysone), 161-162, 164-165
- Phoumsavan (Nauhak), 166-167
- Phuc Quoc Ho*, 275-276, 279-280, 287-290, 291-292, 293-294, 297, 301-302
- Phuc Viet*, 241, 242-243, 246-247, 251
- Pignon (Leon), 70-71, 323, 336-337, 338, 339-340
- Pinay (Antoine), 379-381
- Pineau (Christian), 90-92
- Poc, 16-17
- Poc Chhoeum, 47-48, 54-57, 61-62, 65-66
- Poukombo, 25
- Prachacheon, 84-87, 90-92, 97-98
- Pressence (F.de), 227-228
- Proces de la Colonisation Francaise (Le)*, 246-247
- Putera Bongsu, 45
- Putera Sulong, 45
- Quang Trung, 206-207
- Quinim Pholsena, *lihat* Pholsena
- Quoc Xa*, 288-289
- "Raja-raja gunung", 6
- Rama III, 17-18
- Rama IV (Mongkut), 19-22
- Rama Khamheng, 10-11
- Ramadhipati, 12-13
- Ramadier (Paul), 327, 329-330
- Revers (Jeneral G.), 341, 342-343

SEJARAH INDO-CHINA MODEN

- Reynand (Paul), 261, 272-273
 Riviere, 207-208
 Robin, 263, 269-270
 Rogers (William), 403, 404
 Rostow (Walt W.), 384, 386-387, 391-392
 Rouanet, 228-229
 Rousseau (J.J.), 215-216, 221-222
 Rusk (Dean), 188-189, 391, 394-395, 397-398, 399
- Sai Ong Hue, 131-132
 Sailendra, 8
 Sainteny (Jean), 295-296, 298, 299, 305-306, 308-309, 310-311, 314, 321-322, 357-358, 359-360
 Salan, Raoul (Jeneral), 315
 Sam Sary, 78-79, 80-81, 85-86, 93-97
 San Yun, 93-94
 Sananikone (Phoui), 90-92, 163, 165-168, 172-173, 179-182, 376
 Sarin Chhak, 121-122
 Sarit Thanarat, 90-92, 100-101, 181-182
 Sarraut (Albert), 37-38, 150-151, 228-231, 232, 235-236, 237-240, 247-248
 Sasorith (Katay D.), 161-162, 163, 165-166, 167-175, 177-180
 Savang Vatthana, 153, 155-156, 158-161, 170-171, 175-176, 181-182, 188-189, 195-196
 S.E.E.M.I., 146
 Setthathirat, 131-132, 142-143
Shantiphab (Keamanan), 175, 176, 181-182, 183
 Si Votha, 20-21, 25
 Siao Wen, 289-290, 301-302, 307, 328-329
 Sihanouk (Norodom), 45-46, 53-54, 55-60, 64-65, 68-73, 74-101, 103-122, 185-186, 187, 191-192, 392-393, 395-396
 Siho (Kolonel), 191
 Sim Var, 74-75, 84, 93-94
 Sindiket galian Laos, 144-145
 Singkapo Choulamany, *lihat* Choulamany
 Sipraseuth (Kononel Deuane), 189-190
 Sirik Matak (Sisowath), 73-74, 114-119, 121-122
- Sisavang Vong, 144, 150-151, 153, 157-160, 163, 181-182, 183
 Sisaouk na Champassak, 179
 Sisowath, 12-13, 28-29, 34-38, 40-41, 42, 45-46
 Sisowath Youthevong, 62-70
 Sithone Komadan, *lihat* Komadan
 Snow (Edgar), 395-396
 "Sokongan kepada Raja" (*Can Vuong*), 215, 218
 Somsanith, 181-182, 183
 Son Ngoc Thanh, 48, 55-61, 62-63, 68-69, 73-74, 75, 77-78, 80-81, 95-96, 97, 99-100, 101
 Son Sann, 66, 72, 84, 110-111, 114-115
 Song Deth, 74
 Sonn Voeunsai, 72-73
 Souk Vongsat, 190-191
 Souphanouvong (Tiao), 158-167, 169, 170-171, 173-176, 178-179, 180, 181-182, 183, 185-186, 190-191, 193-196, 197-198, 379-380
 Souvanna Phouma I, 96, 112, 137-139, 376, 382-383, 392-393
 Souvanna Phouma II, 155-156, 158-159, 161-162, 163, 165-168, 172-175, 179-180, 181-199
 Souvannarath, 160-161, 162
 Spellman (Cardinal), 381
 Staley (E.), 387
 Stalin, 347
Ste des Etains du Common, 146
Su That, 331
 Sullivan (William), 193
 Sum Hieng, 55-56, 57, 59-60
 Sun Yat-sen, 218, 221-222, 223-224, 227-230, 236, 241, 251
 Suramarit, *lihat* Norodom Suramarit
 Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa, 80, 107, 171, 180, 185, 187, 191, 193, 366, 368, 392
 "Suruhanjaya Mengkaji", 270
 Suryavarman I, 8, 9-10
 Suryavarman II, 9-10
 Suryavongsa (Soulignavongsa), 131-132, 133
- Ta Quang Buu, 293-294, 330-331
 Ta Thu Thau, 267-268, 275-276, 277-278, 300

- Tadakuma (Lt.), 53
 Tak Sin, 15
 Tam Tam Xa, 241, 245-246
 Tan Pa, 53
 Tan Viet Nam, 251, 252, 254-255
 Tan Meng Hui, 218
 Tardieu (Andre), 261
 Taylor (Jeneral Maxwell), 384, 386-387, 391-392, 394-395, 398-399
 Tayson, 16, 132-133, 206-207
 Tentera Kebangsaan Vietnam, 356
 "Tentera Pembebasan Rakyat", 383, 388
 "Tentera Pembebasan Rakyat Lao", (A.L.P.), 195, 197
 "Tentera Pembebasan Selatan", 378, 380
 Tentera Rakyat Vietnam, 166, 167, 169, 341, 345, 348-351, 355, 360, 378
 Tentera Viet Minh, 78
 Tep Phan, 79
 Texaco, 289-290
 Thanat Khoman, 95
 Thang Long (Ecole), 274
 Thanh Nien, 245-248, 251-255, 260
 Thanh Nien Ai Quoc Doan, 288
 Thanh-Nien Tien-Phong (Jeunesses d'Avant-Garde), 294-295, 311-312
 Thanh Thai, 212, 213, 223-224, 225, 231-232
 Thant (U.), 399
 Thao Ma, 196-197
 Thich Tri Quang, 393-394, 398-399
 Thierry d'Argenlieu (Laksamana G.), 59, 62-63, 303-304, 310-315, 317-318, 319-323, 325, 326, 408
 Thiet Thue, 307
 Thioun Mumm, 121-122
 Thommo Reachea, 13-14
 Thompson (R.G.K.), 386-387
 Thomson (Charles), 26-27
 Thongsy (Puteri), 154, 158-159
 Tiantha-Koumane, 135-136
 Tiao Anou, 132-133, 134-135
 Tiao Ngo, 132-133
 Tioulong, lihat Nhieck Tioulong
 Ton Duc Thang, 246-247, 303-304, 403
 Ton Quang Phiet, 242-243, 252
 Ton That Thuyet, 208-209, 210, 217-218
 Touch Kim, 114-115
 Tran Buu Kiem, 318-319, 402, 403
 Tran Cao Van, 230-231, 232
 Tran Chanch Thanh, 100-101, 365-366
 Tran Dinh Nam, 293-294
 Tran Huy Lieu, 242-243, 253, 277-278, 295-296, 297, 298
 Tran Kim Tuyen, 389-390
 Tran Mong Bach, 244-245, 246-247, 252
 Tran Phu, 256-257, 258, 260
 Tran Quang Vinh, 287-288, 289
 Tran Thien Khiem, 382-383, 404
 Tran Trong Kim, 288-289, 295-296, 297
 Tran Van An, 287-288, 289, 297
 Tran Van Chuong, 293-294
 Tran Van Do, 381
 Tran Van Giau, 267-268, 277-278, 297, 303-304, 310-311, 330-331
 Tran Van Huong, 394-395, 404
 Tran Van Huu, 342-343, 344, 357-358, 361-362, 363-364, 372, 386-387
 Tran Van Ly, 330-331, 334-335
 Tran Van Trach, 267-268, 275-276
 Tran Van Tuyen, 331-332, 381
 Tribune indigene (La), 237, 240
 Tribune indochinoise (La), 240
 Trinh Dinh Thao, 293-294, 358-359, 402
 Trinh Giang, 132-133
 Trinh Minh The, 346-347
 Truman (Harry), 295-296, 391
 Truong Boi Cong, 291-292
 Truong Chinh (Dang Xuan Chu), 331-332, 333, 343-344, 368-369, 371, 379-380, 392-393, 404, lihat juga Dang Xuan Khu
 Truong Dinh Tri, 330-331
 Truong Minh Giang, 17-18
 Tu Duc, 207-210, 230-231
 Tu Luc Van Doan, 274
 Tuby Lifung, 157-158m 184-185
 "Tuhan-Raja", 8
 Ung Hy, 53-54
 Ung Van Khiem, 318-319, 384
 "Union Intercolonials", 246
 "Universiti Indo-China", 222, 223
 Valluy (Jeneral Etienne), 317, 320-323, 329-330, 331-332, 333

SEJARAH INDO-CHINA MODEN

- Var Kamel, 59
 Varenne (Alexandre), 242-243, 244, 247-248, 253
 Viet Minh, 61-62, 65-66, 70-71, 77-78, 85-86, 90-92, 96-97, 281, 289-292, 294-298, 3000-307, 310-311, 314, 316, 319-320, 321-323, 325, 326, 328-332, 333-334, 335, 336-337, 338-339, 343-344, 349, 358-359, 372, 373, 380, 382
Viet Nam Cach-Menh Dang, 244, 247
Viet Nam Cach Menh Dong Minh Hoi lihat *Doug Minh Hoi*
Viet Nam Doc Lap Dong Minh lihat Viet Minh
 "Viet Nam Phuc Quoc Hoi", 229
Viet Nam Quoc Dang Dang (V.N.Q.D.D.), 251, 253, 255-256, 257, 274-275, 289-292, 301-302, 303, 307, 309-310, 314, 316, 318-319, 328-329, 331-332, 345-346, 347
Viet Nam Quoc Qua Doc Lap, 300
Viet Nam Tan-Bo-Dan Hoi, 244
Viet Nam Thanh Nien Cao Vong Dang, 251
Viet Nam Thanh Nien Dong Chi Hoi, lihat *Thanh Nien*
 Xinh Thuy, lihat *Bao Dai*
 Violette (Maurice), 227-228
 Vo Nguyen Giap, 164-165, 252, 274-275, 276-277, 278, 291-292, 295-296, 298-300, 304-305, 307, 308-309, 311-312, 315-318, 330-331, 341, 342-343, 344-345, 346-347, 348, 366-369, 381, 392-393
 Voltaire, 221-222
 Vongvichit, Phoumi, 164-165, 175-176, 179-180, 181, 193
 Voravong, Kou, 167-168
 Vorochilox, 371
 Vu Dinh Hoe, 295-296, 298
 Vu Hong Khanh, 289-290, 291-292, 307, 308-309, 316
 Vu Tam Auh, 389-390
 Vujovic, 245-246
 Wan Wathayakon, 66-67
 Wang Tsing-wei, 280-281
 Wedemeyer, 291-292
 Westmoreland (Jeneral), 391-392, 398, 400
 Wilson (Harold), 397-398
 "Winston Churchill Asia", 383
 Wusthof, van, 131-132
 Xuan, lihat *Nguyen Van Xuan*
 Xuan Thuy, 391-392, 401, 403
 Yem Sembaur, 69-74, 80-81, 118-119
 Youthevong (Putera), lihat *Sisowath Youthevong*
 Yuan Shi-kai, 230, 231
 Yukanthor (Putera), 34
 Yukanthor (Puteri), 74
 Yuvan, 54-55, 56-57, 62-63
 Zakarine, Raja, 139, 142, 144, 150